




2010 Laporan Tahunan

menghubungkan semua

HUBUNGAN KOMUNIKASI KOLABORASI

LAPORAN TAHUNAN

2010



hubungan


www.tm.com.my

Komunikasi Korporat Kumpulan
TELEKOM MALAYSIA BERHAD (128740-P)
Aras 8 [Sayap Selatan], Menara TM
Jalan Pantai Baharu, 50672 Kuala Lumpur
Malaysia



Laporan ini dicetak menggunakan bahan kitar semula dan mesra alam.

TELEKOM MALAYSIA BERHAD (128740-P)



kolaborasi







hubungan . komunikasi . kolaborasi .

Kami menyatukan semua dengan merapatkan jurang dan mewujudkan kesepaduan dalam kepelbagaian. Kami menyediakan sambungan tanpa sempadan, di mana aliran pengetahuan yang tiada gangguan, menjadikan impian dan keinginan satu kenyataan. Sama ada untuk tujuan peribadi, hiburan atau perniagaan, kemungkinannya tidak terbatas. Dengan jalur lebar berkelajuan tinggi UniFi, kami menembusi segala rintangan. Kami memperkukuhkan negara dan rakyat. Kami merintis segala kemungkinan. Segalanya mungkin menerusi hubungan.

fakta sekilas pandang



No.

1

Penyedia Jalur Lebar di Malaysia

• 760,000

premis sedia dipasang dengan rangkaian HSBB pada akhir Disember

• 87.6%

peningkatan PATAMI daripada RM643.0 juta kepada RM1,206.5 juta

• 2.1%

peningkatan hasil daripada RM8,608.0 juta kepada RM8,791.0 juta

• 249,000

pelanggan baru jalur lebar, menjadikan jumlah pelanggan jalur lebar kepada 1.68 juta

• 10,982

Streamyx hotspot di seluruh negara

Meningkatkan Kejayaan ke Tahap Lebih Tinggi dengan



Sejajar dengan kedudukan sebagai Peneraju Komunikasi Generasi Baru Malaysia, kami telah memperkenalkan dan melaksanakan Program Peningkatan Prestasi (PIP 2.0) bagi memenuhi keperluan pelanggan-pelanggan kami melalui inovasi yang berterusan dan kecemerlangan pelaksanaan.

Empat Teras Utama PIP 2.0:

Berorientasikan Pelanggan dan Peningkatan Kualiti

Kami sentiasa mara melangkaui sempadan untuk terus berada di hadapan dalam industri ini. Dengan memberi fokus terhadap kepuasan pelanggan, kami dapat meningkatkan kualiti pengalaman bagi pelanggan-pelanggan yang dihargai di setiap pusat transaksi pelanggan.

Pemikiran Satu Syarikat dengan Berorientasikan Pelaksanaan

Dengan peralihan modal insan yang menyeluruh ke arah perkembangan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB), kami bersedia berfungsi sebagai organisasi yang menumpukan kepada peningkatan pembangunan kemahiran agar dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan-pelanggan kami.



Kecemerlangan

Operasi Dan Produktiviti Modal

Dengan meningkatkan kecekapan operasi dan kos, kami dapat mengoptimumkan pelaburan perbelanjaan modal (CAPEX) seiring dengan peningkatan kecekapan pengurusan modal kami.

Kepimpinan

Melalui Inovasi Dan Kecemerlangan Komersil

Strategi pengurusan kami dibezakan melalui kecemerlangan komersil dan inovasi yang tertumpu kepada pertumbuhan perniagaan dan pelanggan dengan mempertingkatkan cadangan nilai dan keberkesanan jualan.

kandungan



notis mesyuarat agung tahunan

TARIKH 10 Mei 2011, Selasa
MASA 10.00 pagi
TEMPAT Dewan Serbaguna
Menara TM, Jalan Pantai Baharu
50672 Kuala Lumpur, Malaysia

- 10 Notis Mesyuarat Agung Tahunan
- 13 Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan
- 14 Kalendar Kewangan

Profil Korporat	16
Pencapaian Sepanjang Dua Abad	18
Pencapaian-Pencapaian Media Sepanjang Tahun 2010	20
Acara-Acara Korporat 2010	22
Anugerah & Pengiktirafan	26

Anugerah-Anugerah Yang Pernah Dimenangi TM	30
Maklumat Korporat	36
Struktur Korporat Kumpulan	38
Struktur Organisasi Kumpulan	39
Hubungan Dengan Pelabur	40
Produk Dan Perkhidmatan Kumpulan TM	44

rangka kerja korporat

Maklumat Penting Kewangan Kumpulan	46
Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan & Analisis Segmen Kumpulan	48
Prestasi Kewangan Suku Tahunan Kumpulan	50

Ulasan Kewangan Kumpulan	51
Penyata Nilai Ditambah	55
Pengagihan Nilai Ditambah	56

ulasan prestasi

Lembaga Pengarah	58
Profil Pengarah	60
Barisan Kepimpinan Kumpulan	68
Profil Barisan Kepimpinan Kumpulan	70

kepimpinan

Penyata Tadbir Urus Korporat	78
Penyata Lembaga Pengarah Ke Atas Kawalan Dalam	97
Laporan Jawatankuasa Audit	103

Penyata Audit Dalam	110
Laporan Jawatankuasa Risiko Lembaga	114
Maklumat Pematuhan Tambahan	119
Kod Etika Perniagaan	122

akauntabiliti

Penyata Pengerusi	126
Penyata Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan	130

perspektif

Perniagaan Retail	138
Peguna	138
Perusahaan Kecil Dan Sederhana	140
Perusahaan	142
Kerajaan	143
Perniagaan Wholesale	145
Perniagaan Global	148

Fungsi Perniagaan	152
Perniagaan Sokongan	152
Memacu Inovasi Menerusi HSBB	158
Antarabangsa & Domestik Infrastruktur & Rangkaian Gentian Optik Utama	160
Liputan TM Seluruh Dunia	162
Rencana: <i>New Media</i>	164
Ekonomi Asia Dan Sektor Telekomunikasi: Tinjauan & Pandangan	168

ulasan perniagaan & fungsi

Kecemerlangan Perkhidmatan Melalui Pengalaman Dan Hubungan Pelanggan Yang Lebih Bernilai	172
Membina Sebuah Negara Berasaskan Pengetahuan	176
Menggerakkan Modal Insan	179
Ke Arah Kecemerlangan Perniagaan	

Membina Keupayaan Menerusi Pembelajaran Dan Pembangunan Keselamatan, Kesihatan Dan Persekitaran Pekerjaan (OSHE)	182
Tanggungjawab Korporat	186
	190

inisiatif-inisiatif utama

penyata kewangan 200

maklumat lain 356	
Perangkaan Pegangan Saham	356
Senarai 30 Pemegang Saham Teratas	357
Modal Saham Dibenarkan Dan Diterbitkan	359

Nilai Buku Bersih Tanah & Bangunan	361
Penggunaan Hartanah	362
Direktori Kumpulan	363
Glosari	368
Borang Proksi	•



visi

“Untuk menjadi peneraju komunikasi generasi baru Malaysia yang memenuhi keperluan pelanggan menerusi inovasi dan kecemerlangan pelaksanaan”

lagu kristal


Mesti komited pada pelanggan
Dan berusaha sehabis upaya
Tunjukkan kesefahaman tinggi
Bertikiran terbuka sepanjang masa

Jujur ikhlas dan dipercayai
Pada rakan, teman dan semua
Amalkan hormat dan menghormati
Bekerja penuh dengan dedikasi

Korus:
Mari kita melangkah bersatu
Sajikanlah perkhidmatan bermutu
Merempuh segala cabaran
Pasti kita unggul selalu

TM terus maju jaya
Di bawah kepimpinan berwibawa
Dan dengan kesefahaman waja
TM kebanggaan negara

Korus:
Mari kita melangkah bersatu
Sajikanlah perkhidmatan bermutu
Merempuh segala cabaran
Pasti kita unggul selalu



misi

Untuk mencapai visi kami, kami telah menggariskan perkara-perkara berikut:

- Mencapai kecemerlangan khidmat pelanggan dan kecekapan operasi
- Mempertingkatkan gaya hidup dan pengalaman pelanggan dengan menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan generasi akan datang yang inovatif
- Mempertingkatkan prestasi perniagaan para pelanggan kami dengan menyediakan penyelesaian maklumat dan komunikasi yang bernilai tinggi
- Memberi nilai kepada pihak-pihak yang berkepentingan dengan merangsang nilai pemegang saham dan menyokong pertumbuhan serta pembangunan Malaysia

nilai-nilai kristal

1. Komitmen Menyeluruh terhadap Pelanggan
2. Kewibawaan Tanpa Kompromi
3. Hormat & Prihatin



notis mesyuarat agung tahunan

**DENGAN INI
DIMAKLUMKAN
BAHAWA
MESYUARAT AGUNG
TAHUNAN SYARIKAT
KE-DUA PULUH
ENAM (KE-26) AKAN
DIADAKAN PADA
JAM 10:00 PAGI,
HARI SELASA,
10 MEI 2011
DI DEWAN
SERBAGUNA,
MENARA TM, JALAN
PANTAI BAHARU,
50672 KUALA
LUMPUR, MALAYSIA,
UNTUK TUJUAN-
TUJUAN BERIKUT:-**

SEBAGAI RESOLUSI BIASA

1. Untuk menerima Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 serta Laporan-Laporan Pengarah dan Juruaudit berkaitan dengannya. **(Resolusi Biasa 1)**
2. Untuk mengisytiharkan dividen kasar akhir sebanyak 13.1 sen sesaham (ditolak Cukai Pendapatan sebanyak 25.0%) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010. **(Resolusi Biasa 2)**
3. Untuk melantik semula Pengarah-pengarah berikut, yang bersara secara giliran menurut Artikel 103 Tataurus Syarikat:-
 - i. Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa **(Resolusi Biasa 3)**
 - ii. Datuk Bazlan Osman **(Resolusi Biasa 4)**
 - iii. Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin **(Resolusi Biasa 5)**
 - iv. Dato' Danapalan T.P. Vinggrasalam **(Resolusi Biasa 6)**
 - v. Dato' Ir Abdul Rahim Abu Bakar **(Resolusi Biasa 7)**
 - vi. Quah Poh Keat **(Resolusi Biasa 8)**
 - vii. Ibrahim Marsidi **(Resolusi Biasa 9)**
 - viii. Riccardo Ruggiero **(Resolusi Biasa 10)**
4. Untuk meluluskan pembayaran yuran Pengarah-pengarah sebanyak RM1,116,000.00 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010. **(Resolusi Biasa 11)**
5. Untuk melantik semula Tetuan PricewaterhouseCoopers yang telah memberikan persetujuan sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 dan memberi kuasa kepada Pengarah-pengarah untuk menetapkan ganjaran mereka. **(Resolusi Biasa 12)**
6. Untuk membincangkan perkara-perkara lain di mana notis sepatutnya telah diterima.

DENGAN INI JUGA DIMAKLUMKAN BAHAWA bagi menentukan kelayakan ahli untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan ke-26 ini, Syarikat akan meminta Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd (Bursa Depository), menurut Artikel 74(3)(a) Tataurus Syarikat dan Seksyen 34(1) Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat), 1991 (SICDA) untuk mengeluarkan Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung (Rekod Pendeposit) setakat 29 April 2011. Hanya pendeposit yang nama mereka tercatat dalam Buku Daftar Ahli/Rekod Pendeposit setakat 29 April 2011 sahaja yang layak menghadiri atau melantik proksi untuk hadir dan/atau mengundi bagi pihak beliau pada mesyuarat ini.

NOTIS KELAYAKAN DAN PEMBAYARAN DIVIDEN AKHIR

NOTIS DENGAN INI JUGA DIBERI BAHAWA tertakluk kepada kelulusan ahli-ahli di Mesyuarat Agung Tahunan ke-26 yang akan diadakan pada 10 Mei 2011, dividen kasar akhir sebanyak 13.1 sen sesaham (ditolak Cukai Pendapatan sebanyak 25.0%) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 akan dibayar pada 15 Jun 2011 kepada pendeposit-pendeposit yang tersenarai dalam Rekod Pendeposit pada 26 Mei 2011.

NOTIS DENGAN INI JUGA DIBERI BAHAWA seseorang Pendeposit akan layak untuk menerima dividen hanya bagi:-

- Saham-saham yang didepositkan ke dalam Akaun Sekuriti Pendeposit pada atau sebelum jam 12:30 tengahari pada 24 Mei 2011 (bagi saham-saham yang dikecualikan dari Deposit Mandatori);
- Saham-saham yang dipindahkan ke dalam Akaun Sekuriti Pendeposit pada atau sebelum jam 4:00 petang pada 26 Mei 2011 (bagi Pindahan Biasa); dan
- Saham-saham yang dibeli di Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Securities) atas dasar kelayakan menurut Peraturan-peraturan Bursa Securities.

Pemegang-pemegang saham diingatkan bahawa selaras dengan SICDA, saham-saham yang tidak didepositkan di Bursa Depository pada atau sebelum jam 12:30 tengahari pada 1 Disember 1998 dan tidak dikecualikan dari Deposit Mandatori, telah dipindahkan kepada Kementerian Kewangan. Justeru itu, dividen bagi saham-saham tersebut akan dibayar kepada Kementerian Kewangan.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah

Idrus Ismail (LS0008400)

Zaiton Ahmad (MAICSA 7011681)

Setiausaha-setiausaha

Kuala Lumpur

15 April 2011



NOTA:

1. Ahli yang berhak menghadiri dan mengundi pada mesyuarat ini berhak melantik seorang proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihak dirinya. Seorang proksi tidak semestinya Ahli Syarikat dan peruntukan Seksyen 149(1)(b) Akta Syarikat, 1965 adalah tidak terpakai bagi Syarikat.
2. Ahli tidak boleh melantik lebih dari dua (2) proksi untuk menghadiri dan mengundi pada mesyuarat yang sama kecuali jika Ahli Syarikat itu adalah penama yang diberi kuasa di bawah peruntukan SICDA, di mana beliau boleh melantik sekurang-kurangnya satu (1) proksi tetapi tidak melebihi dua (2) proksi bagi setiap akaun sekuriti yang dipegangnya yang masih berbaki kredit saham-saham biasa Syarikat.
3. Sekiranya Ahli melantik dua (2) proksi, pelantikan itu adalah tidak sah kecuali bilangan saham yang diwakilkan kepada setiap proksi tersebut dinyatakan.
4. Suratcara pelantikan proksi hendaklah dibuat secara bertulis oleh pelantik atau wakil yang dilantik di bawah Surat Kuasa Wakil atau jika pelantik adalah sebuah perbadanan, suratcara itu hendaklah dimeterai dengan cop mohornya atau disempurnakan oleh pegawai atau wakil yang dilantik di bawah Surat Kuasa Wakil tersebut. Jika borang proksi ini dibuat secara bertulis oleh pelantik yang diberikuasa, ia harus diiringi dengan kenyataan "ditandatangani oleh pelantik yang berkuasa di bawah Dokumen Pemberikuasaan yang masih berkuat kuasa, yang mana tiada notis pemansuhan diterima". Jika borang proksi ini ditandatangani oleh wakil di bawah Surat Kuasa Wakil, ia harus diiringi dengan kenyataan "ditandatangani di bawah Surat Kuasa Wakil yang masih berkuat kuasa, yang mana tiada notis pemansuhan diterima". Sesalinan Dokumen Pemberikuasaan atau Surat Kuasa Wakil yang sah menurut undang-undang di bawah bidang kuasa di mana ia dibuat dan dilaksanakan, hendaklah dilampirkan bersama borang proksi tersebut.
5. Sebuah perbadanan atau mana-mana Badan Berkanun yang menjadi Ahli, boleh melalui resolusi pengarah-pengarah mereka atau pihak berkuasa yang berkaitan memberi kuasa kepada sesiapa yang difikirkan wajar sebagai wakil ke mesyuarat menurut Artikel 92 Tataurus Syarikat.
6. Suratcara pelantikan proksi berserta Surat Wakil Kuasa yang telah disempurnakan seperti yang dinyatakan dalam Nota 4 di atas, jika ada, mestilah dikemukakan ke Pejabat Pendaftar Saham Syarikat, Tricor Investor Services Sdn Bhd, Aras 17, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia tidak lewat dari 48 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi mengadakan Mesyuarat tersebut atau sebarang penangguhannya.

penyata mengiringi notis mesyuarat agung tahunan

PERSARAAN DAN PELANTIKAN SEMULA PENGARAH-PENGARAH YANG BERSARA PADA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-26

Selaras dengan Artikel 103 Tataurus Syarikat, Pengarah-pengarah yang akan bersara adalah seperti berikut:-

Artikel 103: Bersara secara giliran

- Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa
- Datuk Bazlan Osman
- Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin
- Dato' Danapalan T.P. Vinggrasalam
- Dato' Ir Abdul Rahim Abu Bakar
- Quah Poh Keat
- Ibrahim Marsidi
- Riccardo Ruggiero

Profil Pengarah-pengarah di atas dinyatakan dalam Profil Lembaga Pengarah di muka surat 61 hingga 66 di dalam laporan tahunan ini. Kepentingan Pengarah-pengarah dalam saham Syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan dinyatakan di muka surat 356 Laporan Tahunan ini.



22 FEBRUARI 2010

Pengumuman keputusan kewangan yang disatukan dan diaudit serta pengisytiharan dividen kasar akhir sebanyak 13.0 sen sesaham (ditolak Cukai Pendapatan sebanyak 25.0%) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

12 APRIL 2010

Pengeluaran Notis Mesyuarat Agung Tahunan ke-25 serta Laporan Tahunan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 serta Pekeliling Pemegang-pemegang Saham.

6 MEI 2010

Mesyuarat Agung Tahunan ke-25 Syarikat.

20 MEI 2010

Tarikh kelayakan penerimaan dividen kasar akhir sebanyak 13.0 sen sesaham (ditolak Cukai Pendapatan sebanyak 25.0%) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

27 MEI 2010

Pengumuman keputusan suku tahun pertama berakhir 31 Mac 2010 yang disatukan dan belum diaudit.

9 JUN 2010

Tarikh pembayaran dividen kasar akhir sebanyak 13.0 sen sesaham (ditolak Cukai Pendapatan sebanyak 25.0%) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

23 OGOS 2010

Pengumuman keputusan suku tahun kedua berakhir 30 Jun 2010 yang disatukan dan belum diaudit dan pengisytiharan dividen kasar interim sebanyak 13.0 sen sesaham (ditolak Cukai Pendapatan sebanyak 25.0%) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

7 SEPTEMBER 2010

Tarikh kelayakan penerimaan dividen kasar interim sebanyak 13.0 sen sesaham (ditolak Cukai Pendapatan sebanyak 25.0%) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

24 SEPTEMBER 2010

Tarikh pembayaran dividen kasar interim sebanyak 13.0 sen sesaham (ditolak Cukai Pendapatan sebanyak 25.0%) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

26 NOVEMBER 2010

Pengumuman keputusan suku tahun ketiga berakhir 30 September 2010 yang disatukan dan belum diaudit.

25 FEBRUARI 2011

Pengumuman keputusan kewangan yang disatukan dan diaudit serta pengisytiharan dividen kasar akhir sebanyak 13.1 sen sesaham (ditolak Cukai Pendapatan sebanyak 25.0%) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

15 APRIL 2011

Pengeluaran Notis Mesyuarat Agung Tahunan ke-26 dan Notis Mesyuarat Agung Luarbiasa serta Laporan Tahunan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 serta Pekeliling Pemegang-pemegang Saham.

10 MEI 2011

Mesyuarat Agung Tahunan ke-26 dan Mesyuarat Agung Luarbiasa Syarikat.

26 MEI 2011

Tarikh kelayakan penerimaan dividen kasar akhir sebanyak 13.1 sen sesaham (ditolak Cukai Pendapatan sebanyak 25.0%) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

15 JUN 2011

Tarikh pembayaran dividen kasar akhir sebanyak 13.1 sen sesaham (ditolak Cukai Pendapatan sebanyak 25.0%) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

rangka kerja korporat



16. Modul 1: Pengantar
17. Modul 2: Pengantar
18. Modul 3: Pengantar
19. Modul 4: Pengantar
20. Modul 5: Pengantar
21. Modul 6: Pengantar
22. Modul 7: Pengantar
23. Modul 8: Pengantar
24. Modul 9: Pengantar
25. Modul 10: Pengantar
26. Modul 11: Pengantar
27. Modul 12: Pengantar
28. Modul 13: Pengantar
29. Modul 14: Pengantar
30. Modul 15: Pengantar
31. Modul 16: Pengantar
32. Modul 17: Pengantar
33. Modul 18: Pengantar
34. Modul 19: Pengantar
35. Modul 20: Pengantar
36. Modul 21: Pengantar
37. Modul 22: Pengantar
38. Modul 23: Pengantar
39. Modul 24: Pengantar
40. Modul 25: Pengantar
41. Modul 26: Pengantar
42. Modul 27: Pengantar
43. Modul 28: Pengantar
44. Modul 29: Pengantar
45. Modul 30: Pengantar
46. Modul 31: Pengantar
47. Modul 32: Pengantar
48. Modul 33: Pengantar
49. Modul 34: Pengantar
50. Modul 35: Pengantar
51. Modul 36: Pengantar
52. Modul 37: Pengantar
53. Modul 38: Pengantar
54. Modul 39: Pengantar
55. Modul 40: Pengantar
56. Modul 41: Pengantar
57. Modul 42: Pengantar
58. Modul 43: Pengantar
59. Modul 44: Pengantar
60. Modul 45: Pengantar
61. Modul 46: Pengantar
62. Modul 47: Pengantar
63. Modul 48: Pengantar
64. Modul 49: Pengantar
65. Modul 50: Pengantar
66. Modul 51: Pengantar
67. Modul 52: Pengantar
68. Modul 53: Pengantar
69. Modul 54: Pengantar
70. Modul 55: Pengantar
71. Modul 56: Pengantar
72. Modul 57: Pengantar
73. Modul 58: Pengantar
74. Modul 59: Pengantar
75. Modul 60: Pengantar
76. Modul 61: Pengantar
77. Modul 62: Pengantar
78. Modul 63: Pengantar
79. Modul 64: Pengantar
80. Modul 65: Pengantar
81. Modul 66: Pengantar
82. Modul 67: Pengantar
83. Modul 68: Pengantar
84. Modul 69: Pengantar
85. Modul 70: Pengantar
86. Modul 71: Pengantar
87. Modul 72: Pengantar
88. Modul 73: Pengantar
89. Modul 74: Pengantar
90. Modul 75: Pengantar
91. Modul 76: Pengantar
92. Modul 77: Pengantar
93. Modul 78: Pengantar
94. Modul 79: Pengantar
95. Modul 80: Pengantar
96. Modul 81: Pengantar
97. Modul 82: Pengantar
98. Modul 83: Pengantar
99. Modul 84: Pengantar
100. Modul 85: Pengantar
101. Modul 86: Pengantar
102. Modul 87: Pengantar
103. Modul 88: Pengantar
104. Modul 89: Pengantar
105. Modul 90: Pengantar
106. Modul 91: Pengantar
107. Modul 92: Pengantar
108. Modul 93: Pengantar
109. Modul 94: Pengantar
110. Modul 95: Pengantar
111. Modul 96: Pengantar
112. Modul 97: Pengantar
113. Modul 98: Pengantar
114. Modul 99: Pengantar
115. Modul 100: Pengantar



TM merupakan pembekal penyelesaian komunikasi bersepadu terbesar di Malaysia, dan salah sebuah syarikat peneraju komunikasi di Asia, dengan permodalan pasaran sebanyak RM13.9 bilion dan tenaga kerja seramai 26,629. Ditubuhkan sebagai Jabatan Telekomunikasi Malaya pada tahun 1946, ia diswastakan pada tahun 1987 dan telah disenaraikan di Bursa Securities pada tahun 1990. Pertumbuhan seterusnya yang memberangsangkan telah membawa kepada pengasingan perkhidmatan talian tetap dan mudah alih TM pada tahun 2008, membenarkan TM untuk memberi tumpuan yang lebih mendalam kepada perniagaan terasnya, iaitu Internet dan multimedia, data dan talian tetap.



Hari ini, TM merupakan peneraju jalur lebar Malaysia, memarahkan visi Kerajaan untuk memupuk ekonomi yang didorong oleh pengetahuan. TM memainkan peranan penting dalam mencapai tahap 50.0% penembusan jalur lebar isi rumah pada 2010, di bawah Inisiatif Jalur Lebar Nasional (NBI), menerusi Streamyx, jalur lebar bagi masyarakat umum yang diperkenalkannya kepada negara pada 2001. Pada September 2008, TM mengambil peranan yang lebih besar dalam pembangunan jalur lebar apabila ia menandatangani perjanjian usahasama awam swasta dengan Kerajaan untuk melancarkan perkhidmatan premier Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) di Malaysia.

Dalam tempoh yang memecahkan rekod selama tujuh bulan, TM melancarkan perkhidmatan transmisi *wholesale* HSBBnya; dan pada Mac 2010, melancarkan perkhidmatan HSBB retail pertama Negara, dengan

jenama UniFi, di empat kawasan di Lembah Klang. Sejak itu perkhidmatan ini telah diperluaskan ke Iskandar Malaysia di Selatan dan kawasan Koridor Ekonomi Utara. Setakat 18 Mac 2011, jumlah pelanggan UniFi telah melebihi 60,000 dengan liputan melangkaui 60 ibu sawat dan lebih daripada 800,000 premis sedia dipasang. Sasarannya adalah untuk melepasi 1.3 juta premis pada penghujung 2012.

Untuk menyokong visi HSBB, TM menggantikan rangkaian legasi *Public Switched Network* (PSTN) dengan teras berasaskan IP. Seterusnya, ia juga membuka rangkaian HSBBnya kepada pembekal perkhidmatan yang lain, menandatangani perjanjian untuk penyediaan akses Wholesale HSBB kepada sebuah syarikat telekomunikasi utama pada Disember 2010. TM percaya dengan pemberian peluang yang adil dan saksama kepada pembekal-pembekal perkhidmatan yang lain untuk kebaikan pengguna. Akses terbuka juga menyokong

agenda Kerajaan untuk membangunkan sebuah pusat ICT dan multimedia yang berkembang di Malaysia.

Selain daripada sambungan tempatan, agenda ini menjadikan kapasiti global suatu keperluan yang boleh dibekalkan oleh TM melalui perluasan rangkaian sistem kabel dasar laut yang berterusan. Dengan sembilan rangkaian antarabangsa sedia ada, TM telah menjalinkan perkongsian dengan NTT Communication Corporation berpangkalan di Jepun pada 2010 untuk membina kabel persendirian pertamanya, Cahaya Malaysia, yang menghubungkan Malaysia dengan Hong Kong dan Jepun. TM juga melabur dalam Sistem Kabel Batam-Dumai-Melaka yang baru.

TM sedang memperkemas sistem dan proses dalamannya untuk mencapai keberkesanan kos yang lebih baik dan menggalakkan budaya lestari. TM sedang mengurangkan 700 sistem yang sedang digunakan sekarang kepada 300 dan seterusnya kepada hanya 70. Pada masa yang sama, anggota-anggota dilatih dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh sebuah syarikat telekomunikasi generasi akan datang yang memfokus kepada pertukaran maklumat. Objektif utama TM adalah untuk menghubungkan rakyat Malaysia, dan membolehkan mereka berkomunikasi dan berkolaborasi. Menuju ke arah objektif ini, organisasi yang

berorientasikan pelanggan ini terus meningkatkan perkhidmatan pelanggannya sambil membawa pelbagai produk yang inovatif dan bernilai tambah ke pasaran.

Dengan UniFi, TM telah berjaya memperkenalkan perkhidmatan tiga serangkai iaitu video, Internet dan telefon (VIP), sekali lagi yang pertama dalam industri.

Keseluruhan model perniagaan organisasi ini telah diselaraskan menurut enam segmen pelanggan utama TM iaitu Pengguna, PKS, Perusahaan, Kerajaan, *Wholesale* dan Global. Pada tahun 2010, segmen ketujuh – New Media – telah ditambah, menumpukan kepada pasaran ICT dan multimedia yang berkembang pesat yang diterajui oleh TM. Struktur perniagaan baru ini membolehkan sinergi yang lebih baik di antara bahagian dan membolehkan TM untuk mensasarkan tawaran produk dan perkhidmatannya dengan lebih spesifik kepada keperluan segmen yang berbeza. Untuk lebih meningkatkan pengalaman pelanggan, TM berusaha untuk menjadikan perkhidmatannya lebih mudah diakses melalui jaringan TMpoint yang bertambah dan portal layan diri yang selamat, di www.tm.com.my. Pada tahun 2010, TM juga melancarkan 15 *TMpoint on Wheels* (TMOWs) bergerak untuk memenuhi keperluan pelanggan di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Komitmen TM untuk berkhidmat kepada semua mencerminkan kesedaran Tanggungjawab Korporat (CR) yang mendalam yang menggarisi semua tindakan Syarikat. Inisiatif-inisiatif CR TM adalah berdasarkan Rangka kerja CSR bagi Bursa Malaysia untuk Syarikat Tersenarai di papan utama dan *Triple Bottomline Reporting*, yang mempertimbangkan kesan sesebuah Syarikat kepada ekonomi, sosial dan alam sekitar. Sebagai sebuah organisasi yang dahulunya badan Kerajaan, TM terus merapatkan jurang digital. TM juga memberi penekanan ke atas pendidikan, yang menjadi fokus Yayasan TM (YTM) sejak ditubuhkan pada 1994. Sehingga kini, YTM telah membantu impian pengajian 12,345 rakyat Malaysia, membelanjakan sejumlah RM408 juta untuk pendidikan mereka. Dalam masa yang sama, universiti swasta pertama negara yang telah ditubuhkan 14 tahun yang lalu iaitu Universiti Multimedia telah melahirkan sejumlah 26,070 graduan. Sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, TM juga menyedari tugasnya untuk mengurangkan jejak karbon dan mempertimbangkan kesan alam sekitar bagi semua keputusan perniagaannya untuk memastikan masa depan yang lestari. 'Penghijauan' TM ini membolehkannya memenangi kepujian dalam Anugerah CSR Perdana Menteri 2010, di mana Amalan Tempat Kerjanya dianugerahkan

terbaik dalam anugerah berprestij yang sama, dua tahun berturut-turut.

Kecemerlangan adalah satu amalan yang berterusan dalam Syarikat, dan ini dicerminkan oleh anugerah-anugerah yang diterima untuk hampir semua aspek operasi TM – daripada polisi sumber manusia, produk yang inovatif dan kualiti kepimpinannya. Pada tahun 2010, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa telah diberi penghormatan semasa Asia HRD Congress, untuk program-program pembangunan modal insan Syarikat.

Kecemerlangan ini meletakkan TM pada kedudukan yang baik untuk terus membekalkan keperluan komunikasi negara. Hari ini, lebih-lebih lagi, sumber TM yang meluas, kepakaran tanpa tandingan dan capaian tanpa bandingannya adalah penting untuk menggerakkan negara dalam memasuki fasa seterusnya bagi pembangunan ekonomi. Kerajaan telah mencartakan Program Transformasi Ekonomi yang bercita-cita tinggi yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan per kapita negara daripada US\$6,700 kepada lebih US\$15,000 pada tahun 2020. Dan TM bangga untuk menjadi rakan kerjasama Kerajaan dalam transformasi ini. Sekali lagi, negara dan Syarikat, kedua-duanya maju ke hadapan bersama-sama, ke arah masa depan yang lebih baik dan cerah.



1800an

- 1874** Pengenalan telefon di Perak
- 1882** Perak dan Pulau Pinang dihubungkan dengan telefon melalui kabel dasar laut
- 1891** Ibu sawat telefon pertama dilancarkan di Kuala Lumpur
- 1894** Sebuah kabel dasar laut menghubungkan Labuan dengan Singapura dan Hong Kong

1900an

- 1900** Perkhidmatan telefon magneto pertama diperkenalkan di Kudat, Jesselton (Kota Kinabalu) dan Sandakan
- 1908** Perkhidmatan pos dan telegraf diperbadankan
- 1926** Kemunculan komunikasi radio di negara ini
- 1946** Penubuhan Jabatan Telekomunikasi di Malaya
- 1962** Pengenalan kepada Pendailan Pelanggan Jarak Jauh (STD) antara Kuala Lumpur dan Singapura melalui sambungan gelombang mikro jarak jauh pertama
- 1963**
 - Peluasan rangkaian gelombang mikro seluruh Malaysia
 - Pelancaran perkhidmatan televisyen di Semenanjung Malaysia
- 1968** Jabatan Telekomunikasi Sabah dan Sarawak serta Semenanjung Malaysia bergabung membentuk Jabatan Telekomunikasi Malaysia
- 1970** Stesen satelit bumi pertama bertaraf antarabangsa dilancarkan di Kuantan, menandakan kemunculan siaran secara langsung di Malaysia
- 1975** Penubuhan Ibu sawat Teleks Automatik
- 1979** Pengenalan kemudahan Dail Terus Antarabangsa (IDD)

- 1980** Malaysia melancarkan kabel dasar lautnya sendiri yang menghubungkan Kuantan dan Kuching
- 1982** Pengenalan Telefaks dan Perkhidmatan Maritim Antarabangsa
- 1983** Pengenalan komunikasi data
- 1984** Pengenalan teknologi suis paket yang mendorong pembentukan rangkaian data awam Malaysia
- 1985**
 - Pemasangan perkhidmatan ATUR menggunakan teknologi radio selular analog 450 yang pertama di Asia
 - Sistem Radio Berbilang Akses diperkenalkan, menyediakan perkhidmatan akses telefon yang lebih mudah kepada pelanggan di kawasan pedalaman
- 1987** Jabatan Telekom Malaysia (JTM) diswastakan menjadi Syarikat Telekom Malaysia Berhad (STMB), entiti swasta yang pertama di negara ini
- 1988** Pengenalan Perkhidmatan Perniagaan INTELSAT digital
- 1989** Pengenalan perkhidmatan bebas tol 800
- 1990**
 - Pengenalan khidmat bebas tol antarabangsa dan kadfon prabayar (Kadfon)
 - Penyenaraian STMB di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan pengenalan logo baru syarikat
- 1991**
 - Penjenamaan semula Syarikat kepada Telekom Malaysia
 - Pengenalan Malaysia Direct dan Home Country Direct
- 1992** Pengenalan Persidangan Video dan CENTREX
- 1993** Pengenalan perkhidmatan ISDN
- 1996** Pengenalan perkhidmatan selular TMTouch digital 1800 MHz
- 1997** Pengenalan Corporate Information Superhighway (COINS), penyelesaian perniagaan canggih berkeupayaan tinggi Telekom Malaysia

2000


- 2001**
 - Pelancaran Bluehyppo.com, portal Internet gaya hidup Telekom Malaysia, yang mencatat lebih daripada 290 juta carian setahun
 - Pengenalan perkhidmatan jalur lebar
 - Telekom Malaysia menjadi rakan kongsi penting dalam pelancaran kabel dasar laut canggih Asia Pacific Cable Network 2 (APCN2)
 - Penubuhan TM Net sebagai Pembekal Perkhidmatan Internet terbesar di rantau Asia Tenggara
 - Pelancaran perkhidmatan telefoni tetap tanpa wayar CDMA
- 2002** Penganugerahan spektrum 3G kepada Telekom Malaysia
- 2003** Penggabungan di antara Celcom dan TMTouch membentuk operator selular terbesar di Malaysia
- 2004** Penstrukturan semula TM TelCo kepada dua Unit Perniagaan Strategik (SBUs) – TM Wholesale dan TM Retail
- 2005**
 - Telekom Malaysia melaksanakan penjenamaan semula dan TM telah diambil sebagai jenama baru
 - Pelancaran Perkhidmatan 3G – pertama di Malaysia
 - Pemerolehan kepentingan 27.3% dalam PT Excelcomindo Pratama Tbk, Indonesia
- 2006**
 - TM membentuk satu pakatan strategik dengan Vodafone dan menjadi Rakan Rangkaian Vodafone yang mempunyai jangkauan global lebih 179 juta pelanggan di seluruh dunia
 - Pelaksanaan penstrukturan semula fasa kedua TM menyaksikan terbentuknya 4 entiti perniagaan utama – Malaysia Business, Celcom, TM International dan TM Ventures

- XL, subsidiari TM di Indonesia memperoleh lesen 3G, sementara Dialog, subsidiari TM di Sri Lanka melancarkan perkhidmatan 3G pertama di Asia Selatan
- Pemerolehan 49.0% dalam baki Telekom Malaysia International (Cambodia) Company Limited, (dahulu dikenali sebagai Cambodia Samart Communications Ltd), Kemboja dan 49.0% kepentingan dalam Spice Communications Private Limited di India
- TM memulakan konsortium untuk membangunkan sistem kabel dasar laut, Gerbang Asia-Amerika, menghubungkan Asia Tenggara dan Amerika Syarikat
- 2007** • TM merupakan syarikat Malaysia pertama yang dinobatkan sebagai Pembekal Perkhidmatan Terbaik di Anugerah ICT Frost & Sullivan Asia Pasifik 2007
- Buku kenangan pertama bertajuk "Transformasi Sebuah Legasi" telah dilancarkan oleh Dato' Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia
- Pelupusan perniagaan Payphone TM kepada Pernec Corporation Berhad
- Syarikat bersekutu TM di India, Spice Communications Limited memulakan urus niaga di Bursa Saham Bombay dan menerima lesen Jarak Jauh Nasional dan Antarabangsa
- Kumpulan TM memulakan Langkah Pengasingan yang menghasilkan dua entiti berbeza – TM dan TM International (TMI)
- 2008** • Kumpulan TM telah diasingkan secara rasmi pada bulan April dan TMI disenaraikan sebagai sebuah entiti berasingan di Bursa Securities
- IRDA dan TM menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) untuk melantik TM sebagai Penyedia Telekomunikasi pilihan bagi wilayah Iskandar Malaysia
- TM menswastakan VADS sebagai sebahagian daripada pelan pertumbuhan strategiknya
- TM menerima tiga Anugerah Telekom Frost & Sullivan Malaysia 2008 termasuk Penyedia Perkhidmatan Suara Alternatif buat pertama kali
- TM menandatangani Perjanjian Perkongsian Awam-Swasta (PPP) dengan Kerajaan untuk melaksanakan projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB)
- TM memenangi lima anugerah NACRA 2008, termasuk Anugerah Emas untuk Kecemerlangan Keseluruhan, Perak untuk Tanggungjawab Sosial Korporat dan Reka bentuk Terbaik Laporan Tahunan
- TM dan Verizon bekerjasama untuk membangunkan dan memperbaiki keupayaan IP Tempatan
- 2009** • TM mengumumkan 'Terma-terma & Syarat-syarat Indikatif' bagi perkhidmatan HSBB (Wholesale)
- TM memenangi tiga anugerah Frost & Sullivan Malaysia 2009 termasuk Penyedia Jalur Lebar bagi tahun kelima berturut-turut
- MMU tersenarai dalam 200 Universiti Terbaik di Asia dalam QS.com Asia Universities Rankings 2009
- TM menandatangani perjanjian dengan Wi-Net sebagai pelanggan pertama HSBB (Wholesale)
- TM menyertai sebuah konsortium kabel dasar laut bagi membangunkan Gerbang Asia Pasifik (APG)
- Rangkaian infrastruktur utama TM dinaiktaraf kepada teknologi Rangkaian Generasi Baru (NGN)
- TM memulakan kerja-kerja fizikal bagi infrastruktur akses HSBB
- Gerbang Asia-Amerika Syarikat (AAG), sebuah kabel dasar laut baru yang menghubungkan Asia Tenggara ke Amerika Syarikat, memulakan trafik komersil
- TM memenangi empat anugerah di NACRA 2009, termasuk Anugerah Emas untuk Kecemerlangan Keseluruhan,
- Tanggungjawab Sosial Korporat dan Laporan Tahunan Terbaik dalam Bahasa Malaysia
- 2010** • *TMpoint On Wheels* telah dilancarkan untuk kemudahan pelanggan di kawasan yang kurang perkhidmatan
- TM menandatangani perjanjian dengan Manchester United sebagai Rakan Kongsi Telekomunikasi Integrasi Rasmi bagi kelab bola sepak Inggeris tersebut di Malaysia
- 20 rakan niaga kandungan bekerjasama dengan TM untuk membekalkan kepelbagaian kandungan untuk perkhidmatan IPTV TM
- TM memenuhi janjinya untuk melancarkan perkhidmatan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi generasi akan datang dengan jenama UniFi
- *TM Earth Camp* pertama untuk pelajar sekolah dengan kerjasama *Malaysian Nature Society* (MNS) diadakan
- TM dianugerahkan dengan Anugerah Majikan Prihatin daripada Kementerian Sumber Manusia untuk kali pertama, bersempena dengan sambutan Hari Pekerja 2010
- *Hypp TV*, perkhidmatan IPTV TM, menawarkan saluran-saluran linear, premium dan VOD kepada pelanggan UniFi
- TM memenangi anugerah Naib Johan Keseluruhan di *Malaysian Business-CIMA Enterprise Government Awards* 2010
- TM menandatangani perjanjian bersama Maxis sebagai pembekal perkhidmatan pertama yang melanggan HSBB (Akses) TM
- Pelaksanaan perkhidmatan HSBB TM, UniFi, mencapai lebih daripada 750,000 premis sedia dipasang dan 48 kawasan liputan
- TM memenangi lima anugerah di NACRA 2010, termasuk Emas untuk Kecemerlangan Keseluruhan dan Rekabentuk Terbaik dan Platinum untuk Tanggungjawab Sosial Korporat



RM2 billion tarik pelanggan UniFi

TM tarik pelangan di 750,000 premis, termasuk lebih 100,000 di



TM tingkat kemahiran usahawan

1. Meningkatkan kemahiran usahawan

TM kekal prestasi cemerlang

Unggah hasil operasi tahunan RM1.2 bilion



TM terus Mark Zuckerberg Duta jejaring jangka panjang



TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM

TM capai semua KPI

Capai semua KPI dengan nilai RM1.2 bilion tahun ini



UniFi: TM sasar 1.3 juta premis



HSBB tingkat pendapatan rakyat



Empat insentif Jalur Lebar Negara

Strategi agar semua masyarakat Malaysia kepada negara maju. Negeri

Kemajuan teknologi komunikasi dan media massa telah mengubah pola kehidupan masyarakat. Masyarakat kini lebih mudah untuk berkomunikasi dan berinteraksi. Ini kerana teknologi komunikasi dan media massa telah memudahkan akses kepada maklumat dan berita. Masyarakat kini lebih mudah untuk berkomunikasi dan berinteraksi. Ini kerana teknologi komunikasi dan media massa telah memudahkan akses kepada maklumat dan berita.



Empat insentif Jalur Lebar Negara

Tingkatkan khidmat Unifi tahun ini

TM sedia peruntukan RM2b

Telekom Malaysia Berhad (TM) mengumumkan bahawa syarikat ini telah menetapkan peruntukan sebanyak RM2 billion untuk meningkatkan khidmat Unifi tahun ini. Peruntukan ini akan digunakan untuk meningkatkan kualiti khidmat Unifi dan memperkenalkan perkhidmatan baharu. TM juga akan meningkatkan jumlah teknisi untuk meningkatkan kualiti khidmat Unifi.



TM sedia peruntukan RM2b

Sasar 5,000 pelanggan sebulan

TM menjangka untuk menambah 5,000 pelanggan Unifi setiap bulan.

Telekom Malaysia Berhad (TM) menjangka untuk menambah 5,000 pelanggan Unifi setiap bulan. Ini kerana TM telah meningkatkan kualiti khidmat Unifi dan memperkenalkan perkhidmatan baharu. TM juga akan meningkatkan jumlah teknisi untuk meningkatkan kualiti khidmat Unifi.



Sasar 5,000 pelanggan sebulan

England 'menakutkan' TM

Telekom Malaysia Berhad (TM) menjangka untuk menambah 5,000 pelanggan Unifi setiap bulan. Ini kerana TM telah meningkatkan kualiti khidmat Unifi dan memperkenalkan perkhidmatan baharu. TM juga akan meningkatkan jumlah teknisi untuk meningkatkan kualiti khidmat Unifi.



England 'menakutkan' TM

TM edar 200,000 komputer



Telekom Malaysia Berhad (TM) mengumumkan bahawa syarikat ini telah menetapkan peruntukan sebanyak RM2 billion untuk meningkatkan khidmat Unifi tahun ini. Peruntukan ini akan digunakan untuk meningkatkan kualiti khidmat Unifi dan memperkenalkan perkhidmatan baharu. TM juga akan meningkatkan jumlah teknisi untuk meningkatkan kualiti khidmat Unifi.



TM edar 200,000 komputer



TM rangkai anugerah berganda

TM rangkai anugerah berganda

Telekom Malaysia Berhad (TM) mengumumkan bahawa syarikat ini telah menetapkan peruntukan sebanyak RM2 billion untuk meningkatkan khidmat Unifi tahun ini. Peruntukan ini akan digunakan untuk meningkatkan kualiti khidmat Unifi dan memperkenalkan perkhidmatan baharu. TM juga akan meningkatkan jumlah teknisi untuk meningkatkan kualiti khidmat Unifi.





TM peroleh hak siaran MLTV



TM peroleh hak siaran MLTV



acara-acara korporat 2010



1. 11 Januari

Menyokong Kandungan Tempatan

TM dengan usahasama Multimedia Development Corporation (MDeC) telah menganjurkan sebuah program pendidikan multimedia, *Digital Story Telling*, untuk memberi lebih pendedahan tentang manfaat ICT dan aplikasinya di kalangan pelajar sekolah.

2. 17-20 Januari

Majlis Telekomunikasi Pasifik (PTC) 2010

Sebagai Penaja Platinum untuk Majlis Anugerah PTC 2010, TM telah berjaya mengembangkan pendedahan jenamanya di rantau Amerika dan juga menjalinkan hubungan rangkaian perniagaan yang meluas dengan lebih daripada 30 pembekal.

3. 22 Januari

Mengungguli Usahasama

TM memeterai Perjanjian Perkongsian untuk tempoh lima tahun dengan lima pengendali kemudahan menara telekomunikasi di Kelantan, Perak, Perlis, Negeri Sembilan dan Kedah untuk penyediaan perkhidmatan sambungan.

4. 30 Januari

Pelancaran *Cool UNI Pack*

Bersama-sama dengan Kerajaan, TM melancarkan pakej jalur lebar untuk mahasiswa universiti tahun pertama dan kedua yang merangkumi akses jalur lebar dan komputer riba percuma dengan kadar langganan dari hanya RM50 sebulan untuk 24 bulan.

5. 30 Januari

Pelancaran Digital Pekan

TM meluaskan pengalaman hebat jalur lebarnya melalui Digital Pekan yang

merangkumi penubuhan sebuah Pusat Pengalaman dan WiFi percuma untuk orang awam.

6. 23 Februari

TMpoint on Wheels

TMpoint on Wheels telah dilancarkan untuk mendekati pelanggan di kawasan-kawasan baru dan membangun di mana tiada perkhidmatan *TMpoint*.

7. 27 Februari

Menggabungkan Telefoni dan Jalur Lebar

Pakej Blockbuster telah diperkenalkan menerusi gabungan perkhidmatan jalur lebar dan pelan panggilan yang membolehkan kebebasan pergerakan di rumah.

8. 1-5 Mac

APRICOT 2010

Sebagai Penaja Platinum untuk APNIC 29 yang diadakan sempena Persidangan Internet Rantau Asia Pasifik berkenaan Teknologi Operasi (APRICOT) 2010, TM telah berjaya mempromosikan perkhidmatan datanya, khususnya produk

berasaskan IP, dan menjalinkan hubungan baru dengan pembekal-pembekal teknologi serantau.

9. 6 Mac

'Box Office' Terlaris

Office in a Box telah dilancarkan sebagai kombinasi jalur lebar dan telefoni terkini yang menyediakan penyelesaian komunikasi yang mudah dan menyeluruh untuk pengendali SOHO dan PKS.

10. 9-10 Mac



Komuniti Pembekal Global London 2010






TM merupakan Penaja Premium untuk tiga tahun berturut-turut bagi Komuniti Pembekal Global London, membina perkongsian minda yang kukuh di kalangan ahli Komuniti tersebut, terutamanya di rantau Eropah. Mesyuarat tersebut diadakan sekali lagi dari 11 hingga 12 Oktober 2010.

11. 12 Mac

Usahasama dengan Man U

TM menandatangani satu perjanjian dengan Manchester United untuk menjadi rakan kongsi telekomunikasi integrasi rasmi di Malaysia untuk kelab bolasepak Inggeris tersebut.





12. 13 Mac

Untuk Generasi Dunia Masa Hadapan

TM bekerjasama dengan Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) untuk menganjurkan satu siri tahunan TM Earth Camp yang terdiri daripada enam perkhemahan yang bertemakan alam sekitar untuk pelajar-pelajar sekolah di seluruh negara.

13. 16 Mac

Demam Piala Dunia

Sebagai persiapan untuk Piala Dunia FIFA 2010 pada bulan Jun, TM telah menandatangani perjanjian perlesenan dengan Persatuan Bola Sepak England untuk menjadi Pemegang Lesen Telekomunikasi Rasmi pasukan England di Malaysia.

14. 24 Mac

Menerajui Zaman Digital yang Baru

TM melancarkan perkhidmatan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) generasi barunya, UniFi, di sebuah majlis gilang-gemilang dengan memaparkan pameran gaya hidup jalur lebar, pameran interaktif dan konsert secara langsung untuk hiburan orang ramai.

15. 2-4 April

Membina Hubungan Berkekalan

TM memberi penghargaan kepada rakan niaganya menerusi sebuah program penghargaan semasa Formula One Petronas Malaysia Grand Prix.

16. 5 April

Terma yang lebih baik untuk anggota Bukan Eksekutif di Sabah

TM menandatangani perjanjian bersama dengan Kesatuan Pekerja Telekom Malaysia Berhad Sabah (SUTE) yang merangkumi terma-terma yang dipertingkatkan untuk anggota-anggota bukan eksekutif di Sabah.

17. 9 April

Memperkasakan Warga Kerja Melaka

Pusat Latihan TM Selatan (TMTCS) telah dirasmikan pembukaannya di Menara TM Melaka oleh Pengerusi TM, Datuk Dr. Halim Shafie, yang mendukung komitmen Kumpulan dalam pembangunan anggotanya.

18. 6 Mei

Mesyuarat Agung Tahunan

Lebih daripada 500 pemegang saham dan jemputan telah menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ke-25 di Menara TM dan mengundi untuk sembilan resolusi yang telah dibentangkan.

19. 20 Mei

Terma yang lebih baik untuk Bukan Eksekutif di Semenanjung dan Labuan

TM menandatangani perjanjian bersama dengan Kesatuan Kebangsaan Pekerja Telekomunikasi Semenanjung Malaysia (NUTE) yang merangkumi terma-terma yang dipertingkatkan untuk anggota-anggota di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

20. 24-26 Mei





Minggu ITW 2010


TM telah menyertai acara tahunan Minggu Telekomunikasi Antarabangsa (ITW) yang bermatlamat untuk menerokai peluang perniagaan di rantau Amerika. ITW telah dihadiri oleh pembuat keputusan di syarikat-syarikat telekomunikasi utama dari seluruh dunia. Lebih 1,890 syarikat daripada lebih 149 negara turut hadir di acara tersebut.

21. 28 Mei


Meningkatkan Penembusan Jalur Lebar

Dalam usahasamanya dengan Kerajaan, TM melancarkan pakej jalur lebar beserta komputer riba untuk rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah yang dinamakan Pakej Jalur Lebar TM dengan Komputer 1Malaysia.







25.



26.



29.



32.

22.
6 Jun

Pelancaran Digital Pagoh
Masyarakat setempat di Pagoh kini boleh mendapat manfaat dari Pusat Pengalaman yang mempamerkan produk-produk perkhidmatan terkini dan WiFi percuma.

23.
15 Jun

Pelancaran Ethernet Global
TM melancarkan Perkhidmatan *Ethernet Global* (GES) di CommunicAsia 2010 yang diadakan di Singapura. GES merupakan penyelesaian rangkaian berintegrasi yang selamat dan terjamin yang direka untuk memenuhi keperluan lebar jalur yang tinggi dan fleksibel.

24.
18 Jun

Tuan rumah untuk Pengarah-pengarah ACASIA

TM telah menjadi tuan rumah untuk mesyuarat Lembaga Pengarah ACASIA ke-58 dan mesyuarat *ASEAN Telecom Holdings* ke-17 di Kuala Lumpur, di mana para delegasi telah membuat penilaian semula strategi dan prestasi keseluruhan ACASIA dan ATH. Turut serta adalah Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa.

25.
26 Jun

Terma yang lebih baik untuk anggota Bukan Eksekutif di Sarawak

TM menandatangani perjanjian bersama dengan Kesatuan Pekerja Telekom Malaysia Berhad Sarawak (UTES) yang merangkumi terma-terma yang dipertingkatkan untuk anggota-anggota bukan eksekutif di Sarawak.

26.
3 Julai

Bersatu untuk Membantu

Anggota-anggota TM menggembeleng tenaga dalam gotong-royong untuk menyempurnakan rumah sebuah keluarga ibu tunggal, Lar Faizah, di Pahang.

27.
6 Julai

TM Global dapat Pengiktirafan ISO

TM Global menerima pensijilan ISO 9001:2008 daripada SIRIM QAS International Sdn Bhd untuk penyediaan pengurusan khidmat pelanggan yang berkualiti.

28.
21 Julai

Pelancaran Hab IP Jakarta

TM melancarkan Hab IP Jakarta dan melantik PT Global Inti Copratama sebagai

ejennya di Indonesia. Hab IP Jakarta menyediakan penyelesaian yang boleh diubah mengikut kesesuaian yang efektif kos, menawarkan peningkatan lebar jalur yang fleksibel sehingga 1Gbps untuk memenuhi keperluan syarikat-syarikat perniagaan.

29.
21 Julai


Para Usahawan Cemerlang Diiktiraf

Usahawan-usahawan yang menunjukkan pencapaian cemerlang telah mendapat pengiktirafan di Majlis Anugerah Usahawan TM 2010. Syarikat komited dalam memajukan keusahawanan tempatan, terutamanya dalam industri telekomunikasi.

30.
3-6 Ogos

Mempromosikan BATIC

TM telah dijemput untuk menjadi rakan usahasama PT Telkom di Persidangan Telkom Antarabangsa Bali (BATIC) 2010 dan menjadi tuan rumah untuk jamuan tengah hari yang berjaya mengukuhkan hubungannya dengan rakan niaga utamanya di Indonesia di samping meningkatkan kehadirannya di pasaran Indonesia.



34.

31.
4-6 Ogos

Mesyuarat Rakan Usahasama Pasifik 2010

TM telah menjadi tuan rumah untuk Mesyuarat Rakan Usahasama Pasifik (PPM) di Kota Kinabalu, Sabah yang telah dihadiri oleh pengerusi-pengerusi kehormat daripada 14 pembekal untuk membincangkan isu-isu industri. Ahli-ahli PPM bergilir-gilir untuk menjadi tuan rumah acara tahunan ini.

32.
6 Ogos


PINTAR kini di Fasa Kedua

Fasa kedua program PINTAR telah dilancarkan di Sekolah Kebangsaan Tembak di Kuala Ketil, Kedah.


33.
9 Ogos

Putrajaya yang lebih selamat


MSAFE Putrajaya telah dilancarkan dengan kerjasama Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Kementerian Dalam Negeri (MOHA) dan Perbadanan Putrajaya.




36.




37.



38.



39.



40.

34. 1 September

Kempen Keselamatan Jalan Raya

TM dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah melancarkan kempen tahunan Ops Sikap yang berlangsung mulai 3 – 17 September 2010. Sempena pelancaran tersebut, PDRM juga telah mengumumkan nombor bebas tol Ops Sikap, 1-800-88-1412, ihsan daripada TM.

35.
Sekolah PINTAR TM di Johor
TM memperluaskan program Sekolah Angkat PINTAR ke Sekolah Kebangsaan Seri Bandan, Ayer Hitam, Johor.

36. 25 September

Mewujudkan hubungan di sekolah di Muar

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin telah melawat Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Pasir di Muar untuk melihat kemudahan ICT yang telah disediakan di bawah projek SchoolNet kelolaan TM.

37. 2 Oktober

Meraikan Pelanggan Korporat

Lebih daripada 3,000 pelanggan korporat TM membanjiri Dewan Serbaguna di Menara TM untuk Majlis Jalinan Mesra Aidilfitri Bersama Pelanggan Korporat TM 2010.

38. 5 Oktober

Rangkaian Wayarles di Negeri Sembilan

TM melancarkan projek 1NS*Net dan Bandaraya Wayarles 1NS di Seremban, menjadikan Negeri Sembilan negeri yang pertama menyediakan perkhidmatan jalur lebar wayarles yang menyeluruh seumpamanya.

39. 9 Oktober

HyppTV lebih meriah

TM menambah tujuh saluran Premium yang baru untuk perkhidmatan HyppTVnya: *MUTV* (saluran Manchester United TV), *Universal Channel*, *SyFy Universal*, *Warner TV*, *BabyFirst TV*, *Screen RED* dan saluran HD baru, *iConcerts HD*.

40. 15 Oktober

Integriti Sepenuhnya, Setiap Hari

Program e-pembelajaran untuk Kod Etika Perniagaan (CBE) telah dilancarkan untuk semua anggota eksekutif, menjadikan TM syarikat berkaitan kerajaan yang pertama untuk memupuk sikap urusniaga beretika atas talian.

41. 25 Oktober

Memperluaskan Perkhidmatan WiFi

TM menandatangani perjanjian untuk meluaskan liputan *WiFi*

Streamyx Zone untuk PERNEC PayPoint Sdn Bhd di lokasi-lokasi strategik telefon awam Pernec di seluruh negara.

42. 28 Oktober

Penyelesaian Antarabangsa untuk Axiata

TM meneruskan usahanya untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju industri dengan penyediaan penyelesaian lebar jalur antarabangsa untuk Kumpulan Axiata.

43. 2-3 November

Penajaan Capacity Asia 2010

TM merupakan Penaja Platinum untuk Capacity Asia untuk tahun yang ke-empat. Mesyuarat dan persidangan telekomunikasi wholesale Pan-Asia tersebut mengumpulkan kira-kira 400 delegasi daripada 130 pembekal dari seluruh dunia. TM juga menjadi tuan rumah untuk Majlis Resepsi yang diadakan pada hari pertama acara tersebut.

44. 14 Disember

Memperkuatkan Komitmen HSBB Wholesale


TM memeterai persetujuan untuk menyediakan Perkhidmatan HSBB (Akses) kepada Maxis Broadband Sdn Bhd (Maxis).



41.



42.



44.



hubungan
komunikasi
kolaborasi

anugerah & pengiktirafan

"Anugerah Pelancongan
Kebangsaan Malaysia"
2008-2009

- Tarikan Pelancongan
Terbaik - Tarikan
Berinovasi (Buatan
Malaysia)

9 Januari 2010

Anugerah PC.COM

- Jalur Lebar Tetap Terbaik
9 Februari 2010

Anugerah Iklan Perayaan
Tahun Baru Cina (CNY) ke-12

- Hadiah Utama

3 Mac 2010

Anugerah Tanggungjawab
Korporat *Starbiz-ICRM 2009*
perjanjian konsesi yang baru. Hasil lebih tinggi yang dicatatkan oleh Universiti Telekom Sdn Bhd selaras dengan kenaikan dalam bilangan penuntut, dan TM Facilities Sdn Bhd berikutan pendapatan lebih tinggi daripada jualan tanah pada tahun 2010, mengimbangi sebahagian pengurangan tersebut.

Perkhidmatan tidak berkaitan telekomunikasi menyumbang 3.4% (2009: 3.6%) kepada hasil kendalian Kumpulan pada tahun kewangan semasa.

Perkhidmatan suara

Perkhidmatan suara merangkumi telefoni perniagaan (juga termasuk ISDN, sambung tara dan penerimaan antarabangsa) dan telefoni kediaman. Seiringan dengan aliran global yang beralih secara berterusan kepada komunikasi yang berasaskan selular dan internet serta persaingan kadar dengan pesaing VOIP, hasil daripada perkhidmatan suara berkurangan sebanyak 4.5% kepada RM3,862.9 juta dalam tahun kewangan semasa.

Berikutan pengurangan tersebut, sumbangan perkhidmatan suara kepada hasil kendalian Kumpulan turun kepada 43.9% berbanding dengan 47.0% pada tahun 2009.



KOS KENDALIAN (RM JUTA)

KOS KENDALIAN

Bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2010, kos kendalian Kumpulan meningkat sebanyak 2.9% daripada RM7,792.7 juta yang dicatatkan pada tahun 2009 kepada RM8,015.4 juta, terutamanya disebabkan oleh kenaikan kos anggota, penyelenggaraan serta bekalan dan inventori. Caj susut nilai, pengurangan nilai dan pelunasan yang lebih rendah serta pengurangan pembayaran sambung tara domestik dan antarabangsa mengimbangi sebahagian kenaikan tersebut.

Susut nilai, pengurangan nilai dan pelunasan

Caj susut nilai, pengurangan nilai dan pelunasan, yang merangkumi susut nilai, pengurangan nilai dan hapus kira hartanah, loji dan peralatan (PPE) serta pelunasan aset tak ketara, turun sebanyak 2.1% kepada RM1,995.8 juta dalam tahun kewangan semasa. Caj lebih rendah itu adalah terutamanya disumbangkan oleh penanguhan susut nilai disebabkan semakin semula jangka hayat berguna suis-suis PSTN dan DSLAM ATM kepada jangka hayat kegunaannya yang asal pada tahun 2009 berikutan perubahan dalam pelan migrasi aset-aset ini

kepada platform NGN, selain penjimatan daripada hapus kira/penamatan penggunaan PPE yang lebih tinggi dan PPE yang telah disusut nilai sepenuhnya di peringkat Syarikat. Susut nilai sesetengah aset rangkaian yang dipercepatkan dan susut nilai tambahan bagi kenderaan bermotor disebabkan semakin semula nilai sisa, mengimbangi sebahagian caj lebih rendah.

Caj susut nilai yang lebih rendah sebahagiannya diimbangi oleh hapus kira/penamatan penggunaan PPE sebanyak RM71.1 juta dalam tahun kewangan semasa berbanding dengan RM38.7 juta pada tahun 2009.

Caj susut nilai, pengurangan nilai dan pelunasan merupakan 24.9% daripada jumlah kos kendalian, berbanding dengan 26.2% pada tahun 2009.

Kos anggota

Kos kakitangan Kumpulan yang merupakan 22.2% daripada jumlah kos kendalian, meningkat sebanyak 9.3% kepada RM1,783.0 juta berbanding dengan RM1,631.5 juta pada tahun 2009. Kos yang lebih tinggi adalah terutamanya disebabkan oleh gaji dan elaun lebih tinggi selaras dengan kenaikan

tahunan bagi tahun 2010 serta kenaikan dalam bilangan anggota untuk menyokong penyediaan perkhidmatan UniFi dan pertumbuhan perniagaan. Komisen jualan yang lebih tinggi dibayar kepada anggota selaras dengan pertumbuhan hasil pada tahun 2010 juga menyumbang kepada kenaikan tersebut. Kenaikan tahunan bagi tahun 2010 adalah 3.0% dan bilangan anggota pada akhir tahun 2010 adalah 26,755 berbanding dengan 24,744 pada akhir tahun 2009.

Pembayaran sambung tara domestik dan antarabangsa

Pembayaran sambung tara domestik dan antarabangsa Kumpulan merosot sebanyak 6.0% kepada RM929.9 juta berbanding dengan RM989.5 juta yang dicatatkan pada tahun 2009 dan merupakan 11.6% daripada jumlah kos kendalian. Kos yang lebih rendah itu adalah disebabkan trafik keluar sambung tara yang lebih rendah dan *Mandatory Standard on Access Pricing* (MSAP) yang disemak semula berkuat kuasa pada bulan Julai 2010. Pembayaran antarabangsa yang lebih tinggi selaras dengan hasil data lebih tinggi mengimbangi sebahagian pengurangan tersebut.

Penyelenggaraan

Kos penyelenggaraan meningkat sebanyak 6.0% kepada RM555.0 juta dalam tahun kewangan semasa berbanding dengan RM523.7 juta pada tahun 2009, terutamanya disebabkan oleh kos lebih tinggi yang ditanggung bagi penyelenggaraan dua buah rangkaian secara serentak dan pengurusan kemudahan, termasuk penyelenggaraan pencegahan dan pembetulan.

Bekalan dan inventori

Bagi tahun kewangan semasa, kos bekalan dan inventori meningkat sebanyak 16.4% kepada RM514.1 juta berbanding dengan RM441.6 juta pada tahun 2009. Kenaikan tersebut adalah disebabkan peralatan pelangangan yang lebih tinggi berikutan penggunaan modem yang tinggi selaras dengan kenaikan dalam pemasangan Streamyx. Belanja alat ganti peralatan yang lebih tinggi adalah terutamanya disebabkan oleh kos penggantian bateri dan penerus, dan kos yang lebih tinggi bagi pelbagai projek selaras dengan hasil lebih tinggi juga menyumbang kepada kenaikan berkenaan. Satu lagi faktor penyumbang ialah kos kabel yang lebih tinggi selaras dengan kenaikan dalam harga kabel.

PENDAPATAN KENDALIAN LAIN

Pendapatan kendalian lain meningkat sebanyak 18.7% kepada RM152.9 juta pada tahun kewangan semasa terutamanya disebabkan oleh tuntutan insurans, pendapatan daripada jualan sekerap dan pemulangan balik cukai perkhidmatan yang lebih tinggi. Selain itu, pendapatan kendalian lain pada tahun 2009 termasuk kerugian lebih tinggi atas pelupusan pinjaman anggota sebanyak RM18.2 juta berbanding dengan RM2.1 juta pada tahun 2010. Keuntungan atas pelupusan PPE, hasil daripada aktiviti latihan dan yang berkaitan dengannya serta pendapatan dividen daripada pelaburan yang lebih rendah mengurangkan kenaikan tersebut.

LABA LAIN

Laba lain merangkumi perubahan nilai saksama dan laba atau kerugian atas pelupusan pelaburan tersedia-untuk-dijual dan aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Laba lain Kumpulan melonjak kepada RM373.3 juta daripada RM120.5 juta dalam tahun kewangan sebelumnya terutamanya disebabkan oleh laba atas pelupusan pelaburan tersedia-untuk-dijual, iaitu pelaburan dalam MEASAT Global Berhad dan saham-saham Axiata Group Berhad (Axiata), yang menghasilkan laba masing-masing sebanyak RM141.7 juta dan RM223.6 juta pada tahun kewangan semasa.

KOS PEMBIAYAAN BERSIH

Kos pembiayaan

Walaupun mencatatkan kos pembiayaan yang lebih rendah


atas bon Dolar AS selaras dengan peminjaman yang lebih rendah berikutan pembelian semula sebahagian daripada bon Dolar AS pada tahun 2009, dan pembayaran balik penuh bon Dolar AS yang matang pada 6 Disember 2010, jumlah kos pembiayaan Kumpulan bagi tahun kewangan semasa sebanyak RM365.2 juta adalah 2.5% lebih tinggi daripada RM356.3 juta yang dicatatkan pada tahun 2009. Ini adalah terutamanya disebabkan oleh ketiadaan pemulangan semula potongan cukai pada sumber bagi bon boleh tebus terdahulu yang diimbangi terhadap kos pembiayaan pada peringkat Kumpulan.

Pendapatan pembiayaan

Pendapatan pembiayaan turun sebanyak 30.3% kepada RM120.0 juta pada tahun 2010 terutamanya disebabkan oleh ketiadaan pendapatan pembiayaan atas amaun terhutang oleh Axiata yang telah dibayar balik sepenuhnya pada bulan April 2009. Pendapatan faedah lebih rendah daripada pinjaman perumahan anggota berikutan pelupusan pinjaman perumahan anggota pada tahun 2009 juga menyumbang kepada penurunan tersebut. Pendapatan faedah yang lebih tinggi atas simpanan berikutan daripada dana lebih tinggi yang tersedia bagi simpanan dan kenaikan kadar faedah mengimbangi sebahagian penurunan tersebut.

Pertukaran asing atas terjemahan peminjaman

Seiring dengan pengurangan nilai Dolar AS yang telah susut nilai daripada USD1: RM3.424 pada akhir tahun 2009 kepada USD1: RM3.0835 pada akhir tahun 2010,



KEUNTUNGAN BAGI TAHUN KEWANGAN (RM Juta)

Kumpulan mencatatkan laba daripada pertukaran asing sebanyak RM332.3 juta pada tahun kewangan semasa atas terjemahan peminjaman yang didenominasikan dalam Dolar AS berbanding dengan laba sebanyak RM40.5 juta pada tahun 2009.

Kumpulan juga telah memeterai beberapa kontrak hadapan mata wang asing untuk melindungi nilai risiko pertukaran asing atas bon Dolar AS. Laba atau kerugian nilai saksama atas kontrak hadapan mata wang asing dibentangkan dalam pertukaran asing atas terjemahan peminjaman. Tahun 2010 mencatatkan kerugian sebanyak RM28.6 juta atas kontrak-kontrak ini. Tiada kerugian seumpamanya pada tahun 2009 kerana kontrak hadapan dikelaskan sebagai instrumen kewangan luar kunci kira-kira sebelum penerimaan pakai FRS 139 pada 1 Januari 2010.

Berikutan daripada perkara-perkara di atas, tahun 2010 mencatatkan pendapatan pembiayaan bersih sebanyak RM58.5 juta berbanding dengan kos pembiayaan bersih sebanyak RM143.6 juta pada tahun 2009.

BELANJA CUKAI

Kadar cukai berkesan Kumpulan pada tahun 2010 adalah 8.5% berbanding dengan 27.4% pada tahun 2009 terutamanya disebabkan oleh laba atas pelupusan pelaburan tersedia-untuk-dijual dan laba pertukaran asing atas peminjaman seperti yang dijelaskan di atas, yang tidak dikenakan cukai. Tahun kewangan semasa juga termasuk pendapatan cukai tertunda sebanyak RM59.5 juta berkaitan dengan perbezaan sementara yang tidak diiktiraf sebelumnya yang terutamanya wujud di antara caj susut nilai dan pelunasan pendapatan tertunda bagi PPE yang dibiayai melalui geran kerajaan.

KEUNTUNGAN

Berikutan daripada laba lebih tinggi daripada pelaburan tersedia-untuk-dijual dan laba pertukaran asing atas peminjaman, keuntungan Kumpulan bagi tahun kewangan tersebut melonjak 84.9% kepada RM1,245.0 juta daripada RM673.3 juta yang dicatatkan pada tahun 2009.



JUMLAH ASET

Jumlah aset Kumpulan berada pada RM20,780.0 juta pada akhir tahun 2010, kenaikan sebanyak 4.2% melebihi RM19,942.0 juta pada akhir tahun kewangan sebelumnya, terutamanya disebabkan oleh kenaikan dalam nilai dibawa PPE.

Hartanah, loji dan peralatan (PPE)

PPE Kumpulan bertambah sebanyak 5.7% kepada RM13,112.1 juta pada akhir tahun 2010 berbanding dengan RM12,404.3 juta pada akhir tahun kewangan sebelumnya selaras dengan perbelanjaan modal lebih tinggi yang ditanggung bagi projek HSBB, yang adalah lebih tinggi daripada caj susut nilai dan hapus kira/penamatan penggunaan PPE pada tahun kewangan semasa.

JUMLAH LIABILITI

Jumlah liabiliti Kumpulan meningkat sebanyak 0.8% kepada RM12,919.8 juta daripada RM12,812.5 juta pada akhir tahun 2009 terutamanya disebabkan pendapatan tertunda, belum bayar perdagangan dan lain-lain yang lebih tinggi, tolak peminjaman yang lebih rendah.

Pendapatan tertunda

Pendapatan tertunda merangkumi pendanaan oleh kerajaan bagi projek Penyediaan Perkhidmatan Sejagat dan HSBB, yang akan dilunaskan berasaskan kaedah garis lurus sepanjang


anggaran hayat kegunaan aset berkaitan. Pendapatan tertunda meningkat dengan ketaranya sebanyak 45.3% kepada RM1,432.1 juta pada akhir tahun 2010 berikutan daripada dana tambahan yang diterima pada tahun kewangan, terutamanya bagi projek HSBB.

Belum bayar perdagangan dan lain-lain

Belum bayar perdagangan dan lain-lain meningkat sebanyak 24.0% kepada RM3,639.2 juta berbanding dengan RM2,934.6 juta pada akhir tahun 2009 terutamanya disebabkan oleh belum bayar perdagangan yang lebih tinggi bagi perluasan rangkaian selaras dengan penyediaan perkhidmatan UniFi serta belum bayar lebih tinggi bagi Penyediaan Perkhidmatan Sejagat.

Peminjaman

Peminjaman Kumpulan sebanyak RM5,532.0 juta turun sebanyak 17.6% berbanding dengan RM6,713.5 juta pada akhir tahun kewangan sebelumnya. Penurunan tersebut adalah terutamanya disebabkan oleh pembayaran balik penuh bon Dolar AS berjumlah RM828.1 juta (USD260.3 juta) yang matang pada 6 Disember 2010. Laba pertukaran asing atas terjemahan peminjaman Dolar AS berikutan daripada Dolar AS yang lemah berbanding dengan Ringgit Malaysia pada tahun kewangan juga menyumbang kepada pengurangan tersebut.



EPS DAN ROE

EKUITI PEMEGANG SAHAM

Ekuiti pemegang saham Kumpulan meningkat kepada RM7,709.4 juta pada 31 Disember 2010 daripada RM6,987.5 juta pada akhir tahun kewangan sebelumnya. Kenaikan tersebut adalah terutamanya disebabkan oleh keuntungan tahun semasa milik pemegang ekuiti Syarikat sebanyak RM1,206.5 juta, laba nilai saksama atas pelaburan tersedia-untuk-dijual dan kenaikan dalam modal saham dan premium saham berikutan pelaksanaan opsyen saham oleh anggota di bawah ESOS Khas, yang secara kolektifnya adalah lebih besar daripada pengagihan dividen akhir 2009 dan dividen interim 2010 berjumlah RM693.8 juta.

Perolehan sesaham (EPS) dan pulangan ekuiti pemegang saham (ROE)

Berikutan keuntungan milik pemegang ekuiti Syarikat yang lebih tinggi bagi tahun kewangan semasa, EPS asas meningkat kepada 33.9 sen daripada 18.3 sen pada tahun 2009. Dengan itu, ROE juga meningkat kepada 16.4% pada tahun 2010 daripada 7.5% pada tahun 2009.

Dividen

Bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2010, dividen kasar interim sebanyak 13.0 sen sesaham tolak cukai sebanyak 25.0% telah dibayar pada 24 September 2010 kepada pemegang-pemegang saham yang tersenarai dalam Daftar Ahli dan Rekod Pendeposit pada 7 September 2010. Berserta dividen kasar akhir yang dicadangkan sebanyak 13.1 sen sesaham tolak cukai sebanyak 25.0% tertakluk kepada kelulusan pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang, jumlah pembayaran dividen adalah sebanyak RM700.3 juta. Ini adalah selaras dengan dasar pembayaran dividen Syarikat sebanyak RM700.0 juta atau sehingga 90.0% daripada keuntungan ternormal milik pemegang ekuiti, mana yang lebih tinggi.

Nilai ditambah ialah ukuran kekayaan yang dihasilkan. Penyata berikutnya menunjukkan nilai ditambah Kumpulan untuk tahun 2009 dan 2010 dan pengagihan melalui pembayaran kepada anggota, kerajaan/agensi-agensi yang diluluskan dan pemegang saham, dengan baki disimpan untuk pelaburan semula dan pertumbuhan masa hadapan.


NILAI DITAMBAH

Hasil
Pembelian barangan dan perkhidmatan
Nilai ditambah oleh Kumpulan
Pendapatan kendalian lain (bersih)
Laba lain (bersih)
Pendapatan pembiayaan
Kos pembiayaan
Laba pertukaran asing atas peminjaman
Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu
Nilai ditambah tersedia untuk pengagihan

PENGAGIHAN


Kepada Anggota
 Kos penggajian
Kepada Kerajaan/Agensi-agensi yang diluluskan
 Cukai dan Zakat
Kepada Pemegang Saham
 Dividen
 Kepentingan minoriti
Disimpan untuk pelaburan semula dan pertumbuhan masa hadapan
 Susut nilai, pengurangan nilai dan pelunasan
 Keuntungan tertahan
Jumlah yang diagihkan

	2009 RM Juta	2010 RM Juta
Hasil	8,608.0	8,791.0
Pembelian barangan dan perkhidmatan	(4,121.7)	(4,236.6)
Nilai ditambah oleh Kumpulan	4,486.3	4,554.4
Pendapatan kendalian lain (bersih)	128.8	152.9
Laba lain (bersih)	120.5	373.3
Pendapatan pembiayaan	172.2	120.0
Kos pembiayaan	(356.3)	(365.2)
Laba pertukaran asing atas peminjaman	40.5	303.7
Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu	0.6	(0.1)
Nilai ditambah tersedia untuk pengagihan	4,592.6	5,139.0
Kepada Anggota		
Kos penggajian	1,631.5	1,783.0
Kepada Kerajaan/Agensi-agensi yang diluluskan		
Cukai dan Zakat	248.3	115.2
Kepada Pemegang Saham		
Dividen	740.0	697.6
Kepentingan minoriti	30.3	38.5
Disimpan untuk pelaburan semula dan pertumbuhan masa hadapan		
Susut nilai, pengurangan nilai dan pelunasan	2,039.5	1,995.8
Keuntungan tertahan	(97.0)	508.9
Jumlah yang diagihkan	4,592.6	5,139.0



- Kepada Anggota – Kos penggajian RM1,631.5 juta
- Kepada Kerajaan/Agensi-agensi yang diluluskan – Cukai dan Zakat RM248.3 juta
- Kepada Pemegang Saham – Dividen dan Kepentingan minoriti RM770.3 juta
- Disimpan untuk pelaburan semula dan pertumbuhan masa hadapan – Susut nilai, pengurangan nilai, pelunasan dan Keuntungan tertahan RM1,942.5 juta

- Kepada Anggota – Kos penggajian RM1 783.0 juta
- Kepada Kerajaan/Agensi-agensi yang diluluskan – Cukai dan Zakat RM115.2 juta
- Kepada Pemegang Saham – Dividen dan Kepentingan minoriti RM736.1 juta
- Disimpan untuk pelaburan semula dan pertumbuhan masa hadapan – Susut nilai, pengurangan nilai, pelunasan dan Keuntungan tertahan RM2,504.7 juta



BAB

kepimpinan

Leadership

- 10. Leadership Principles
- 11. Team Management
- 12. Personal Development
- 13. Project Management
- 14. Quality Management





DARI KIRI KE KANAN

Quah Poh Keat

(Bukan Bebas Bukan Eksekutif)

Ibrahim Marsidi

(Bukan Bebas Bukan Eksekutif)

Dato' Zalekha Hassan

(Pengaruh Bukan Bebas Bukan Eksekutif)

Dato' Ir Abdul Rahim Abu Bakar

(Bukan Bebas Bukan Eksekutif)

Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin

(Pengaruh Bukan Bebas Bukan Eksekutif)

YB Datuk Nur Jazlan Tan Sri Mohamed

(Bukan Bebas Bukan Eksekutif)

Datuk Bazlan Osman

Pengaruh Eksekutif/
Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan
(Bukan Bebas Bukan Eksekutif)

Datuk Dr Halim Shafie

Pengerusi
(Pengaruh Bukan Bebas Bukan Eksekutif)

Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa

Pengaruh Urusan/
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
(Pengaruh Eksekutif Bukan Bebas)

Dato' Danapalan T.P. Vinggrasalam

(Pengaruh Bebas Kanan)

Riccardo Ruggiero

(Pengaruh Bukan Bebas Bukan Eksekutif)

Eshah Meor Suleiman

(Pengaruh Ganti kepada Dato' Zalekha Hassan)

Dr Farid Mohamed Sani

(Pengaruh Ganti
untuk Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin)

Idrus Ismail

Setiausaha Syarikat

Zaiton Ahmad

Setiausaha Syarikat



Datuk Dr Halim Shafie
Pengerusi Bukan Bebas
Bukan Eksekutif



Datuk Dr Halim, 62 tahun, warganegara Malaysia, telah dilantik sebagai Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif TM pada 31 Julai 2009. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1972 dan memperolehi Sarjana dalam Pembangunan Ekonomi dari University of Pittsburgh pada tahun 1980. Datuk Dr Halim kemudiannya memperolehi Ijazah Kedoktoran di dalam bidang Information Transfer dari Syracuse University pada tahun 1988. Selain itu, beliau juga telah menamatkan kursus-kursus profesional antaranya dalam bidang Rekabentuk dan Analisa Sistem di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) pada tahun 1976, Management Education Program di Indian Institute of Management, Ahmedabad, India pada tahun 1977 dan Advanced Management di Harvard Business School pada tahun 2000.

Datuk Dr Halim telah menyandang pelbagai jawatan selama perkhidmatannya dengan Kerajaan. Beliau memulakan kerjaya di Kementerian Pelajaran pada

tahun 1972, diikuti dengan pelantikan di INTAN pada tahun 1976, Unit Pentadbiran Pemodenan dan Perancangan Pengurusan (MAMPU) di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1987. Beliau kembali berkhidmat sebagai Pengarah di INTAN pada tahun 1994.

Datuk Dr Halim kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha I, Sektor Komunikasi dan Multimedia pada tahun 1999 sebelum menyandang jawatan Ketua Setiausaha, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi pada tahun 2000. Beliau dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) pada 3 April 2006, jawatan yang disandanginya sehingga Mei 2009.

Dalam tempoh 15 tahun kebelakangan ini, beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah di Tenaga Nasional Berhad, Pos Malaysia Berhad dan Multimedia Development Corporation Sdn Bhd. Kini, Datuk Dr Halim adalah Pengerusi Universiti Telekom Sdn Bhd dan GITN Sdn Bhd yang merupakan anak syarikat milik penuh TM. Beliau juga merupakan Ahli Majlis

Gabungan Komputer Nasional Malaysia (MNCC), Profesor Adjunct di Universiti Utara Malaysia, Pengerusi Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia, Pengarah Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn Bhd (anak syarikat Bank Negara) dan Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT).

Datuk Dr Halim merupakan Pengerusi Jawatankuasa Resolusi Pertikaian Lembaga TM. Beliau telah menghadiri kesemua 11 Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat yang diadakan sepanjang tahun kewangan 2010. Datuk Dr Halim adalah Pengarah Bukan Eksekutif yang dicalonkan oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD), iaitu Pemegang Saham Istimewa TM dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan undang-undang dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Beliau tidak mempunyai sebarang talian persaudaraan dengan mana-mana Pengarah Syarikat atau Pemegang Saham Utama TM mahupun sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat.



**Dato' Sri Zamzamzairani
Mohd Isa**
Pengarah Eksekutif Bukan
Bebas
Pengarah Urusan/
Ketua Pegawai Eksekutif
Kumpulan

Dato' Sri Zamzamzairani, 50 tahun, warganegara Malaysia, dilantik sebagai Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TM pada 25 April 2008. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sains dalam Kejuruteraan Komunikasi dari Plymouth Polytechnic, United Kingdom dan pernah mengikuti program Kewangan Korporat, Strategi Dalam Membentuk Nilai Pemegang Saham di Kellogg School of Management.

Beliau berpengalaman luas dalam industri telekomunikasi dan pernah memegang pelbagai jawatan penting di dalam beberapa syarikat multinasional seperti Global


One dan Lucent Technologies (Malaysia). Beliau kemudiannya memegang beberapa jawatan penting di TM termasuk sebagai Naib Presiden Kanan, Strategi dan Teknologi Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysia Business sebelum dilantik ke jawatan sekarang.

Dato' Sri Zamzamzairani merupakan pengarah beberapa anak syarikat Kumpulan TM termasuk sebagai Pengerusi VADS Berhad dan Timbalan Pengerusi GITN Sdn Bhd.

Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TM, Dato' Sri Zamzamzairani merupakan Ahli Jawatankuasa Tender

Lembaga. Beliau telah menghadiri kesemua 11 Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat yang diadakan sepanjang tahun 2010. Beliau adalah Pengarah Eksekutif yang dicalonkan oleh MKD, iaitu Pemegang Saham Istimewa TM dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan undang-undang dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Beliau tidak mempunyai sebarang talian persaudaraan dengan mana-mana Pengarah Syarikat atau Pemegang Saham Utama TM mahupun sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

Datuk Bazlan Osman
Pengarah Eksekutif Bukan
Bebas
Pengarah Eksekutif/Ketua
Pegawai Kewangan Kumpulan



Dato' Zalekha Hassan
Pengarah Bukan Bebas Bukan
Eksekutif

Datuk Bazlan, 47 tahun, warganegara Malaysia, telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Bukan Bebas TM pada 25 April 2008. Beliau juga merupakan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan TM. Datuk Bazlan adalah Ahli Fellow Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA), United Kingdom dan juga Akauntan Bertauliah Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Beliau memulakan kerjaya sebagai juruaudit di firma perakaunan awam pada tahun 1986 dan seterusnya berkhidmat dengan Kumpulan Sime Darby memegang pelbagai jawatan di bahagian kewangan pejabat korporatnya di Kuala Lumpur, Singapura dan Melaka. Datuk Bazlan pernah menyertai American Express Malaysia Berhad pada tahun 1993 sebelum menyertai Kumpulan

Dato' Zalekha, 57 tahun, warganegara Malaysia, telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif TM pada 9 Januari 2008. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya.

Dato' Zalekha memulakan kerjayanya dalam perkhidmatan awam Malaysia pada tahun 1977 sebagai Penolong Pengarah, Bahagian Latihan dan Kemajuan Kerjaya di Jabatan Perkhidmatan Awam. Beliau pernah berkhidmat di beberapa kementerian termasuk Kementerian Kesihatan, Kementerian Kebajikan Masyarakat, Kementerian

FIMA Berhad pada tahun 1994 sebagai Naib Presiden Kanan Kewangan/Setiausaha Syarikat. Beliau menyertai Celcom Axiata Berhad pada tahun 2001 sebagai Naib Presiden Kanan Kewangan Korporat dan Perbendaharaan dan kemudiannya dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan sebelum dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan TM pada 1 Mei 2005. Berkuat kuasa 1 November 2009, beliau bertanggungjawab menyelia operasi Global, Wholesale dan Perniagaan Sokongan TM. Datuk Bazlan merupakan pengarah beberapa anak syarikat Kumpulan TM termasuk sebagai Pengerusi Fiberail Sdn Bhd dan TM Info-Media Sdn Bhd.

Datuk Bazlan merupakan Ahli Jawatankuasa Risiko Lembaga, Jawatankuasa Pelaburan

Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sebelum dilantik sebagai Penolong Pengarah Kanan Bahagian Belanjawan di Kementerian Kewangan pada tahun 1997. Beliau memegang pelbagai jawatan di Kementerian Kewangan termasuk selama 7 tahun di Bahagian Perolehan Kerajaan sebelum menyandang jawatan sekarang sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan).

Dato' Zalekha juga merupakan Pengarah Proton Holdings Berhad dan Kumpulannya.

Dato' Zalekha merupakan Pengerusi Bukan Eksekutif

Lembaga serta Jawatankuasa Resolusi Pertikaian Lembaga TM. Beliau juga merupakan Ahli Ganti kepada Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa di dalam Jawatankuasa Tender Lembaga dan beliau telah menghadiri kesemua 11 Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat yang diadakan sepanjang tahun 2010. Beliau adalah Pengarah Eksekutif yang dicalonkan oleh MKD, iaitu Pemegang Saham Istimewa TM dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan undang-undang dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Beliau tidak mempunyai sebarang talian persaudaraan dengan mana-mana Pengarah Syarikat atau Pemegang Saham Utama TM mahupun sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

Jawatankuasa Tender Lembaga TM. Beliau telah menghadiri 9 dari 11 Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan sepanjang tahun 2010. Beliau merupakan Pengarah Bukan Eksekutif yang dicalonkan oleh MKD, iaitu Pemegang Saham Istimewa TM dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan undang-undang dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Beliau tidak mempunyai sebarang talian persaudaraan dengan mana-mana Pengarah Syarikat atau Pemegang Saham Utama TM mahupun sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

Tunku Dato' Fawzy, 52 tahun, warganegara Malaysia, telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif TM pada 25 April 2008. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) dalam Pengajian Perniagaan dari Polytechnic of Central London, Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Warwick University, dan Diploma Pemasaran dari Chartered Institute of Marketing. Beliau juga merupakan ahli Institut Pengurusan Malaysia.

Tunku Dato' Fawzy berpengalaman lebih 20 tahun dalam pelbagai industri di peringkat antarabangsa termasuk perbankan, teknologi maklumat, pelaburan,

perkapalan serta minyak dan gas. Beliau menyertai Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) sebagai Pengarah Pelaburan pada bulan Mei 2007 dan kemudiannya dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Pelaburan sebelum bersara dari Khazanah pada 9 Mei 2010.

Beliau juga merupakan Pengarah Pos Malaysia Berhad, Kencana Petroleum Berhad dan Hong Leong Islamic Bank Berhad.

Tunku Dato' Fawzy merupakan Pengerusi Bukan Eksekutif Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran Lembaga dan Jawatankuasa Risiko Lembaga TM. Beliau juga merupakan

Ahli Jawatankuasa Audit Lembaga dan Jawatankuasa Pelaburan TM. Beliau telah menghadiri kesemua 11 Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat yang diadakan sepanjang tahun 2010. Tunku Dato' Fawzy adalah Pengarah Bukan Eksekutif yang mewakili Pemegang Saham Utama Syarikat, Khazanah, dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan undang-undang dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Beliau tidak mempunyai sebarang talian persaudaraan dengan mana-mana Pengarah Syarikat atau Pemegang Saham Utama TM mahupun sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

Dato' Danapalan, 67 tahun, warganegara Malaysia, telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif TM pada 25 April 2008. Beliau telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Kanan TM pada 21 Mei 2009. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Sarjana dalam Pentadbiran Awam dari Penn State University, Amerika Syarikat.


Beliau merupakan Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dari Februari 2004 sehingga persaraan beliau pada bulan Mac 2006. Dato' Danapalan pernah dilantik sebagai Naib Presiden Kanan di Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDeC) dari Jun 1998

hingga Januari 2004. Beliau telah berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha di Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dari Disember 1991 hingga Mac 1998. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha di Kementerian Pembangunan Sosial dan Masyarakat dan sebagai Timbalan Pengarah di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Beliau juga merupakan Pengarah Affin Fund Management Berhad, Sirim QAS International Sdn Bhd, Bank Simpanan Nasional dan salah seorang Pemegang Amanah Yayasan M.U.S.T Ehsan. Beliau juga merupakan Pengarah Universiti Telekom Sdn Bhd, sebuah anak syarikat milikan penuh TM.

Dato' Danapalan merupakan Ahli Bebas Bukan Eksekutif Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran Lembaga, Jawatankuasa Audit Lembaga, Jawatankuasa Risiko Lembaga dan Jawatankuasa Resolusi Pertikaian Lembaga TM. Beliau telah menghadiri 10 dari 11 Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat yang diadakan sepanjang tahun 2010 dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan undang-undang dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Beliau tidak mempunyai sebarang talian persaudaraan dengan mana-mana Pengarah Syarikat atau Pemegang Saham Utama TM mahupun sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

Tunku Dato' Mahmood Fawzy
Tunku Muhiyiddin
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif



Dato' Danapalan
T.P. Vinggrasalam
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan

**YB Datuk Nur Jazlan
Tan Sri Mohamed**
Pengarah Bebas Bukan
Eksekutif



YB Datuk Nur Jazlan, 45 tahun, warganegara Malaysia, telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif TM pada 1 Jun 2004. Beliau merupakan Ahli Fellow Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA), United Kingdom. Beliau pernah dilantik sebagai Ahli Majlis dan Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Awam, Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan juga Ahli Majlis Akauntan Persekutuan Asean (AFA).

Di samping berpengalaman luas dalam bidang kewangan korporat, YB Datuk Nur Jazlan juga bergiat aktif dalam

politik. Beliau adalah Ahli Parlimen Pulai, Johor, Ketua Bahagian UMNO Pulai dan Pengerusi Barisan Nasional bagi kawasan tersebut. Beliau pernah menjadi Ahli Exco Pemuda UMNO dari tahun 1996 sehingga 2004.

Beliau merupakan Pengerusi UDA Holdings Berhad dan juga merupakan Pengarah United Malayan Land Berhad, Prinsiptek Corporation Berhad, Jaycorp Berhad, TSH Resources Berhad dan Ekowood International Berhad. YB Datuk Nur Jazlan merupakan Ahli Bebas Jawatankuasa Tender

Lembaga TM. Beliau telah menghadiri 10 dari 11 Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan sepanjang tahun 2010. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan undang-undang dalam tempoh 10 tahun yang lalu dan tidak mempunyai sebarang talian persaudaraan dengan mana-mana Pengarah Syarikat atau Pemegang Saham Utama TM mahupun sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat.



**Dato' Ir Abdul Rahim
Abu Bakar**
Pengarah Bebas Bukan
Eksekutif

Dato' Ir Abdul Rahim, 65 tahun, warganegara Malaysia, telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif TM pada 25 April 2008. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Kejuruteraan Elektrik dari Brighton College of Technology, United Kingdom pada tahun 1969. Beliau adalah ahli Institut Jurutera Malaysia dan merupakan seorang Jurutera Profesional, Malaysia (P.Eng.), serta memiliki Sijil Kompetensi Jurutera Elektrik Gred 1.

Dato' Ir Abdul Rahim memulakan kerjaya pada tahun 1969 di Lembaga Letrik Negara dengan memegang pelbagai jawatan teknikal dan kejuruteraan sehinggalah beliau menyertai Pernas Charter Management Sdn Bhd, sebuah syarikat pengurusan bagi industri perlombongan bijih timah pada tahun 1979.

Dari akhir tahun 1983 hingga 1991, beliau bertugas di Malaysia Mining Corporation Berhad (MMC) dengan memegang pelbagai jawatan kanan. Seterusnya, dari tahun 1991 hingga 1995, beliau bertugas dengan MMC Engineering Services Sdn Bhd dan kemudian ke MMC Engineering Group Berhad sebagai Pengarah Urusan. Pada bulan Mei 1995, beliau menyertai Petroliaam Nasional Berhad (Petronas) sebagai Pengarah Urusan Petronas Gas Berhad dan kemudian dilantik sebagai Naib Presiden Perniagaan Petrokimia pada tahun 1999 sehingga persaraan beliau pada 31 Ogos 2002.

Dato' Ir Abdul Rahim kini merupakan Pengarah Scomi Group Berhad, Scomi Engineering Berhad dan Global Maritime Ventures Berhad.

Dato' Ir Abdul Rahim merupakan Pengerusi Bukan Eksekutif Jawatankuasa Pelaburan Lembaga dan Ahli Bebas Bukan Eksekutif Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran Lembaga TM. Beliau telah menghadiri kesemua 11 Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat yang diadakan sepanjang tahun 2010 dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan undang-undang dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Beliau tidak mempunyai sebarang talian persaudaraan dengan mana-mana Pengarah Syarikat atau Pemegang Saham Utama TM mahupun sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

Ibrahim, 58 tahun, warganegara Malaysia, telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif TM pada 25 April 2008. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Ekonomi (Analitikal) (Kepujian) dari Universiti Malaya.

Beliau merupakan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Dagangan Berhad sebelum bersara pada 31 Disember 2007. Ibrahim menyertai Petronas pada tahun 1979 dan pernah memegang pelbagai jawatan pengurusan kanan di situ.

Sebelum pelantikan beliau sebagai Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif di Petronas Dagangan Berhad, beliau adalah Pengurus Kanan Kawasan Timur dan Utara, Pengurus Besar Perniagaan Gas Petroleum Cecair (Liquified Petroleum Gas – LPG) dan Perniagaan Runcit di Petronas Dagangan Berhad dan Pengurus Besar Kumpulan Minyak Mentah, Petronas.

Ibrahim merupakan Ahli Bebas Bukan Eksekutif Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran

Lembaga, Jawatankuasa Audit Lembaga dan Jawatankuasa Risiko Lembaga TM. Beliau telah menghadiri kesemua 11 Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat yang diadakan sepanjang tahun 2010 dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan undang-undang dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Beliau tidak mempunyai sebarang talian persaudaraan dengan mana-mana Pengarah Syarikat atau Pemegang Saham Utama TM mahupun sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

Ibrahim Marsidi
Pengarah Bebas Bukan
Eksekutif



Quah Poh Keat, 58 tahun, warganegara Malaysia, telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif TM pada 25 April 2008. Beliau adalah Ahli Fellow Institut Percukaian Malaysia dan Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA), serta Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA), Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) dan Institut Pengurusan Akauntan Bertauliah (CIMA).

Quah menjadi rakan kongsi KPMG sejak 1 Oktober 1982 dan bermula 1 Oktober 2000 sehingga 30 September 2007 sebagai Rakan Kongsi Kanan yang bertanggungjawab ke atas operasi harian KPMG Malaysia. Sebelum menjadi Rakan Kongsi Kanan (Pengurusan), beliau bertanggungjawab ke atas Amalan Cukai dan Amalan

Jepun di KPMG Malaysia. Beliau merupakan ahli Majlis Amalan Jepun KPMG iaitu badan pentadbir dalam KPMG International yang memantau Amalan Jepun dalam KPMG. Beliau adalah ahli Lembaga Pengarah KPMG Asia Pasifik dan ahli Suruhanjaya KPMG International yang memantau operasi global KPMG. Quah juga adalah bekas Naib Presiden Institut Percukaian Malaysia. Beliau bersara dari KPMG pada 31 Disember 2007.

Beliau merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif IOI Corporation Berhad, PLUS Expressways Berhad, Public Investment Bank Berhad, Public Bank Berhad, Public Mutual Berhad, Public Islamic Bank Berhad, Lonpac Insurance Berhad dan LPI Capital Berhad. Beliau juga merupakan salah seorang

Pemegang Amanah Yayasan Tan Sri Lee Shin Cheng serta Ahli Jawatankuasa Polisi Ekonomi dan Fiskal Persatuan Pengilang-Pengilang Malaysia.

Quah merupakan Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif Jawatankuasa Audit Lembaga dan Ahli Jawatankuasa Pelaburan TM. Beliau telah menghadiri kesemua 11 Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat yang diadakan sepanjang tahun 2010. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan undang-undang dalam tempoh 10 tahun yang lalu dan tidak mempunyai sebarang talian persaudaraan dengan mana-mana Pengarah Syarikat atau Pemegang Saham Utama TM mahupun sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

Quah Poh Keat
Pengarah Bebas Bukan
Eksekutif



Riccardo Ruggiero
Pengarah Bebas Bukan
Eksekutif



Eshah Meor Suleiman
Pengarah Ganti Bukan Bebas
Bukan Eksekutif

Riccardo, 50 tahun, warganegara Itali, telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif TM pada 18 Ogos 2008. Beliau mempunyai Ijazah Kedoktoran Perundangan dari Rome University La Sapeinza dan kini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengerusi ARIA SpA, pengusaha WIMAX terulung di Itali.

Riccardo memulakan kerjayanya sebagai Pengurus Jualan di Finninvest, Kumpulan Mediaset pada tahun 1986. Beliau menyertai Kumpulan Olivetti pada tahun 1991, dengan memegang pelbagai jawatan dan merupakan Naib Presiden bagi pelanggan antarabangsa dan pembangunan perniagaan perkhidmatan telekomunikasi seluruh dunia, meliputi pemasaran dan pembangunan perniagaan. Beliau bersama kumpulan Olivetti selama 11 tahun, di mana jawatan terakhir beliau adalah sebagai

Ketua Pegawai Eksekutif Infostrada SpA (sebuah syarikat usaha sama di antara Olivetti dan Mannesman). Beliau bertanggungjawab di atas kejayaan transformasi Infostrada sebagai sebuah syarikat pesaing utama kepada Telecom Italia bagi talian tetap dan internet.

Riccardo telah menyertai Telecom Italia pada tahun 2001 sebagai Presiden Unit Perniagaan Talian Berwayar yang bertanggungjawab mengurus dan membangunkan perniagaan talian berwayar dan internet jalur lebar seluruh dunia. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Telecom Italia pada bulan Oktober 2005, jawatan yang disandang sehingga Disember 2007. Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, beliau bertanggungjawab mengurus dan membangunkan talian tetap, mudah alih, jalur lebar

dan perniagaan media digital seluruh dunia. Riccardo juga berpengalaman luas dalam pengurusan dan pembangunan kandungan di dalam pelbagai landasan seperti IPTV, TV mudah alih, televisyen terestrial digital dan portal multi media jalur lebar. Riccardo merupakan Penasihat Kanan Permira Association SpA dan Pengarah Value Partners SpA masing-masing dari 2008 hingga Januari 2010 dan Jun 2010.

Riccardo telah menghadiri 7 dari 11 Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat yang diadakan sepanjang tahun 2010. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan undang-undang dalam tempoh 10 tahun yang lalu dan tidak mempunyai sebarang talian persaudaraan dengan mana-mana Pengarah Syarikat atau Pemegang Saham Utama TM mahupun sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

Eshah, 56 tahun, warganegara Malaysia, telah dilantik sebagai Pengarah Ganti Bukan Bebas Bukan Eksekutif kepada Dato' Zalekha Hassan pada 11 Mac 2009. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1980 dan memiliki Diploma Pengurusan Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) pada 1981. Beliau memperolehi Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Oklahoma City, Amerika Syarikat pada 1994.

Eshah memulakan kerjaya dalam pentadbiran awam Malaysia pada tahun 1981 sebagai Penolong Pengarah, Seksyen Ekonomi Makro di Unit Perancang Ekonomi,

Jabatan Perdana Menteri dari 1981 sehingga 1991, sebelum dilantik sebagai Penolong Setiausaha, Bahagian Pengurusan Perolehan di Kementerian Kewangan. Sejak itu beliau telah memegang pelbagai jawatan termasuk Ketua Penolong Setiausaha dan Timbalan Setiausaha sebelum memegang jawatan sekarang sebagai Setiausaha Bahagian, Bahagian Pelaburan, Menteri Kewangan Diperbadankan dan Penswastaan pada September 2006.

Eshah juga merupakan Pengarah Pos Malaysia Berhad, Global Maritime Ventures Berhad [sebuah anak syarikat Bank Pembangunan Malaysia Berhad], dan beberapa syarikat lain.

Beliau juga merupakan Ahli Ganti kepada Dato' Zalekha Hassan di dalam Jawatankuasa Tender Lembaga TM. Beliau telah menghadiri 1 dari 11 Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat yang diadakan sepanjang tahun 2010, semasa ketiadaan Dato' Zalekha. Eshah tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan undang-undang dalam tempoh 10 tahun yang lalu dan tidak mempunyai sebarang talian persaudaraan dengan mana-mana Pengarah Syarikat atau Pemegang Saham Utama TM mahupun sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat.


Dr Farid, 35 tahun, warganegara Malaysia, telah dilantik sebagai Pengarah Ganti Bukan Bebas Bukan Eksekutif kepada Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin pada 25 April 2008. Beliau mempunyai Ijazah Kedoktoran dalam Kejuruteraan Kimia, Sarjana Kejuruteraan dan Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Kelas Pertama dengan pengkhususan Kejuruteraan Kimia daripada University of Cambridge.

Dr Farid merupakan Pengarah Pelaburan di Khazanah Nasional Berhad (Khazanah). Beliau telah berkhidmat dengan Khazanah sejak tahun 2004 dan pernah bertugas di Pejabat Pengurusan Transformasi dan kemudiannya sebagai Naib Presiden Kanan, Pejabat Pengarah Urusan sebelum menyandang jawatan sekarang pada bulan April 2010. Sebelum itu, Dr Farid berkhidmat sebagai perunding di McKinsey & Company selama dua tahun.

Dr Farid adalah Pengarah Axiata Group Berhad [Axiata] dan juga Pengarah beberapa anak syarikat dalam Kumpulan Axiata termasuk Celcom Axiata Berhad.

Beliau juga merupakan Ahli Bukan Eksekutif Jawatankuasa Tender Lembaga TM. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan undang-undang dalam tempoh 10 tahun yang lalu dan tidak mempunyai sebarang talian persaudaraan dengan mana-mana Pengarah Syarikat atau Pemegang Saham Utama TM mahupun sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

Dr Farid Mohamed Sani
Pengarah Ganti Bukan Bebas
Bukan Eksekutif





hubungan
komunikasi
kolaborasi

barisan kepimpinan kumpulan



BERDIRI DARI KIRI KE KANAN

Zaleha Abu Bakar, Ahmad Azhar Yahya, Nizam Arshad, Hashim Mohammed, Datuk Bazlan Osman, Sherene Azura Azli, Rozalila Abdul Rahman, Izlyn Ramli, Mohd Khalis Abdul Rahim, Rafaai Samsi

DUDUK DARI KIRI KE KANAN

Ahmad Ismail, Giorgio Migliarina, Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa, Hamidah Mahmud



BERDIRI DARI KIRI KE KANAN

Jeremy Kung Eng Chuang, Mohamad Rozaimy Abd Rahman, Dr Mazlan Ismail, Azizi A Hadi, Imri Mokhtar, Idrus Ismail, Asmawati Yusof, Ghazali Omar, Dato' Kairul Annuar Mohamed Zamzam

DUDUK DARI KIRI KE KANAN

Zam Ariffin Ismail, Nor Akmar Md Yunus, Gazali Harun, Shanti Jusnita Johari



profil barisan kepimpinan kumpulan

Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa

Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

Dato' Sri Zamzamzairani, 50 tahun, berkelulusan Sarjana Muda Sains dalam Kejuruteraan Komunikasi dari Plymouth Polytechnic, United Kingdom dan pernah mengikuti program Kewangan Korporat, Strategi Dalam Membentuk Nilai Pemegang Saham di Kellogg School of Management. Beliau berpengalaman luas dalam industri telekomunikasi dan pernah memegang pelbagai jawatan penting di dalam beberapa syarikat multinasional seperti Global One dan Lucent Technologies (Malaysia). Beliau kemudiannya memegang beberapa jawatan penting di TM termasuk sebagai Naib Presiden Kanan, Strategi dan Teknologi Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysia Business sebelum dilantik ke jawatan sekarang. Dato' Sri Zamzamzairani juga merupakan ahli lembaga beberapa anak syarikat Kumpulan TM termasuk sebagai Pengerusi VADS Berhad dan Timbalan Pengerusi GITN Sdn Bhd.

Ahmad Azhar Yahya

Ketua Pegawai Strategi

Ahmad Azhar, 46 tahun, berkelulusan Sarjana Muda Sains dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dari Oklahoma State University. Beliau memulakan kerjaya sebagai jurutera di Agilent Technologies (dahulunya dikenali sebagai Hewlett Packard) pada tahun 1987. Beliau kemudiannya menyertai Accenture pada tahun 1990 dan bertanggungjawab ke atas beberapa portfolio pelanggan di Malaysia, Asia dan Timur Tengah dari pelbagai industri seperti komunikasi, teknologi tinggi, petroleum dan gas serta sektor perkhidmatan awam. Beliau berpengalaman dalam perancangan strategik dan perubahan pengurusan, sistem sokongan perniagaan dan operasi, pengurusan sumber perusahaan, pengurusan hasil dan hubungan pelanggan. Beliau merupakan Rakan Kongsi di Accenture pada tahun 2000 sebelum menyertai TM sebagai Ketua Pegawai Maklumat Kumpulan pada 2 Ogos 2004. Pada tahun 2008, Ahmad dilantik sebagai Pengarah Program Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi TM dan telah menyumbang kepada kejayaan pelancaran UniFi pada bulan Mac 2010. Beliau telah dilantik ke jawatan sekarang sebagai Ketua Pegawai Strategi TM pada 15 Julai 2010.

Datuk Bazlan Osman

Pengarah Eksekutif/Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

Datuk Bazlan, 47 tahun, adalah Ahli Fellow Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA), United Kingdom dan juga Akauntan Bertauliah Institut Akauntan Malaysia (MIA). Beliau memulakan kerjaya sebagai juruaudit di firma perakaunan awam pada tahun 1986 dan seterusnya berkhidmat dengan Kumpulan Sime Darby memegang pelbagai jawatan di bahagian kewangan pejabat korporatnya di Kuala Lumpur, Singapura dan Melaka. Datuk Bazlan pernah menyertai American Express Malaysia Berhad pada tahun 1993 sebelum menyertai Kumpulan FIMA Berhad pada tahun 1994 sebagai Naib Presiden Kanan Kewangan/ Setiausaha Syarikat. Beliau menyertai Celcom Axiata Berhad pada tahun 2001 sebagai Naib Presiden Kanan Kewangan Korporat dan Perbendaharaan dan kemudiannya dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan sebelum dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan TM pada 1 Mei 2005. Berkuat kuasa 1 November 2009, beliau bertanggungjawab menyelia operasi Global, Wholesale dan Perniagaan Sokongan TM. Datuk Bazlan merupakan pengarah beberapa anak syarikat Kumpulan TM termasuk sebagai Pengerusi Fiberail Sdn Bhd dan TM Info-Media Sdn Bhd.

Giorgio Migliarina

Ketua Pegawai Teknologi dan Inovasi

Giorgio, 42 tahun, berkelulusan Sarjana (Sains) dalam Kejuruteraan Elektronik dari Polytechnic University of Turin, Itali dan Sarjana Pengurusan Pentadbiran dari INSEAD, Perancis. Giorgio pernah berkhidmat dengan beberapa syarikat pengendali telekomunikasi, pengilang-pengilang berteknologi tinggi dan syarikat-syarikat media di Asia, Eropah dan Amerika Tengah. Sebelum menyertai TM, Giorgio merupakan rakan kongsi McKinsey & Company, di mana beliau bertanggungjawab memberi khidmat nasihat kepada beberapa syarikat pengendali talian tetap dan mudah-alih utama di dunia. Ketika bertugas di Milan, London dan Beijing, beliau mengetuai projek pengoptimuman akses rangkaian, reka-semula proses penyelenggaraan medan, dan pelancaran perkhidmatan protokol internet. Giorgio pernah berkhidmat dengan pengilang peralatan telekomunikasi, terutamanya peralatan berasaskan protokol internet. Sebelum menyertai McKinsey, beliau pernah membantu pelancaran Infostrada SpA, yang merupakan pengendali talian tetap yang kedua terbesar di Itali. Sebelum itu, beliau pernah berkhidmat di Olivetti SpA sebagai pengurus pembangunan perniagaan untuk usaha niaga telekomunikasi Olivetti. Giorgio telah menyertai TM sebagai Ketua Pegawai Teknologi dan Inovasi sejak 1 Mei 2009.

Mohd Khalis Abdul Rahim

Ketua Pegawai Modal Insan

Khalis, 48 tahun, berkelulusan Sarjana Pengurusan Sumber Manusia dari University of Canberra, Australia. Beliau berpengalaman hampir 20 tahun dalam pengurusan modal insan dan pernah berkhidmat dengan beberapa syarikat multinasional dalam pelbagai industri. Khalis pernah terlibat dalam beberapa cabang bidang sumber manusia termasuk Pembangunan Organisasi, Pengurusan Prestasi, Perhubungan Perusahaan, Perekrutanan Sumber Manusia serta Pembangunan Bakat. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah Sumber Manusia di Colgate Palmolive Malaysia dan seterusnya Pengarah Sumber Manusia Freescale Semiconductor, Malaysia dan Singapura. Beliau menyertai TM sebagai Ketua Pegawai Modal Insan pada 17 Ogos 2009.

Rozalila Abdul Rahman

Ketua Pegawai Pemasaran

Rozalila, 49 tahun, berkelulusan Sarjana Muda Sains Pemakanan dan Teknologi dari Universiti Putra Malaysia. Beliau mempunyai 21 tahun pengalaman di syarikat-syarikat multinasional terutama di bidang pemasaran dan jualan barangan runcit pengguna (Fast Moving Consumer Goods). Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1989 sebagai pelatih pengurusan di Unilever Malaysia dan 10 tahun kemudian, menyertai Kellogg Asia Marketing sebagai Pengurus Pemasaran Inovasi untuk Asia Tenggara. Pada tahun 2001, beliau menyertai Reckitt Benckiser sebagai Pengurus Pemasaran (Malaysia/Singapura) bertanggungjawab bagi produk Shieldtox, Mortein, Vanish, Woolite dan Fabulon, sebelum menyertai Bank Simpanan Nasional sebagai Pengarah, Jualan dan Pemasaran. Rozalila menyertai Maxis Communications Berhad pada tahun 2006 sebagai Pengurus Besar (Media, Penyelidikan dan Acara) di Bahagian Perniagaan Pengguna. Pada tahun 2008, beliau mengetuai Segmen Pemasaran, bagi pasaran Melayu, Pantai Timur serta Sabah dan Sarawak. Rozalila menyertai TM sebagai Ketua Pegawai Pemasaran pada 17 Februari 2010 dan bertanggungjawab terhadap Pemasaran Kumpulan, Produk Runcit, Pengurusan Khidmat Pelanggan dan Pusat Kecemerlangan (Perniagaan).

Idrus Ismail

Ketua Perundangan,
Pematuhan dan Setiausaha
Syarikat

Idrus, 57 tahun, memperolehi ijazah Ekonomi dari Universiti Malaya pada tahun 1977 dan Sarjana Muda Undang-Undang dari National University of Singapore pada tahun 1987. Beliau mempunyai Sijil Penterjemahan dari Institut Terjemahan Negara, Malaysia dan Sarjana Eksekutif dalam Perbankan Islam dari Asia e University. Beliau telah dipanggil dan diterima masuk ke Badan Peguam pada tahun 1988. Idrus memulakan karier sebagai pelatih pengurusan di Petronas dan berpengalaman lebih 30 tahun terutamanya dalam institusi kewangan konvensional dan Islam dan pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Syarikat serta Penasihat Undang-Undang. Dalam institusi-institusi tersebut. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Syarikat di Kumpulan CIMB, bahagian kesetiausahaan syarikat PROKHAS (yang menyediakan perkhidmatan kesetiausahaan syarikat kepada syarikat-syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan dan Penasihat Kanan Perbankan Islam dan Kewangan di sebuah firma Undang-Undang Korporat utama. Idrus menyertai TM pada 1 Disember 2009 sebagai Ketua Perundangan dan Pematuhan, dan menjawat jawatan Setiausaha Syarikat TM pada 18 Januari 2010.

Gazali Harun

Ketua Pegawai Perolehan

Gazali, 52 tahun, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kewangan) dari Northern Illinois University, Amerika Syarikat dan memperolehi Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan dari Governors State University, juga di Amerika Syarikat pada tahun 1982. Beliau juga merupakan Akauntan Bertauliah Institut Akauntan Malaysia (MIA). Beliau memperolehi pengalaman luas dalam bidang perbankan dan kewangan korporat semasa berkhidmat di bank saudagar tempatan sebelum menyertai TM pada tahun 1990. Beliau pernah bertanggungjawab dalam pelbagai tugas kewangan di TM termasuk pengurusan perbendaharaan, perolehan dana, pengambilalihan, perhubungan pelabur dan memantau Program Pengurusan Risiko Kumpulan. Beliau merupakan Naib Presiden, Kewangan, TM Wholesale sebelum dilantik sebagai Ketua Pegawai Perolehan sejak 1 Jun 2005.



Ahmad Ismail

Ketua Pegawai Korporat
dan Kawal Selia

Ahmad, 50 tahun, berkelulusan Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dari University of Aston di Birmingham, United Kingdom. Beliau kemudiannya memperolehi Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Multimedia, Cyberjaya. Beliau menyertai TM pada 1983 sebagai Penolong Kawalan Telekom dan pernah menyandang pelbagai jawatan jurutera sebelum diberi tanggungjawab di bahagian pengurusan. Selama 27 tahun bersama Kumpulan TM, beliau pernah menyandang jawatan sebagai Pengarah Urusan TM International Bangladesh dan Pengurus Besar, Strategi Perniagaan TM Retail dan Ketua Pegawai Strategi di Bahagian Strategi Telco. Sebelum itu, Ahmad juga pernah memegang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Telekom Sales & Services Sdn Bhd dan Pengurus Besar di Pulau Pinang dan Melaka. Beliau menyandang jawatan Naib Presiden, Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan pada tahun 2008 dan kemudiannya dilantik sebagai Naib Presiden Pejabat Pengurusan Program dan Prestasi pada Julai 2010. Ahmad dilantik ke jawatan sekarang sebagai Ketua Pegawai Korporat dan Kawal Selia pada 1 Oktober 2010.

Hashim Mohammed

Ketua Audit Dalam

Hashim, 51 tahun, adalah alumni King's College London, berkelulusan Sarjana Muda Sains dari Queen Elizabeth College yang kini sebahagian daripada King's College London. Beliau merupakan Ahli Kimia Bertauliah dan Saintis Bertauliah dari Royal Society of Chemistry, London. Hashim memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan Pengurusan Antarabangsa dari RMIT University, Melbourne, Australia. Beliau kini merupakan Presiden Institut Juruaudit Dalam Malaysia, Ahli Australian Institute of Company Directors dan ahli jawatankuasa Indeks Tadbir Urus Korporat Malaysia, Ahli Australian Institute of Company Directors dan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti. Hashim pernah menyandang pelbagai jawatan pengurusan di Shell selama 21 tahun, termasuk di bahagian pemasaran, jualan, pembuatan, operasi, logistik, teknologi maklumat dan audit dalaman. Beliau juga bertanggungjawab ke atas perkhidmatan audit dalaman dan menguruskan pasukan audit bagi kawasan Asia Pasifik dan Timur Tengah serta merupakan Setiausaha Jawatankuasa Audit Shell Refining Company (FOM) Berhad. Hashim merupakan Setiausaha Jawatankuasa Audit Lembaga TM sehingga 27 Oktober 2010.

Rafaai Samsi

Naib Presiden Eksekutif,
Wholesale

Rafaai, 53 tahun, memperolehi Sarjana Muda Sains dengan kepujian dalam bidang Kejuruteraan Elektronik dari Brighton University, United Kingdom pada tahun 1986 dan kemudiannya Sarjana Pengurusan Komunikasi dari Strathclyde University, United Kingdom pada tahun 2005. Kerjaya beliau di bidang telekomunikasi bermula di Jabatan Telekom Malaysia pada tahun 1978 sebagai Pembantu Teknik, dan kemudiannya memegang pelbagai tugas utama dalam Kumpulan TM. Beliau pernah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Meganet Communications Sdn Bhd, sebuah anak syarikat TM pada bulan Julai 1997 sebelum kembali semula ke TM pada bulan Julai 2001 dan ditugaskan sebagai Pengurus Besar di beberapa bahagian operasi TM termasuk operasi perniagaan di peringkat negeri, Pembangunan Pasaran dan Bahagian Perkhidmatan Pengendali Perkhidmatan Domestik. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Naib Presiden Pemasaran dan Jualan pada bulan Oktober 2006 dan seterusnya dilantik sebagai Naib Presiden Eksekutif, Wholesale pada 1 Julai 2008.

Imri Mokhtar

Naib Presiden Eksekutif,
Pengguna

Imri, 37 tahun, berkelulusan Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dan Pengajian Pengurusan dengan Ijazah Kelas Pertama dari University College of London pada tahun 1996, di bawah tajaan biasiswa TM. Beliau memulakan kerjaya di ACASIA, sebuah syarikat usaha sama ASEAN-TM, sebelum menyertai McKinsey & Company, sebuah firma perunding pengurusan antarabangsa yang berpejabat di Kuala Lumpur, memberi khidmat kepada pelanggan-pelanggan dalam sektor kewangan dan telekomunikasi. Beliau pernah berkhidmat di Astro, sebuah stesen TV berbayar di mana beliau bertanggungjawab mewujudkan dan mengetuai perniagaan TV interaktif sebelum menyertai semula TM pada bulan Ogos 2005 sebagai Pengurus Besar, Pembangunan Strategi. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengurus Besar, Pejabat Pengurusan Program sebelum menyandang jawatan sebagai Naib Presiden, Pejabat Pengurusan Program dan Prestasi pada Jun 2008. Imri dilantik ke jawatan sekarang sebagai Naib Presiden Eksekutif Pengguna pada 15 Julai 2010 dan bertanggungjawab menguruskan segmen perniagaan Pengguna Kumpulan TM.

Shanti Jusnita Johari

Naib Presiden Eksekutif, PKS

Shanti Jusnita, 35 tahun, berkelulusan Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektronik) dari Vanderbilt University, Amerika Syarikat dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Teknologi Malaysia, kedua-duanya di bawah tajaan biasiswa TM. Lahir dari kumpulan bakat TM sendiri, kerjaya beliau tertumpu kepada pembangunan pasaran runcit telekomunikasi. Beliau menyertai TM pada tahun 1997 di bahagian Jualan Korporat dan Multinasional, di mana beliau terlibat dalam pelbagai bidang operasi perniagaan termasuk pengurusan akaun utama, jualan dan perundingan produk. Pada tahun 2005, Shanti telah menyertai Pejabat Strategi Perniagaan dan Pengurusan, TM Retail, bertanggungjawab ke atas strategi pembangunan dan pengurusan operasi TM Retail. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengurus Besar di bahagian yang sama pada bulan Julai 2007, sebelum menyandang jawatan sekarang sebagai Naib Presiden Eksekutif, PKS pada 1 Februari 2009.

Ghazali Omar

Naib Presiden Eksekutif, Perusahaan/Ketua Pegawai Eksekutif, VADS Berhad

Ghazali, 54 tahun, berkelulusan Sarjana Muda (Kepujian) dalam Kejuruteraan Elektrik & Elektronik dari University of Leeds, United Kingdom dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Multimedia, Cyberjaya. Beliau mempunyai lebih 31 tahun pengalaman dalam bidang telekomunikasi, bermula di Jabatan Telekom Malaysia pada tahun 1980 sebagai Jurutera Perancangan dan Pembangunan, khususnya dalam Komunikasi Data. Beliau telah dilantik sebagai Pengurus Besar Pemasaran dan Jualan di TM Net Sdn Bhd pada tahun 2002, dan seterusnya sebagai Naib Presiden, Jualan Perusahaan dan Kerajaan, TM Retail, pada tahun 2007 sebelum menyandang jawatan sekarang sebagai Naib Presiden Eksekutif, Perusahaan pada 1 Februari 2009. Beliau juga merupakan Pengarah Eksekutif/Ketua Pegawai Eksekutif VADS Berhad.

Dato' Kairul Annuar Mohamed Zamzam

Naib Presiden Eksekutif, Kerajaan

Dato' Kairul Annuar, 47 tahun, berkelulusan Sarjana Muda Sains Kejuruteraan dari University of Western Ontario, Kanada dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Multimedia, Cyberjaya. Beliau pernah mengikuti Latihan Lanjutan Pengurusan di INSEAD pada tahun 2003. Beliau berpengalaman lebih 20 tahun dalam industri telekomunikasi, di mana kerjaya beliau bermula di TM pada tahun 1985 sebagai Eksekutif Perancangan Sumber Manusia. Sejak itu beliau telah menyandang pelbagai jawatan termasuk di bahagian akses tempatan, rangkaian pensuisan dan transmisi. Beliau pernah dilantik sebagai Pengurus Besar Kawasan Operasi Terengganu pada tahun 1998 dan kemudiannya sebagai Pembantu Peribadi Ketua Eksekutif Kumpulan pada tahun 2002. Pada tahun 2004, beliau telah dilantik sebagai Pengurus Besar Hal Ehwal Korporat. Beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Telekom Sales & Services Sdn Bhd sebelum menyandang jawatan Naib Presiden, Bahagian Jualan Pengguna dan Perniagaan. Kini, Dato' Kairul merupakan Naib Presiden Eksekutif, Kerajaan sejak 1 Februari 2009.

Jeremy Kung Eng Chuang

Naib Presiden Eksekutif, New Media/Ketua Pegawai Eksekutif, TM Net Sdn Bhd

Jeremy, 47 tahun, berkelulusan Sarjana Muda (Kepujian) Sains Komputer dari University of Ottawa, Kanada. Beliau berpengalaman lebih 20 tahun dalam bidang teknikal dan pengurusan termasuk pembangunan sistem IT untuk media, telekomunikasi dan Niaga-ke-Pengguna (B2C). Beliau pernah berkhidmat selama tiga tahun di J.Walter Thompson dan lebih tujuh tahun di Star-TV, sebelum menyertai kumpulan syarikat PCCW Limited (PCCW), Hong Kong, selama lebih sepuluh tahun. Jawatan akhir beliau di PCCW adalah sebagai Naib Presiden Kanan Sokongan Pelanggan dan Ketua Pegawai Maklumat PCCW Global, unit perniagaan PCCW yang menyediakan perkhidmatan telekomunikasi secara global. Jeremy menyertai Kumpulan TM sebagai Ketua Pegawai Eksekutif TM Net Sdn Bhd pada 20 Mei 2008. Beliau dilantik sebagai Naib Presiden Eksekutif, Pengguna TM pada 1 Februari 2009 dan seterusnya Naib Presiden, New Media berkuat kuasa 15 Julai 2010. Pada masa yang sama beliau kekal sebagai Ketua Pegawai Eksekutif TM Net.



Mohamad Rozaimy Abd Rahman

Naib Presiden Eksekutif,
Global

Rozaimy, 39 tahun, berkelulusan Sarjana Muda Pengagihan Pengkomputeran, dan Sarjana Pengurusan Teknologi dari University of East London. Beliau pernah mengikuti program "Advance IP and Technology Management" di AT&T School of Business and Technology dan mendapat latihan pertama dalam teknologi telekomunikasi di AT&T Bell Labs di New Jersey, Amerika Syarikat. Beliau berpengalaman lebih 15 tahun dalam industri telekomunikasi, bermula sebagai Jurutera Sistem di AT&T Network Systems sebelum menyertai Concert Global Network, sebuah syarikat usaha sama di antara AT&T dan British Telecom. Beliau kembali ke AT&T sebagai Pengarah Jualan AT&T Global Wholesale, dan bertanggungjawab ke atas pasaran di Asia Tenggara dan Asia Selatan, sebelum menyertai TM pada tahun 2006 sebagai Pengurus Besar Pemasaran Produk. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Naib Presiden TM Global, bertanggungjawab ke atas Pejabat-pejabat Wilayah TM di United Kingdom, Amerika Syarikat, Hong Kong dan Singapura sebelum menyandang jawatan sebagai Ketua Pegawai Operasi di bahagian yang sama pada 1 Julai 2008. Beliau mula memegang jawatan Naib Presiden Eksekutif Global pada 1 Februari 2009.

Zam Ariffin Ismail

Naib Presiden, Perniagaan
Sokongan

Zam Ariffin, 47 tahun, berkelulusan Sarjana Perakaunan Profesional dari St. Louis University, dan Sarjana Muda Sains Perakaunan dari Emporia State University, keduanya di Amerika Syarikat. Beliau juga merupakan Akauntan Bertauliah Institut Akauntan Malaysia (MIA). Zam Ariffin memulakan kerjaya sebagai Pegawai Bon di Cagamas Berhad pada tahun 1987. Beliau menyertai TM pada tahun 1989, di Bahagian Kewangan Korporat sebagai Penolong Pengurus Besar Pembiayaan dan Projek Khas, sebelum dilantik sebagai Pengurus Besar Kewangan Telekom Cellular Sdn Bhd pada tahun 1996. Dari tahun 2000 hingga tahun 2006, beliau telah berkhidmat di Maxis Communications Berhad sebagai Ketua dan Pengurus Kanan, Bahagian Perniagaan dan Perancangan Kewangan, Bahagian Kejuruteraan Rangkaian dan Operasi dan kemudiannya di bahagian Pengurusan Kontrak, Bahagian Kewangan dan Pentadbiran, sebelum menyertai semula TM sebagai Pengurus Besar, TM Ventures. Beliau merupakan Pengurus Besar, Pengurusan Subsidiari, Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Transformasi Kumpulan sebelum dilantik ke jawatan sekarang sebagai Naib Presiden, Perniagaan Sokongan.

Izlyn Ramli

Naib Presiden, Komunikasi
Korporat Kumpulan

Izlyn, 40 tahun, berkelulusan Sarjana dengan Kepujian dari City University (Cass) Business School, London dengan pengkhususan dalam Pengurusan Strategik Teknologi dan e-Perniagaan dan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari University College London. Kerjaya beliau bermula pada tahun 1992 di PricewaterhouseCoopers, sebelum menyertai BzW Capital sebagai penganalisa pelaburan. Izlyn menyertai TM pada tahun 1998 dan berkhidmat di bahagian Strategi dan Perancangan Kumpulan selama sepuluh tahun. Beliau juga dilantik sebagai Pembantu Peribadi kepada Pengerusi Kumpulan TM dari tahun 2006-2008, dan bertindak sebagai pegawai perhubungan utama polisi untuk organisasi-organisasi kebangsaan dan antarabangsa, termasuk APEC (Asia-Pacific Economic Cooperation), ABAC [APEC Business Advisory Council] dan UNGAID (United Nations Global Alliance), menumpukan pada pembangunan bidang ICT serta penggunaannya. Ekoran daripada proses pengasingan TM, Izlyn telah berpindah ke Axiata Group Berhad (Axiata) dan kemudiannya dinaikkan pangkat untuk mengetuai bahagian Komunikasi Korporat. Beliau merupakan ahli utama pasukan penjenamaan semula Axiata serta bertanggungjawab merangka Strategi Tanggungjawab Korporat baru Axiata. Izlyn kembali semula ke TM sebagai Naib Presiden Komunikasi Korporat Kumpulan pada 1 Oktober 2010.

Zaleha Abu Bakar

Naib Presiden, Pengurusan
Perniagaan Perusahaan

Zaleha, 50 tahun, berkelulusan Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dari Brighton University, United Kingdom dan Sarjana Sistem Komunikasi dari University College Swansea, United Kingdom. Kerjaya beliau dalam bidang telekomunikasi bermula di Jabatan Telekom Malaysia pada tahun 1983, di mana beliau bertanggungjawab dalam Operasi Pensuisan di Perak. Beliau kemudiannya bertukar ke Kuala Lumpur dan bertanggungjawab menguruskan operasi dan penyelenggaraan ibusawat utama di sekitar kawasan Segi Tiga Kuala Lumpur. Beliau terus mempelbagaikan pengalaman di TM di bahagian operasi rangkaian dan pengurusan kawal selia. Zaleha merupakan ahli kumpulan projek Pelaksanaan Perniagaan TM Wholesale dan kemudiannya mengetuai Pengurusan dan Pembangunan Produk Wholesale. Beliau juga mewakili TM dalam pelbagai aktiviti syarikat-syarikat telekomunikasi seperti Pengerusi kumpulan kerja Malaysian Access Forum Berhad (MAFB) dan ahli jawatankuasa MylX Association. Zaleha merupakan Ketua Pengurusan Perniagaan Perusahaan sebelum dilantik sebagai Naib Presiden di bahagian yang sama pada 1 Januari 2011.

Azizi A Hadi

Naib Presiden, Produk Runcit

Azizi, 46 tahun, berkelulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Putra Malaysia dan Sarjana Muda Sains dalam Kejuruteraan Elektrik dari Wichita State University, Amerika Syarikat. Beliau berpengalaman lebih 23 tahun dalam industri telekomunikasi termasuk dalam kejuruteraan, operasi, jualan, pengurusan dan pembangunan produk. Azizi memulakan kerjaya bersama Tentera Darat Malaysia sebagai Pegawai Kejuruteraan di Rejimen Semboyan DiRaja dari tahun 1987 sehingga 1996. Beliau bertanggungjawab merancang rangkaian radio taktikal, menilai kelengkapan baru dan latihan. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengurus Pembangunan Perniagaan Kawasan di Global One, sebuah syarikat pembekal perkhidmatan antarabangsa, di mana beliau bertanggungjawab di bahagian jualan syarikat multinasional pada tahun 1999. Beliau merupakan Ketua Unit Perniagaan Jalur Lebar dan Kejuruteraan Rangkaian dan Operasi di Maxis Communications Berhad sebelum menyertai TM sebagai Pengurus Besar, Teknologi dan Inovasi pada tahun 2007. Azizi telah dilantik sebagai Naib Presiden, Produk Runcit TM pada 1 Februari 2009.

Asmawati Yusof

Naib Presiden, Pembangunan Rangkaian

Asmawati Yusof, 50 tahun, berkelulusan Sarjana (Kepujian) Sistem Komunikasi dari University of Wales, Swansea dan Sarjana Pengurusan Komunikasi dari University of Strathclyde, Glasgow, Scotland. Beliau memulakan kerjaya di TM sebagai jurutera di Bayan Baru, Pulau Pinang. Beliau kemudiannya bertugas di bahagian Projek CASS, satu inisiatif utama Teknologi Maklumat TM. Asmawati merupakan Pengurus Besar Lebuhraya Maklumat Korporat di mana beliau bertugas sebagai perintis projek yang mendirikan infrastruktur bagi Ganti Bingkai (Frame Relay), Mod Pindah Tak Segera (ATM) dan Rangkaian Persendirian Maya Protokol Internet (IPVPN) untuk capaian Perkhidmatan Rangkaian Terurus syarikat-syarikat besar. Beliau juga terlibat dalam pengembangan berterusan infrastruktur internet TM untuk mengekalkan kadar pertumbuhan tinggi pengguna jalur lebar. Asmawati kini mengetuai transformasi legasi rangkaian TM kepada Protokol Internet dan pemindahan sepenuhnya kepada Rangkaian Generasi Akan Datang (NGN). Beliau telah dilantik sebagai Naib Presiden Pembangunan Rangkaian sejak April 2007 dan bertanggungjawab terhadap pembangunan rangkaian akses dan teras TM.

Nor Akmar Md Yunus

Naib Presiden, Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB), Pejabat Pengurusan Program

Nor Akmar, 55 tahun, berkelulusan Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dari Sunderland University, United Kingdom. Kerjaya beliau bermula di Jabatan Telekom Malaysia pada tahun 1979 sebagai Penolong Kawalan dan seterusnya Jurutera Perancang. Beliau kemudiannya membantu dalam pembangunan Pelan Induk Rangkaian di awal tahun 1990an dan seterusnya Program Transformasi Rangkaian yang bermula pertengahan tahun 1990an. Nor Akmar kemudiannya berkhidmat di bahagian Strategi Korporat dari tahun 1998 sehingga 2002. Beliau menyertai Pejabat Pengurusan Program (PMO) yang menyelia penstrukturan Kumpulan TM. Beliau sekali lagi terlibat dalam penyeliaan penstrukturan semula TM Telco kepada TM Wholesale dan TM Retail. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengurus Besar Strategi Perniagaan di TM Wholesale. Pada tahun 2007, Nor Akmar sekali lagi diminta untuk membantu penubuhan PMO bagi menyelia pelaksanaan rangkaian HSBB TM. Beliau kini menjawat jawatan sebagai Naib Presiden HSBB PMO.

Sherene Azura Azli

Naib Presiden, Strategi dan Pembangunan Perniagaan

Sherene, 37 tahun, berkelulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Durham, United Kingdom, dan Sarjana Muda Pengajian Perniagaan (Kepujian) dalam Perakaunan dan Kewangan dari University of Limerick, Ireland. Sherene mempunyai 14 tahun pengalaman dalam industri telekomunikasi bermula di TM pada tahun 1996 sebagai penganalisa kewangan. Beliau terlibat dalam pelbagai bidang tugas termasuk di bahagian Strategi Harga, Pembangunan Pemasaran dan Penyelidikan, Kesetiaan Pelanggan dan Pengekalan, Pengurusan Perhubungan Pelanggan, Pengurusan Kos dan Perniagaan Global. Beliau berpengetahuan luas dalam perniagaan dan operasi telekomunikasi global hasil dari pengalaman bekerja sebagai Pengurus Penyelidikan di Irish Telecommunications Investment Plc, Dublin. Sherene merupakan Pengurus Besar Unit Harga Dinamik yang bertanggungjawab terhadap strategi dan penetapan harga bagi produk-produk dan perkhidmatan TM, sebelum dilantik sebagai Naib Presiden Pemasaran Kumpulan pada 2009. Beliau menyandang jawatan Naib Presiden, Strategi dan Pembangunan Perniagaan pada 15 Julai 2010.

Nizam Arshad

Naib Presiden, Teknologi
Maklumat

Nizam, 47 tahun, berkelulusan Sarjana Muda Sains dalam Kejuruteraan Komputer dari Case Western Reserve University, Cleveland, Ohio, Amerika Syarikat. Kerjaya beliau di bidang ICT bermula di Nixdorf Computer di mana beliau terlibat dalam projek pengkomputeran bagi sebuah syarikat utiliti kebangsaan. Beliau seterusnya terlibat dalam pelbagai tugas termasuk sistem sokongan, pengurusan solusi dan penyelesaian pelanggan selama lebih 18 tahun di pelbagai syarikat termasuk Mesiniaga Berhad, Celcom Axiata Berhad, Ericsson AB, IBM (Malaysia) Sdn Bhd and Sun Microsystems Inc. Beliau menyertai TM pada tahun 2007, sebagai Pengurus Besar Seni Bina Teknologi Maklumat. Nizam kemudiannya dilantik sebagai Naib Presiden Teknologi Maklumat pada tahun 2008 untuk mengetuai transformasi Teknologi Maklumat bagi menyokong perkhidmatan generasi baru TM.

Hamidah Mahmud

Naib Presiden, Pengurusan
Khidmat Pelanggan

Hamidah, 55 tahun, berkelulusan Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dari University of Birmingham, United Kingdom pada tahun 1980 dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Multimedia, Cyberjaya pada tahun 2000. Beliau berpengalaman lebih 31 tahun dalam industri telekomunikasi dan mula menyertai TM pada tahun 1989 sebagai Penolong Pengurus di Unit Pemasaran Kawasan Tengah. Pada tahun 1999, beliau telah ditugaskan sebagai Pengurus Besar Bahagian Jualan Pengguna Korporat dan Bahagian Perundingan Produk Data dan Pengurusan Program masing-masing selama dua tahun, dan seterusnya di Bahagian Strategi Perniagaan untuk tempoh satu tahun. Hamidah kemudiannya mengetuai Operasi Perniagaan Negeri di Koridor Raya Multimedia dan Kuala Lumpur dari tahun 2005 hingga 2009. Beliau dilantik ke jawatan sekarang sebagai Naib Presiden Pengurusan Khidmat Pelanggan pada 15 Julai 2010.

Dr Mazlan Ismail

Naib Presiden, Operasi
Rangkaian Kebangsaan

Dr Mazlan Ismail, 50 tahun, berkelulusan Sarjana Muda dalam Komunikasi Elektronik dari University of Salford United Kingdom, Sarjana Operasi Telekomunikasi dari Coventry University, United Kingdom dan Kedoktoran Kejuruteraan dari Business & Advanced Technology Centre, Universiti Teknologi Malaysia. Kedua-dua ijazah sarjana dan kedoktoran tersebut adalah tajaan biasiswa TM. Lahir dari program Pembangunan Kepimpinan TM, kerjaya beliau bertumpu ke arah membina kecemerlangan operasi kumpulan teknikal dalam memberi perkhidmatan dan pengalaman terbaik kepada pelanggan-pelanggan. Dr Mazlan mula menyertai TM pada tahun 1983, memegang pelbagai jawatan dalam bahagian kejuruteraan termasuk merancang, melaksana dan operasi rangkaian telekomunikasi sebelum diberi tanggungjawab dalam pelbagai bidang pengurusan. Berpengalaman lebih 27 tahun bersama Kumpulan, beliau pernah memegang jawatan sebagai Pengurus Besar Operasi Modal Insan, Pengurus Besar Operasi Rangkaian Kawasan dan kemudiannya dilantik sebagai Naib Presiden, Operasi Rangkaian Kebangsaan pada 1 September 2010.

- 109 Pegawai Tadbir (Unit Karyawati)
- 111 Pegawai Lembaga Pengarah Per Akas
Kawalan Dalam
- 112 Laporan Jawatankuasa Audit
- 113 Pegawai Audit Dalam
- 114 Laporan Jawatankuasa Risiko Lembaga
- 115 Matriks Persekitaran Tindakan
- 122 Kaji Ulang Persekitaran

akauntabiliti





penyata tadbir urus korporat

"Tadbir urus korporat merupakan proses dan struktur yang digunakan untuk mentadbir dan mengurus perniagaan dan urusan syarikat dalam mempertingkatkan kemakmuran perniagaan dan kebertanggungjawaban korporat dengan objektif utama untuk merealisasikan nilai jangka panjang pemegang saham, dengan mengambil kira kepentingan pihak-pihak berkepentingan lain"

Jawatankuasa Kewangan Tadbir Urus Korporat Malaysia
di dalam Laporan Tadbir Urus Korporat (2002)

Tadbir Urus Korporat merupakan unsur penting dalam merealisasikan wawasan TM sebagai peneraju komunikasi generasi baru Malaysia, yang memenuhi keperluan pelanggan menerusi inovasi dan kecemerlangan pelaksanaan.

Lembaga Pengarah Telekom Malaysia Berhad (TM) mengambil maklum tadbir urus korporat adalah satu pengembaraan yang tidak berpenghujung. Oleh itu, Kumpulan TM sentiasa komited dalam mencapai tahap tadbir urus yang terbaik serta sentiasa berusaha menggalakkan budaya yang berteraskan dan menganjurkan nilai etika yang baik dan integriti jitu, yang akan menyumbang ke arah pencapaian matlamat korporat dan peningkatan nilai pihak yang berkepentingan.

TM sentiasa mematuhi prinsip-prinsip dan amalan terbaik seperti yang dinyatakan di dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Kod), Garis Panduan dalam Mempertingkatkan Keberkesanan Lembaga seperti yang termaktub di dalam 'Buku Hijau' yang diperkenalkan oleh Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi GLC (PCG), Garis Panduan Tadbir Urus Korporat: Ke arah Kecemerlangan Lembaga (Garis Panduan Tadbir Urus) yang dilancarkan oleh Bursa

Malaysia Securities Berhad (Bursa Securities), Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities (Keperluan Penyenaraian Utama) dan amalan terbaik tadbir urus antarabangsa yang berkenaan.

Lembaga mengaku bahawa tadbir urus korporat adalah berkaitan pengurusan tanggapan pihak-pihak yang berkepentingan dan bukan hanya berkenaan komitmen terhadap nilai, tingkah laku beretika dan pelaksanaan amalan terbaik. Pematuhan tadbir urus bukan hanya tanggungjawab Lembaga, bahkan ianya perlu diamalkan di seluruh organisasi. Komitmen TM terbukti dengan penyelarasan proses dalaman, garis panduan dan sistem dengan amalan tadbir urus yang teguh dalam meningkatkan keberkesanan, ketelusan dan kebertanggungjawaban.

TESTIMONI TADBIR URUS KORPORAT YANG BAIK

Komitmen TM untuk merealisasikan nilai pemegang saham terbukti apabila TM berjaya merangkul anugerah-anugerah berikut di bawah Indeks tadbir Urus Korporat Malaysia 2010 (MCGI) yang dianjurkan oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Malaysia (MSWG) pada 15 Disember 2010:

- Anugerah Kecemerlangan

Industri bagi sektor Telekomunikasi

- Anugerah Kepujian (A+) di bawah *Corporate Governance Hall of Fame*
- Pengendalian Mesyuarat Agung Tahunan Terbaik

Anugerah-anugerah tersebut membuktikan usaha berterusan TM untuk memastikan ketelusan, kebertanggungjawaban dan kesaksamaan dalam pematuhan tadbir urus serta pengurusan pihak-pihak berkepentingan.

TM juga mengekalkan tradisi kecemerlangannya dalam penerbitan laporan tahunan yang berkualiti dengan memenangi anugerah-anugerah berikut sempena Anugerah Kebangsaan Laporan Tahunan (NACRA) 2010 bagi Laporan Tahunan 2009:

- Anugerah Emas bagi Kecemerlangan Keseluruhan Laporan Tahunan
- Anugerah Platinum bagi Laporan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)
- Anugerah Emas bagi Rekacipta Laporan Tahunan Terbaik
- Anugerah Perak bagi Laporan Tahunan Terbaik Bahasa Malaysia
- Anugerah Kecemerlangan Industri bagi Pasaran Utama kategori Perdagangan dan Perkhidmatan

NACRA dianjurkan bersama oleh Bursa Malaysia Berhad, Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA). Majlis NACRA 2010 ini telah diadakan pada 27 Januari 2011 bertemakan *"Menuju ke arah Kebertanggungjawaban dan Kecemerlangan"*.

Maklumat anugerah-anugerah tempatan dan antarabangsa lain yang dimenangi TM dan Kumpulan sepanjang tahun 2010 dinyatakan di dalam muka surat 26 hingga 29 dalam laporan tahunan ini.

LEMBAGA PENGARAH MENGEKALKAN LEMBAGA YANG MANTAP, SEIMBANG DAN EFEKTIF

Kumpulan TM diterajui oleh ahli-ahli Lembaga yang aktif dan berpengalaman terdiri dari pengarah-pengarah tempatan dan asing yang berpengetahuan luas dalam pelbagai bidang seperti perniagaan, kewangan, teknikal, kawal selia dan perkhidmatan awam serta berpengalaman dalam industri telekomunikasi luar negara.

Lembaga dianggotai oleh 11 ahli yang terdiri daripada seorang Pengerusi Bukan Eksekutif, dua Pengarah Eksekutif yang menyandang jawatan Pengarah Urusan/ Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Pengarah Eksekutif/Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, dua Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif serta Pengarah Ganti

mereka; dan enam Pengarah Bebas Bukan Eksekutif termasuk seorang Pengarah asing. Komposisi Lembaga Pengarah sedia ada mematuhi perenggan 15.02 Keperluan Penyenaraian Utama yang mana lebih separuh daripada jumlah ahli Lembaga diwakili oleh Pengarah Bebas. Pengarah-pengarah bebas juga mematuhi kriteria bebas sepertimana dinyatakan dalam perenggan 1.01 Keperluan Penyenaraian Utama.

Lembaga percaya bahawa bilangan dan komposisi pengarah Syarikat kini adalah wajar dan bersesuaian dengan perniagaan TM yang kompleks. Gabungan kepakaran dan pengalaman ini memberi nilai tambah dalam menguruskan hala tuju strategik dan prestasi TM, bagi mencapai objektif sebagai peneraju pembekal komunikasi generasi baru. Kepelbagaian kepakaran serta perspektif ini mengukuhkan lagi kepimpinan Syarikat di dalam industri komunikasi yang amat berdaya saing dan tertakluk kepada pengawalseliaan yang ketat.

Biografi Pengarah-pengarah seperti yang dipaparkan di muka surat 60 hingga 67 laporan tahunan ini menunjukkan pentingnya kepelbagaian pengalaman dan kepakaran di dalam pengurusan perniagaan Kumpulan TM bagi menghadapi suasana ekonomi yang mencabar.

Di samping lapan mesyuarat yang telah dijadualkan bagi membincangkan isu-isu

penting serta keputusan kewangan suku tahunan Syarikat menurut agenda yang telah dipersetujui, Lembaga juga telah mengadakan tiga mesyuarat khas bagi membincangkan isu-isu tertentu dan strategik yang memerlukan keputusan segera. Sesi khas Lembaga sepanjang tahun 2010 telah dinyatakan dalam biografi setiap Pengarah di muka surat 60 hingga 67 laporan tahunan ini. Selain itu, Lembaga Pengarah juga telah meluluskan isu-isu penting lain menerusi dua Resolusi Pekeliling Lembaga Pengarah sepanjang tahun 2010.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB LEMBAGA

Dalam menjalankan tugasnya, Lembaga sentiasa peka mengenai keperluan melindungi kepentingan para pelanggan, pelabur dan pihak-pihak berkepentingan lain.

Lembaga memikul enam teras tanggungjawab utama seperti yang dinyatakan berikut:

- Mengkaji semula dan menerimapi rancangan strategik Kumpulan.
- Mengawasi dan menilai pengendalian perniagaan Syarikat.
- Mengenal pasti dan menguruskan risiko-risiko utama.

- Perancangan penggantian ahli Pengurusan utama.
- Membangun dan melaksanakan program hubungan pelabur.
- Mengkaji kewibawaan sistem kawalan dalaman Syarikat.

Selain daripada tanggungjawab-tanggungjawab utama di atas, Lembaga juga bertanggungjawab sepenuhnya secara bebas dan mempunyai akauntabiliti bagi kelancaran proses-proses teras yang melibatkan tadbir urus Lembaga, nilai perniagaan dan etika. Bagi membolehkan para pengarah menjalankan tanggungjawab mereka secara berkesan, jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga dengan terma rujukan yang jelas telah ditubuhkan dan dianggotai ahli-ahli lembaga yang berpengalaman luas dalam industri berkaitan serta dipengerusikan oleh Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif.

Matrik Had Kuasa bagi TM dan Aliran Perniagaan serta anak-anak syarikat telah ditetapkan bagi memastikan kelulusan Lembaga diperolehi dengan sewajarnya menurut kategori urus niaga Kumpulan seperti Pegangan Saham dan Struktur Modal, Pelaburan, Penggabungan dan Pengambilalihan, Kewangan Korporat, Perolehan, Sumber Manusia, Harta Tanah, Loji dan Peralatan, Hapus Kira dan Penajaan. Matrik Had Kuasa ini telah dikaji semula pada 2010 bagi memastikan ianya selaras dengan perubahan struktur organisasi serta proses perniagaan sedia ada.



PERANAN Pengerusi, KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN, PENGARAH- PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF DAN PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF KANAN

Pengerusi Bukan Eksekutif, Datuk Dr Halim Shafie dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa, mempunyai fungsi dan peranan yang berasingan selaras dengan amalan terbaik dengan pembahagian tanggungjawab yang jelas bagi memastikan penyeliaan yang berkesan ke atas Pengurusan. Pembahagian tersebut memastikan keseimbangan peranan dan kuasa dalam Lembaga. Tambahan pula, Datuk Dr Halim Shafie tidak pernah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif atau ahli Pengurusan Syarikat sebelum ini.

Tumpuan utama Lembaga adalah terhadap hala tuju strategik, pembangunan dan kawalan Kumpulan secara menyeluruh. Oleh itu, Lembaga Pengarah akan meluluskan rancangan strategik dan belanjawan tahunan serta mengkaji semula prestasi operasi Aliran Perniagaan dan anak-anak syarikat berdasarkan belanjawan dan sasaran masing-masing sepanjang tahun. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan bertanggungjawab melaksanakan segala polisi yang diluluskan oleh Lembaga. Beliau juga perlu melapor dan membincangkan di setiap mesyuarat Lembaga Pengarah semua isu-isu penting termasuk projek-projek strategik dan perkembangan dalam kawal selia, yang akan atau berkemungkinan menjejaskan prestasi Kumpulan.

Pengerusi bertanggungjawab ke atas hubungan di antara Pengarah-pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif. Pengalaman luas beliau ketika berkhidmat di sektor kerajaan, penglibatan sebagai ahli lembaga beberapa syarikat berkaitan kerajaan dan termasuk sebagai Mantan Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, menjadikan beliau cukup bersedia untuk berinteraksi dengan pemimpin-pemimpin global industri, membina hubungan baik dengan pihak-pihak yang berkepentingan dan terlibat secara aktif dengan pelbagai institusi.

Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif mempunyai pengetahuan luas dan mendalam melalui penglibatan mereka dalam syarikat-syarikat awam dan swasta. Dengan kaliber dan kepakaran yang ada, mereka dapat memberi pandangan bebas dan saksama bagi memastikan strategi-strategi yang dicadangkan oleh pihak Pengurusan dipertimbangkan serta dinilai sepenuhnya, dengan mengambilkira kepentingan jangka panjang pemegang-pemegang saham TM dan pihak berkepentingan lain. Dengan pengalaman luas tersebut, mereka dapat membantu Lembaga dalam membuat keputusan serta perumusan polisi-polisi.

Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif bertanggungjawab mewakili dan melindungi hak pemegang-pemegang saham minoriti. Mereka tidak bergantung kepada pihak Pengurusan dan bebas dari apa-apa kepentingan perniagaan atau lain-lain hubungan yang

berkemungkinan mempengaruhi keputusan bebas mereka. Mereka mempunyai peranan yang penting dalam memastikan pandangan bebas dan objektif, serta perbincangan yang berkesan, termasuk mempertikai dan mencabar cadangan-cadangan yang dikemukakan pihak Pengurusan. Ini dapat memastikan strategi-strategi yang dicadangkan oleh pihak Pengurusan dipertimbangkan serta dinilai sepenuhnya, dengan mengambilkira kepentingan pemegang-pemegang saham, wargakerja, pelanggan-pelanggan dan pelbagai komuniti yang bergantung kepada perkhidmatan Kumpulan. Kebebasan Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif sentiasa dikaji semula dan diselaraskan berasaskan amalan terbaik dan peruntukan pematuhan yang berkaitan.

Di samping itu, pada 21 Mei 2009, Lembaga telah memutuskan pelantikan Dato' Danapalan T.P. Vinggrasalam sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan (Pengarah Bebas Kanan), yang mana pemegang-pemegang saham dan orang awam boleh menyampaikan sebarang kemusykilan berkenaan Kumpulan. Dato' Danapalan juga merupakan wakil dan jurucakap bagi Pengarah-pengarah Bebas secara berkumpulan.

Sebagai Pengarah Bebas Kanan, Dato' Danapalan perlu memastikan setiap pandangan Pengarah Bukan Eksekutif diambilkira dengan sewajarnya dan bertindak sebagai penghubung di antara Pengarah Bukan Eksekutif dan pemegang-pemegang saham,

yang merupakan saluran perhubungan tambahan kepada saluran sedia ada. Pengarah Bebas Kanan juga hendaklah mempertingkatkan amalan tadbir urus korporat yang berkesan dan memastikan tanggungjawab Syarikat terhadap pemegang saham difahami dan dipatuhi. Pengarah Bebas Kanan bebas sepenuhnya daripada pihak Pengurusan dan mempunyai peranan dan pengaruh yang besar di dalam Lembaga. Pengarah Bebas Kanan hendaklah:

- bersedia berbincang secara sulit dengan Pengarah Bukan Eksekutif lain yang mungkin khuatir pandangan mereka tidak diambilkira sepenuhnya oleh Lembaga Pengarah.
- berkuasa untuk memanggil mesyuarat Pengarah Bukan Eksekutif, sekiranya perlu.
- mengetuai mesyuarat Pengarah Bukan Eksekutif tanpa kehadiran Pengerusi sekurang-kurangnya sekali setahun untuk menilai prestasi Pengerusi dengan mengambil kira pandangan Pengarah-pengarah Eksekutif dan untuk perbincangan lain, sekiranya perlu.
- mengekalkan hubungan dengan pemegang-pemegang saham utama untuk mendengar pandangan mereka dan membantu Lembaga memahami isu-isu dan masalah yang mereka kemukakan.

- memaklumkan kepada Lembaga sebarang masalah berkaitan pemegang-pemegang saham yang belum diselesaikan melalui mekanisme sedia ada untuk komunikasi pelabur.

Segala permasalahan mengenai Kumpulan boleh disalurkan ke alamat e-mel Pengarah Bebas Kanan, sid@tm.com.my, seperti yang tertera di laman web Syarikat.

PROSES PELANTIKAN LEMBAGA

Syarikat telah menetapkan prosedur rasmi yang telus bagi pelantikan Pengarah-pengarah baru. Pelantikan ahli Lembaga Pengarah dibuat sama ada oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD), sebagai Pemegang Saham Khas selaras dengan peruntukan Artikel 109 Tataurus Syarikat, atau oleh Lembaga Pengarah sendiri selaras dengan peruntukan Artikel 98(1) Tataurus Syarikat.

Kesemua calon Lembaga perlu dipertimbangkan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran Lembaga (JPG), yang mengambil kira kemahiran dan pengalaman serta kualiti lain yang diperlukan dalam menguruskan perniagaan komunikasi yang tertakluk kepada pengawalseliaan yang ketat, sebelum pelantikan mereka disyorkan kepada Lembaga.

Walaupun Lembaga bertanggungjawab untuk melantik ahli lembaga baru, proses pemilihan dan penilaian

awal, termasuk pencarian luar, dijalankan oleh JPG terlebih dahulu dengan menilai kebolehan dan kesesuaian calon-calon untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Pengarah, sebelum disyorkan kepada Lembaga untuk kelulusan.

PENILAIAN KEBERKESANAN LEMBAGA

Penilaian Prestasi Lembaga Penilaian Prestasi yang rasmi, mula digunakan pada tahun 2004 dan telah dikaji semula pada tahun 2006, 2008, 2009 dan 2010 merangkumi Penilaian Keberkesanan Lembaga, Penilaian Keberkesanan Jawatankuasa Lembaga serta Penilaian Diri Pengarah/Sesama Sendiri. Penilaian Prestasi tersebut dibentuk dengan terperinci bagi mengekalkan persepaduan Lembaga dan meningkatkan keberkesanan Lembaga, serta memudahkan Lembaga untuk memberi tumpuan kepada perkara-perkara penting yang perlu ditangani.

Keberkesanan Lembaga dinilai berdasarkan petunjuk prestasi yang mengambil kira aspek keahlian, pentadbiran dan proses, tanggungjawab, akauntabiliti, ketertiban Lembaga serta hubungan dan interaksi dengan pihak Pengurusan dan pihak berkepentingan lain serta penilaian ke atas Pengerusi Lembaga dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Petunjuk prestasi bagi setiap pengarah mengambil kira sumbangan interaktif, pemahaman peranan pengarah dan mutu sumbangan mereka.

Penilaian Prestasi ini melibatkan soal selidik berkenaan keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhannya, serta jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga. Struktur, proses, akauntabiliti dan tanggungjawab kesemua Jawatankuasa Lembaga dinilai sepenuhnya bagi memastikan keberkesanannya. Manakala, kaji selidik berasingan juga perlu dilengkapkan oleh Pengarah-pengarah bagi Penilaian Diri/Sesama Sendiri. Soal selidik tersebut telah disemak semula pada tahun 2010 bagi memastikan penilaian rapi mengenai aspek sumbangan, personaliti dan kualiti setiap Pengarah secara individu.

Bagi memastikan kebebasan dan ketelusan proses penilaian, Syarikat telah menggunakan khidmat penasihat bebas, PricewaterhouseCoopers Advisory Services Sdn Bhd (PwCAS) untuk menganalisa dan membentangkan laporan keputusan proses penilaian. Proses tersebut melibatkan temu bual dengan Lembaga bagi analisa keputusan yang lebih mendalam dan lengkap. Keputusan ini akan dimaklumkan oleh PwCAS kepada Pengerusi Lembaga serta Pengerusi JPG. Kesemua ahli Lembaga akan diberikan keputusan penilaian masing-masing dan sesama mereka sebagai perbandingan.

Seterusnya, laporan ringkas Penilaian Prestasi serta analisa perbandingan keputusan tahun sebelumnya akan dibentangkan kepada Lembaga bagi membolehkan

Lembaga mengenalpasti perkara yang perlu diperbaiki. Berdasarkan Penilaian Prestasi terkini, Lembaga telah mengenalpasti perkara-perkara berikut yang perlu penambahbaikan:-

- Pengurusan Modal Insan
- Strategi jangka panjang dan rancangan pelaksanaan Jalur Lebar Berkelanjutan Tinggi (HSBB)
- Kualiti perkhidmatan dan kepuasan pelanggan
- Perhubungan Pelabur
- Pengurusan Risiko

Lembaga telah menganalisa laporan Penilaian Prestasi tersebut dan telah melaksanakan penambahbaikan yang perlu bagi memastikan keberkesanan Lembaga dan Kumpulan TM. Antara perkara penting yang dibincangkan adalah usaha untuk menambahbaik perkhidmatan Syarikat bagi memastikan kepuasan pelanggan secara menyeluruh, serta Program Perhubungan Pelabur. Manakala, hal-hal berkenaan Modal Insan dan Rancangan Penggantian Pengurusan dibincangkan dengan mendalam di mesyuarat JPG. Strategi jangka panjang dan pelaksanaan HSBB pula dibincangkan oleh Pengurusan dan dimaklumkan kepada Lembaga di setiap mesyuarat Lembaga Pengarah. Selain itu, Jawatankuasa Risiko Lembaga telah ditubuhkan dalam usaha untuk memantau profil risiko dan amalan tadbir urus Kumpulan.



PELANTIKAN SEMULA PENGARAH-PENGARAH

Selaras dengan Keperluan Penyenaraian Utama dan Artikel 103 Tataurus Syarikat, kesemua Pengarah adalah tertakluk kepada pelantikan semula secara bergilir setiap tiga tahun manakala pelantikan semula Pengarah-pengarah hendaklah diadakan di setiap Mesyuarat Agung Tahunan. Pengarah-pengarah Eksekutif juga tertakluk kepada pelantikan semula secara bergilir. Menurut Artikel 98(2) Tataurus Syarikat dan Akta Syarikat 1965, ahli Lembaga yang dilantik untuk mengisi kekosongan keahlian akan memegang jawatan tersebut sehingga Mesyuarat Agung Tahunan yang seterusnya dan layak untuk dilantik semula.

Pelantikan dan pemilihan Pengarah di Mesyuarat Agung Tahunan adalah tertakluk kepada penilaian dan cadangan JPG dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah dan seterusnya kepada pemegang saham untuk kelulusan. Butiran Pengarah-pengarah yang dicadangkan untuk pelantikan semula dinyatakan dalam Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat ke-26 yang dijadualkan pada 10 Mei 2011.

Pelantikan semula para Pengarah ini memberi peluang kepada pemegang-pemegang saham untuk menilai semula keahlian Lembaga secara berterusan.

GANJARAN PARA PENGARAH

Polisi dan rangka kerja ganjaran Pengarah-pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif sentiasa disemak mengikut amalan pasaran oleh JPG, yang seterusnya akan dibentangkan kepada Lembaga untuk kelulusan.

Penilaian prestasi Pengarah-pengarah Eksekutif (termasuk Pengurusan di bawah kategori jawatan utama dan Setiausaha Syarikat) juga dikaji semula secara tahunan oleh JPG, yang mana sebarang cadangan semakan semula gaji dan/atau ganjaran akan dikemukakan kepada Lembaga, sesuai dengan sumbangan dan prestasi mereka bagi tahun yang berkenaan. Ganjaran ini adalah wajar, selaras dengan matlamat korporat, budaya dan strategi Syarikat.

Sebagai pengarah-pengarah Eksekutif, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan dibayar gaji, elaun, bonus serta lain-lain manfaat biasa yang sewajarnya sebagai ahli Pengurusan Kanan. Lembaga Pengarah telah meluluskan Pelan Insentif Jangka Panjang (Pelan Insentif) dalam bentuk Hak Saham Penghargaan kepada Pengarah-pengarah Eksekutif. TM membuat semakan gaji mengikut pasaran untuk jawatan sama di syarikat-syarikat yang sama saiznya bagi menentukan tahap ganjaran yang wajar. Dengan yang demikian, Lembaga dan JPG dapat memastikan pakej ganjaran Pengarah-pengarah Eksekutif

adalah sesuai serta dapat menarik minat dan mengekalkan calon-calon yang berkaliber.

TM juga telah menggunakan panduan yang dinyatakan dalam 'Buku Biru' mengenai Pengukuhan Prestasi Pengurusan dan Ganjaran Berdasarkan Prestasi yang diperkenalkan oleh PCG, untuk digunakan oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). Selaras dengan panduan tersebut, sebahagian besar pakej ganjaran bagi Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan dan lain-lain eksekutif ditentukan mengikut prestasi individu berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) mereka, selaras dengan Kad Skor Seimbang ("Balanced Scorecard") Kumpulan. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan serta pegawai-pegawai yang melapor terus kepadanya diberi ganjaran berdasarkan gabungan pencapaian KPI dan maklum balas penilaian 360 darjah mereka.

Dalam usaha berterusan memastikan ketelusan kepada pihak awam, TM telah mengumumkan KPI Utama untuk tahun 2011 hingga 2013 pada 25 Februari 2011. Sasaran KPI Utama ini telah ditetapkan dan dipersetujui Lembaga dan Pengurusan sebagai sebahagian daripada rangka kerja KPI yang digunakan, sepertimana yang dinyatakan dalam Program Transformasi GLC.

Lembaga secara sepakat menentukan ganjaran bagi Pengarah Bukan Eksekutif yang mana setiap pengarah individu tidak akan terlibat dalam keputusan yang melibatkan ganjaran mereka sendiri. Yuran bulanan Pengarah Bukan Eksekutif adalah tetap dan mereka dibayar elaun menurut jumlah mesyuarat yang dihadiri dalam tahun yang berkenaan. Pengarah Bukan Eksekutif juga tidak layak untuk menyertai Skim Opsyen Saham Kakitangan dan sebarang skim insentif berkaitan prestasi selaras dengan peruntukan di dalam Buku Biru, untuk memastikan tindakan dan keputusan yang wajar dan mengelak daripada sebarang tindakan jangka pendek yang mungkin memudaratkan Syarikat. Walau bagaimanapun, mereka layak dibayar elaun-elaun lain seperti elaun perjalanan luar negara dan elaun bil telefon.

Sebagai Pengarah Eksekutif, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan tidak menerima yuran Pengarah atau elaun mesyuarat bagi mesyuarat-mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga yang mereka hadiri. Pengarah-pengarah Eksekutif juga sedia maklum bahawa mereka perlu memastikan ketidakhadiran mereka di mesyuarat-mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga di mana ganjaran prestasi atau semakan semula ganjaran mereka dibincangkan.

Butir-butir ganjaran setiap Pengarah Syarikat dikategorikan dalam komponen tertentu bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 adalah seperti berikut:

NAMA PENGARAH	GAJI (RM)	BONUS (RM)	YURAN (RM)	ELAUN (RM)	KERAJIAN (RM)	JUMLAH (RM)
PENGARAH-PENGARAH EKSEKUTIF BUKAN BEBAS:						
Dato' Sri Zamzamairani Mohd Isa	¹ 1,241,276.00	² 460,400.00	—	³ 60,000.00	214,136.95	1,975,812.95
Datuk Bazlan Osman	¹ 749,881.00	² 381,352.00	—	³ 60,000.00	75,676.61	1,266,909.61
PENGARAH-PENGARAH BUKAN BEBAS BUKAN EKSEKUTIF:						
Datuk Dr Halim Shafie	—	—	299,000.00	31,500.00	39,600.00	370,100.00
Dato' Zalekha Hassan	—	—	120,000.00	19,000.00	70,305.09	209,305.09
Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin	—	—	⁴ 120,000.00	⁵ 38,350.00	75,441.42	233,791.42
PENGARAH-PENGARAH GANTI (BUKAN BEBAS BUKAN EKSEKUTIF):						
Eshah Meor Suleiman (Pengarah Ganti kepada Dato' Zalekha Hassan)	—	—	—	1,000.00	3,735.73	4,735.73
Dr Farid Mohamed Sani (Pengarah Ganti kepada Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin)	—	—	—	⁶ 7,650.00	220.40	7,870.40
PENGARAH-PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF:						
YB Datuk Nur Jazlan Tan Sri Mohamed	—	—	120,000.00	16,950.00	78,088.90	215,038.90
Dato' Ir Abdul Rahim Abu Bakar	—	—	120,000.00	19,800.00	11,843.71	151,643.71
Dato' Danapalan T.P. Vinggrasalam	—	—	180,000.00	42,000.00	70,646.14	292,646.14
Ibrahim Marsidi	—	—	120,000.00	35,700.00	66,370.75	222,070.75
Quah Poh Keat	—	—	120,000.00	33,100.00	4,021.78	157,121.78
Riccardo Ruggiero	—	—	120,000.00	9,000.00	63,131.72	192,131.72
JUMLAH	1,991,157.00	841,752.00	1,319,000.00	374,050.00	773,219.20	5,299,178.20

NOTA:

- ¹ Termasuk caruman Syarikat kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.
- ² Bonus bagi tahun kewangan 2009, dibayar pada tahun 2010, Pelan Insentif dan Bayaran Pelbagai.
- ³ Elaun kereta sebagai ganti peruntukan kereta Syarikat.
- ⁴ Dibayar kepada Khazanah Nasional Berhad (RM50,000.00)
- ⁵ Dibayar kepada Khazanah Nasional Berhad (RM14,500.00)
- ⁶ Dibayar kepada Khazanah Nasional Berhad



JAWATANKUASA-JAWATANKUASA LEMBAGA

Bagi membantu Lembaga menjalankan tanggungjawabnya dengan berkesan dan selaras dengan pengagihan kuasa, beberapa Jawatankuasa Lembaga telah ditubuhkan selaras dengan Artikel 118 Tataurus Syarikat.

Jawatankuasa-jawatankuasa ini mempunyai tugas yang penting berikutan suasana perniagaan yang semakin mencabar.

Kesemua jawatankuasa tersebut mempunyai terma rujukan, prosedur operasi bertulis serta had kuasa yang diluluskan Lembaga, yang dikajisemula dari masa ke semasa bagi memastikan ianya sentiasa bersesuaian dan dikemaskini.

Lembaga dimaklumkan mengenai kesemua laporan-laporan prosiding serta keputusan jawatankuasa-jawatankuasa tersebut. Sekiranya jawatankuasa-jawatankuasa tidak mempunyai kuasa untuk membuat keputusan ke atas perkara-perkara yang dikhaskan bagi Lembaga, cadangan tersebut akan dimaklumkan untuk perbincangan dan keputusan Lembaga Pengarah. Pengerusi kesemua jawatankuasa tersebut akan melaporkan keputusan serta cadangan jawatankuasa tersebut kepada Lembaga dan keputusan yang berkaitan akan direkodkan di dalam minit mesyuarat Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga adalah seperti berikut:-

- Jawatankuasa Audit
- Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran
- Jawatankuasa Tender
- Jawatankuasa Risiko
- Jawatankuasa Pelaburan
- Jawatankuasa Resolusi Pertikaian

Pada 29 Disember 2010 Lembaga telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Kecil kepada Jawatankuasa Audit Lembaga (Jawatankuasa Kecil) untuk menjalankan siasatan dalaman bebas dan menyeluruh mengenai tuduhan bayaran tidak wajar oleh Alcatel Lucent Malaysia Sdn Bhd kepada kakitangan TM. Jawatankuasa Kecil tersebut telah dibubarkan pada 2 Februari 2011 setelah siasatan menyeluruh dijalankan dan objektif utamanya dicapai.

Butiran serta kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga berkenaan sepanjang 2010 adalah seperti dinyatakan di bawah.

JAWATANKUASA AUDIT (JA)

Disamping tugas dan tanggungjawab yang dinyatakan di dalam terma rujukannya, JA membantu Lembaga dengan memberikan laporan dan pandangan yang bebas dan objektif mengenai keberkesanan dan kecekapan kawalan dalaman, pengurusan risiko dan proses tadbir urus Kumpulan TM.

Jawatankuasa ini juga mengkaji semula fungsi audit dalaman mengenai bidang kuasa, kecekapan dan skop sepertimana yang dinyatakan dalam Piagam Audit Dalaman, di samping memastikan juruaudit dalaman adalah bebas dan mempunyai kuasa secukupnya dan tanpa had untuk mendapatkan maklumat dan rekod-rekod mengenai anggota dan harta-harta Kumpulan.

Laporan lengkap berkenaan keahlian, terma rujukan, jumlah dan kehadiran ahli di mesyuarat JA serta kegiatan dan aktiviti latihan sepanjang tahun 2010 dinyatakan di muka surat 103 hingga 109 laporan tahunan ini. Selain itu, Penyata Audit Dalaman juga dinyatakan di muka surat 110 hingga 113 laporan tahunan ini.

JAWATANKUASA PENCALONAN DAN GANJARAN [JPG]

Keahlian

- Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin – Pengerusi (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
- Dato' Danapalan T.P. Vinggrasalam (Ahli/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan)
- Dato' Ir Abdul Rahim Abu Bakar (Ahli/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)
- Ibrahim Marsidi (Ahli/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)

TM mempunyai JPG yang digabungkan bertujuan mempercepatkan proses membuat keputusan, memandangkan ahli-ahli yang sama dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas kedua-dua jawatankuasa tersebut. Ahli-ahli JPG mengambil maklum tugas-tugas tersebut yang diperuntukkan dengan jelas dan berasingan di dalam agenda setiap mesyuarat.

Tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab Utama

Fungsi, tugas dan tanggungjawab utama JPG adalah seperti berikut:

Pencalonan	Ganjaran
Fungsi	
- Memastikan para Pengarah yang dilantik mempunyai ciri-ciri tertentu bagi memenuhi kepelbagaian tanggungjawab, kemahiran dan pengalaman yang diperlukan oleh Lembaga. - Membantu Lembaga dalam semakan penilaian tahunan bagi keseimbangan dan penyertaan Pengarah Bukan Eksekutif dan mewujudkan prosedur ke arah keberkesanan Lembaga secara menyeluruh dan sumbangan setiap Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga. - Memilih calon yang berpengalaman dan kemahiran yang bersesuaian sebagai Pengarah Eksekutif atau Bukan Eksekutif. JPG boleh mendapat khidmat firma pencarian eksekutif profesional dan seterusnya mengesyorkan calon-calon yang sesuai untuk kelulusan Lembaga. Prosedur yang sama digunakan bagi calon-calon yang dikenalpasti oleh Pemegang Saham Istimewa, MKD. - Memastikan prosedur pelantikan Lembaga dibuat secara terbuka dan telus dan membuat perakuan sepatutnya kepada Lembaga.	- Menetapkan rangka kerja dasar dan mencadangkan kepada Lembaga berkenaan semua perkara berkaitan ganjaran, syarat-syarat perkhidmatan, struktur ganjaran dan manfaat sampingan Pengarah-pengarah Eksekutif dan ahli-ahli Pengurusan Kanan tertentu (dikenali sebagai Jawatan-jawatan Utama) dengan matlamat untuk menarik, mengekal dan mendorong individu yang berkeupayaan tinggi. - Mengesyorkan kepada Lembaga berkenaan ganjaran dan imbuhan Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif termasuk Pengerusi Bukan Eksekutif untuk kelulusan Lembaga secara keseluruhan.
Tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab utama	
- Menilai saiz Lembaga untuk menentu dan mengesyorkan bilangan Pengarah yang bersesuaian bagi menentukan keberkesanannya, serta memastikan kesemua Pengarah, termasuk Pengarah-pengarah Eksekutif, bersara sekurang-kurangnya sekali setiap 3 tahun di Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang mana mereka layak untuk dilantik semula. Pelantikan Pengarah perlu dibuat setiap tahun. - Menilai dan mengesyorkan secara tahunan gabungan kemahiran dan pengalaman yang diperlukan serta kualiti yang bersesuaian, termasuk teras-teras kecekapan, yang diperlukan oleh Pengarah Bukan Eksekutif untuk dilaporkan di dalam laporan tahunan.	- Menetap, mengkaji, mencadang dan menyarankan polisi rangka kerja bagi semua unsur ganjaran seperti struktur imbuhan, manfaat sampingan dan syarat-syarat perkhidmatan lain bagi Pengarah-Pengarah Eksekutif, selaras dengan garis panduan dan keseluruhan polisi rangka kerja Kumpulan. - Memaklumkan kepada Lembaga mengenai prestasi Pengarah-pengarah Eksekutif dan menilai kelayakan imbuhan mereka berdasarkan prestasi dan menyarankan kepada Pengarah-pengarah Eksekutif berkenaan ganjaran dan terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan pihak Pengurusan Kanan yang dikenalpasti sebagai Jawatan-jawatan Utama.



Pencalonan	Ganjaran
Tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab utama	
• Mengesyorkan program orientasi, pendidikan dan latihan yang bersesuaian untuk terus melatih dan melengkapkan kemahiran para Pengarah baru dan sedia ada. Maklumat mengenai jenis latihan yang dihadiri Lembaga Pengarah sepanjang tahun kewangan mestilah dinyatakan dalam laporan tahunan. • Menilai semula dan mengesyorkan pelantikan dan kenaikan pangkat Pengarah Eksekutif atau Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Memastikan pelantikan Pengarah Eksekutif atau Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan adalah untuk suatu tempoh yang ditetapkan yang tidak melebihi 3 tahun, dengan kuasa untuk mengesyorkan pelantikan semula, pemecatan atau penyingkiran mereka • Mengesyorkan kepada Lembaga calon-calon yang bersesuaian sebagai ahli Lembaga Syarikat dan Kumpulan. • Menilai struktur Lembaga dan memastikan keseimbangan di antara Pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif. • Menilai kesesuaian struktur, saiz dan keahlian kesemua Jawatankuasa dan memastikan penilaian semula terma-terma rujukan semua Jawatankuasa tersebut dari masa ke semasa. • Menilai dan menimbang cadangan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan berkenaan pelantikan dan kenaikan pangkat Jawatan-jawatan Utama, termasuk jawatan Setiausaha Syarikat.	• Menjaga kepentingan awam dan memastikan tiada penyalahgunaan dana awam dalam menimbangkan pembayaran pemberhentian ahli-ahli Pengurusan Kanan. Sebarang pakej pampasan hendaklah dibuat dalam jumlah yang dianggap wajar. • Menilai, menyemak dan mengkaji semula cadangan pakej ganjaran setiap ahli Jawatankuasa Lembaga. • Memberi arahan kepada Pemegang Amanah yang dilantik selaras dengan Perjanjian Amanah antara TM dan Pemegang Amanah berkenaan tawaran Opsyen dan manfaat-manfaat lain di bawah Skim Khas Opsyen Saham Pekerja (ESOS Khas) untuk anggota yang layak serta memastikan ESOS Khas tersebut ditadbir menurut peruntukan Undang-undang Kecil ESOS, seperti mana yang dipinda dan ditambah dari masa ke semasa.

Bidang Kuasa

- Dalam menjalankan tanggungjawabnya, JPG mempunyai kuasa sepenuhnya, bebas dan tanpa had untuk mendapatkan maklumat dan rekod-rekod mengenai anggota dan harta-harta TM. JPG akan mengesyorkan cadangan mereka kepada Lembaga untuk pertimbangan dan kelulusan.
- JPG dibenar menggunakan khidmat firma pencarian pekerja profesional atau mendapatkan nasihat profesional bebas dan melantik perunding luar untuk menilai kesesuaian pakej ganjaran dan terma-terma pekerjaan lain, sekiranya perlu.

Kegiatan-kegiatan utama sepanjang 2010

Aktiviti-aktiviti utama JPG sepanjang tahun 2010, adalah seperti berikut:

- Selaras dengan kuasa yang diberikan oleh Lembaga, JPG bertindak sebagai Jawatankuasa Opsyen dan membantu dalam melaksanakan ESOS Khas TM sehingga tamat tempohnya pada 16 September 2010.
- Menimbang dan mengesyorkan Pelan Insentif Jangka Panjang bagi pengurusan di bawah Jawatan-Jawatan Utama.
- Menimbang dan mengesyorkan semakan semula Rangka Kerja Polisi dan Ganjaran Lembaga Pengarah anak-anak syarikat TM
- Menimbang dan mengesyorkan semakan semula ganjaran dan manfaat bagi Perjalanan Tahunan Perkembangan Perniagaan Luar Negara dan Perjalanan Percutian Lembaga.
- Menimbang dan mengesyorkan penilaian prestasi Pengarah-pengarah Eksekutif, ahli-ahli Pengurusan Jawatan Utama dan Setiausaha Syarikat berdasarkan KPI yang telah ditetapkan.
- Menimbang dan mengesyorkan Rangka Kerja Anugerah Merit Lembaga.
- Menimbang dan mengesyorkan cadangan penyambungan kontrak perkhidmatan Pengarah-pengarah Eksekutif.
- Menimbang dan mengesyorkan cadangan penambahbaikan Tadbir Urus Korporat TM
- Menimbang dan mengesyorkan penubuhan Jawatankuasa Risiko Lembaga, terma rujukan dan keahliannya.

- Mengkajisemula Program Peningkatan Prestasi Kakitangan dan mengambil maklum perkembangannya di setiap mesyuarat yang diadakan sepanjang tahun.
- Memantau jumlah latihan Pengarah-pengarah pada setiap mesyuarat yang dijalankan sepanjang tahun.

Kehadiran Mesyuarat JPG

Maklumat kehadiran setiap ahli JPG di mesyuarat-mesyuarat yang diadakan sepanjang 2010 adalah seperti berikut:-

Ahli JPG	Mesyuarat JPG	
	Kehadiran/ Bilangan	%
Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhyiddin	8/8	100.0
Dato' Danapalan T.P. Vinggrasalam	8/8	100.0
Dato' Ir Abdul Rahim Abu Bakar	7/8	87.5
Ibrahim Marsidi	8/8	100.0

JAWATANKUASA TENDER

Keahlian

- Dato' Zalekha Hassan – Pengerusi (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
- Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa (Ahli/Pengarah Eksekutif Bukan Bebas)
- YB Datuk Nur Jazlan Tan Sri Mohamed (Ahli/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)
- Dr Farid Mohamed Sani (Ahli/Pengarah Ganti Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
- Eshah Meor Suleiman (Ahli Ganti kepada Dato' Zalekha Hassan/Pengarah Ganti Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
- Datuk Bazlan Osman (Ahli Ganti kepada Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa/Pengarah Eksekutif Bukan Bebas)



Lembaga telah menilai dan bersetuju dengan pelantikan Pengarah Ganti sebagai ahli Jawatankuasa Tender berdasarkan kelayakan, pengalaman dan ciri-ciri individu beliau.

Tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab utama

- Menyediakan landasan yang sesuai bagi Lembaga Pengarah menerusi Jawatankuasa Lembaga untuk berinteraksi dan berbincang dengan lebih mendalam dengan pihak Pengurusan sebelum meluluskan cadangan perolehan.
- Memastikan proses perolehan dibuat berdasarkan etika perolehan, polisi sedia ada serta keperluan yang berkaitan
- Menimbang dan melulus atau mengesyorkan perolehan yang bermanfaat kepada Kumpulan Syarikat dengan mengambil kira faktor-faktor harga, penggunaan produk/ barangan dan/atau perkhidmatan, kuantiti serta tempoh perkhidmatan.

Kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Tender

Maklumat kehadiran setiap ahli Jawatankuasa Tender di mesyuarat-mesyuarat yang diadakan sepanjang 2010 adalah seperti berikut:-

Ahli Jawatankuasa Tender	Mesyuarat Jawatankuasa Tender	
	Kehadiran/ Bilangan	%
Dato' Zalekha Hassan	10/10	100.0
Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa	10/10	100.0
YB Datuk Nur Jazlan Tan Sri Mohamed	8/10	80.0
Dr Farid Mohamed Sani	10/10	100.0

Ketua Pegawai Perolehan dan Ketua Pegawai Teknologi dan Inovasi menghadiri kesemua mesyuarat tersebut atas jemputan, manakala ahli-ahli Jawatankuasa Penilaian Pengurusan dijemput untuk memberi keterangan mengenai isu-isu tertentu, jika perlu.

Minit mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Tender diedarkan kepada semua ahli, manakala perkara penting berkaitan perolehan yang memerlukan kelulusan Lembaga dibentangkan di mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

JAWATANKUASA RISIKO

TM mengamalkan pendekatan secara bersepadu dalam menguruskan pelbagai risiko perniagaan yang dihadapi. Menyedari kritikalnya risiko-risiko tersebut, Lembaga telah menubuhkan Jawatankuasa Risiko pada 22 Mac 2010 untuk membantu penambahbaikan pengurusan dan pengawalan risiko Kumpulan serta amalan tadbir urus yang berkenaan.

Laporan terperinci berkenaan keahlian, terma rujukan, jumlah, kehadiran ahli di mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Risiko sepanjang tahun 2010 dan Laporan Pengurusan Risiko dinyatakan di dalam muka surat 114 hingga 118 laporan tahunan ini.

JAWATANKUASA PELABURAN

Jawatankuasa Pelaburan telah ditubuhkan oleh Lembaga pada 21 Oktober 2010 untuk membantu Pengurusan menganalisa dan menilai cadangan-cadangan pelaburan dan/atau penjualan pelaburan dan mengesyorkan cadangan berkenaan kepada Lembaga.

Keahlian

- Dato' Ir Abdul Rahim Abu Bakar – Pengerusi (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)
- Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin (Ahli/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)
- Mr Quah Poh Keat (Ahli/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)
- Datuk Bazlan Osman (Ahli/Pengarah Eksekutif Bukan Bebas)

Tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab utama

- Memberi panduan dan saranan kepada Pengurusan mengenai cadangan-cadangan berkaitan pelaburan, perolehan dan/atau penjualan pelaburan
- Memastikan cadangan berkaitan pelaburan mematuhi polisi dan garis panduan pelaburan yang diluluskan Kumpulan TM

Kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan

Jawatankuasa Pelaburan telah mengadakan mesyuarat yang pertama pada 24 November 2010 yang mana telah dihadiri oleh semua ahli.

JAWATANKUASA RESOLUSI PERTIKAIAN (JRP)

Keahlian

- Datuk Dr Halim Shafie – Pengerusi (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
- Datuk Bazlan Osman (Ahli/Pengarah Eksekutif Bukan Bebas)
- Dato' Danapalan T.P. Vinggrasalam (Ahli/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan)
- Datuk Azzat Kamaluddin (Jemputan Tetap)
- Idrus Ismail (Ahli Ex-Officio)

Tugas dan tanggungjawab utama

Membincang dan mencadangkan keputusan kepada Lembaga TM mengenai kes-kes litigasi utama dan penting.

Ringkasan aktiviti-aktiviti dalam tahun 2010

JRP telah menyemak dan membincangkan laporan-laporan yang dikemukakan oleh Bahagian Undang-undang, Pematuhan dan Kesetiausahaan Syarikat berkaitan perkara-perkara berikut:

- Risiko-risiko litigasi kepada TM
- Ringkasan kes dan pertikaian litigasi utama

Kehadiran Mesyuarat JRP

Mesyuarat JRP diadakan apabila perlu atau jika terdapat sebarang perkembangan material kes-kes litigasi utama. Sepanjang tahun 2010, JRP

telah mengadakan satu mesyuarat yang dihadiri kesemua ahli.

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA PENGURUSAN

Lembaga telah menubuhkan dua jawatankuasa pengurusan utama, iaitu Jawatankuasa Pengurusan dan Barisan Kepimpinan Kumpulan, dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan untuk memantau operasi Syarikat dan Kumpulan.

JAWATANKUASA PENGURUSAN

Terma-terma rujukan utama Jawatankuasa Pengurusan adalah seperti berikut:

- Merangka strategi-strategi dan polisi-polisi Kumpulan.
- Menilai, menyemak dan memberi panduan mengenai polisi-polisi berkaitan, termasuk dan tidak terhad pada pelaburan, penjualan pelaburan, pengurusan awam perniagaan, kawal selia dan polisi kewangan.
- Meluluskan polisi untuk Syarikat dan anak-anak syarikat bagi memastikan konsep "Pemikiran Satu Syarikat" dalam perniagaan.
- Mencadangkan hala tuju strategik dan rangka kerja polisi berkenaan isu-isu sumber manusia Kumpulan TM kepada Lembaga.

- Menilai dan meluluskan rangka kerja polisi rancangan penggantian kakitangan dan pengurusan bakat.
- Membincang, menyemak dan mencadangkan perubahan dan pindaan ganjaran pampasan Kumpulan TM termasuk bonus, kenaikan gaji, polisi/rangka pengurusan prestasi dan skim-skim pemisahan sukarela.
- Mencadangkan pelaksanaan strategi perniagaan utama dan pelan tindakan bagi Kumpulan.
- Menyedia dan memperakukan Rancangan Perniagaan Kumpulan TM kepada Lembaga.
- Membincangkan perkara-perkara penting yang diminta oleh Lembaga dan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga untuk kajian semula dan perakuan.

BARISAN KEPIMPINAN KUMPULAN

Terma rujukan utama Barisan Kepimpinan Kumpulan adalah seperti berikut:

- Menyemak prestasi perniagaan bulanan keseluruhan Kumpulan TM.
- Membincang dan menimbang laporan-laporan penambahbaikan prestasi perniagaan Kumpulan TM dan Aliran Perniagaan Syarikat.
- Membincang dan menyemak isu-isu operasi utama seperti khidmat

pelanggan, hasil, kos dan modal serta modal insan Kumpulan TM.

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA PENGURUSAN LAIN

Selain dua Jawatankuasa Pengurusan tersebut, jawatankuasa-jawatankuasa berikut telah dibentuk yang melapor terus kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan atau ahli-ahli Pengurusan Kanan yang berkaitan:

- Jawatankuasa Pengurusan Tender
- Jawatankuasa Pemandu Sumber Perusahaan
- Jawatankuasa Teknologi
- Jawatankuasa Audit dan Jaminan Perniagaan
- Jawatankuasa Kewangan
- Jawatankuasa Produk
- Jawatankuasa Pemandu Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB)

PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI LEMBAGA (PPPL)

PPPL telah diguna pakai pada bulan Mac 2006, dengan kerjasama perunding McKinsey & Company, bertujuan mempertingkatkan fungsi dan struktur Lembaga serta menyusun atur keutamaan Lembaga sejajar dengan mandat Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Pelbagai inisiatif diperkenalkan bagi mempertingkatkan keberkesanan Lembaga. Pencapaian PPPL akan dipantau dan dilaporkan kepada Lembaga secara tahunan.

LATIHAN LEMBAGA DAN PEROLEHAN PENGETAHUAN

Kesemua Pengarah telah menjalani Program Pentauliah Mandatori (MAP) yang ditetapkan oleh Bursa Securities. Ahli-ahli Lembaga yang baru dilantik diberi taklimat mengenai profil korporat dan aktiviti Kumpulan di samping sasaran perniagaan dan prestasi kumpulan.

Walaupun Nota Amalan No. 15 mengenai Program Pendidikan Berterusan (CEP) telah dimansuhkan oleh Bursa Securities, Lembaga Pengarah terus menilai dan mengenal pasti keperluan latihan para pengarah secara berterusan melalui Program Latihan Lembaga bagi membantu mereka menjalankan tanggungjawab sebagai Pengarah dengan berkesan.

PROGRAM LATIHAN LEMBAGA (PLL)

Lembaga Pengarah telah menerima pakai Garis Panduan PLL berkuat kuasa 1 Januari 2005, bagi menentukan keperluan latihan para pengarah, selepas pemansuhan keperluan CEP oleh Bursa Securities.

Garis panduan PLL mengambilkira penyampaian ceramah oleh pengarah di mana-mana persidangan sebagai sebahagian dari peruntukan waktu latihan mereka. Para Pengarah telah menghadiri pelbagai seminar dan konvensyen antarabangsa untuk mengikuti perkembangan ekonomi, pematuhan dan teknologi terkini yang berkaitan dengan perniagaan Kumpulan. Para Pengarah juga menyertai konvensyen di dalam dan luar negara sebagai penceramah mengenai perkara-perkara yang

berkaitan dengan tugas-tugas mereka. Penyampaian ceramah oleh penceramah jemputan di Mesyuarat Lembaga Pengarah juga dikira sebagai sebahagian daripada waktu latihan Pengarah.

Berikutan pemantauan PLL yang berterusan oleh JPG, struktur latihan para pengarah pada tahun 2010 telah diselaraskan menurut keperluan mereka dengan memberi lebih tumpuan kepada latihan dalam bidang Industri, Pengurusan Strategi dan Risiko Kewangan dan Audit. Jumlah masa latihan para pengarah pada tahun 2010 berbanding 2009 adalah seperti carta di bawah.

Usaha berterusan dijalankan untuk memastikan Lembaga mendapat latihan yang sewajarnya mengikut keperluan perniagaan.


PEK MAKLUMAT INDUSTRI SUKU TAHUNAN

Maklumat industri suku tahunan mengenai perkara-perkara berikut dibuku dan diedarkan kepada ahli-ahli Lembaga dan Pengurusan Kanan Syarikat pada setiap suku tahun, bagi menambah pengetahuan mengenai perkembangan industri:

- Laporan pasaran telekomunikasi
- Laporan persaingan
- Laporan kawal selia
- Laporan dan pendapat penganalisa termasuk maklumat suku tahunan industri telekomunikasi
- Laporan global dan domestik mengenai industri jalur lebar


Setakat Disember 2010, sejumlah 19 pek maklumat telah dikeluarkan.

Carta 1 – Jumlah Masa Latihan Pengarah dari Januari – Disember 2009



Nota: Lain-lain (9%) – termasuk berkaitan Hubungan Pelabur dan Pelaburan.

Carta 2 – Jumlah Masa Latihan Pengarah dari Januari – Disember 2010



Nota: Lain-lain (12%) – termasuk berkaitan Hubungan Pelabur, Etika, Perolehan, Persekitaran dan Tanggungjawab sosial.

MEMASTIKAN PELAKSANAAN OPERASI DAN INTERAKSI LEMBAGA YANG BERKESAN

Keberkesanan Lembaga diukur melalui kualiti prosedur, proses dan operasinya. Proses Lembaga terus diperkukuh dan dipertingkatkan sepanjang tahun 2010 seperti yang dinyatakan di bawah.

JADUAL MESYUARAT LEMBAGA DAN AGENDA YANG DITENTUKAN

Jadual Mesyuarat Lembaga serta Jawatankuasa Lembaga dan deraf agenda disediakan 12 bulan lebih awal bersesuaian dengan kitaran rancangan pengurusan dan keputusan kewangan suku

tahunan, bagi membolehkan pengarah-pengarah merancang waktu mereka untuk mesyuarat akan datang.

Agenda mesyuarat yang diluluskan akan dimaklumkan kepada Bahagian Strategi Kumpulan yang akan memastikan kertas kerja mesyuarat serta pembentangannya sejajar dengan apa yang diharapkan oleh Lembaga.

Agenda mesyuarat distrukturkan bagi menangani isu-isu strategik dan utama sejajar dengan visi dan misi Syarikat. Ianya juga selaras dengan tanggungjawab utama Lembaga serta mandat yang diberi oleh Lembaga kepada

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Mandat tersebut menggariskan perkara-perkara yang perlu dilaksanakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan mengikut had yang ditentukan. Agenda yang teratur akan membantu pengendalian mesyuarat yang lebih lancar dan membolehkan perbincangan dibuat dengan lebih efektif. Analisa masa yang diambil oleh Lembaga untuk setiap agenda mesyuarat pada tahun 2010 berbanding 2009 adalah seperti carta-carta yang dinyatakan di bawah.

Pada tahun 2010, Lembaga menumpukan masa membincangkan isu-isu strategik (39.0%) dan pengurusan prestasi (26.35%).


Ini adalah selaras dengan hasil analisa yang dikendalikan oleh Institut Pengurusan Pembangunan (IMD).

Lembaga juga komited untuk menambahbaik isu-isu sepertimana disarankan dalam Penilaian Prestasi.


MAKLUMAT KEPADA LEMBAGA

Petunjuk bagi Tadbir Urus Korporat yang berkesan adalah keputusan yang tepat dan bebas oleh para Pengarah yang berkecuali dan berpengalaman. Oleh itu, maklumat yang diperlukan oleh Lembaga hendaklah dibekalkan dalam jangkamasa yang wajar bagi membantu Lembaga membuat keputusan yang tepat.

Carta 3 – Pembahagian Masa Bagi Agenda Mesyuarat Pada Tahun 2009



Carta 4 – Pembahagian Masa Bagi Agenda Mesyuarat Pada Tahun 2010





Secara purata, Lembaga serta Jawatankuasa-jawatankuasanya dibekalkan dengan agenda yang akan dibincangkan serta maklumat terkini yang lengkap lima hari sebelum setiap mesyuarat diadakan bagi membolehkan Pengarah-pengarah mengkaji semula dan meminta penjelasan atau maklumat lanjut dari Pengurusan atau Setiausaha Syarikat bagi membantu mereka membuat keputusan yang tepat. Dalam melaksanakan tanggungjawab mereka, prosedur-prosedur yang lengkap disediakan bagi membolehkan para Pengarah dan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga mendapatkan khidmat nasihat profesional bebas atas tanggungan Syarikat.

Sistem Pengurusan Dokumen dan Mesyuarat Lembaga yang merupakan sistem arkib yang selamat dan cekap bagi penyimpanan kertas dan minit-minit mesyuarat-mesyuarat, telah ditambah baik menggunakan teknologi web terkini untuk kegunaan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan, Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga.

Maklumat yang biasanya dibekalkan kepada Lembaga, antara lain termasuk:

- Belanjawan dan rancangan perniagaan tahunan
- Laporan Bulanan prestasi kewangan dan operasi
- Keputusan kewangan suku tahunan

- Laporan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan
- Laporan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Lembaga
- Litigasi-litigasi material
- Perkara-perkara berkaitan kawal selia yang memberi kesan besar kepada perniagaan
- Cadangan usul korporat, pengambilalihan atau perjanjian-perjanjian kerjasama
- Urus niaga penting atau strategik
- Isu-isu penting berkaitan polisi sumber manusia
- Perkara-perkara penting yang berkaitan

Kesemua Pengarah mempunyai akses kepada nasihat dan khidmat Setiausaha Syarikat untuk membantu dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan berkesan.

PENGEDARAN SEGERA KEPUTUSAN LEMBAGA

Semua keputusan serta justifikasi bagi setiap keputusan yang dibuat oleh Lembaga termasuk langkah-langkah yang perlu diambil dan pihak yang dipertanggungjawab untuk melaksanakan keputusan tersebut direkodkan dengan jelas di dalam minit mesyuarat. Keputusan Lembaga yang berkenaan akan disampaikan kepada pihak Pengurusan dalam masa satu hari bekerja selepas mesyuarat. Manakala minit mesyuarat diedarkan kepada

Pengerusi dan Pengarah-pengarah Eksekutif untuk ulasan dalam masa lima hari bekerja dari tarikh mesyuarat. Cabutan minit mesyuarat berkenaan diedarkan kepada pihak Pengurusan untuk tindakan sewajarnya dalam jangkamasa tiga hingga lima hari bekerja mengikut kepentingan perkara-perkara tersebut.

INTERAKSI ANTARA LEMBAGA DAN PENGURUSAN

Lembaga mempunyai akses kepada Pengurusan Kanan dan boleh memperoleh maklumat yang lengkap dan pantas mengenai urusan dan perniagaan Kumpulan dalam melaksanakan tugas mereka. Lembaga dan Pengurusan sedia maklum tentang pentingnya interaksi positif, dinamik dan keterbukaan dalam membina kepercayaan bagi meningkatkan prestasi dan nilai pemegang saham.

Ahli Pengurusan Kanan dijemput untuk menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah untuk memberi laporan dan penjelasan mengenai tugas dan tanggungjawab mereka, serta menerangkan mengenai cadangan yang dikemukakan kepada Lembaga. Maklumat tambahan atau penerangan lanjut akan diberikan secepat mungkin mengenai perkara-perkara teknikal dan rumit, jika diperlukan.

Maklumat yang diterima Lembaga membantu dalam menentukan keputusannya. Oleh itu, Lembaga telah

mengguna pakai proses penilaian kertas mesyuarat dan pembentangan oleh Pengurusan pada setiap mesyuarat dengan memberi maklum balas yang membina berkaitan kualiti maklumat dan analisa yang diberikan. Proses ini membolehkan Pengurusan memastikan kertas kerja yang dibentangkan bermutu tinggi. Penilaian Lembaga ke atas kertas kerja dan pembentangan oleh Pengurusan pada tahun 2010 kekal melepasi 4.00 markah dari jumlah 5.00 markah.

Pengurusan juga diberi peluang untuk menilai Lembaga setiap tahun, dari segi sama ada keputusan yang dibuat oleh Lembaga dilakukan dengan membina, penuh sokongan, penumpuan, serta berdasarkan maklumat dan fakta-fakta yang disediakan. Pada tahun 2010, penilaian Pengurusan terhadap Lembaga kekal melepasi 4.00 markah dari jumlah 5.00 markah.

PERBINCANGAN PENGARAH-PENGARAH BEBAS

Berdasarkan terma rujukan rasmi bagi Pengarah Bebas Kanan, perbincangan sulit diketuai oleh Pengarah Bebas Kanan dengan Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif boleh diadakan, apabila diperlukan, sekiranya mereka beranggapan terdapat kemungkinan pandangan mereka tidak diambilkira sepenuhnya oleh Lembaga.

Dalam usaha mencapai tahap kebebasan yang lebih tinggi, Lembaga telah menetapkan proses di mana Pengarah-pengarah Bebas Bukan Eksekutif boleh bertemu dan bertukar pendapat dengan aktif tanpa kehadiran pihak Pengurusan. Amalan ini dapat memenuhi salah satu tanggungjawab utama dalam menilai hala tuju Syarikat dan prestasi Pengurusan secara berkesan dan bebas. Amalan ini sejajar dengan Bab 4 Kod berkaitan hubungan antara Lembaga dan Pengurusan.

KETERTIBAN LEMBAGA KOD ETIKA PERNIAGAAN

Kod Etika Perniagaan TM yang telah dilancarkan pada bulan Februari 2004 dan dikaji semula pada 2010, menyokong wawasan dan nilai-nilai teras Syarikat yang dirancang untuk menanam, menghayati dan mempertahankan nilai kewibawaan tanpa kompromi dalam perlakuan dan amalan Lembaga Pengarah, Pengurusan, anggota dan semua pihak yang berkepentingan dalam Syarikat. Pengarah-pengarah Eksekutif, ahli-ahli Pengurusan dan semua anggota dikehendaki membuat pengisytiharan harta dan kepentingan menurut Kod Etika Perniagaan. Pengisytiharan harta perlu dikemaskini dan diserahkan pada setiap tahun.

Kod Etika Perniagaan TM merangkumi perkara-perkara berikut:

- Tanggungjawab-tanggungjawab para Pengarah, Pengurusan dan wargakerja Kumpulan
- Hubungan perniagaan Kumpulan dengan pemegang-pemegang saham, pelanggan, warga kerja, pembekal dan rakan perniagaan serta keseluruhan komuniti dan pihak yang berkepentingan
- Hubungan perniagaan Kumpulan dengan Kerajaan
- Hubungan perniagaan Kumpulan dengan pesaing
- Urusan harta Kumpulan
- Urus dagang dalaman
- Percanggahan kepentingan

Pada 15 Oktober 2010, Kod Etika Perniagaan versi e-pembelajaran telah dilancarkan untuk kegunaan warga TM, memudahkan mereka untuk memperoleh maklumat-maklumat yang diperlukan di mana-mana dan pada bila-bila masa. Sistem ini merupakan program kesedaran yang interaktif untuk menggalakkan kelakuan yang beretika dan menanam nilai murni sepertimana dinyatakan dalam Kod Etika Perniagaan tersebut. TM merupakan GLC pertama yang melancarkan Kod Etika Perniagaan versi e-pembelajaran, membuktikan komitmen TM untuk menggalak dan menanam prinsip-prinsip yang berintegriti di dalam operasi perniagaan di kalangan kakitangannya.

Maklumat terperinci Kod Etika Perniagaan ini dinyatakan di mukasurat 122 hingga 124 laporan tahunan ini.

DASAR BERKENAAN PEMBERI MAKLUMAT (WHISTLEBLOWER)

Lembaga sedar kepentingan pemberian maklumat selaras dengan peraturan berkaitan yang dinyatakan di dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, Garispanduan Tadbir Urus dan Akta Syarikat 1965. Lembaga juga mengambil maklum mengenai Akta Perlindungan Pemberi Maklumat yang diwartakan pada 10 Jun 2010, yang berkuatkuasanya pada 15 Disember 2010, dan komited untuk memastikan pelaksanaan dasar ini dengan etika yang tinggi dan tindakan perundangan saksama dalam Kumpulan TM.

Garis panduan telah diperkenalkan di bawah Kod Etika Perniagaan untuk warga TM melaporkan kelakuan yang tidak beretika dan penyelewengan dalam Kumpulan TM. Program dalaman pemberi maklumat telah dimaklumkan kepada kakitangan Syarikat bagi mereka gunakan untuk melaporkan aktiviti perniagaan yang tidak sah, haram dan tidak beretika yang mungkin menjejaskan Syarikat. Jawatankuasa bebas telah ditubuhkan Lembaga untuk menangani dan melindungi hak pemberi maklumat melalui saluran yang selamat dan sulit.

Mana-mana warga kerja yang percaya terdapatnya penyelewengan di tempat kerja dan merasa tidak selesa untuk melaporkannya melalui saluran biasa, boleh menggunakan talian telefon, faks atau akses laman web Etika TM, yang mana identiti pelapor akan dilindungi.

Lembaga dan Pengurusan memberi jaminan bahawa kakitangan yang membuat laporan dengan ikhlas dan jujur akan dilindungi sebaiknya dari sebarang tindak balas, diganggu gugat dan kelakuan melampau oleh mana-mana pihak.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN DAN URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

Para Pengarah mempunyai tanggungjawab berterusan untuk menentukan sama ada mereka berkemungkinan atau mempunyai percanggahan kepentingan dalam perkara-perkara yang dibincangkan di mesyuarat Lembaga Pengarah. Syarikat dan Kumpulan telah mewajibkan setiap Pengarah untuk membuat pengisytiharan bertulis mengenai kepentingan mereka dalam mana-mana transaksi yang dibentangkan dalam setiap mesyuarat Lembaga Pengarah Kumpulan. Para Pengarah juga dimaklumkan mengenai peranan dan tanggungjawab mereka sebagai Pengarah dari segi undang-undang dan dikehendaki untuk memaklumkan apa-apa perubahan maklumat mereka dalam setiap mesyuarat Lembaga.



Pengarah-pengarah mengambil maklum bahawa mereka perlu mengisytiharkan kepentingan dalam sebarang urusan dengan Syarikat dan Kumpulan dan perlu berkecuali dari perbincangan dan pengundian berkaitan urus niaga tersebut di mesyuarat Lembaga Pengarah atau mesyuarat agung yang diadakan bagi tujuan tersebut.

Sekiranya kelulusan pemegang saham diperlukan untuk cadangan korporat, Pengarah yang berkepentingan hendaklah berkecuali dari mengundi resolusi tersebut dan perlu memastikan pihak-pihak yang berkaitan dengan beliau juga tidak mengundi bagi resolusi yang sama.

Garis Panduan Tadbir Urus juga menyediakan panduan kepada pengarah-pengarah Syarikat Awam yang disenaraikan bagaimana menangani masalah percanggahan kepentingan dan Urus Niaga Pihak Berkaitan di bawah Seksyen 6 mengenai Percanggahan Kepentingan dan Urus Niaga Pihak Berkaitan.

URUS DAGANG BERDASARKAN MAKLUMAT DALAMAN

Lembaga Pengarah dan anggota TM dilarang melakukan sebarang urus dagang sekuriti atau urus niaga lain berdasarkan maklumat sensitif harga atau perkara yang masih belum diketahui umum. Kod Etika Perniagaan TM telah menyatakan secara jelas

mengenai kesalahan urus dagang dalaman di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

Peringatan berkenaan larangan berurus dagang saham Syarikat dalam tempoh waktu dilarang seperti yang diperuntukkan oleh Keperluan Penyenaraian Utama, diedarkan kepada Pengarah-pengarah dan Pengurusan Kanan setiap suku tahun. Para Pengarah juga disaran untuk tidak berurus dagang saham Syarikat apabila maklumat yang boleh mempengaruhi harga saham Syarikat dimaklumkan kepada mereka, dalam beberapa cara termasuk melalui kertas kerja Lembaga.

PERLINDUNGAN GANTI RUGI PENGARAH-PENGARAH

TM mempunyai polisi insuran liabiliti untuk Pengarah-pengarah dan anggota Syarikat berkaitan liabiliti mereka sewaktu melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Insuran ini walau bagaimanapun tidak melindungi mana-mana Pengarah dan ahli Pengurusan yang terbukti cuai semasa menjalankan tugas, menipu dan tidak amanah. Pengarah-pengarah menyumbang secara peribadi kepada pembayaran premium tahunan untuk polisi insuran ini.

HUBUNGAN DAN KOMUNIKASI DENGAN PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM DAN PELABUR- PELABUR

PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM/PELABUR-PELABUR

Dengan kepercayaan bahawa kepentingan hubungan dan kebertanggungjawaban terhadap pemegang-pemegang saham adalah melalui amalan tadbir urus yang baik, TM komited untuk menyebarkan maklumat mengenai strategi dan aktiviti Syarikat secara berterusan dan jelas kepada pemegang-pemegang saham.

Syarikat sering berkomunikasi secara proaktif dengan pelabur-pelabur dan pemegang-pemegang saham. Syarikat mengambil langkah memastikan laporan kepada pemegang-pemegang saham adalah saksama dan komprehensif bagi membolehkan prestasi dinilai secara positif. TM mengekalkan dialog secara aktif dengan para pelabur melalui program terancang mengenai aktiviti hubungan pelabur Syarikat.

Hubungan dengan pemegang-pemegang saham utama diperteguhkan melalui Pengarah Bebas Kanan yang boleh menyalurkan persoalan mengenai tadbir urus korporat dan prestasi Syarikat.

TM juga telah mematuhi Perenggan 9.21(3) Keperluan Penyenaraian Utama, yang memerlukan syarikat awam memastikan maklumat seperti alamat e-mel, nama dan nombor telefon pegawai-pegawai Syarikat yang boleh

dihubungi, dipaparkan di laman web Syarikat, bagi memudahkan pihak awam mengemukakan sebarang pertanyaan. Syarikat juga telah memaparkan semua pengumuman yang dibuat ke Bursa Securities di dalam laman web sebaik saja pengumuman tersebut disiarkan di laman web Bursa Securities.

Maklumat mengenai inisiatif dan aktiviti Bahagian Perhubungan Pelabur dinyatakan di mukasurat 40 hingga 43 laporan tahunan ini.

LAPORAN TAHUNAN DAN MESYUARAT-MESYUARAT AGUNG

Selain laporan kewangan suku tahunan, Syarikat juga berkomunikasi dengan pemegang-pemegang saham dan pelabur-pelabur melalui laporan tahunan yang komprehensif dengan keterangan-keterangan jelas mengenai keputusan kewangan, hala tuju, strategi semasa dan masa hadapan serta aktiviti-aktiviti Kumpulan. Dalam usaha menjimatkan kos dan menggalakkan pengetahuan tentang ICT di kalangan pemegang-pemegang saham, TM terus mengedarkan laporan tahunan dalam bentuk CD-ROM, termasuk menyediakan versi ringkas penyata kewangan yang mengandungi notis Mesyuarat Agung Tahunan dan borang proksi. Pemegang-pemegang saham juga diberi pilihan untuk mendapatkan laporan tahunan versi Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia.

Mesyuarat Agung Tahunan menjadi forum terbuka di mana pemegang-pemegang saham dan pelabur-pelabur dimaklumkan mengenai perkembangan terkini Kumpulan. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan akan menyampaikan laporan yang lengkap mengenai prestasi Syarikat serta nilai tambah bagi pemegang saham yang telah dicapai, dengan bantuan visual dan grafik yang jelas dan terperinci. Mesyuarat Agung Tahunan menjadi forum terbuka kepada pemegang-pemegang saham dan pelabur-pelabur untuk mengemukakan sebarang soalan kepada para Pengarah dan Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Lembaga.

TM menggalakkan penglibatan secara aktif pemegang-pemegang saham di Mesyuarat Agung Syarikat. Maklumbalas kepada persoalan yang dikemukakan oleh MSWG sebelum Mesyuarat Agung Syarikat dikongsi bersama pemegang-pemegang saham ketika mesyuarat tersebut dijalankan untuk perbincangan, bagi memberi jaminan bahawa setiap isu yang dibangkitkan berkenaan perniagaan Syarikat ditangani dengan sebaiknya.

Syarikat menyokong prinsip Kod yang menggalakkan penyertaan pemegang-pemegang saham. Tataurus Syarikat membenarkan seorang ahli yang berhak menghadiri dan mengundi untuk melantik seorang proksi untuk menghadiri dan

mengundi bagi pihak beliau dan proksi yang dilantik tidak semestinya ahli Syarikat. Sidang akhbar diadakan setelah tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan dihadiri Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan dan pihak Pengurusan berkaitan untuk menjelas dan menerangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak media.

KEBERTANGGUNG-JAWABAN DAN AUDIT

LAPORAN KEWANGAN

Lembaga menyediakan dan membentangkan kepada pemegang-pemegang saham, prestasi kewangan dan prospek Kumpulan yang bermakna dan seimbang pada setiap akhir tahun kewangan, terutamanya melalui penyata kewangan tahunan, pengumuman keputusan suku tahunan dan juga Penyata Pengerusi serta ulasan operasi di dalam laporan tahunan.

Lembaga dibantu oleh JA dalam mengawasi proses dan kualiti laporan kewangan Kumpulan tersebut. JA menyemak keputusan kewangan tahunan Kumpulan serta laporan kewangan suku tahunan dengan memberi tumpuan terhadap sebarang perubahan polisi perakaunan, keberkesanan penggunaan polisi perakaunan oleh Pengurusan serta anggapan dan anggaran yang digunakan untuk transaksi material.

PENYATAAN TANGGUNGJAWABAN OLEH PENGARAH-PENGARAH

Menurut Akta Syarikat, 1965, para Pengarah dikehendaki memastikan penyata kewangan yang disediakan pada setiap tahun kewangan memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai urusan Syarikat dan Kumpulan pada hujung tahun kewangan berserta keputusan dan aliran tunai Syarikat dan Kumpulan bagi tahun kewangan tersebut.

Penyataan Tanggungjawab oleh Pengarah-pengarah dinyatakan di muka surat 202, laporan tahunan ini.

KAWALAN DALAMAN

Lembaga sedia maklum bahawa adalah menjadi tanggungjawabnya untuk memastikan Kumpulan mempunyai sistem kawalan dalaman yang berkesan termasuk pelaksanaan suasana dan rangka kerja dalaman yang berkaitan bagi memastikan keberkesanan dan sistem yang berwibawa dan mencukupi. Lembaga memaklumi bahawa sistem ini bertujuan untuk mengurus, dan bukannya menghapuskan risiko kerana tidak mencapai matlamat Kumpulan. Ianya memberikan jaminan mencukupi dari sebarang kenyataan yang salah atau kerugian yang material.

Penilaian ke atas sistem kawalan dalaman Kumpulan oleh Lembaga adalah berdasarkan ciri-ciri yang diasaskan oleh *Committee of*

the Sponsoring Organisations (COSO) of the Treadway Commission yang secara umumnya diterimapakai sebagai rangka kerja untuk penilaian kawalan dalaman.

Penyata Kawalan Dalaman yang memberi gambaran menyeluruh mengenai kawalan Dalaman Kumpulan TM dinyatakan di muka surat 97 hingga 102, laporan tahunan ini.

HUBUNGAN DENGAN JURUAUDIT

Hubungan yang wajar sentiasa dikekalkan dengan Juruaudit Syarikat menerusi JA, yang telah diberi kuasa jelas untuk berhubung secara terus dengan juruaudit luar dan dalaman.

Juruaudit Luar telah memberikan laporan mereka mengenai Syarikat kepada pemegang saham, yang dimasukkan di dalam sebahagian laporan kewangan selaras dengan audit yang dijalankan dalam tahun kewangan berkanun ini. Dengan ini, Syarikat telah membentuk hubungan yang telus dengan juruaudit luar serta memenuhi keperluan professional mereka. Juruaudit dikehendaki melaporkan kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga sebarang isu yang perlu dibincangkan mereka.



Fungsi audit dalaman pula dikendalikan oleh Bahagian Juruaudit Dalaman Kumpulan yang melapor dan mengemukakan cadangan-cadangan yang bersesuaian kepada JA. Pengurusan bertanggungjawab memastikan tindakan pembedahan dilakukan ke atas laporan yang dibuat dalam jangka masa yang tertentu. Penyata Audit Dalaman dinyatakan di muka surat 110 hingga 113 laporan tahunan ini.

Manakala, peranan JA berkenaan hubungan dengan juruaudit dinyatakan di muka surat 105 hingga 106 laporan tahunan ini.

PEMATUHAN AMALAN TERBAIK TADBIR URUS KORPORAT

Lembaga berbesar hati melaporkan bahawa Syarikat telah mematuhi sepenuhnya prinsip-prinsip dan amalan-amalan terbaik yang dinyatakan di dalam Kod serta pindaannya. Amalan-amalan terbaik yang diguna pakai oleh Kumpulan TM yang melebihi saranan Kod adalah berdasarkan saranan PCG serta piawaian antarabangsa yang lain, di mana Lembaga menganggapnya sesuai untuk diterima pakai oleh Kumpulan.

Penyata ini serta Penyata Kawalan Dalaman dan Laporan Jawatankuasa Risiko Lembaga memaklumkan bagaimana Syarikat telah mengguna pakai prinsip-prinsip dan amalan terbaik seperti mana yang disarankan dalam Kod.

Lembaga akan terus mengukuhkan amalan tadbir urus korporat demi menjaga kepentingan pemegang-pemegang saham dan pihak-pihak berkepentingan lain.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi bertarikh 25 Februari 2011.



Datuk Dr Halim Shafie
Pengerusi



penyata lembaga pengarah ke atas kawalan dalaman

TANGGUNGJAWAB DAN AKAUNTABILITI

Lembaga Pengarah (Lembaga) dan Pengurusan bertanggungjawab dalam mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh merangkumi kawalan tadbir urus, pengurusan risiko, kewangan, strategik, organisasi, pengurusan projek, operasi, kawal selia dan pematuan bagi menjaga pelaburan pemegang-pemegang saham, kepentingan pelanggan dan aset-aset Kumpulan. Lembaga mengiktiraf dan mengesahkan tanggungjawab keseluruhannya bagi sistem kawalan dalaman Kumpulan, yang meliputi pewujudan rangka kerja risiko dan kawalan yang bersesuaian serta mengkaji keberkesanan, kelayakan dan kewibawaan rangka kerja tersebut.

Lembaga dibantu oleh Pengurusan untuk melaksanakan polisi dan prosedur yang telah diluluskan ke atas risiko dan kawalan. Pengurusan mengenalpasti dan membuat penilaian terhadap risiko-risiko yang dihadapi oleh Kumpulan dan seterusnya merekabentuk, melaksanakan dan memantau sistem kawalan dalaman yang bersesuaian selaras dengan polisi-polisi yang telah diluluskan oleh Lembaga.

TUJUAN RANGKA KERJA KAWALAN DALAMAN

Lembaga mengiktiraf bahawa sistem kawalan dalaman adalah direka untuk mengurus dan bukannya menghapuskan risiko yang boleh menghalang

Kumpulan daripada mencapai matlamat dan objektifnya. Ia sebaliknya memberikan jaminan yang sewajarnya namun bukan mutlak terhadap sebarang kemungkinan berlakunya salah nilai atau kerugian.

Sistem kawalan dalaman adalah berdasarkan proses yang berterusan yang dirancang bagi mengenalpasti risiko-risiko utama yang boleh menghalang pencapaian matlamat dan objektif organisasi; untuk menilai ciri-ciri dan tahap risiko tersebut; dan menguruskannya dengan cekap, efektif dan ekonomi. Proses ini dikaji dengan kerap oleh Lembaga dengan mengambil kira perubahan di dalam persekitaran kawal selia dan perniagaan bagi memastikan sistem kawalan dalaman tersebut memenuhi keperluan dan berwibawa.

Sistem kawalan dalaman yang memuaskan telah dilaksanakan dalam Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010, dan sehingga tarikh Laporan Tahunan dan akaun. Kenyataan Kawalan Dalaman (Kenyataan) ini telah disediakan sebagai pematuan kepada Syarat Penyenaraian oleh Bursa Malaysia Securities Berhad dan selaras dengan Kenyataan Kawalan Dalaman – Panduan untuk Pengarah-pengarah Syarikat Senaraian Awam.

RANGKA KERJA RISIKO DAN KAWALAN

Kumpulan TM mempunyai proses Pengurusan Risiko Perusahaan untuk mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko ketara yang dihadapi oleh Kumpulan. Penilaian risiko ditempatkan sebagai satu bahagian penting dalam kitaran perancangan strategik tahunan TM. Wujudnya proses pengurusan risiko yang terperinci, diakhiri dengan kajian oleh Lembaga yang mengenalpasti risiko-risiko utama yang dihadapi oleh Kumpulan dan setiap unit perniagaan. Maklumat ini seterusnya akan dikaji oleh Pengurusan Kanan sebagai sebahagian daripada kajian strategik.

Ciri-ciri utama pengurusan risiko perusahaan tersebut merangkumi prosedur-prosedur berikut:

- Prosedur dan garis panduan pengurusan kewangan yang didokumenkan dengan jelas;
- Pengurusan Kanan mengkaji bersama risiko-risiko utama Kumpulan dan telah membuat senarai risiko Kumpulan yang menggambarkan risiko tersebut, pemiliknya dan strategi-strategi pencegahannya. Ini akan disemak semula oleh Jawatankuasa Pengurusan dan seterusnya oleh Jawatankuasa Lembaga Risiko sebelum dikaji dan diluluskan oleh Lembaga;

- Juruaudit dalaman Kumpulan melaksanakan penilaian berterusan ke atas kualiti pengurusan dan kawalan risiko, melaporkan kepada Pengurusan dan Jawatankuasa Lembaga Audit berkenaan status bidang tertentu yang dikenalpasti untuk dipertingkatkan; dan
- Jawatankuasa Lembaga Risiko bagi pihak Lembaga, menilai keberkesanan proses pengurusan risiko dalam Kumpulan semasa tahun kewangan tersebut.

PENILAIAN KEBERKESANAN KAWALAN DALAMAN

Penilaian Lembaga terhadap keberkesanan kawalan dalaman di dalam Kumpulan adalah berdasarkan kriteria-kriteria yang dibangunkan di bawah Rangka Kerja Kawalan Dalaman Bersepadu COSO (Jawatankuasa Organisasi Penajaan Suruhanjaya Treadway) – yang diterima umum sebagai rangka kerja untuk kawalan dalaman yang diiktiraf secara meluas sebagai piawaian untuk Kumpulan mengukur tahap keberkesanan kawalan dalaman. Sistem kawalan dalaman tersebut saling berkait dengan aktiviti-aktiviti operasi Kumpulan dan ia wujud atas sebab-sebab asas perniagaan.

Penilaian Lembaga ke atas keberkesanan kawalan dalaman adalah berdasarkan maklumat daripada:



- Pengurusan utama dalam organisasi yang bertanggungjawab terhadap pembangunan dan penyelenggaraan rangka kerja kawalan dalaman;
- Hasil kerja juruaudit dalaman yang menyerahkan laporan berkala kepada Jawatankuasa Audit, termasuk pendapat bebas dan objektif mereka sama ada sistem kawalan dalaman organisasi tersebut adalah memenuhi keperluan dan berkesan, beserta cadangan bagi penambahbaikan;
- Penilaian sendiri ke atas entiti dan kawalan fungsi yang utama oleh Pengurusan sebagai pelengkap input di atas dalam memberikan pandangan yang menyeluruh tentang keberkesanan Rangka Kerja Risiko dan Kawalan Kumpulan.

Jawatankuasa Audit dan Jaminan Perniagaan akan menangani dan memantau mana-mana kelemahan kawalan dalaman dan memastikan peningkatan proses yang berterusan.

Di bawah Rangka Kerja Kawalan Dalaman Bersepadu COSO, penilaian kawalan dalaman dipecahkan kepada lima komponen yang saling berkait rapat seperti berikut:

A. PERSEKITARAN KAWALAN

Persekitaran kawalan merupakan struktur organisasi dan budaya yang dicipta oleh Pengurusan dan anggota-anggota bagi mengekalkan sokongan organisasi untuk kawalan dalaman yang berkesan. Ianya merupakan asas untuk semua komponen kawalan dalaman yang lain, mengekalkan disiplin dan struktur. Komitmen Pengurusan dalam mewujudkan dan mengekalkan kawalan dalaman yang berkesan disebarluaskan ke bawah dan diterapkan dalam persekitaran kawalan Kumpulan yang membantu kejayaan perlaksanaan kawalan dalaman. Aktiviti-aktiviti utama termasuklah:

Tema dan Objektif Strategik

- Pengurusan telah mewujudkan empat teras strategik untuk menyokong pencapaian objektif perniagaan utama Kumpulan seperti berikut:
 - Berorientasikan pelanggan dan peningkatan kualiti
 - Pemikiran satu syarikat dengan berorientasikan pelaksanaan
 - Kecemerlangan Operasi dan Produktiviti Modal
 - Kepimpinan melalui inovasi dan kecemerlangan komersil

- Satu Jawatankuasa Bertindak menyediakan hala tuju dan panduan yang jelas untuk pelaksanaan projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSSB) oleh Kumpulan. Jawatankuasa Bertindak HSBB ini bersidang sekurang-kurangnya sebulan sekali, dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Jawatankuasa ini memastikan pelaksanaan projek HSBB secara keseluruhan menepati tahap kepuasan pelanggan yang dikehendaki.

Struktur Organisasi

- Kumpulan TM mempunyai struktur organisasi formal yang menggariskan takrifan skop tanggungjawab dan akauntabiliti dengan jelas, selaras dengan keperluan perniagaan dan operasi.
- Peranan-peranan Fungsi Pusat (Pusat Korporat) telah diperkukuhkan untuk memberikan panduan berkenaan strategi dan perkara-perkara berkaitan tadbir urus untuk fungsi teras tertentu kepada Aliran-aliran Perniagaan.

Pengagihan Kuasa dan Tanggungjawab

- Kumpulan telah mewujudkan matriks Had Bidang Kuasa (LOA) yang menggariskan dengan jelas had Pengurusan dan kuasa untuk memberi kelulusan merentasi pelbagai proses-proses utama

seperti Struktur Modal, Penggabungan dan Pengambilalihan, Perolehan, Kewangan Korporat, Akaun Penerimaan dan Bangunan Hartanah dan Peralatan Hartanah. LOA ini telah diluluskan oleh Lembaga dan tertakluk kepada semakan berterusan dan penambahbaikan untuk memastikan ia mencerminkan perubahan dalam akauntabiliti dan rangsangan risiko Kumpulan.

- Akauntabiliti dan tanggungjawab yang jelas untuk proses-proses utama perniagaan telah diwujudkan melalui Manual Proses Perniagaan Kumpulan dan Polisi Anak-anak Syarikat yang telah diluluskan oleh Lembaga.

Nilai Teras

- Penerapan Nilai-nilai Teras Kumpulan TM iaitu 'Komitmen Menyeluruh kepada Pelanggan', 'Kewibawaan Tanpa Kompromi' dan 'Hormat dan Prihatin' yang menjadi asas kepada budaya Kumpulan.

Kod Etika Perniagaan

- Semua anggota wajib menandatangani dan mematuhi Kod Etika Perniagaan Kumpulan yang menggariskan piawaian minimum perilaku dan tatalaku beretika yang diperlukan daripada anggota-anggota dalam urusan-urusan perniagaan. Ketua

Pegawai Eksekutif Kumpulan TM baru-baru ini telah melancarkan versi e-pembelajaran Kod Etika Perniagaan ini yang memberi panduan berkenaan perilaku dan tatalaku yang boleh diterima dan tidak boleh diterima ketika berurusan dengan pelanggan, pembekal, rakan niaga, pesaing, pemegang-pemegang saham, masyarakat umum dan Kerajaan.

- Semua anggota TM mengisytiharkan aset-aset mereka dan sebarang percanggahan kepentingan setiap tahun untuk mengemaskini nilai aset-aset yang dimiliki secara individu atau bersama.

Etika Perolehan

- Ia menggariskan prinsip-prinsip dan keperluan tertentu berkenaan dengan proses perolehan. Ia menyokong Buku Merah Perolehan dan menjadi pelengkap kepada Kod Etika Perniagaan TM, yang memberi panduan dalam berurusan dengan anggota, pelanggan, rakan niaga, pesaing dan pihak-pihak lain.

Rangka Kerja Pembangunan Berasaskan Kecekapan

- Kumpulan TM telah mewujudkan rangka kerja menyeluruh yang menetapkan satu struktur keperluan kecekapan minimum untuk menilai keperluan pembangunan modal insan sedia ada

merentasi pelbagai lapisan pengurusan. Ini adalah bagi memastikan sumber utama Kumpulan, iaitu warga kerjanya dan juga kemahiran dan keupayaan mereka mampu untuk berdaya saing dan berkekalan seterusnya di masa hadapan.

Lembaga dan Jawatankuasa Audit

- Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga, iaitu Jawatankuasa Lembaga Audit, Jawatankuasa Lembaga Risiko, Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran, Jawatankuasa Tender, Jawatankuasa Skim Opsyen Saham Pekerja (ESOS) dan jawatankuasa-jawatankuasa sementara yang lain, adalah tertakluk kepada terma-terma rujukan yang ditakrif dengan jelas.
- Jawatankuasa Audit adalah terdiri daripada pengarah bukan eksekutif sahaja dan sebilangan besar daripada pengarah bebas yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang mendalam dari pelbagai bidang. Ahli-ahli Jawatankuasa bermesyuarat dan mempunyai akses penuh dan tanpa had kepada kedua-dua juruaudit dalaman dan luaran sepanjang tahun kewangan. Seorang Pengarah Bebas Kanan Bukan Eksekutif juga dilantik, yang juga merupakan ahli Jawatankuasa Audit.

Polisi dan Prosedur Sumber Manusia

- Kumpulan telah menjalankan usaha yang giat untuk menyelaraskan polisi dan prosedur Sumber Manusia sedia ada menurut inisiatif yang dibangunkan oleh Kerajaan di bawah Program Transformasi GLC.
- Model Kepimpinan TM telah diwujudkan untuk menyokong inisiatif-inisiatif strategik Kumpulan dan diterapkan dalam fungsi sumber manusia yang utama iaitu pembangunan modal insan, pengurusan bakat dan pengambilan tenaga kerja dari luar.
- Kumpulan telah mewujudkan sebuah polisi dan rangka kerja baru untuk kenaikan pangkat yang diselarikan dengan pembinaan keupayaan kepimpinan. Ini selaras dengan aspirasi Kumpulan untuk memastikan mereka yang berkaliber dan bersesuaian dipilih untuk mengisi kekosongan jawatan.
- Program latihan formal, sama ada berbentuk bilik darjah atau menerusi e-pembelajaran, penilaian prestasi separuh tahun dan tahunan dan prosedur lain yang berkaitan telah dilaksanakan untuk memastikan semua anggota mempunyai kecekapan dan menerima latihan secukupnya untuk membolehkan mereka

menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan berkesan.

B. PENILAIAN RISIKO

Penilaian risiko merupakan proses untuk mengenalpasti dan menganalisa risiko yang boleh menghalang pencapaian objektif Kumpulan, membentuk satu asas untuk menentukan bagaimana risiko diuruskan dari segi kebarangkalian dan impak. Aktiviti-aktiviti utama dalam bidang ini adalah seperti berikut:

Pengurusan Risiko Perusahaan (ERM)

- Pengurusan Risiko adalah termaktub dalam sistem kawalan dalaman Kumpulan kerana ianya dianggap oleh Lembaga sebagai satu kepentingan dalam operasi. Menguruskan risiko merupakan tanggungjawab bersama dan justeru disepadukan dalam tadbir urus, proses-proses perniagaan dan operasi Kumpulan. Ianya merupakan proses yang interaktif, meliputi langkah-langkah yang diambil secara tersusun untuk membolehkan peningkatan berterusan dalam proses membuat keputusan. Komitmen anggota terhadap ERM sentiasa ditekankan dan dikuatkuasakan secara berterusan.
- Model ERM COSO telah diterapkan untuk menyelaraskan rangka kerja pengurusan risiko sedia ada dengan Rangka



Kerja Bersepadu COSO yang digunakan oleh audit dalaman untuk menilai keberkesanan kawalan dalaman.

- Audit Dalaman Kumpulan melengkapkan peranan Unit Pengurusan Risiko dengan menyemak profil risiko, strategi pengurusan risiko dan kecukupan serta keberkesanan kawalan yang dikenalpasti dan dilaksanakan secara bebas sebagai maklum balas kepada risiko-risiko yang dikenalpasti dalam setiap aktiviti audit.

Penilaian Kawalan Kendiri (CSA)

- Penilaian Kawalan Kendiri (CSA) membolehkan anggota dalam Kumpulan untuk mengenalpasti risiko dalam persekitaran perniagaan mereka dan menilai kecukupan dan keberkesanan kawalan yang telah dilaksanakan. Hasil daripada CSA dijadikan sebagai maklumat utama dalam mengenalpasti bidang berisiko tinggi dalam Kumpulan.

C. AKTIVITI KAWALAN

Aktiviti kawalan merupakan polisi dan prosedur yang membantu untuk memastikan arahan-arahan Pengurusan dilaksanakan dengan sewajarnya. Aktiviti-aktiviti yang berkaitan dalam Kumpulan TM termasuklah:

Polisi dan Garis Panduan Pengurusan Prestasi Perniagaan (BPM)

- BPM menyediakan rujukan yang menyeluruh tentang Kad Skor Imbang TM (BSC), menyatakan prinsip-prinsip dan polisi yang menjadi landasan untuk Kumpulan TM dalam membangunkan dan melaksanakan proses BSC.
- Ia menyokong Tadbir Urus Korporat TM, menyediakan rangka kerja kawalan dalaman untuk menguruskan pelaksanaan strategi untuk prestasi perniagaan yang lebih baik.

Rancangan Perniagaan Tahunan

- Rancangan Perniagaan Tahunan disediakan oleh unit-unit perniagaan TM dan semua anak syarikat utama yang beroperasi. Rancangan perniagaan tahunan tersebut dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga. Prestasi sebenar dikaji berdasarkan sasaran secara bulanan, membolehkan maklum balas yang pantas dan tindakan pembedahan diambil untuk mengawal risiko. Lembaga mengkaji laporan daripada Pengurusan berkenaan statistik operasi utama dari masa ke semasa, dan juga sebarang perkara berkaitan perundangan dan kawal selia, sekiranya ada.

Ke Arah Kesempurnaan Operasi (TOP)

- Teknologi Maklumat dan Teknologi Rangkaian (IT&NT) telah melancarkan satu inisiatif yang dilaksanakan untuk tempoh tiga tahun bagi meningkatkan pengalaman pelanggan dan prestasi operasi secara menyeluruh dari hujung ke hujung, merangkumi Saluran Jualan, Khidmat Pelanggan dan juga Operasi Rangkaian. Dinamakan sebagai Projek TOP (Towards Operational Perfection), projek ini telah merangsang TM untuk memikirkan semula bagaimana organisasi ini berfungsi dan seterusnya membuat rekayasa semula proses untuk menjadi lebih berkesan, untuk memberi penekanan kepada sasaran prestasi hujung ke hujung dalam penyediaan perkhidmatan dan kualiti, dan untuk meningkatkan produktiviti anggota.

Tanggungjawab Korporat (CR)

- Kumpulan telah mengamalkan rangka kerja CR Bursa Malaysia sebagai prinsip panduan untuk memberikan penjelasan, fokus dan amalan CR yang konsisten yang boleh memberikan nilai yang berterusan kepada masyarakat secara

amnya. Laporan Kemampanan Syarikat setakat ini berjaya mengekalkan pengiktirafan tahap A+ daripada Global Reporting Initiative (GRI), tahap pengiktirafan tertinggi dalam rangka kerja GRI.

Polisi Keselamatan Korporat TM

- Polisi Keselamatan Korporat TM telah diwujudkan untuk menyediakan rangka kerja amalan-amalan terbaik dalam Pengurusan Keselamatan untuk semua anggota bagi meminimumkan risiko keselamatan dan memastikan semua kejadian berkaitan keselamatan diuruskan dengan efektif.

Polisi Pengurusan Kredit

- Kumpulan telah mewujudkan polisi baru dalam pengurusan kredit yang menyeluruh untuk menyediakan keperluan minimum untuk fungsi Pengurusan Kredit yang berkesan, dan menyelaraskan pelaksanaannya di seluruh organisasi. Ini termasuklah pengenalpastian awal pelanggan-pelanggan yang berisiko tinggi dan pelaksanaan langkah-langkah pencegahan untuk melindungi Syarikat daripada menanggung sebarang kerugian.

Manual Tadbir Urus IT

- Kumpulan TM mempunyai polisi Tadbir Urus IT (ITG) yang terdiri daripada enam bahagian teras iaitu Maklumat Umum ITG, Prinsip IT, Senibina IT, Infrastruktur IT, Keperluan Aplikasi Perniagaan, dan Pelaburan dan Pengutamaan IT.

Polisi Anak-anak Syarikat

- Polisi Anak-anak Syarikat (SP) diletakkan untuk memastikan kepentingan Kumpulan dilindungi dan diutamakan setiap masa, dan pada masa yang sama, memberikan kelonggaran secukupnya kepada anak-anak syarikat untuk mencapai objektif perniagaan masing-masing.

Perlindungan Insurans dan Fizikal

- Perlindungan insurans dan fizikal yang secukupnya untuk aset-aset utama dilaksanakan untuk memastikan aset Kumpulan dilindungi secukupnya daripada sebarang kejadian tidak diingini yang mengakibatkan kehilangan harta benda.

D. MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Maklumat dan Komunikasi memastikan bahawa maklumat yang penting adalah dikenalpasti, direkodkan dan disebarkan dalam bentuk dan tempoh masa yang

membolehkan anggota menjalankan tanggungjawab masing-masing. Aktiviti-aktiviti utama yang berkaitan dalam Kumpulan termasuklah:

Polisi Komunikasi

- Kumpulan TM komited kepada komunikasi yang terbuka dan berkesan sebagai komponen penting dalam budayanya bagi memotivasikan warga kerjanya untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan nilai luar biasa kepada pelanggan dan pihak berkepentingan yang lain, dan pada masa yang sama, menjangkakan maklum balas mereka.
- Tujuannya adalah untuk menggalakkan kecenderungan untuk berkomunikasi dan memastikan komunikasi merentasi Kumpulan diselaraskan dengan baik, diuruskan secara berkesan dan memenuhi keperluan organisasi yang pelbagai.

Laporan Insiden Kawalan Dalaman (ICI)

- Laporan Insiden Kawalan Dalaman (ICI) secara berkala akan melaporkan dan menyebarkan pengajaran yang diperolehi daripada insiden kawalan dalaman dengan bermatlamat untuk mencegah insiden yang sama daripada berulang di bahagian-bahagian dan syarikat operasi yang lain dalam Kumpulan.

Jawatankuasa Amalan Terbaik

- Jawatankuasa Amalan Terbaik merupakan jawatankuasa pengurusan yang melapor kepada Jawatankuasa Audit. Ia menyediakan maklumat terkini tentang kemajuan amalan-amalan terbaik serta draf pendedahan berkenaan tadbir urus korporat, syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh badan-badan berkanun/ pihak berkuasa yang berkenaan, pematuhan kepada piawaian perakaunan dan garis panduan dan isu-isu perniagaan yang lain. Semua peringatan dan maklumat terkini disalurkan menerusi sekretariatnya iaitu Unit Pematuhan.

E. PEMANTAUAN

Pemantauan terhadap keberkesanan kawalan dalaman telah diterapkan di dalam operasi perniagaan. Penilaian dari masa ke semasa disepadukan sebagai sebahagian daripada pemantauan Pengurusan yang berterusan ke atas kawalan dalaman. Proses-proses sistematik yang sedia ada untuk mengatasi sebarang kelemahan termasuklah:

Jawatankuasa Pengurusan

- Dua Jawatankuasa Peringkat Atasan telah diwujudkan, iaitu Jawatankuasa Pengurusan dan Barisan Kepimpinan Kumpulan (GLT), masing-masing

dengan peranan yang jelas berbeza dalam menguruskan hal-hal strategik dan operasi kumpulan secara lebih efektif. Jawatankuasa Pengurusan tertumpu kepada memberi panduan dan membuat keputusan berhubung hal-hal strategik, manakala GLT memberi tumpuan kepada perkara-perkara berkenaan prestasi syarikat dan memastikan penyeliaan yang berkesan berhubung isu-isu operasi utama.

- Jawatankuasa Audit dan Jaminan Perniagaan (ABAC) yang terdiri daripada Pengurusan Kanan daripada Aliran Perniagaan masing-masing, kerap memantau isu audit dalaman dan luaran yang utama untuk memastikannya ditangani dan diselesaikan dengan segera.

Penilaian Kendiri Berkala

- Kenyataan tahunan mengenai keberkesanan, kebolehpercayaan dan kecukupan sistem-sistem kawalan dalaman dan kewangan dibuat oleh Pengurusan Kanan TM yang diwakili oleh Ketua Pegawai Kumpulan, Naib Presiden Eksekutif, Naib Presiden, Pengurus Besar dan juga oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan Syarikat-syarikat dalam Kumpulan TM.



- Kenyataan Pematuhan dan Jaminan Kawalan Kewangan (FCCAS) yang dibuat setiap suku tahun merupakan sebahagian daripada inisiatif untuk memupuk kesedaran keperluan 'kawalan kewangan dan dalaman' di dalam Kumpulan.
- Kawalan dalaman untuk laporan kewangan dibentuk untuk memberikan jaminan sewajarnya berkenaan kebolehpercayaan laporan kewangan dan penyediaan kenyataan kewangan kumpulan untuk tujuan laporan luaran selaras dengan FRS.
- Audit Dalaman Kumpulan terus memantau pematuhan secara bebas dan objektif merujuk kepada polisi dan prosedur serta keberkesanan sistem kawalan dalaman. Penemuan dan cadangan penambahbaikan yang penting dikemukakan kepada Pengurusan Kanan dan Jawatankuasa Audit berserta kajian susulan ke atas pelan tindakan dari masa ke semasa. Aktiviti dan amalan Audit Dalaman Kumpulan adalah tertakluk kepada Piagam Audit Dalaman.

Audit Dalaman Kumpulan

- Audit Dalaman Kumpulan menjalankan penilaian berterusan berhubung kecukupan pengurusan risiko dan mengekalkan pendekatan audit yang fleksibel dan pelan audit yang kukuh yang bersama menangani kemunculan risiko baru dan juga risiko yang berpotensi. Rekabentuk kawalan yang baru telah dinilai sepenuhnya untuk projek-projek yang baru dilancarkan. Sebagai contoh, penilaian risiko dan keberkesanan kawalan yang terperinci telah dilaksanakan untuk projek HSBB sepanjang tahun. Audit Dalaman Kumpulan juga membantu untuk memberi pendedahan tentang pengurusan risiko yang berkesan di Aliran-aliran Perniagaan.

Unit Hal Ehwal Khas

Unit Hal Ehwal Khas bertanggungjawab mengkaji dan memantau perilaku dan amalan beretika semua anggota, termasuklah Pengurusan Kanan. Penyiasatan Insiden Kawalan Dalaman (ICI) juga dijalankan oleh Unit ini (sekiranya berkaitan) dan dibentangkan kepada Jawatankuasa ICI dan Lembaga melalui Jawatankuasa Audit. Tindakan sewajarnya kemudiannya akan diambil berdasarkan kekuatan dan kelebihan penemuan tersebut. Unit Hal Ehwal Khas menguruskan Talian Etika dan mengendalikan isu yang diketengahkan oleh pelapor salah laku untuk siasatan lanjut.

KESIMPULAN OLEH LEMBAGA PENGARAH

Lembaga berpendapat bahawa sistem kawalan dalaman yang digambarkan dalam kenyataan

ini adalah pada tahap yang memuaskan dan risiko-risiko adalah di tahap yang boleh diterima dalam konteks persekitaran perniagaan Kumpulan. Lembaga dan Pengurusan akan terus mengambil langkah-langkah untuk mengukuhkan persekitaran kawalan dan memantau kekuatan rangka kerja kawalan dalaman.

TM dalam pengumumannya kepada Bursa Malaysia pada 29 Disember 2010 telah menjelaskan perihal kes penyelesaian Alcatel Lucent dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Amerika Syarikat dan Jabatan Perundangan yang disiarkan kepada umum di Amerika Syarikat pada 27 Disember 2010, termasuk tuduhan tentang pembayaran yang tidak wajar kepada anggota TM oleh Alcatel Lucent. TM memandang serius berhubung tuduhan tersebut dan mempunyai toleransi sifar terhadap rasuah dan penyelewengan. Untuk tujuan ketelusan, TM dengan serta merta telah menubuhkan jawatankuasa kecil Lembaga untuk menyiasat tuduhan tersebut. Jawatankuasa kecil Lembaga tersebut telah melantik seorang perundingcara untuk melaksanakan audit forensik bebas berhubung perkara ini dengan pengawasan Unit Hal Ehwal Khas Audit Dalaman Kumpulan TM yang melapor kepada BAC.

Adalah diharapkan agar siasatan bebas terhadap tuduhan tersebut dan penemuannya dianalisa dan pengajaran yang diperolehi

akan diaplikasikan dalam operasi untuk mengukuhkan lagi polisi-polisi tadbir urus dalaman. Selaras dengan amalan tadbir urus korporat yang sewajarnya, satu laporan daripada siasatan bebas tersebut telah diserahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 1 Mac 2011. Dengan ini, kerjasama penuh akan diberikan kepada pihak berkuasa yang berkaitan.

Walau bagaimanapun, untuk tahun kewangan yang dilaporkan, Lembaga berpuashati dengan sistem kawalan dalaman yang memuaskan dan tidak menyebabkan sebarang kerugian harta benda, hal di luar jangkaan mahupun ketidakpastian.

Sistem kawalan dalaman TM tidak digunakan oleh syarikat-syarikat bersekutu yang di bawah kawalan pemegang saham majoriti masing-masing. Namun begitu, kepentingan-kepentingan TM dilaksanakan melalui pelantikan wakil dalam Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan syarikat-syarikat bersekutu tersebut, serta kajian terperinci berhubung pengurusan akaun penerimaan. Ini membekalkan Lembaga dengan maklumat berkaitan prestasi untuk membolehkan proses membuat keputusan yang mantap dan tepat berhubung pelaburan Kumpulan di dalam syarikat-syarikat terbabit.

KEAHLIAN

Jawatankuasa Audit (JA) terdiri daripada tiga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan seorang Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif seperti berikut:

Dari kiri ke kanan:

Quah Poh Keat

Pengerusi

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin

Ahli

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Danapalan T.P. Vinggrasalam

Ahli

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan

Ibrahim Marsidi

Ahli

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



MESYUARAT DAN KEHADIRAN

JA telah mengadakan sembilan mesyuarat dalam tahun kewangan 2010. Kehadiran ahli-ahli JA adalah seperti berikut:-

Ahli JA	Mesyuarat JA	
	Kehadiran / Bilangan	%
Quah Poh Keat	9/9	100.0
Dato' Danapalan T.P. Vinggrasalam	9/9	100.0
Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin	9/9	100.0
Ibrahim Marsidi	9/9	100.0

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, ahli-ahli Pengurusan Kanan lain dan Juruaudit Luar menghadiri mesyuarat-mesyuarat tersebut atas jemputan untuk memberi penerangan khusus kepada JA.

Sebelum berlangsungnya mesyuarat JA, perbincangan tertutup di antara Pengerusi, Ketua Juruaudit Dalam dan juruaudit luar akan diadakan tanpa kehadiran pihak Pengurusan (jika perlu). JA turut mengadakan dua mesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan.

Minit-minit mesyuarat JA akan diedarkan kepada semua ahli dan isu-isu penting untuk kelulusan Lembaga TM akan dibincangkan di Mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah TM. Pengerusi JA akan melaporkan keputusan dan cadangan JA kepada Lembaga Pengarah TM.

BIDANG KUASA

JA telah mengkaji semula dan memastikan bahawa terma rujukannya adalah selaras dengan Keperluan Penyenaraian Utama dan amalan terbaik yang disyorkan oleh Garis Panduan Tadbir Urus Bursa Securities: Ke arah Kecemerlangan Lembaga.

KOMPOSISI

- JA dilantik dari kalangan Lembaga Pengarah TM dan mesti terdiri tidak kurang dari tiga ahli termasuk pengarah bukan eksekutif dengan majoritinya adalah pengarah-pengarah bebas.

- Pengerusi JA haruslah seorang pengarah bebas dan pelantikan beliau perlu mendapat kelulusan dari Lembaga TM terlebih dahulu.
- Ahli-ahli JA perlu memiliki pertimbangan yang tepat, berobjektif, berpendirian bebas, berpengalaman dalam pengurusan, profesional, berintegriti, berpengetahuan di dalam industri berkaitan dan aspek kewangan.
- Sekurang-kurangnya salah seorang dari ahli JA hendaklah memenuhi kriteria berikut:-
 - hendaklah merupakan seorang ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA); atau
 - jika beliau bukan ahli MIA, beliau hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman bekerja; dan
 - lulus peperiksaan seperti yang termaktub di dalam Bahagian I Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau
 - ahli persatuan-persatuan akauntan seperti yang termaktub di dalam Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan 1967.
 - hendaklah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan atau diluluskan oleh Bursa Securities.
- Pengarah ganti tidak boleh dilantik sebagai ahli JA.

KAJI SEMULA JA

- Terma perkhidmatan dan prestasi JA dan setiap ahlinya dikaji semula oleh Lembaga TM setiap tiga tahun bagi memastikan JA dan ahli-ahlinya telah menjalankan tugas menurut bidang kuasa mereka.
- Lembaga TM mengkaji semula keperluan kemahiran yang pelbagai, pengalaman dan kualiti-kualiti lain JA termasuk kemahiran utama, yang perlu ada pada pengarah-pengarah bukan eksekutif JA.

MESYUARAT

Mesyuarat JA diadakan sekurang-kurangnya empat kali dalam setahun dan mesyuarat tambahan akan diadakan jika perlu, atas permintaan Pengerusi. Untuk menentukan korum, majoriti ahli yang hadir hendaklah terdiri dari pengarah-pengarah bebas.

HAK DAN KUASA

- a. JA berhak bertemu dan berbincang dengan juruaudit tanpa kehadiran pengarah-pengarah lain dan/atau anggota TM, jika perlu.
- b. JA berhak bertemu dan berbincang dengan juruaudit luar sekurang-kurangnya dua kali dalam setahun tanpa kehadiran pengarah-pengarah eksekutif dan/atau anggota TM, jika perlu.
- c. JA mempunyai hak-hak berikut dalam melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab mereka:-
 - Kuasa mutlak untuk menyiasat sebarang perkara di bawah terma rujukannya.
 - Mendapat sumber-sumber yang diperlukan untuk menjalankan tugas-tugasnya.
 - Akses penuh, bebas dan tanpa halangan ke atas maklumat, rekod, harta benda dan anggota TM dan syarikat-syarikat lain di dalam Kumpulan TM.
 - Akses kepada minit-minit mesyuarat, laporan-laporan dan maklumat daripada semua anak-anak syarikat TM.
 - Saluran komunikasi langsung dengan juruaudit luar dan dalaman.
 - Mendapatkan khidmat profesional bebas atau penasihat luar berpengalaman yang berkaitan untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat JA (jika perlu) dan memberi penerangan yang sewajarnya kepada JA.
 - Kuasa untuk menjemput pengarah-pengarah lain dan/atau anggota TM untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat JA khusus bagi agenda yang berkaitan
 - Akses serta-merta ke atas laporan-laporan dan cadangan-cadangan dari Audit Dalaman Kumpulan (GIA) yang berkaitan dengan sebarang penipuan atau yang menyimpang dari kebiasaan yang disedari dan dirujuk kepada GIA oleh pihak pengurusan.
 - Boleh mendapatkan penjelasan daripada lembaga atau Ketua Pegawai Eksekutif anak-anak syarikat TM.
 - Campur tangan di dalam situasi di mana kemungkinan berlakunya penipuan, salah laku atau pelanggaran tatasusila di mana Pengurusan Kanan atau ahli Lembaga TM disyaki terlibat.
 - Mengarah pemusatan GIA dan memastikan kehadiran wakil dari Audit Dalaman anak-anak syarikat.
 - Kuasa dan keupayaan untuk menempatkan sumber-sumber audit dalaman di dalam Kumpulan TM.
 - Memastikan ketua-ketua Juruaudit Dalaman anak-anak Syarikat dan Ketua Audit Dalaman TM memaklumkan sebarang perkara penting secara serta merta kepada JA.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Berikut adalah tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab utama JA secara keseluruhannya dan ianya akan dikaji semula dan dilapurkan kepada Lembaga TM dari masa ke semasa:-

- a. Menilai Persekitaran Kawalan
 - Menentukan sama ada Pengurusan telah melaksanakan polisi-polisi bagi memastikan kawalan yang dilaksanakan sewajarnya adalah mencukupi dan berfungsi sepenuhnya bagi menangani risiko-risiko.
 - Mengkaji semula kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman dan sistem pengurusan maklumat Kumpulan TM, termasuk pematuan undang-undang, peraturan, arahan dan garis panduan yang berkaitan.
- b. Menyemak Laporan Kewangan
 - Memberi jaminan kepada Lembaga berhubung kualiti dan kebolehpercayaan maklumat kewangan yang digunakan oleh Lembaga TM dan maklumat kewangan yang disiarkan secara umum oleh TM dan Kumpulan.
 - Menilai sama ada laporan kewangan tersebut memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan dan prestasi Syarikat di samping mematuhi keperluan-keperluan kawal selia.
 - Mengkaji semula keputusan suku tahunan dan penyata kewangan tahunan Syarikat dan Kumpulan, sebelum ianya diluluskan oleh Lembaga TM dengan tumpuan khusus mengenai perkara-perkara berikut:
 - sebarang perubahan di dalam polisi dan amalan perakaunan.
 - Pelarasan penting atau ketara yang mempunyai kesan kewangan hasil daripada audit yang dijalankan.
 - Perkara atau aktiviti luar biasa yang penting.
 - Keputusan berkaitan kewangan dengan memastikan andaian perkiraan yang penting diguna pakai.
 - Andaian operasi secara berterusan.
 - Pematuan terhadap piawaian perakaunan yang diluluskan, keperluan dan peraturan dari Bursa Securities dan peraturan pihak berkuasa yang lain.
 - Mengkaji penyata kewangan tahunan beraudit bersama juruaudit luar sebelum penyata kewangan tersebut dikemukakan untuk kelulusan Lembaga TM.
 - Membincang masalah dan keraguan yang timbul daripada audit interim dan akhir serta sebarang perkara yang ingin dikemukakan oleh juruaudit tanpa kehadiran Pengurusan, jika perlu.



- Mencadangkan amalan terbaik bagi penzahiran keputusan kewangan dan laporan tahunan Syarikat, selaras dengan prinsip-prinsip yang ditetapkan dalam Kod Tadbir Urus Korporat serta undang-undang, peraturan, arahan dan garis panduan yang berkaitan.
 - Mengkaji tindakan susulan yang diambil oleh Pengurusan terhadap kelemahan tatacara perakaunan dan kawalan seperti yang dinyatakan oleh juruaudit luar dan dalaman.
- c. Audit Luar
- JA hendaklah membincangkan perkara-perkara berikut dengan juruaudit luar:
 - Pelan audit.
 - Jenis, pendekatan dan skop audit.
 - Koordinasi jika lebih daripada satu firma audit terlibat.
 - Penilaian Sistem Kawalan Dalaman TM.
 - Laporan-laporan audit.
 - JA hendaklah memantau tahap tugas bukan audit yang perlu dijalankan oleh juruaudit luar bagi memastikan peruntukan perkhidmatan bukan audit tidak menjejaskan kebebasan dan objektivitinya.
- d. Audit Dalaman Kumpulan (GIA)
- Mengkaji dan meluluskan Piagam Audit Dalaman yang mendefinisikan tujuan bebas, kuasa, skop dan tanggungjawab fungsi audit dalaman Syarikat dan Kumpulan.
 - Mengkaji kecukupan skop, fungsi, kecekapan dan sumber fungsi audit dalaman dan memastikan ianya mempunyai kuasa yang bersesuaian untuk menjalankan tugas.
 - Mengkaji Pelan Audit Dalaman dan keputusan proses audit dalaman.
 - Menilai dan mengesyorkan prestasi dan ganjaran Ketua Juruaudit Dalaman Kumpulan.
 - Mengkaji sebarang penilaian terhadap prestasi ahli-ahli GIA.
 - Meluluskan pelantikan, penyingkiran, kenaikan pangkat Ketua Juruaudit Dalaman dan ahli-ahli kanan GIA serta memaklumkan mengenai peletakan jawatan Ketua Juruaudit Dalaman atau ahli-ahli kanan GIA dan memberi peluang kepada ahli untuk menjelaskan alasan meletak jawatan.
- Dimaklumkan, dirujuk dan bersetuju atas cadangan permulaan tindakan disiplin atau mekanisme untuk sebarang tindakan disiplin/penyiasatan termasuk bentuk dan sebab bagi penyiasatan dan juga hasil daripada siasatan tersebut serta tindakan disiplin yang dicadangkan terhadap Ketua Juruaudit Dalaman dan ahli-ahli kanan GIA. Sebagai anggota TM, Ketua Juruaudit Dalaman dan ahli-ahli kanan GIA tertakluk kepada polisi dan garis panduan sumber manusia TM termasuk penyiasatan dan tindakan disiplin.
 - Mengkaji semula bantuan dan kerjasama yang diberikan oleh pegawai-pegawai TM kepada juruaudit luar dan dalaman.
 - Fungsi audit dalaman hendaklah bebas daripada aktiviti-aktiviti yang diaudit dan perlu dilaksanakan tanpa berbelah bahagi, telus dan profesional. Lembaga dan JA hendaklah menentukan keberkesanan fungsi audit dalaman.
- e. Mengkaji semula Konflik Kepentingan dan Transaksi Pihak Berkaitan
- Memastikan bahawa Pengurusan mewujudkan proses dan tatacara yang mencukupi untuk memantau, mengesan dan mengenalpasti Transaksi Pihak Berkaitan. Rangka kerja tersebut hendaklah memberikan jaminan mencukupi bahawa Transaksi Pihak Berkaitan dan situasi konflik kepentingan termasuk transaksi berulang pihak berkaitan dikenalpasti, dinilai, dibentangkan untuk kajian semula dan kelulusan serta dilaporkan, apabila perlu.
 - Mengkaji situasi konflik kepentingan atau transaksi pihak berkaitan dan menentukan perkara-perkara berikut:
 - sama ada transaksi tersebut adalah untuk kepentingan Kumpulan.
 - sama ada transaksi tersebut adil, wajar dan berdasarkan terma-terma komersil yang biasa.
 - bahawa transaksi tersebut tidak memudaratkan kepentingan pemegang saham minoriti.
- f. Skim Opsyen Saham Pekerja (ESOS)
- i) Mengesahkan peruntukan opsyen kepada anggota Kumpulan yang berkecuali selaras dengan Keperluan Penyenaraian Utama pada akhir setiap tahun kewangan.
 - ii) Menyediakan penyata JA mengesahkan peruntukan tersebut di dalam laporan tahunan.

- g. Memberi Maklumat dan Penyelewengan
 - i) Mengkaji semula kaedah bagaimana anggota-anggota Kumpulan TM boleh menyuarakan kebimbangan secara sulit, berhubung kemungkinan salah laku di dalam laporan kewangan atau perkara lain. JA hendaklah memastikan bahawa kaedah tersebut membolehkan penyiasatan yang adil dan bebas serta tindakan susulan yang bersesuaian diambil.
 - ii) Memastikan bahawa laporan anggota berhubung isu-isu perakaunan atau pengauditan yang mencurigakan adalah dipelihara dan sulit.
 - iii) Mengkaji semula tatacara-tatacara pengesanan penyelewengan Kumpulan.
- h. Lain-lain
 - i) Melaporkan dengan segera kepada Bursa Securities sekiranya JA berpendapat bahawa pelanggaran Keperluan Penyenaraian yang dilaporkan oleh JA tidak diselesaikan secara sempurna oleh Lembaga TM.
 - ii) Perkara-perkara lain yang difikirkan sesuai oleh JA atau seperti yang ditentukan oleh Lembaga TM.
- ii) Menerima dan mempertimbangkan laporan daripada Jawatankuasa Jaminan Audit dan Perniagaan berhubung perkara berikut
 - Tindakan pihak Pengurusan dalam menangani kawalan-kawalan dalaman penting dan isu-isu perakaunan seperti yang dibangkitkan oleh Juruaudit-juruaudit dalam dan luar.
 - Jaminan Hasil dan aktiviti-aktiviti pengurusan penyelewengan bagi menangani kebocoran hasil dan penyelewengan berkenaan dengan telekomunikasi.
 - Sebarang cadangan lain yang dibuat oleh JA untuk tindakan Pengurusan.
- iii) Menerima dan mempertimbangkan laporan-laporan daripada Jawatankuasa Amalan Terbaik (BPC) bagi perkara-perkara berikut:
 - Sebarang perubahan amalan terbaik perniagaan dan draf pendedahan, khasnya dalam tadbir urus korporat; keperluan undang-undang, pematuhan dengan piawaian perakaunan serta lain-lain panduan perniagaan.
 - Pengemaskinian polisi utama, penyemakan atau penambahan seperti saranan Pengurusan bagi memastikan peningkatan yang dibuat adalah sejajar dengan amalan-amalan terbaik perniagaan dan proses-proses pengendalian dalaman yang efektif.
- iv) Menerima dan mempertimbangkan laporan daripada Jawatankuasa Insiden Kawalan Dalaman (ICI) berkenaan insiden-insiden atau kegagalan kawalan dalaman berdasarkan laporan yang diserahkan oleh Pengurusan atau siasatan/audit khas yang dijalankan serta mencadangkan tindakan selanjutnya. Laporan-laporan tersebut dirumuskan oleh Ketua Juruaudit Dalaman dan diserahkan kepada JA setiap suku tahun berdasarkan perkara-perkara berikut:
 - Sifat dan punca asal kegagalan kawalan yang mempunyai impak kewangan dan/atau menjejaskan imej serta reputasi Kumpulan.
 - Pembelajaran sehalu untuk membendung berulangnya insiden serupa di dalam Kumpulan.
 - Status tindakan yang diambil oleh Pengurusan untuk memulihkan kelemahan kawalan dan memastikan tindakan-tindakan disiplin yang bersesuaian.

SETIAUSAHA

Berkuatkuasa Oktober 2010, Setiausaha Syarikat telah dilantik sebagai Setiausaha JA.

RINGKASAN AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA BAGI TAHUN KEWANGAN 2010

Sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2010, aktiviti-aktiviti utama JA adalah seperti berikut:-

a. LAPORAN KEWANGAN

- i) Mengkaji semula Penyata Kewangan Suku Tahunan Tidak Beraudit Kumpulan TM selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan (FRS) 134 dan Keperluan Penyenaraian sebelum dicadangkan kepada Lembaga TM untuk kelulusan.
- ii) Mengkaji Semula Penyata Kewangan Tahunan yang telah di Audit bagi Kumpulan TM sebelum dicadangkan kepada Lembaga TM bagi memastikan laporan kewangan tersebut memberi gambaran yang sebenar dan adil mengenai prestasi kewangan di samping mematuhi syarat-syarat kawal selia.

b. KAWALAN DALAMAN

- i) Mengkaji semula laporan-laporan berhubung kecukupan, keberkesanan dan kebolehpercayaan sistem kawalan dalaman berdasarkan penilaian sendiri kawalan yang dijalankan setiap tahun oleh pengurusan utama Syarikat Operasi/Anak Syarikat. Surat Jaminan Kawalan Dalaman Tahunan dan Laporan Insiden Kawalan Dalaman diserahkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Ketua Juruaudit Dalaman.



- v) Menerima dan menilai semula laporan-laporan dari Pengurusan berkenaan risiko-risiko strategi utama, kewangan dan operasi untuk memastikan perkara-perkara tersebut diuruskan dengan berkesan, termasuklah perkara-perkara berikut:

- Pengurusan perbendaharaan
- Pengurusan Kredit
- Had Kuasa Matrik Kumpulan TM
- Kesan pelaksanaan FRS 139
- Kesan FRS 7 dalam Penzahiran Akaun Tertunggak Tidak Terjejas.
- Pengurangan nilai muhibah

c. TRANSAKSI DENGAN PIHAK BERKAITAN

- i) Menerima dan mengkaji semula laporan Transaksi dengan Pihak Berkaitan bagi memastikan transaksi yang dijalankan Kumpulan TM adalah adil, munasabah, atas terma-terma normal komersil dan berkepentingan bagi Syarikat.
- ii) Pengkajian semula secara berkala Transaksi Berulang dengan Pihak Berkaitan bagi memastikan transaksi dilaksanakan menurut pengaturannya yang dipersetujui; dan dipantau berbanding jumlah yang dimandatkan.

d. SKIM OPSYEN SAHAM PEKERJA (ESOS)

JA mengambil maklum bahawa tiada peruntukan opsyen kepada kakitangan TM sepanjang tahun kewangan 2010.

e. AUDIT LUARAN

- i) Berbincang dengan juruaudit luar, sebelum pelaksanaan pelan audit, jenis dan skop audit, strategi penglibatan, termasuk terma-terma yang dinyatakan di dalam surat pelantikan juruaudit luar.
- ii) Mengkaji semula dan meluluskan surat pelantikan daripada juruaudit luar yang bebas dan objektif.
- iii) Mengkaji semula keputusan audit tahunan, laporan audit dan Memorandum Kawalan Dalaman berserta ulasan Pengurusan bagi perkara-perkara yang dibangkitkan oleh juruaudit luar.
- iv) Mengkaji semula dan meluluskan skop perkhidmatan bukan audit yang diberikan oleh juruaudit luar untuk memastikan pendiriannya yang bebas dan objektif tidak terjejas.

- v) Mengkaji semula prestasi keseluruhan juruaudit luar dan setelah penilaian yang memuaskan, mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah untuk meluluskan yuran boleh dibayar kepada juruaudit luar merangkumi skop kerja yang dilakukan.

- vi) Mengadakan dua mesyuarat tertutup dengan juruaudit luar untuk memastikan tiada sekatan dalam skop audit mereka dan untuk membincangkan perkara-perkara yang tidak dibangkitkan ketika kehadiran Pengurusan.

f. AUDIT DALAMAN

- i) Mengkaji semula dan meluluskan laporan-laporan daripada GIA berhubung perkara-perkara berikut:
- Pelan perniagaan tahunan bagi memastikan strategi-strategi utama audit dan keperluan sumber bagi memenuhi keperluan pemegang berkepentingan syarikat.
 - Kecekapan dan kemampuan audit dalaman untuk memastikan bahawa GIA secara kolektif, memiliki kemahiran dan profesionalisme untuk melaksanakan tugas-tugasnya.
 - Menilai semula dan menimbang laporan-laporan audit dalaman yang telah dibentangkan sepanjang tahun, cadangan-cadangan audit yang dibuat dan tindakan yang diambil oleh Pengurusan terhadap cadangan-cadangan tersebut. JA juga telah mengarahkan Pengurusan untuk memperbetul dan mempertingkatkan peraturan kawalan berdasarkan cadangan-cadangan dan saranan-saranan GIA.
 - Mengawasi pelaksanaan cadangan-cadangan yang belum selesai oleh Pengurusan pada setiap suku tahun bagi memastikan risiko-risiko dan kelemahan kawalan ditangan dengan sewajarnya.
 - Menilai semula dan menimbang isu-isu utama salah laku dalaman yang berkaitan dengan program Kod Tingkahlaku dan Pemberi Maklumat Kumpulan.
 - KPI bagi GIA berdasarkan Kad Skor Seimbang yang memberi tumpuan kepada aspek kualitatif dan kuantitatif.
- ii) Mengadakan mesyuarat-mesyuarat tertutup dengan Ketua Juruaudit Dalaman untuk membincangkan perkara berkaitan kawalan dalaman utama dan audit dalaman.

LATIHAN

Ahli-ahli JA telah menghadiri pelbagai persidangan, seminar dan program latihan seperti berikut di sepanjang tahun 2010:-

Aspek	Tajuk Persidangan / Seminar
a. Kewangan	i) Membangunkan Jawatankuasa Audit Akan Datang ii) Persidangan Industri Kewangan iii) Forum Cukai BDO: "Which Hat are You Wearing?"
b. Pengurusan Risiko	i) Derivatif dan Risiko: Analisa, Penilaian dan Pengurusan ii) Derivatif Pengurusan Risiko iii) Pengurusan Risiko dalam Kewangan Islam
c. Strategi	i) Pembangunan Kebolehan Organisasi kepada Transformasi Strategik ii) Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dari Perspektif dan Harapan Kerajaan iii) Cabaran Memajukan Keuntungan TM
d. Tadbir Urus Korporat	i) Seminar Panduan Tadbir Urus Korporat ii) Seminar MINDA – Asas Moral bagi Tadbir Urus yang Baik iii) Laporan Prestasi Bayaran berkenaan Ganjaran Pengarah Bukan Eksekutif iv) Perubahan Landskap Aktivisme Pemegang Saham – Peranan Kita
e. Tanggungjawab Korporat	Kumpulan sasaran Bursa Malaysia bagi Lembaga Pengarah, Panduan Tanggungjawab Korporat Akan Datang dan Portal Bursa Malaysia
f. Industri	i) Transformasi Telekomunikasi Asia Pasifik ii) Platform IPTV Huawei iii) CommunicAsia 2010

Laporan JA ini dibuat berdasarkan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 25 Februari 2011.



Quah Poh Keat
Pengerusi Jawatankuasa Audit



Audit Dalaman Kumpulan (GIA) berusaha untuk memberikan jaminan yang bebas dan wajar tentang kecukupan, kewibawaan dan kecekapan sistem kawalan dalaman, pengurusan risiko dan tadbir urus Kumpulan secara keseluruhan. Fungsi audit dalaman menggunakan perkaedahan audit berasaskan risiko yang selaras dengan risiko Kumpulan bagi memastikan kawalan yang berkaitan untuk menangani risiko-risiko tersebut disemak secara bergilir-gilir. Tujuan, bidang kuasa dan tanggungjawab Audit Dalaman Kumpulan, termasuk pemberian jaminan dan aktiviti perundingan yang diberikan kepada Kumpulan, jelas dinyatakan di dalam Piagam Audit Dalaman. Piagam ini telah disemak dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit dan sejajar dengan Rangka Kerja Amalan-amalan Profesional Antarabangsa (IPPF) oleh Institut Juruaudit Dalaman (IIA).

Fungsi Audit Dalaman di TM diuruskan secara dalaman dan GIA melapor secara langsung kepada Jawatankuasa Audit. Ketua Juruaudit Dalaman membuat laporan secara berkala tentang aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dan isu-isu strategik dan kawalan utama yang dicatat oleh Audit Dalaman Kumpulan kepada Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa Audit menyemak dan meluluskan belanjawan tahunan Audit Dalaman Kumpulan, pelan audit dan keperluan sumber manusia bagi memastikan keperluan fungsi tersebut dipenuhi sewajarnya dengan juruaudit-juruaudit yang berkeelayakan dan berkemampuan.

RANGKA KERJA DAN AMALAN

Untuk memastikan keseragaman dan ketekalan dalam memberikan jaminan tentang kecukupan, kewibawaan dan kecekapan sistem kawalan dalaman, pengurusan risiko dan tadbir urus secara keseluruhan, GIA telah menyelaraskan amalan-amalan audit dalaman terkini dengan Rangka Kerja Kawalan Dalaman Bersepadu COSO. Dengan menggunakan rangka kerja ini, semua penilaian kawalan dalaman yang dilaksanakan oleh GIA adalah berdasarkan lima elemen kawalan dalaman seperti berikut:

- Persekitaran Kawalan
- Penilaian Risiko
- Aktiviti Kawalan
- Maklumat dan Komunikasi
- Pemantauan

KEBEBASAN DAN KEOBJEKTIFAN

Aktiviti Audit Dalaman tetap bebas daripada sebarang gangguan daripada mana-mana elemen dalam organisasi, termasuk hal ehwal pemilihan audit, skop, prosedur, kekerapan, ketepatan masa atau kandungan laporan bagi mengekalkan pendekatan bebas dan objektif yang diperlukan.

GIA tidak mempunyai tanggungjawab atau kuasa operasi secara langsung ke atas mana-mana aktiviti yang diaudit. Berikutan itu, GIA tidak akan melaksanakan kawalan dalaman, membangunkan prosedur, melaksanakan sistem, menyediakan laporan atau terlibat dengan mana-mana aktiviti lain yang boleh mengganggu kesaksamaan juruaudit dalaman.

SKOP DAN LIPUTAN

Audit Dalaman Kumpulan mengamalkan pengauditan bersesuaian dan perancangan audit yang mantap yang memberikan fleksibiliti yang diperlukan untuk menangani kemunculan risiko sedia ada dan juga risiko masa akan datang. Ini meningkatkan kebolehan GIA untuk menumpukan sumber-sumber dan kemahirannya dalam memastikan keselarian dengan strategi dan matlamat perniagaan, lantas mengekalkan keterterapan dan memacu penambahbaikan berterusan dalam Kumpulan. Skop penglibatan audit juga diselaraskan dengan risiko-risiko utama organisasi dan inisiatif-inisiatif utamanya. Bidang audit utama yang dikenalpasti dalam tahun 2010, selaras dengan objektif umum COSO, adalah seperti berikut:

1. Strategik

- a) Kajian semula Kawalan Pengurusan
- b) Kajian Kos Produk dan Penetapan Harga ke arah Pencapaian Keuntungan Tertinggi
- c) Kajian semula platform Televisyen Protokol Internet (IPTV) dan Pusat Media
- d) Tadbir Urus Projek

2. Operasi

- a) **Sumber Manusia**
 - Kajian semula Perancangan Tenaga Kerja dan Pengambilan Pekerja
 - Kajian semula Pengurusan Kesan Prestasi
 - Kajian semula Pelaksanaan Keseluruhan Pelebaran Jalur Tugasan

- b) **Perolehan**
 - Kajian semula Proses Pembelian Kecemasan
 - Kajian semula Proses Penganugerahan Langsung
 - Kajian semula Pengurusan Kontrak Jualan dan Perkhidmatan
- c) **Pemasaran**
 - Kecekapan Fungsi Pengurusan Khidmat Pelanggan: Pengurusan Aduan
 - Perkhidmatan Pelanggan dan Pengurusan Tunai di TMpoint
 - Kajian semula Proses Jualan kepada Pelanggan
 - Kajian semula Pelan TM SME One
- d) **Perakaunan dan Kewangan**
 - Pengurusan Penghutang dan Kredit
 - Kajian semula Kecekapan Fungsi Kewangan
- e) **Rangkaian**
 - Audit Rangkaian Data Digital (DDN)
 - Audit Rangkaian Generasi Seterusnya (NGN) – Elemen Rangkaian (Fasa Penubuhan)
 - Audit Teras Protokol Internet NGN (Fasa Operasi dan Peralihan)
 - Audit Protokol Internet Transit Global
 - Audit Pengesahan Data dan Peralihan Rangkaian Akses
- f) **Teknologi maklumat**
 - Kajian semula Sistem Pengebilan Utama
 - Kajian semula Sistem Inventori Rangkaian
 - Kajian semula Pasca Pelaksanaan Peluang cita-cita ceria Generasi Seterusnya (NOVA)

3. Laporan

- a) Kajian semula Laporan Kewangan
- b) Kajian semula Kewangan Suku Tahunan Interim

4. Undang-undang, Kawal Selia & Pematuhan

- a) Transaksi Pihak Berkaitan
- b) Kajian Khas tentang ESOS TM
- c) Kajian semula Pasca Pelaksanaan Penyediaan Perkhidmatan Universal dan Pengurusan Program
- d) Kajian semula Pengurusan Kes-kes Tuntutan

Kepakaran GIA juga telah diminta untuk membantu pengurusan dalam mengenalpasti kelemahan kawalan dalaman yang dilaporkan oleh Penggera Salah Laku, analisis data yang kompleks dalam mengenalpasti kesilapan dan ralat, post-mortem

kegagalan kawalan dalaman dan pendedahan risiko yang dihadapi dalam projek-projek utama TM. Untuk memastikan keterterapan yang berterusan kepada aliran perniagaan dan untuk menambah nilai. GIA juga menyertai kajian semula projek-projek utama merangkumi produk perniagaan yang baru dan pelaksanaan sistem untuk memastikan kawalan yang secukupnya dilaksanakan sewajarnya sebelum pelancaran produk atau sistem tersebut. GIA membuat kajian semula yang khusus berdasarkan permintaan daripada Jawatankuasa Audit dan/atau pengurusan sebagai tambahan kepada kajian semula yang dirancang untuk tahun tersebut. Kajian susulan dilaksanakan terhadap pelaksanaan usul-usul audit setiap suku tahun dan status pelaksanaan tersebut dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit dengan sewajarnya.

SUMBER

Sejumlah RM6.4 juta telah dibelanjakan untuk aktiviti audit pada tahun 2010. Ringkasan kos audit dalaman berdasarkan kategori utama adalah seperti berikut:

Kategori	RM (juta)	% daripada jumlah kos
Tenaga Kerja	4.2	66.0%
Bahan-bahan	0.1	1.0%
Perbelanjaan Sampingan (termasuk perjalanan)	0.5	8.0%
Caj Semula Dalaman (termasuk sewa ruang, caj IT, Kos Latihan, dsb.)	1.5	23.0%
Susut Nilai	0.1	2.0%
Jumlah	6.4	100.0%

Ringkasan juruaudit-juruaudit dalaman, berdasarkan kepakaran masing-masing sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti berikut:

Bidang	Bilangan Juruaudit Dalaman	Peratusan
Perakaunan dan Kewangan	12	35.0%
Teknologi Maklumat	5	15.0%
Kejuruteraan/Rangkaian	9	26.0%
Pemasaran	5	15.0%
Sumber Manusia/Am	2	6.0%
Perundangan	1	3.0%
Jumlah	34	100.0%



AKTIVITI PENYUMBERAN BERSAMA

Tiada aktiviti kawalan dalaman yang disumber bersama dalam tahun 2010. Semua aktiviti audit dalaman dilaksanakan secara dalaman.

KOMITMEN TERHADAP KECEKAPAN

Dalam mengekalkan fungsi audit yang mempunyai penyesuaian yang tinggi, pelaburan yang lebih banyak diperlukan terhadap model kecekapan dan pelan latihan untuk anggota individu setiap tahun. Juruaudit memerlukan pemahaman yang lebih baik tentang keusahawanan dan kerja-kerja perniagaan dan berkemahiran dalam pemikiran strategik, inovasi dan pengurusan risiko, selain daripada kemahiran-kemahiran lain.

Beberapa modul latihan telah dikenalpasti untuk meningkatkan kecekapan dan kemahiran juruaudit-juruaudit dalaman. Seminar dan bengkel-bengkel utama yang telah dihadiri oleh Audit Dalaman Kumpulan pada tahun 2010 adalah seperti berikut:

- a) **Latihan Berkumpulan** – direka untuk memenuhi keperluan khusus juruaudit dalaman seperti analisis pemikiran berstruktur, kemahiran menulis laporan dan pengetahuan produk. Program-program ini merupakan kolaborasi antara Audit Dalaman Kumpulan dan perunding-perunding tertentu seperti IIA dan pakar runding latihan yang lain. Sehingga Disember 2010, latihan berkumpulan yang telah diadakan adalah seperti berikut:
 - Pengurusan Khidmat Pelanggan (CSM), di mana ia turut dihadiri oleh Pengurusan Utama CSM termasuk Naib Presiden.
 - Strategi Produk Runcit dan Pengurusan di mana persembahan telah disampaikan oleh Naib Presiden, Produk Runcit.
 - Gambaran keseluruhan Projek HSBB NOVA oleh Pengarah Projek NOVA dan Naib Presiden Teknologi Maklumat Kumpulan.
- b) **Latihan Individu** – berdasarkan kelemahan kecekapan individu. Jenis latihan yang diberikan untuk juruaudit dalaman ditentukan berdasarkan jurang kecekapan dan keperluan masa hadapan seperti kepimpinan dan kemahiran pengurusan. Antara latihan utama yang dihadiri oleh juruaudit sehingga Disember 2010 adalah:
 - i. **Kemahiran Audit:**
 - Persidangan IIA
 - Audit Berdasarkan Risiko: Penyelesaian Tambah Nilai

- Audit Keselamatan Rangkaian
- Forensik Komputer
- Audit Pengurusan Projek untuk Pertumbuhan Berterusan

ii. Kemahiran Strategik

- Transformasi dan Pembaharuan Strategik Organisasi
- Membangunkan Kreativiti Perniagaan
- Penyelarasan Perniagaan Strategik untuk Pemimpin
- Program Pengurusan Perniagaan Utama Harvard
- Berfikir di Luar Kotak
- Pemikiran Strategik, Perancangan & Pelaksanaan
- Menguruskan Perubahan Utama untuk Pengurusan Kanan

iii. Kemahiran Fungsional:

- Sistem Kutipan Pembayaran Baru dan Khidmat Pelanggan di TMpoint
- Pengurusan Kewangan untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)
- Latihan Asas eTOM
- Memahami Kesan Amalan Pengurusan FRS
- Audit Dalaman berasaskan COSO
- Masa Depan Perkhidmatan Kewangan Bersama
- Persidangan Communicasia 2010
- Perkhidmatan Pelanggan – “Di Atas dan Seterusnya”
- Tumpuan kepada Pelanggan untuk Kecemerlangan Organisasi
- Pengurusan Projek yang Berjaya
- Jalur Lebar Generasi Seterusnya
- Latihan Pakar Keselamatan Rangkaian
- Pengurusan Prestasi Perniagaan

iv. Kemahiran Pengurusan dan Kepimpinan

- Kecemerlangan Kepimpinan dan Nilai-nilai Pelanggan
- Menguruskan dan Memimpin Unit Perniagaan
- Memimpin Perubahan Organisasi

Selain daripada yang di atas, GIA juga melaksanakan Kolaborasi Latihan Pengurusan – GIA yang menyeluruh. Sesi perkongsian pengetahuan dengan pakar-pakar bidang tertentu di kalangan pengurusan bermatlamat untuk mempercepatkan penguasaan pengetahuan berkenaan Syarikat. Mereka membolehkan juruaudit-juruaudit ini untuk mendapatkan pengetahuan praktikal

daripada pakar-pakar yang menyokong proses-proses utama di dalam TM. Sesi-sesi perkongsian pengetahuan dalaman oleh pakar bidang-bidang tertentu juga diadakan untuk meningkatkan kecekapan juruaudit-juruaudit dalaman.


KUALITI AUDIT DALAMAN

Ketua Juruaudit Dalaman membangunkan dan mengekalkan program jaminan kualiti dan peningkatan yang meliputi semua aspek aktiviti audit dalaman. Program jaminan kualiti menilai kecekapan proses-proses GIA dan mengenalpasti peluang-peluang peningkatan menerusi penilaian dalaman dan luaran.

GIA mempunyai mekanisme Semakan Setara untuk memastikan hasil berkualiti tinggi yang konsisten bagi setiap penglibatan audit. Penyemak setara dengan kepakaran yang berkaitan daripada pasukan perunding dipilih untuk memberi nasihat profesional dan memastikan tahap kualiti yang tertinggi dan bidang risiko diambil kira dengan secukupnya sebelum melaporkan hasil penglibatan akhir kepada pihak-pihak yang sewajarnya.

Penilaian kualiti dalaman juga dilaksanakan setiap tahun di dalam GIA untuk menilai pematuhannya kepada IPPF IIA. Ini dilaksanakan menerusi penilaian sendiri oleh Juruaudit Dalaman Bertauliah (CIA) dan termasuk temuduga mendalam, kaji selidik dan analisis data terperinci.

GIA juga mengadakan penilaian kualiti luaran oleh pengulas bebas bertauliah berkenaan keseluruhan spektrum tugas-tugas audit yang dijalankan oleh juruaudit dalaman setiap lima tahun sekali. Penilaian ini merangkumi bidang-bidang seperti pematuhan kepada IPPF IIA dan Manual Audit Dalaman Kumpulan, sumbangan kepada tadbir urus, penilaian risiko dan proses-proses kawalan dan pengurusan prestasi. Satu penilaian luaran terhadap Audit Dalaman Kumpulan telah dilaksanakan pada tahun ini dan dimaklumkan bahawa Audit Dalaman Kumpulan secara amnya mematuhi Piawaian Antarabangsa untuk Amalan Profesional Audit Dalaman.



Hashim Mohammed
Ketua Audit Dalaman



Quah Poh Keat
Pengerusi Jawatankuasa Audit




PENGENALAN

Dalam usahanya untuk mempertingkatkan amalan tadbir urus korporat di Telekom Malaysia Berhad (TM/Syarikat), Lembaga TM telah mewujudkan Jawatankuasa Risiko Lembaga (BRC) pada 22 Mac 2010 untuk memberikan lebih tumpuan terhadap isu-isu berkaitan risiko Kumpulan TM.

Tugas dan tanggungjawab ahli-ahli BRC merupakan tambahan kepada tanggungjawab mereka sebagai ahli Lembaga TM. Pertimbangan yang dibuat oleh BRC tidak mengurangkan atau mengecualikan tanggungjawab individu dan kolektif ahli Lembaga dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka. Ahli-ahli BRC hendaklah melaksana dan membuat perkiraan sewajarnya menurut kewajiban yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

KEAHLIAN

Keahlian BRC terdiri dari seorang Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif sebagai Pengerusi, dua orang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan seorang Pengarah Bukan Bebas Eksekutif yang juga merupakan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan Syarikat. Komposisi BRC adalah seperti berikut:



Dari kiri (atas) ke kanan (bawah):

Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin

Pengerusi

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Danapalan T.P. Vinggrasalam

Ahli/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan

Ibrahim Marsidi

Ahli/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Bazlan Osman

Ahli/Pengarah Eksekutif Bukan Bebas/Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

MESYUARAT DAN KEHADIRAN

BRC telah mengadakan empat mesyuarat sepanjang tahun kewangan 2010. Butir-butir kehadiran setiap ahli di mesyuarat-mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:

Ahli BRC	Mesyuarat BRC	
	Kehadiran / Bilangan	%
Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin	4/4	100.0
Dato' Danapalan T.P. Vinggrasalam	4/4	100.0
Ibrahim Marsidi	4/4	100.0
Datuk Bazlan Osman	4/4	100.0

Naib Presiden Kumpulan Jaminan Perniagaan, merangkap Ketua Unit Pengurusan Risiko, menghadiri mesyuarat BRC sebagai jemputan tetap. Manakala, jemputan lain sama ada jemputan luar atau dalam, dijemput hadir di setiap atau pada sebahagian mesyuarat apabila perlu dengan kebenaran Pengerusi bagi memudahkan perjalanan mesyuarat BRC.

TERMA RUJUKAN

KOMPOSISI

- Lembaga boleh, sebagaimana disyorkan oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran Lembaga (JPG), melantik mana-mana ahli pengarah atau ahli gantinya sebagai ahli BRC.
- Komposisi BRC mestilah tidak kurang dari tiga ahli termasuk Pengerusi yang mana majoritinya terdiri dari Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif dan sekurang-kurangnya salah seorang darinya mempunyai pengalaman terkini berkaitan pengurusan risiko.

- c. Ahli-ahli BRC boleh melepaskan keahlian mereka dalam BRC dengan memberi notis bertulis kepada Pengerusi BRC dan Pengerusi JPG dengan sesalanan notis kepada Setiausaha Syarikat. JPG akan menilai semula dan mengesyorkan pelantikan pengarah yang lain kepada Lembaga dalam masa tiga bulan dari tarikh notis diberi untuk kelulusan.
- d. Keahlian kesemua ahli-ahli BRC, termasuk Pengerusi akan terus kekal selagi mereka masih berkhidmat sebagai Pengarah [atau Pengarah Ganti] TM.
- e. Pengerusi BRC hendaklah Pengarah Bukan Eksekutif, sebagaimana yang disyorkan oleh JPG dan bukan Pengerusi Jawatankuasa Audit Lembaga.
- f. Ahli-ahli BRC harus mempunyai perkiraan tepat, berobjektif dan mempunyai pandangan bebas, berpengalaman dalam pengurusan, profesional, berintegriti dan pengetahuan dalam industri.

MESYUARAT

Mesyuarat BRC diadakan sekurang-sekurangnya empat kali dalam setahun iaitu sebelum mesyuarat suku tahunan Jawatankuasa Audit Lembaga atau sebarang mesyuarat tambahan, jika perlu, sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi. Korum yang diperlukan untuk mesyuarat BRC adalah majoriti ahli-ahlinya yang hadir.

SETIAUSAHA

Setiausaha Syarikat merupakan Setiausaha BRC.

HAK DAN KUASA

BRC mempunyai kuasa termasuklah untuk:

- menyiasat segala perkara di bawah terma rujukannya.
- memperolehi sumber secukupnya untuk melaksanakan tugasnya.
- mempunyai akses sepenuhnya ke atas sebarang maklumat, rekod, harta benda dan anggota TM atau syarikat-syarikat lain di dalam Kumpulan TM.
- Mendapatkan khidmat profesional bebas atau penasihat luar berpengalaman yang berkaitan untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat BRC dan memberi penerangan yang sewajarnya kepada BRC.
- Mendapatkan khidmat perunding luar bagi membantu pelaksanaan tugas BRC.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

BRC tidak mengambil-alih fungsi pengurusan, yang kekal di bawah tanggungjawab Pengarah-pengarah Eksekutif, pegawai-pegawai dan ahli-ahli pengurusan kanan yang lain. Peranan

utama BRC adalah untuk membantu Lembaga TM dalam memastikan Syarikat mempunyai rangka kerja pengurusan risiko perusahaan yang kukuh dan rangka kerja tersebut telah dilaksanakan bagi mempertingkatkan kemampuan Syarikat untuk mencapai objektif strateginya.

BRC akan melaksanakan semua fungsinya dengan sewajarnya termasuklah:


- Menyelia dan menilai semula polisi dan pelan pengurusan risiko untuk kelulusan Lembaga TM.
- Mengawasi keberkesanan struktur organisasi pengurusan risiko.
- Sentiasa menilai semula status dan penggunaan serta tanggungjawab dan kebertanggungjawaban pengurusan risiko.
- Mengawasi pelaksanaan polisi dan pelan sistem dan proses pengurusan risiko.
- Mengesyorkan kepada Lembaga TM atau Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga yang diberi kuasa oleh Lembaga, berkenaan tahap toleransi risiko, dan memastikan risiko tersebut diuruskan menurut toleransi tersebut sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga TM.
- Menyelia penyebaran pelan pengurusan risiko ke seluruh Syarikat dan penyepaduannya ke dalam aktiviti seharian Syarikat.
- Memastikan penilaian pengurusan risiko dilaksanakan secara berterusan.
- Memastikan pelaksanaan rangka kerja dan metodologi untuk meningkatkan pengawasan risiko di luar jangkaan.
- Memastikan Pengurusan mempertimbangkan dan melaksanakan tindak balas risiko yang sewajarnya.
- Pastikan pemantauan risiko secara berterusan oleh pihak Pengurusan.
- Berhubung rapat dengan Jawatankuasa Audit Lembaga untuk bertukar maklumat yang berkaitan dengan risiko.
- Melahirkan pendapat secara formal kepada Lembaga TM terhadap keberkesanan sistem dan proses pengurusan risiko.
- Menilai semula laporan pengurusan risiko untuk dimasukkan ke dalam laporan yang telah disatukan kepada Lembaga TM.

LAPORAN PENGURUSAN RISIKO

Tumpuan kumpulan yang berterusan terhadap rangka kerja pengurusan risiko yang menyeluruh, menitikberatkan strategik, kawal selia, kewangan dan operasi pengurusan risiko yang efektif dalam meningkatkan keupayaan kumpulan untuk mencapai keuntungan, telah membantu untuk terus melaksanakan tanggungjawab sosial korporat yang utuh dan pengurusan pihak-pihak berkepentingan, dan juga menjaga nilai pemegang saham yang positif walaupun terpaksa berhadapan dengan suasana perniagaan yang mencabar dan keadaan pasaran yang tidak menentu.

Kumpulan TM terus mengukuhkan infrastruktur pengurusan risikonya dan memperbaiki proses-prosesnya untuk menguruskan risiko secara proaktif selaras dengan perubahan pasaran. Ini termasuklah mengemaskinikan tadbir urus untuk pengurusan risiko merangkumi peringkat Lembaga pengarah sehinggalah ke peringkat operasi, menerapkan proses pengurusan risiko dalam proses membuat keputusan perniagaan yang utama dan strategik, latihan yang berterusan untuk anggota-anggota untuk membentuk budaya pengurusan risiko yang berkekalan dan memberi takrifan yang jelas tentang peranan dan tanggungjawab untuk pengurusan risiko merangkumi seluruh struktur organisasi.

Polisi dan panduan Pengurusan Risiko Kumpulan TM secara jelasnya menakrifkan peranan dan tanggungjawab untuk pengurusan risiko merentasi Kumpulan seperti yang ditunjukkan di bawah:



Ahli Lembaga Pengarah (Lembaga Pengarah) bertanggungjawab sepenuhnya dalam menguruskan risiko. Lembaga Pengarah, menerusi Jawatankuasa Lembaga Risiko, bertanggungjawab secara keseluruhan untuk pengawasan risiko dalam Kumpulan TM. Kenyataan polisi pengurusan risiko dan tahap toleransi risiko ditetapkan selaras dengan hala tuju strategik Kumpulan dan objektif-objektif perniagaan seperti yang terkandung di dalam Pelan Perniagaan yang telah diluluskan.

Jawatankuasa Pengurusan memantau perbincangan pengurusan risiko secara keseluruhan, mencabar peta risiko korporat dan unit perniagaan individu, dan mencabar serta memantau pelaksanaan pencegahan risiko yang telah dipersetujui sebelum laporan risiko yang menyeluruh dibentangkan kepada BRC untuk kelulusan. Laporan jaminan bulanan kepada BRC menunjukkan komitmen semua lapisan pengurusan dan unit perniagaan untuk memastikan risiko perniagaan dikenalpasti dan dinilai secara berterusan, dan langkah berjaga-jaga dilaksanakan untuk meminimumkan risiko perniagaan dari kedua-dua perspektif iaitu kekerapan insiden dan tahap kesan risiko.

Aliran Perniagaan, Fungsi Perniagaan, Fungsi Pusat dan anak-anak syarikat bertanggungjawab untuk mengenalpasti, mengurangkan dan menguruskan risiko dalam lingkungan perniagaan masing-masing. Unit-unit ini perlu memastikan bahawa aktiviti-aktiviti harian perniagaan dijalankan menurut polisi risiko, prosedur dan had-had risiko yang ditetapkan.

Faktor Risiko Utama

Risiko-risiko dalam industri telekomunikasi adalah amat dinamik; risiko-risiko baru sentiasa muncul dan memberikan tekanan kepada organisasi untuk menguruskan kedua-dua jenis risiko, iaitu risiko industri sedia ada dan juga risiko-risiko yang baru. Perenggan seterusnya mendedahkan beberapa risiko utama yang boleh menjejaskan kedudukan organisasi. Risiko-risiko ini dipantau secara berterusan di bawah radar Risiko Korporat dan susunan risiko-risiko utama tersebut di dalam laporan ini adalah tidak mengikut turutan tahap risiko.

Risiko Kredit

Risiko kredit akan tetap menjadi salah satu risiko selagi sebahagian besar daripada urusan perniagaan kita adalah pasca-bayar, manakala tahap risiko akan berubah berdasarkan portfolio dan sikap pelanggan, penguatkuasaan tegas Polisi Pengurusan Kredit terutamanya penarafan kredit para pelanggan dan aplikasi had kredit dan cagaran, pemalsuan dalam permohonan perkhidmatan dan kedudukan kewangan pelanggan berikutan daripada perubahan dalam ekonomi makro.

Pengurusan risiko kredit adalah di bawah pentadbiran Polisi Pengurusan Kredit yang baru yang menetapkan garis panduan untuk penilaian dan pengurusan kredit pelanggan merangkumi kadar kredit, penetapan had kredit untuk setiap pelanggan, pengurusan cagaran, pengurusan tabiat pembayaran pelanggan,

pengurusan tempoh kredit, pengurusan kitaran kutipan, mendesak pelanggan untuk melunaskan pembayaran dan pengurusan hutang lapuk. TM telah mewujudkan sistem pengurusan kredit untuk menyokong Polisi Pengurusan Kredit yang baru, terutamanya dalam mengukuhkan penilaian dan pemprofilan pelanggan untuk meminimumkan risiko kredit semasa peringkat pemerolehan pelanggan lagi daripada menghadapi kesukaran membuat kutipan daripada pelanggan yang enggan membuat pembayaran. Bergantung kepada nilai kredit pelanggan dan tempoh hubungan perniagaan dengan TM, perkhidmatan boleh ditawarkan berdasarkan kredit atau secara prabayar. Untuk pelanggan yang mempunyai risiko kredit yang tinggi, perkhidmatan prabayar akan ditawarkan sehinggalah kadar risiko kredit mereka di tahap yang lebih baik.

Risiko Penyelewengan Telekomunikasi

Sebarang penipuan atau penggunaan perkhidmatan secara tidak sah dengan niat untuk mengelakkan atau mengurangkan caj panggilan atau untuk mendapatkan rangkaian akses secara tidak sah yang bertujuan untuk menikmati kadar yuran yang tidak sepatutnya dikira sebagai Penyelewengan Telekomunikasi. Penyelewengan Telekomunikasi yang dilakukan oleh pihak ketiga, pelanggan, wakil jualan dan anggota dalaman sentiasa mendapat perhatian yang berterusan oleh TM.

Percubaan untuk menyeleweng semakin meningkat dari tahun ke setahun, dengan pertambahan daripada perkhidmatan IP. Perubahan trend cubaan untuk menyeleweng beberapa tahun kebelakangan ini adalah didorong oleh pelbagai faktor, tetapi sebahagian besarnya berpunca daripada promosi produk, pengenalan perkhidmatan terbaru di dalam pasaran dan evolusi teknologi yang mengakibatkan perubahan kaedah penyelewengan yang dinamik dan berterusan diluar kawalan TM. Kekerapan percubaan menyeleweng yang tinggi telah diatasi dengan wujudnya sistem pengawasan penyelewengan yang dapat mengenalpasti dengan segera sebarang keganjilan atau disyaki berlakunya penyelewengan, membolehkan analisis dan penyiasatan dilakukan oleh Unit Pengurusan Penyelewengan. Ini telah mengurangkan bilangan penyelewengan dan mengelakkan TM daripada mengalami kerugian. Selain daripada sistem pengawasan tersebut, Kumpulan TM juga telah mewujudkan pelbagai kawalan operasi untuk mengurangkan kerugian kesan daripada penyelewengan.

Risiko Kebocoran Hasil

Jurang dalam proses aliran data, keselarasan maklumat merentasi sistem yang berbeza dan penyelewengan menyumbang kepada kebocoran hasil. Kebanyakan daripada jurang ini boleh dikawal menerusi penilaian jaminan hasil, penyiasatan

penyelewengan dan pengurusan kebocoran oleh pasukan operasi. Prestasi kritikal untuk data, Streamyx dan perkhidmatan prabayar dipantau menerusi sebuah sistem jaminan hasil yang membolehkan pengenalpastian potensi kehilangan hasil.

Tambahan pula, usaha-usaha berterusan juga dilaksanakan oleh Unit Jaminan Hasil untuk memperbaiki kekurangan dalam aspek sumber manusia, proses dan sistem yang terangkum dalam aliran hasil yang utama dan seterusnya mencegah kebocoran hasil. Ini termasuklah kawalan langganan, pengurusan pengebilan dan pengurusan kutipan. Unit Jaminan Hasil dan pasukan operasi akan terus memantau pengurangan hasil untuk memastikannya dipulihkan dengan segera.

Risiko Persaingan

Persaingan membawa kepada pengurangan hasil dan bahagian dalam pasaran, dan merupakan risiko yang sentiasa ada dalam semua perniagaan yang beroperasi dalam pasaran yang bebas dan terbuka. Risiko ini meningkat apabila pelanggan menjadi lebih peka terhadap hak mereka untuk memilih pembekal perkhidmatan berdasarkan kehendak unik mereka. Kecuali perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi, kebanyakan penyedia perkhidmatan selular telahpun menawarkan perkhidmatan suara, data dan jalur lebar peringkat rendah kepada pasaran yang bersaing secara langsung dengan produk dan perkhidmatan TM sedia ada.

Kecenderungan untuk memilih perkhidmatan mudah alih (perkhidmatan bergerak) menambahkan lagi kelebihan pesaing terutamanya dalam sektor suara, yang telah menjejaskan bahagian pasaran TM sedikit demi sedikit. Untuk menghadapi cabaran ini, kami telah melaksanakan pelbagai kawalan dari segi strategik dan operasi termasuklah perancangan yang teliti untuk penetapan hala tuju strategik dan mencari peluang jualan yang baru dengan produk yang inovatif dan berbaloi, serta pakej-pakej harga menarik seperti yang diperlukan oleh pasaran.

Risiko Reputasi

Risiko terjejasnya reputasi boleh berpunca daripada apa-apa tindakan, kejadian atau keadaan yang mampu memberi kesan kepada reputasi Kumpulan TM, yang seterusnya menjurus kepada kehilangan hasil, tindakan undang-undang atau tanggapan serong oleh pihak-pihak berkepentingan. TM terdedah kepada pelbagai faktor risiko yang boleh memberi kesan kepada reputasi Kumpulan TM, seperti kegagalan untuk mematuhi keperluan kawal selia dan undang-undang, kegagalan untuk memberi perkhidmatan di tahap yang minimum, pendedahan perilaku tidak beretika di dalam organisasi dan tindakan undang-undang berprofil tinggi. Pelanggaran hak milik intelektual pihak



ketiga, prestasi kewangan/EBITDA yang lemah dan penyiasatan berterusan oleh pihak berkuasa juga boleh mendedahkan TM kepada risiko reputasi.

TM telah menjalankan beberapa langkah kawalan yang efektif dan inisiatif yang berkualiti juga dilaksanakan untuk mencegah berulangnya mana-mana kejadian yang boleh mencemarkan nama baik Kumpulan atau untuk meminimumkan kesan kejadian sedemikian sekiranya kejadian tersebut adalah di luar kawalan TM. Kumpulan TM terus mengemudikan usaha-usaha Kumpulan untuk mengekalkan budaya pematuhan undang-undang dan kawal selia dalam semua bidang kuasa di mana Kumpulan beroperasi. Kumpulan berhasrat untuk memenuhi piawaian dan jangkaan pihak penguatkuasa kawal selia menerusi beberapa inisiatif dan aktiviti untuk menyokong pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa, merangkumi Kualiti Mandatori Tahap Perkhidmatan dan lain-lain.

Kumpulan TM juga membuat plan pemulihan bencana dan kesinambungan perniagaan meliputi rangkaian dan perkhidmatan IT utama yang kerap diuji untuk memastikan pemulihan segera fungsi-fungsi kritikal perniagaan jika berlaku gangguan perniagaan dan/atau sistem yang besar, termasuklah penyebaran penyakit berjangkit, bencana alam atau bencana buatan manusia. Apabila perlu, Kumpulan TM mencegah risiko yang berimpak tinggi melalui perlindungan insurans.

Merujuk kepada perilaku tidak beretika yang dilakukan oleh anggota, ejen atau pembekalnya, Kumpulan TM telah melaksanakan Kod Etika Perniagaan dan polisi Pelapor Salah Laku yang bersesuaian dan diuji keberkesanannya untuk mengesan dan mencegah kegiatan rasuah atau perbuatan tidak beretika yang lain.

Risiko Gangguan Perkhidmatan

Kumpulan TM komited untuk memastikan rangkaian dan perkhidmatannya sentiasa tersedia demi mengekalkan kualiti perkhidmatannya kepada semua peringkat pelanggan. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa faktor di luar kawalan yang boleh memberi kesan kepada penyediaan perkhidmatan dan terus wujud walaupun aktiviti pengawalan dilaksanakan. Beberapa tahun kebelakangan ini, kami berdepan dengan pelbagai cabaran yang telah mengakibatkan gangguan perkhidmatan termasuklah bencana buatan manusia, bencana alam dan kes kecurian kabel yang kerap.

Sejak dua tahun yang lalu, kecurian kabel semakin berleluasa berikutan peningkatan harga tembaga di pasaran dan wujudnya kedai-kedai barangan terpakai yang membeli skrap tersebut

daripada penjenayah-penjenayah ini. Kecurian seperti ini bukan sahaja memaksa TM untuk mengeluarkan belanja yang tidak sepatutnya untuk menggantikan kabel-kabel tersebut, malah ianya juga meningkatkan bilangan aduan daripada para pelanggan berikutan daripada gangguan perkhidmatan.

Ia merupakan satu cabaran untuk menguruskan punca sebenar risiko dari segi dalaman dan luaran, dan Kumpulan TM terus melabur untuk melaksanakan pelan-pelan pencegahan risiko utama yang akan mengurangkan risiko dan/atau kesannya. Pelbagai inisiatif operasi telah diperkenalkan dengan matlamat utamanya untuk meningkatkan tahap kepuasan pelanggan dan pengalaman mereka terhadap perkhidmatan dan produk menerusi pemasangan dan penyambungan semula yang lebih pantas dalam kes-kes kegagalan perkhidmatan.

KESIMPULAN

Kumpulan TM akan terus menilai keberkesanan program pengurusan risiko organisasinya secara keseluruhan mencakupi tadbir urus risiko, perlaksanaan dan penyelesaian, dan juga mencipta budaya risiko dan imbuhan yang seimbang merentasi Kumpulan. Beroperasi dalam pasaran yang mempunyai tahap persaingan dan kawal selia yang tinggi, TM akan terus terdedah dengan pelbagai risiko perniagaan, sama ada didorong oleh punca luaran atau yang telah sedia ada dalam perniagaannya.

Berbekalkan panduan yang diberikan oleh Ahli Lembaga Pengarah dan juga pihak pengurusan atasan, Unit Kumpulan Jaminan Perniagaan, Kumpulan Audit Dalaman dan juruaudit luaran akan terus memainkan peranan masing-masing dalam memastikan program pengurusan risiko organisasi dalam Kumpulan dinilai dan dikemaskinikan dari masa ke semasa seiring dengan perubahan di dalam pasaran sebelum sebarang cadangan untuk penambahbaikan diberi pertimbangan dan dibincangkan dengan Jawatankuasa Pengurusan, BRC dan akhir sekali dengan Ahli Lembaga Pengarah.

Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin
Pengerusi

MAKLUMAT PEMATUHAN TAMBAHAN – MENURUT LAMPIRAN 9C KEPERLUAN PENYENARAIAAN PASARAN UTAMA BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD (BURSA SECURITIES)

Maklumat-maklumat ini disediakan bagi mematuhi Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities (Keperluan Penyenaraian Utama):

1.0 PENGGUNAAN PEROLEHAN DARI CADANGAN KORPORAT

Syarikat tidak menerima sebarang perolehan dari cadangan korporat di sepanjang tahun kewangan ini.

[Disediakan menurut perkara 13, Bahagian A, Lampiran 9C, Keperluan Penyenaraian Utama]

2.0 PEMBELIAN BALIK SAHAM

Syarikat tidak membuat sebarang cadangan pembelian balik saham di sepanjang tahun kewangan ini.

[Disediakan menurut perkara 14, Bahagian A, Lampiran 9C, Keperluan Penyenaraian Utama]

3.0 OPSYEN, WARAN ATAU SEKURITI BOLEH TUKAR

Syarikat tidak menawarkan sebarang opsyen, waran atau sekuriti boleh tukar di sepanjang tahun kewangan ini.

[Disediakan menurut perkara 15, Bahagian A, Lampiran 9C, Keperluan Penyenaraian Utama]

4.0 PROGRAM “AMERICAN DEPOSITORY RECEIPT (ADR)” ATAU “GLOBAL DEPOSITORY RECEIPT (GDR)”

Syarikat tidak menaja sebarang program ADR atau GDR di sepanjang tahun kewangan ini.

[Disediakan menurut perkara 16, Bahagian A, Lampiran 9C, Keperluan Penyenaraian Utama]

5.0 PENGENAAN SEKATAN/PENALTI

Tiada sekatan awam dan/atau penalti yang telah dikenakan ke atas Syarikat dan anak-anak syarikatnya, pengarah-pengarah atau pihak pengurusan oleh badan-badan kawal selia yang berkaitan pada tahun kewangan ini.

[Disediakan menurut perkara 17, Bahagian A, Lampiran 9C, Keperluan Penyenaraian Utama]

6.0 YURAN BUKAN AUDIT

Jumlah yuran bukan audit bagi perkhidmatan yang disediakan oleh juruaudit luar, Tetuan PricewaterhouseCoopers (PwC) dan syarikat-syarikat bersekutunya kepada Kumpulan TM pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 adalah seperti berikut:

	RM
a. PricewaterhouseCoopers, Malaysia	168,000
b. PricewaterhouseCoopers Taxation Services Sdn Bhd	570,833
Jumlah	738,833

Perkhidmatan yang diberikan oleh PwC adalah berdasarkan garis panduan amalan global ke atas kebebasan juruaudit dan mematuhi keperluan kawal selia atau profesional. Perkhidmatan PwC digunakan apabila kepakaran dan pengalaman mereka mengenai TM diperlukan. Ia juga merupakan dasar Kumpulan untuk menggunakan khidmat juruaudit untuk tugas yang memerlukan pengetahuan mereka mengenai Kumpulan kerana penggunaan khidmat firma perakaunan yang lain akan mengakibatkan kos yang tidak efektif.

[Disediakan menurut perkara 18, Bahagian A, Lampiran 9C, Keperluan Penyenaraian Utama]

7.0 PERBEZAAN KEPUTUSAN KEWANGAN

Tiada anggaran, ramalan atau unjuran keuntungan yang dibuat atau diumumkan oleh Syarikat di sepanjang tahun kewangan.

[Disediakan menurut perkara 19, Bahagian A, Lampiran 9C, Keperluan Penyenaraian Utama]



8.0 JAMINAN KEUNTUNGAN

Tiada jaminan keuntungan yang diberi oleh Syarikat di sepanjang tahun kewangan.

[Disediakan menurut perkara 20, Bahagian A, Lampiran 9C, Keperluan Penyenaraian Utama]

9.0 KONTRAK-KONTRAK MATERIAL MELIBATKAN KEPENTINGAN PENGARAH DAN PEMEGANG SAHAM UTAMA

Tiada kontrak-kontrak material atau kontrak berkaitan pinjaman yang telah dimeterai oleh Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya yang melibatkan kepentingan pengarah-pengarah dan pemegang-pemegang saham utama di sepanjang tahun kewangan 31 Disember 2010 atau sejak akhir tahun kewangan 31 Disember 2009.

[Disediakan menurut perkara 21 dan 22, Bahagian A, Lampiran 9C, Keperluan Penyenaraian Utama]

10.0 DASAR PENILAIAN SEMULA HARTANAH

Syarikat tidak mengguna pakai sebarang dasar penilaian semula atau membuat penilaian semula ke atas hartanahnya di sepanjang tahun kewangan ini. Dasar-dasar penting perakaunan berkaitan hartanah, loji dan peralatan, harta pelaburan dan tanah simpan untuk pembangunan hartanah dinyatakan dalam nota-nota 2(d) hingga 2(f) Dasar-dasar Perakaunan Penting bagi Penyata Kewangan untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

[Disediakan menurut perkara 24, Bahagian A, Lampiran 9C, Keperluan Penyenaraian Utama]

11.0 PENYENARAIAN HARTANAH

Pada 3 Mei 2002, Bursa Securities telah memberi pelepasan kepada TM dari mengemukakan butiran hartanah Syarikat bagi Laporan Tahunan 2001 Syarikat dan tahun-tahun berikutnya.

[Disediakan menurut perkara 25, Bahagian A, Lampiran 9C, Keperluan Penyenaraian Utama]

12.0 URUS NIAGA-URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN YANG BERULANG YANG BERBENTUK HASIL ATAU PERDAGANGAN (UPBB)

Pada Mesyuarat Agung ke-25 yang telah diadakan pada 6 Mei 2010, Syarikat telah memperolehi mandat dari pemegang-pemegang saham bagi UPBB yang melibatkan Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya (Mandat UPBB). Mandat UPBB tersebut sah sehingga tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat ke-26 yang akan diadakan pada 10 Mei 2011.

Berdasarkan perenggan 10.09(2)(b) dan perenggan 3.1.5 Nota Amalan 12 Keperluan Penyenaraian Utama, butiran UPBB yang telah dijalankan di sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 menurut mandat pemegang-pemegang saham tersebut adalah seperti berikut:

Syarikat-syarikat dalam Kumpulan TM yang terlibat	Pihak-pihak Berkaitan	Pemegang Saham Utama/ Pengarah yang berkepentingan	Bentuk hubungan	Bentuk UPBB	Nilai urus niaga RM'000
TM dan/atau anak-anak syarikat TM (Kumpulan TM)	Axiata Group Berhad (Axiata) dan/atau anak-anak syarikatnya (Kumpulan Axiata)	Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD), Khazanah Nasional Berhad [Khazanah], Dato' Zalekha Hassan, Puan Eshah Meor Suleiman, Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin dan Dr Farid Mohamed Sani	Selain kepentingan mereka dalam TM, MKD dan Khazanah merupakan Pemegang Saham Utama Axiata. Dato' Zalekha Hassan adalah wakil MKD dalam Lembaga TM. Puan Eshah Meor Suleiman merupakan Pengarah Ganti Dato' Zalekha Hassan. Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin merupakan wakil Khazanah dalam Lembaga TM. Dr. Farid Mohamed Sani merupakan Pengarah Ganti Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin dalam Lembaga TM. Dr Farid Mohamed Sani juga merupakan Pengarah Axiata dan Celcom Axiata Berhad [Celcom], sebuah anak syarikat Axiata.	Hasil - Hasil <i>interconnect</i> dari Kumpulan Axiata. - Hasil dari perkhidmatan berkaitan Perkhidmatan Suara berasaskan Protokol Internet (VoIP) dari Kumpulan Axiata. - Hasil dari kos litar suwa dari Kumpulan Axiata. - Penyediaan perkhidmatan berkaitan data dan jalur lebar oleh Kumpulan TM kepada Kumpulan Axiata. - Sewa tapak bagi prasarana dan kelengkapan telekomunikasi dan bayaran berkaitan oleh Kumpulan TM kepada Celcom. - Penyediaan akses Internet dan jalur lebar oleh Kumpulan TM kepada Celcom. - Komisen di atas pendaftaran dan kutipan daripada Celcom oleh Telekom Sales and Services Sdn Bhd - Penyediaan perkhidmatan pusat perhubungan dan proses perniagaan sumber luar oleh VADS Berhad kepada Kumpulan Axiata. - Penyewaan teras gentian optik dan penyediaan perkhidmatan lebar jalur daripada Fiberail Sdn Bhd kepada Celcom. - Jualan fiber gelap, jalur lebar, ruang dan kemudahan dari Fibrecomm Network (M) Sdn Bhd kepada Celcom. - sewa premis pejabat kepada Kumpulan Axiata. - sewa beli kenderaan kepada Kumpulan Axiata. - penyediaan sistem perkakas dan perkhidmatan penyelenggaraan perisian dari VADS Berhad kepada Celcom. - Hasil dari urus niaga lain berkaitan telekomunikasi dengan Kumpulan Axiata. Kos - Bayaran <i>interconnect</i> kepada Kumpulan Axiata. - Bayaran litar suwa kepada Kumpulan Axiata. - Kos fiber gelap dan litar suwa dari Celcom kepada Fibrecomm Network (M) Sdn Bhd. - perkhidmatan berkaitan Perkhidmatan Suara berasaskan Protokol Internet (VoIP) dari Kumpulan Axiata. - sewa utama dan perkhidmatan mudah alih dari Celcom kepada Fiberail Sdn Bhd. JUMLAH	60,918 38,918 45,148 12,745 25,329 12,031 1,591 91,868 11,732 26,957 14,371 6,865 0 800 80,932 3,140 1,671 59,384 1,360 495,760
TM dan/atau anak-anak syarikat	KUB Malaysia Berhad (KUB) dan anak-anak syarikatnya (Kumpulan KUB)	Kementerian Kewangan, Malaysia (MOF)	Selain pegangan saham di dalam TM menerusi Khazanah, MOF memegang 22.55% kepentingan di dalam KUB.	Pembelian dan/atau penggunaan peralatan telekomunikasi, sistem dan perkhidmatan yang berkaitan oleh Kumpulan TM daripada Kumpulan KUB.	35,873

Syarikat bercadang untuk memperbaharui Mandat UPBB pada Mesyuarat Agung Luarbiasa Syarikat akan datang yang akan diadakan pada 10 Mei 2011. Mandat UPBB baru ini, jika diluluskan oleh pemegang-pemegang saham akan berkuat kuasa sehingga tamatnya Mesyuarat Agung Syarikat yang akan datang.



Fakta Sekilas Pandang

GLC **pertama** yang
melancarkan kod Etika
Perniagaan melalui program
e-pembelajaran

Sebagai sebuah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Telekom Malaysia Berhad (TM) memainkan peranan penting dalam menyokong usaha-usaha Kerajaan untuk mencapai cabaran keempat Wawasan 2020 yang merangkumi cabaran "untuk mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika sepenuhnya, yang mana warganegaranya mempunyai pegangan nilai agama dan kejiwaan yang kukuh serta didorong oleh nilai etika tertinggi". Sebagai sebuah organisasi yang

bertanggungjawab, TM juga menyokong sepenuhnya agenda etika perniagaan seperti yang diwartakan di dalam sasaran ketiga Pelan Integriti Nasional (NIP) bertujuan "untuk meningkatkan tadbir urus korporat, etika perniagaan dan tanggungjawab sosial korporat".

TM berpandukan kepada Penyata Tadbir Urus yang meluas, Kod Etika Perniagaan dan rangka kerja tanggungjawab korporat dalam mengendalikan urusan

dalam mahupun tugas luaran. Usaha ini memastikan Syarikat dan anggotanya mengamalkan nilai-nilai integriti tertinggi dalam perilaku seharian, dan sentiasa dikemaskini terus relevan.

Kod Etika Perniagaan (CBE) yang dilancarkan pada Oktober 2004 merangkumi semua wakil dan individu di dalam TM – iaitu semua pengarah, anggota-anggota pengurusan dan wakil-wakil Syarikat – yang mendukung Nilai-Nilai KRISTAL, Integriti Tanpa

Kompromi. Ia bertujuan untuk memastikan TM menjalankan perniagaannya dengan cara yang efisien, efektif dan adil. Kod ini juga menjangkaui undang-undang yang berkaitan atau polisi dan prosedur Syarikat. TM sentiasa menitikberatkan pegangan nilai-nilai moral dan integriti tertinggi berasaskan kepercayaan bahawa ini adalah cara untuk mengekalkan tahap keyakinan pelanggan yang seterusnya menyumbang kepada peningkatan nilai Syarikat.

E-PEMBELAJARAN KOD ETIKA PERNIAGAAN TM

TM telah mencipta sejarah apabila muncul sebagai GLC pertama yang memperkenalkan Kod Etika Perniagaan kepada anggota-anggota menerusi e-pembelajaran bagi memberi lebih banyak pendedahan tentang kod, memudahkan anggota untuk mengakses kod dan membaca kandungan secara dalam talian. Modul e-pembelajaran ini telah dilancarkan pada 15 Oktober 2010 oleh Naib Presiden Institut Integriti Malaysia (IIM). Modul CBE tersebut adalah dalam versi Bahasa Inggeris dan disasarkan kepada anggota eksekutif di TM termasuklah pihak Pengurusan Atasan dan Kanan. Modul ini akan diperluaskan kepada anggota eksekutif lain di dalam Kumpulan TM pada suku tahun kedua 2011. Sementara itu, CBE dalam versi Bahasa Malaysia bagi anggota bukan eksekutif akan dilancarkan pada suku tahun ketiga 2011.

Program e-pembelajaran CBE TM ini telah direka untuk memberi penekanan yang lebih mendalam tentang tatacara yang betul dan memupuk kesedaran mengenai nilai-nilai positif di tempat kerja. Modul e-pembelajaran ini mempunyai ciri-ciri yang dinamik dan interaktif termasuklah kandungan yang beranimasi, kajian kes dan kuiz bagi

memudahkan pembelajaran serta pemahaman yang lebih jelas. Modul ini dihasilkan secara usahasama dengan IIM bagi menyokong agenda nasional yang lebih meluas di bawah NIP. Bagi TM, ianya melambangkan pendekatan inovatif, dalam usaha yang berterusan untuk menggalak lebih penghargaan kesedaran terhadap kandungan serta semangat CBE.

PINDAAN KEPADA KOD ETIKA PERNIAGAAN

Selaras dengan perkembangan terkini dalam pelaksanaan perniagaan dan keperluan undang-undang, TM telah meminda Kod untuk kali ketiga dalam tahun 2010. Pemindaan terkini menggariskan toleransi sifar untuk korupsi, penipuan, rasuah dan amalan-amalan anti-persaingan.

Para pengurus TM bertanggungjawab untuk memimpin berdasarkan standard kod etika, sama ada dari segi pertuturan mahupun tindakan. Mereka juga perlu mengawas indikasi tingkah laku yang tidak beretika dan menyalahi undang-undang, serta melapor insiden ke Talian Etika. Malahan adalah menjadi tanggungjawab pengurus untuk melindungi pemberi maklumat yang melaporkan salah laku dengan niat yang baik. Kod ini mempunyai peruntukan jelas yang melindungi pemberi maklumat. Oleh itu, perlindungan yang diberi

kepada anggota syarikat adalah selaras dengan Akta Syarikat 1965, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 yang terbaru, Akta Keterangan 1950 dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Adalah menjadi tanggungjawab pengurus-pengurus untuk melaporkan sebarang kes salah laku serius yang melibatkan penyelewengan atau penipuan kepada Lembaga Pengarah, seperti yang digariskan di bawah Akta Syarikat 1965.

Edisi ketiga Kod ini mengingatkan anggota-anggota bahawa sebarang pelanggaran undang-undang, Kod atau polisi-polisi Syarikat yang lain boleh membawa kepada tindakan disiplin. Ia juga menekankan tentang larangan untuk memberi atau menerima sebarang bentuk hadiah daripada pihak ketiga. Selain itu, anggota-anggota baru dikehendaki untuk melengkapkan Pengisytiharan Harta dalam tempoh satu bulan daripada tarikh mula berkhidmat.

TM memandang serius dakwaan-dakwaan seumpama dakwaan berlakunya pembayaran tidak wajar kepada anggota TM berhubung penyelesaian bersama Alcatel-Lucent (ALU) dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Jabatan Kehakiman yang telah dimaklumkan kepada orang ramai di Amerika Syarikat, pada 27 Disember 2010. Sehubungan dengan itu, TM

telah membentuk Jawatankuasa Kecil Lembaga di bawah Jawatankuasa Audit Lembaga bagi melakukan siasatan dalaman yang bebas ke atas kejadian pembayaran tidak wajar demi melindungi integriti proses perolehan dan Kod. TM mempunyai polisi toleransi sifar ke atas sebarang salah laku dan akan mengambil tindakan sewajarnya jika terdapat anggota-anggota yang terlibat. Selaras dengan amalan tadbir urus korporat yang baik, TM juga telah melantik akauntan-akauntan forensik luar dan penasihat undang-undang untuk membantu dalam siasatan dalaman.

PROGRAM PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH

Dalam menekankan usaha Syarikat untuk memastikan amalan integriti yang tinggi, TM telah menghantar dua pegawai untuk menghadiri Program Pegawai Integriti Bertauliah selama enam bulan di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia. Program ini merupakan program pertama seumpamanya yang diperkenalkan oleh Kerajaan menerusi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, selaras dengan agenda nasional supaya syarikat-syarikat mempunyai pegawai-pegawai integriti yang diiktiraf untuk merancang, melaksanakan dan memantau program-program integriti.



ETIKA PEROLEHAN

TM menyedari kepentingan untuk memastikan tadbir urus korporat berada di tahap tertinggi dengan matlamat untuk membina dan mengekalkan kepercayaan umum, mempromosi peningkatan ketelusan dan kebertanggungjawapan di keseluruhan organisasi. Salah satu bidang utama yang telah diberikan penekanan khusus oleh TM adalah proses perolehannya.

Sejajar dengan Buku Merah Perolehan, perkara yang samar-samar dalam proses perolehan harus diminimumkan dengan mengamalkan polisi pengisytiharan yang jelas dan memupuk persekitaran kerja beretika. Ini akan mengurangkan rasuah, lantas membolehkan produk diperolehi pada harga pasaran yang kompetitif dan seterusnya meningkatkan keuntungan.

Peraturan dan Undang-Undang Etika Perolehan telah diperkenalkan pada bulan Jun tahun 2006 untuk menyokong Buku Merah Perolehan dan menjadi pelengkap kepada Kod Etika Perniagaan TM.

Dalam memastikan anggota-anggota TM memahami elemen-elemen utama Etika Perolehan, sebuah modul di bawah e-Pembelajaran CBE telah dibangunkan untuk menekankan perihal peruntukan-peruntukan berkaitan dengan etika pengendalian urusan dengan pembekal dan rakan perniagaan TM. Modul tersebut memberikan panduan kepada anggota-anggota TM dalam mengendalikan aktiviti perolehan apabila berurusan dengan pembekal TM dan sebaliknya. Contoh-contoh kajian kes yang menggambarkan senario percanggahan kepentingan yang boleh berlaku dalam proses perolehan juga disediakan untuk memberi penjelasan dan memudahkan pemahaman.

Di TM, pihak-pihak berkepentingan dan anggota-anggota digalakkan untuk mengendalikan urusan perniagaan dengan syarikat-syarikat dan organisasi-organisasi yang mengamalkan prinsip-prinsip tadbir urus yang baik. Untuk memastikan pembekal-pembekal TM turut diberikan perhatian yang sama dalam amalan prinsip-prinsip pengendalian aktiviti-aktiviti perolehan yang beretika, program kesedaran untuk pembekal dianjurkan mengikut zon dan juga menerusi sidang video di Pusat Sidang Video Secara Langsung TM di setiap negeri.

Objektif utamanya ialah untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman di kalangan pembekal bahawa mana-mana syarikat yang ingin terlibat dalam proses perolehan, perlu mendukung prinsip-prinsip asas iaitu kepercayaan, kejujuran, keadilan dan ketelusan dalam urusan perniagaan mereka. Adalah penting untuk TM dalam memperjelas dan menerapkan:

1. Tatacara perniagaan yang diterima dan digunapakai;
2. Saluran-saluran yang sedia ada untuk berkomunikasi atau melaporkan perlakuan yang tidak beretika; dan
3. Implikasi ketidakpatuhan kepada tatacara pengendalian perolehan yang beretika.

Insiden ALU telah mendedahkan kelemahan proses-proses di TM, walaupun terdapat polisi toleransi sifar terhadap rasuah. Pembekal-pembekal yang tidak bertanggungjawab akan tetap mencuba untuk mendapatkan kelebihan yang tidak adil untuk mengatasi pembida-pembida yang lain, dengan melakukan penipuan menerusi anggota-anggota yang gagal mematuhi undang-undang etika asas dan kod tatacara urusan.

Untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang, TM akan terus berusaha untuk memberi tumpuan dan mendukung tiga prinsip utama dalam tatacara beretika:

1. Toleransi sifar terhadap rasuah;
2. Tiada atau ketelusan tentang percanggahan kepentingan; dan
3. Pemaparan keupayaan sebenar yang jujur dan telus.

BAB

1.1.1. Perspektif

1.1.2. Perspektif Arsitektur, Teknik, dan Lingkungan

perspektif





hubungan
komunikasi
kolaborasi

penyata pengerusi

Datuk Dr Halim Shafie



Para Pemegang Saham,

Dengan sukacitanya ingin saya menyampaikan keputusan prestasi TM untuk tahun kewangan 2010 yang ternyata merupakan satu pencapaian yang luar biasa dari beberapa aspek. Dalam tahun yang bersejarah ini di mana kami telah melancarkan UniFi, TM juga telah berjaya mencapai kesemua tiga sasaran Penunjuk Prestasi Utama (KPI). Ini membuktikan bahawa keputusan-keputusan strategik yang telah dibuat dalam transformasi kami ke arah menjadi syarikat pembekal komunikasi generasi baru adalah berkesan, bukan sahaja untuk Syarikat tetapi juga untuk negara dan rakyat.

Hasil TM meningkat sebanyak 2.1% daripada RM8,608.0 juta pada tahun 2009 kepada RM8,791.0 juta pada tahun 2010, seterusnya membawa kepada margin pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) berjumlah 33.1%. Sementara itu, keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI) meningkat dua kali ganda daripada RM643.0 juta kepada RM1,206.5 juta. Angka-angka ini amat bermakna untuk sebuah syarikat yang beroperasi dalam lingkungan pasaran yang kompetitif dan dinamik. Meskipun terdapat pakej rangsangan kerajaan dan program-program untuk meningkatkan kadar penembusan jalur lebar, saya yakin prestasi ini menunjukkan bahawa TM telah berjaya melaksanakan usaha-usaha yang tepat menerusi beberapa landasan penting. Kami mempunyai warga kerja yang berkeupayaan, proses-proses yang bersesuaian dan mungkin yang paling penting, prinsip-prinsip yang jitu sebagai panduan dalam setiap langkah dan strategi kami.

Salah satu prinsip yang sentiasa dipegang teguh adalah komitmen kami kepada anda, pemegang-pemegang saham kami. Semenjak pengasingan kami dari Axiata pada tahun 2008, kami telah menyatakan komitmen kami untuk membayar sama ada RM700 juta atau 90.0% daripada PATAMI yang dinormalisasi, yang mana lebih tinggi, dalam

bentuk dividen. Kami bukan sahaja telah mengotakan janji kami, tetapi pada masa yang sama, kami juga telah diiktiraf sebagai salah sebuah syarikat yang berprestasi paling tinggi dari segi jumlah pulangan kepada pemegang-pemegang saham. Pulangan kami kekal di paras 17.0% di atas aras median 12.1%, dan meletakkan TM di tempat kedua di kalangan 30 pengendali teratas Asia sejak tiga tahun yang lalu. Tahun ini, saya dengan sukacitanya mengumumkan bahawa kami sekali lagi berjaya mencapai sasaran dividen.

Satu lagi komitmen yang telah membentuk evolusi kami selama ini adalah untuk menyokong Kerajaan dalam usaha membangunkan negara. Semenjak penubuhan kami pada tahun 1946, kami telah memainkan peranan penting dalam menyediakan keperluan telekomunikasi negara. Hari ini, kami terus bekerjasama dengan Kerajaan untuk menggerakkan negara ke arah fasa pembangunan ekonomi yang seterusnya dengan memastikan kesediaan infrastruktur ICT yang diperlukan. 2010 merupakan tahun yang bersejarah buat TM dan negara ini, kerana pada tahun inilah kami telah melancarkan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB). Ini menandakan permulaan sebuah era baru di mana rakyat negara ini boleh berhubung, berkomunikasi dan berkolaborasi dalam pelbagai cara yang tidak dapat dilakukan sebelum ini.

Projek HSBB yang kami lancarkan setelah menandatangani perjanjian Usahasama Awam – Swasta dengan pihak Kerajaan pada tahun 2008 merupakan antara projek yang paling mencabar di dunia dari segi skop dan tempoh masanya. Namun demikian, saya berbangga untuk menyatakan bahawa setakat ini kami telah mencapai semua sasaran kami jauh lebih awal daripada jadual yang ditetapkan. Dengan demikian, kami menyokong Program Transformasi Ekonomi (ETP) oleh Kerajaan yang bermatlamat untuk memajukan lagi negara bagi mencapai status berpendapatan tinggi. Pihak Kerajaan telah menggariskan 12 Bidang Ekonomi Utama Kebangsaan (NKEA) yang akan menyumbang ke arah peningkatan pendapatan per kapita daripada US\$6,700 kepada sekurang-kurangnya US\$15,000 menjelang 2020. Tidak perlu dinyatakan lagi, semua NKEA ini bakal mendapat manfaat daripada lebar jalur yang lebih besar, hubungan yang lebih pantas dan rangkaian perkhidmatan terurus yang diwujudkan oleh HSBB.

Namun, sumbangan TM bukan sekadar menyediakan asas untuk transformasi ekonomi negara; kami juga melibatkan diri secara proaktif dalam pelbagai Projek Permulaan (EPP). TM kini sedang membangunkan ekosistem Kandungan dan Infrastruktur

Komunikasi (CCI) menerusi penawaran akses terbuka kepada perkhidmatan HSBB kami, yang seterusnya menggalakkan syarikat-syarikat tempatan untuk memberikan tumpuan kepada kandungan yang mempunyai tambah nilai dan kreatif. Dengan adanya HSBB, Malaysia akan memiliki pengaruh yang besar dari segi teknologi untuk muncul sebagai pusat pangkalan data bertaraf dunia yang tentunya memberikan kesan yang positif ke atas kemajuan kelompok Perkhidmatan Perniagaan NKEA. Secara amnya, perniagaan-perniagaan akan mempunyai akses kepada rangkaian pintar yang membolehkan mereka mengendalikan pelbagai urusan.

Kami percaya bahawa kami berada di kedudukan yang baik untuk menjadi rakan usahasama pilihan Kerajaan dalam menjayakan ETP, memandangkan jangkauan tempatan dan antarabangsa kami yang tiada tandingannya dan juga sumber kepakaran yang terbukti hebatnya. Kami telahpun mencatatkan rekod yang mengagumkan sebagai penyedia perkhidmatan ICT untuk Kerajaan, setelah membangunkan portal e-Kerajaan untuk membolehkan rakyat mendapatkan maklumat dan menyempurnakan pelbagai prosedur. Kami juga telah membangunkan beberapa penyelesaian e-pembelajaran yang memanfaatkan para pelajar di sekolah-sekolah



pintar di seluruh negara, dan kini memajukan inisiatif-inisiatif e-Penjagaan Kesihatan untuk membolehkan masyarakat Malaysia untuk menguruskan kehidupan mereka dengan lebih baik.

Golongan yang mendapat manfaat daripada tawaran-tawaran multimedia ini sudah tentulah rakyat negara ini. Tambahan pula, masyarakat Malaysia bersikap amat terbuka dalam penerimaan mereka terhadap perkhidmatan dan aplikasi jalur lebar. Pencapaian sasaran Kerajaan untuk mencapai penembusan jalur lebar sebanyak 50.0% menjelang akhir Disember 2010 telah melebihi jangkauan apabila kadar penembusan kebangsaan mencecah 55.0%. Sumbangan TM yang besar adalah menerusi Streamyx dan juga UniFi. Malah, penerimaan perkhidmatan UniFi sebanyak 33,000 pelanggan adalah lebih baik daripada yang kami jangkakan. Ia turut mengatasi tahap pencapaian global dalam pelancaran yang serupa di negara-negara lain. Dengan ini kami turut menjangkakan langganan akan meningkat lebih tiga kali ganda untuk tahun akan datang.

TRANSFORMASI TM

Di tengah-tengah arus perubahan yang dibawa oleh TM untuk mengubah landskap teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) negara, terdapat satu lagi transformasi yang tidak kurang hebatnya, walaupun tidak begitu ketara kepada orang luar. Syarikat juga mengalami evolusinya yang tersendiri, berikutan daripada Program Peningkatan Prestasi (PIP 2.0) yang telah memudahkan operasi kami, menjadikannya lebih efektif dan efisien.

Salah satu matlamat yang kritikal ialah untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik untuk pelanggan. Pada tahun 2010, kami menyalurkan 5.1% daripada hasil kami untuk meningkatkan pengalaman pelanggan secara keseluruhan. Tumpuan yang khusus telah diberikan untuk penyediaan perkhidmatan UniFi yang lancar. Dalam menjayakan usaha ini, Pusat Panggilan UniFi TM telah diwujudkan dengan talian-talian khas untuk jualan dan khidmat selepas jualan. Pasukan pemasangan dipantau dengan ketat untuk memastikan temujanji-temujanji ditunaikan sewajarnya dan pemasangan disempurnakan tepat pada masanya. Tidak dilupakan juga adalah pelanggan-pelanggan suara, pada tahun 2010, kami juga telah mengurangkan tempoh masa untuk pemasangan perkhidmatan suara daripada 9.2 hari kepada 5.9 hari, atau sebanyak 35.0%. Tempoh pembaikpulihan perkhidmatan suara pula diturunkan separuh daripada 50 jam kepada 26 jam. Untuk tahun 2011, sasaran kami adalah 3 hari untuk pemasangan perkhidmatan dan 24 jam untuk pembaikpulihan perkhidmatan.

Pada masa yang sama, kami juga telah menggiatkan inisiatif inovasi, terutamanya untuk meningkatkan kepelbagaian dan manfaat produk-produk kami. Dengan UniFi, sebagai contohnya, kami menawarkan – buat julung-julung kalinya di Malaysia – gabungan menarik tiga serangkai yang terdiri daripada video, internet dan telefon (VIP). Sebagai tambahan, kami juga memberikan lebih pilihan kepada pelanggan – mengikut lebar jalur yang mereka perlukan (sama ada 5Mbps, 10Mbps atau 20Mbps) dan kandungan TV atau video kegemaran mereka.

Bagi mengukuhkan lagi perkhidmatan ini, kami telah melancarkan sebuah program yang dibangunkan oleh bahagian Teknologi Maklumat dan Teknologi Rangkaian (IT&NT) yang dinamakan 'Ke arah Kesempurnaan Operasi' (TOP) yang telah meningkatkan sistem-sistem yang menyokong khidmat pelanggan. Usaha pihak IT&NT membangunkan TOP itu sendiri sudah jelas mencerminkan salah satu lagi objektif dalam perjalanan transformasi ini, iaitu dengan memberi kuasa kepada warga kerja kami dan memotivasikan mereka untuk lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugas yang telah diamanahkan kepada mereka. Kami telah memupuk satu budaya yang mementingkan latihan yang berterusan dan juga pembangunan anggota-anggota kami, dan kami boleh berbangga dengan pelaburan kami yang tidak kurang daripada RM66 juta untuk memastikan warga kerja kami bersedia dari segi teknikal dengan teknologi-teknologi canggih yang terangkum dalam HSBB. Untuk terus memacu ke arah budaya berorientasikan pencapaian, kami telah melaksanakan bonus dan ganjaran berasaskan prestasi dalam skim penggajian kami. Bakat-bakat dikenalpasti dan perjalanan kerjaya mereka dipercepatkan bagi membolehkan mereka mempelajari kemahiran-kemahiran baru, dan yang paling penting, mempraktikkannya.

Kami juga mendorong semangat untuk berinovasi secara positif, khususnya di kalangan pasukan penyelidikan pembangunan (R&D) yang membangunkan produk, sistem dan proses yang menyokong perjalanan

transformasi TM. Ini termasuklah mengurangkan 700 proses sehingga akhirnya menjadi 70 yang merupakan sesuatu yang belum pernah cuba dilakukan oleh mana-mana syarikat telekomunikasi lain di dunia. Kami mempunyai keyakinan yang penuh terhadap anggota-anggota penyelidikan kami yang berbakat, yang talahpun menerima peruntukan latihan yang amat memberangsangkan serta diperkukuh dengan program perkongsian idea.

TM mengakui bahawa warga kerja kami memainkan peranan yang amat penting dalam mencapai visi dan matlamat kami. Kami juga menyedari bahawa anggota akan memberikan perkhidmatan yang terbaik apabila mereka boleh berbangga dengan hasil kerja mereka, dan merasakan bahawa mereka memang sebahagian daripada organisasi. Untuk mewujudkan nilai kesepaduan ini, kami melancarkan sebuah program baru yang dinamakan *Teaming With Passion* (TWP), yang telah menyatukan semangat anggota-anggota dan menguatkan penerapan pemikiran satu-syarikat atau 1TM. Susulan daripada sesi-sesi TWP yang telah diadakan, kami dapat melihat tahap motivasi di kalangan anggota yang lebih tinggi dan suasana yang lebih ceria secara amnya. Kami juga terhitung budi kepada ketiga-tiga kesatuan yang mewakili anggota-anggota kami yang telah memberikan sokongan penuh kepada transformasi kami, membolehkan kami untuk menghadapi apa saja cabaran yang mendatang.



TANGGUNGJAWAB KORPORAT

TM sentiasa berbangga dengan rasa tanggungjawabnya untuk berkhidmat kepada negara, pihak berkepentingan dan terutama sekali pelanggan dan anggota kami, justeru Tanggungjawab Korporat (CR) sememangnya telah berakar umbi dalam organisasi kami. Kami berpandu kepada Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan sebagai sebuah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), mematuhi garis panduan yang terkandung dalam *Silver Book* yang dihasilkan oleh Jawatankuasa Putrajaya untuk Prestasi Tinggi GLC. Sebagai warga korporat bertanggungjawab yang komited terhadap tadbir urus terbaik dan ketelusan, TM terus berazam untuk memastikan kewibawaan setiap proses, warga kerja dan reputasinya. Tadbir Urus Korporat di TM diterajui oleh Lembaga Pengarah kami dan disokong oleh Kod Etika Perniagaan kami serta Nilai-nilai KRISTAL yang menegaskan 'kewibawaan tanpa kompromi' dalam semua urusan TM dengan pihak-pihak berkepentingan.

Selaras dengan amalan-amalan terbaik dalam industri, kami telah merangka sebuah strategi CR yang memperteguh kebertanggungjawaban kami dalam empat bidang utama iaitu pasaran, komuniti, tempat kerja dan alam sekitar. Kesemuanya akan memastikan pihak-pihak berkepentingan mendapat perhatian yang sewajarnya dan pada masa yang sama, memulihara kelestarian alam sekitar.

Secara peribadi, saya amat berbangga dengan rekod cemerlang TM dalam memperkasakan negara menerusi pendidikan. Yayasan TM (YTM) yang ditubuhkan

pada tahun 1994, sepanjang 16 tahun menawarkan biasiswa kepada rakyat Malaysia yang layak untuk meneruskan pengajian mereka di dalam negara dan di universiti-universiti terkemuka di luar negara. Setakat ini, ia telah membelanjakan sejumlah RM408.0 juta untuk membantu 12,345 anak muda Malaysia yang berhasrat untuk mengejar cita-cita akademik mereka. Saya juga amat berpuas hati melihat usaha TM menyediakan perhubungan di kawasan luar bandar dan pedalaman. Di kawasan-kawasan yang tidak mempunyai kemudahan infrastruktur, kami telah memasang perkhidmatan wayarles tetap, ditambah pula dengan perkhidmatan bergerak 'TMpoint on Wheels'. Kami juga menyediakan kemudahan jalur lebar kepada 10,000 buah sekolah di seluruh negara, dan menyahut seruan Kerajaan melalui program Komputer Jalur Lebar untuk pelajar-pelajar universiti dan juga keluarga-keluarga berpendapatan rendah. Selain itu, kami juga menawarkan akses jalur lebar kepada masyarakat luar bandar di 168 Pusat Jalur Lebar Komuniti serta 99 Perpustakaan Jalur Lebar Komuniti. Semua inisiatif ini telah memberikan kami capaian terluas – TM sememangnya syarikat telekomunikasi untuk rakyat.

PROSPEK

Walaupun 2010 merupakan tahun yang amat luar biasa untuk TM, kami sudah tentunya tidak boleh leka dengan pencapaian ini. Kami menyedari bahawa persaingan di dalam industri akan menjadi semakin sengit dengan strategi agresif pengendali mudah alih. Ternyata, bilangan pelanggan jalur lebar mudah alih telahpun memintas jumlah pelanggan

jalur lebar tetap. Sungguhpun demikian, masih terdapat banyak ruang untuk pertumbuhan berterusan bagi TM. Dalam segmen jalur lebar, terdapat pelbagai potensi untuk membawa perkhidmatan Streamyx kami untuk maju lebih jauh ke hadapan dan meluaskan liputannya untuk mencapai sasaran 75.0% penembusan isi rumah menjelang tahun 2015. Kami juga memberi penekanan khusus untuk meningkatkan liputan perkhidmatan Streamyx untuk mereka yang sentiasa bergerak. Pada tahun 2010, kami melancarkan 10,982 Streamyx hotspot di seluruh negara dan merancang untuk menambah angka ini kepada 28,000 pada akhir tahun 2011.

Kami akan terus bekerjasama erat dengan Kerajaan untuk terus memacu penggunaan perkhidmatan jalur lebar secara umumnya. Kami percaya bahawa jalur lebar akan membolehkan dan menjadi pengimbang yang mampu mewujudkan pertumbuhan ekonomi yang lebih besar dan sama rata. Pada masa yang sama, kami akan menambahkan penawaran perkhidmatan UniFi kami untuk menjadikannya lebih menarik untuk masyarakat Malaysia yang tinggal di kawasan bandar. Melihat sambutan yang diberikan, saya boleh membayangkan bahawa TM akan melebihi sasaran-sasaran pencapaian kami untuk tahun akan datang.

TM juga yakin dengan peningkatan permintaan untuk jalur lebar yang didorong oleh pelaksanaan ETP, khususnya daripada sektor CCI dan juga PKS dan sektor perniagaan secara amnya. Inisiatif e-Kerajaan yang kini di peringkat percambahannya juga merupakan salah satu sumber pertumbuhan yang berpotensi.

SEKALUNG PENGHARGAAN

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada semua pihak berkepentingan kami yang telah terus mempercayai dan menyokong TM – pemegang-pemegang saham kami, pelanggan, rakan niaga, pihak media dan pengawal selia. Saya ingin memberi penghargaan khas untuk anggota-anggota kami secara khususnya kerana telah sama-sama menyahut seruan dan membuktikan kecemerlangan mereka dengan pelancaran dan pelaksanaan HSBB dan UniFi yang amat membanggakan. Saya sedia maklum tentang pengorbanan mereka yang bekerja tanpa mengira waktu dan ingin menghargai usaha keras ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga daripada saya kepada semua warga kerja TM, daripada pihak pengurusan kanan kami hinggalah kepada anggota kami yang paling muda.

Saya juga ingin mengucapkan penghargaan khusus untuk pihak Kerajaan atas kepercayaan yang diberikan kepada TM untuk projek HSBB yang besar-besaran. Saya berharap agar kerjasama seperti ini dapat diteruskan lagi untuk ETP dan menjangkakan masa depan yang amat cerah, di mana TM akan terus merintis kemungkinan untuk negara. 1TM untuk 1Malaysia.



Datuk Dr. Halim Shafie
Pengerusi



hubungan
komunikasi
kolaborasi

penyata ketua pegawai eksekutif kumpulan

Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa



Tahun 2010 merupakan tahun yang amat bersejarah buat TM. Dalam usaha kami mengorak langkah transformasi ke arah syarikat pembekal komunikasi generasi baru, kami telah memperkukuhkan kedudukan kami sebagai peneraju rangkaian komunikasi di Malaysia, justeru membolehkan rakyat, perniagaan dan Kerajaan Malaysia mencapai visi mereka ke arah negara maju. Paling utama, kami melancarkan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB) yang pertama di negara ini, dan membawakan gabungan baru tiga serangkai iaitu video, internet dan telefon (VIP) kepada pasaran. Kami juga telah merekodkan pencapaian operasi yang amat memberangsangkan dengan memenuhi ketiga-tiga Penunjuk Prestasi Utama (KPI) kami.

Kami telah melancarkan perkhidmatan UniFi, jenama kami untuk HSBB, di empat kawasan ibu sawat pada bulan Mac 2010 dan pada akhir bulan Disember, perkhidmatan tersebut telah dikembangkan ke 48 kawasan ibu sawat, menyediakan akses untuk 760,000 premis melebihi sasaran 750,000 premis dan mencatatkan lebih 33,000 langganan. Kecemerlangan TM terserlah dengan kepantasan kerja-kerja yang dilakukan sejak menandatangani perjanjian Usahasama Awam – Swasta dengan pihak Kerajaan pada 16 September 2008. Pengenalan perkhidmatan HSBB *Wholesale Transmisi* dalam tempoh tujuh bulan, dan pelancaran perkhidmatan UniFi untuk pasaran komersil dalam jangka masa 18 bulan sahaja adalah salah satu pencapaian terpentas di dunia. HyppTV, dibangunkan dalam jangkamasa hanya enam bulan, merekodkan satu lagi pencapaian dan hari ini terus menghiburkan pelanggan menerusi lebih daripada 37 saluran langsung, enam saluran interaktif dan pelbagai pilihan video atas permintaan (VoD). Kualiti perkhidmatan yang diberikan juga adalah mengagumkan. Kesemua faktor ini telah merangsang langganan untuk perkhidmatan UniFi. Kami amat teruja dengan kejayaan kami memenuhi janji untuk menyediakan perkhidmatan bersepadu dan membawa gaya hidup digital ke rumah-rumah Malaysia.

Dengan pelancaran HSBB dan UniFi, kami sedang melaksanakan transformasi sebuah legasi, dan seterusnya mewariskan legasi kami sendiri demi pertumbuhan

berterusan di masa hadapan. Bermula daripada ibu sawat suara, kami berevolusi menjadi pusat pertukaran maklumat yang disokong oleh rangkaian yang berasaskan IP secara keseluruhannya. Perubahan ini telah bermula dengan peralihan rangkaian teras kami kepada infrastruktur rangkaian IP yang terbaru memberikan kami sebuah platform masa hadapan untuk tawaran perkhidmatan yang lebih bersepadu. Di negara ini juga, kami merubah sistem-sistem kami untuk mewujudkan organisasi yang lebih berorientasikan pelanggan dan juga meringkaskan lagi tawaran produk kami dengan pelbagai inovasi, contohnya perkhidmatan tiga serangkai yang pertama di Malaysia. Akhir sekali, selaras dengan kedudukan baru kami sebagai syarikat pembekal komunikasi generasi baru akan datang, kami kini mengubah cara-cara kami berkomunikasi dengan pelanggan dan juga pasaran – untuk menunjukkan bahawa kami benar-benar mendengar dan juga mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tahun ini merupakan tahun yang amat baik, tahun yang telah membuktikan bahawa kami telahpun menyediakan asas yang amat kukuh untuk masa hadapan yang cerah dan lestari.

PRESTASI KEWANGAN

TM telah mencapai prestasi yang membanggakan walaupun berhadapan dengan persekitaran ekonomi yang mencabar dan juga persaingan yang sengit pada tahun lepas. Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010, kami telah mencatatkan

Keuntungan selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI) berjumlah RM1,206.5 juta, menandakan peningkatan yang amat baik sebanyak 87.6% daripada RM643.0 juta pada 2009. Pencapaian ini berikutan daripada peningkatan secara keseluruhan dalam hasil dan juga pengurusan kos yang ketat, pendapatan daripada penjualan pelaburan yang bukan teras dan pendapatan daripada pertukaran mata wang asing belum direalisasikan atas taksiran pinjaman mata wang asing.

Turut membanggakan ialah pencapaian TM untuk ketiga-tiga KPI penting tahun 2010 dengan pertumbuhan hasil sebanyak 2.1%, margin Pendapatan sebelum Faedah, Cukai, Susut Nilai dan Pelunasan (EBITDA) yang dinormalisasi pada kadar 33.1%, dan perbelanjaan untuk pengalaman pelanggan sebanyak 5.1% daripada hasil. Ini seterusnya menyumbang kepada pengukuhan posisi kami yang teguh dalam pasaran.

Prestasi pula didorong oleh pertumbuhan hasil daripada data sebanyak 15.4% kepada RM1,754.3 juta daripada RM1,519.4 juta daripada tahun sebelumnya yang berpunca daripada permintaan untuk perkhidmatan lebar jalur yang lebih tinggi. Berdasarkan kehadiran jenama kami yang utuh dan rangkaian pengedar yang meluas, hasil daripada Internet untuk tahun 2010 meningkat sebanyak 5.9% daripada RM1,561.3 juta kepada RM1,652.8 juta jika dibandingkan dari tahun ke tahun. Peratusan pertumbuhan yang lebih rendah dalam hasil berbanding fizikal adalah berikutan daripada pengenalan



pakej-pakej berkaitan Inisiatif Jalur Lebar Kebangsaan (NBI) seperti jalur lebar untuk golongan berpendapatan rendah, Komputer Jalur Lebar Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP BBPC) dan pakej *Cool UNI Pack*. Jumlah bersih penambahan pelanggan jalur lebar pada tahun 2010 adalah 249,000 berbanding 151,000 pada tahun 2009. Akhir sekali, UniFi juga berjaya dilancarkan di 48 ibu sawat dan mencapai 33,000 pelanggan, hanya dalam tempoh sembilan bulan selepas pelancarannya.

Kami dengan sukacitanya melaporkan bahawa pelaksanaan HSBB kami adalah mengikut jadual yang ditetapkan. Sehingga akhir Februari 2011, kami telah mencapai lebih daripada 780,000 premis sedia dipasang dan telah memasang perkhidmatan tersebut untuk hampir 50,000 pelanggan. Dalam usaha kami untuk mencapai sasaran UniFi iaitu 1.1 juta premis sedia dipasang menjelang akhir 2011, perhatian akan diberikan untuk memastikan pelancaran UniFi diuruskan dengan efektif dari segi kos untuk memenuhi jangkaan pelanggan. Jualan UniFi tetap meningkat dengan penambahbaikan secara progresif keupayaan pemasangan perkhidmatan. Walaupun berhadapan dengan persaingan pasaran yang sengit, TM terus berjaya menarik pelanggan-pelanggan baru dan mengukuhkan kedudukan kami sebagai peneraju dalam segmen jalur lebar dengan 1.68 juta pelanggan pada akhir tahun 2010, pertumbuhan sebanyak 17.5% daripada 1.43 juta pelanggan pada tahun 2009. Kami juga telah menambah bilangan *hotspot* daripada 2,069 pada hujung tahun 2009 kepada 10,982 pada akhir tahun 2010. Kami akan terus

memperembangkan liputan WiFi kami untuk menjangkau 28,000 lokasi utama di seluruh negara pada akhir 2011.

Kami telah menjangkakan tekanan terhadap EBITDA kerana peningkatan perbelanjaan berkaitan pelaksanaan UniFi dan NBI yang agresif, seperti kos pasaran, peralatan premis pelanggan, operasi rangkaian dan modal insan. Pelaburan-pelaburan ini adalah perlu untuk memastikan pertumbuhan serta keuntungan masa hadapan TM, dan pulangannya dalam beberapa tahun akan datang. Walau bagaimanapun kami telah mencapai EBITDA dinormalisasi sebanyak 33.1% (atau RM2,958.5 juta) dalam tahun 2010, penurunan cuma pada kadar 0.9 titik peratusan daripada 34.0% (atau RM2,967.9 juta) pada 2009. Ini mencerminkan keuntungan Kumpulan yang juga dipertingkatkan dengan pendekatan-pendekatan penjimatan kos dan usaha-usaha bersama untuk meningkatkan pengurusan modal kami. Kami mempunyai kunci kira-kira yang baik dengan hutang yang rendah dan kedudukan tunai yang tinggi dan menikmati penarafan kredit antarabangsa yang baik iaitu A-.

Selaras dengan tumpuan berterusan kami terhadap pulangan kepada pemegang-pemegang saham dan pengurusan modal, Syarikat juga mengumumkan cadangan dividen kasar akhir 13 sen tolak 25% cukai atau kira-kira RM351.5 juta sebagai tambahan kepada dividen kasar interim pada kadar 13 sen tolak 25% cukai yang berjumlah RM348.8 juta yang telah diagihkan pada bulan September tahun lepas. TM mengumumkan rancangannya untuk menjalankan

pelaksanaan pengagihan modal berjumlah kira-kira RM1,037.4 juta di mana pemegang-pemegang saham kami layak menerima bayaran tunai 29 sen untuk setiap saham TM. Jumlah pembayaran keluar daripada dividen terakhir bersih dan pengagihan modal kira-kira 38.8 sen atau RM1,388.9 juta dijangka akan dilaksanakan pada bulan Jun 2011.

SUASANA PASARAN YANG BERUBAH

Tidak dapat disangkal lagi, industri telekomunikasi merupakan salah satu industri yang paling dinamik dan mengujakan di dunia masa kini. Evolusinya sejak beberapa tahun lalu telah mencetuskan momentum yang amat tinggi, justeru tidak memberi ruang masa atau peluang untuk mereka yang ketinggalan. TM berasa bertenaga dalam persekitaran yang amat hangat ini. Kumpulan sendiri berada di ambang peralihannya daripada rangkaian PSTN yang lama kepada rangkaian berasaskan IP yang menyeluruh. Sebaik sahaja kami menyempurnakan peralihan kepada platform yang baru ini, maka akan bermulalah era aliran berterusan untuk kandungan kreatif, aplikasi-aplikasi yang inovatif dan perkhidmatan multimedia tambah nilai bagi menampung keperluan pelbagai peringkat populasi yang berlainan. Zaman digital masa depan sememangnya akan tiba bila-bila masa dari sekarang, dan kami mahu menjadi pencetusnya.

Era baru yang mengujakan ini akan membawa pelbagai perubahan, bukan sahaja untuk para pengguna tetapi juga di kalangan syarikat-syarikat telekomunikasi. Jelasnya ia akan memaparkan

ciri-ciri penyepaduan dan penggabungan, mengaburkan sempadan antara perkhidmatan-perkhidmatan yang sebelum ini lazimnya ditawarkan kepada kelompok-kelompok tertentu dan mensasarkan kumpulan pelanggan yang berlainan. Saya dengan bangganya ingin menyatakan bahawa sebagai peneraju jalur lebar negara, TM telah menerajui usaha untuk menggalakkan penyepaduan dengan menyediakan rangkaian HSBB kami untuk digunakan oleh penyedia perkhidmatan yang lain. Pada tahun 2009, kami telah membuka rangkaian kami untuk transmisi titik ke titik dan melengkapkannya dengan akses di peringkat akhir pada tahun 2010, dan tahun ini melengkapkannya dengan sambungan rangkaian ke rangkaian menerusi perkongsian rangkaian HSBB, dan tahun ini kami akan menjadi pemangkin untuk lebih banyak arus perubahan di peringkat pelaksanaan yang bakal mencetuskan ledakan penawaran ICT dan multimedia, sekaligus memperkayakan gaya hidup rakyat Malaysia dan memacu perkembangan ekonomi.

TM percaya bahawa talian tetap dan mudah alih adalah perkhidmatan yang saling melengkapi yang boleh mencipta pelbagai gabungan yang bernilai untuk manfaat pengguna. Dianggarkan bahawa setiap 10% peningkatan dalam penembusan jalur lebar akan mendorong peningkatan KDNK pada kadar purata 1.3%. Di dunia yang menakutkan dan semakin membangun ini, kami tidak lagi hanya berperanan sebagai penyedia perkhidmatan suara, tetapi kini tampil sebagai pusat pertukaran maklumat yang lebih kompleks dan bernilai.

Dengan UniFi, sebagai contohnya, pengguna di Malaysia kini mempunyai akses yang tersedia untuk lebih banyak pilihan dan kandungan maklumat dan hiburan, dan kini boleh memudahkan gaya hidup mereka dengan pelbagai cara. UniFi menjanjikan kemudahan e-pembelajaran, e-penjagaan kesihatan dan e-Kerajaan, dan pada masa yang sama, membolehkan pelaksanaan pelbagai aktiviti harian seperti urusan kewangan, membeli-belah dan pembayaran bil, semuanya berpusat secara dalam talian. Para peniaga pula boleh meletakkan diri mereka di pasaran global dan meluaskan jangkauan produk dan perkhidmatannya, dan pada masa yang sama, dapat meluaskan hubungan dan berkomunikasi dengan lebih berkesan dengan pejabat-pejabat cawangannya yang berada di lokasi geografi yang berjauhan. Menerusi UniFi, mereka juga boleh dihubungkan kepada perkhidmatan 'cloud', yang seterusnya meningkatkan produktiviti dan kecekapan.

UniFi sebagai yang pertama seumpamanya di negara ini, juga telah mencipta perubahan yang tiada tandingannya dan kami menyedari bahawa kami tidak boleh mengabaikan kepesatan perkembangan inovasi. Kami berhasrat untuk memperkayakan perkhidmatan ini dengan pakej tiga serangkai malahan dengan pakej pelbagai rangkai yang lebih menarik dengan kandungan dan aplikasi baru. Pada masa yang sama, kami akan terus mengembangkan Streamyx yang telah menjadi simbol langkah pertama kami dalam menceburi bidang jalur lebar. Lanya kini telah berakar umbi dalam dunia siber Malaysia, dan merangkumi sebanyak 50% dalam

penembusan jalur lebar isi rumah yang kini berada di tahap 55% pada penghujung 2010. Masih terdapat banyak ruang untuk lebih banyak perkembangan dan kami yakin dengan kebolehan kami untuk memenuhi jurang pasaran dengan perkhidmatan jalur lebar perintis kami. Kami telah meluaskan perkhidmatan Streamyx daripada ruang lingkup kediaman dan pejabat kepada tempat-tempat terbuka dengan menyediakan 10,982 *hotspot* di pusat membeli-belah, restoran-restoran dan tempat-tempat awam di mana para pelanggan boleh mengakses Internet. Dalam usaha kami memperluaskan liputan rangkaian *hotspot* tersebut, kami juga memenuhi keperluan pengguna yang sentiasa bergerak, dan telah mewujudkan usaha sama strategik untuk menyediakan perkhidmatan *hotspot* di 2,000 telefon awam di seluruh negara.

Dengan rancangan perkembangan untuk Streamyx dan juga UniFi, kami amat yakin untuk mengekalkan kedudukan kami sebagai peneraju jalur lebar negara dan tidak gusar dengan persaingan daripada syarikat-syarikat mudah alih. Jalur lebar tetap akan sentiasa mempunyai kelebihan dari segi kejelasan dan jaminan berikutan had batasan dalam spektrum mudah alih dan kuasa pemancarannya. TM juga ingin menawarkan keanjalan dan keseluruhan jenis perkhidmatan seperti yang diingini oleh pengguna-pengguna masa kini. Dengan itu TM kini sedang mencari ruang yang sesuai untuk menceburi bidang wayarles, sama ada dalam bentuk WiFi, CDMA, atau apa-apa teknologi termasuklah *Long Term Evolution* (LTE). Kami juga terbuka kepada peluang

kerjasama dengan pengendali mudah alih untuk berkongsi rangkaian antara satu sama lain.

Sementara UniFi dan jalur lebar mencuri perhatian dan tumpuan ramai pada tahun 2010, perkhidmatan Data telahpun mengatasi kadar pertumbuhan internet pada tahun 2010, dan untuk julung-julung kalinya, menyumbang bahagian yang lebih besar kepada hasil keseluruhan TM berbanding internet. Pada tahun 2010, kami memberi tumpuan untuk mengukuhkan rangkaian serantau dan mencipta sebuah lagi sejarah yang pertama seumpamanya untuk TM, iaitu usahasama TM Global dan NTT Communications Corporation untuk membangunkan kabel persendirian kami, Cahaya Malaysia. Lanya merupakan sebahagian daripada kabel dasar laut *Asia Submarine Cable Express* (ASE) yang akan menghubungkan Malaysia dengan Hong Kong dan Jepun. Kami juga membuat pelaburan baru untuk Sistem Kabel Batam-Dumai-Melaka yang menghubungkan negara ini dengan Indonesia. Dalam usahanya untuk memenuhi peningkatan keperluan kapasiti

oleh pelanggan, TM Global juga berkolaborasi dengan PCCW Global yang beribu pejabat di Hong Kong untuk membuka *Point-of-Presence* (PoP) di pusat pangkalan data di Kuala Lumpur, yang menyediakan pelanggan perusahaan dan korporat dengan penyelesaian rangkaian global yang fleksibel dan berteknologi tinggi.

Berikutan daripada pelaburan yang tinggi untuk rangkaian domestik, serantau dan antarabangsa, ditambah dengan kepakaran yang sedia ada, kami berada di kedudukan yang unik untuk menawarkan pakej wholesales yang menarik kepada pengendali-pengendali perkhidmatan lain. Sesungguhnya kami berbangga menjadi pemangkin kepada pertumbuhan industri ICT dan akhirnya mencapai matlamat untuk memberi manfaat kepada masyarakat dan juga negara.





TRANSFORMASI YANG 'COOL'

Peningkatan yang memberangsangkan dalam portfolio produk dan penyediaan perkhidmatan adalah berpunca daripada perubahan yang berlaku secara dalaman di TM. Kumpulan kini melalui transformasi yang besar dari segi warga kerjanya dan proses-proses untuk menyokong visi kami untuk menerajui rangkaian saluran maklumat yang bukan sahaja terhad kepada negara dan serantau, tetapi juga di peringkat global. Transformasi ini tertumpu kepada empat bidang seperti yang diungkapkan menerusi ringkasan nama programnya, COOL. Empat bidang ini adalah: Berorientasikan Pelanggan dan Peningkatan Kualiti (C), Kecemerlangan Operasi dan Produktiviti Modal (O), Pemikiran Satu Syarikat dengan Berorientasikan Pelaksanaan (O), dan Kepimpinan melalui Kecemerlangan Komersil dan Inovasi (L).

TM sememangnya telahpun menjadi organisasi yang mengutamakan pelanggan, dan menyedari bahawa kecemerlangan dalam khidmat pelanggan bukanlah tetap di takuk lama, tetapi harus diberi perhatian dan penekanan secara berterusan. Pada tahun 2009, kami telah menyusun semula model perniagaan Kumpulan selari dengan segmen pelanggan utama kami yang terdiri daripada Pengguna, PKS, Perusahaan, Kerajaan, Wholesale dan Global. Tahun lalu, kami telah menambah sebuah segmen baru – *New Media* – yang mencerminkan pasaran unik yang dibangunkan oleh kami; dan melengkapkan barisan eksekutif muda dan dinamik

untuk mengetuai Bahagian-bahagian Perniagaan (LOB) ini. Idea ini terbukti berkesan sebagai struktur untuk membolehkan kami memenuhi keperluan pelbagai segmen pelanggan dengan lebih terperinci.

Di dalam segmen-segmen tersebut, fokus kami adalah memberikan perkhidmatan peribadi dan profesional. Sebagai contoh, kami mempunyai wakil khidmat pelanggan yang khas untuk mengendalikan pelanggan-pelanggan UniFi; di TMpoint pula, kami menyediakan kaunter khas untuk PKS. Kami mempunyai matlamat tersendiri dalam memastikan temujanji dipenuhi, pelaksanaan perkhidmatan yang pantas dan pengendalian aduan yang bersepadu, disokong oleh usaha peningkatan berterusan dalam rangkaian dan sistem kami. Baru-baru ini, bahagian Teknologi Maklumat & Teknologi Rangkaian (IT & NT) telah memulakan satu program yang amat berkesan yang dinamakan 'Ke Arah Kesempurnaan Operasi' atau TOP. Dan saya juga dengan bangganya menyatakan bahawa ia telah mencapai hasilnya. Kami telah berjaya memperbaiki masa yang diambil untuk memasang talian atau rangkaian baru, dan juga dalam usaha baikpulih dan penyelenggaraan. Ini telah digambarkan menerusi indeks TRI*M yang mengukur tahap kepuasan pelanggan. Untuk Streamyx, umpamanya, indeks TRI*M telah meningkat sebanyak 4.8 mata pada bulan September 2010 berbanding tahun sebelumnya.

Untuk memastikan pengalaman pelanggan kami sentiasa di tahap optimum, kami telah melaksanakan pelbagai inisiatif

berorientasikan pelanggan seperti Memastikan Pelanggan Diberitahu, Penyelesaian pada Panggilan Pertama, Rasionalisasi Pusat Panggilan dan Maklumbalas Suara layan diri Interaktif (IVR) yang telah disepadukan di bawah sebuah sistem pengurusan perhubungan pelanggan 360 darjah, iCARE Prime. Komitmen kami untuk meningkatkan khidmat pelanggan secara berterusan dicerminkan oleh perbelanjaan kami iaitu sebanyak 5.1% daripada hasil diperuntukkan untuk usaha peningkatan pengalaman pelanggan secara keseluruhan pada tahun 2010.

Teras COOL yang kedua menumpukan kepada menguruskan modal dengan memastikan operasi yang mantap dan pengurusan kos yang efektif. Peralihan kita kepada platform IP merupakan satu langkah positif yang menjurus kepada matlamat ini; pemberian perkhidmatan dengan satu kabel gentian optik akan mengurangkan perolehan rangkaian, operasi dan kos penyelenggaraan. Pada masa yang sama, kami telah memulakan satu inisiatif yang hebat untuk memudahkan proses-proses kami dan telahpun merangka pelan untuk mengurangkan 700 sistem sedia ada kepada 300 dan seterusnya menjadi 70 sahaja pada 2015. Ini belum pernah dilakukan oleh mana-mana syarikat telekomunikasi, dan kami mendapat perhatian daripada pelbagai pihak dalam pelaksanaan inisiatif ini. Apabila proses ini disempurnakan, penyelarasan semula sistem ini akan memanfaatkan kami dari segi penjimatan jangka panjang hasil daripada kecekapan modal kerja. Kami juga telah berjaya mengurangkan kos dengan beralih kepada pengebilan secara atas talian, pengurusan peralatan premis

pelanggan (CPE) yang menyeluruh, inisiatif penjimatan tenaga dan kawalan pentadbiran yang ketat.

Selain daripada usaha-usaha penjimatan kos, kami juga memastikan aliran kredit yang tetap dengan menguruskan kutipan dengan lebih baik dan menggunakan sepenuhnya aset-aset kami. Kami terus menjual hartanah yang tidak digunakan dan mengoptimumkan penggunaan ruang pejabat yang terdapat di Menara TM untuk menyediakan lebih banyak ruang pejabat yang boleh disewakan. Pada bulan Julai 2010, kami mewujudkan sebuah bahagian baru iaitu bahagian Pengurusan Perusahaan Perniagaan yang berperanan untuk meneliti cara memperbaiki keseluruhan proses untuk memenuhi keperluan industri.

Sebahagian besar daripada transformasi kami bergantung kepada satu aset utama – warga kerja kami. Kini, dalam perubahan kami ke arah rangkaian pembekal komunikasi generasi baru, kami memastikan anggota-anggota kami bersedia dengan kemunculan teknologi-teknologi baru. Segala usaha ditumpukan untuk memberikan latihan-latihan yang diperlukan, bukan sahaja dari segi kemahiran teknikal yang melengkapkan mereka dengan pengetahuan praktikal dan teknikal, tetapi juga dari segi kemahiran sendiri yang membolehkan mereka untuk bekerjasama dan berkomunikasi dengan lebih berkesan antara satu sama lain dan dengan rakan-rakan niaga dan pelanggan. Kami mempunyai sebuah program pembangunan kepimpinan untuk individu-individu berbakat yang telah dikenalpasti dari peringkat awal karier mereka di TM.

Menyedari keperluan anggota-anggota bagi mempunyai pilihan untuk meneruskan pengajian mereka berdasarkan kelapangan dan kadar masa masing-masing, kami kini membangunkan lebih banyak modul pembelajaran dalam talian yang ternyata semakin popular.

Pada tahap ini, ianya penting untuk anggota-anggota kami untuk mencari jalan dan penyelesaian yang inovatif untuk memenuhi keperluan dan kehendak dalaman dan luaran. Program TOP yang dinyatakan sebelum ini, merupakan satu contoh yang paling sesuai. Program tersebut telah menyisihkan lebihan, justeru kami mendapat pencapaian yang lebih dengan menggunakan sumber yang sedikit. Amatlah membanggakan, bukan sahaja melihat anggota-anggota kami yang tampil dengan konsep yang inovatif seperti TOP, tetapi turut melaksanakannya dengan jayanya dan mendapat hasil yang positif. Di TM, kami menggalakkan inovasi dan kerjasama sedemikian menerusi struktur ganjaran yang berdasarkan kepada prestasi individu dan kumpulan. Kami menggalakkan kerjasama berpasukan, yang kami percaya amat penting untuk memastikan perniagaan yang berterusan, menerusi pengenalan sebuah program baru iaitu *Teaming With Passion*. Seperti namanya, program ini menerapkan semangat keharmonian dan kerjasama di kalangan keluarga TM dan telah berjaya menghasilkan warga kerja yang lebih bertenaga dan bersatu, didorong oleh semangat untuk berhubung dan berkolaborasi untuk sama-sama mencapai visi Kumpulan.

Akhir sekali, teras keempat COOL ialah untuk terus meningkatkan hasil dengan mengekalkan penguasaan kami di dalam landskap persaingan yang hebat. Kami menyedari tentang perlunya untuk menjadi dinamik dan inovatif untuk mengekalkan pelanggan sedia ada dan untuk mendorong langganan baru. Pasukan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) kami di Cyberjaya bersama pasukan pembangunan produk berusaha keras untuk menyediakan pelbagai produk yang bersesuaian dengan perubahan gaya hidup masa kini. Setakat ini, beberapa kandungan IPTV yang menarik bakal menanti dan dipercayai akan menggalakkan langganan UniFi. Selain daripada produk, kami juga yakin untuk menawarkan pakej-pakej nilai untuk pelanggan-pelanggan kami seperti tawaran tiga serangkai dan *'blockbuster deals'* yang akan diperbaharui dari semasa ke semasa. Selain itu, pelaburan kami dalam model ramalan kehilangan pelanggan membolehkan pengurusan hubungan pelanggan untuk bertindak secara proaktif untuk mengekang kehilangan pelanggan dengan mensasarkan pelanggan tertentu dengan tawaran menarik yang sukar untuk dilepaskan.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT

Konsep Tanggungjawab Korporat (CR) mungkin agak baru untuk kebanyakan syarikat, tetapi di TM, ianya telahpun tersemat dan berakar umbi dalam organisasi kami. Dalam berurusan dengan semua pihak berkepentingan, TM amat mengutamakan tadbir urus korporat, ketelusan dan integriti. TM pada asalnya ditubuhkan untuk menyediakan perkhidmatan telekomunikasi

kepada seluruh rakyat Malaysia, dan dengan amanah yang diberikan ini, kami telah memainkan peranan penting dalam pembangunan negara. Semangat ini masih diteruskan lagi sehingga kini, dan pada masa ini menjadi tunggak untuk Kerajaan mencapai wawasannya untuk menaiktaraf negara ini menjadi ekonomi berpendapatan tinggi.

Dalam memastikan pelaksanaan amalan-amalan terbaik masa kini, kami telah merangka strategi tanggungjawab korporat yang merangkumi empat teras, iaitu Pasaran, Tempat Kerja, Komuniti dan Alam Sekitar. Sebenarnya kami merupakan perintis dari segi CR untuk tiga segmen yang pertama. Sebaliknya, inisiatif alam sekitar kami pula agak baru dan berdasarkan atas kesedaran tentang perlunya untuk semua syarikat korporat memainkan peranan untuk mengurangkan kesan karbon untuk pemeliharaan bumi ini.

Beberapa tahun kebelakangan ini, kami telah menggiatkan usaha untuk memulihara dan melindungi alam sekitar. Saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa rangkaian gentian optik baru yang menggantikan rangkaian tembaga yang lama membawa teknologi yang amat 'hijau'. Dianggarkan bahawa tenaga yang digunakan untuk mengendalikan rangkaian tembaga adalah dua kali ganda daripada rangkaian gentian optik HSBB berdasarkan rekaan yang terdiri daripada 20% gentian ke rumah (FTTH) dan 80% gentian ke bangunan (FTTB).

Di TM, kami telah melaksanakan pelbagai langkah untuk menerapkan budaya 'hijau'. Kami memulakannya dengan kempen 3R untuk

mengurangkan, mengguna semula dan mengitar semula bahan buangan dan seterusnya menggalakkan anggota-anggota kami untuk mula berfikir hijau. Kami kemudiannya melancarkan usaha penjimatan tenaga yang lebih meluas dengan bertukar kepada peralatan penggunaan tenaga yang efisien dan menggunakan sistem penjimatan tenaga seperti penyejuk yang direka khas untuk mengurangkan beban penghawa dingin. Untuk mengurangkan lagi penggunaan tenaga, kami telah mula memadamkan lampu dan penghawa dingin ketika waktu rehat makan tengah hari dan juga selepas waktu bekerja. Usaha-usaha ini telah diperkukuhkan lagi menerusi program BumiKu dengan penglibatan anggota dengan lebih mendalam lagi untuk membudayakan gaya hidup hijau. Kami telah meletakkan sebuah 'Pokok Idea' di lobi Menara TM di mana cadangan-cadangan mesra alam yang dikemukakan oleh anggota digantung dan dipamerkan. Cadangan-cadangan yang dilaksanakan sesuai seterusnya dilaksanakan.

Dengan permulaan yang amat memberangsangkan dalam usaha hijau kami, seterusnya kami mengalihkan tumpuan kami untuk memperluaskan kempen hijau kami kepada komuniti berdekatan. TM telah bekerjasama dengan Unilever Sdn Bhd dan Universiti Malaya untuk menjalankan sebuah projek alam sekitar yang melibatkan komuniti Kondo Rakyat Pantai Dalam. Kami juga telah melibatkan diri dengan sebuah projek bersama Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) untuk menganjurkan perkhemahan pendidikan alam sekitar untuk pelajar-pelajar sekolah di seluruh negara.



Usaha-usaha kami untuk memulihara alam sekitar telah diiktiraf apabila dinobatkan Anugerah Kepujian dalam Anugerah CSR Perdana Menteri 2010. Amalan-amalan terbaik di tempat kerja kami yang sememangnya sedia mantap pula telah menjadi contoh kepada syarikat-syarikat korporat yang lain di negara ini. Kami telah memenangi Anugerah CSR Perdana Menteri untuk kategori Amalan Terbaik di Tempat Kerja untuk dua tahun berturut-turut bagi tahun 2009 dan 2010. TM juga sering diiktiraf untuk standard tadbir urus yang tinggi. Pencapaian yang membanggakan adalah apabila kami diberikan Anugerah Platinum untuk laporan CSR semasa Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA) 2010 baru-baru ini.

TINJAUAN UNTUK 2011

Saya tidak ragu-ragu bahawa persaingan di persekitaran telekomunikasi akan terus lebih sengit dan lebih mencabar. Walau bagaimanapun, saya yakin perjalanan transformasi TM yang masih dalam pelaksanaannya ini akan meletakkan kami di tempat yang baik dan membolehkan kami mengekalkan momentum pertumbuhan yang telah diwujudkan sebelum ini. Jelas sekali, kami tidak akan mensia-siakan perkembangan HSBB dan percaya bahawa kami akan berjaya melaksanakannya seperti yang dirancang dalam tahun 2011 dan mencapai sasaran 1.3 juta premis sedia dipasang di 95 kawasan menjelang akhir 2012.

Ekonomi Malaysia secara amnya dijangka akan bertumbuh dengan kadar sederhana berbanding 2010, dengan MIER meramalkan pertumbuhan KDNK sebanyak 6.5% dalam tahun 2011. Pasaran telekomunikasi pula dijangka tumbuh pada kadar pertumbuhan tahunan terkumpul (CAGR) pada tahap 5.6% daripada tahun 2010 kepada tahun 2015 menurut IDC, dengan CAGR internet pada kadar 14.7% dan CAGR data pada kadar 8.6%. Angka-angka ini dengan sendirinya memihak kepada TM, tetapi saya lebih teruja tentang tahun yang akan datang berikutan usaha-usaha berterusan oleh Kerajaan untuk menggerakkan Program Transformasi Ekonomi. Usaha-usaha ini telah maju dengan pantas sejak ianya diumumkan pada bulan September 2010. Secara dasarnya, setiap Projek Permulaan yang dirancang menerusi ETP akan memerlukan perkhidmatan komunikasi yang cekap, yang seterusnya akan mewujudkan permintaan yang lebih tinggi untuk perkhidmatan kami.

TM berada di kedudukan yang baik untuk membolehkan Kerajaan mencapai objektif Projek Permulaannya (EPP) di bawah ETP dengan menggunakan infrastruktur kami yang meluas dan kepakaran kolektif, lantas merintis kemungkinan untuk rakyat Malaysia berhubung, berkomunikasi dan berkolaborasi. Berlatarbelakangkan senario yang menjanjikan kejayaan ini, TM bersedia untuk membawa pertumbuhannya ke peringkat seterusnya, walaupun terpaksa menghadapi persekitaran persaingan yang amat sengit.

Kami menjangkakan peningkatan tidak kurang daripada tiga kali ganda bilangan pelanggan UniFi pada tahun 2011 daripada 33,000 yang direkodkan pada akhir 2010 apabila pelanggan dan perniagaan mula menikmati manfaat daripada perkhidmatan HSBB. Untuk terus menggalakkan pertumbuhan organik ini, kami tentunya akan menawarkan lebih banyak pilihan kandungan dan aplikasi yang menjurus kepada gaya hidup dan keperluan perniagaan rakyat Malaysia. Kami bukan sahaja bertungkus lumus mereka cipta lebih banyak produk untuk memuaskan kehendak ICT negara namun kami juga berbincang dengan penyedia kandungan tempatan kecil-kecilan untuk memahami dengan lebih mendalam tentang keperluan mereka dan membangunkan ekosistem kandungan yang akan membantu mereka untuk membawakan aplikasi yang lebih menarik dan relevan ke pasaran. Sudah tentunya, kami memastikan bahawa pintu kami sentiasa terbuka untuk penyedia kandungan datang berbincang tentang kolaborasi perkhidmatan HSBB.

PENGHARGAAN

Tahun 2010 merupakan satu tahun yang mencabar dan akan diabadikan dalam sejarah sebagai tahun HSBB. Semenjak melaksanakan projek ini dengan Kerajaan dari tahun 2008, kami telah menjanjikan dunia multimedia dan ICT yang terbaru dan menarik, dan kami telah bersama-sama menunaikan semua janji kami pada tahun ini. Dengan ini, saya amat berterima kasih kepada semua anggota TM. Mereka telah diberikan tugas yang sukar, namun mereka telah

memastikan ia disempurnakan. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada seluruh keluarga TM atas kesungguhan dan komitmen mereka untuk Syarikat.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada pihak-pihak berkepentingan yang selama ini berdiri teguh bersama-sama TM dan memberikan sokongan yang tidak terhingga. Ini termasuklah rakan kerjasama kami yang terbesar, iaitu Kerajaan Malaysia; pengawal selia dalam usaha mereka memastikan persekitaran persaingan yang sihat dan adil dalam industri; barisan rakan niaga dan pembekal yang telah menunjukkan iltizam dan kesabaran mereka dalam berurusan dengan kami; dan tentunya, pihak berkepentingan yang paling utama bagi kami – para pelanggan – yang tetap setia ketika kami menghadapi saingan hebat, mendorong kami untuk terus menghasilkan inovasi dan menyemarakkan semula kesegaran dalam penawaran kami. Akhir sekali, jutaan terima kasih diucapkan kepada pemegang-pemegang saham kami, yang kami hargai dan memberi kami inspirasi untuk mencapai kejayaan yang lebih tinggi. Kerana andalah, kami akan terus menjadi pengendali pilihan Malaysia untuk berhubung, berkomunikasi dan berkolaborasi.

Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

ulasan
perniagaan
& fungsi**138** Perniagaan Retail**138** Pengguna**140** Perusahaan Kecil
Dan Sederhana**142** Perusahaan**143** Kerajaan**145** Perniagaan Wholesale**148** Perniagaan Global**152** Fungsi Perniagaan**152** Perniagaan Sokongan**158** Memacu Inovasi Menerusi HSBB**160** Antarabangsa & Domestik Infrastruktur
& Rangkaian Gentian Optik Utama**162** Liputan TM Seluruh Dunia**164** Rencana: New Media**168** Ekonomi Asia Dan Sektor
Telekomunikasi: Tinjauan
& Pandangan

perniagaan retail

PENGUNA

TINJAUAN

Perniagaan Retail di TM terdiri daripada penjual kepada pengguna akhir iaitu pengguna, perniagaan – yang kami kategorikan sebagai PKS dan Perusahaan – dan juga Kerajaan. Setiap segmen mempunyai pasukan khusus untuk memenuhi keperluan pelanggan dan menawarkan produk-produk yang inovatif dalam memberikan perkhidmatan. Untuk terus meningkatkan pertumbuhan Perniagaan Retail, TM memberi penekanan kepada kualiti perkhidmatan, kualiti produk dan kecekapan operasi.

Segmen Pengguna mengukuhkan kepelbagaian pasarannya untuk meningkatkan prestasi dalam ruang pasaran yang semakin mencabar untuk suara dan jalur lebar. Fokus utama adalah untuk mempertahankan liputan pelanggan TM dengan penawaran perkhidmatan yang lebih baik. Secara khususnya, usaha-usaha dijalankan untuk merangka dan mempromosikan tawaran tarif tetap untuk dwi-perkhidmatan dengan skim harga suara yang setanding dengan harga mudah alih ke mudah alih.

Pada jangka masa pertengahannya, segmen Pengguna TM mengemaskinikan portfolio produk untuk membuat gabungan produk yang ringkas dan perkhidmatan tambah nilai (VAS) yang boleh dilanggan berasingan dan mematuhi prinsip untuk penjualan akses, bukan sahaja suara atau jalur lebar.


Fakta Sekilas Pandang

1.5%

peningkatan jumlah jualan bersih

19.3%

peningkatan jumlah pelanggan jalur lebar



Untuk mencapai matlamatnya, segmen Pengguna berusaha untuk mengekalkan medan persaingan yang adil dengan penyedia perkhidmatan mudah alih. Ini akan memerlukan kajian semula terhadap caj-caj yang berkaitan untuk perkhidmatan seperti *off-net on-net*, talian tetap – mudah alih dan IDD pukal – retail. Pada masa yang sama, segmen Pengguna juga mendorong jualan pakej-pakej berkelajuan tinggi.

PRESTASI KEWANGAN

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010, segmen Pengguna merekodkan jualan bersih sebanyak RM2,219.8 juta, peningkatan sebanyak 1.5% daripada pencapaiannya pada tahun 2009. Peningkatan hasil sebanyak 1.5% ini diperolehi daripada sokongan pertumbuhan yang kukuh untuk jalur lebar dan pengawalan pengurangan dalam suara. Walaupun dalam suasana yang mencabar, jumlah bilangan pelanggan jalur lebar meningkat sebanyak 19.3%, iaitu bersamaan dengan 1.4 juta pelanggan sehingga akhir 2010. UniFi telah dilanggan oleh 29,000 pelanggan sehingga akhir tahun 2010 yang menyumbang kepada RM15.1 juta daripada hasil keseluruhan. Melangkah ke hadapan, internet akan terus menjana pertumbuhan untuk segmen Pengguna.

INISIATIF-INISIATIF UTAMA

Pelbagai kempen telah dijalankan untuk memacu perniagaan internet dan suara.

Kombo Streamyx-Netbook

TM melancarkan dua pakej Streamyx – *Netbook* pada tahun 2010 untuk menyokong Inisiatif Jalur Lebar Kerajaan (NBI). Pada 30 Januari, TM memperkenalkan *Streamyx Cool UNI Pack* untuk mahasiswa-mahasiswa universiti tahun pertama dan kedua yang merangkumi akses kepada internet jalur lebar dan *netbook* percuma pada harga hanya RM50 sebulan untuk tempoh 24 bulan. Harga tersebut kemudiannya diturunkan kepada RM38 sebulan. Ia ditawarkan kepada pelajar-pelajar yang datang daripada keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan.

Pada 28 Mei, segmen Pengguna melancarkan tawaran yang sama kepada keluarga-keluarga berpendapatan rendah. BBPC Berpendapatan Rendah (Komputer 1 Malaysia) mensasarkan keluarga di luar bandar dengan pendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan dan keluarga di bandar yang berpendapatan kurang daripada RM5,000 sebulan. Seperti tawaran yang

diberikan kepada pelajar-pelajar, *netbook* dan akses Streamyx hanya berharga RM38 sebulan dan sah untuk 24 bulan.

Tawaran Blockbuster


Mac 2010 telah menyaksikan pelancaran Tawaran Streamyx Blockbuster yang menawarkan perkhidmatan HSBB yang dilengkapi dengan pelan panggilan suara untuk kelajuan 512kbps sehingga 4Mbps. Ini termasuklah modem WiFi dan set telefon tanpa kord digital (DECT) percuma. Pelan ini mengetengahkan tawaran panggilan percuma untuk panggilan dari talian tetap ke talian tetap dan kadar panggilan dari talian tetap ke mudah alih yang lebih murah. TM juga memperkenalkan Pakej Tawaran Suara terbarunya yang menawarkan sewa secara percuma untuk pelanggan-pelanggan *TM Homeline*, panggilan percuma ke mana-mana talian tetap TM, minit-minit percuma untuk panggilan ke mudah alih (bergantung kepada pakej) dan juga kadar yang rendah untuk panggilan ke mudah alih dan rangkaian talian tetap yang lain.

HSBB

TM melancarkan jenama HSBBnya, UniFi, pada 24 Mac 2010 dengan perkhidmatan tiga serangkai yang menarik seperti video (IPTV), internet berkelajuan tinggi dan telefon, yang menawarkan kelajuan 5Mbps, 10Mbps dan 20Mbps. Perkhidmatan IPTV disediakan menerusi sambungan eksklusif 8Mbps sebagai tambahan kepada kelajuan data yang dilanggan. Dengan IPTV, pelanggan boleh menikmati 22 saluran, Video-Atas-Permintaan dan perkhidmatan interaktif seperti permainan dan maklumat pelancongan.

PROSPEK

Pasaran suara dan jalur lebar segmen Pengguna akan terus menjadi medan persaingan yang mencabar. Walau bagaimanapun, segmen Pengguna yakin untuk mengekalkan keunggulan dengan rangkaian produk dan perkhidmatan yang telah diselaraskan dengan matlamat perniagaan yang baru.





PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA

Fakta Sekilas Pandang

113.1%

peningkatan hasil daripada pesanan kerja boleh pulih (RWO), penyelenggaraan dan usahasama pintar untuk pemaju-pemaju perumahan.

10

Cawangan TMpoint yang dilengkapi dengan *SME Corner* untuk memberi khidmat nasihat secara peribadi untuk pelanggan.



Majlis Pelancaran 'Office In A Box' pada 6 Mac 2010 di Sunway Pyramid.

TINJAUAN

Pada tahun 2010, segmen Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) TM terus mengukuhkan kelebihannya dengan menyediakan perkhidmatan Rangkaian Generasi Akan Datang (NGN) untuk mengembangkan perniagaan PKS. PKS TM berhasrat untuk menjadi rakan niaga komunikasi pilihan untuk PKS di Malaysia dan menjadi teras utama dalam pertumbuhan TM. Tawaran penyelesaian kami membantu perniagaan-perniagaan PKS untuk mara ke tahap yang lebih tinggi dalam rantai nilai dengan kombinasi suara dan jalur lebar perniagaan dan pilihan perkhidmatan tambah nilai (VAS) yang bersesuaian.

PRESTASI KEWANGAN

PKS TM merekodkan jualan bersih berjumlah RM1,772.2 juta, menandakan peningkatan sebanyak 1.7% melebihi pencapaian pada tahun 2009. Peningkatan hasil ini sebahagian besarnya didorong oleh Internet dan multimedia, data dan perkhidmatan telekomunikasi tambah nilai yang lain.

Perkhidmatan Suara masih menjadi penjana hasil utama untuk 2010, dengan sumbangan sebanyak 66.6% daripada hasil keseluruhan. Walau bagaimanapun, nilai ini menunjukkan penurunan sebanyak 3.3% berbanding sumbangan hasil pada tahun 2009 berikutan peralihan yang berterusan kepada komunikasi mudah alih dan berasaskan Internet.

Sejajar dengan perkembangan industri yang mencerminkan kecenderungan pelanggan kepada perkhidmatan Internet dan multimedia, hasil daripada segmen ini telah mencatatkan peningkatan dari tahun-ke-tahun pada kadar 7.7% yang menyumbang kepada 29.2% daripada jumlah hasil operasi berbanding dengan 27.5% pada tahun 2009.

Hasil daripada perkhidmatan data, yang sebahagian besarnya terdiri daripada litar suwa dan perkhidmatan Rangkaian Persendirian, telah meningkat sebanyak 50.3% daripada RM28.8 juta pada tahun 2009. Data menyumbang 2.4% kepada jumlah hasil operasi PKS TM berbanding 1.7% pada tahun kewangan sebelumnya.

Hasil daripada perkhidmatan tambah nilai berkaitan telekomunikasi lain yang, termasuk pesanan kerja boleh

pulih (RWO), penyelenggaraan dan usahasama pintar untuk pemaju-pemaju perumahan, telah meningkat sebanyak 113.1% kepada RM30.9 juta daripada RM14.5 juta pada tahun 2009. Sektor ini menyumbang kepada 1.7% daripada hasil keseluruhan operasi PKS TM, meningkat daripada 0.8% pada tahun 2009.

INISIATIF-INISIATIF UTAMA

Antara tumpuan utama dalam tahun 2010 adalah pemajuan pertumbuhan yang berterusan, mempertahankan dan meningkatkan kewangan PKS TM dengan menambahbaik penawaran nilai dan strategi pemasaran untuk menjangkau PKS. Rasionalisasi portfolio produk telah dicapai menerusi gabungan berdasarkan segmen termasuklah penawaran perkhidmatan tambah nilai yang efektif dari segi kos untuk membolehkan perniagaan beroperasi dengan lebih efisien dan mendapatkan lebih ramai pelanggan. PKS TM juga telah menelaraskan model strategi pemasarannya dan memperkukuhkan saluran-saluran utama untuk meningkatkan pengalaman pelanggan. Untuk mengekang kehilangan pelanggan, PKS TM memantau pelanggan-pelanggan berisiko tinggi secara proaktif dan telah melancarkan beberapa inisiatif penambahbaikan pengalaman pelanggan. Selain itu, beberapa usahasama strategik telah dimeterai dengan pemaju-pemaju perumahan untuk melengkapi pembangunan baru dengan infrastruktur dan perkhidmatan telekomunikasi yang canggih dan terkini.

OPERASI

Pada tahun 2010, PKS TM menumpukan kepada segmen-segmen khusus di dalam pasaran PKS yang luas untuk menyediakan pilihan penyelesaian yang menyeluruh namun berpatutan untuk memenuhi keperluan mereka. Pelanggan telah dikenalpasti berdasarkan profil perniagaan dan keperluan telekomunikasi mereka. PKS TM juga memperluas dan memperkukuhkan saluran-saluran strategi pemasarannya untuk mendapatkan ramai pelanggan. Antara saluran utama adalah jualan langsung, wakil jualan, tele-pemasaran, jualan dalam talian dan cawangan-cawangan TMpoint yang dilengkapi dengan *SME Corner* dan perundingcara.

Perkhidmatan Internet/Jalur Lebar Perniagaan

Office in a Box (OIAB)TM merupakan penyelesaian komunikasi yang lengkap dan mudah yang direka khas untuk memberikan perkhidmatan pada harga yang berpatutan kepada operasi SOHO dan PKS serta kemudahan untuk perniagaan yang baru. Dilancarkan pada 6 Mac 2010, OIAB menawarkan nilai-nilai istimewa dengan kadar panggilan yang menarik dan capaian tanpa had kepada jalur lebar perniagaan. Pakej ini merangkumi perkhidmatan suara, jalur lebar, domain email dan perkhidmatan tambah nilai, semuanya dalam satu kotak. *OIAB Plus*TM yang menawarkan versi yang diperbaharui pula telah dilancarkan pada 26 April 2010. Dengan kerjasama Manchester United (MU), PKS TM telah menawarkan *OIAB* Edisi Terhad yang memaparkan visual MU di kotak dan juga memberi peluang kepada pelanggan *OIAB* dan *OIAB Plus* untuk



Shanti Jusnita Johari, Naib Presiden Eksekutif, PKS TM, menerangkan model usahasama pintar kepada YAB Dato' Haji Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Johor.

memenangi tiket perlawanan bola sepak di Old Trafford. Satu lagi produk utama dalam tahun 2010 adalah UniFi gred perniagaan yang membolehkan PKS memaksimumkan penggunaan aplikasi dan perkhidmatan dalam talian. Generasi Akan Datang pada harga yang berpatutan.

Perkhidmatan Suara

Simple Voice yang diperkenalkan pada 1 Mac 2010, telah menawarkan sewa bulanan percuma untuk talian perniagaan, yuran komitmen yang rendah dengan minit-minit percuma untuk panggilan tempatan dan STD, kadar panggilan yang menarik dan set telefon percuma. Pelan ini juga menghubungkan pelanggan kepada Gerbang Jalur Lebar yang seterusnya meningkatkan perniagaan PKS atas talian. Pada bulan Ogos 2010, PKS TM telah melancarkan *Volume Xcess*, pelan panggilan menarik dengan sewa percuma yang disasarkan kepada pelanggan yang banyak menggunakan perkhidmatan suara. Pelan ini juga dilengkapi dengan perkhidmatan tambah nilai seperti *Yellow Pages*, *domain*, *TollFree* dan *IDD*.

Data

PKS TM menawarkan penyelesaian rangkaian IP pada harga yang berpatutan seperti *IPVPN Lite*, *IPVPN Value* dan *IPVPN Classic* untuk pelanggan PKS. *IPVPN* merupakan hubungan persendirian maya yang berperanan sebagai pengantara untuk mengangkut paket data dari satu lokasi ke lokasi yang lain. Pelanggan boleh menghubungkan cawangan-cawangan mereka dengan mudah melalui teknologi Pensuisan Label Multi Protokol (MPLS). *IPVPN* TM membantu pelanggan untuk berjimat tanpa perlu melabur untuk peralatan tambahan. Untuk pakej-pakej premium, PKS TM turut menyediakan perkhidmatan terurus termasuk pinjaman peralatan (*routers*).

JUALAN DAN PEMASARAN

Pada tahun 2010, PKS TM menumpukan untuk memenuhi keperluan tiga pecahan segmen iaitu SOHO/mikro, kecil dan sederhana. Pendekatan berdasarkan segmen ini membolehkan

jangkauan yang lebih baik untuk memberi perkhidmatan kepada PKS di Malaysia. PKS TM juga menggiatkan inisiatif-inisiatif pendidikan menerusi penganjuran aktiviti khas seperti seminar Biznet pada setiap suku tahun, dan seterusnya mara selangkah ke hadapan lagi dengan mengadakan acara-acara yang berskala lebih kecil untuk lebih memahami keperluan pelanggan PKS. Kerjasama dengan agensi kerajaan, syarikat-syarikat dan persatuan-persatuan untuk membantu PKS di Malaysia juga diteruskan. Selain daripada aktiviti-aktiviti yang dianjurkan, *SME Corner* juga diwujudkan di TMpoint terpilih di 10 negeri, di mana pelanggan yang mengunjungi TMpoint untuk mendapatkan maklumat tentang produk dan perkhidmatan PKS TM diberikan layanan khusus secara peribadi. Pelanggan PKS juga boleh memperoleh maklumat produk dan artikel-artikel berkaitan industri daripada laman web TMSME.biz.

PROSPEK

PKS TM menjangkakan pertumbuhan untuk tahun 2011, didorong oleh pemerolehan pelanggan-pelanggan melalui perkhidmatan seperti UniFi dan pengenalan perkhidmatan tambah nilai. PKS TM akan berusaha untuk mengukuhkan keunggulannya dalam segmen pasaran ini dengan menawarkan perkhidmatan yang tidak hanya terhad kepada akses telekomunikasi seperti aplikasi berhos dan perkhidmatan ICT asas, malah meletakkan kedudukannya sebagai rakan niaga pilihan untuk PKS.

PERUSAHAAN

Fakta Sekilas Pandang

RM1,758.9 juta

peningkatan hasil sebanyak 5.4%

pertumbuhan **11.6%**

– permintaan terhadap perkhidmatan Data, Internet/Jalur Lebar Perniagaan

TINJAUAN

Peningkatan dalam permintaan dari komuniti perusahaan terhadap Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) yang semakin kompleks memangkinkan peningkatan penyertaan TM dalam menyediakan penyelesaian perniagaan yang inovatif dan lebih kos-efektif dengan menyepadukan penawaran nilai tambah merentasi Perkhidmatan Hubungan Khidmat ICT Terurus dan Perkhidmatan Penyumberluaran Proses Perniagaan (BPO).

Melalui VADS Berhad (VADS) dan kumpulan anak syarikatnya selaku sayap perkhidmatan ICT Kumpulan, Perusahaan TM telah membangunkan pelbagai pilihan penyelesaian yang mampu memberikan penyelesaian perniagaan yang lengkap dan berkesan untuk membolehkan komuniti perniagaan memacu dan menjana pertumbuhan perniagaan masing-masing. Perusahaan TM menyediakan perkhidmatan bagi empat sektor perusahaan yang utama iaitu Institusi Kewangan dan Perkhidmatan Insurans, Tenaga dan Utiliti, ICT dan Peruncitan serta Media dan Penyiaran.

PRESTASI KEWANGAN

Perusahaan TM telah memperoleh hasil sebanyak RM 1,758.9 juta, mencatatkan rekod pertumbuhan sebanyak 5.4% berbanding tahun sebelumnya. Segmen ini menerajui perkhidmatan Data

dan Internet, di samping terus mempertingkatkan pertumbuhan perkhidmatan ICT dan BPO.

PRODUK & PERKHIDMATAN

SUARA

Usaha mengekalkan hasil sedia ada dan menawarkan kadar caj panggilan yang kompetitif masih menjadi tumpuan utama perkhidmatan suara. Pelan panggilan yang boleh disesuaikan dengan kehendak pelanggan seperti *Smartcall* dan *Flexi Destina* merupakan antara kaedah utama yang digunakan dalam mengekang peralihan pelanggan kepada pesaing di samping memenuhi keperluan pelanggan terhadap perkhidmatan yang lebih berkesan dari segi kos.

DATA & INTERNET/JALUR LEBAR PERNIAGAAN

Permintaan terhadap perkhidmatan Data dan Internet/Jalur Lebar Perniagaan telah meningkat dalam kesemua empat sektor perusahaan utama sebanyak 11.6% berbanding tahun sebelumnya. Adalah diunjurkan bahawa permintaan terhadap perkhidmatan Data dan Internet akan terus berkembang memandangkan pelanggan perusahaan semakin memerlukan perkhidmatan hubungan dan internet sebagai platform utama dalam menjana pertumbuhan perniagaan masing-masing.



Berkongsi teknologi dan trend terkini sambil merapatkan hubungan dengan pelanggan di BPO Summit 2010.



Lawatan Ahli Lembaga Pengarah TM ke Pusat Data VADS di Cyberjaya.

PERKHIDMATAN ICT

VADS terus mempertingkat dan memperkukuhkan Perkhidmatan ICT Terurusnya dengan menggabungkan kecekapan elemen sumber manusia, proses dan teknologi. Dengan menyediakan penyelesaian yang inovatif, Perkhidmatan ICT Terurus mampu memberi nilai tambah dan mengurangkan kerumitan organisasi, sekaligus mengupayakan mereka untuk menjadi lebih efisien dan produktif.

Menerusi 17 Pusat Data dengan keupayaan hubungan berbilang gigabit yang bertaraf pelayan neutral dan telah mendapat pensijilan ISO 27001; VADS yakin dapat memacu peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan Pusat Data Terurus seperti pengurusan data, pengehosan dan perancangan pemulihan bencana.

Perusahaan TM memberi penekanan berterusan terhadap inovasi dalam perkhidmatan terutamanya Perkhidmatan Keselamatan Terurus, Komunikasi Bersepadu Terurus, Rangkaian Kawasan Setempat Terurus dan Pemecutan Rangkaian Kawasan Luas Terurus. Pelancaran perkhidmatan Kebolehlihatan Terurus pada bulan April 2010 membolehkan pelanggan mengawalurus kadar penggunaan rangkaian dan memantau kadar ketelusan rangkaian yang beroperasi melalui Rangkaian Kawasan Luasnya dengan lebih cekap dan berkesan.

PERKHIDMATAN BPO

Penyumberluaran Proses Perniagaan (BPO) terus mengukuhkan kedudukannya dalam pasaran domestik dan serantau. Pelbagai pembaharuan dan inovasi dibuat melalui anak syarikat VADS, VADS Business Process Sdn Bhd dalam cabang Khidmat Pelanggan, Pengurusan Bayaran, Pengekalan Kesetiaan Pelanggan, Penjanaan Hasil, Pusat Khidmat Bantuan Teknikal Pelanggan dan Tele-Pemasaran. BPO menawarkan pelbagai pilihan pakej perkhidmatan yang sesuai untuk pelanggan dari sektor Perusahaan dan Kerajaan dalam usaha mengurus hubungan pelanggan yang berkesan.

Pembangunan modal insan terus menjadi keutamaan dan pelbagai inisiatif dilancarkan untuk melahirkan wakil khidmat pelanggan yang berkemahiran tinggi menggabungkan kemahiran sendiri dan teknikal yang bersesuaian untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

PROSPEK

Selaras dengan Pelan Transformasi Ekonomi Kerajaan, TM menganggarkan bahawa permintaan untuk Data/Perkhidmatan Internet, Pusat Data, ICT dan BPO akan meningkat, didorong oleh tahap keyakinan pelanggan perusahaan yang lebih tinggi. Justeru itu, Perusahaan TM dijangka akan terus berkembang pada tahun 2011.



KERAJAAN



Perasmian Pusat Jalur Lebar Komuniti, Serendah.



Pelancaran 'Ops Sikap' Kempen Keselamatan Jalanraya.

Fakta Sekilas Pandang

Pensijilan **ISO**

- GITN
 - ISO 27001:2005 Sistem Pengurusan Maklumat Keselamatan (ISMS) dan
 - ISO 9001:2008 Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)
- MERS 999 – ISO 9001:2008 Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)

85 Indeks TRI*M

Peningkatan dalam Indeks Kepuasan Pelanggan (CSI) dari 82 pada 2009

TINJAUAN

Dengan wawasan untuk menjadi rakan kongsi Kerajaan Malaysia yang dipercayai, Segmen Kerajaan menyediakan penyelesaian premier, perkhidmatan rangkaian terkini di samping perkhidmatan pelanggan yang terulung.

Dalam usaha untuk memberi penekanan kepada kualiti perkhidmatan, satu kumpulan khas yang menumpukan kepada pelanggan telah ditubuhkan bersama-sama pasukan Produk dan Rangkaian untuk memperkasakan kecemerlangan operasi dan kualiti dalam tiga bidang kritikal, iaitu pengendalian pelanggan, penyediaan perkhidmatan dan jaminan perkhidmatan. Hasilnya, Indeks Kepuasan Pelanggan (CSI) telah meningkat daripada 82 kepada 85 Indeks TRI*M pada tahun 2010.

PRESTASI KEWANGAN

Walaupun berhadapan dengan persaingan yang sengit, segmen Kerajaan terus merekodkan pertumbuhan yang positif pada tahun 2010, dengan strategi yang terbukti keberkesanannya dalam memenangi semula pelanggan dan mendapatkan akaun-akaun baru, serta pada masa yang sama, mengembangkan akaun sedia ada. Hasil meningkat kepada RM1,316.8 juta yang sebahagian besarnya dari perkhidmatan data.

OPERASI

Perkhidmatan Suara – Selari dengan trend suara tetap semasa, hasil daripada suara tetap terus menurun. Walau bagaimanapun, suara tetap masih menjadi pilihan utama untuk panggilan dari pejabat. Dalam tahun tersebut, dua pelan yang kos-efektif telah ditawarkan: Flexi Destina dan Pelan Istimewa.

Perkhidmatan Data –

Perkhidmatan data terus menjadi produk teras segmen ini. Bersama-sama anak syarikat milik penuh TM, GITN Sdn Bhd, segmen ini terus menerajui sebahagian besar pasaran IPVPN terurus Kerajaan. Segmen ini juga berjaya mendapat kontrak-kontrak daripada institusi pengajian tinggi untuk menyediakan perkhidmatan seperti rangkaian pusat penyelidikan MYREN 2 dan Metro-E & DOME berkelajuan tinggi untuk universiti-universiti seluruh Malaysia. Perkhidmatan Hotzone@WiFi digabungkan dengan Perkhidmatan Tambah Nilai (VAS) untuk meningkatkan penembusan jalur lebar di kalangan penuntut-penuntut di universiti.



Perkhidmatan Internet –

Segmen Kerajaan menawarkan perkhidmatan Internet yang terurus atau tanpa pengurusan. Perkhidmatan Internet terurus ditawarkan menerusi Gerbang Internetnya atau di premis pelanggan. Penyelesaian yang fleksibel ini membolehkan segmen Kerajaan untuk mengubahsuai penyelesaiannya mengikut kesesuaian dan keperluan pelanggan serta membuka peluang kepada TM untuk menawarkan perkhidmatan hos, keselamatan dan penyelesaian lain yang berkaitan. Di dalam menyokong misi Kerajaan Malaysia untuk menjadikan perkhidmatan jalur lebar boleh dinikmati oleh semua, segmen Kerajaan telah melibatkan diri dalam projek-projek bandaraya tanpa wayar seperti Bandaraya Tanpa Wayar1NS yang menyediakan kemudahan Internet secara percuma di tempat-tempat awam di Negri Sembilan.

Projek-projek ICT – Segmen Kerajaan menggunakan teknologi ICT terkini dalam membangunkan penyelesaian yang bersesuaian dalam usaha membantu pelanggan-pelanggan menguruskan keperluan yang pelbagai. GITN terus mengembangkan

perniagaan perkhidmatan tambah nilainya (VAS) dan produk berkaitan rangkaian seperti Perkhidmatan Keselamatan Terurus (MSS) dan Penyepaduan Sistem (SI). MSS adalah pendekatan penyumberluaran yang memberi manfaat kepada pelanggan menerusi pemantauan 24 jam sehari, 7 hari seminggu. Ini merangkumi peralatan atau peranti-peranti berkaitan keselamatan ICT. Perkhidmatan Hos, Perkhidmatan Pengurusan Lebar Jalur dan Infrastruktur Awam Utama turut ditawarkan kepada pelanggan. Segmen Kerajaan juga ialah penyedia perkhidmatan MSAFE iaitu lanjutan Program Bandaraya Selamat yang mengintegrasikan pencegahan jenayah di kawasan tertentu dalam perancangan pembangunan.

Perkhidmatan MSAFE yang kedua telah dilancarkan pada bulan Ogos 2010 di Putrajaya. MSAFE menghubungkan kamera litar tertutup yang dipasang di tempat-tempat strategik seperti di hentian perkhidmatan pengangkutan awam, lorong pejalan kaki, kawasan-kawasan perumahan, kompleks komersil dan pusat bandaraya dengan MERS 999. MSAFE Putrajaya merupakan usahasama antara TM, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Kementerian Dalam Negeri,

Polis dan Perbadanan Putrajaya. Kamera litar tertutup tersebut juga dihubungkan ke pejabat polis daerah untuk memastikan tindakbalas yang lebih pantas boleh diberikan apabila berlaku sebarang kejadian. Perkhidmatan ini juga akan dilanjutkan ke negeri-negeri yang lain.

Segmen ini juga menyokong inisiatif-inisiatif ICT Kerajaan Negeri. Dalam projek 1NS*Net dan MelakaNet, pelbagai rangkaian Internet yang digunakan oleh Kerajaan Negeri telah diselaraskan menerusi perkhidmatan Metro-E TM. Ini membolehkan perkongsian data antara semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri. Sementara itu, untuk merapatkan jurang digital, segmen Kerajaan juga membina dan membangunkan hubungan-hubungan khas untuk kegunaan di kawasan-kawasan pedalaman di negara ini, sejajar dengan inisiatif Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP). Ini adalah salah satu usaha untuk memberi kemudahan kepada penduduk luar bandar untuk mempergiatkan penggunaan ICT.


Dalam semua aktivitinya, segmen Kerajaan memastikan kualiti yang terbaik selaras dengan piawaian antarabangsa. MERS 999 telah

diiktiraf dengan persijilan ISO 9001:2008 untuk Sistem Pengurusan Kualiti – Keperluan. Manakala GITN pula telah memperolehi pengiktirafan ISO 27001:2005 untuk Sistem Keselamatan Maklumat bagi Pusat Operasi Keselamatan dan ISO 9001:2008 untuk Sistem Pengurusan Kualiti bagi Penyediaan Rangkaian Terurus dan Perkhidmatan Tambah Nilai untuk Penyampaian Produk serta Penyediaan Operasi dan Penyelenggaraan Perkhidmatan Terurus dari Hujung ke Hujung.


PROSPEK

Sejajar dengan pembangunan negara, Kerajaan Malaysia merancang untuk memperkasa kualiti perkhidmatan penyampaian yang hanya boleh direalisasikan dengan adanya kepelbagaian rangkaian, capaian lebar jalur yang lebih tinggi dan produk ICT yang menyeluruh. Beserta dengan infrastruktur rangkaian gentian optik yang meluas yang berkemampuan untuk menampung keperluan capaian lebar jalur yang tinggi serta pelbagai tawaran ICT yang dibangunkan sendiri atau bersama rakan kongsi, TM adalah di posisi terbaik untuk menyediakan keperluan ini kepada Kerajaan Malaysia.

GITN menerima sijil pengiktirafan ISO 27001:2005 ISMS dan ISO 9001:2008 QMS.



Hari Perisian Sumber Terbuka 2010, Kementerian Pelajaran Malaysia.



MERS999 menerima sijil pengiktirafan ISO 9001:2008 QMS.





perniagaan wholesale

Fakta Sekilas Pandang

peningkatan hasil data IP
sebanyak **RM55.0** juta

Kos operasi dikurangkan
sebanyak **RM91.0** juta

EBIT meningkat
12.3% ke
RM212.4 juta

TINJAUAN

Perniagaan Wholesale, merangkumi TM Wholesale (TMW), Fiberail Sdn Bhd (Fiberail) dan Fibrecomm Network (M) Sdn Bhd (Fibrecomm), merupakan bahagian perniagaan dan pemasaran TM untuk infrastruktur telekomunikasi. TMW menyediakan sebuah rangkaian luas kemudahan dan perkhidmatan kepada semua pembekal rangkaian di seluruh negara. Fiberail merupakan syarikat usahasama antara TM, Keretapi Tanah Melayu (KTMB) dan Petrofibre Network Sdn Bhd, manakala Fibrecomm pula ditubuhkan sebagai usahasama dengan Celcom dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada tahun 1997 dan seterusnya menjadi anak syarikat TM. Kerjasama ini membolehkan Perniagaan Wholesale TM menggunakan aliran KTMB dan Petronas Gas dan juga talian penghantaran bervoltan tinggi milik TNB dalam menyediakan liputan rangkaian gentian optik yang luas dari utara ke selatan tanah air dan sepanjang Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Fibrecomm telah melebarkan sayapnya hingga ke Malaysia Timur menerusi usahasamanya dengan Sacofa Sdn Bhd.

Perniagaan Wholesale menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan wholesale yang komprehensif kepada semua pembekal rangkaian domestik yang berlesen dan diiktiraf oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Ini termasuklah Pembekal Kemudahan Rangkaian (NFP), Pembekal Perkhidmatan Rangkaian (NSP) dan Pembekal Perkhidmatan Aplikasi (ASP). Kedudukan TM yang neutral dalam kerjasamanya dengan pembekal-pembekal rangkaian berlesen ini menyokong aspirasi pemantau untuk mewujudkan industri yang

berkembang dan berupaya untuk dikawalselia sendiri dengan adanya persaingan dan liberalisasi. Akses terbuka seperti ini seterusnya akan memanfaatkan pelanggan yang akan mendapat faedah daripada perkhidmatan ICT yang lebih baik dengan kos yang lebih efektif.

Industri ini ditetapkan untuk terus berkembang dengan didorong oleh permintaan yang tinggi, bukan sahaja untuk hubungan jalur lebar dan akses mudah alih dalam talian, tetapi juga untuk aplikasi dan perkhidmatan tambah nilai seperti Televisyen Protokol Internet (IPTV) dan video-atas-

permintaan. Untuk memastikan permintaan ini dipenuhi, Perniagaan Wholesale berperanan sebagai penggerak dalam mentransformasi dan seterusnya membangunkan industri telekomunikasi negara.

PRESTASI KEWANGAN

Perniagaan Wholesale merekodkan jumlah hasil gabungan sebanyak RM1,096.8 juta yang menunjukkan sedikit penurunan sebanyak 6.0% daripada RM1,166.7 juta pada tahun 2009, kebanyakannya disebabkan oleh *Mandatory Standard on Access Pricing (MSAP)* yang berkuatkuasa mulai bulan Julai 2010.



Dato' Sri Zamzamairani Mohd Isa, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, TM bertukar dokumen dengan Sandip Das, Ketua Pegawai Eksekutif, Maxis Berhad.

Pertumbuhan pesat dalam perkhidmatan data IP yang merekodkan peningkatan hasil berjumlah RM55.0 juta telah membantu mengurangkan kesan penurunan hasil keseluruhan daripada perkhidmatan suara untuk tahun tersebut. Berikutan daripada usaha berterusan dalam pengurusan kos secara efektif, kos operasi pula berjaya dikurangkan sebanyak 9.3% atau RM91.0 juta, manakala EBIT telah meningkat sebanyak 12.3% kepada RM212.4 juta.

OPERASI

Dengan menumpukan kepada pasaran domestik, Perniagaan Wholesale menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan telekomunikasi yang komprehensif kepada semua pembekal rangkaian berlesen. Selaras dengan perkembangan teknologi terkini, trend industri dan pilihan pengguna, Perniagaan Wholesale memberi tumpuan yang lebih dalam mengembangkan portfolio perkhidmatan Data dan Aksesnya, di samping mengekalkan dan mempertahankan kekuatan asas perkhidmatan Suaranya. Akhir sekali, turut diberi perhatian adalah Perkhidmatan Infra yang mencerminkan usaha-usaha Perniagaan Wholesale untuk menjana lebih banyak hasil daripada infrastruktur telekomunikasinya yang meluas.

PERKHIDMATAN DATA DAN AKSES

Perkhidmatan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi

TM telah membangunkan Perkhidmatan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) secara pukal yang komprehensif menerusi Perkhidmatan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (Transmisi) mulai Mei 2009 dan

Perkhidmatan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (Akses) mulai bulan Julai 2010 untuk pembekal rangkaian berlesen. Perkhidmatan HSBB Wholesale (Transmisi) ini digunakan oleh pembekal perkhidmatan untuk menyambungkan dua lokasi rangkaian yang berkelajuan tinggi bagi menyokong keperluan *backhaul* mereka. Setakat bulan Disember 2010, tujuh pembekal perkhidmatan telahpun melanggan perkhidmatan ini.

Dengan infrastrukturnya yang telah tersedia, pembekal perkhidmatan hanya perlu menumpukan perhatian kepada penyediaan kandungan dan aplikasi berkelajuan tinggi kepada pengguna-pengguna jalur lebar yang berpotensi menggunakan perkhidmatan HSBB Wholesale (Akses). Objektifnya adalah untuk membolehkan pembekal perkhidmatan menawarkan perkhidmatan dan aplikasi tambah nilai seperti IPTV, video-atas-permintaan dan permainan dalam talian, lantas menjana pertumbuhan untuk perniagaan mereka dan membuka peluang-peluang komersil.

Untuk melengkapkan portfolio HSBB, perkhidmatan HSSB (Sambungan) akan diperkenalkan kepada industri menjelang 2011 yang akan membolehkan pengguna untuk menikmati tawaran perkhidmatan daripada penyedia perkhidmatan yang berlainan. Akhirnya, perkembangan ini akan memberi faedah untuk gaya hidup digital kepada para pengguna, disamping meningkatkan tahap persaingan global Malaysia.

Ethernet Wholesale

Ethernet Wholesale telah mencatatkan pertumbuhan lima kali ganda pada tahun 2010 berbanding 2009,

berdasarkan peningkatan dalam permintaan untuk perkhidmatan akses berkelajuan tinggi yang berasaskan IP daripada Pembekal Perkhidmatan Rangkaian Berlesen yang memerlukan rangkaian yang boleh diubahsuai untuk menampung pelanggan mudah alih dan jalur lebar mereka. Pertumbuhan ini disokong dengan penawaran harga yang menarik untuk komitmen jangka panjang, ditambah pula dengan penaiktarafan rangkaian teras IP TM bagi menampung tawaran untuk kapasiti lebih tinggi, yang tidak lama lagi akan dilengkapi dengan kelajuan sehingga 10Gbps. Pada masa yang sama, peralihan terkini ke sistem sokongan perniagaan yang baru telah membawa kepada penyediaan perkhidmatan dan proses pengedaran yang lebih efisien, menjadikan *Wholesale Ethernet* sebagai produk pilihan pembekal-pembekal memandangkan keperluan terhadap lebar jalur yang kian meningkat.

Perkhidmatan Lebar Jalur Domestik

Perkhidmatan Lebar Jalur Domestik menawarkan kelajuan transmisi sehingga 10Gbps dan telah digambarkan sebagai sambungan terpentas di antara dua lokasi rangkaian untuk masa hadapan. Dibina atas infrastruktur rangkaian yang meluas di seluruh negara, Perkhidmatan Lebar Jalur Domestik mampu menyediakan pelbagai perkhidmatan litar suwa digital berkelajuan tinggi untuk pelbagai aplikasi yang membolehkan pembekal perkhidmatan memilih penyelesaian yang bersesuaian bagi memenuhi keperluan perniagaan mereka. Lebar Jalur Domestik mengekalkan kedudukan teguhnya pada

tahun 2010 untuk menjadi penyumbang hasil tertinggi untuk segmen data Wholesale. Migrasi daripada perkhidmatan lebar jalur analog kepada digital juga telah membuahkan peningkatan dalam segmen jalur sempit.

Talian Digital Pelanggan (DSL) Wholesale

Pada tahun 2010, DSL Wholesale memainkan peranan penting dalam membolehkan penyedia perkhidmatan mengembangkan liputan jalur lebar WiFi dengan pantas dan kos-efisien dalam usaha untuk menyokong Pelan Jalur Lebar Nasional. DSL Wholesale membolehkan Pembekal Perkhidmatan Internet (ISP) memanfaatkan liputan rangkaian akses DSL Wholesale yang meluas dan pada masa yang sama, mengawal lapisan rangkaian masing-masing bagi membolehkan mereka menawarkan jenama pakej jalur lebar mereka yang tersendiri di pasaran.

Wholesale Internet Access

Perniagaan Wholesale sentiasa meningkatkan keupayaan rangkaianannya untuk menampung peningkatan trafik internetnya pada kadar melebihi 60.0% dari tahun ke tahun. Ia menawarkan *Wholesale Internet Access* sebagai perkhidmatan *IP Transit* dalam negeri dan di 14 buah negara lain, melalui perhubungan internet ke seluruh dunia. Perkhidmatan ini menggunakan keupayaan kapasiti antarabangsa TM pada tahap 364Gbps menerusi rangkaian kabel dasar laut yang meluas yang dijangkakan akan diperkembangkan lagi di masa hadapan.



TM menandatangani perjanjian Usahasama dengan lima syarikat pengendali menara telekomunikasi.

Domestic Transit Access

Domestic Transit Access merupakan perkhidmatan transit IP tempatan yang memberikan capaian internet domestik dengan kos yang lebih rendah kepada penyedia perkhidmatan. Ianya sesuai untuk pembekal kandungan dan juga penyedia perkhidmatan berlesen yang berhasrat untuk menyediakan kandungan tempatan untuk pelanggan mereka dengan menggunakan liputan dan kapasiti rangkaian IP TM yang meluas di Malaysia.

PERKHIDMATAN SUARA

Interconnect Minutes

Interconnect Minutes secara fizikal menghubungkan perkhidmatan talian tetap atau mudah alih milik Pembekal Rangkaian Berlesen yang lain (OLNO) ke rangkaian PSTN TM melalui Pusat Penyambungan *Interconnect* (POI). Perkhidmatan antara hubungan ini membolehkan pengguna akhir daripada rangkaian TM untuk berkomunikasi dengan pengguna daripada rangkaian OLNO. Sebagai tambahan, pengguna OLNO juga boleh berhubung dengan Perkhidmatan Bebas Tol, *Freephone* 1800 TM, 999 dan perkhidmatan bantuan operator yang lain. Pada tahun 2010, penumpuan lebih diberikan kepada kecekapan operasi menerusi perlaksanaan sistem pengebilan antara hubungan yang baru.

VoIP

Perkhidmatan VoIP Wholesale ditawarkan kepada Pembekal Perkhidmatan Aplikasi (ASP) berlesen yang mengendalikan perniagaan VoIP di Malaysia. Pembekal perkhidmatan VoIP ini boleh memanfaatkan

penggunaan rangkaian TM yang meluas untuk perhubungan, permulaan dan/atau pengakhiran panggilan yang membolehkan mereka untuk mengembangkan perniagaan VoIP mereka dengan pantas pada kos yang minimum. Bagi menghadapi persaingan sengit daripada pembekal suara pukal yang lain, dan sebagai tindakbalas kepada pengurangan kadar antara hubungan pada tahun 2010, Perniagaan Wholesale komited untuk meningkatkan trafik minit VoIPnya dengan pelbagai tawaran yang lebih menarik serta menganjurkan usahasama-strategik dengan penyedia perkhidmatan yang lain.

PERKHIDMATAN INFRA

Perkhidmatan Infra memberi peluang kepada pembekal-pembekal perkhidmatan untuk meluaskan liputan rangkaian mereka dengan memanfaatkan infrastruktur telekomunikasi Perniagaan Wholesale yang meluas di seluruh negara. Kemudahan asas yang ditawarkan termasuklah menara-menara, tanah, ruang lantai dan bumbung serta perkhidmatan tambahan seperti kawalan alam sekitar dan sistem pencegahan kebakaran. Perniagaan Wholesale telah berpeluang mempromosikan perkhidmatan infranya sebagai saluran untuk perkhidmatan-perkhidmatan data sejurus beroperasi produk-produk mudah alih dan WiMAX pada tahun 2010.

PROSPEK

Apabila Perniagaan Wholesale menandatangani perjanjian Perkhidmatan HSBB (Akses) dengan Maxis pada bulan Disember 2010, ia melambangkan satu perubahan penting dalam

bidang telekomunikasi di negara ini. Ini merupakan kali pertama sebuah syarikat telekomunikasi mudah alih melanggan perkhidmatan rangkaian HSBB TM, berdasarkan peranan penting Perniagaan Wholesale sebagai pemuja industri dan rakan kerjasama. Perkhidmatan HSBB (Akses) akan mengurangkan pertindihan rangkaian antara pembekal perkhidmatan dan pada masa yang sama, membolehkan mereka untuk menawarkan gabungan penyelesaian berdasarkan IP, aplikasi dengan penggunaan lebar jalur yang tinggi dan penyelesaian pintar kepada para pelanggan. Perniagaan Wholesale akan terus berusaha untuk mewujudkan lebih banyak usahasama dengan pembekal-pembekal perkhidmatan dalam mengotakan janjinya untuk mempromosikan akses terbuka.

Sejak Perkhidmatan HSBB (Akses) mula ditawarkan pada bulan Julai 2010, liputan perkhidmatan HSBB telah diperluaskan ke 22 ibu sawat, merangkumi rantau tengah, selatan dan utara. Sehingga November 2010, perkhidmatan tersebut telah mencakupi sejumlah 26 kawasan ibu sawat, tujuh daripadanya adalah di dalam zon industri di Johor, Pulau Pinang, Kedah dan Selangor. TM kini telahpun berjaya melebihi sasarannya untuk 700,000 premis sedia dipasang sehingga akhir 2010 dan berhasrat untuk mencapai sasaran 1.3 juta premis sedia dipasang pada akhir 2012. Perniagaan Wholesale juga telah mengadakan usahasama strategik dengan pengendali menara untuk meluaskan

rangkaiannya sedia ada dan menyediakan lebih banyak perkhidmatan data kepada Pembekal Perkhidmatan Rangkaian. Sehingga kini, ia telah memeterai perjanjian dengan lapan pengendali menara di Selangor, Johor, Kelantan, Perak, Perlis, Kedah, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang.

Memandangkan permintaan yang semakin bertambah untuk komunikasi video dan multimedia di kalangan pengguna jalur lebar, TM akan memperkenalkan Perkhidmatan HSBB (Sambungan) pada tahun 2011 untuk membolehkan hubungan tanpa gangguan di antara pengguna-pengguna daripada pembekal rangkaian yang berlainan. Perkhidmatan HSBB (Sambungan) juga menyokong perkhidmatan antara hubungan multimedia yang tinggi di samping mempromosikan gaya hidup digital di negara ini.

Sebagai tambahan, Perniagaan Wholesale kini bekerjasama dengan pembekal perkhidmatan terpilih untuk meluaskan liputan wayarlesnya di seluruh negara sebagai elemen tambah nilai yang ditawarkan menerusi liputan jalur lebar tetap sedia ada dan perkhidmatan telefon awam. Pada bulan Oktober 2010, TM telah menandatangani perjanjian dengan Pernec Corporation Berhad untuk meluaskan liputan WiFinya dan juga telah meluaskan perjanjian yang sama dengan tiga lagi pembekal perkhidmatan.

perniagaan global

Fakta Sekilas Pandang

Memiliki **9** sistem kabel dasar laut yang menyeluruh

Memiliki keupayaan lebar jalur antarabangsa **466** Gbps

Meliputi lebih daripada **200** destinasi antarabangsa dan bekerjasama dengan 105 rakan usahasama

TINJAUAN

Pada tahun 2010, TM Global (TMG) terus memperkukuhkan kedudukannya dengan memanfaatkan kelebihan infrastruktur teknologi yang terdiri daripada rangkaian sistem kabel dasar laut, *backhaul* dan *point-of-presence*. Ia mencatatkan pencapaian pertumbuhan hasil yang positif dengan mempertingkatkan kecemerlangan operasinya serta melalui pengurusan kos yang lebih cekap. Peningkatan permintaan daripada pembekal serta perusahaan antarabangsa untuk memperoleh penyelesaian yang lebih berkualiti telah mendorong Global untuk membangun dan memperluaskan tawaran produk dalam perkhidmatan suara, data, internet dan lebar jalur. Ini turut menyokong usaha TM Global untuk berubah daripada penyedia perkhidmatan telekomunikasi kepada penyedia perkhidmatan penyelesaian global yang lebih jitu.

PENGENALAN

Global berhasrat untuk menjadi peneraju pasaran serantau, dan telah meletakkan dirinya secara strategik di pasaran Asia Pasifik di mana terdapat potensi penembusan pasaran yang tinggi. Pada masa yang sama, ia juga terus menyediakan infrastruktur serta teknologi yang telah dinaiktaraf, dalam usaha mengekalkan kedudukannya di pasaran sedia ada.

Semasa *CommunicAsia 2010*, Global telah melancarkan Perkhidmatan *Global Ethernet* (GES), yang menyediakan sambungan peribadi yang selamat melalui rangkaian antarabangsa, membolehkan pelanggan untuk berhubung dengan lebih baik merentasi sempadan. Tahun lalu, Global juga telah melancarkan Jakarta Hab IP yang direka khusus untuk menampung keperluan rangkaian trafik di rantau ASEAN.

Global kini memiliki sembilan sistem kabel dasar laut iaitu AAG, APCN2, CUSCN, JUSCN, SMW3, SMW4, DMCS, SAFE dan SAT3/WASC yang menghubungkan Malaysia ke

seluruh dunia. Penaiktarafan sistem kabel APCN2 dan SMW4 baru-baru ini telah meningkatkan jumlah keseluruhan kapasiti lebar jalur antarabangsa TM kepada 466Gbps.

Untuk memperluaskan lagi rangkaian kabelnya, TM telah membuat pelaburan dalam usahasama sistem kabel antarabangsa yang baru seperti Ekspress Dasar Laut Asia (ASE), yang akan sedia untuk tawaran perkhidmatan pada suku tahun kedua 2012. Dengan kapasiti asas yang melebihi 500Gbps, sistem kabel 40G/jarak gelombang ini akan menggunakan teknologi *Dense Wavelength Division Multiplexing* (DWDM) untuk menyediakan hubungan antara Malaysia, Hong Kong dan Jepun. TM juga terlibat dalam sistem kabel antarabangsa yang menghubungkan Malaysia dan Indonesia (Sistem Kabel Batam-Dumai-Melaka), yang akan mula beroperasi sepenuhnya pada suku tahun keempat 2011. Sistem kabel ini akan menambahkan kapasiti dan ketahanan sedia ada, serta mengeratkan hubungan dan kerjasama antara dua negara ini.

PRESTASI KEWANGAN

Dalam senario pemulihan ekonomi global, TM Global telah memperlihatkan satu peningkatan dalam jumlah hasil daripada RM1,132.3 juta pada tahun 2009 kepada RM1,145.8 juta pada tahun 2010. Perkhidmatan data dan suara masing-masing telah menyumbang sebanyak 43.0% dan 54.5% kepada hasil TM Global pada tahun 2010.

Berdasarkan prestasi jualan pada tahun 2010, rantau Asia Selatan telah menyumbangkan hasil paling tinggi iaitu 33.5% daripada keseluruhan pendapatan Global. Global akan terus memberi tumpuan kepada pasaran Asia Selatan dan meningkatkan penembusan pasarannya dalam usaha untuk mengukuhkan kedudukannya. Global juga akan terus meningkatkan kehadirannya di rantau Eropah, berdasarkan pertumbuhan positif yang telah dicapai pada tahun 2010.

OPERASI PERNIAGAAN

PEJABAT JUALAN GLOBAL & PUSAT PRODUK

Global beribu pejabat di Menara TM, Kuala Lumpur, dan juga beroperasi melalui empat pejabat serantaunya di Singapura (Telekom Malaysia (S) Pte Ltd), United Kingdom (Telekom Malaysia (UK) Limited), Amerika Syarikat (Telekom Malaysia (USA) Inc) dan Hong Kong (Telekom Malaysia (Hong Kong) Limited) termasuk pejabat cawangannya di Prague dan Taiwan untuk menyokong pasaran-pasaran baru di Eropah Timur dan China.

Global juga mempunyai eksekutif-eksekutif jualan dan pemasaran bagi memberi perkhidmatan kepada pelanggan di rantau Asia Utara dan Selatan, Eropah, Oceania, Benua Amerika dan negara-negara Timur Tengah dan Afrika. Capaiannya diperluaskan lagi dengan kerjasama perniagaan dengan

syarikat-syarikat telekomunikasi di Singapura, Filipina, Brunei, Indonesia, Thailand, Myanmar, Cambodia, Laos dan Vietnam. Global telah mewujudkan nod IP global di Singapura, Hong Kong, United Kingdom, Amerika Syarikat dan beberapa negara lain.

PRODUK & PERKHIDMATAN GLOBAL


Produk dan perkhidmatan Global yang meluas diuruskan oleh pasukan Pemasaran Data Global dan Pemasaran Suara Global yang menyediakan penyelesaian yang boleh diubahsuai berdasarkan permintaan khusus. Perkhidmatan terkhusus ini turut diberikan bagi perkhidmatan selepas jualan dan teknikal. Objektif penyediaan perkhidmatan menyeluruh ini adalah untuk memberi lebih nilai kepada pelanggan dan perniagaan mereka.

Perkhidmatan Suara Perkhidmatan Suara Bilateral

TM menyediakan *local loop* dan sambungan terakhir bagi rangkaian talian tetap di Malaysia menerusi perjanjian bilateral dengan rakan niaga telekomunikasi luar negara. Hubungan antara Syarikat melalui kabel dasar laut, satelit dan gelombang mikro memastikan TM berupaya untuk menyediakan trafik perhubungan dari Malaysia dengan kualiti yang terbaik dan jelas.

Perkhidmatan Suara Wholesale

TM menyediakan perkhidmatan sambungan bagi pembekal perkhidmatan suara antarabangsa, meliputi lebih daripada 200 destinasi di seluruh dunia yang berhubung secara langsung atau tidak langsung bersama 105 rakan niaga bilateral TM. Perkhidmatan perhubungan trafik ditawarkan melalui kedua-dua platform berikut:





Penyerahan pensijilan SIRIM kepada
Pengurus Khidmat Pelanggan Global,
TM Global



i. *Voice Over Internet Protocol (VoIP)*

Berasaskan penyelesaian terus berpusat, VoIP membolehkan pembekal-pembekal perkhidmatan wujud dan mengendalikan perkhidmatan suara telefon ke telefon dan faks, selain mencipta aplikasi tambah nilai untuk membangunkan portfolio IP. Melalui perkhidmatan ini, Global menawarkan gabungan portfolio sambungan trafik nasional dan antarabangsa serta aplikasi yang dipertingkatkan.

ii. *Public Switched Telephone Network (PSTN)*

PSTN merupakan sambungan yang diyakini kerana kualiti komunikasi dan kejelasan audionya yang tiada tandingan. Dengan lebih 200 destinasi antarabangsa, sambungan kini boleh dilakukan melalui perjanjian secara langsung dan transit, menggunakan kabel dasar laut, sambungan satelit dan sambungan daratan.

Perkhidmatan Tambah Nilai Antarabangsa

Perkhidmatan Tambah Nilai (VAS) merupakan perkhidmatan bukan teras yang disediakan oleh Global untuk memberi lebih pilihan kepada pelanggan dalam memenuhi keperluan komunikasi perniagaan mereka.

i. *Penyelesaian Suara Global (GVS)*

GVS adalah platform bagi pembekal perkhidmatan di seluruh dunia untuk berhubung dengan rangkaian TM, sama ada melalui VoIP atau *Time-Division Multiplexing* (TDM). Ia telah pun dilaksanakan di pejabat-pejabat serantau Global di New York, London, Hong Kong dan Singapura. Pembekal perkhidmatan yang terletak berdekatan dengan lokasi-lokasi tersebut dapat menikmati faedah perhubungan jarak dekat pada kos yang lebih rendah.

ii. *ISDN Hubbing*

ISDN Hubbing adalah lanjutan daripada produk ISDN bilateral sedia ada yang membolehkan TM menawarkan perkhidmatan

ISDN secara transit, bukan sahaja untuk hubungan dalam Malaysia tetapi juga ke negara-negara destinasi ketiga ISDN dan destinasi-destinasi lain yang terpilih.

iii. *Perkhidmatan Talian Bebas Antarabangsa melalui VoIP*

Perkhidmatan Talian Bebas Antarabangsa (IFS) melalui VoIP membolehkan pelanggan membuat panggilan yang lebih murah menggunakan rangkaian VoIP TM yang terjamin dan efisien.

**Perkhidmatan Data
Perkhidmatan *Global Ethernet* (GES)**

i. *Talian Peribadi Virtual Ethernet (EVPL)*

EVPL menyediakan sambungan lebar jalur Ethernet *point-to-point* atau *point-to-multipoint* yang selamat dan dibangunkan menerusi rangkaian persendirian global TM berasaskan MPLS-IP. Menggunakan *Standard Ethernet Interface*, pelanggan boleh menyediakan sambungan lebar jalur yang selamat dan peribadi kepada rakan niaga/pembekal global atau Internet. Perkhidmatan ini membolehkan penawaran penyelesaian yang lebih fleksibel dan kos efektif berbanding penyelesaian WAN seperti talian persendirian, ATM atau *frame relay* – pada kelajuan yang lebih tinggi dan boleh diubah. Dengan Perkhidmatan Global Ethernet, pelanggan boleh memperolehi serta menambah jumlah lebar jalur mengikut keperluan.

ii. *Talian Peribadi Ethernet Antarabangsa (IEPL)*

IEPL adalah penyelesaian menyeluruh lebar jalur yang

menyediakan hubungan khusus dari satu lokasi ke lokasi yang lain. Ia merentasi sempadan pada kelajuan yang tinggi, melalui satu platform yang diyakini dengan kemudahan untuk dinaik taraf serta menggunakan teknologi Ethernet melalui SDH.

Perkhidmatan Lebar Jalur Antarabangsa

Perkhidmatan Lebar Jalur Antarabangsa menggunakan rangkaian darat, gentian optik dasar laut dan satelit antarabangsa TM bagi membolehkan hubungan melangkaui persisiran Malaysia. Dengan *One Stop Shopping* (OSS) dan *Full Channel Service* (FCS), ia menghubungkan Malaysia kepada rangkaian hab komunikasi utama di seluruh dunia.

i. *Litar Suwa Peribadi Antarabangsa (IPLC)*

IPLC ialah sambungan khusus dari satu lokasi ke satu lokasi lain menerusi kabel dasar laut antarabangsa, sambungan darat, atau satelit di mana kedua-dua lokasi berada di luar Malaysia.

ii. *Transit Lebar Jalur*
Transit Lebar Jalur TM adalah hubungan khusus menyeluruh yang bermula dan berakhir di negara asing tetapi transit melalui Malaysia.

iii. *Lebar Jalur Backhaul*
Lebar Jalur *Backhaul* ialah kapasiti khusus di antara stesen darat atau stesen sempadan di Malaysia di mana pelanggan mempunyai kapasitinya sendiri melalui kabel dasar laut antarabangsa atau kemudahan daratan.



iv. Antara Hubungan Lebar Jalur
Ia adalah satu hubungan di antara dua sistem kabel dasar laut yang dimiliki oleh pelanggan atau TM di stesen daratan kabel TM.

v. *Global VSAT*
Menggunakan teknologi satelit yang berasaskan *Single Channel Per Carrier* (SCPC), *Global VSAT* merujuk kepada penyediaan perkhidmatan TM menerusi *Very Small Aperture Terminal* (VSAT) yang merangkumi sewa dan pemasangan peralatan VSAT, termasuk segmen ruang udara daripada premis pelanggan di dalam Malaysia ke lokasi asing di luar Malaysia.

Perkhidmatan IP

Disediakan melalui rangkaian infrastruktur antarabangsa dengan Pusat Perkhidmatan di seluruh dunia, Kapasiti Rangkaian IP TM (AS4788) boleh menampung lebih daripada 200 Gbps di masa hadapan.

i. *IP Transit*
IP Transit TM direka untuk memenuhi keperluan pembekal perkhidmatan internet, pembekal perkhidmatan kandungan, organisasi dan syarikat perniagaan untuk mengakses internet dan boleh diubahsuai bagi memenuhi keperluan-keperluan tertentu. TM merupakan pembekal perkhidmatan kepada jumlah pelanggan yang tertinggi di Malaysia, dan diiktiraf sebagai salah satu peneraju utama di rantau ini yang membekalkan perkhidmatan tersebut. Pelanggan boleh melanggan perkhidmatan ini berdasarkan beberapa jenis pilihan akses seperti IPLC, Satelit, Metro Ethernet, MPLS dan *In Building*

Cross Connect, dengan kelajuan antara 2 Mbps hingga 10 Gbps melalui TM *Global Point of Presence* (PoP) di Asia, Amerika dan Eropah.

Perkhidmatan Global VPN

Virtual Private Network (VPN) disalurkan menerusi rangkaian yang lain, menghubungkan pejabat-pejabat jarak jauh atau individu kepada rangkaian organisasi mereka. Perkhidmatan ini digunakan secara meluas oleh syarikat perniagaan untuk mewujudkan Rangkaian Kawasan Luas (WAN) merentasi kawasan geografi yang luas, menyediakan hubungan antara kawasan dengan pejabat-pejabat cawangan. VPN juga menawarkan keupayaan yang sama sebagaimana sistem talian persendirian atau litar suwa yang hanya boleh digunakan oleh sebuah organisasi, tetapi pada kos yang lebih rendah.

i. *Global IPVPN*
Global IPVPN TM adalah penyelesaian rangkaian persendirian maya menyeluruh yang diuruskan sepenuhnya dengan ciri-ciri yang mudah, selamat dan boleh diubahsuai. Ia menawarkan empat kelas perkhidmatan yang membolehkan pelanggan untuk menggabungkan video, suara, data dan aplikasi-aplikasi perniagaan yang lain melalui satu sambungan di antara mana-mana rangkaian persendirian yang meluas. TM telah membina nod-nod sendiri di Bahrain, Mesir, Sri Lanka, Indonesia, Singapura, Hong Kong, Amerika Syarikat (Los Angeles, New York) dan Malaysia. Ia juga telah meluaskan rangkaianannya ke lebih daripada 80 negara menerusi rakan-rakan niaga global.

PROSPEK

Global mensasarkan untuk meneruskan evolusi daripada sebuah pembekal perkhidmatan telekomunikasi kepada pembekal perkhidmatan penyelesaian sehenti bertaraf global. Global telah merangka pelan strategik yang mengandungi 'Empat Teras Taktikal' dan 'Dua Asas' untuk mengekalkan pelanggan sedia ada dan menarik pelanggan-pelanggan baru dengan memberikan lebih nilai untuk perniagaan-perniagaan mereka.

Empat Teras Taktikal tersebut adalah:


1. Meningkatkan bahagian perniagaan pelanggan menerusi perkhidmatan tambah nilai yang baru, sistem-sistem kabel yang baru dan penaiktarafan sistem-sistem kabel sedia ada.
2. Mengekalkan para pelanggan yang sedia ada menerusi kualiti perkhidmatan yang lebih baik dan melangkaui jangkaan dengan meningkatkan keupayaan infrastruktur dan kecekapan khidmat sokongan, serta membangunkan pelbagai program baru.
3. Memenangi semula pelanggan menerusi tindakan proaktif dan kerjasama strategik.

4. Menjual kepada pelanggan baru dengan mengubah potensi pasaran sedia ada, meluaskan pasaran-pasaran baru dan menarik pelanggan daripada para pesaing.

Dua Asas tersebut adalah:

1. Meningkatkan nilai penawaran perkhidmatan dengan tawaran yang agresif dan pengurusan kempen yang menyeluruh.
2. Pelan Strategi Pemasaran yang agresif dengan menumpukan kepada kawasan-kawasan sasaran, dan pada masa yang sama meningkatkan keupayaan pelaksanaan dan Polisi Pengurusan Pelanggan.

Global juga terus menyertai aktiviti-aktiviti promosi untuk menyokong usaha penjualan produk dan perkhidmatannya. Global turut bekerjasama dengan penganjur-penganjur acara antarabangsa dan juga syarikat-syarikat media untuk memperluaskan pendedahan jenama TM dan meningkatkan kesedaran pasaran di peringkat global. Selain itu, Global juga menyediakan pelan inisiatif komunikasi pemasaran yang juga bertindak sebagai platform strategik untuk mengetengahkan tawaran-tawaran perkhidmatannya.





fungsi perniagaan

Fakta Sekilas Pandang

RM2.9 juta

penjimatan sewa pajak tanah

MMU ditarafkan sebagai 'Cemerlang' di **Tahap kelima**
dalam sistem penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA)

11,887,168 jumlah pelancong sehingga kini ke Menara
Kuala Lumpur

TINJAUAN

Perniagaan Sokongan terdiri daripada Unit Perniagaan Strategik (SBU) hartanah dan anak-anak syarikat bukan perniagaan teras Kumpulan. Peranan utamanya adalah meningkatkan nilai pemegang saham untuk perniagaan di bawah pengurusannya dan memastikan peningkatan kecekapan bahagian-bahagian tersebut dalam Kumpulan. Perniagaan Sokongan terus menyelaraskan portfolio-portfolio-nya selari dengan program rasionalisasi Kumpulan.

PERNIAGAAN SOKONGAN

PRESTASI KEWANGAN

Untuk tahun berakhir 2010, Perniagaan Sokongan merekodkan hasil yang lebih tinggi iaitu RM806.8 juta berbanding RM790.4 juta pada tahun 2009, sebahagian besarnya disumbangkan oleh perkhidmatan penyelenggaraan dan sewa ruang pejabat (kepada Kumpulan) oleh Operasi Hartanah dan Pengurusan Hartanah. EBITDA juga telah meningkat sebanyak 39.2% berbanding tahun 2009.

Perbelanjaan modal Perniagaan Sokongan berjumlah RM114.0 juta (2009: RM54.3 juta), di mana RM42.3 juta adalah untuk penaiktarafan bangunan dan ibu sawat menerusi Pengurusan Hartanah (PM); RM39.0 juta telah disalurkan kepada Universiti Multimedia (MMU) untuk pembangunan Fasa II Kampus Cyberjaya; dan RM30.3 juta telah diperuntukkan kepada Ibu Pejabat bagi tujuan pembelian kenderaan untuk menyokong pelaksanaan projek HSBB dan program penggantian kenderaan.

UNIVERSITI TELEKOM SDN BHD / UNIVERSITI MULTIMEDIA

Sebagai universiti swasta yang pertama di Malaysia, MMU berusaha sedaya upaya untuk menjadi institusi akademik bertaraf dunia dalam bidang-bidang terpilih iaitu kejuruteraan, teknologi maklumat, pengurusan dan teknologi multimedia. Tahun 2010 telah membawa kejayaan demi kejayaan dalam misi berterusan MMU untuk

memposisikan dirinya sebagai institusi penyelidikan antarabangsa yang utama. Pelan Pembangunan R&D MMU telah dikemaskini untuk mengambilkira perubahan-perubahan yang telah berlaku sejak kewujudannya pada tahun 2008. Dari segi penerbitan seperti yang diukur melalui pangkalan data *SciVerse Scopus* yang menghimpunkan pelbagai ringkasan dan petikan, dan juga melalui indeks petikan akademik dalam talian *ISI Web of Science*, MMU mengekalkan kedudukannya sebagai peneraju bidang tersebut, jauh mendahului institusi-institusi pengajian tinggi swasta yang lain di Malaysia.

Sepanjang tahun 2010, MMU telah melibatkan pelajar-pelajar dan institusi-institusi di Asia Pasifik, benua Afrika dan Eropah, dalam seluruh bidang tanggungjawabnya termasuklah penyelidikan, kerjasama antara institusi, pendidikan peringkat ijazah sarjana muda dan pasca ijazah, dan juga khidmat masyarakat. Fakulti-fakulti di MMU mempunyai kelebihan yang nyata berbanding yang lain dengan tersedianya sumber-sumber pengajaran terbaik di dunia bagi menawarkan program-program ijazah yang menarik, memperkayakan persekitaran pembelajaran di MMU dan

seterusnya meningkatkan nilai ijazah para siswazahnya di serata dunia.

Para siswazah lepasan MMU dikenali dengan kualiti pendidikan yang diterima oleh mereka dan universiti ini secara konsisten mencatatkan kadar pengambilan kerja yang tinggi. Pada tahun ini, MMU melahirkan sejumlah 400 orang lepasan diploma, 2,572 graduan peringkat sarjana muda, 241 siswazah peringkat sarjana dan 17 siswazah kedoktoran. Seramai 690 orang pelajar peringkat sarjana telahpun mendaftar pada tahun ini. Jumlah pelajar MMU pada tahun 2010 mencecah 20,033 orang, 15,902 daripadanya adalah pelajar tempatan dan 4,131 daripadanya adalah pelajar antarabangsa dari 58 negara.

Di bawah Jaminan Kualiti Akademiknya, MMU komited untuk memberi jaminan terhadap kelebihan program-program akademiknya. Pada tahun 2010, kursus baru iaitu Sarjana Sains Bio-Informatik telah diluluskan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), menjadikan jumlah program-program MMU yang telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi kepada 121. 110 daripadanya telah diakreditasi oleh MQA.




Canseleri di Kampus Cyberjaya MMU.

Untuk terus mengekalkan kualiti kursus-kursus yang ditawarkan, Lembaga Kualiti MMU yang dipengerusikan sendiri oleh Presiden, memantau isu-isu kualiti secara aktif. Lembaga Kualiti ini bersidang setiap suku tahun untuk membincangkan isu-isu kualiti berkenaan dengan akademik dan urusan-urusan pentadbiran. Turut menjadi peranan Lembaga Kualiti ini ialah menjalankan audit dalaman untuk program-programnya secara kerap bagi menentukan sekiranya terdapatnya mana-mana program yang perlu diperbaharui atau dikemaskini. Universiti juga sering menjalankan audit pra-akreditasi untuk program-program yang perlu diakreditasi sebagai salah satu langkah dalaman semakan kualiti. Satu siri sesi latihan pendidikan berasaskan prestasi untuk para cendekiawan MMU telah dianjurkan dan dikoordinasikan secara dalaman antara MQA dan universiti.

Pusat Pelajar di MMU Kampus Cyberjaya.



Asrama yang baru dibaikpulih di MMU Kampus Melaka.





Inisiatif jaminan kualiti MMU telah mendatangkan hasil yang ketara. MQA menempatkan MMU sebagai 'Cemerlang' dalam Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA), meletakkannya di tahap kelima, (tangga teratas) bersama-sama 17 universiti awam dan swasta yang lain. Dalam Penarafan Universiti Asia QS, MMU telah berjaya mendapat tempat ke-5 di antara semua universiti di Asia melalui *International Student Review*. Tambahan pula, Sirim QAS International Sdn Bhd telah menganugerahkan perpustakaan-perpustakaan dan juga Unit Peperiksaan dan Rekod di kedua-dua kampus di Cyberjaya dan Melaka dengan MS ISO 9001:2008 untuk Penyediaan Perkhidmatan Perpustakaan dan Pengurusan Rekod-rekod Pelajar.

Dari segi komersil, 2010 merupakan tahun yang

mencabar tetapi telah membuahkan kejayaan untuk MMU CNergy, sayap komersil MMU. Pada tahun tersebut, MMU telah menandatangani lesen akademik pertamanya untuk program MBA atas talian yang ditawarkan dengan kerjasama *International Campus of the Sharif University of Technology* di Pulau Kish, Iran. Dari segi kewangan, MMU CNergy merekodkan pertumbuhan hasil yang memberangsangkan sebanyak 11.6% berbanding tahun 2009 dengan margin EBITDA sebanyak 11.0%.

Anak syarikat MMU, Kolej Multimedia Sdn Bhd (MMC), meluaskan jangkauan akademik MMU dalam usahanya untuk menawarkan pendidikan berkualiti di tahap tertinggi untuk mereka yang berkecenderungan lebih rendah. Ditubuhkan pada tahun 1948 untuk melahirkan pakar-pakar telekomunikasi dari kalangan rakyat Malaya pada masa itu,

institusi ini terkenal di seluruh negara sebagai Pusat Latihan Telekom. Pada tahun 1995, pusat ini telah dinaiktaraf dan dianugerahkan status kolej. Sejak itu, MMC telah mengadakan 14 upacara konvokesyen yang menyaksikan seramai 4,525 pelajar telah secara rasmi menamatkan pengajian mereka. Kini, terdapat 2,295 pelajar yang mendaftar untuk lapan program diploma. Semua program akademik yang ditawarkan oleh kampus utama MMC telah diakreditasi oleh MQA.

MENARA KUALA LUMPUR SDN BHD

Menara Kuala Lumpur (MKL) yang terletak di puncak Bukit Nanas dengan ketinggian setinggi 421 meter dari aras tanah, adalah merupakan menara keenam tertinggi di dunia. Serasi dengan persekitarannya yang terdiri daripada kehijauan hutan

tropika di tengah-tengah bandar Kuala Lumpur, menara ini telah menjadi mercu tanda negara, simbol yang ternyata menampilkan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang menarik dan pada masa yang sama, sebuah negara yang maju dari segi teknologi.

Menara ini diuruskan oleh Menara Kuala Lumpur Sdn Bhd (MKLSB) yang juga bertanggungjawab menguruskan Menara Alor Setar dan Muzium Telekom. Syarikat ini merupakan ahli Persatuan Agensi Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) yang menempatkan menara dan muzium ini sebagai salah satu destinasi tarikan pelancong. MKL juga merupakan ahli *The World Federation of Great Towers* yang merangkumi 32 menara-menara termashyur di dunia dan juga *International Federation of Museums*.

Terjunan Antarabangsa KL, Malaysia.





Sejak pembukaan MKL pada tahun 1996, ia telah dilawati oleh 11,887,168 pelancong dari India, United Kingdom, Indonesia, Australia, Amerika, Eropah, Jepun dan lain-lain negara. Salah satu faktor utama yang menarik perhatian para pelawat ke menara ini adalah penganjuran gabungan aktiviti-aktiviti yang unik dan sesuai untuk semua lapisan masyarakat. Antara aktiviti yang diadakan termasuklah acara tahunan seperti *KL Tower International Forest Towerthon Challenge*, *KL Tower International Jump Malaysia*, *KL Tower Indie Fest* dan juga *Towerkidz*. Aktiviti-aktiviti seperti inilah yang telah menarik minat pelbagai peringkat usia dan latar belakang untuk memastikan kadar penyertaan yang tinggi dan publisiti untuk MKL.

Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010, MKLSB merekodkan hasil keseluruhan bernilai RM40.2 juta berbanding dengan RM73.8 juta pada tahun 2009. Berikutan itu, keuntungan selepas cukai dicatatkan pada RM11.4 juta berbanding RM28.8 juta pada tahun 2009. Penurunan hasil ini adalah ekoran daripada pembayaran sewa pajak yang lebih rendah di bawah perjanjian konsesi baru dengan Kerajaan.

MKL yang telahpun mendapat pengiktirafan ISO 9001:2000 telah dinobatkan sebagai Tarikan Pelancong Terbaik – Tarikan Buatan Manusia Inovatif 2008/2009 di majlis Anugerah Pelancongan Kebangsaan yang dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia pada 9 Januari 2010. Ia juga telah dipilih oleh Kumpulan Estee Lauder sebagai lokasi sebaris dengan menara-menara terkenal di

dunia yang lain seperti Sydney Opera House, Empire State Building (New York) dan Burj Al Dubai Hotel dalam kempen syarikat komestik terkemuka tersebut memerangi kanser. Semasa kempen kesedaran kanser payudara anjuran Estee Lauder ini berlangsung, menara ini diterangi dengan cahaya pendarflood merah jambu sebagai peringatan kepada wanita-wanita Malaysia untuk menjalankan pemeriksaan. 2010 merupakan tahun ketiga penglibatan MKL dalam usaha murni ini.

MKL mensasarkan peningkatan sebanyak 8.6% jumlah pelawat untuk tahun 2011 dengan mengiklankan dirinya sebagai destinasi Budaya, Cabaran dan Alam Semulajadi dengan pelbagai tawaran produk dan perkhidmatan yang menarik. Menara ini dijangkakan akan menarik perhatian pelancong domestik yang masih mengalami kesan kejatuhan ekonomi global dan juga kepada mereka yang ingin menerokai pengalaman percutian yang unik di dalam negara ini. Sokongan berterusan daripada Kementerian Pelancongan, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, peneraju-peneraju utama industri dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, diperkuatkan lagi dengan kerjasama daripada pengurusan dan anggota-anggota TM, diharapkan akan menyumbang kepada kejayaannya pada tahun 2011.

TELEKOM SMART SCHOOL SDN BHD

Telekom Smart School Sdn Bhd (TSS) ditubuhkan untuk membangun dan melaksanakan projek perintis

Sekolah Pintar Malaysia secara usahasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (MOE) dan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC). Sejak penyempurnaan projek ini pada Disember 2002, TSS iaitu sebuah Syarikat Berstatus MSC, telah menjalankan beberapa perniagaan utama dalam e-pembelajaran, pemasaran perkhidmatan pembangunan perisian kursus/kandungan multimedia dan aplikasi berasaskan web untuk sekolah seperti Sistem Pengurusan Sekolah dan Sistem Pengurusan Pembelajaran. Syarikat ini juga merupakan pelopor dalam penyediaan sistem penyelesaian Sekolah Pintar untuk sekolah-sekolah dan organisasi-organisasi di Malaysia.

Dalam tahun kewangan 2010, TSS telah merekodkan hasil sebanyak RM4.5 juta berbanding dengan RM3.0 juta pada tahun 2009. Untuk meluaskan lagi perkembangan perniagaannya, TSS mensasarkan penyelesaian e-pendidikannya untuk institusi-institusi pembelajaran dan pendidikan ke segmen yang lebih besar dalam pasaran tempatan.

Pada tahun 2010, TSS telah menyempurnakan projek Pembastarian Sekolah Luar Bandar (mengubah Sekolah

Luar Bandar menjadi Sekolah Pintar) yang dikelolakan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran dan MDeC. Ia juga melancarkan satu produk baru iaitu perisian alat perekapita yang bertaraf dunia. TSS merupakan pengedar tunggal produk keluaran antarabangsa, *LectureMAKER*, yang sesuai untuk membangunkan kandungan multimedia untuk e-pembelajaran yang pantas.


TMF AUTOLEASE SDN BHD

TM Autolease Sdn Bhd (TMFA) bertanggungjawab untuk menguruskan semua kenderaan Kumpulan. Peranan utamanya adalah untuk memastikan semua kenderaan selamat dipandu di jalan raya, mematuhi undang-undang Kerajaan, digunakan secara optima dan sedia untuk digunakan pada bila-bila masa bagi tujuan operasi perniagaan dan sokongan. Setakat tahun 2010, TMFA memiliki 5,350 kenderaan dari pelbagai jenis dan model, dari van utiliti dan kereta salun, sehinggalah ke kereta pacuan empat roda dan juga lori-lori. Selain daripada barisan kenderaannya, TMFA juga menguruskan tujuh pejabat peringkat zon dan 28 pusat perkhidmatannya di seluruh negara.

Majlis Perkahwinan Cina di "1 Malaysia Cultural Village" di MKL.



Anugerah LectureMAKER 2010 disempurnakan dan disaksikan oleh NP, Perniagaan Sokongan, Zam Ariffin Ismail.





Pelanggan-pelanggan utama TMFA adalah Pembangunan Rangkaian dan Operasi Rangkaian Serantau, yang keseluruhannya menyewa 3,670 kenderaan, mewakili 68.6% daripada jumlah keseluruhan. Untuk pelancaran UniFi, TMFA telah memperuntukkan 287 kenderaan untuk memastikan mobiliti anggota yang terlibat.

Sebagai sebahagian daripada Program Peningkatan Prestasi (PIP), pada tahun 2010, TMFA telah melaksanakan program penyelarasan kenderaan yang bertujuan meningkatkan produktiviti aset melalui pengurusan kenderaan secara lebih efektif dan efisien. Sebanyak 53 buah kenderaan telah dikembalikan dan digunakan semula oleh pengguna lain, manakala sebanyak 324 kenderaan telah dilupuskan memandangkan ianya tidak ekonomi atau tidak sesuai untuk kegunaan operasi. Dalam usahanya untuk meningkatkan kualiti, TMFA menganjurkan beberapa program untuk pelanggan-pelanggannya mengenai pemanduan yang berhemah, aspek keselamatan serta pengetahuan asas teknikal kenderaan. Ia mencatatkan 88.9% dalam kajiselidik Indeks Kepuasan Pelanggan (CSI) yang dijalankan pada bulan Disember 2010.

Pada tahun 2010, TMFA mencatatkan hasil sebanyak RM48.7 juta dengan kos operasi sebanyak RM33.6 juta dan keuntungan selepas cukai (PAT) sebanyak RM11.9 juta. Sejumlah besar hasil (78.0%) diperolehi daripada yuran Pakej Pengurusan dan Penyelenggaraan (MMP) bagi kenderaan-kenderaan TM.

Untuk tahun 2011, TMFA akan terus menguruskan dan mengoptimalkan kos operasinya dan pada masa yang sama, memperbaiki prestasi untuk mencapai pertumbuhan positif dalam nilai pemegang saham. TMFA berusaha untuk terus memberikan perkhidmatan yang efisien kepada Kumpulan TM.

PENGURUSAN HARTANAH

Pengurusan Hartanah (PM) berperanan sebagai pengurus dan penasihat dalaman untuk hartanah dan bangunan TM. PM menyumbang kepada matlamat perniagaan TM dengan merealisasikan nilai tanahnya yang terbiar dan menyewakan ruang pejabat kepada kedua-dua penyewa dalaman dan luaran. PM juga bertanggungjawab mengendalikan pentadbiran hartanah untuk semua aset tetap TM. Selain daripada menjana nilai daripada hartanah simpanan yang tidak digunakan, PM turut mengkaji pilihan-pilihan penjimatan kos, terutamanya dalam penggunaan utiliti dan cukai tanah.

Pada tahun 2010, PM berjaya menjual 10.3 ekar tanah di Lembah Klang dan Alor Setar, Kedah dengan harga jualan berjumlah RM47.3 juta. Menerusi rasionalisasi hartanah yang tidak digunakan ini, ia berjaya mencatatkan

penjimatan sebanyak RM2.9 juta untuk sewa pajakan yang dibayar kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (FLC) setiap tahun. PM juga telah berjaya mengurangkan premium tanahnya sebanyak RM1.2 juta dengan membuat pembayaran tepat pada masanya kepada Pejabat Tanah. Penjimatan tambahan juga diperolehi melalui pengembalian Gudang TM Jalan Tandang kepada FLC.



Sebahagian besar daripada projek-projek utama yang dikendalikan oleh PM pada tahun 2010 merupakan sambungan daripada tahun-tahun sebelumnya. Ini termasuklah pengubahsuaian auditorium Menara TM kepada ruang pejabat empat tingkat, pusat latihan dengan teater mini yang boleh memuatkan 150 orang dan pusat pameran untuk 1,500 orang pengunjung. Projek ini dijangka siap pada suku tahun kedua 2011. PM juga memaksimumkan penggunaan ruang pejabat di Menara TM dengan memperkenalkan konsep pejabat terbuka dengan harapan untuk membuka beberapa aras yang boleh disewakan.

Setakat ini, PM telah berjaya merealisasikan nilai lebih daripada 2,228.6 ekar tanah, di mana 72.5 ekar telah dijual dan yang selebihnya dimajukan bersama.

OPERASI HARTANAH

Operasi Hartanah (PO) adalah kontraktor penyelenggaraan bangunan dalaman yang telah mendapat persijilan QMS ISO 9001:2000 dan EMS ISO 14001 oleh SIRIM berdasarkan inisiatif-inisiatif kualiti dan persekitarannya. PO bertanggungjawab untuk kerja-kerja perancangan, pencegahan, pembetulan dan pemulihan kecemasan untuk bangunan-bangunan rangkaian dan bukan rangkaian TM dan memainkan peranan utama dalam memastikan semua peralatan rangkaian TM disambungkan kepada punca kuasa TNB, set janakuasa, bateri atau penerus.

Untuk tahun 2010, PO mencatatkan hasil operasi (termasuk hasil dalaman) sebanyak RM125.6 juta, di mana 2.0% daripadanya dijana daripada perkhidmatan penyelenggaraan untuk pihak luar. Dengan kos operasinya berjumlah RM119.5 juta, EBIT adalah RM6.0 juta (dengan margin EBIT sebanyak 5.0%). Pengurangan kos operasi





adalah berpunca daripada penurunan dalam penilaian semula kontrak penilaian dan elektrik untuk separuh tahun kedua tahun 2010. PO juga merekodkan penjimatan yang ketara sebanyak RM4.1 juta hasil pengoptimuman Kadar Tarif Luar Waktu Puncak (OPTR), menurunkan suhu di kabin-kabin yang terpilih dan pemasangan peralatan jimat tenaga di bangunan-bangunan terpilih.

PO juga mendapat manfaat daripada inisiatif-inisiatif khidmat pelanggannya, termasuklah pelancaran Saluran Aduan Setempat berasaskan web yang menyumbang kepada pencapaian indeks khidmat pelanggan (CSI) secara keseluruhan yang tinggi iaitu 90.57%. Ia juga telah berjaya mencatatkan pencapaian 99.9999%, 99.9996% dan 100.0% masa bekerja untuk Arus Ulangalik (AC), Arus Terus (DC) dan sistem-sistem penghawa dingin yang secara umumnya mencapai sasaran yang dikuatkuasakan oleh

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Ini selaras dengan prestasi cemerlang PO dengan pencapaian 97.0% untuk Penyelenggaraan Berjadual sepanjang tahun 2010.

Bertanggungjawab terhadap kecekapan rangkaian, pada tahun 2010, PO bekerjasama erat dengan Rangkaian untuk pelbagai inisiatif, contohnya Penukaran Bateri dan Penerus di seluruh negara, Audit Bangunan untuk 166 Lokasi Paling Kritikal dan Pelan Tindakan ERA. Hasilnya, terdapat pengurangan dalam masalah kegagalan rangkaian yang disebabkan oleh kegagalan bekalan elektrik.

Sepanjang tahun 2010, PO juga menyokong TM dalam mencapai aspirasi HSBB dengan mengubahsuai 62 tapak di Lembah Klang untuk Rangkaian Generasi Masa Depan (NGN). PO telah diamanahkan untuk memastikan infrastruktur sivil, mekanikal dan elektrik di lokasi-lokasi ini sedia untuk pemberian perkhidmatan menggunakan rangkaian terbaru ini. Secara keseluruhan, RM22.6 juta telah dibelanjakan untuk persiapan tapak ini.

PO juga telah menerima pensijilan ISO untuk pejabatnya di Sarawak. Ianya merupakan matlamat PO untuk memantau dan memastikan penyelenggaraan bangunan dilaksanakan bermula dari penggantian peralatan lama sehinggalah mendapatkan rakan niaga yang bersesuaian untuk penyumbatkuasaan bagi aktiviti-aktiviti penyelenggaraan.



PENGURUSAN KESELAMATAN

Perniagaan teras Pengurusan Keselamatan (SM) ialah untuk menyediakan perkhidmatan keselamatan yang boleh diyakini dan efektif untuk menjaga keselamatan aset dan anggota TM serta meminimumkan sebarang gangguan atau kerugian operasi perniagaan. Fungsi utamanya merangkumi penyediaan tempat kerja yang selamat, keselamatan anggota, perlindungan aset, pencegahan kerugian / jenayah, rundingcara keselamatan dan perwakilan dalam Jawatankuasa Pengurusan Krisis Kebangsaan.

Pada tahun 2010, SM mengekalkan indeks kepuasan pelanggan (CSI) pada tahap 85.0% dan pada masa yang sama, menunjukkan peningkatan dalam Indeks Ketersediaan Perkhidmatan Keselamatan (SSAI) kepada

99.0% berbanding 98.7% pada tahun 2009. Melangkah ke hadapan, penyusunan semula organisasi di peringkat negeri dijangka akan meningkatkan keupayaan untuk memantau prestasi pembekal. SM juga telah mengurangkan kadar jenayah dalam premis TM daripada 37 pada tahun 2009 kepada 24 pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, jumlah kes kecurian kabel pula meningkat dengan mendadak disebabkan oleh peningkatan harga tembaga. SM akan mendapatkan kerjasama pelbagai pihak agensi kerajaan untuk merangka inisiatif-inisiatif baru bagi menangani masalah tersebut.

Ia juga akan meneruskan usahanya untuk memastikan keselamatan perniagaan Kumpulan sentiasa terpelihara setiap masa.



Fakta Sekilas Pandang

Lebih **760,000** premis sedia dipasang (276,000 VDSL dan 482,000 GPON FTTH)

33,000 pelanggan UniFi

28,800
pelanggan dipindahkan ke platform NGN

MEMACU INOVASI MENERUSI HSBB

Teknologi Maklumat dan Teknologi Rangkaian (IT&NT) adalah sayap teknikal dan operasi rangkaian TM yang bertanggungjawab merancang, membina, menyediakan, melaksana dan menyelenggara infrastruktur telekomunikasi untuk menyokong keperluan perniagaan kini dan masa hadapan. Ia merangkumi 52.0% daripada keseluruhan warga kerja TM.

Pada tahun 2010, IT&NT melancarkan rancangan transformasi tiga tahun yang menumpukan kepada pelaksanaan infrastruktur Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB), pemindahan kepada Rangkaian Generasi Akan Datang (NGN), dan peningkatan kualiti dan prestasi rangkaian. Di bawah Program HSBB, pasukan IT&NT memainkan peranan penting dalam pelaksanaan infrastruktur akses gentian, atau dipanggil premis sedia dipasang, di empat kawasan ibusawat di mana UniFi pertama kali ditawarkan, iaitu Taman Tun Dr. Ismail, Subang Jaya, Bangsar dan Shah Alam. Seterusnya, IT&NT

membangunkan akses gentian tersebut ke kawasan-kawasan HSBB yang lain seperti yang dirancang. Menjelang akhir tahun, HSBB telah meluaskan capaiannya ke 48 kawasan ibusawat.

Tahun 2010 juga menandakan bermulanya pemindahan rangkaian daripada *Public Switched Telephone Network (PSTN)* kepada infrastruktur NGN berasaskan Protokol Internet (IP). TM kini sedang membangunkan infrastruktur rangkaian teras NGN yang baru berasaskan *IP Multimedia Subsystem (IMS)* yang mampu menyokong pelbagai aplikasi perkhidmatan multimedia dan tambah nilai yang baru dan menarik. Legasi PSTN akan diambil alih oleh rangkaian NGN, yang akan mengurangkan hirarki rangkaian dan kerumitan operasi seterusnya memberi manfaat kepada TM dari segi peningkatan jaminan perkhidmatan, penyediaan perkhidmatan pelanggan yang lebih baik dan gabungan perkhidmatan yang lebih bernilai. Tambahan pula, rangkaian NGN ini akan mengurangkan pemerolehan rangkaian, kos operasi dan penyelenggaraan.

Untuk mempertingkatkan prestasi operasi serta memberi perkhidmatan pelanggan yang cemerlang, IT&NT melancarkan projek *Towards Operational Perfection (TOP)* yang merangkumi saluran jualan, pengurusan khidmat pelanggan dan juga operasi rangkaian. Projek ini mendorong TM untuk mengkaji semula kaedah operasi organisasi dan seterusnya memperbaiki proses sedia ada untuk menjadi lebih cekap dan pantas. Tumpuan diberikan kepada sasaran prestasi secara keseluruhan dari segi penyediaan dan kualiti perkhidmatan, dan pada masa yang sama dapat meningkatkan produktiviti anggota.

TM percaya bahawa inovasi memainkan peranan utama dalam menyokong keperluan perniagaan di masa hadapan serta membantu menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan operasi syarikat. Oleh itu, TM telah menjalankan pelbagai usaha untuk mengasah bakat dalaman dan membangunkan kepakaran yang relevan dan tepat di *TM Research & Development (TM R&D)* bagi merealisasikan lebih peluang pertumbuhan di masa hadapan. TM R&D yang kini bernaung di bawah IT&NT, pada asalnya ditubuhkan bagi menumpukan kepada pembangunan dalaman. Ia telah berkembang sebagai salah sebuah pusat peneraju inovasi dan teknologi di Malaysia.

TM R&D bertempat di Pusat Inovasi TM di Cyberjaya, yang merupakan sebuah hab penyelidikan dan pembangunan serta pelaburan dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) antarabangsa di Malaysia. Ia menggunakan model 'inovasi terbuka', melibatkan diri bersama pakar-pakar di Malaysia dan juga di peringkat global dengan menjalin hubungan usahasama dengan universiti-universiti, pembekal, rakan niaga, pelanggan dan syarikat baru untuk melengkapkan inisiatif inovasi dalamannya.

PRESTASI

Sehingga 31 Disember 2010, lebih daripada 760,000 premis sedia dipasang yang melebihi sasaran asal iaitu 750,000 telah dilaksanakan berbanding dengan 150,000 premis sedia dipasang pada akhir tahun 2009. Infrastruktur ini boleh menyediakan lebih daripada 276,000 talian *Very High Bit Rate Digital Subscriber Line (VDSL)* dan 482,000 talian teknologi *Gigabit Passive Optical Network (GPON)* dengan

infrastruktur akses FTTH ke kawasan-kawasan kediaman dan industri terpilih di sekitar Lembah Klang. Kini, 33,000 pelanggan telah menikmati perkhidmatan UniFi.

TM juga telah melaksanakan penggunaan sistem baru, NOVA, untuk sokongan operasi/sokongan perniagaan (OSS/BSS) yang diintegrasikan secara menyeluruh khusus untuk HSBB. Pada akhir tahun 2010, sejumlah lima versi sistem NOVA telah dilancarkan untuk menyokong perkhidmatan tiga serangkai UniFi, pengurusan kerosakan dan penyediaan perkhidmatan Metro-E.

Sehingga 31 Disember 2010, TM telah berjaya memindahkan 28,800 pelanggan sedia ada daripada rangkaian PSTN yang lama kepada rangkaian NGN di tiga lokasi iaitu Wangsa Maju (Kuala Lumpur), Sungai Long (Selangor) dan Masjid Tanah (Melaka). Proses pemindahan ini akan diteruskan pada tahun 2011 sehinggalah rangkaian PSTN dimansuhkan sepenuhnya.

Projek TOP menumpukan kepada jaminan perkhidmatan dan memenuhi keperluan pelanggan. Dengan melaksanakan prinsip-prinsip operasi yang mantap, projek tersebut telah memperbaiki tempoh masa purata untuk pembaikpulihan (MTTR) sebanyak 50.0% dan tempoh masa purata untuk pemasangan (MTTI) perkhidmatan suara sebanyak 35.0%. Ini telah menghasilkan peningkatan 20 mata peratusan dari segi kerosakan yang diselesaikan dan bilangan pemasangan. TM juga mensasarkan untuk berada di kalangan syarikat-syarikat telekomunikasi global yang telah mencapai tahap kuartil teratas.



Untuk memenuhi keperluan Kumpulan, TM R&D terus menerokai tawaran produk-produk baru untuk mengukuhkan perniagaan-perniagaan teras TM. Portfolio produk termasuklah perkhidmatan kecemasan MERS 999, *Fibre to the School* (FTTS), Optical Circulator, WEBS 2000 dan pelbagai penyelesaian bercirikan penjimatan tenaga.

Pada tahun 2010, TM R&D memfailkan 26 paten dan mendapatkan 17 rekaan industri, 13 rekaan litar bersepadu dan 38 hak milik perisian. Sembilan perjanjian perlesenan telah disempurnakan untuk mengkomersilkan Hak Milik Harta Intelektual (IPR). Produk produk inovasi TM R&D turut menerima 21 anugerah di pelbagai acara seperti Pameran dan Teknologi Antarabangsa (ITEX 2010) dan Ekspo Inovasi Islam (i-INOVA' 10).

INISIATIF-INISIATIF STRATEGIK UTAMA

IT&NT menyediakan sokongan dan kepakaran teknikal untuk merealisasikan objektif-objektif perniagaan Kumpulan. Sepanjang tahun 2010, IT&NT telah melaksanakan beberapa inisiatif strategik dengan HSBB sebagai pemangkin transformasi kepada rangkaian berasaskan IP. Pemandahan kepada NGN akan diperluaskan lagi bagi menyediakan platform baru untuk perkhidmatan terkini dan masa hadapan.


Projek TOP telah dibangunkan untuk mengubah 12 aliran nilai merentasi perkhidmatan pelanggan dan infrastruktur rangkaian. Projek tersebut melibatkan semua anggota Operasi Rangkaian seramai

9,000 orang dengan kerjasama dan sokongan penuh daripada TMpoint dan pasukan Pengurusan Khidmat Pelanggan (CSM). Kejayaan Projek TOP sehingga kini adalah berdasarkan penyelesaian yang dijana sendiri oleh anggota-anggota TM yang berinteraksi secara terus dengan para pelanggan.

Aktiviti-aktiviti R&D digerakkan ke arah penemuan penyelesaian inovatif untuk masalah-masalah yang kompleks dan rumit untuk menyokong keperluan ICT negara. Pada tahun 2010, tumpuan aktiviti yang dijalankan oleh TM R&D adalah dalam bidang teknologi jalur lebar, kecemerlangan operasi dan aplikasi-aplikasi tambah nilai selaras dengan keperluan perniagaan Kumpulan. TM R&D menceburkan diri dalam empat teras penyelidikan yang strategik iaitu akses rangkaian, teknologi hijau, kecemerlangan operasi dan HSBB untuk memberikan sokongan dan memperkembangkan inisiatif TM untuk Berhubung, Berkommunikasi dan Berkolaborasi.

OPERASI

IT&NT bekerjasama rapat dengan segmen-segmen perniagaan (i.e. Pengguna, PKS, Perusahaan, Kerajaan, *Wholesale* dan *Global*) untuk menawarkan penyelesaian menyeluruh termasuk sistem akses, rangkaian teras dan sambungan telekomunikasi antarabangsa. Dengan melaksanakan amalan terbaik dalam pemilihan teknologi dan mengambil kira keperluan perniagaan di masa hadapan, IT&NT akan terus menyediakan penyelesaian rangkaian yang optimum untuk TM terus mengekalkan kedudukannya menerajui industri telekomunikasi tempatan.




Lebih daripada dua pertiga anggota TM R&D telah dilatihkan untuk menjalankan penyelidikan berinovasi, manakala yang lain terlibat dengan khidmat nasihat, sokongan penyelidikan dan perkhidmatan kejuruteraan. Untuk memaksimumkan potensi modal insan dan dan intelektual, TM R&D telah menganjurkan modul latihan dalaman dan luaran, menyediakan dermasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Lulusan Ijazah dan menyertai program pencetusan idea.

PROSPEK

Pertumbuhan industri telekomunikasi dijangka akan didorong oleh permintaan perkhidmatan berasaskan IP dan jalur lebar, dengan wujudnya aplikasi-aplikasi yang memerlukan lebar jalur di pasaran. Meskipun dalam keadaan ekonomi global yang agak perlahan, pertumbuhan untuk tahun hadapan dijangka akan kekal berdasarkan anggapan bahawa permintaan untuk lebar jalur akan terus meningkat selari dengan peningkatan keperluan kapasiti jalur lebar berkelajuan tinggi.

TM R&D akan terus membangunkan penyelesaian yang berdaya saing dan inovatif untuk menyokong perniagaan Kumpulan. Ia juga akan terus bekerjasama dengan universiti-universiti tempatan dan luar negara, dan memberi tumpuan kepada penyelidikan bagi memenuhi keperluan pasaran. Inisiatif lain yang di dalam proses pelaksanaan termasuklah penyelesaian syarikat-syarikat teknologi Malaysia yang boleh membangunkan produk dan aplikasi untuk pasaran tegak.



Di peringkat operasi, Projek TOP mempunyai aspirasi untuk mencetuskan anjakan paradigma di kalangan anggota TM dengan memperkasakan mereka untuk memperbaiki proses-proses sedia ada dan menerapkan budaya peningkatan yang berterusan. Di bawah projek TOP, anggota-anggota digalakkan untuk mengkaji semula kaedah pelaksanaan sedia ada mengenalpasti aspek yang berpotensi untuk diperbaiki dan mencari penyelesaian daripada peluang-peluang ini. Penyelesaian-penyelesaian ini akan diuji dengan kerap dan diperhalusi sebelum dilaksanakan secara menyeluruh dalam syarikat.


Komunikasi, Kandungan & Infrastruktur (CCI) telah dikenalpasti sebagai bidang utama di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) dalam Model Ekonomi Baru. Dengan melibatkan diri secara aktif dalam bidang ini dan memanfaatkan pelaburan sedia ada, TM boleh menyumbang dalam memacu perkhidmatan komunikasi nasional ke tahap yang lebih tinggi.

Secara keseluruhannya, IT&NT optimis terhadap masa depan sektor telekomunikasi di Malaysia, khususnya dalam perkhidmatan jalur lebar. IT&NT akan memainkan peranan penting dalam menyediakan penyelesaian teknologi yang optimum untuk memenuhi keperluan perniagaan TM di masa hadapan.




ANTARABANGSA & DOMESTIK INFRASTRUKTUR & RANGKAIAN GENTIAN OPTIK UTAMA





**LIPUTAN TM
SELURUH DUNIA**





rencana: *new media*

Fakta Sekilas Pandang

HyppTV menawarkan:

37 saluran dan

1,000 jam filem dan siri TV atas permintaan

HyppTunes mempunyai himpunan lebih daripada 200,000 lagu

New Media telah ditubuhkan pada 15 Julai 2010 dengan matlamat untuk memangkin pertumbuhan perniagaan media di TM, iaitu Televisyen Protokol Internet (IPTV), Perkhidmatan Direktori, Perkhidmatan Tambah Nilai Dalam Talian dan Hab Kandungan dan Aplikasi.

Jenama IPTV TM, *HyppTV*, merupakan tawaran TV berbayar yang unik dengan saluran-saluran premium yang menarik, Video-Atas-Permintaan dan perkhidmatan interaktif. Perkhidmatan Direktori merangkumi penyenaian iklan bercetak dan digital yang bernaung di bawah nama *Yellow Pages*. Manakala Perkhidmatan Tambah Nilai Dalam Talian pula terdiri daripada produk dalam talian yang mensasarkan generasi muda seperti *HyppTunes*, *HyppTV* dan *HyppGames*, serta e-Perdagangan dan penyelesaian gerbang pembayaran untuk memenuhi keperluan pelanggan perniagaan. Akhir sekali, Hab Kandungan dan Aplikasi merupakan platform yang baru sahaja dilancarkan yang menyediakan sistem yang menyeluruh, *My1Content*, untuk digunakan oleh pembangun kandungan dan aplikasi untuk memasarkan produk mereka menerusi pelbagai platform seperti TV, mudah alih dan Internet.



laporan pasaran saham terkini



persidangan secara langsung



pendidikan interaktif



perniagaan dalam talian



permainan dalam talian



e-membeli-belah

HyppTV, perkhidmatan TV berbayar yang terbaru di Malaysia, membawakan kandungan menerusi rangkaian Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) TM. Ia merupakan sebahagian daripada tawaran tiga serangkai yang terdiri daripada video, Internet dan telefon di bawah pakej VIP UniFi. Dengan *HyppTV*, rakyat Malaysia akhirnya dapat menikmati pengalaman menonton TV dengan kecanggihan interaktiviti yang setanding dengan negara-negara maju. Dengan adanya filem dan siri TV atas-permintaan ini, penonton tidak perlu terikat kepada jadual atau intisari rancangan, tetapi boleh memilih untuk menonton program TV kegemaran mereka mengikut kelapangan masing-masing. Kualiti videonya hebat dan tidak diganggu oleh keadaan cuaca. Apa yang lebih menarik, penonton hanya perlu membayar untuk saluran dan program-program yang diingini sahaja. Kemudahan seumpama ini memberikan penonton lebih kawalan dan pilihan pada harga yang berpatutan.

HyppTV telah dilancarkan pada 22 Mac 2010 dengan 20 saluran dan 200 jam tayangan filem dan siri TV atas-permintaan. Dengan barisan tawaran permulaan yang sederhana itu, ia telah berkembang dengan pantas dengan penambahan lebih banyak saluran premium dan kandungan video atas-permintaan. Ada di antara saluran-saluran premium ini baru diperkenalkan di Malaysia. Ini termasuklah MUTV, BBC Knowledge, BBC Lifestyle, CBeebies, Warner TV, Universal, SyFy, Screen Red, Star Chinese Channel, UTV Movies, Jaya Max, Fashion TV dan Bloomberg. Kini, *HyppTV*

menawarkan 37 saluran dengan 14 saluran percuma dan 23 saluran premium. Sementara itu, filem dan siri TV atas-permintaan yang disediakan adalah antara yang terbaru diterbitkan oleh studio-studio ternama Hollywood dan Asia, termasuklah daripada syarikat-syarikat perfilman yang terkemuka di Malaysia. Saluran-saluran interaktif seperti perkhidmatan Maklumat Penerbangan, Waktu Solat dan Berita Malaysia atas-permintaan menyerlahkan lagi keunikan perkhidmatan IPTV yang pertama di Malaysia melalui rangkaian terurus.

HAB KANDUNGAN DAN APLIKASI – PORTAL MY1CONTENT

Portal *My1Content* yang bakal dilancarkan pada awal 2011, merupakan sebuah 'Pasaran Digital' yang akan menjadi tumpuan penjual dan pembeli kandungan dan aplikasi.

Menyediakan pelbagai tawaran perkhidmatan berkaitan kandungan terurus, *My1Content* akan menyediakan platform untuk usahawan-usahawan kandungan, tidak kira sama ada yang sudah lama berkecimpung mahupun yang baru menceburkan diri untuk pengehosan yang menyeluruh dan pemasaran kandungan mereka kepada pelanggan melalui pelbagai peranti dengan pelaburan minimum. Ciri-cirinya termasuklah rakaman, penyimpanan dan pengedaran media dan kandungan ke pelbagai lokasi geografi tempatan dan serantau, pengurusan kandungan, pengurusan pangkalan data pelanggan dan gerbang pembayaran.

Portal ini dibangunkan dengan kerjasama Kerajaan sebagai sebahagian daripada usahasama awam-swasta HSBB dengan matlamat untuk

menjadi penggerak utama dalam memupuk dan mempromosi industri kandungan tempatan Malaysia. *My1Content* dijangka akan menawarkan pusat setempat untuk meneroka, melayar dan membeli permainan, muzik, filem, rancangan TV, perkhidmatan berasaskan web dan aplikasi daripada pemaju kandungan tempatan.

PERKHIDMATAN TAMBAH NILAI DALAM TALIAN

Bahagian Perkhidmatan Tambah Nilai Dalam Talian (OVAS) dalam *New Media* mensasarkan kedua-dua pelanggan runcit dan perniagaan dengan perkhidmatan dan penyelesaian seperti portal kandungan dalam talian, platform e-Perdagangan dan enjin gerbang pembayaran.

NPE New Media, Jeremy Kung dan Pengurus Besar Jualan, Pemasaran & Perkhidmatan Kandungan Emily Wee semasa pelancaran Big 'Bang' HyppTV pada 9 Oktober 2010 di The Curve, Kuala Lumpur.



NPE Media, Jeremy Kung semasa upacara menandatangani perjanjian antara TM dan 20 rakan niaga kandungan tempatan dan antarabangsa bersama pihak media massa pada 22 Mac 2010.



hiburan dalam talian



pengehosan video



e-pelancongan



penjagaan kesihatan dalam talian



e-runcit



laporan trafik terkini



hubungan komunikasi kolaborasi

fungsi perniagaan samb



Untuk perniagaan, penyelesaian e-Perdagangan OVAS telah berjaya dilaksanakan di beberapa laman web perkhidmatan seperti MybizPoint.com, Yemmz.com, e-kedai TM Rewards, Kompleks Membeli-belah Maya TMpoint, eBrowse, Bluehyppo.com dan Perkhidmatan Pengehosan Laman Web TM. Pasukan pembangun dan jurutera bahagian tersebut juga bertanggungjawab untuk memantau sebuah platform pembayaran bersepadu untuk pelbagai projek IT seperti portal intra GEMS dan unifi.my. Pada tahun 2010, OVAS telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Melaka untuk menyediakn Platform Penyerahan Bil & Pembayaran Elektronik (EBPP), yang kemudiannya dilancarkan sebagai sebahagian daripada inisiatif Melaka Maju 2010.

Untuk pelanggan runcit, OVAS memiliki dan menguruskan pelbagai portal kandungan yang disasarkan kepada segmen pengguna utama seperti remaja dan golongan profesional, pengurus, eksekutif dan ahli perniagaan (PMEB) direka untuk melengkapi pakej-pakej jalur lebar TM dalam tawaran gabungan. Portal-portal kandungan tersebut termasuklah:

- Hypptunes* – perkhidmatan muzik digital dengan himpunan lebih daripada 200,000 rakaman lagu artis antarabangsa dan tempatan;
- Hypp.TV* – pelengkap kepada HyppTV dalam versi web, menawarkan pelbagai saluran premium termasuklah MUTV, i-Concerts, Fashion TV dan Channel News Asia;
- e-Browse* – perkhidmatan penerbitan digital yang mengumpulkan kandungan daripada akhbar harian dan majalah utama di Malaysia;
- HyppGames* – portal dengan tawaran-tawaran menarik untuk permainan main-peranan dalam talian pelbagai pemain (MMORPG), permainan kasual dan *flash*;



NPE New Media, Jeremy Kung semasa pelancaran Yemmz pada 19 Mac 2010 di Plaza Mont Kiara.



laporan pasaran saham terkini



persidangan secara langsung



pendidikan interaktif





perniagaan dalam talian



permainan dalam talian



e-membeli-belah



Ketua Pegawai Eksekutif TM Info-Media, Nasaruddin Mohd Zaini menerima anugerah berprestij, Anugerah BrandLaureate di bawah kategori Jenama Media Terbaik – Direktori Digital yang telah disampaikan oleh Dato' Sri Idris Jala, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



- v) B-Smart – portal pendidikan yang menyediakan program pembelajaran dalam talian yang dipertingkatkan untuk pelajar-pelajar UPSR, PMR dan SPM; dan
- vi) Yemmz – rangkaian perdagangan sosial yang diwujudkan untuk memudahkan perdagangan produk oleh pengguna kepada pengguna menerusi rangkaian media sosial sebagai medium pemasaran dan jualan.

PERKHIDMATAN DIREKTORI – YELLOW PAGES

Bahagian Perkhidmatan Direktori daripada *New Media* telah berkembang daripada penerbitan direktori bercetak di bawah jenama *Yellow Pages* kepada peneraju pusat sumber industri. Ia bukan sahaja menawarkan buku direktori dan iklan yang memang dikenali dengan ciri-cirinya yang mudah untuk dibaca, yang ringkas dan mudah dirujuk, tetapi juga kini menyediakan e-direktori dalam bentuk digital. Tambahan pula, bahagian Perkhidmatan Direktori telah maju ke hadapan selangkah lagi dengan menceburkan diri dalam penerbitan bidang-bidang khusus seperti *Malaysia Tourist Pages*, *Halal Pages*, *Malaysia Energy Guide* dan *Malaysia Chinese Yellow Pages*.

Memandangkan lebih banyak perniagaan menumpukan perbelanjaan pengiklanan (ADEX) mereka untuk media dalam talian berbanding media tradisional, bahagian ini dengan agresifnya telah melancarkan beberapa perkhidmatan penyenggaraan dalam talian, umpamanya:

- i) *Internet Yellow Pages* – yang kini menjangkau lebih daripada 500,000 pelawat setiap bulan;
- ii) *e-Yellow Pages* – sebuah direktori elektronik yang boleh dimuat turun dan juga boleh didapati dalam bentuk CD-ROM;
- iii) *e-Halal* – direktori halal digital yang pertama di dunia; dan
- iv) *e-Holiday* – sebuah panduan berkenaan perniagaan-perniagaan utama dalam industri pelancongan tempatan.

Pada bulan Mac 2010, Perkhidmatan Direktori telah mendapat pengiktirafan menerusi penganugerahan berprestij, Anugerah *BrandLaureate* di bawah kategori Jenama Media – Direktori Digital. Edaran *Yellow Pages* kini berjumlah 1.5 juta di seluruh Malaysia.

KESIMPULAN

HyppTV kini baik berkedudukan untuk meraih momentum bagi mendapatkan lebih banyak pelanggan, kesan daripada rangkaian HSBB yang kini

semakin mendapat perhatian pasaran yang kritikal. Didorong oleh kejayaan pengendali IPTV yang lain di seluruh dunia, *New Media* akan meneruskan usaha dengan strateginya untuk menggabungkan *HyppTV* sebagai sebahagian daripada perkhidmatan tiga serangkai UniFi dan menggunakan peluang serta kesempatan daripada kerancakan pemasaran UniFi. Dari segi kandungan pula, penekanan akan terus diberikan kepada saluran-saluran TV premium yang berbeza daripada yang telah ditawarkan oleh pengendali TV berbayar sedia ada dan juga siri TV dan filem atas-permintaan yang pertama kali menembusi pasaran dan layar TV di Malaysia. Turut dalam perancangan adalah tawaran pelbagai perkhidmatan interaktif yang lebih canggih dan bakal merubah pengalaman TV pelanggan secara keseluruhan.

Dalam menyokong usaha Kerajaan untuk meningkatkan penembusan dan penggunaan Internet, TM akan terus mempromosikan kandungan tempatan, perkhidmatan dalam talian dan aplikasi-aplikasi yang relevan untuk menarik minat rakyat Malaysia. Selaras dengan usaha ini, *New Media* akan terus mara secara agresif untuk memperkembangkan koleksi tawaran kandungan dan aplikasi webnya untuk merangsang permintaan bagi Internet berkelajuan tinggi.



hiburan dalam talian



pengehosan video



e-pelancongan



penjagaan kesihatan dalam talian



e-runcit



laporan trafik terkini

EKONOMI ASIA DAN SEKTOR TELEKOMUNIKASI: TINJAUAN & PANDANGAN

Tinjauan 2010

Meskipun ekonomi global terus pulih pada tahun 2010, pertumbuhan ekonomi negara maju kekal suram dengan kadar pengangguran yang tinggi dan tekanan-tekanan baru mata wang Euro yang menyumbang kepada risiko-risiko sampingan. Kebimbangan terhadap kerugian dalam sektor perbankan dan pengkealan fiskal – dicetuskan pula oleh situasi di Ireland – telah menyebabkan sebaran yang semakin meluas di negara-negara tersebut, dan dalam kes-kes tertentu, telah menyaksikan peningkatan ke tahap tertinggi yang tidak pernah dilihat semenjak pelancaran Kesatuan Ekonomi dan Mata wang Eropah. Sebaliknya, banyak ekonomi yang baru membangun mengalami aktiviti yang pesat, tetapi kini terpaksa berhadapan dengan tekanan inflasi dan menunjukkan tanda-tanda 'overheating'.

Aktiviti global telah meningkat dengan kadar tahunan melebihi 3.5% dalam suku tahun ketiga 2010. Penurunan kadar pertumbuhan daripada kadar 5.0% pada suku tahun kedua 2010 telahpun dijangka, tetapi kadar suku ketiga tersebut adalah lebih baik daripada yang diramalkan dalam Tinjauan Ekonomi Dunia Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) pada bulan Oktober 2010. Ianya berpunca dari penggunaan yang lebih tinggi daripada jangkaan di Amerika Syarikat dan Jepun. Tindakan rangsangan juga merupakan sebahagian daripada punca hasil yang diperkukuhkan ini, terutamanya di Jepun. Secara amnya, terdapat tanda-tanda peningkatan bagi penggunaan peribadi, yang sebelum ini menjunam turun semasa krisis, telah mula meningkat dalam ekonomi-ekonomi maju yang utama. Pertumbuhan ekonomi negara membangun kekal teguh, disokong oleh permintaan individu dengan asas yang kukuh, kedudukan polisi yang membantu dan kemunculan semula aliran masuk modal.

Ia juga merupakan tahun di mana Asia menjadi pusat kepada pertumbuhan ekonomi paling pantas di dunia. Malaysia telah membuka

	TAHUN KE TAHUN (%)		
	Anggaran	Unjuran	
	2010	2011	2012
Keluaran Dalam Negara Kasar Global (KDNK)	4.7	4.5	4.4
Ekonomi Maju (US)	2.9	2.6	2.5
Ekonomi Baru & Membangun (ASEAN-5)	5.1	6.4	5.2

Rajah 1: Tinjauan Unjuran Ekonomi Dunia
Sumber: World Economic Outlook Update, IMF, Januari 2011

mata serta menarik perhatian ramai pengkritik dan penganalisis kewangan berikutan berlakunya beberapa peristiwa. Sebagai permulaan, ia merupakan satu-satunya pasaran membangun yang telah berjaya tersenarai di antara 20 negara teratas di dalam Indeks Pembangunan Kewangan 2010 Forum Ekonomi Dunia yang menyaksikan peningkatan lima kedudukan ke atas daripada tempat ke-22 ke tempat ke-17. Malaysia juga mendapat tempat ke-21 dalam Indeks Menjalankan Perniagaan Bank Dunia untuk tahun 2010, mendahului Jerman (di tempat ke-22).

Perdagangan antara pasaran membangun dengan

persekitaran kewangan yang membantu telah menyaksikan Malaysia menduduki tangga teratas bagi mendapat kredit dalam Indeks Menjalankan Perniagaan. Keterujaan juga telah dijanakan dengan pengumuman rancangan dan program-program baru oleh Kerajaan. Pada bulan Jun 2010, Rancangan Malaysia Kesepuluh (10MP) yang ditunggu-tunggu telah dibentangkan selepas pengumuman Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang mendapat tumpuan khusus pada bulan Januari. 10MP bermatlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai ekonomi yang berpendapatan tinggi dan juga berproduktiviti tinggi.

Susulan daripada 10MP, Program Transformasi Ekonomi (ETP) telah diperkenalkan pada bulan September yang merupakan rancangan dan wawasan bagi tempoh 10 tahun akan datang untuk menstruktur semula ekonomi dan menaikkan status negara menjadi negara maju menerusi pelaburan di dalam sektor-sektor terpilih. Rancangan tersebut mensasarkan pertumbuhan KDNK tahunan sebanyak enam peratus dan juga meningkatkan pendapatan per kapita kepada US\$15,000 (RM48,000) dengan mengenalpasti 12 bidang ekonomi utama yang mempunyai potensi untuk menjana pendapatan yang tinggi. ETP banyak bergantung kepada sektor swasta untuk menjayakannya, dengan sumbangan pelaburan sebanyak US\$410 bilion (RM1,312 bilion) daripada belanjawannya yang berjumlah US\$444 bilion (RM1,421 bilion).

Bank Negara Malaysia (BNM) juga telah mengumumkan untuk tahun 2010, jumlah pertumbuhan KDNK adalah pada kadar 7.2% dan telah mengalahkan Singapura untuk menjadi ekonomi yang ketiga terbesar di Asia Tenggara. Pertumbuhan ini berlaku walaupun dalam keadaan pengurangan perbelanjaan Kerajaan yang telah membantutkan pertumbuhan KDNK dalam suku tahun ketiga, dengan pertumbuhan KDNK pada kadar 5.3% berbanding dengan 8.9% pada suku tahun kedua. Perbelanjaan domestik pengguna juga meningkat pada tahun 2010 berikutan pertumbuhan ekonomi yang lebih baik.

Dari segi bidang telekomunikasi, suku tahun pertama telah menyaksikan pelancaran fasa pertama

Untuk mencapai status berpendapatan tinggi menjelang 2020, Malaysia perlu mencapai pertumbuhan 6.0% setahun untuk mencapai Pendapatan Negara Kasar per kapita sebanyak RM48,000 atau USD15,000

Pendapatan Negara Kasar per kapita

NEGARA BERPENDAPATAN TINGGI



NEGARA BERPENDAPATAN SEDERHANA

- ¹ Pada kadar harga tahun 2020, selaras dengan andaian EPU untuk inflasi = 2.8% dan kadar pertumbuhan penduduk = 1.0%
- ² Populasi penduduk 2009 = 27.9 juta, unjuran populasi penduduk 2020 = 31.6 juta (unjuran EPU)

Rajah 2: Program Transformasi Ekonomi
Sumber: ETP, Buku Rumusan, Oktober 2010

HSBB di empat kawasan, iaitu Taman Tun Dr. Ismail, Bangsar, Subang Jaya dan Shah Alam. Lebih daripada 750,000 premis sedia dipasang telah dicapai pada akhir Disember 2010. Satu lagi pencapaian penting adalah penembusan jalur lebar isi rumah yang mencatatkan 53.0% pada pertengahan bulan Oktober, melebihi sasaran untuk 2010. Ini merupakan pencapaian yang memberangsangkan memandangkan pada tahun 2008, penembusan jalur lebar isi rumah hanyalah pada tahap 22.0%.

TINJAUAN EKONOMI 2011

Setelah mengharungi cabaran yang sengit pada tahun 2010, data ekonomi terkini menjangkakan bahawa ekonomi global telah memasuki laluan pemulihan yang lebih stabil. Pengeluaran global diramalkan berkembang sebanyak 4.5% pada tahun 2011, peningkatan sebanyak 0.25% berbanding ramalan Tinjauan Ekonomi Dunia Oktober 2010. Ini membawa

kepada aktiviti yang lebih giat daripada jangkaan pada suku kedua 2010 dan juga inisiatif-inisiatif polisi baru di Amerika Syarikat yang akan memberi rangsangan untuk aktiviti pada tahun 2011. Asia bertekad untuk muncul sebagai salah satu rantau yang paling menyerlah, dan akan memainkan peranan yang semakin penting dalam membentuk landskap ekonomi global masa hadapan.

Walau bagaimanapun, risiko-risiko sampingan hasil pemulihan tersebut tetap meningkat. Perhatian khusus diberikan kepada risiko-risiko berkaitan kesilapan polisi dalam membendung inflasi dan kenaikan harga aset, peningkatan dalam sentimen perlindungan kepentingan, terjejasnya keteguhan ekonomi-ekonomi maju yang ketara dan krisis hutang negara yang semakin bertambah. Keperluan yang paling penting dalam pemulihan yang kukuh adalah tindakan menyeluruh dan pantas untuk mengatasi permasalahan negara serta masalah kewangan di kawasan

Eropah, polisi-polisi untuk menyelesaikan ketidakseimbangan fiskal dan untuk memulihkan dan mengatur semula sistem kewangan dalam ekonomi maju. Ini perlu dilengkapi dengan polisi yang memantau dan mengawal tekanan ekonomi daripada mencapai paras bahaya dan menyokong pengimbangan luaran dalam ekonomi membangun yang utama.


Tinjauan ekonomi Malaysia untuk tahun 2011 dijangkakan selaras dengan tinjauan umum untuk pasaran membangun, dengan pertumbuhan melebihi unjuran dan perhatian kepada isu inflasi. Unjuran pertumbuhan bergantung kepada perlaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) untuk memacu pelaburan swasta dengan pelaburan asing langsung (FDI) dianggarkan meningkat selari dengan pelaburan swasta domestik. Untuk jangka masa sederhana, penggabungan fiskal dan penstrukturan semula kekal menjadi cabaran, walaupun keduanya kini cuba ditangani oleh Kerajaan.

Pertumbuhan KDNK secara sederhana dijangkakan daripada 7.2% pada tahun 2010 kepada 5.2% pada tahun 2011 berikutan eksport dan pertumbuhan penggunaan yang lebih rendah. Dengan pengurangan defisit bajet sebanyak 5.4% pada tahun 2011, hanya menurun sedikit daripada 5.6% yang direkodkan pada tahun 2010, penggabungan fiskal telah dilupakan untuk tahun 2011. Ini akan memberikan sedikit sokongan untuk KDNK secara keseluruhan. Kelembapan pengeluaran pengilangan dan eksport bakal diatasi dalam suku pertama tahun 2011, manakala perbelanjaan modal yang meningkat dan harga komoditi yang stabil akan terus memberi sokongan untuk ekonomi domestik yang kukuh pada tahun 2011.

TINJAUAN TELEKOMUNIKASI 2011

Pertumbuhan positif dijangkakan dalam industri Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di Malaysia tahun ini. Firma penyelidikan IDC menyatakan bahawa perbelanjaan IT di negara ini akan berkembang 9.0% daripada US\$5.9 bilion (RM18.8 bilion) pada tahun 2010 kepada US\$6.5 bilion (RM20.8 bilion). Ini merupakan pertumbuhan yang baik berbanding jumlah perbelanjaan IT untuk Malaysia pada tahun 2010 yang hanya menunjukkan pertumbuhan sebanyak 6.0%, yang kebanyakannya didorong oleh pembelian perkakasan dan pakej perisian. Perbelanjaan dalam sektor telekomunikasi dijangka meningkat kepada US\$7.3 bilion (RM23.3 bilion) pada tahun 2011, yang merupakan peningkatan sebanyak 5.3% daripada tahun 2010. Perbelanjaan telekomunikasi yang lebih tinggi akan didorong oleh perkhidmatan data tetap, diikuti oleh data wayarles dan suara wayarles.

Pertumbuhan dalam perbelanjaan IT dijangka dipengaruhi usaha-usaha berterusan oleh Kerajaan untuk meningkatkan kadar penembusan jalur lebar, inisiatif penyumbatruan oleh organisasi-organisasi untuk mengatasi peningkatan tahap kerumitan IT, penggunaan perisian yang berterusan untuk pengurusan sumber infrastruktur pengkomputeran, mengembalikan keyakinan pelanggan, pembangunan jalur lebar wayarles serta 'cloud computing'. Organisasi-organisasi akan mula memberikan perhatian kepada pelaburan-pelaburan baru dalam infrastruktur dan perkhidmatan IT seperti pusat pangkalan data, dan pada masa yang sama, memastikan penekanan kos yang rendah serta memaksimumkan pelaburan IT sedia ada.



Rajah 3: Pelanggan Jalur Lebar di Malaysia.

INISIATIF-INISIATIF KERAJAAN

Kerajaan akan menjadi peneraju utama dalam perbelanjaan ICT pada tahun 2011. Ia telahpun menyatakan hasratnya untuk terus meningkatkan penembusan jalur lebar dengan membina lebih banyak Pusat Jalur Lebar Komuniti, meluaskan jalur lebar ke kawasan-kawasan USP dengan pengedaran komputer riba, dan meningkatkan bilangan Kampung WiFi daripada enam kepada 3,100 pada tahun 2014. Program Transformasi Ekonomi juga akan menyaksikan projek-projek utama dilaksanakan pada tahun 2011. Di bawah ETP, Malaysia beraspirasi untuk menjadi hab bertaraf dunia untuk pusat data di rantau ini. Pasaran menjangkakan pertambahan minat dalam infrastruktur pusat pangkalan data dan perkhidmatan berkaitan seperti lokasi bersama dan pengehosan web, rangkaian terurus, pemulihan bencana dan perkhidmatan penyumberluaran yang lain. Satu lagi inisiatif Kerajaan ialah pembangunan Platform Kandungan dan Penyampaian Perkhidmatan (CSDP) di bawah program PPP. Menerusi MDeC, industri kandungan tempatan boleh menggunakan CSDP untuk

mendigital dan mengedarkan kandungan mulai suku pertama tahun 2011.

JALUR LEBAR WAYARLES

Bilangan pelanggan jalur lebar wayarles telah mengatasi bilangan pelanggan jalur lebar tetap pada tahun 2010 dan pertumbuhan ini akan mendorong kepada peningkatan permintaan telefon pintar, serta menjana persaingan yang lebih sengit antara pengendali perkhidmatan wayarles. Bulan November 2010 telah menyaksikan kemunculan pesaing terbaru dalam perniagaan telekomunikasi. Dengan kemunculan pendatang baru dan juga kebangkitan semula pemain sedia ada, serta pengeluaran spektrum LTE 4G kepada sembilan pengendali (selain daripada tiga pengendali teratas pada masa ini), persekitaran yang kompetitif ini dijangkakan akan menjadi semakin sengit.

'CLOUD COMPUTING'

'Cloud Computing' juga dijangka akan menjadi tarikan tahun ini, didorong oleh gabungan faktor kematangan dari segi pembekalan dan penerimaan dari segi permintaan. Pelaburan IT

dalam kedua-dua sektor awam dan swasta bakal beralih kepada 'cloud computing' tahun ini dengan kemungkinan tinggi untuk percubaan dan beberapa perlaksanaan 'cloud computing' berasaskan transaksi di kalangan perusahaan. 'Cloud Computing' menjanjikan pengurangan kos, memberikan keanjalan dan kecekapan dalam cara-cara organisasi menggunakan sumber ITnya, memudahkan penerimaan dan perlaksanaan IT, serta membolehkan organisasi untuk menerokai dan membangunkan perkhidmatan yang inovatif dengan kos permulaan yang rendah.

KESIMPULAN

Dengan peralihan berterusan daripada pengkomputeran peribadi kepada pengkomputeran mudah alih, kepentingan jalur lebar wayarles terus meningkat. Tidak dapat dinafikan bahawa mobiliti amat penting untuk memastikan perniagaan yang berterusan bagi jangka masa panjang oleh pengendali perkhidmatan. 'Cloud Computing' bakal menjadi penggerak ICT yang ideal di Malaysia dengan membantu pengendali perkhidmatan untuk beranjak kepada set perkhidmatan perusahaan yang baru dan pada masa yang sama, mengurangkan

struktur kosnya. Meskipun penjimatan kos dan memaksimumkan pelaburan IT sedia ada adalah penting, keperluan untuk berkembang akan menyaksikan kedua-dua sektor awam dan swasta terus melabur dalam ICT. Ini akan membuka banyak peluang untuk diterokai oleh pengendali perkhidmatan. Secara keseluruhannya, 2011 menjanjikan satu lagi tahun yang menarik untuk industri ICT dan Telekomunikasi di Malaysia.

Sumber-sumber:

1. *Malaysia looks to higher ICT spend*, ZDNetAsia, Feb 2011
2. *Malaysia stock market and companies daily report*, StockMarketReview.com, Feb 2011
3. *IDC predictions for Malaysia's ICT industry*, IDC, Feb 2011
4. *Predictions for 2011 and beyond*, Frost & Sullivan, Jan 2011
5. *Market Strategy*, ECM Libra Investment Research, Jan 2011
6. *Malaysia: A year in review 2010*, Borneo Post Online, Jan 2011
7. *World Economic Outlook*, IMF, Jan 2011
8. *PEMANDU Lab*, Nov 2010
9. *Broadband Penetration Target for 2010 Exceeded*, themalaysianinsider.com, Okt 2010

- 172 Kecemerlangan
Perkhidmatan Melalui
Pengalaman Dan
Hubungan Pelanggan
Yang Lebih Bernilai
- 176 Membina Sebuah Negara
Berasaskan Pengetahuan
- 179 Menggerakkan Modal
Insan Ke Arah
Kecemerlangan
Perniagaan
- 182 Membina Keupayaan
Menerusi Pembelajaran
Dan Pembangunan
- 186 Keselamatan, Kesihatan
Dan Persekitaran
Pekerjaan (OSHE)
- 190 Tanggungjawab Korporat

inisiatif-inisiatif utama



kecemerlangan perkhidmatan melalui pengalaman dan hubungan pelanggan yang lebih bernilai

MENINGKATKAN PENGALAMAN PELANGGAN

Untuk mengekalkan kelebihan sebagai penyedia perkhidmatan, pelanggan diberikan keutamaan tertinggi di TM. Usaha-usaha berterusan dilaksanakan untuk meningkatkan pengalaman pelanggan di setiap titik sentuh merentasi pelbagai persekitaran, perkhidmatan dan saluran interaksi. Strategi kami adalah mudah – untuk memahami tabiat dan keperluan pelanggan-pelanggan kami yang pelbagai dan mencari cara-cara baru untuk menambah nilai kepada mereka. Walaupun ideanya ringkas, ianya memerlukan usaha yang lebih dalam merangka strategi organisasi, koordinasi dan kerjasama yang tinggi untuk mencapai matlamat ini. Untuk mendukung komitmen ini, TM memperuntukkan 5.0% daripada hasil kami tahun ini untuk khidmat pelanggan.

Meningkatkan Pengalaman UniFi

2010 merupakan tahun yang amat bermakna bagi TM berikutan pelancaran UniFi, iaitu inisiatif Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) yang bakal mengubah dan meningkatkan gaya hidup masa kini. HSBB membuka ruang untuk pelbagai kemungkinan, TM komited untuk memastikan bahawa perkhidmatan yang disediakan untuk pelanggan kediaman (UniFi VIP) dan pelanggan perniagaan (UniFi BIZ) disediakan sebaik mungkin dengan lancar.

Pusat UniFi TM (TMUC) bertindak sebagai teras dalam penyediaan perkhidmatan ini. Beroperasi dari beberapa lokasi di Lembah Klang, pasukan TMUC yang terdiri daripada 500 anggota berperanan sebagai pusat panggilan setempat untuk jualan dan perkhidmatan selepas jualan UniFi. Untuk perkhidmatan yang lebih

pantas dan efisien, TMUC telah mewujudkan talian-talian berasingan untuk Jualan UniFi (1-300-88-1222) dan Perkhidmatan Selepas Jualan (1-300-88-1221), meningkatkan kemahiran anggota-anggotanya, menambahbaik aliran panggilan Maklum balas Suara Interaktif (IVR) dan penambahan ciri-ciri SMS, mempertingkatkan sistem sokongannya dan mengukuhkan operasinya menerusi sistem e-TOM untuk pembangunan proses-proses Pemberian Perkhidmatan, Jaminan, Aduan dan Pengebilan. Perubahan-perubahan positif ini telah menyaksikan penurunan dalam kadar panggilan tidak berjawab daripada peratus yang tinggi iaitu 25.0% dalam suku tahun kedua 2010 kepada kurang daripada 5.0% dalam suku tahun keempat 2010, dengan pencapaian lebih daripada 91.0% panggilan dijawab dalam masa 20 saat.



Perkhidmatan pemasangan telah meningkat dengan ketara hasil pemantauan ketat ke atas pasukan pemasangan. Usaha ini telah mengurangkan kes kelewatan dan terlepas temujanji lebih daripada 15.0% pada asalnya kepada kurang daripada 7.0%, pada masa yang sama, diperbaiki purata masa pemasangan kepada lebih kurang lima jam, dengan 95.0% pemasangan dilaksana dalam tempoh 24 jam.

Dari segi perkhidmatan selepas jualan, kami berusaha untuk meningkatkan operasi, sistem dan infrastruktur untuk memastikan isu-isu teknikal yang dihadapi oleh pelanggan dapat diselesaikan dengan hanya satu panggilan. E-mel khas untuk pasukan UniFi (unifi@tm.com.my) telah berjaya menyelesaikan lebih daripada 90.0% aduan pelanggan dalam tempoh 15 hari bekerja. Selain itu, portal untuk pelanggan UniFi; myunifi, telah dilancarkan dalam suku tahun keempat 2010 yang menyediakan saluran yang mudah diakses untuk bakal pelanggan mendaftar perkhidmatan mereka dan juga memberikan kemudahan kepada pelanggan sedia ada untuk menguruskan akaun-akaun mereka sendiri.

Inisiatif penjenamaan dan transformasi yang menyeluruh dan mantap merentasi semua titik sentuh UniFi telah dilaksanakan untuk mewujudkan pengalaman pelanggan UniFi sebagai perkhidmatan premium. Usaha-usaha untuk mempertingkatkan UniFi akan sentiasa diteruskan dengan penekanan khusus kepada penyediaan perkhidmatan dan penyelesaian punca masalah.

TMpoint UniFi & Sudut UniFi

Perkhidmatan UniFi kini terdapat di 23 kawasan termasuk Shah Alam, Damansara, Taman Tun Dr Ismail, Bangsar, Wangsa Maju, Sungai Buloh, Puchong, Cyberjaya, Putrajaya dan Damansara; dan juga lima kawasan di luar Lembah Klang seperti Kulim Hi-Tech Park di Kedah, Bayan Baru di Pulau Pinang, Senai dan Permas di Johor. Pada akhir tahun 2010, perkhidmatan tersebut meliputi 48 kawasan ibusawat, menjangkau 750,000 premis; dan matlamatnya adalah untuk mencapai liputan 1.3 juta premis pada akhir tahun 2012.

Sehingga kini, lima TMpoint – di Damansara Utama, Bangsar, Shah Alam, Menara TM dan Cyberjaya – telah diubahsuai menjadi TMpoint UniFi. Selain itu, TMpoint yang bertempat di Taipan, Muzium dan Sunway Damansara dilengkapi dengan sudut UniFi. TMpoint di Petaling Jaya, Setapak dan tiga lagi kawasan akan diubahsuai dalam tahun 2011 manakala tambahan empat buah TMpoint lagi akan dilengkapi dengan sudut UniFi. Lokasi-lokasinya akan dipilih berdasarkan kawasan ibusawat yang bakal dilancarkan.

Memperluaskan Jangkauan Perkhidmatan Kami

TM menyedari bahawa liputan menerusi TMpoint adalah penting dalam memberikan kemudahan maksimum kepada pelanggan kami di seluruh negara. Setakat ini, kami mempunyai 105 TMpoint di seluruh negara dan 34 e-Kiosk di 27 TMpoint di seluruh negara yang membolehkan pelanggan membayar sendiri bil-bil mereka, sama ada



secara tunai atau melalui cek tanpa perlu beratur untuk mendapatkan perkhidmatan di kaunter.

Selain itu, *TMpoint on Wheels* (TMOW) telah dilancarkan pada April 2009 dengan 15 kenderaan untuk memberi perkhidmatan kepada pelanggan di kawasan-kawasan terpencil. Rancangan yang terbaru termasuklah untuk memperkenalkan lebih banyak TMOW di Sabah dan Sarawak.

Program Wakil Niaga TMpoint yang diilhamkan pada tahun 2008, kini dilaksanakan dengan pembukaan 27 cawangannya. Wakil-wakil niaga ini telah meningkatkan jangkauan TM terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada usahawan-usahawan tempatan dan para pelanggan TM.

Wakil Niaga TMpoint Mini (TAD) juga merupakan salah satu inisiatif untuk memperluaskan liputan dan jangkauan TM.



Perkhidmatan yang lebih Pantas untuk Pelanggan Perniagaan

Bermula Februari 2010, projek perintis untuk tempoh sebulan yang dinamakan 'Laluan Istimewa' telah dilaksanakan di TMpoint di Shah Alam dan Petaling Jaya yang menyediakan kaunter berasingan khusus untuk pelanggan PKS. Pelanggan amat berpuas hati dengan perkhidmatan segera yang diberikan, dan berikutan daripada peningkatan bilangan pelanggan yang mula menggunakan Laluan Istimewa ini, projek tersebut dipanjangkan ke 14 TMpoint yang lain pada 12 November 2010.

Laluan Istimewa @ Sudut SME disediakan di TMpoint Pandan Indah, Shah Alam, Petaling Jaya, Puchong, Taipan, Seremban, Melaka, Pelangi, Kuantan, Kota Bharu, Kuala Terengganu, Alor Setar, Jalan Burmah, Ipoh Wisma, Sadong Jaya dan Batu Lintang.

Kaunter Demonstrasi HP @ TMpoint

Di TMpoint, pelanggan boleh melihat dan mencuba sendiri pakej Streamyx Combo menggunakan peralatan demonstrasi HP. Di bawah penyeliaan jurujual daripada HP, kaunter bergerak yang dilancarkan di beberapa TMpoint terpilih dalam tahun 2009 terbukti mendapat sambutan menggalakkan, lantas mendorong TM Sales and Services Sdn Bhd dan HP untuk meluaskan promosi tersebut di lebih banyak cawangan TMpoint di Lembah Klang (TMpoint Kepong, Pandan Indah, Puchong dan Setapak). HP juga akan menempatkan jurujualnya di beberapa TMpoint lain yang mempunyai trafik pengunjung yang tinggi, dan akan bekerjasama dengan TM dalam melancarkan pakej-pakej gabungan PC Jalur Lebar pada bulan April 2011.

Meningkatkan Pengalaman Pelanggan Menerusi Sumber Manusia

Di TM, kami melabur dalam sumber manusia agar mereka dapat memberikan perkhidmatan pelanggan yang lebih baik. Penekanan khusus diberikan dalam perkembangan anggota, latihan dan pembelajaran tindakan. Sebagai peneraju jalur lebar, TM kini dalam transformasi membentuk warga kerjanya supaya mempunyai kepakaran dalam teknologi terkini.

Dalam tahun 2010, unit Pengurusan Hubungan Pelanggan (CRM) telah mewujudkan sebuah program untuk Pengamal CRM yang direka untuk membangunkan sebuah kumpulan pengguna CRM yang mempunyai

kecekapan dari segi teknikal dan perlaku untuk membantu TM mencapai Kecemerlangan dalam Operasi & Keutamaan kepada Pelanggan. Program ini akan menanamkan lebih tumpuan untuk mengutamakan pelanggan di kalangan pengguna CRM, khususnya anggota di barisan hadapan.

Untuk memberi lebih anjakan dalam pengalaman pelanggan, sebuah 'skwad berprestasi tinggi' yang terdiri daripada pengamal CRM telah ditubuhkan untuk berurusan dengan pelanggan dengan lebih pantas dan profesional. Kami percaya inisiatif ini akan membantu untuk mewujudkan hubungan akrab dengan pelanggan yang lebih dari sekadar penyampaian data dan maklumat. Pasukan akaun khas telah ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan kepada pelbagai lapisan pelanggan, dan pada masa yang sama, memenangi hati lebih ramai pelanggan.

Perkhidmatan Pusat Panggilan yang Lebih Baik

Untuk para pelanggan yang membuat panggilan masuk, sebuah program yang dinamakan WOW telah diilhamkan pada November 2009 untuk mewujudkan pengalaman yang lebih baik dengan Pusat Panggilan Teknikal 100 TM. Pasukan projek ini memfokuskan kepada tiga bidang utama: capaian mudah kepada pusat hubungan, masa penyelesaian untuk pelanggan dan pengalaman pelanggan ketika berinteraksi dengan ejen-ejen.

Untuk mengurangkan masa yang diambil untuk menjawab panggilan dan meningkatkan jumlah panggilan yang dijawab, TM telah menambah

bilangan ejen-ejenjnya. Pada bulan Januari 2010, 580 ejen telah dilantik untuk sebuah pusat panggilan yang baru bertempat di Semua House. Sehingga April 2010, seramai 1,600 ejen berkhidmat di Pusat Panggilan Teknikal sebagai barisan hadapan, melayani sehingga 740,000 panggilan setiap bulan. Hasilnya amat memberangsangkan: masa pelanggan menunggu telah menurun kepada kurang daripada 60 saat dan bilangan panggilan yang dijawab dalam masa 20 saat meningkat sebanyak 58.0%. Pada bulan Jun 2010, konsep janji panggilan semula dilaksanakan dan pada penghujung tahun 2010, berjaya mencapai kadar 100.0% panggilan semula.

WOW sememangnya telah meningkatkan pengalaman pelanggan dan ianya dibuktikan dengan peningkatan sebanyak 5.0% dalam Indeks Perkhidmatan Pelanggan (CSI) yang mengukur tahap kepuasan, dan peningkatan sebanyak 11 mata dalam Indeks TRIM untuk Pusat Panggilan Masuk Pengguna.

Di Teras Perkhidmatan Pelanggan

Sebagai asas kepada keupayaan TM dalam menyelesaikan isu-isu pelanggan merupakan sistem teknikalnya, iCARE Prime telah menjadi teras kepada Pengurusan Hubungan Pelanggan (CRM) kami. iCARE Prime merapatkan jurang di dalam proses CRM, bermula daripada penerimaan pesanan kepada pemberian dan jaminan perkhidmatan untuk produk-produk utama. Sistem yang menggunakan platform Siebel bertaraf dunia, membolehkan anggota khidmat pelanggan untuk

mendapat maklumat secara 360 darjah berkenaan profil perkhidmatan DEL dan Streamyx yang dilanggan oleh pelanggan secara menyeluruh dan status terkini tentang perkembangan pemberian perkhidmatan.

Penekanan diberikan dalam penggabungan pelbagai sistem sokongan IT seperti INFORMS dan SAMS untuk meningkatkan kecekapan operasi. Sebagai contoh, penggunaan satu platform untuk Tiket Masalah (TT) bermula dari penerimaannya dan jaminan pemberian perkhidmatan memudahkan penyaluran maklumat TT merentasi pelbagai sistem.

iCARE Prime telah berjaya menunjukkan perubahan positif untuk masa yang diambil bagi pemasangan dan penyambungan semula, terutamanya untuk pesanan kombo. Selain itu, wakil jualan kini mempunyai akses ke sebuah portal khas. Pada tahun 2010, iCARE Prime telah dilaksanakan di Melaka, Perak, Pahang dan kawasan-kawasan terpilih di Lembah Klang.

Pusat Arahan dan Kawalan

Di belakang tabir pula, sebuah Pusat Arahan dan Kawalan (C&CC) telah diwujudkan pada bulan Mei 2010 sebagai satu forum antara-fungsi yang membolehkan pemantauan aduan yang diterima pada masa nyata dan kapasiti untuk menjana dan menggabungkan pelbagai cadangan daripada Aliran Nilai yang berbeza (iaitu pakar dalam bidang masing-masing) untuk melaksanakan penyelesaian yang efektif. Dengan menjalankan pelbagai analisis, C&CC berupaya untuk mengenalpasti isu-isu dari akar umbi yang memberi

kesan kepada pengalaman pelanggan dan memajukannya kepada Aliran Nilai untuk maklumbalas mereka, dan seterusnya menggerakkan satu program peningkatan kualiti perkhidmatan yang berterusan.

Inisiatif Pengekaln Pelanggan

Pada tahun 2010, CRM telah memberikan sokongan kepada program-program jualan dan pemasaran, terutamanya untuk kumpulan Pengguna, dengan memberi bantuan untuk mengekang kehilangan pelanggan. Menggunakan model untuk menganalisa kitaran pelanggan, CRM telah berjaya mengenalpasti pelanggan-pelanggan yang mempunyai kemungkinan besar untuk menamatkan langganan mereka, dan membolehkan pasukan jualan dan promosi untuk mensasarkan pelanggan-pelanggan ini dengan tawaran yang strategik dan tepat pada masanya. Dalam menangani masalah kehilangan pelanggan, inisiatif ini juga membantu membina hubungan yang lebih erat dengan para pelanggan.

Pemasaran berdasarkan Kesetiaan

TM memberikan penghargaan kepada pelanggan-pelanggan setianya dengan memberikan lebih banyak nilai kepada mereka, tidak kiralah sama ada melalui penawaran produk dan perkhidmatan ataupun program penghargaan yang menarik. Matlamatnya adalah untuk membina hubungan jangka panjang yang kukuh dengan pelanggan-pelanggan setia. Program *TM Rewards* disasarkan kepada pengguna umum, khususnya pelanggan talian tetap kediaman TM dan Streamyx, memberikan mereka dengan diskaun eksklusif dan

keistimewaan-keistimewaan lain daripada lebih 100 rakan niaga kami. Rakan-rakan niaga ini terdiri daripada rangkaian industri pengguna yang luas, daripada makanan dan minuman, kesihatan dan kecantikan, hinggalah ke pelancongan dan rekreasi, pusat beli belah dan perkhidmatan kewangan.

Pelanggan juga berpeluang untuk menyertai peraduan-peraduan eksklusif serta menghadiri acara-acara istimewa dan mengikuti perkembangan terkini dengan melawat www.tmrewards.com.my atau mengikuti perkembangan Facebook ataupun Twitter.

Pada tahun 2010, *TM Rewards* telah melancarkan sebuah program penghargaan yang dinamakan *Call & Win* (Musim ke-2) untuk pelanggan talian tetap kediaman TM bermula dari bulan Jun hingga September. Pelanggan yang meningkatkan masa berbual mereka kepada sekurang-kurangnya RM10 sebulan berbanding bulan sebelumnya berpeluang untuk memenangi hadiah-hadiah yang menarik, termasuklah sebuah Mercedes-Benz E200.



hubungan
komunikasi
kolaborasi

membina sebuah negara berasaskan pengetahuan

Fakta Sekilas Pandang

26,070

Graduan MMU sehingga kini

4,131

Pelajar-pelajar antarabangsa
dari 58 negara

4,525

Graduan MMC

Sejak mula beroperasi sebagai Jabatan Telekom Malaysia, TM telah meletakkan dirinya untuk mendidik rakyat Malaysia untuk melahirkan bakat-bakat tempatan untuk mengembangkan dan mengekalkan industri ini secara berterusan. Sayap latihannya dari tahun 1940-an kini dikenali sebagai Kolej Multimedia (MMC), yang kini berada di bawah bidang kuasa sebuah institusi pendidikan yang lebih besar milik Kumpulan: Universiti Multimedia. Sebagai tambahan

kepada kedua-dua organisasi ini, TM juga mempunyai Telekom Smart School Sdn Bhd, yang memfokuskan kepada penyampaian teknologi maklumat dan komunikasi kepada anak-anak muda Malaysia.

UNIVERSITI MULTIMEDIA

Universiti Multimedia (MMU) adalah jenama yang diwujudkan melalui Universiti Telekom Sdn Bhd (UTSB) yang merupakan anak syarikat milik penuh TM untuk mendidik pemimpin negara generasi masa depan dan warga kerja berpengetahuan. Sebagai universiti swasta pertama di

Malaysia, MMU telah berjaya merintis sebuah model perniagaan yang menjadi landasan kepada penubuhan institusi-institusi pendidikan yang lain dengan kehadirannya. Perkembangan bilangan universiti swasta yang wujud di negara ini kini menjadi bukti peranan penting yang telah dimainkan oleh MMU dalam pembangunan sektor pendidikan negara.

MMU sendiri telah berkembang dengan pesat sejak awal penubuhannya 14 tahun yang lalu. Ia telah melahirkan 26,070 graduan, dan kini mempunyai 10,202 mahasiswa di kampus Melaka dan 9,346 pelajar di kampus Cyberjaya. Daripada populasi pelajar ini, 4,131 daripadanya merupakan pelajar luar negara dari 58 negara.



Tidak dapat disangkal lagi bahawa MMU telahpun berjaya dalam misinya untuk membekalkan Malaysia dengan warga kerja berpengetahuan. Ia juga dikatakan mirip Universiti Stanford yang memenuhi keperluan Lembah Silikon di Amerika Syarikat. Seperti Stanford, MMU mempunyai kaitan dengan Lembah Silikon Malaysia iaitu Cyberjaya. Kebanyakan syarikat-syarikat berteknologi tinggi di sini sama ada syarikat tempatan mahupun antarabangsa mengambil lulusan-lulusan MMU untuk berkhidmat. Beberapa buah syarikat seperti ini mengadakan program di kampus-kampus MMU untuk menjalankan proses pengambilan anggota yang terdiri daripada pelajar tahun akhir. Lulusan universiti ini mendapat permintaan tinggi dan lebih daripada 90.0% daripada mereka berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas menamatkan pengajian. Senario ini telah menjadi trend yang berterusan untuk beberapa tahun.

Dengan reputasinya sebagai salah sebuah universiti terulung di negara ini, MMU kini dalam keadaan yang baik untuk menyokong Kerajaan dalam mencapai wawasannya melalui Program Transformasi Ekonomi yang dibentangkan pada tahun 2010 dan menggariskan 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). MMU kini selaras untuk menyediakan warga kerja berpengetahuan untuk sekurang-kurangnya lapan NKEA: Tenaga, Kewangan, Perkhidmatan, Khidmat Perniagaan, Elektronik dan

Elektrik, Wholesale dan Retail, Pendidikan, Penjagaan Kesihatan dan Kandungan & Infrastruktur Komunikasi.

Universiti ini telah terlibat dalam pembangunan teknologi negara. MMU menggalakkan pelajar-pelajarnya yang membuat penyelidikan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti R&D dan mengadakan usahasama dengan pihak ketiga secara positif. Ideanya ialah untuk membangunkan produk yang inovatif dengan potensi komersil. Untuk melangkah lebih jauh dalam usaha mencapai matlamat ini, universiti ini telah menambah satu lagi cabangnya khusus untuk usaha pengkomersilan iaitu MMU CEnergy.

MMU juga memastikan para pelajarnya membiasakan diri dengan suasana dunia korporat. Semua pelajar dikehendaki mengambil mata pelajaran keusahawanan dan dicabar untuk mengaplikasikan pengetahuan mereka di mana sahaja. Umpamanya, pelajar-pelajar MMU kerap menyertai Pertandingan Pelan Perniagaan MSC Malaysia – IHL dan lazimnya menghasilkan keputusan yang mengagumkan. Pada pusingan 2009/2010, pasukan universiti telah berjaya mendapat tempat kedua dalam kategori Pelan Perniagaan.

Kolej Multimedia (MMC) merupakan anak syarikat MMU. Walaupun baru sahaja ditubuhkan secara rasminya pada 8 Mei 2009, MMC telahpun melatih anggota-anggota Jabatan Telekom sejak tahun 1948. Kini ia menawarkan lapan program diploma yang telah

Plaza Siswa di Kampus MMU, Melaka.



diakreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia dalam bidang:

- Teknologi (Kejuruteraan Telekomunikasi)
- Komunikasi Mudah Alih dan Wayarles
- Media Baru Kreatif
- Teknologi Multimedia
- Multimedia (Pengkomputeran Perniagaan)
- Pemasaran dengan Multimedia
- Pengurusan dengan Multimedia
- Perakaunan dengan Multimedia

MMC mempunyai 2,295 pelajar di lima buah kampus di Kuala Lumpur, Taiping, Marang, Kota Kinabalu dan Kuching. Kolej ini telah menganugerahkan diploma sejak tahun 1997 dan telah melahirkan sejumlah 4,525 graduan setakat ini. Pada 3 Ogos 2010, MMC telahpun mengadakan majlis konvokesyennya yang ke-14 di mana 588 graduan telah menerima sijil-sijil mereka.

Sebagai tambahan kepada tawaran program Diplamanya, MMC juga bertanggungjawab untuk menganjurkan Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP). Dipantau oleh

Kementerian Luar Negeri, MTCP bermatlamat untuk menyediakan latihan telekomunikasi dan pengetahuan ICT kepada 140 negara-negara ahli. Daripada 14 Jun hingga 9 Julai 2010, MMC telah menjadi tuan rumah kepada 20 peserta daripada Brunei, Myanmar, Laos, Cambodia, Vietnam, Thailand, Sri Lanka, Seychelles, Pakistan, Uzbekistan, Nigeria dan Maldives yang telah datang ke Malaysia untuk menghadiri kursus MTCP tentang Forensik dan Keselamatan Komputer.

TELEKOM SMART SCHOOL SDN BHD

Telekom Smart School Sdn Bhd (TSS) telah sekian lama diiktiraf sebagai salah sebuah pembekal e-pembelajaran yang terulung untuk sektor pendidikan di negara ini. Pada tahun 2010, TSS terus terlibat dengan perkhidmatan pembangunan kandungan multimedia dan memberi sokongan untuk inisiatif Pembestarian Sekolah-Sekolah oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. TSS juga telah menyempurnakan pelaksanaan projek Pembestarian Sekolah Luar Bandar yang telah dijalankan

Pintu Utama di kampus MMU, Melaka.



Masjid di kampus MMU, Melaka.



bersama Kementerian Pelajaran dan Multimedia Development Corporation (MDeC). TSS telah dilantik oleh MDeC untuk memainkan peranan sebagai Pejabat Pengurusan Projek (PMO) untuk projek yang telah berjaya menaikkan tahap prestasi sekolah-sekolah di luar bandar untuk mencapai tahap minimum untuk Standard Kelayakan Sekolah Bestari (SSQS).

Pengalaman yang telah diraih telah membantu TSS untuk menawarkan dan memasarkan set Penyelesaian dan Perkhidmatan Sekolah Bestari yang lengkap untuk jabatan-jabatan pelajaran, sama ada di peringkat tempatan mahupun serantau.

Juga di tahap sekolah, TSS terus mengadakan dan menganjurkan bengkel-bengkel pendidikan untuk pelajar-pelajar di musim cuti sekolah. Ianya direka untuk memotivasikan pelajar dan mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik yang juga akan membentuk sahsiah dan membangunkan sifat kepimpinan di kalangan peserta.

Mensasarkan kepada pelajar-

pelajar di tahap yang lebih tinggi, TSS pada tahun 2010 telah melancarkan sebuah perisian alat pengarang bahan kursus, *LectureMAKER* di pasaran. *LectureMAKER* telah membuka peluang di universiti-universiti dan kolej-kolej untuk TSS sebagai alat pengarang kandungan yang diperlukan dalam sektor akademik. Sebagai pengedar tunggal *LectureMAKER* di Malaysia, TSS menjangkakan bahawa produk ini akan menjadi penyumbang utama hasil pada syarikat untuk tahun-tahun akan datang.

Untuk memperkukuhkan lagi perkhidmatan TSS dalam pasaran pendidikan dalam talian, TSS telah mengorak langkah untuk pembangunan portal aplikasi e-pembelajaran melalui platform media sosial yang menghubungkan ibu bapa, anak-anak dan guru-guru menggunakan blog, forum, nota-nota, tips dan bank soalan. Produk tersebut yang dinamakan *UniCliq* bakal diperkenalkan di pasaran pada tahun 2011.

Dalam sektor Kerajaan, TSS telah dianugerahkan kontrak oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk mendigitalkan dan membolehkan surah-surah Al-Quran, Doa dan Hadis dibaca melalui web, dan juga membangunkan model e-pembelajaran untuk Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA). TSS juga telah membantu dalam pembangunan beberapa modul e-pembelajaran untuk Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dan MDeC.

Dalam Kumpulan TM, TSS masih diberi kepercayaan untuk membangunkan kandungan pembelajaran multimedia sekiranya diperlukan. Kesedaran tentang manfaat e-pembelajaran dari segi penjimatan kos dan masa yang diperlukan untuk perlaksanaan pembelajaran dan pengetahuan kepada anggota-anggota dan juga rangkaian pengedarnya telah melahirkan minat yang lebih tinggi di TM untuk memperluaskan kaedah penyampaian latihan seumpamanya.

Untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju e-pembelajaran di pasaran, TSS juga terlibat

dalam mempromosikan produk dan perkhidmatannya menerusi pameran-pameran dan seminar-seminar tempatan. TSS telah menyertai Festival Hari Guru Peringkat Kebangsaan di Kuantan, Persidangan Menteri-menteri Pengajian Tinggi dalam Penyelidikan Saintifik Islam ke-5 (ICMHESR) untuk negara-negara OIC di KL Convention Centre, Festival Inovatif MSC Malaysia 2010 di Bukit Jalil, dan lain-lain lagi.

Sebagai sebahagian daripada agenda Tanggungjawab Sosial Korporatnya (CSR), TSS terus membekalkan perisian BestariEd untuk lebih banyak sekolah di negara ini. Pada tahun 2010, ia membekalkan sebuah set perisian lengkap untuk Sekolah Kebangsaan Seri Bandan di Ayer Hitam, Johor dan juga kepada *My-Tuition Centre* di Kampung Kerinchi yang bertempat di Lembah Pantai, Kuala Lumpur. TSS juga telah membantu untuk menaja penambahbaikan dan program keceriaan makmal komputer di Sekolah Rendah Agama Taman Ibu Kota, Setapak dan Sekolah Rendah Agama Kg Pasir Baru, Kuala Lumpur.

menggerakkan modal insan ke arah kecemerlangan perniagaan



Fakta Sekilas Pandang

RM860,000

Jumlah pembayaran untuk Insentif Kompetitif Pasaran bagi tahun 2010

RM16.5 Juta

Jumlah bonus berdasarkan prestasi dan Anugerah Merit GCEO yang diagihkan kepada 2,084 orang anggota yang layak

8.4% atau 639

Anggota eksekutif TM di dalam Kumpulan Bakat

Kejayaan TM adalah bergantung kepada prestasi optimum dan kesejahteraan anggota-anggotanya. Sehubungan dengan itu, Syarikat telah berusaha dengan sedaya upaya dalam membangunkan dan memperkasakan tenaga kerjanya. Pembangunan Modal Insan merupakan asas dalam membina kesetiaan dan komitmen di kalangan 26,000 anggotanya di seluruh negara yang seterusnya menyumbang kepada kedudukan TM yang kukuh syarikat-syarikat telekomunikasi terkemuka di rantau ini. Untuk memberi lebih motivasi kepada anggota-anggotanya, TM mengiktiraf usaha-usaha setiap anggota dan memberi penghargaan yang sewajarnya untuk pencapaian yang membanggakan dengan insentif-insentif yang menarik. Dengan meletakkan kepentingan anggota sebagai keutamaan Syarikat, TM telah mengukir nama dan reputasi sebagai majikan pilihan.

PENCAPAIAN PERIBADI DAN PROFESIONAL

TM menyedari bahawa persekitaran kerja yang paling kondusif adalah di mana anggotanya boleh mencapai keseimbangan yang sihat diantara kerja dan kehidupan. Berikutan itu, budaya Kumpulan telah sedikit demi sedikit berubah menjadi budaya yang berasaskan daripada pematuhan kepada peraturan-peraturan dan undang-undang yang ketat. Kelenggaran ini memberikan ketenangan kepada anggota dan membantu mereka untuk meningkatkan hasil kerja. Untuk membantu warga kerja. Kami mengintegrasikan tugas mereka dan juga kehidupan peribadi dengan lebih baik, TM telah memperkenalkan tiga inisiatif baru pada tahun 2010:

- Waktu Kerja Fleksibel – yang membolehkan

anggota memilih salah satu daripada tiga pilihan waktu kerja;

- Hari Rehat Fleksibel – yang membolehkan anggota untuk memilih sama ada untuk bercuti rehat pada hari Khamis dan Jumaat atau Sabtu dan Ahad; dan
- Cuti Rehat 1TM – yang memastikan anggota-anggota mendapat cuti rehat yang secukupnya untuk kembali bekerja dengan lebih bersemangat.

Secara keseluruhannya, inisiatif-inisiatif ini telah mempertingkatkan motivasi dan prestasi, serta pada masa yang sama membolehkan anggota menguruskan cuti rehat tahunan mereka dengan lebih efektif.

KE ARAH BUDAYA BERPRESTASI TINGGI

Melalui konsep 1TM, kerjasama dan semangat berpasukan merupakan ciri-ciri penting dalam budaya berprestasi tinggi yang diamalkan di TM. TM telah mengemaskini struktur imbuhan dalam bentuk pembayaran bonus yang mengambil kira prestasi Kumpulan, pencapaian bahagian masing-masing dan juga pencapaian individu bagi menerapkan budaya berprestasi tinggi di kalangan anggota TM. Untuk mengukuhkan lagi semangat kerjasama dan setiakawan di kalangan anggota, program 'Teaming with Passion' telah dilancarkan dengan tujuan untuk memupuk semangat bersatu-padu dan keharmonian di antara anggota-anggota TM.

Anggota bukan eksekutif juga tidak ketinggalan dalam menikmati imbuhan berorientasikan prestasi ini. Pada tahun 2010, Sistem Ganjaran Berkaitan Pencapaian (PLWS) yang baru telah dilaksanakan untuk anggota bukan eksekutif di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

PELUANG KENAIKAN PANGKAT, MENINGKATKAN MORAL

Seiring dengan perubahan pesat industri telekomunikasi, TM membuka pelbagai peluang untuk perkembangan profesional anggota. Kemahiran dan kepakaran yang baru diperlukan dan TM memperuntukkan dana yang besar untuk latihan, bagi memastikan anggotanya mampu untuk memikul peranan dan tanggungjawab



yang lebih mencabar. Apabila anggota dinaikkan pangkat, mereka merasakan pencapaian peribadi dan profesional seterusnya mewujudkan kepuasan kerja yang lebih tinggi.

MENGENALPASTI KEMAHIRAN YANG BERSESUAIAN

Di TM, keupayaan dan potensi anggota dikenalpasti bukan sahaja dari segi kelayakan dan pengalaman kerja, tetapi juga dari segi kelakuan dan keperibadian seperti kebolehan untuk berkomunikasi dengan efektif dan bekerjasama baik dengan yang lain dalam mengekalkan suasana yang positif. Selaras dengan matlamat untuk mencari 230 bakat dalaman berkelas "A" yang baru pada tahun 2010, TM telah mengambil langkah untuk melaksanakan proses

penilaian yang memfokuskan kepada ciri-ciri dan kebolehan kepimpinan.

Bakat-bakat yang telah dikenalpasti akan dilatih untuk menjadi pemimpin yang berupaya untuk memacu kemajuan perniagaan TM dengan lebih jauh lagi.

Pada tahun 2010, TM telah mengenalpasti 301 individu berpotensi yang kini menjadikan jumlah kumpulan bakat TM kepada 639, iaitu 8.4% daripada populasi eksekutif Kumpulan yang menunjukkan potensi yang baik untuk menjadi pemimpin masa depan syarikat. Selain dari mengenal pasti bakat-bakat dalaman, TM juga terus mencari bakat-bakat luar dengan menyertai lapan pameran kerjaya yang berasaskan industri dan kampus.

MEMPERKEMBANGKAN BAKAT

Pada tahun 2010, TM memperkenalkan Program Trek Pantas (FTP) untuk graduan yang baru, khusus untuk mempersiapkan mereka yang memperolehi pencapaian akademik cemerlang dan menunjukkan potensi dalam kepimpinan. Eksekutif-eksekutif muda ini dikenalpasti melalui proses pemilihan yang ketat dan diberi pendedahan tentang keperluan tugas-tugas yang diberikan kepada mereka untuk mempercepatkan perkembangan kerjaya mereka.

Selain daripada FTP, Kumpulan juga telah memperkenalkan pendekatan bersepadu dalam membangunkan bakat-bakat menerusi latihan berdasarkan pengalaman dalam menjalankan tugas dan juga melalui pembelajaran di dalam kelas. Bakat-bakat memperolehi pengalaman dan


kemahiran melalui tugas-tugas kerja yang berlainan dan diberi peluang untuk menguruskan pelbagai projek. TM juga berkolaborasi dengan pihak ketiga seperti GLC yang lain dalam program pertukaran anggota dengan pelbagai pendedahan untuk tujuan pembangunan bakat-bakat.

MENYERLAHKAN POTENSI

Pembangunan bakat merupakan sebahagian daripada usaha-usaha pembangunan modal insan manakala sebahagian lagi TM memastikan bakat-bakat ini bersedia untuk menggalas tanggungjawab yang lebih besar dan diberi peluang untuk berbuat demikian. Untuk tujuan ini TM memantau kemajuan Kumpulan bakat ini dengan teliti untuk memastikan penempatan mereka ke posisi kepimpinan secara keseluruhannya berjalan dengan lancar.



Presiden NUTE, Mohd Jafar Abd Majid (dua dari kiri) dalam upacara pertukaran dokumen Perjanjian Kolektif dengan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TM, Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa (dua dari kanan), disaksikan oleh Tuan Haji Md Yunus Razally, Ketua Pengarah, Jabatan Hubungan Industri.



YB Datuk Dr Yee Moh Chai, Menteri Sumber dan Pembangunan Teknologi Maklumat Negeri Sabah (tengah) menyaksikan upacara pertukaran dokumen yang telah ditandatangani di antara Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TM (dua dari kanan) dan Haji Jamling Ghani, Presiden SUTE (dua dari kiri).



YB Dato' Joseph Salang, Gandum, Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (tengah) menyaksikan upacara pertukaran dokumen Perjanjian Kolektif yang telah ditandatangani di antara Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TM (dua dari kiri) dan Mohamad Ibrahim Hamid, Presiden UTES (dua dari kanan).

Anugerah Majikan Prihatin 2010 – Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa dan Ketua Pegawai Modal Insan TM, Mohd Khalis Abdul Rahim menerima anugerah yang disampaikan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak.



Institut Pengurusan Sumber Manusia Malaysia (MIHRM) 'HR Awards 2010' – Ketua Pegawai Modal Insan TM, Mohd Khalis Abdul Rahim dan Naib Presiden Perancangan & Pembangunan Kepimpinan Modal Insan, Dr. Zainal Abu Zarim menerima anugerah bagi pihak TM.

Mana-mana anggota yang bersedia untuk membina kerjaya ke tahap seterusnya akan diberikan peluang yang sewajarnya. Hasilnya, pada tahun 2010, TM telah berjaya mengenalpasti individu-individu yang menjadi pelapis kepada 90% daripada pemimpin dalam jawatan-jawatan utama, manakala 85% daripada jawatan kosong telah berjaya diisi oleh mereka yang telah dikenalpasti lebih awal bagi mengisi jawatan-jawatan berkenaan.

MENGALAKKAN PENGLIBATAN ANGGOTA

Dalam usaha mencipta sebuah persekitaran yang berlandaskan kepercayaan dan integriti, TM sentiasa menggalakkan hubungan yang sihat antara pihak pengurusan dan anggota. Pelbagai mekanisme telah dilaksanakan bagi menggalakkan dialog terbuka antara anggota di semua lapisan dan peringkat dalam Kumpulan. Ruang sembang dalam talian, sesi secara bersemuka, sidang video dan makalah dalaman adalah antara beberapa saluran yang diwujudkan untuk menyebarkan maklumat dan menggalakkan penglibatan

anggota di samping itu dapat mengekalkan tahap motivasi dan semangat yang tinggi.

Perhatian khusus diberikan untuk mengekalkan hubungan yang erat dengan tiga kesatuan sekerja yang mewakili anggota, iaitu Kesatuan Pekerja-pekerja Telekom Kebangsaan Semenanjung (NUTE), Kesatuan Pekerja-pekerja Telekom Sarawak (UTES) dan Kesatuan Pekerja-pekerja Telekom Sabah (SUTE). Pada tahun 2010, satu pencapaian penting telah dicatatkan apabila TM berjaya mencapai persetujuan dalam rundingannya dengan ketiga-tiga kesatuan dan menandatangani Perjanjian Bersama (CA) yang baru dengan ketiga-tiga kesatuan ini. Ini merupakan bukti komitmen Syarikat dalam menjaga kebajikan anggota bukan eksekutif dan seterusnya menggambarkan keikhlasan dan ketulusan aspirasi 1TM yang mengenalpasti kepentingan setiap individu dalam Syarikat, dan juga mencapai matlamat untuk memanfaatkan usahasama di dalam menghubungkan semua anggota di peringkat paling asas.

KECEMERLANGAN SUMBER MANUSIA

TM berbangganya mengumumkan pemilihannya sebagai pemenang Anugerah Emas untuk Kecemerlangan Sumber Manusia di Majlis Anugerah Sumber Manusia Malaysia 2010 sekaligus membuktikan bahawa hasil usaha bersepadu Syarikat dalam membangunkan sumber manusia serta menyediakan persekitaran yang selesa dan sejahtera untuk anggota-anggotanya. Anugerah berprestij yang dianjurkan oleh Institut Pengurusan Sumber Manusia Malaysia (MIHRM) sejak 1999 ini mengiktiraf komitmen berterusan oleh organisasi-organisasi di dalam usaha pembangunan bakat sumber manusia selaras dengan wawasan negara untuk melahirkan tenaga kerja bertaraf dunia. Selain itu, TM juga telah memenangi Anugerah CSR Perdana Menteri untuk kategori Amalan Tempat Kerja Terbaik bagi dua tahun berturut-turut.

MAJIKAN YANG PRIHATIN

Pengiktirafan seterusnya adalah untuk peranan sumber manusia TM yang menerima Anugerah Majikan Prihatin 2010 dalam kategori Syarikat

Besar. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Kementerian Sumber Manusia sempena Hari Pekerja 2010. Dalam program ini, panel hakim menilai syarikat-syarikat menerusi skim kebajikan pekerja, kesihatan dan keselamatan di tempat kerja, keseimbangan dalam komposisi anggotanya dan penyediaan peluang pekerjaan kepada orang kurang upaya.

Dalam menyokong agenda nasional untuk menggalakkan rakyat Malaysia yang berada di luar negara untuk kembali ke tanah air, TM telah menyertai pameran kerjaya 'My Work Life' yang diterajui oleh Khazanah Nasional Berhad pada 22 dan 23 Mei di Iskandar Malaysia, Johor. TM juga bekerjasama dengan Multimedia Development Corporation (MDEC) dalam Program Latihan Kerja 'ICONapps' dengan mengambil lepasan ijazah yang berhasrat untuk mendapatkan pendedahan dan pengalaman dalam persekitaran kerja sebenar untuk menjalani latihan di dalam bidang berkaitan teknologi maklumat dan multimedia.

membina keupayaan menerusi pembelajaran dan pembangunan

Fakta Sekilas Pandang

29,517

Bilangan peserta yang telah dilatih dalam HSBB dan program-program berkaitan Protokol Internet (IP) pada tahun 2010.
Peningkatan sebanyak 100.0% berbanding tahun 2009

70,860

Jumlah peserta yang menghadiri kursus pada tahun 2010.
Peningkatan sebanyak 29.7% berbanding tahun 2009

RM12.3 Juta

Jumlah kos latihan yang telah dituntut di bawah HRDF.
Pencapaian melebihi jangkauan sebanyak 136.6% berbanding tahun 2009

Dalam evolusi TM untuk menjadi peneraju komunikasi generasi baru, adalah amat penting bagi TM meningkatkan kemahiran anggotanya supaya setanding dengan teknologi dan persekitaran perniagaan yang baru ini. Pembelajaran dan pembangunan memainkan peranan yang besar dalam memaksimumkan potensi modal insan di TM, yang dapat menyumbang ke arah pengkalan daya saing kompetitifnya.

Di sinilah ianya bermula... sesi TWP yang pertama dengan Pengurus Besar dan Barisan Kepimpinan Kumpulan.





Sesi yang dianjurkan untuk pasukan Jualan Pengguna.



Sesi TWP untuk barisan hadapan.

TM telah memperuntukkan sumber yang besar di dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan tahap kecekapan anggota-anggotanya. Bilangan anggota yang mengikuti kursus berkaitan IP dan HSBB meningkat dua kali ganda dari 14,840 pada tahun 2009 kepada 29,517 pada tahun 2010. Secara keseluruhannya, jumlah anggota yang mengikuti kursus dalam bidang peningkatan kemahiran dan ketrampilan meningkat sebanyak 29.7% berbanding tahun sebelumnya.

MEMUPUK SEMANGAT BERPASUKAN DAN KEMAHIRAN DALAM PERLAKSANAAN

Kumpulan yang padu di mana anggota-anggotanya merasa hubungan di antara satu dengan yang lain serta matlamat-matlamat utama Syarikat adalah kunci kepada

kejayaan perniagaan. Oleh itu, pada tahun 2010, penekanan telah diberikan dalam meningkatkan semangat kekitaan dan keghairahan dalam pelaksanaan tugas. Ketika tenaga kerja dari pelbagai bidang meneruskan usaha mereka melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing, Syarikat telah memperkenalkan satu program yang bermatlamat untuk menggalakkan pemikiran 1TM. Ia dikenali sebagai 'Teaming with Passion'.

Teaming with Passion (TWP) telah diperkenalkan buat pertama kalinya pada akhir tahun 2009 untuk memupuk semangat kepimpinan yang positif di kalangan pengurusan atasan, selari dengan matlamat strategik Syarikat yang baru. Namun, memandangkan, sesi tersebut telah memberi kesan yang mendalam kepada pasukan

pengurusan atasan. Mereka merasakan bahawa segenap lapisan anggota juga perlu mendapat manfaat dari program ini untuk maju ke hadapan menuju satu arah dan semangat yang sama. Berikutan itu, 20 'Master Trainer' telah dilatih dan diiktiraf dan dalam tempoh lapan bulan, sekurang-kurangnya 12,368 anggota telah berjaya menjalani program TWP ini.

Hasilnya adalah menggalakkan, peningkatan yang ketara telah dilaporkan dalam sikap anggota malahan tahap motivasi, diperkuatkan dengan perubahan positif dalam pemikiran mereka.



Sesi TWP di peringkat negeri



PERLAKSANAAN LATIHAN YANG INOVATIF

Satu lagi perubahan besar yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2010 adalah penekanan terhadap e-pembelajaran yang amat bermanfaat dari segi keupayaannya untuk menyediakan latihan meskipun dalam keadaan jadual anggota yang padat. Dengan e-pembelajaran, kini latihan boleh dijalankan untuk anggota di mana jua pada bila-bila masa, sambil mencatatkan penjimatan yang ketara dalam kos perjalanan dan pelaksanaan berbanding sesi kelas tradisional.

E-pembelajaran di TM bermula dengan program perintis yang melibatkan 1,000 anggota, kebanyakannya daripada Operasi Rangkaian dan Pembangunan Rangkaian yang telah diberi akses kepada latihan teknikal atas talian 24 jam. Kejayaan program ini seterusnya membawa kepada 13 modul e-pembelajaran, termasuk satu modul berkenaan pengetahuan produk.

Platform e-pembelajaran ini juga telah digunapakai sebagai rujukan anggota bagi Kod Etika Perniagaan (CBE) Kumpulan. Usaha ini merupakan yang pertama seumpamanya di kalangan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) di negara ini.

TM berpuashati dengan hasil positif dari kaedah latihan yang baru ini dan bercadang untuk memperkenalkan lebih banyak pilihan modul e-pembelajaran yang merangkumi lebih banyak bidang dalam jangka masa terdekat ini.

PENILAIAN-DALAM-TUGASAN UNTUK ANGGOTA PEMASANGAN HSBB


Penilaian-Dalam-Tugasan telah dilaksanakan untuk anggota pemasangan HSBB bagi mengukur kecekapan mereka selepas latihan. Sejumlah 44 anggota pemasangan (40.0% daripada jumlah yang dilatih dalam Kumpulan 1 dari ibusawat TTDI, Bangsar, Shah Alam dan Subang) telah dinilai di lokasi pemasangan berdasarkan 15 bidang kecekapan berikut:

Pengetahuan tentang Produk	Kesopanan	Keyakinan Diri
Pengetahuan tentang Pemasangan	Empati	Ketegasan
Pengetahuan tentang Proses	Pengetahuan tentang Sistem (NOVA)	Bahasa Tubuh
Pendengar yang Baik	Kesabaran	Penguasaan Bahasa
Kemesraan	Hormat-menghormati	Penampilan Peribadi


Penilaian khusus dan borang maklum balas telah digunakan sebagai alat penilaian.

Apakah Yang Diperkatakan oleh Pelanggan?

Maklum balas yang diterima daripada pelanggan adalah positif, dengan markah purata kecekapan anggota dari keempat-empat ibusawat melebihi 4 pada skala 0-5. Para pelanggan bersetuju bahawa anggota TM telah memberikan perkhidmatan pelanggan yang baik.



Rajah seterusnya menunjukkan maklumbalas yang diterima daripada 26 pelanggan dari segi profesional dan pengetahuan anggota pemasang tersebut.



keselamatan, kesihatan dan persekitaran pekerjaan (oshe)



Fakta Sekilas Pandang

Pendekatan terhadap Kontraktor yang lebih baik

Seminar OSHE TM Kali Pertama

Program Pasport Keselamatan NIOSH-TM

131.0%

Peningkatan Penyertaan

Menara TM

EMS ISO 140001:2004

Persijilan dilanjutkan


Komitmen TM untuk mencapai kecemerlangan dalam pengurusan dan prestasi Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan (OSHE) membuahkan hasil yang memberangsangkan pada tahun 2010. Kemalangan sifar telah direkodkan di seluruh negara, berbanding satu kematian pada tahun 2009, manakala Kadar Insiden (IR) iaitu satu kecederaan untuk setiap 1,000 anggota yang merekodkan peningkatan sebanyak 54.0% daripada tahun 2009 dan yang terendah pernah dicatatkan. Ianya juga ternyata lebih baik berbanding daripada purata kebangsaan pada kadar 3.4 kecederaan bagi setiap 1,000 pekerja bagi tahun 2009.

Prestasi yang membanggakan ini hasil sumbangan daripada kewujudan rangka kerja Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran yang memfokuskan kepada


pematuhan, promosi dan pengiktirafan, keselamatan di tempat kerja, latihan dan pengurusan kontraktor.

PRESTASI KESELAMATAN

Sejumlah 28 Kemalangan yang direkodkan telah diambil kira tahun lalu, mencatatkan penurunan yang ketara sebanyak 48.0% daripada tahun 2009 dan melangkaui sasaran penurunan sebanyak 30.0% (rujuk Rajah 1). Hasil daripada pematuan yang menyeluruh terhadap peraturan-peraturan keselamatan dan kesihatan, kita juga telah merekodkan pencapaian yang amat baik dalam Kehilangan Hari Bekerja yang terendah sepanjang lima tahun (sejak 2005) dan melepasi sasaran pengurangan sebanyak 50.0% dengan merekodkan penurunan sebanyak 62.0% untuk 2010 (rujuk Rajah 2).



Rajah 1




Rajah 2


Walau bagaimanapun, telah terjadi tiga kemalangan maut di kalangan kontraktor TM dalam dua kemalangan berasingan pada tahun lalu, peningkatan daripada satu kes pada tahun 2009. Bersama-sama kontraktor kami, Unit OSHE meningkatkan usaha untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat.

Kebanyakan daripada kemalangan yang telah berlaku pada tahun lalu adalah akibat anggota terjatuh ataupun tersepit. Segelintir anggota TM diperlukan untuk bekerja di struktur tinggi, contohnya di menara-menara

telekomunikasi, tiang/bumbung dan tangga. Walaupun TM telahpun mula menggunakan tangga yang berpiawaian BS 2037:1994 dengan ciri-ciri keselamatan tambahan seperti penyokong bawah dan atas, *v-bucket* dan *step extender*, jatuh daripada tangga masih menyumbang kepada lebih 90.0% kemalangan yang berlaku. TM mengambil langkah positif dengan menganjurkan latihan sasaran untuk membantu mengurangkan jumlah kemalangan berkaitan tangga daripada 13 dalam tahun 2008 kepada hanya empat sahaja pada tahun lepas.



Seminar OSHE untuk para Kontraktor.



Latihan Tindakan Kecemasan.

AKTIVITI & PROGRAM

Pasport Keselamatan NIOSH-TM

Pasport Keselamatan NIOSH-TM adalah program kerjasama antara Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Nasional (NIOSH) dan TM, yang telah dimulakan pada tahun 2006. Pada bulan Februari 2010, modul yang telah disemak semula telah diperkenalkan dengan mengambil kira maklum balas daripada kontraktor-kontraktor. Ini diikuti dengan sesi latihan untuk bakal pelatih sebelum mereka memberi latihan modul yang telah dikemaskini bermula Mei 2010. Pada bulan April 2010, 10,330 pekerja kontraktor telah mendapatkan pasport keselamatan masing-masing. TM merupakan satu-satunya syarikat telekomunikasi di Malaysia yang menguatkuasakan program induksi OSHE khusus untuk pekerja-pekerja kontraktor.

Seminar OSHE untuk Pekerja-pekerja Kontraktor

Satu siri Seminar OSHE untuk Pekerja-pekerja Kontraktor telah dijalankan di semua enam kawasan merangkumi kawasan Selatan, Utara, Timur, Tengah, Sabah dan Sarawak bermula pada bulan April hingga Oktober 2010. Ianya

memfokuskan kepada topik Keselamatan semasa Bekerja di Jalanraya Penceramah berpengalaman daripada NIOSH, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH), Jabatan Kerja Raya (JKR), Pakar perunding OSHE dan Unit OSHE telah dijemput untuk berkongsi pendapat dan pengalaman mereka dengan para peserta. Lebih daripada 1,000 pekerja-pekerja kontraktor telah menyertai seminar-seminar ini.

Latihan Tindakan Kecemasan

Bagi memastikan semua ahli Jawatankuasa Bangunan TM sentiasa bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan kecemasan, Unit OSHE dengan kerjasama *Academy of Safety and Emergency Care ASEC* telah mengadakan latihan untuk modul-modul *Basic Occupational First Aider* (BOFA), *Basic Fire Fightings* (BFF), *Emergency Response Plan* (ERP) dan *Combined Emergency Drill* (CED). Dalam tahun 2010, sejumlah 636 Ahli Jawatankuasa Bangunan daripada Menara TM, Kuala Lumpur, MSC, Selangor, Melaka, Perak, Terengganu, Sabah dan Sarawak telah menjalani latihan ini, yang seterusnya akan dilanjutkan di negeri-negeri yang lain pada tahun 2011.



Anugerah Hari Bebas Kemalangan.



Pemantau dan latihan bekerja di ruang terkurung.

Program Pengenalpastian Bahaya, Penilaian Risiko & Kawalan Risiko (HIRARC)

Program HIRARC yang telah dimulakan pada tahun 2009 untuk Bahagian Pembangunan Rangkaian (ND), telahpun disempurnakan pada tahun 2010. Pasukan projek yang terdiri daripada OSHE-GHCM, PPM-ND, Pengurusan Fasilitas & JKH, ND tempatan dan anggota Produktiviti & Pengurusan Kualiti (PQM) telah mengenalpasti lebih daripada 100 potensi risiko dalam tahun 2009. Pada tahun 2010, pelan tindakan untuk mengawal atau mengurangkan risiko-risiko ini telah dilaksanakan. Sejumlah 10 Arahan Kerja, sembilan Senarai Semakan dan tiga Prosidur telah dihasilkan. Seterusnya, ND kini mensasarkan untuk mencapai pengiktirafan dalam Pengurusan Sistem OSH (OSH-MS).

Anugerah Bebas Kemalangan

Anugerah 100 Hari Bebas Kemalangan, 200 Hari Bebas Kemalangan dan 365 Hari Bebas Kemalangan telah diperkenalkan pada tahun 2009 bertujuan khususnya untuk mencetuskan persaingan yang sihat di antara semua operasi Negeri agar berusaha membentuk persekitaran bebas kemalangan. Peringatan berterusan dan galakan sentiasa diberikan kepada para anggota untuk melakukan tugas dengan selamat dan mengelakkan daripada berlakunya kemalangan. Pemenang untuk tahun 2010 adalah seperti berikut:

No.	Kategori Anugerah	2010	2009
1.	365 Hari Bebas Kemalangan – Anugerah Khas	Dalam proses penilaian	Kedah/Perlis
	365 Hari Bebas Kemalangan – Kepujian	Perak, Kuala Lumpur, Pahang & Terengganu	MSC & Pulau Pinang
2.	200 Hari Bebas Kemalangan Anugerah	Kedah/Perlis, Pulau Pinang, Perak, Kuala Lumpur; Pahang, Terengganu, Johor & Sabah	Kedah/Perlis, MSC, Pulau Pinang & Kelantan
3.	100 Hari Bebas Kemalangan Anugerah	Kedah/Perlis, Pulau Pinang, Perak, Kuala Lumpur, Pahang, Terengganu, Johor & Sabah	Kedah/Perlis, MSC, Pulau Pinang & Kelantan

Pemantauan Dan Latihan Bekerja Di Ruang Terkurung

Satu Kod Amalan Industri (ICOP) untuk Keselamatan bekerja di Ruang Terkurung telah dikeluarkan pada bulan Julai 2010 yang menggariskan peraturan-peraturan untuk anggota yang bekerja di ruang terkurung. Berdasarkan faktor kesihatan, anggota-anggota tersebut haruslah mendapatkan pengesahan kesihatan dari segi fizikal dan mental daripada doktor kesihatan pekerjaan. Pengesahan tahap kesihatan ini adalah sah untuk tempoh dua tahun. Untuk mematuhi ICOP ini, TM akan memulakan satu program Pemantauan Bekerja Di Ruang Terkurung (CSMS) pada bulan Mac 2011 untuk 1,400 anggota daripada

Operasi Rangkaian dan Pembangunan Rangkaian.

ICOP tersebut juga mengesyorkan latihan untuk semua anggota dan kontraktor yang terlibat dalam kerja-kerja di ruang terkurung. Latihan Ruang Terkurung ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Orang yang Dibenarkan Masuk dan Orang Yang Menjaga (AESP) dan Penguji Gas Bertauliah dan Penyelia Kemasukan. Setelah diiktiraf, anggota perlu menghadiri kursus ulangan setiap dua tahun. TM dengan kerjasama NIOSH telahpun menyediakan dan membangunkan modul latihan AESP yang bersesuaian dan kini menunggu kelulusan daripada DOSH. Latihan

dijangka akan dimulakan pada bulan April 2011.

Buletin OSHE

Tahun lalu, TM melancarkan buletin dwi-bahasa dalam talian, OSHE@TM, untuk menyebarkan maklumat berkenaan OSHE, menggalakkan perbincangan dan penyertaan semua anggota TM dalam aktiviti-aktiviti OSHE. Keluaran pertamanya telah diterbitkan pada 28 Jun 2010 dan diikuti oleh dua lagi keluaran sehingga akhir 2010.

Kempen Kesihatan

Dalam usahanya untuk mempromosikan gaya hidup sihat dan mengurangkan risiko kesihatan di kalangan anggota,



Kempen Kesihatan.

Unit OSHE telah menganjurkan program 'Sayangilah Tubuh Anda, untuk Selamanya...' di Menara TM pada bulan Oktober 2010. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan termasuklah pameran kesihatan, ceramah, kempen derma darah, pemeriksaan kesihatan percuma, sesi urutan refleksologi serta penjualan produk dan makanan kesihatan. Ceramah-ceramah telah disampaikan oleh penceramah daripada Pusat Perubatan Prince Court, PMCare dan Pusat Perubatan Menara, merangkumi pelbagai topik, antaranya Pemakanan Sihat, Ergonomik, Kesihatan Mental, Kanser Serviks dan juga Mati Pucuk.

Aktiviti yang mendapat tumpuan dan sambutan paling hangat adalah Quarter D Pounder, aktiviti yang menyerupai program *The Biggest Loser* yang berjaya menarik perhatian 183 peserta. Walau bagaimanapun, hanya 50 daripada mereka telah lulus pemeriksaan kesihatan dan ujian kecergasan bagi tempoh tiga bulan yang ditetapkan. Dalam program tersebut, pengurangan berat badan

sebanyak 10kg merupakan rekod paling tinggi antara tiga peserta.

Pengurusan Sisa Buangan

Setiap tahun, bertan-tan peralatan premis pelanggan (CPE) seperti set telefon dan modem yang rosak telah dikembalikan dan disimpan di cawangan-cawangan TMpoint dan ibusawat. CPE ini diklasifikasikan sebagai Bahan Buangan Elektronik (Kod: SW 110) di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974. Dalam bulan Ogos 2010, untuk memastikan pematuhan, Unit OSHE memperkenalkan pendekatan yang holistik untuk menguruskan pelupusan bahan-bahan buangan elektronik ini dengan kerjasama Telekom Sales & Services Sdn Bhd, Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan, Operasi Rangkaian Tempatan dan Malaysian Logistics. Hasilnya, pelupusan barang-barang buangan elektronik ini telah dijalankan dengan pesat, dengan mencatatkan sejumlah 64,000kg bahan-bahan buangan elektronik yang telah dilupuskan mulai Oktober 2010, dengan negeri Perak mendahului senarai dengan mencatatkan pelupusan bahan-bahan buangan sebanyak 15,480kg.



Pengurangan Sisa Buangan.

MELANGKAH KE HADAPAN

Seiring dengan pelaksanaan HSBB, kepentingan peranan anggota OSHE akan menjadi lebih ketara dengan peningkatan jumlah pemeriksaan tapak sama ada berjadual atau secara tidak berjadual yang perlu dilaksanakan untuk memastikan keselamatan anggota-anggota dan pekerja-pekerja kontraktor. Tiga tema utama telah dikenalpasti untuk terus memacu perancangan dan inisiatif-inisiatif OSHE:

- Pencegahan, Pengurangan dan Pematuhan
- Peningkatan Statistik Keselamatan
- Mewujudkan budaya kerja berlandaskan OSHE

Untuk tahun 2011, TM akan berusaha dan meningkatkan projek-projek sedia ada, dan pada masa yang sama, menerokai bidang-bidang baru dalam pelaksanaan OSHE yang boleh mendatangkan paling banyak manfaat kepada semua anggota.



hubungan
komunikasi
kolaborasi

tanggungjawab korporat

Fakta Sekilas Pandang

PENCAPAIAN

- Pelbagai anugerah termasuk

Platinum bagi Laporan Tanggungjawab Korporat 2010

ALAM SEKITAR

- **9.77%** pengurangan dalam penggunaan elektrik
- **970** penyertaan dalam Siri TM Earth Camp
- **83,000 kg** barang kitar semula dikumpulkan di Menara TM

KOMUNITI

- **RM16.53 juta** telah dibelanjakan untuk **2,174** biasiswa.

- Lebih daripada **RM408 juta** telah dibelanjakan untuk lebih **12,345** pemegang biasiswa sejak penubuhan Yayasan TM pada 1994

- **7,569** insan terlibat untuk program-program sekolah angkat

PASARAN

- **7.7** mata dicapai dalam Indeks Ketelusan
- **500** syarikat telah dilatih di bawah Program Pembangunan Pembekal TM

TEMPAT KERJA

- **639** eksekutif telah dikenalpasti untuk Kumpulan Bakat
- **150** anggota menikmati keflexibelan skim *teleworking*
- **3** Perjanjian Bersama telah ditandatangani oleh Kesatuan – NUTE, SUTE, UTEs



Tanggungjawab Korporat (CR) di TM disepadukan dengan cara kami beroperasi di setiap peringkat, disokong oleh ikrar kami dalam menegakkan integriti korporat. Ianya dicerminkan menerusi polisi dan strategi, cara berurusan dengan anggota, para pelanggan dan pihak-pihak berkepentingan yang lain, dan juga melalui komitmen dalam menyokong Kerajaan untuk merapatkan jurang digital dan seterusnya mempromosikan agenda pembangunan sosial dan nasionalnya. Kami berasa amat bertuah kerana diberi kepercayaan menggalas amanah penting ini sebagai peneraju penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang memiliki rangkaian yang luas menjangkau setiap ceruk sudut dan hampir semua rakyat di negara ini.

TM mempunyai sejarah yang tersendiri dalam usahanya memberi sumbangan kepada masyarakat, dan dikenali dengan reputasinya sebagai

salah sebuah penaja korporat yang terbesar di Malaysia. Walau bagaimanapun, CR kami tidak terhad kepada derma atau tajaan semata-mata. Sejak 2006, kami telah mengadaptasi garis panduan CR untuk syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) seperti yang terkandung dalam *Silver Book – Achieving Value Through Social Responsibility* yang menegaskan bahawa Tanggungjawab Korporat adalah satu strategi teras dalam perniagaan dan juga salah satu cara untuk menjalankan perniagaan yang mendatangkan keuntungan yang mengambil kira kepentingan sosial dan dianggap beretika.

Berikutan itu, kami telah merangka strategi CR yang menyokong transformasi kami untuk menjadi syarikat telekomunikasi generasi akan datang dengan fokus mendalam terhadap kelestarian – mempertahankan bilangan pelanggan menerusi inovasi

TM telah dinobatkan dengan anugerah untuk Amalan Tempat Kerja Terbaik dan Anugerah Kepujian untuk Alam Sekitar di Majlis Anugerah CSR Perdana Menteri 2010.



produk dan kecemerlangan perkhidmatan dengan mengekalkan tahap produktiviti dan motivasi yang tinggi di kalangan anggota menerusi persekitaran tempat kerja yang kondusif, mengekalkan keyakinan para pemegang saham menerusi tadbir urus tanpa kompromi serta mengukuhkan reputasi kami di pasaran dengan menyahut seruan untuk memenuhi keperluan masyarakat.

Kod Etika Perniagaan dan Nilai-nilai Kristal kami iaitu komitmen menyeluruh kepada pelanggan, kewibawaan tanpa kompromi serta hormat dan prihatin adalah untuk memastikan anggota-anggota kami mempunyai nilai-nilai beretika yang tinggi dan di samping itu, kami juga menggalakkan anggota kami untuk menyertai inisiatif-inisiatif CR, kerana kami yakin ini akan meningkatkan pembangunan sendiri mereka. Pada masa yang sama, semangat sukarela juga telah meningkatkan perpaduan Kumpulan dan perasaan menjadi sebahagian daripada Syarikat.

PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR

TM mengambil berat tentang isu perlindungan alam sekitar dan berusaha mengurangkan kesan karbon untuk membantu memastikan pengekalan sumber asli dunia. Kami berpandukan Polisi Alam Sekitar yang komprehensif dalam menjalankan operasi kami malah diperkukuhkan lagi dengan Manual Alam Sekitar, yang turut memastikan semua aktiviti kami – daripada pemasangan kabel hinggalah penggantian tiang telefon – dilaksanakan dengan kadar penjejasan terhadap alam sekitar di tahap yang paling minimum. Untuk memastikan seluruh organisasi menyokong usaha-usaha penghijauan dan pemeliharaan alam sekitar ini, kami telah melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan kesedaran tentang pemuliharaan alam sekitar di kalangan anggota dan kami berbangga dengan pencapaian kami ini.

Pengurusan Bahan Buangan

Prosedur Pengurusan Bahan Buangan memastikan semua bahan buangan pejal dan berjadual yang dihasilkan oleh TM dikenalpasti, diasingkan, diuruskan, diangkut dan dilupuskan selari dengan polisi alam sekitar kami, keperluan undang-undang dan syarat-syarat yang lain. Proses-proses pengurusan bahan buangan ini diaudit secara kerap, berikutan pematuhan kepada piawaian yang telah ditetapkan. Pada masa yang sama, program 3R iaitu mengurangkan, mengguna dan mengitar semula diperkenalkan di Menara TM pada tahun 2009 dengan usahasama Unilever (Malaysia) Holdings Sdn Bhd (Unilever) yang merupakan salah satu penyewa di Menara TM dengan tujuan dan objektif yang sama, iaitu untuk terus mempengaruhi sikap anggota dan telah menjurus kepada pengurangan bahan buangan yang ketara. Pada penghujung tahun 2010, tidak kurang daripada 83,000 kg bahan yang boleh dikitar semula telah berjaya dikumpulkan.





Pengurusan Tenaga yang Cepak

Menara TM merupakan bangunan pintar yang diiktiraf dengan pensijilan Sistem Pengurusan Persekitaran (EMS) ISO 14001 dan piawaian Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2000. Dengan rekabentuk yang bercirikan penggunaan tenaga yang cekap seperti memaksimumkan penggunaan cahaya matahari dan pemantulan haba, penggunaan elektrik dikurangkan dapat dengan sistem dan peralatan jimat-tenaga seperti pengepaman air beku ke seluruh bangunan untuk mengurangkan kebergantungan kepada penghawa dingin, memasang pengawal kuasa dan menaik taraf penyejuk serta bertukar kepada mentol jimat-tenaga.

Dengan menggunakan meter elektrik, kami memantau jumlah tenaga elektrik yang digunakan dengan kerap. Pada tahun 2010, kami mensasarkan pengurangan penggunaan elektrik sebanyak 3.0% daripada tahun 2009. Dengan terlaksananya langkah menghentikan penghawa dingin pada waktu rehat tengah hari dan selepas waktu bekerja pada jam 5.30 petang, pada tahun 2010, kami mempertingkatkan lagi usaha kami untuk meningkatkan inisiatif penjimatan tenaga ini dengan memadamkan lampu pada waktu yang sama, dan memastikan semua sistem mekanikal dan elektrik berfungsi dengan cekap. Ini telah membantu mengurangkan penggunaan tenaga elektrik kami sebanyak 9.77% daripada 22.32 MWh pada tahun 2009 kepada 21.69 MWh pada tahun 2010.

Aktiviti-aktiviti alam sekitar yang telah diadakan semasa TM Earth Camp dan program-program BumiKu termasuklah penanaman pokok bakau dan pembersihan pantai.



TM Earth Camp

Pada 13 Mac 2010, kami melancarkan program TM Earth Camp di PNB Ilham Resort, Tanjung Tuan, Melaka. Perkhemahan alam sekitar selama tiga hari dua malam ini direka khas oleh Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) untuk pelajar-pelajar yang menjadi ahli Kelab Pencinta Alam di sekolah masing-masing. Sejumlah enam perkhemahan telah diadakan pada tahun 2010 di zon-zon berlainan seluruh negara, melibatkan 520 pelajar, 100 guru, 323 ahli komuniti dan 27 sukarelawan TM. Menerusi TM Earth Camp, para pelajar diberikan pendedahan tentang kepentingan ekosistem-ekosistem dan berpeluang menikmati sendiri keistimewaan alam semulajadi. Ini sememangnya menjana keterujaan, memupuk minat dan penghargaan mereka terhadap alam sekitar. TM Earth Camp 2010 telah mencatatkan beberapa kejayaan dalam perlaksanaannya, seperti penanaman semula 500 anak benih pokok bakau menerusi sebuah program bersama komuniti yang diadakan di Kampung Pasir Puteh, Kuching; dan pengumpulan 139kg bahan buangan dalam



masa satu jam di Pantai Teluk Burau di Langkawi. Para peserta juga berpeluang mendekati dan menghargai usaha melindungi orang utan di Pusat Perlindungan Orang Utan Sepilok di Sandakan, Sabah.

Program BumiKu

BumiKu merupakan program kesedaran mengenai alam sekitar yang dilancarkan pada bulan Oktober 2009 untuk anggota TM menyelami 'dunia hijau'. Di bawah program ini, kami menanam satu 'Pokok Idea' di lobi Menara TM yang menempatkan idea-idea mesra alam untuk dikongsikan bersama anggota-anggota TM. Idea-idea yang boleh dilaksanakan seterusnya diaplikasikan. Para anggota juga digalakkan untuk berkongsi kereta menerusi program *Share-A-Ride* yang telah mendapat sambutan hangat sehingga mendorong penambahan bilangan tempat letak kereta yang diperuntukkan untuk mereka yang berkongsi kereta daripada hanya 10

tempat letak kereta kepada 30 tempat letak kereta dalam tempoh setahun. BumiKu Camp yang dianjurkan bersama MNS di Awana Genting Highlands pada 13-15 Oktober 2010 merupakan acara kemuncak kempen kesedaran alam sekitar ini yang telah disertai oleh 120 orang anggota yang telah berkongsi pendapat tentang pelbagai cara untuk TM menyumbang kepada alam sekitar. TM juga telah menganjurkan satu aktiviti pembersihan pantai di Bagan Lalang, Sepang pada bulan Disember 2010, di mana 69 anggota telah berjaya mengumpulkan 329kg bahan buangan dan menanam 200 anak benih pokok bakau. Minat mendalam yang ditunjukkan oleh anggota-anggota TM berhubung isu-isu alam sekitar ini telah mendorong penubuhan Kelab Pencinta Alam TM atau 'Tapir Malaya = TM' yang telah dilancarkan pada 5 Mac 2011.

Projek Alam Sekitar bersama Komuniti

Dalam usahanya menyahut cabaran ke arah menjadi organisasi 'hijau', TM bersedia untuk menyebarkan mesej tersebut kepada masyarakat sekitarnya. Pada 24 Julai 2010, kami melancarkan projek alam sekitar bersama komuniti Kondo Rakyat Pantai Dalam dalam sebuah kerjasama dengan Unilever dan Universiti Malaya. Ini bertujuan untuk membantu komuniti ini memulakan aktiviti-aktiviti alam sekitar mereka dengan harapan agar aktiviti-aktiviti ini akan tetap diteruskan oleh penduduk di kawasan tersebut dengan menyelaraskannya dalam rutin sosial dan ekonomi mereka. Sempena pelancaran projek tersebut, satu gotong-royong juga diadakan untuk membersihkan kawasan sekitar kondo berkenaan, dan pada masa yang sama, sebuah pusat pengumpulan pakaian terpakai telah diwujudkan. Pakaian-pakaian yang dikumpulkan telah

dibersihkan dan didermakan kepada Rumah Anak Yatim Baitul Ehsan di Cheras. Selain itu, usaha Kitar Semula Minyak Masak telah berjaya mengumpulkan 19kg minyak masak terpakai. Tiga inisiatif lain yang bakal dijalankan adalah penghasilan baja kompos, penanaman herba dan sayur-sayuran dan Bazar Hijau.

KOMUNITI

Pendekatan TM dalam menjalankan tanggungjawab sosialnya tidak hanya terhad untuk menyumbang semula kepada masyarakat yang memberi sokongan kepada kami, tetapi juga berperanan dalam usaha-usaha murni untuk memakmurkan negara. Inisiatif-inisiatif komuniti kami dikategorikan kepada dua teras, iaitu Pendidikan dan Pembangunan Negara yang diinspirasikan oleh keinginan kami untuk turut serta dan menyokong Kerajaan dalam



Berganding bahu dengan pihak-pihak berkepentingan seperti Unilever dan KPKK dalam usaha-usaha alam sekitar terbukti berkesan dalam menyebarkan mesej 'hijau'.



Mendekati para pelajar dari sekolah di kawasan pedalaman, program PINTAR TM mendedahkan para pelajar kepada aktiviti kurikulum tambahan selain daripada memupuk kecemerlangan akademik.



usaha-usaha pembangunan negara. Program-program ini bertujuan untuk merapatkan jurang di antara mereka yang berkemampuan dengan mereka yang kurang bernasib baik dan juga memajukan negara bagi memastikan rakyat negara ini berpeluang untuk menikmati kualiti kehidupan yang lebih baik.

Yayasan TM

Sebahagian besar daripada inisiatif pendidikan TM dan derma untuk kebajikan dibiayai menerusi Yayasan TM (YTM). Sejak 1994, YTM telah memberikan biasiswa lebih daripada RM408 juta kepada 12,345 pelajar-pelajar Malaysia untuk meneruskan pengajian mereka di peringkat sekolah menengah dan pengajian tinggi di dalam Malaysia dan di luar negara. Pada tahun 2010, YTM menyokong aspirasi 2,174 pelajar dengan memperuntukkan sejumlah RM16.53 juta untuk tujuan ini. Jumlah yang dibelanjakan oleh YTM untuk biasiswa dan pelbagai projek berkaitan komuniti pada tahun 2010 berjumlah RM18.163 juta.

Universiti Multimedia


Di Malaysia, TM menawarkan pendidikan pengajian tinggi yang berkualiti menerusi Universiti Multimedia (MMU), universiti swasta pertama di negara ini. Setakat ini, universiti tersebut telah menghasilkan 26,070 graduan

dan 90.0% daripadanya telah mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas menamatkan pengajian. Universiti ini turut berperanan mempromosikan pembangunan teknologi negara dengan menggalakkan pelajar-pelajarnya untuk menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan dan mengadakan usahasama dengan pihak ketiga.

PINTAR

Pada peringkat asasnya, TM telah mempromosikan kecemerlangan pendidikan di sekolah-sekolah tempatan menerusi program PINTAR yang diilhamkan oleh Kementerian Kewangan dan diterajui oleh Khazanah Nasional Berhad menerusi PINTAR Foundation. Matlamat utamanya adalah untuk GLC memilih sekolah-sekolah tertentu untuk dijadikan sekolah angkat dan menyediakan bantuan dari segi akademik serta insentif penghargaan. Untuk memastikan kejayaannya, komuniti tempatan juga digalakkan untuk turut serta. Seminar khas untuk waris-warisan dan ibu bapa turut diadakan untuk mendorong penglibatan yang lebih mendalam oleh ibu bapa dalam membantu pencapaian akademik anak-anak mereka.

Komitmen TM dalam memilih sekolah di pedalaman sebagai sekolah angkat adalah untuk merapatkan jurang digital.



Pada tahun 2009, TM telah menyempurnakan fasa pertama program PINTAR melibatkan dua buah sekolah di Pulau Pinang. Bermotivasikan hasil yang memberangsangkan, Syarikat telah melancarkan fasa kedua PINTAR pada 21 Januari 2010 dengan dua buah sekolah: Sekolah Kebangsaan Seri Bandan di Johor dan Sekolah Kebangsaan Tembak di Kedah. Fasa kedua mempunyai pendekatan tambahan, iaitu pengenalan kepada perisian Bestari-Ed yang menjanjikan pembelajaran yang lebih interaktif dan menarik, dan juga program Pendidikan Komputer untuk masyarakat setempat.

Sejumlah 888 pelajar, 77 guru dan pembantu serta 533 ahli komuniti telah mendapat manfaat daripada inisiatif ini.

Projek Sekolah Angkat Bersama KPKK & TM

Projek Sekolah Angkat Bersama KPKK & TM merupakan usahasama antara TM dan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) untuk menaiktaraf kemudahan dan infrastruktur IT serta telekomunikasi di sekolah-sekolah luar bandar. Sehingga bulan Julai 2009, TM telah memilih Sekolah Kebangsaan Teriang dan Sekolah Menengah Rendah Agama Repah di Negeri Sembilan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Pakan di Sarawak sebagai sekolah angkatnya. Sekolah-sekolah ini menggunakan kurikulum PINTAR untuk membantu proses pembelajaran para pelajar dan meningkatkan keberkesanan pengajaran guru-guru. Untuk memastikan kejayaan projek ini, para pelajar, guru dan masyarakat sekitarnya diberi latihan kemahiran komputer dengan menggunakan kemudahan yang telah disediakan oleh TM.

Projek ini melibatkan sejumlah 1,767 pelajar, 123 guru dan pembantu serta 1,138 ahli




komuniti yang dibantu oleh 120 sukarelawan TM.

Program Sejahtera

Program Sejahtera yang telah dilancarkan pada bulan September 2009 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, merupakan sebuah program masyarakat yang dipelopori oleh Khazanah Nasional Berhad bersama-sama GLC untuk memperbaiki taraf kehidupan golongan miskin di negara ini. Mulai tahun 2010, TM telah memilih tiga keluarga ibu tunggal di Pahang untuk dijadikan sebagai keluarga angkat. Di bawah program ini, setiap keluarga telah dibekalkan dengan barangan keperluan yang didermakan oleh kelab-kelab TM – Tiaranita, Kelab TM dan BAKIT – dan juga daripada sukarelawan-sukarelawan individu.

Syarikat juga menyediakan latihan keusahawanan kepada ibu-ibu tunggal ini yang akan disusuli dengan sumbangan modal permulaan untuk memulakan perniagaan mereka, dan pada masa yang sama, kediaman mereka juga diperbaiki untuk memastikan

Program sekolah angkat TM juga telah memberi manfaat kepada para guru menerusi aktiviti-aktiviti berpasukan dan pembangunan sahsiah.



Dato' Wan Daniah, Pengurus Besar Negeri bersama kumpulan dari TM Pahang telah membantu membaiki rumah salah seorang ibu tunggal di bawah Program Sejahtera.

Nik Adiana Taty Zainin daripada Yayasan Sejahtera menyerahkan 'kunci' rumah yang telah diperbaiki kepada Lar Faizah yang merupakan salah seorang daripada ibu tunggal di bawah Program Sejahtera.



mereka mendapat kemudahan-kemudahan asas serta menjamin keselamatan keluarga tersebut. Projek pemulihan rumah tersebut mendapat sokongan penuh daripada sukarelawan TM Pahang dan juga penduduk-penduduk kampung. Ini ternyata memberi manfaat bukan hanya kepada keluarga tersebut sahaja, malah kejiranan mereka juga apabila TM bekerjasama dengan Tenaga Nasional Berhad untuk membekalkan tenaga elektrik kepada kampung-kampung tersebut. Selain itu, tiga orang anak daripada keluarga keluarga angkat ini yang layak untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi telah diberikan peluang dan bantuan untuk menyambung pengajian mereka beserta tempat tinggal percuma disediakan dalam usaha membantu mereka mendapatkan Diploma masing-masing di Kolej Multimedia di Kuala Lumpur.

Menyumbang Kembali

Sebagai sebuah syarikat prihatin, TM telah meneruskan usahanya untuk membantu memenuhi keperluan mereka yang kurang bernasib baik. Pada tahun 2010, Syarikat telah memberi sumbangan untuk pelbagai organisasi, antaranya sumbangan kepada Persatuan untuk Orang Kurang Upaya Akal Selangor dan Wilayah Persekutuan, Shelter, Malaysian AIDS Foundation, Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia dan banyak lagi. TM juga turut meneruskan sokongannya untuk acara kebajikan tahunan KL Rat Race. Selain itu, ia juga menghulurkan bantuan untuk mangsa-mangsa bencana alam seperti kejadian banjir di Kedah dan Johor, dengan bertindak menerusi bantuan sukarelawan-sukarelawan yang berdedikasi serta bantuan berbentuk wang ringgit. Pada tahun 2010, TM telah menyumbangkan lebih daripada RM2 juta untuk inisiatif komunitinya.

PASARAN


TM telahpun meletakkan dirinya sebagai peneraju terunggul dalam pasaran dengan projek HSBB yang bukan sahaja mempersiapkan negara dengan perkhidmatan bertaraf dunia yang canggih, tetapi juga membolehkan penyedia perkhidmatan yang lain menggunakan platform yang telah dibina untuk meningkatkan persaingan dalam ekosistem HSBB. Kami telah melabur empat kali ganda lebih banyak daripada jumlah pelaburan Kerajaan dalam inisiatif bernilai RM11.3 bilion ini, di mana kami mensasarkan untuk mencapai 1.3 juta premis sedia terpasang di seluruh negara menjelang akhir tahun 2012. Usaha kami dalam perkara ini dimotivasikan oleh penyediaan produk dan perkhidmatan terbaik dalam kelasnya kepada semua pelanggan kami dan juga kepada negara. HSBB ternyata telah membuktikan komitmen menyeluruh kami kepada pelbagai pihak berkepentingan dan juga tanggungjawab korporat kami di dalam pasaran.

Pembekal

Dalam interaksi kami dengan pembekal, kami berpandukan Kod Etika Perniagaan dan Garis Panduan dan Peraturan Perolehan, yang memastikan anggota-anggota kami mengutamakan kewibawaan dalam urusan-urusan mereka untuk melindungi Syarikat dan reputasinya. Pada tahun 2010, kami mencapai Indeks Ketelusan pada tahap 7.7 daripada 10.0.

Untuk meningkatkan hubungan dengan pembekal, TM menganjurkan sesi taklimat dan latihan Program Etika Perniagaan TM agar para pembekal memahami polisi-polisi yang menjadi panduan untuk proses-proses dan berpeluang untuk menyuarakan sebarang kemusykilan serta isu yang dihadapi dengan pasukan kami. Contohnya, sebagai salah satu syarat penting, semua pembekal diwajibkan untuk mematuhi undang-undang yang berkenaan dengan alam sekitar dalam menjalankan tugas untuk TM.





TM sentiasa mencari cara untuk membantu pelanggan meningkatkan pemahaman mereka mengenai produk kami melalui pameran dan siri jelajah awam.



TM bukan sahaja memastikan pembekalnya mematuhi polisi dan etika perniagaan semamata, kami juga membantu untuk membina keupayaan mereka. Sejak 1993, dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, kami telah mendaftarkan pembekal-pembekal yang telah berjaya menyempurnakan latihan selama tiga tahun, di mana mereka dibantu dari segi mendapatkan modal, pembangunan produk, percubaan dan pensijilan, dan pada masa yang sama, menanamkan sifat kepimpinan dan kemahiran sendiri di kalangan pekerjaannya. Pada tahun 2010, sejumlah 500 syarikat telah dilatih di bawah Program Pembangunan Pembekal TM (VDP) yang ditaja sepenuhnya oleh TM.

Pelanggan

TM telah menerapkan budaya mengutamakan pelanggan bagi memastikan pengalaman pelanggan yang terbaik di setiap interaksi. Untuk memudahkan khidmat pelanggan diberikan dengan lebih tumpuan dan mantap, Syarikat telah menyelaraskan model perniagaan berpandukan empat segmen pelanggan yang utama,

iaitu Pengguna, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), Perusahaan dan Kerajaan. Bahagian Pengurusan Khidmat Pelanggan bertanggungjawab ke atas keseluruhan proses penyediaan perkhidmatan, pengaktifan, jaminan perkhidmatan dan pengurusan kerosakan, manakala Aliran Perniagaan (LOB) masing-masing memberi sokongan dalam bidang-bidang tanggungjawab yang lain seperti pra-jualan, pengurusan infrastruktur, pengebilan, pengurusan aduan dan proses penamatan perkhidmatan. Semua tindakan mereka dipantau oleh Jawatankuasa Pengutamaan Pelanggan.

Pada tahun 2010, sebuah program Pengamal Pengurusan Hubungan Pelanggan (CRM) telah dibentuk untuk membangunkan sekumpulan pengamal CRM yang mempunyai kemahiran teknikal dan sosial yang boleh membantu TM mencapai Kecemerlangan Operasi dan Orientasi Pelanggan. Program ini bermatlamat untuk menerapkan kesedaran yang lebih tinggi dari segi

mengutamakan pelanggan di kalangan pengguna CRM, terutamanya anggota di barisan hadapan.

TM menggunakan sebuah sistem pengurusan aduan pelanggan untuk mengendalikan permintaan atau aduan daripada pelanggan. iCARE (Perhubungan Mesra Pelanggan Bersepadu), merupakan sistem yang digunakan oleh semua titik interaksi dan anggota bahagian sokongan, membolehkan setiap aduan untuk dipantau melalui kitarannya daripada perekodan dan kaji siasat, laporan dan penutupan kes. Pada tahun 2009, satu proses untuk mempertingkatkan iCARE menjadi lebih menyeluruh dilaksanakan. Peralihan kepada iCARE Prime yang diperbaharui berjaya disempurnakan sepenuhnya pada bulan Disember 2010.

Untuk mengetahui tahap kepuasan pelanggan berhubung penyediaan dan jaminan perkhidmatan kami, kami memantau beberapa petunjuk seperti tempoh masa yang diambil untuk memberi maklum balas kepada pertanyaan pelanggan dan tempoh masa untuk memberi maklum balas untuk panggilan berkenaan baik pulih kerosakan. Bahagian Pemasaran Kumpulan dan Aliran Perniagaan telah maju satu langkah ke hadapan dengan mengadakan kaji selidik tentang Kepuasan Pelanggan.

TEMPAT KERJA


TM komited dalam menyediakan tempat kerja yang mendorong pembangunan sendiri dan profesional kepada 26,743 warga kerja kami. Kami percaya bahawa melabur untuk warga kerja kami akan menjurus kepada prestasi yang bermutu, membantu Kumpulan untuk mengekalkan kelebihanannya, dan pada masa yang sama, memastikan anggota-anggota untuk terus bersama kami untuk jangka masa panjang.

Latihan dan Pembangunan

Pembangunan anggota diberi keutamaan di TM, dan latihan bermula dari masa anggota-anggota baru menyertai organisasi di mana mereka akan mengambil masa tiga minggu untuk menyertai Program Latihan Induksi yang memberikan mereka pengetahuan yang lebih meluas tentang operasi TM



Pelancaran e-pembelajaran untuk CBE dan Sesi Jom Bersama adalah sebahagian daripada aktiviti untuk memupuk budaya komunikasi secara terbuka antara anggota.




dan cara-cara kami mengendalikan perniagaan. Seterusnya, anggota diwajibkan untuk menghadiri latihan sekurang-kurangnya untuk tempoh 40 jam setahun. Kursus yang berstruktur untuk semua peringkat anggota diadakan di lima Pusat Latihan TM, dan bermula akhir tahun lepas, modul e-pembelajaran juga disediakan.


Untuk kenaikan pangkat, pengurus-pengurus projek yang terpilih akan dihantar untuk program-program Sarjana dan eksekutif yang berbakat akan melalui sebuah Program Pembangunan Penyumbang Tertinggi yang melibatkan bimbingan, pusingan kerja, tugas khas dan latihan.

Program-program khusus telah dibangunkan untuk anggota-anggota yang menunjukkan potensi kepimpinan, menumpukan

Program Pembekal anjuran TM.



TM juga membuka penyertaan kepada anggotanya untuk majlis-majlis nasional, seperti Perbarisan Hari Kebangsaan.



kepada kemahiran teknikal dan bukan teknikal yang diperlukan dan juga kemahiran sosial. Anggota-anggota paling elit antara semua anggota TM – mereka yang tergolong dalam Kumpulan Bakat – menerima latihan yang paling intensif dan menepati sasaran untuk mempercepatkan pembangunan karier mereka. Dikenalpasti menerusi kelayakan akademik, prestasi di tempat kerja dan dalam Penilaian Bakat yang dibangunkan khas, individu-individu ini diletakkan di dalam program pembangunan berstruktur yang tinggi untuk menyediakan mereka untuk menjadi pemimpin di masa hadapan dalam organisasi. Setakat ini, seramai 639 eksekutif telah dikenalpasti untuk melayakkan diri untuk dimasukkan dalam kumpulan bakat, 50.0% daripadanya berusia bawah 35 tahun.



Kini, dengan pelancaran program HSBB yang berwawasan oleh TM, penekanan diberikan untuk memastikan anggota menerima latihan teknikal dan bukan teknikal yang bersesuaian supaya mereka

mempunyai pengetahuan dan kemahiran terkini tentang produk, proses, sistem dan teknologi yang terlibat. Menyedari bahawa kerjasama dalam pasukan dan usahasama yang tinggi amat penting untuk memastikan kejayaan TM di peringkat penting dalam tempoh transformasi ini, kami juga telah memperkenalkan program Teaming With Passion (TWP) yang bukan sahaja meningkatkan moral tetapi juga menanamkan semangat bersatu di kalangan anggota.

Sebagai tambahan kepada pelbagai bidang latihan dan kursus pembangunan ditawarkan oleh TM, kami juga memberi sokongan untuk pembangunan profesional anggota yang berhasrat untuk mendapatkan diploma, ijazah sarjana muda atau program ijazah sarjana yang berkaitan dengan bidang kepakaran mereka. Pada tahun 2010, kami menganugerahkan 26 biasiswa kepada anggota yang melanjutkan pelajaran mereka di universiti tempatan dan juga luar negara.



Semangat 1TM diperkukuhkan lagi dengan sokongan daripada Pihak Pengurusan dalam pelbagai majlis melibatkan TM, termasuk Majlis Menandatangani Perjanjian Bersama Kesatuan.



Penglibatan Anggota dan Komunikasi Dalam

TM sentiasa mengamalkan komunikasi dua hala dengan anggotanya, menawarkan banyak peluang kepada kakitangan untuk menyalurkan maklum balas mereka kepada penyelia masing-masing dan juga pengurusan atasan. Semua anggota dimaklumkan tentang perkembangan terbaru mengenai Kumpulan menerusi makalah bercetak dan juga elektronik. Komunikasi Korporat Kumpulan juga menggalakkan anggota untuk menghantar sebarang kemusykilan, komen atau cadangan mereka melalui e-mel, dan semua ini diberi maklum balas dengan sewajarnya. Forum sembang maya Intranet juga menggalakkan penglibatan dan interaksi antara anggota. Laman intranet yang diperbaharui untuk lebih interaktif dengan penampilan baru, 1Intra, diselaraskan dengan saluran-saluran komunikasi dalaman yang lain telah dilancarkan pada tahun 2010, menyediakan maklumat yang menyeluruh tentang TM. Anggota juga boleh berkomunikasi dan berkongsi pendapat mereka dengan

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan di Zam's Corner.

Selain menerusi laman web ini, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan berinteraksi secara langsung dengan anggota-anggota melalui beberapa platform yang berlainan. Bersama-sama dengan pengurusan kanan yang lain, mereka turun padang ke pejabat-pejabat negeri dan mengadakan Sesi Teh Tarik bulanan dengan kumpulan-kumpulan yang terdiri daripada 20 anggota setiap sesi. Selain itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan memberi taklimat kepada semua anggota berhubung prestasi kewangan Kumpulan setiap suku tahun yang disiarkan secara langsung ke semua pejabat-pejabat negeri di seluruh negara. Pengurusan kanan pula bersidang di Dialog Barisan Kepimpinan di mana mereka berkongsi amalan-amalan terbaik dan pengetahuan dalam bidang masing-masing atau pencapaian karier mereka dengan anggota.

Pada tahun 2010, Bahagian Penglibatan Anggota memulakan usahanya untuk satu inisiatif baru yang dinamakan Program Komunikasi Kepimpinan yang menyebarkan mesej-mesej yang ringkas, jelas dan konsisten daripada pengurusan kanan ke semua peringkat organisasi. Sesi Teh Tarik antara bahagian pula meningkatkan pemahaman anggota terhadap proses-proses dan membenarkan pelbagai pihak untuk berbincang sesama sendiri untuk mewujudkan kecekapan dan keberkesanan operasi yang lebih tinggi.

Kesihatan dan Keselamatan di Tempat Kerja

Isu-isu kesihatan dan keselamatan mendapat perhatian serius di TM dan tertakluk kepada Polisi Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan (OSHE) yang mantap. Kempen keselamatan dan kesihatan pekerjaan kerap dianjurkan dengan sesi taklimat dan pemeriksaan percuma yang diberikan oleh pengamal-pengamal perubatan. Latihan juga disediakan untuk anggota-anggota dan pekerja

kontraktor yang terlibat dalam pekerjaan yang berbahaya. Tambahan pula, TM turut menghantar Pegawai Keselamatan & Kesihatan untuk latihan-latihan khusus di bawah OSHA 1994 – Peraturan Pegawai Keselamatan & Kesihatan 1996.

Hubungan dengan Kesatuan

TM telah memupuk hubungan sekerja yang harmoni dengan ketiga-tiga kesatuan yang mewakili anggota-anggota bukan eksekutif – Kesatuan Pekerja-pekerja Telekomunikasi Kebangsaan (NUTE), Kesatuan Pekerja-pekerja Telekom Malaysia Berhad Sabah (SUTE) dan Kesatuan Pekerja-pekerja Telekom Malaysia Berhad Sarawak (UTES). Kami berhubung dalam perjumpaan berterusan dengan kesatuan-kesatuan ini, membincangkan perjanjian bersama, perkara-perkara berkenaan operasi dan industri dan memberikan maklumat terkini tentang perubahan-perubahan utama dalam perniagaan.

Pada tahun 2010, perjanjian-perjanjian bersama yang baru (CA) telah ditandatangani dengan ketiga-tiga kesatuan untuk tempoh tiga tahun dari tahun 2010 hingga 2012. CA yang baru mencerminkan peningkatan untuk bahagian-bahagian tertentu seperti pengenalan Sistem Penggajian berdasarkan Prestasi (PLWS), kelayakan untuk kemudahan perubatan (pesakit dalam) swasta, dan juga hari rehat dan waktu bekerja fleksibel. Ianya juga memperkenalkan cuti kuarantin sekiranya berlaku pandemik dan pengukuhan peruntukan-peruntukan berhubung dengan OSHE.

Kerja – Kehidupan yang Seimbang

Untuk memenuhi keperluan anggota dalam menguruskan tanggungjawab kerja dan peribadi masing-masing, TM telah memperkenalkan waktu bekerja dan hari rehat fleksibel, dan *teleworking*. Anggota-anggota kini boleh memilih salah satu daripada tiga pilihan waktu kerja rasmi: 8:00 pagi – 5:00 petang; 8:30 pagi – 5:30 petang; atau 9:00 pagi – 6:00 petang; dan layak mengambil cuti rehat mingguan pada hari Khamis dan Jumaat; atau pilihan yang lebih konvensional iaitu Sabtu dan Ahad. Anggota dari pasukan Jualan pula diberi pilihan untuk bekerja secara *teleworking* sama ada daripada premis pelanggan atau dari rumah. Sejak pengenalannya pada bulan Jun 2009, 150 orang anggota telah dikenalpasti untuk *teleworking*.

Kebajikan dan Faedah Pekerja

Pelbagai faedah dan kemudahan disediakan untuk anggota-anggota di tempat kerja untuk meningkatkan tahap kesihatan sosial, emosi dan fizikal. Antaranya adalah:

- Kemudahan sosial dan rekreasi, termasuk sebuah gymnasium di Menara TM, pinjaman rumah, kereta dan komputer
- Pusat jagaan kanak-kanak di Menara TM dan Kolej Multimedia Taiping
- Perlindungan insurans kecacatan dan kesihatan anggota, dan juga penjagaan kesihatan untuk seisi keluarga
- Perkhidmatan kafeteria, dalaman dan luaran, di semua bangunan TM

- Kelab Sosial – Badan Kebajikan Islam TM (BAKIT), PAKAR Semboyan (askar wataniah) dan *Toastmasters*
- Kelab TM Malaysia yang menganjurkan pelbagai aktiviti menarik seperti *TM Amazing Race*, Pertandingan Mencari Harta Karun, Regatta, Hari Keluarga Tahunan, Kejohanan Sukan Tahunan, futsal, bowling dan golf
- TIARANITA, organisasi untuk anggota wanita dan isteri-isteri anggota TM

Selain itu, TM juga mempunyai Program Bantuan Anggota (EAP) yang diwujudkan untuk memberi sokongan kepada semua anggota yang menghadapi sebarang jenis masalah sama ada dari segi peribadi mahupun dari segi tugas. Pengamal EAP yang terlatih sedia membantu dan memberi perkhidmatan sebagai kaunselor, pembimbing atau perundingcara.


PENGIKTIRAFAN UNTUK USAHA-USAHA TANGGUNGJAWAB KORPORAT TM

TM kini semakin pantas mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju dalam CR. Syarikat telah memenangi pelbagai anugerah sebagai pengiktirafan terhadap komitmennya untuk mencapai tahap integriti di peringkat tertinggi dalam urusannya dengan pihak-pihak berkepentingan yang berbeza-beza. Amalan di tempat kerjanya telah dinobatkan sebagai yang terbaik untuk Anugerah CSR Perdana Menteri untuk dua tahun berturut-turut, iaitu 2009 dan 2010. Pada tahun 2010, TM juga telah menerima Anugerah Kepujian untuk Anugerah CSR Perdana Menteri 2010 untuk usaha-usahanya dalam kategori

Alam Sekitar. Selain itu, TM juga memenangi kategori Komuniti dalam Anugerah Tanggungjawab Korporat StarBiz – ICRM untuk inisiatif-inisiatifnya pada tahun 2009.

TM juga sering diiktiraf berikutan tahap piawaian tadbir urusnya yang tinggi. Ia memenangi tiga anugerah dalam Majlis Anugerah Indeks Tadbir Urus Korporat Malaysia 2010 yang dianjurkan oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG); muncul sebagai pemenang tempat kedua untuk kategori Keseluruhan untuk Anugerah Tadbir Urus Malaysian Business – CIMA; merangkul Anugerah Platinum untuk laporan CSRNya dalam Majlis Anugerah Laporan Korporat Kebangsaan Tahunan (NACRA) 2010 dan lain – lain lagi.

TM dikenali kerana amalan kerja terbaiknya dalam Tanggungjawab Korporat oleh pelbagai pihak.







202 Penyataan Tanggungjawaban oleh
Pengarah-pengarah

penyata kewangan

203	Laporan Pengarah
209	Penyata Pendapatan
210	Penyata Pendapatan Komprehensif
211	Penyata Kedudukan Kewangan
213	Penyata Perubahan Ekuiti yang Disatukan
215	Penyata Perubahan Ekuiti Syarikat
217	Penyata Aliran Tunai
218	Nota-nota kepada Penyata Kewangan
352	Maklumat Tambahan
353	Penyata Pengarah
353	Akuan Berkanun
354	Laporan Juruaudit Bebas



penyataan tanggungjawab oleh pengarah-pengarah

Berkenaan penyediaan Penyata Kewangan Tahunan yang beraudit

Menurut Akta Syarikat, 1965, Pengarah-pengarah hendaklah memastikan penyata kewangan yang disediakan pada setiap tahun kewangan adalah mengikut piawaian perakaunan Malaysia yang telah diluluskan dan memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai urusan Kumpulan dan Syarikat pada hujung tahun serta keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan tersebut.

Dalam menyediakan penyata kewangan, Pengarah-pengarah telah:

- menerima pakai dasar-dasar perakaunan yang sewajarnya dan mengamalkannya secara berterusan;
- membuat keputusan dan anggaran yang wajar dan berhemat;
- memastikan pematuhan semua piawaian perakaunan berkaitan yang diluluskan; dan
- menyediakan penyata kewangan berdasarkan usaha perniagaan berterusan sepertimana para Pengarah menjangkakan dengan sewajarnya, setelah kaji selidik dijalankan, bahawa Kumpulan dan Syarikat mempunyai sumber yang mencukupi untuk meneruskan operasi sedia ada dan yang akan datang.

Pengarah-pengarah mempunyai tanggungjawab untuk memastikan bahawa Kumpulan dan Syarikat menyimpan rekod-rekod perakaunan yang menunjukkan kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat yang tepat, serta membolehkan pengarah-pengarah memastikan penyata kewangan tersebut mematuhi peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Pengarah-pengarah bertanggungjawab secara keseluruhannya dalam mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk melindungi aset-aset Kumpulan dan mewujudkan serta melaksanakan sistem perakaunan dan kawalan dalaman yang sesuai bagi mengelak dari berlakunya sebarang pemalsuan dan ketidakpatuhan.

1. Pengarah-pengarah dengan sukacitanya mengemukakan laporan tahunan mereka dan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang beraudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2010.

AKTIVITI UTAMA

2. Aktiviti utama Syarikat dalam tahun kewangan semasa adalah pewujudan, penyelenggaraan dan penyediaan perkhidmatan telekomunikasi dan perkhidmatan berkaitan. Aktiviti utama anak-anak syarikat adalah seperti dinyatakan dalam nota 52 kepada penyata kewangan. Tiada perubahan penting dalam aktiviti utama Kumpulan sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN

3. Keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan tersebut adalah seperti berikut:

	Kumpulan RM juta	Syarikat RM juta
Keuntungan bagi tahun kewangan milik:		
– pemegang ekuiti Syarikat	1,206.5	928.4
– kepentingan minoriti	38.5	—
Keuntungan bagi tahun kewangan tersebut	1,245.0	928.4

4. Pada pendapat Pengarah-pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat dalam tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa penting dan berbentuk luar biasa.

DIVIDEN

5. Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, dividen-dividen yang telah dibayar, diisytihar atau dicadangkan ke atas saham-saham biasa Syarikat adalah seperti berikut:

	Syarikat RM juta
(a) Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009, dividen kasar akhir sebanyak 13.0 sen sesaham, tolak cukai sebanyak 25.0%, telah dibayar pada 9 Jun 2010	348.8
(b) Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010, dividen kasar interim sebanyak 13.0 sen sesaham, tolak cukai sebanyak 25.0%, telah dibayar pada 24 September 2010	348.8

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010, Pengarah-pengarah kini mengesyorkan dividen kasar akhir sebanyak 13.1 sen sesaham, tolak cukai sebanyak 25.0%, tertakluk kepada kelulusan pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat kedua puluh enam (AGM ke-26) akan datang.

SKIM OPSYEN SAHAM KAKITANGAN

6. Butiran mengenai Skim Opsyen Saham Kakitangan Syarikat (ESOS Khas), yang telah diluluskan oleh para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luar Biasa pada 6 Mac 2008, adalah seperti dinyatakan dalam nota 15 kepada penyata kewangan.

Tiada opsyen tambahan diberikan sepanjang tahun kewangan sehingga ESOS Khas tamat tempohnya pada 16 September 2010.

MODAL SAHAM

7. Sepanjang tahun kewangan, 23,414,111 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham telah diterbitkan berikutan pelaksanaan opsyen saham oleh anggota di bawah ESOS Khas, diperincikan seperti berikut:

Bilangan saham biasa diterbitkan dan berbayar bernilai RM1.00 sesaham	Harga laksana sesaham
20,579,511	RM1.91
1,721,000	RM2.22
1,113,600	RM2.91

Di samping itu, sebanyak 1,249,600 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham turut diterbitkan berikutan pelupusan saham biasa berkaitan dengan opsyen yang telah luput oleh TM ESOS Management Sdn Bhd. Seperti yang dijelaskan di bawah ciri-ciri ESOS Khas dalam nota 15 kepada penyata kewangan, saham-saham berlebihan yang tidak teruntuk dan saham-saham yang berkaitan dengan opsyen yang telah luput akan dijual di pasaran terbuka apabila ESOS Khas tamat tempohnya mengikut pertimbangan Jawatankuasa Opsyen ESOS Khas.

Saham-saham di atas bertaraf pari passu dalam segala aspek seperti saham-saham biasa terbitan Syarikat yang sedia ada.

PERGERAKAN RIZAB DAN PERUNTUKAN

8. Kesemua pindahan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan telah didedahkan dalam penyata kewangan.

MAKLUMAT BERKANUN BERKAITAN PENYATA KEWANGAN

9. Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, Pengarah-pengarah telah mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk:
 - (a) menentukan bahawa tindakan telah diambil berhubung dengan penghapusan kira hutang lapuk dan peruntukan bagi hutang ragu, dan telah berpuas hati bahawa kesemua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan secukupnya telah dibuat untuk hutang ragu; dan
 - (b) memastikan bahawa sebarang aset semasa yang mungkin tidak dapat direalisasikan pada nilai buku secara urusan biasa perniagaan, telah pun diturunkan nilainya ke paras yang dijangka boleh realis.
10. Pada tarikh laporan ini, Pengarah-pengarah tidak mengetahui akan adanya sebarang keadaan:
 - (a) yang boleh menyebabkan jumlah yang dihapus kira untuk hutang lapuk atau jumlah yang diperuntukkan bagi hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat jauh tidak mencukupi atau nilai aset semasa yang dinyatakan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan; dan
 - (b) yang telah timbul yang boleh menyebabkan kepatuhan kepada kaedah sedia ada bagi penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak wajar.
11. Dalam tempoh masa antara akhir tahun kewangan hingga tarikh laporan ini:
 - (a) tiada perkara, urusan niaga atau peristiwa lain yang penting dan berbentuk luar biasa telah timbul yang, pada pendapat Pengarah-pengarah, boleh menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan dalam mana laporan ini dibuat; dan
 - (b) tiada cagaran telah timbul ke atas aset mana-mana syarikat dalam Kumpulan yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain, mahupun telah timbul sebarang liabiliti luar jangka dalam mana-mana syarikat dalam Kumpulan selain yang didedahkan dalam nota 46(g) kepada penyata kewangan.
12. Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain milik mana-mana syarikat dalam Kumpulan telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan akan dikuatkuasakan dalam tempoh 12 bulan selepas akhir tahun kewangan yang, pada pendapat Pengarah-pengarah, akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Kumpulan atau Syarikat untuk memenuhi segala kewajipan apabila tiba masanya.
13. Pada tarikh laporan ini, Pengarah-pengarah tidak mengetahui akan adanya sebarang keadaan yang tidak diambil kira dalam laporan ini atau dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, yang boleh menyebabkan mana-mana amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan mengelirukan.



PENGARAH

14. Pengarah-pengarah yang berkhidmat sejak tarikh laporan yang lepas adalah seperti berikut:

Pengarah-pengarah

Datuk Dr Halim Shafie

Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa

Datuk Bazlan Osman

Dato' Zalekha Hassan

Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin

Dato' Danapalan T.P. Vinggrasalam

YB Datuk Nur Jazlan Tan Sri Mohamed

Dato' Ir Abdul Rahim Abu Bakar

Quah Poh Keat

Ibrahim Marsidi

Riccardo Ruggiero

Pengarah Gantian

Eshah Meor Suleiman

Dr Farid Mohamed Sani

15. Menurut Artikel 103 Tataurusn Pertubuhan Syarikat, Pengarah-pengarah berikut akan bersara mengikut giliran daripada Lembaga Pengarah pada AGM ke-26 Syarikat yang akan datang dan kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dipilih semula:

(i) Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa

(ii) Datuk Bazlan Osman

(iii) Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin

(iv) Dato' Danapalan T.P. Vinggrasalam

(v) Dato' Ir Abdul Rahim Abu Bakar

(vi) Quah Poh Keat

(vii) Ibrahim Marsidi

(viii) Riccardo Ruggiero

KEPENTINGAN PENGARAH

16. Menurut Daftar Pemegangan Saham Pengarah, Pengarah-pengarah yang berkhidmat pada akhir tahun kewangan dan mempunyai kepentingan dalam saham Syarikat adalah seperti berikut:

Kepentingan dalam Syarikat	Bilangan saham biasa bernilai RM1.00 sesaham			
	Baki pada 1.1.2010	Dibeli	Dijual	Baki pada 31.12.2010
Datuk Dr Halim Shafie	5,000+	3,000	–	8,000+
Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa	9,000*	–	–	9,000*
Datuk Bazlan Osman	2,000	–	–	2,000

Nota:

- + Kepentingan dalam saham Syarikat yang dipegang oleh isteri
- * Termasuk saham yang dipegang oleh isteri

17. Menurut Daftar Pemegangan Saham Pengarah, tiada seorang pun Pengarah lain yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan, mempunyai sebarang kepentingan langsung atau tak langsung dalam saham dan opsyen ke atas saham biasa Syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan dengannya sepanjang tahun kewangan.



MANFAAT PENGARAH

18. Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada seorang pun Pengarah telah menerima atau berhak untuk menerima sebarang manfaat (kecuali yuran Pengarah, imbuhan dan emolumen lain seperti yang dinyatakan dalam nota 7(b) kepada penyata kewangan) disebabkan suatu kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan Pengarah atau dengan sebuah firma yang mana beliau adalah seorang ahli atau dengan syarikat di mana beliau mempunyai kepentingan kewangan yang besar dan apa jua manfaat yang dianggap telah diterima oleh Pengarah-pengarah tertentu.

Sama ada pada bila-bila masa sepanjang tahun kewangan ataupun pada akhir tahun kewangan tersebut, Syarikat atau mana-mana syarikat berkaitan dengannya tidak menjadi pihak kepada sebarang persetujuan yang matlamatnya membolehkan Pengarah-pengarah mendapat manfaat dengan cara pemerolehan saham, atau debentur Syarikat atau mana-mana badan korporat yang lain.

JURUAUDIT

19. Juruaudit, Tetuan PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatan.

Menurut resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 25 Februari 2011.



DATUK DR HALIM SHAFIE

Pengarah/Pengerusi



DATO' SRI ZAMZAMZAIRANI MOHD ISA

Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

penyata pendapatan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

Semua amaun adalah dalam juta kecuali dinyatakan sebaliknya	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
HASIL KENDALIAN	6	8,791.0	8,608.0	7,822.3	7,596.3
KOS KENDALIAN					
– susut nilai, pengurangan nilai dan pelunasan	7(a)	(1,995.8)	(2,039.5)	(1,831.8)	(1,864.5)
– kos kendalian lain	7(b)	(6,019.6)	(5,753.2)	(5,496.4)	(5,225.9)
PENDAPATAN KENDALIAN LAIN (bersih)	8	152.9	128.8	349.3	299.4
LABA LAIN (bersih)	9	373.3	120.5	149.7	53.0
KEUNTUNGAN KENDALIAN SEBELUM KOS PEMBIAYAAN		1,301.8	1,064.6	993.1	858.3
PENDAPATAN PEMBIAYAAN		120.0	172.2	111.4	162.9
KOS PEMBIAYAAN		(365.2)	(356.3)	(368.1)	(388.0)
LABA PERTUKARAN ASING ATAS PEMINJAMAN		303.7	40.5	303.7	40.5
PENDAPATAN/(KOS) PEMBIAYAAN BERSIH	10	58.5	(143.6)	47.0	(184.6)
SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU					
– bahagian keputusan (selepas ditolak cukai)	30	(0.1)	0.6	—	—
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT		1,360.2	921.6	1,040.1	673.7
CUKAI DAN ZAKAT	11	(115.2)	(248.3)	(111.7)	(192.7)
KEUNTUNGAN BAGI TAHUN KEWANGAN TERSEBUT		1,245.0	673.3	928.4	481.0
MILIK:					
– pemegang ekuiti Syarikat		1,206.5	643.0	928.4	481.0
– kepentingan minoriti		38.5	30.3	—	—
KEUNTUNGAN BAGI TAHUN KEWANGAN TERSEBUT		1,245.0	673.3	928.4	481.0
PEROLEHAN SESAHAM (sen)					
– asas	12(a)	33.9	18.3		
– dicairkan	12(b)	33.9	18.2		

Penyata Pendapatan di atas perlu dibaca dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan di muka surat 218 hingga 351.

Laporan Juruaudit Bebas – Muka surat 354 hingga 355.

penyata pendapatan komprehensif

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

Semua amaun adalah dalam juta kecuali dinyatakan sebaliknya	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
KEUNTUNGAN BAGI TAHUN KEWANGAN TERSEBUT		1,245.0	673.3	928.4	481.0
PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN:					
Kenaikan dalam nilai saksama bagi pelaburan tersedia-untuk-dijual	31(a)	352.5	46.0	53.5	—
Kenaikan dalam nilai saksama bagi belum terima tersedia-untuk-dijual	32(a)	2.5	—	2.5	—
Pelarasan pengelasan semula berhubung dengan pelupusan pelaburan tersedia-untuk-dijual	9	(278.5)	(1.5)	(75.6)	—
Perbezaan terjemahan mata wang - anak-anak syarikat		(0.4)	9.4	—	—
Pendapatan/(kerugian) komprehensif lain bagi tahun kewangan tersebut, selepas ditolak cukai		76.1	53.9	(19.6)	—
JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN KEWANGAN TERSEBUT		1,321.1	727.2	908.8	481.0
MILIK:					
– pemegang ekuiti Syarikat		1,282.6	696.9	908.8	481.0
– kepentingan minoriti		38.5	30.3	—	—
JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN KEWANGAN TERSEBUT		1,321.1	727.2	908.8	481.0

Penyata Pendapatan Komprehensif di atas perlu dibaca dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan di muka surat 218 hingga 351.

Laporan Juruaudit Bebas – Muka surat 354 hingga 355.

penyata kedudukan kewangan

pada 31 Disember 2010

Semua amaun adalah dalam juta kecuali dinyatakan sebaliknya	Nota	2010 RM	Kumpulan 2009 RM	2008 RM	2010 RM	Syarikat 2009 RM	2008 RM
MODAL SAHAM	14	3,568.1	3,543.5	3,456.0	3,568.1	3,543.5	3,456.0
PREMIUM SAHAM		1,055.1	1,011.8	4,305.4	1,055.1	1,011.8	4,305.4
RIZAB-RIZAB LAIN	16	366.8	210.0	183.5	316.8	783.8	1,251.1
KEUNTUNGAN TERTAHAN	17	2,719.4	2,222.2	2,303.2	1,996.9	1,335.6	1,581.5
JUMLAH MODAL DAN RIZAB MILIK PEMEGANG EKUITI SYARIKAT		7,709.4	6,987.5	10,248.1	6,936.9	6,674.7	10,594.0
KEPENTINGAN MINORITI		150.8	142.5	226.5	-	-	-
JUMLAH EKUITI		7,860.2	7,130.0	10,474.6	6,936.9	6,674.7	10,594.0
Peminjaman	19	5,506.0	5,796.9	6,965.1	4,069.0	4,178.3	5,204.1
Belum bayar kepada sebuah anak syarikat	20	-	-	-	1,434.0	1,594.2	1,734.6
Instrumen kewangan derivatif	21	28.0	-	-	28.0	-	-
Liabiliti cukai tertunda	22	1,664.2	1,588.7	1,362.0	1,513.4	1,517.6	1,328.0
Pendapatan tertunda	23	1,432.1	985.9	260.2	1,432.1	985.9	260.2
LIABILITI TERTUNDA DAN BUKAN SEMASA		8,630.3	8,371.5	8,587.3	8,476.5	8,276.0	8,526.9
		16,490.5	15,501.5	19,061.9	15,413.4	14,950.7	19,120.9
Hartanah, loji dan peralatan	24	13,112.1	12,404.3	11,839.6	11,782.5	11,125.7	10,516.1
Hartanah pelaburan	25	-	-	-	93.0	91.6	91.9
Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah	26	107.4	163.7	164.3	-	-	-
Aset tak ketara	27	312.3	313.4	1.8	-	-	-
Anak-anak syarikat	28	-	-	-	1,623.4	2,545.8	2,709.0
Pinjaman dan pendahuluan kepada anak-anak syarikat	29	-	-	-	236.7	-	-
Syarikat-syarikat bersekutu	30	0.5	0.6	-	-	-	-
Pelaburan tersedia-untuk-dijual	31(a)	114.6	608.2	496.0	114.6	-	-
Pelaburan lain	31(b)	-	152.8	137.8	-	152.8	137.8
Belum terima tersedia-untuk-dijual	32(a)	14.9	-	-	14.9	-	-
Belum terima bukan semasa lain	32(b)	89.4	108.9	472.4	89.4	108.9	472.4
Instrumen kewangan derivatif	21	3.6	-	-	3.6	-	-
Aset cukai tertunda	22	86.7	10.6	8.9	-	-	-
ASET BUKAN SEMASA		13,841.5	13,762.5	13,120.8	13,958.1	14,024.8	13,927.2

Semua amaun adalah dalam juta kecuali dinyatakan sebaliknya	Nota	2010 RM	Kumpulan 2009 RM	2008 RM	2010 RM	Syarikat 2009 RM	2008 RM
Inventori	33	174.0	110.6	123.3	103.8	82.9	71.5
Kos pemerolehan pelanggan		87.1	–	–	87.1	–	–
Belum terima perdagangan dan lain-lain	34	2,329.3	2,284.0	2,891.3	2,185.4	2,060.6	2,656.3
Amaun terhutang oleh Axiata Group Berhad		–	–	4,025.0	–	–	4,025.0
Pelaburan tersedia-untuk-dijual	31(a)	838.1	–	–	356.2	–	–
Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian	35	21.5	–	–	21.5	–	–
Pelaburan jangka pendek	35	–	294.7	277.6	–	294.7	277.6
Tunai dan baki bank	36	3,488.5	3,490.7	2,095.2	3,077.7	2,901.2	1,447.2
ASET SEMASA		6,938.5	6,180.0	9,412.4	5,831.7	5,339.4	8,477.6
Belum bayar perdagangan dan lain-lain	37	3,639.2	2,934.6	2,812.6	3,725.4	2,926.9	2,682.4
Deposit pelanggan	38	580.5	575.7	588.8	580.1	575.5	588.5
Peminjaman	19	26.0	916.6	34.9	4.6	897.6	3.0
Cukai dan zakat		43.8	14.1	35.0	66.3	13.5	10.0
LIABILITI SEMASA		4,289.5	4,441.0	3,471.3	4,376.4	4,413.5	3,283.9
ASET SEMASA BERSIH		2,649.0	1,739.0	5,941.1	1,455.3	925.9	5,193.7
		16,490.5	15,501.5	19,061.9	15,413.4	14,950.7	19,120.9

Penyata Kedudukan Kewangan di atas perlu dibaca dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan di muka surat 218 hingga 351.

Laporan Juruaudit Bebas – Muka surat 354 hingga 355.

penyata perubahan ekuiti yang disatukan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

Milik pemegang ekuiti Syarikat										
		Terbitan dan Berbayar Penuh RM1.00 sesaham Saham Istimewa*/ Saham Biasa								
Semua amaun adalah dalam juta kecuali dinyatakan sebaliknya	Nota	Modal Saham RM	Premium Saham RM	Perbezaan Terjemahan Mata Wang RM	Rizab ESOS RM	Rizab Nilai Saksama RM	Rizab Penebusan Modal RM	Keuntungan Tertahan RM	Kepentingan Minoriti RM	Jumlah Ekuiti RM
Pada 1 Januari 2010										
Seperti dinyatakan sebelum ini		3,543.5	1,011.8	(1.0)	19.7	155.5	35.8	2,222.2	142.5	7,130.0
Pelarasan semasa mengguna pakai FRS 139	51	-	-	-	-	100.4	-	(18.0)	-	82.4
Pada 1 Januari 2010, seperti dinyatakan semula		3,543.5	1,011.8	(1.0)	19.7	255.9	35.8	2,204.2	142.5	7,212.4
Keuntungan bagi tahun kewangan tersebut (Kerugian)/pendapatan komprehensif lain bagi tahun kewangan tersebut, selepas ditolak cukai		-	-	-	-	-	-	1,206.5	38.5	1,245.0
		-	-	(0.4)	-	76.5	-	-	-	76.1
Jumlah (kerugian)/pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan tersebut		-	-	(0.4)	-	76.5	-	1,206.5	38.5	1,321.1
Urus niaga dengan pemilik:										
Dividen akhir dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009	13	-	-	-	-	-	-	(346.4)	-	(346.4)
Dividen interim dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010	13	-	-	-	-	-	-	(347.4)	-	(347.4)
Dividen dibayar kepada kepentingan minoriti		-	-	-	-	-	-	-	(30.2)	(30.2)
Skim opsyen saham kakitangan (ESOS)										
- saham diterbitkan berikutan pelaksanaan opsyen	14(d)(i)&15	23.4	23.0	-	-	-	-	-	-	46.4
- pindahan rizab berikutan pelaksanaan opsyen		-	17.2	-	(17.2)	-	-	-	-	-
- pindahan rizab berikutan tamatnya tempoh opsyen		-	-	-	(2.5)	-	-	2.5	-	-
Saham diterbitkan berikutan pelupusan saham berkaitan opsyen yang telah luput	14(d)(iii)	1.2	3.1	-	-	-	-	-	-	4.3
Jumlah urus niaga dengan pemilik		24.6	43.3	-	(19.7)	-	-	(691.3)	(30.2)	(673.3)
Pada 31 Disember 2010		3,568.1	1,055.1	(1.4)	-	332.4	35.8	2,719.4	150.8	7,860.2

Milik pemegang ekuiti Syarikat										
Semua amaun adalah dalam juta kecuali dinyatakan sebaliknya	Nota	Terbitan dan Berbayar Penuh RM1.00 sesaham Saham Istimewa*/ Saham Biasa		Perbezaan Terjemahan Mata Wang RM	Rizab ESOS RM	Rizab Nilai Saksama RM	Rizab Penebusan Modal RM	Keuntungan Tertahan RM	Kepentingan Minoriti RM	Jumlah Ekuiti RM
		Modal Saham RM	Premium Saham RM							
Pada 1 Januari 2009		3,456.0	4,305.4	(10.4)	82.9	111.0	–	2,303.2	226.5	10,474.6
Keuntungan bagi tahun kewangan tersebut		–	–	–	–	–	–	643.0	30.3	673.3
Pendapatan komprehensif lain bagi tahun kewangan tersebut, selepas ditolak cukai		–	–	9.4	–	44.5	–	–	–	53.9
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan tersebut		–	–	9.4	–	44.5	–	643.0	30.3	727.2
Urus niaga dengan pemilik: Pengambilalihan baki kepentingan ekuiti dalam sebuah anak syarikat	5(c)	–	–	–	–	–	–	–	(103.9)	(103.9)
Terbitan bonus Saham Keutamaan Boleh Tebus (RPS)	14(c)	35.8	(35.8)	–	–	–	–	–	–	–
Penebusan RPS	14(c)	(35.8)	(3,470.0)	–	–	–	–	43.1	–	(3,462.7)
Pewujudan rizab penebusan modal berikutan penebusan RPS	14(c)	–	–	–	–	–	35.8	(35.8)	–	–
Dividen akhir dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008	13	–	–	–	–	–	–	(377.2)	–	(377.2)
Dividen interim dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009	13	–	–	–	–	–	–	(354.1)	–	(354.1)
Dividen dibayar kepada kepentingan minoriti Skim opsyen saham kakitangan (ESOS)		–	–	–	–	–	–	–	(10.4)	(10.4)
– opsyen diberi		–	–	–	7.0	–	–	–	–	7.0
– saham diterbitkan berikutan pelaksanaan opsyen	14&15	87.5	142.0	–	–	–	–	–	–	229.5
– pindahan rizab berikutan pelaksanaan opsyen		–	70.2	–	(70.2)	–	–	–	–	–
Jumlah urus niaga dengan pemilik		87.5	(3,293.6)	–	(63.2)	–	35.8	(724.0)	(114.3)	(4,071.8)
Pada 31 Disember 2009		3,543.5	1,011.8	(1.0)	19.7	155.5	35.8	2,222.2	142.5	7,130.0

* Saham terbitan dan berbayar penuh termasuk Saham Keutamaan Boleh Tebus Hak Istimewa (Saham Istimewa) bernilai RM1.00. Rujuk nota 14(a) kepada penyata kewangan untuk maklumat lanjut mengenai terma dan hak berkaitan Saham Istimewa tersebut.

Penyata Perubahan Ekuiti yang Disatukan di atas perlu dibaca dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan di muka surat 218 hingga 351.

Laporan Juruaudit Bebas – Muka surat 354 hingga 355.

penyata perubahan ekuiti syarikat

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

Semua amaun adalah dalam juta kecuali dinyatakan sebaliknya	Nota	Terbitan dan Berbayar Penuh RM1.00 sesaham Saham Istimewa*/ Saham Biasa	Tidak Boleh Diagih					Boleh Diagih		Jumlah Ekuiti RM
			Modal Saham RM	Premium Saham RM	Rizab ESOS RM	Rizab ESOS Khas RM	Rizab Nilai Saksama RM	Rizab Penebusan Modal RM	Keuntungan Tertahan RM	
Pada 1 Januari 2010										
Seperti dinyatakan sebelum ini			3,543.5	1,011.8	19.7	728.3	-	35.8	1,335.6	6,674.7
Pelarasan semasa mengguna pakai FRS 139	51		-	-	-	-	100.4	-	(18.0)	82.4
Pada 1 Januari 2010, seperti dinyatakan semula			3,543.5	1,011.8	19.7	728.3	100.4	35.8	1,317.6	6,757.1
Keuntungan bagi tahun kewangan tersebut			-	-	-	-	-	-	928.4	928.4
Kerugian komprehensif lain bagi tahun kewangan tersebut, selepas ditolak cukai			-	-	-	-	(19.6)	-	-	(19.6)
Jumlah (kerugian)/pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan tersebut			-	-	-	-	(19.6)	-	928.4	908.8
Urus niaga dengan pemilik:										
Dividen akhir dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009	13		-	-	-	-	-	-	(348.8)	(348.8)
Dividen interim dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010	13		-	-	-	-	-	-	(348.8)	(348.8)
Skim opsyen saham kakitangan (ESOS)										
- saham diterbitkan berikutan pelaksanaan opsyen	14(d)(i)&15		23.4	23.0	-	-	-	-	-	46.4
- pindahan rizab berikutan pelaksanaan opsyen			-	17.2	(17.2)	(59.1)	-	-	-	(59.1)
- pindahan rizab berikutan tamatnya tempoh opsyen			-	-	(2.5)	-	-	-	2.5	-
- pembayaran balik sumbangan modal oleh TM ESOS Management Sdn Bhd (TEM)	14(d)(i) &28(a)		-	-	-	(446.0)	-	-	446.0	-
- pengurangan nilai pelaburan dalam TEM berikutan urus niaga pemegang saham	14(d)(i) &28(a)		-	-	-	(19.9)	-	-	-	(19.9)
Saham diterbitkan berikutan pelupusan saham berkaitan opsyen yang telah luput	14(d)(ii)		1.2	3.1	-	(3.1)	-	-	-	1.2
Jumlah urus niaga dengan pemilik			24.6	43.3	(19.7)	(528.1)	-	-	(249.1)	(729.0)
Pada 31 Disember 2010			3,568.1	1,055.1	-	200.2	80.8	35.8	1,996.9	6,936.9

Semua amaun adalah dalam juta kecuali dinyatakan sebaliknya	Nota	Terbitan dan Berbayar Penuh RM1.00 sesaham Saham Istimewa*/ Saham Biasa							
		Tidak Boleh Diagih					Boleh Diagih		
		Modal Saham RM	Premium Saham RM	Rizab ESOS RM	Rizab ESOS Khas RM	Rizab Nilai Saksama RM	Rizab Penebusan Modal RM	Keuntungan Tertahan RM	Jumlah Ekuiti RM
Pada 1 Januari 2009		3,456.0	4,305.4	82.9	1,168.2	-	-	1,581.5	10,594.0
Keuntungan bagi tahun kewangan tersebut		-	-	-	-	-	-	481.0	481.0
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan tersebut		-	-	-	-	-	-	481.0	481.0
Urus niaga dengan pemilik:									
Terbitan bonus RPS	14(c)	35.8	(35.8)	-	-	-	-	-	-
Penebusan RPS	14(c)	(35.8)	(3,470.0)	-	-	-	-	-	(3,505.8)
Pewujudan rizab penebusan modal berikutan penebusan RPS	14(c)	-	-	-	-	-	35.8	(35.8)	-
Dividen akhir dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008	13	-	-	-	-	-	-	(382.3)	(382.3)
Dividen interim dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009	13	-	-	-	-	-	-	(357.7)	(357.7)
Skim opsyen saham kakitangan (ESOS)									
- opsyen diberi kepada anggota-anggota Syarikat		-	-	4.1	-	-	-	-	4.1
- opsyen diberi kepada anggota-anggota anak-anak syarikat		-	-	0.9	-	-	-	-	0.9
- opsyen diberi kepada anggota-anggota bekas anak-anak syarikat		-	-	2.0	-	-	-	-	2.0
- saham diterbitkan berikutan pelaksanaan opsyen	14&15	87.5	142.0	-	-	-	-	-	229.5
- pindahan rizab berikutan pelaksanaan opsyen		-	70.2	(70.2)	(292.0)	-	-	-	(292.0)
- pembayaran balik sumbangan modal oleh TEM berikutan urus niaga pemegang saham	14(d)(i) &28(a)	-	-	-	(48.9)	-	-	48.9	-
- pengurangan nilai pelaburan dalam TEM berikutan urus niaga pemegang saham	14(d)(i) &28(a)	-	-	-	(99.0)	-	-	-	(99.0)
Jumlah urus niaga dengan pemilik		87.5	(3,293.6)	(63.2)	(439.9)	-	35.8	(726.9)	(4,400.3)
Pada 31 Disember 2009		3,543.5	1,011.8	19.7	728.3	-	35.8	1,335.6	6,674.7

* Saham terbitan dan berbayar penuh termasuk Saham Keutamaan Boleh Tebus Hak Istimewa (Saham Istimewa) bernilai RM1.00. Rujuk nota 14(a) kepada penyata kewangan untuk maklumat lanjut mengenai terma dan hak berkaitan Saham Istimewa tersebut.

Penyata Perubahan Ekuiti Syarikat di atas perlu dibaca dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan di muka surat 218 hingga 351.

Laporan Juruaudit Bebas – Muka surat 354 hingga 355.

Semua amaun adalah dalam juta kecuali dinyatakan sebaliknya	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KENDALIAN	39	2,973.4	3,056.0	2,659.3	2,587.4
ALIRAN TUNAI (DIGUNAKAN DALAM)/DARIPADA AKTIVITI PELABURAN	40	(1,446.9)	2,546.4	(998.9)	3,097.0
ALIRAN TUNAI DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI PEMBIAYAAN	41	(1,534.2)	(4,205.9)	(1,489.6)	(4,233.0)
(PENGURANGAN)/PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESAMAAN TUNAI		(7.7)	1,396.5	170.8	1,451.4
KESAN PERUBAHAN KADAR PERTUKARAN		5.5	(1.0)	5.7	2.6
TUNAI DAN KESAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN		3,490.2	2,094.7	2,901.2	1,447.2
TUNAI DAN KESAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN	36	3,488.0	3,490.2	3,077.7	2,901.2

Penyata Aliran Tunai di atas perlu dibaca dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan di muka surat 218 hingga 351.

Laporan Juruaudit Bebas – Muka surat 354 hingga 355.



nota-nota kepada penyata kewangan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

Semua amaun adalah dalam juta kecuali dinyatakan sebaliknya

1. AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat dalam tahun kewangan semasa adalah pewujudan, penyelenggaraan dan penyediaan perkhidmatan telekomunikasi dan perkhidmatan berkaitan. Aktiviti utama anak-anak syarikat adalah seperti dinyatakan dalam nota 52 kepada penyata kewangan. Tiada perubahan penting dalam aktiviti utama Kumpulan sepanjang tahun kewangan.

Telekom Malaysia Berhad adalah syarikat awam liabiliti terhad, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia, dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Alamat pejabat yang didaftarkan bagi Syarikat adalah Aras 51, Sayap Utara, Menara TM, Jalan Pantai Baharu, 50672 Kuala Lumpur. Alamat pejabat dan tempat perniagaan utama bagi Syarikat adalah Menara TM, Jalan Pantai Baharu, 50672 Kuala Lumpur.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

Dasar-dasar perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam menangani perkara-perkara yang dianggap penting berhubung dengan penyata kewangan, dan telah diguna pakai secara konsisten pada semua tahun kewangan yang dibentangkan, kecuali jika dinyatakan sebaliknya.

(a) Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan mengikut peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Pelaporan Kewangan, Piawaian Perakaunan yang Diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) di Malaysia untuk Entiti-entiti Selain daripada Entiti-entiti Persendirian.

Penyata kewangan telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah, kecuali seperti dinyatakan dalam Dasar-dasar Perakaunan yang Penting di bawah ini.

Penyediaan penyata kewangan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan memerlukan penggunaan anggaran dan andaian perakaunan kritikal tertentu yang memberi kesan kepada amaun aset dan liabiliti yang dilaporkan, dan pendedahan aset serta liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan amaun yang dilaporkan bagi hasil dan perbelanjaan sepanjang tempoh pelaporan. Pengarah-pengarah juga perlu melaksanakan pertimbangan mereka dalam proses mengguna pakai dasar-dasar perakaunan Kumpulan. Walaupun anggaran dan pertimbangan tersebut adalah berasaskan pengetahuan terbaik Pengarah-pengarah mengenai hal ehwal dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza.

Bidang yang melibatkan tahap pertimbangan atau kerumitan yang lebih tinggi, atau bidang di mana andaian dan anggaran adalah penting kepada penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, adalah didedahkan dalam nota 3 kepada penyata kewangan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas Penyediaan Penyata Kewangan (sambungan)

(i) Piawaian baru dan disemak, pindaan kepada piawaian tersiar dan Interpretasi Jawatankuasa Interpretasi (IC) yang berkuat kuasa bagi tahun kewangan Kumpulan dan Syarikat mulai 1 Januari 2010

Piawaian baru dan disemak, pindaan kepada piawaian tersiar dan Interpretasi IC yang berkuat kuasa bagi tahun kewangan Kumpulan dan Syarikat mulai 1 Januari 2010, adalah seperti berikut:

FRS 7	Instrumen Kewangan: Pendedahan
FRS 8	Segmen Operasi
FRS 101 (disemak)	Pembentangan Penyata Kewangan
FRS 123 (disemak)	Kos Peminjaman
FRS 139	Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
Interpretasi IC 9	Penilaian Semula Derivatif Tersirat
Interpretasi IC 10	Pelaporan Kewangan Interim dan Pengurangan Nilai
Interpretasi IC 11	FRS 2 – Urus Niaga Saham Kumpulan dan Perbendaharaan
Interpretasi IC 13	Program Kesetiaan Pelanggan
Pindaan kepada FRS 2	Bayaran Berasaskan Saham: Syarat Letak Hak dan Pembatalan

Pindaan kepada FRS 132 Instrumen Kewangan: Pembentangan dan FRS 101 (disemak) Pembentangan Penyata Kewangan – Instrumen Kewangan Boleh Letak dan Obligasi Berikutan Pembubaran

Pindaan kepada FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran, FRS 7 Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Interpretasi IC 9 Penilaian Semula Derivatif Tersirat



2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas Penyediaan Penyata Kewangan (sambungan)

(ii) Piawaian baru dan disemak, pindaan kepada piawaian tersiar dan Interpretasi Jawatankuasa Interpretasi (IC) yang berkuat kuasa bagi tahun kewangan Kumpulan dan Syarikat mulai 1 Januari 2010 (sambungan)

Piawaian baru dan disemak, pindaan kepada piawaian tersiar dan Interpretasi IC yang berkuat kuasa bagi tahun kewangan Kumpulan dan Syarikat mulai 1 Januari 2010, adalah seperti berikut: (sambungan)

Pindaan berikut pula adalah sebahagian daripada projek penambahbaikan oleh MASB:

FRS 5	Aset Bukan Semasa yang Dipegang untuk Dijual dan Operasi yang Ditamatkan
FRS 7	Instrumen Kewangan: Pendedahan
FRS 8	Segmen Operasi
FRS 107	Penyata Aliran Tunai
FRS 108	Dasar-dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran dan Kesilapan Perakaunan
FRS 110	Peristiwa selepas Tempoh Pelaporan
FRS 116	Hartanah, Loji dan Peralatan
FRS 117	Pajakan
FRS 118	Hasil
FRS 123	Kos Peminjaman
FRS 127	Penyata Kewangan yang Disatukan dan Berasingan
FRS 128	Pelaburan dalam Syarikat-syarikat Bersekutu
FRS 134	Pelaporan Kewangan Interim
FRS 136	Pengurangan Nilai Aset
FRS 138	Aset Tak Ketara
FRS 140	Pelaburan Hartanah

Semua perubahan dalam dasar-dasar perakaunan telah dibuat menurut peruntukan peralihan dalam piawaian berkenaan. Kesemua FRS yang baru dan disemak semula yang diterima pakai oleh Kumpulan dan Syarikat memerlukan penggunaan retrospektif melainkan bagi FRS 139 yang mana peruntukan peralihannya hanya memerlukan pengiktirafan dan pengukuran semula semua aset kewangan dan liabiliti kewangan pada 1 Januari 2010 seperti yang sewajarnya. Pelarasan berkaitan dengan amaun dibawa sebelumnya dibuat pada baki mula keuntungan tertahan dan rizab nilai saksama seperti yang sewajarnya. Perbandingan tidak dinyatakan semula.

Ringkasan mengenai perubahan dan kesan piawaian baru, pindaan kepada piawaian tersiar dan Interpretasi IC ke atas piawaian sedia ada terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat dinyatakan dalam nota 51 kepada penyata kewangan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas Penyediaan Penyata Kewangan (sambungan)

(ii) Piawaian, pindaan kepada piawaian tersiar dan Interpretasi IC yang belum dikuatkuasakan dan tidak diterima pakai lebih awal

Piawaian baru dan disemak, pindaan kepada piawaian tersiar dan Interpretasi IC yang bersesuaian dengan Kumpulan dan Syarikat, yang tidak diterima pakai lebih awal oleh Kumpulan dan Syarikat, adalah seperti berikut:

		Tarikh kuat kuasa
Pindaan kepada FRS 132	Instrumen Kewangan: Pembentangan	1 Mac 2010
FRS 3 (disemak)	Gabungan Perniagaan	1 Julai 2010
FRS 127 (disemak)	Penyata Kewangan yang Disatukan dan Berasingan	1 Julai 2010
Interpretasi IC 16	Lindung Nilai Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing	1 Julai 2010
Interpretasi IC 17	Pengagihan Aset Bukan Tunai kepada Pemilik	1 Julai 2010
Pindaan kepada FRS 2	Bayaran Berasaskan Saham: Urus Niaga Bayaran Berasaskan Saham Kumpulan Diselesaikan Secara Tunai	1 Januari 2011
Pindaan kepada FRS 7	Instrumen Kewangan: Pendedahan	1 Januari 2011
Interpretasi IC 4	Menentukan Sama ada suatu Pengaturan Mengandungi Pajakan	1 Januari 2011
Interpretasi IC 18	Pindahan Aset daripada Pelanggan	1 Januari 2011
FRS 124 (disemak)	Pendedahan Pihak Berkaitan	1 Januari 2012
Pindaan berikut pula adalah sebahagian daripada projek penambahbaikan oleh MASB:		
FRS 2	Bayaran Berasaskan Saham	1 Julai 2010
FRS 5	Aset Bukan Semasa yang Dipegang untuk Dijual dan Operasi yang Ditamatkan	1 Julai 2010
FRS 138	Aset Tak Ketara	1 Julai 2010
Interpretasi IC 9	Penilaian Semula Derivatif Tersirat	1 Julai 2010
FRS 3	Gabungan Perniagaan	1 Januari 2011
FRS 7	Instrumen Kewangan: Pendedahan	1 Januari 2011
FRS 101	Pembentangan Penyata Kewangan	1 Januari 2011
FRS 121	Kesan Perubahan dalam Kadar Pertukaran Asing	1 Januari 2011
FRS 128	Pelaburan dalam Syarikat-syarikat Bersekutu	1 Januari 2011
FRS 132	Instrumen Kewangan: Pembentangan	1 Januari 2011
FRS 134	Pelaporan Kewangan Interim	1 Januari 2011
FRS 139	Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran	1 Januari 2011
Interpretasi IC 13	Program Kesetiaan Pelanggan	1 Januari 2011



2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas Penyediaan Penyata Kewangan (sambungan)

(ii) Piawaian, pindaan kepada piawaian tersiar dan Interpretasi IC yang belum dikuatkuasakan dan tidak diterima pakai lebih awal (sambungan)

Piawaian baru dan disemak, pindaan kepada piawaian tersiar dan Interpretasi IC yang bersesuaian dengan Kumpulan dan Syarikat, yang tidak diterima pakai lebih awal oleh Kumpulan dan Syarikat, adalah seperti berikut: (sambungan)

- Pindaan kepada FRS 132 "Instrumen Kewangan: Pembentangan" mengenai pengelasan hak terbitan menumpukan pada perakaunan bagi hak terbitan yang didenominasikan dalam mata wang selain daripada mata wang fungsian penerbit. Dengan syarat bahawa syarat-syarat tertentu dipenuhi, terbitan hak sedemikian kini dikelaskan sebagai instrumen ekuiti dan bukannya sebagai liabiliti derivatif, tidak kira jenis mata wang yang disebut bagi harga laksana. Pada masa ini, terbitan-terbitan ini diambil kira sebagai liabiliti derivatif.
- FRS 3 "Gabungan Perniagaan" yang disemak terus mengguna pakai kaedah pemerolehan dalam gabungan perniagaan, dengan beberapa perubahan yang ketara. Misalnya, semua pembayaran untuk membeli sesebuah perniagaan hendaklah dicatatkan pada nilai saksama pada tarikh ia diambil alih, dengan pembayaran luar jangka dikelaskan sebagai hutang, diukur semula melalui penyata pendapatan selepas tarikh pengambilalihan. Terdapat pilihan bagi setiap pengambilalihan, untuk mengukur kepentingan bukan mengawal dalam syarikat yang diambil alih, sama ada pada nilai saksama atau bahagian seimbang kepentingan bukan mengawal bagi aset bersih syarikat yang diambil alih tersebut. Kesemua kos berkaitan pengambilalihan hendaklah diambil kira sebagai perbelanjaan.
- FRS 127 "Penyata Kewangan yang Disatukan dan Berasingan" yang disemak memerlukan kesan semua urus niaga dengan kepentingan bukan mengawal dicatatkan dalam ekuiti, jika tiada perubahan dalam kawalan dan urus niaga ini tidak lagi menghasilkan muhibah atau untung dan rugi. Apabila piawaian ini dikuatkuasa, semua keuntungan dan kerugian anak syarikat akan diuntukkan kepada syarikat induk dan kepentingan bukan mengawal, walaupun peruntukan kerugian kepada kepentingan bukan mengawal menghasilkan baki debit dalam ekuiti pemegang saham. Untung atau rugi yang diuntukkan kepada kepentingan bukan mengawal bagi tahun sebelumnya tidak dinyatakan semula. Piawaian ini juga menetapkan kaedah perakaunan dalam keadaan kehilangan kawalan. Sebarang kepentingan yang tinggal dalam entiti diukur semula pada nilai saksama, dan untung atau rugi diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.
- Interpretasi IC 16 "Lindung Nilai Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing" menjelaskan kaedah perakaunan berhubung lindung nilai pelaburan bersih. Ini merangkumi fakta bahawa lindung nilai pelaburan bersih berkaitan dengan perbezaan dalam mata wang fungsian dan bukan mata wang pembentangan, dan instrumen lindung nilai ini boleh dipegang oleh mana-mana entiti dalam Kumpulan. Keperluan FRS 121 "Kesan Perubahan dalam Kadar Pertukaran Asing" diguna pakai ke atas butiran dilindung nilai tersebut.
- Interpretasi IC 17 "Pengagihan Aset Bukan Tunai kepada Pemilik" memberi panduan mengenai kaedah perakaunan bagi pengaturan di mana sesebuah entiti mengagihkan aset bukan tunai kepada para pemegang saham, sama ada sebagai pengagihan rizab atau sebagai dividen. FRS 5 juga telah dipinda, dan kini memerlukan aset dikelaskan sebagai dipegang untuk pengagihan, hanya apabila ianya sedia untuk diagihkan dan pengagihan ini berkemungkinan besar akan dilaksanakan.
- Pindaan kepada FRS 2 "Bayaran Berasaskan Saham: Urus Niaga Bayaran Berasaskan Saham Kumpulan Diselesaikan Secara Tunai" menjelaskan bahawa suatu entiti yang menerima barangan atau perkhidmatan dalam pengaturan pembayaran berasaskan saham mesti mengambil kira barangan atau perkhidmatan tersebut tidak kira entiti mana dalam Kumpulan yang menyelesaikan urus niaga berkenaan, dan tidak kira sama ada urus niaga tersebut diselesaikan melalui saham atau tunai. Pindaan tersebut juga mengandungi panduan yang sebelum ini termasuk dalam Interpretasi IC 8 "Skop bagi FRS 2" dan Interpretasi IC 11 "FRS 2 – Urus Niaga Saham Kumpulan dan Perbendaharaan", yang akan ditarik balik apabila pindaan itu diguna pakai.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas Penyediaan Penyata Kewangan (sambungan)

(ii) Piawaian, pindaan kepada piawaian tersiar dan Interpretasi IC yang belum dikuatkuasakan dan tidak diterima pakai lebih awal (sambungan)

Piawaian baru dan disemak, pindaan kepada piawaian tersiar dan Interpretasi IC yang bersesuaian dengan Kumpulan dan Syarikat, yang tidak diterima pakai lebih awal oleh Kumpulan dan Syarikat, adalah seperti berikut: (sambungan)

- Pindaan kepada FRS 7 “Instrumen Kewangan: Pendedahan” memerlukan pendedahan yang dipertingkatkan berhubung dengan pengukuran nilai saksama dan risiko mudah tunai. Pindaan tersebut terutamanya memerlukan pendedahan pengukuran nilai saksama berdasarkan hierarki tiga-aras pengukuran nilai saksama.
- Interpretasi IC 4 “Menentukan Sama ada suatu Pengaturan Mengandungi Pajakan” memerlukan Kumpulan untuk mengenal pasti apa-apa pengaturan yang nampaknya tidak mengambil bentuk pajakan mengikut undang-undang tetapi memberi hak untuk menggunakan aset sebagai pulangan bagi pembayaran atau siri pembayaran. Interpretasi ini memberi panduan untuk menentukan sama ada pengaturan tersebut adalah, atau mengandungi pajakan. Penilaian tersebut adalah berdasarkan butiran pengaturan dan memerlukan penilaian sama ada pengaturan yang dibuat itu bebas daripada penggunaan aset khusus dan bahawa pengaturan tersebut memberikan hak untuk menggunakan aset tersebut. Sekiranya pengaturan tersebut mengandungi suatu pajakan, keperluan bagi FRS 117 “Pajakan” hendaklah diguna pakai ke atas elemen pajakan bagi pengaturan tersebut.
- Interpretasi IC 18 “Pindahan Aset daripada Pelanggan” memberi panduan apabila sesuatu entiti menerima daripada seorang pelanggan satu butiran hartanah, loji dan peralatan (atau wang tunai untuk mendapatkan aset berkenaan) yang entiti tersebut kemudiannya mesti gunakan untuk menghubungkan pelanggan dengan rangkaian atau untuk menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan. Apabila butiran yang dipindahkan itu memenuhi definisi bagi suatu aset, aset tersebut diiktiraf sebagai satu butiran hartanah, loji dan peralatan pada nilai saksamanya. Hasil diiktiraf bagi setiap perkhidmatan yang diberi secara berasingan menurut kriteria pengiktirafan FRS 118 “Hasil”.
- FRS 124 “Pendedahan Pihak Berkaitan” yang disemak semula mengetepikan pengecualian untuk mendedahkan urusan niaga di antara entiti-entiti berkaitan kerajaan dengan kerajaan dan semua entiti lain yang berkaitan dengan kerajaan. Pendedahan baru berikut kini diperlukan bagi entiti-entiti berkaitan kerajaan:
 - nama kerajaan dan bentuk perhubungan mereka;
 - jenis dan jumlah setiap urusan niaga yang penting; dan
 - setakat mana urusan niaga penting yang dibuat secara kolektif, dari segi kualitatif mahu pun kuantitatif.
- Penambahbaikan kepada FRS 2 “Bayaran Berasaskan Saham” menjelaskan bahawa sumbangan sesuatu perniagaan semasa pembentukan sesebuah usaha sama dan urusan niaga kawalan bersama adalah di luar skop FRS 2.
- Penambahbaikan kepada FRS 5 “Aset Bukan Semasa yang Dipegang untuk Dijual dan Operasi yang Ditamatkan” menjelaskan bahawa kesemua aset dan liabiliti anak syarikat dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual jika pelan pelupusan separa mengakibatkan kehilangan kawalan. Pendedahan yang berkenaan hendaklah dibuat untuk anak syarikat ini jika takrifan operasi yang ditamatkan dipenuhi.



2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas Penyediaan Penyata Kewangan (sambungan)

(ii) Piawaian, pindaan kepada piawaian tersiar dan Interpretasi IC yang belum dikuatkuasakan dan tidak diterima pakai lebih awal (sambungan)

Piawaian baru dan disemak, pindaan kepada piawaian tersiar dan Interpretasi IC yang bersesuaian dengan Kumpulan dan Syarikat, yang tidak diterima pakai lebih awal oleh Kumpulan dan Syarikat, adalah seperti berikut: (sambungan)

- Penambahbaikan kepada FRS 138 "Aset Tak Ketara" menjelaskan bahawa sekumpulan aset tak ketara yang saling melengkapi yang diperolehi dalam gabungan perniagaan diiktiraf sebagai aset tunggal jika aset individu tersebut mempunyai hayat berguna yang hampir sama.
- Penambahbaikan kepada Interpretasi IC 9 "Penilaian Semula Derivatif Tersirat" menjelaskan bahawa interpretasi ini tidak diterima pakai bagi derivatif tersirat dalam kontrak yang diperolehi dalam gabungan perniagaan, perniagaan di bawah kawalan bersama atau pembentukan usaha sama.
- Penambahbaikan kepada FRS 3 "Gabungan Perniagaan" menjelaskan bahawa pemilihan pengukuran kepentingan bukan mengawal pada nilai saksama atau pada bahagian seimbang aset bersih yang diambil alih hanya bagi instrumen yang mewakili kepentingan pemilik semasa dan melayakkan pemegang-pemegangnya untuk bahagian seimbang aset bersih sekiranya berlaku pembubaran. Semua komponen lain kepentingan bukan mengawal diukur pada nilai saksama melainkan asas pengukuran lain yang diperlukan oleh FRS. Ia juga menjelaskan bahawa pindaan kepada FRS 7, FRS 132 dan FRS 139 yang mengetepikan pengecualian bagi pertimbangan luar jangka, tidak diterima pakai kepada pertimbangan luar jangka yang timbul daripada gabungan perniagaan yang tarikh pengambilalihannya mendahului penerimaan pakai FRS 3 (2010). Pengaturan pertimbangan luar jangka tersebut hendaklah diambil kira mengikut panduan dalam FRS 3 (2005).
- Penambahbaikan kepada FRS 101 "Pembentangan Penyata Kewangan" menjelaskan bahawa suatu entiti hendaklah membentangkan analisis pendapatan komprehensif lain bagi setiap komponen ekuiti, sama ada dalam penyata perubahan dalam ekuiti atau dalam nota kepada penyata kewangan.
- Penambahbaikan kepada FRS 134 "Pelaporan Kewangan Interim" memerlukan pendedahan peristiwa dan urusan niaga tambahan yang penting dalam laporan kewangan entiti tersebut.

Kesemua piawaian, pindaan kepada piawaian tersiar dan Interpretasi IC yang tersebut di atas, akan dikuatkuasakan bagi tahun kewangan Kumpulan dan Syarikat mulai 1 Januari 2011 kecuali FRS 124 yang disemak semula, yang akan dikuatkuasakan bagi tahun kewangan mulai 1 Januari 2012.

Penerimaan pakai piawaian, pindaan kepada piawaian tersiar dan Interpretasi IC yang tersebut di atas tidak dijangka akan memberi kesan yang ketara ke atas Kumpulan dan Syarikat.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Entiti-entiti Ekonomi dalam Kumpulan

(i) Anak-anak Syarikat

Anak-anak syarikat adalah syarikat-syarikat atau entiti-entiti lain (termasuk entiti-entiti tujuan khas) di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal dasar-dasar kewangan dan operasi bagi memperoleh manfaat daripada aktiviti-aktivitinya, umumnya disertai dengan pemegangan saham lebih daripada separuh hak mengundi. Kewujudan dan kesan potensi hak mengundi boleh laksana atau boleh tukar dipertimbangkan, apabila membuat penilaian sama ada Kumpulan mengawal sesebuah entiti yang lain.

Anak-anak syarikat disatukan menerusi kaedah perakaunan pembelian, kecuali untuk penggabungan perniagaan berikut yang diambil kira dengan menggunakan kaedah penggabungan:

- anak-anak syarikat yang disatukan sebelum 1 April 2002, menurut Piawaian Perakaunan Malaysia 2 "Perakaunan untuk Pengambilalihan dan Penggabungan", prinsip perakaunan yang secara umumnya diterima pakai pada ketika itu
- penggabungan perniagaan yang disatukan pada/selepas 1 April 2002 tetapi mempunyai perjanjian bertarikh sebelum 1 Januari 2006 yang menepati syarat-syarat penggabungan seperti digariskan dalam MASB 21 "Gabungan Perniagaan"
- pengorganisasian semula kumpulan dalaman, seperti dijelaskan dalam MASB 21, disatukan pada/selepas 1 April 2002 tetapi mempunyai perjanjian bertarikh sebelum 1 Januari 2006, di mana:
 - pemegang-pemegang saham terakhir kekal yang sama, dan hak setiap pemegang saham sedemikian, berbanding dengan yang lain, adalah tidak berubah; dan
 - bahagian pihak minoriti dalam aset bersih Kumpulan tidak berubah disebabkan oleh perpindahan.
- penggabungan perniagaan melibatkan beberapa entiti atau perniagaan di bawah kawalan pihak yang sama dengan perjanjian bertarikh pada/selepas 1 Januari 2006.

Kumpulan telah memanfaatkan pengecualian yang diperuntukkan oleh MASB 21 dan FRS 3 untuk mengguna pakai Piawaian tersebut secara prospektif.

Menurut kaedah perakaunan pembelian, anak-anak syarikat disatukan sepenuhnya dari tarikh apabila kuasa mengawal dipindahkan kepada Kumpulan dan tidak disatukan dari tarikh kawalan tamat. Kos pengambilalihan diukur sebagai nilai saksama bagi aset-aset yang diberi, instrumen ekuiti diterbitkan dan liabiliti tertanggung atau diambil alih pada tarikh pertukaran, termasuk kos yang terlibat secara langsung dengan pengambilalihan.

Aset-aset yang boleh dikenal pasti yang diperoleh dan liabiliti serta liabiliti luar jangka yang ditanggung dalam sesebuah penggabungan perniagaan pada awalnya diukur pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengira sejauh mana kepentingan minoriti. Lebihan kos pengambilalihan berbanding nilai saksama bahagian Kumpulan dalam aset bersih yang boleh dikenal pasti yang diperoleh pada tarikh pengambilalihan, direkodkan sebagai muhibah (lihat nota 2(g)(i) Dasar-dasar Perakaunan yang Penting). Jika kos pengambilalihan kurang daripada nilai saksama aset bersih milik anak syarikat yang diperoleh, perbezaannya diiktiraf terus dalam Penyata Pendapatan yang Disatukan.



2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Entiti-entiti Ekonomi dalam Kumpulan (sambungan)

(i) Anak-anak Syarikat (sambungan)

Kepentingan minoriti mewakili bahagian keuntungan atau kerugian dan aset bersih anak-anak syarikat berasaskan kepada kepentingan ekuiti yang tidak dimiliki, secara langsung atau tidak langsung melalui anak-anak syarikat, oleh syarikat induk. Ia ditentukan mengikut bahagian kepentingan minoriti dalam nilai saksama aset dan liabiliti yang boleh dikenal pasti milik anak-anak syarikat pada tarikh pengambilalihan dan bahagian kepentingan minoriti dalam perubahan ekuiti anak-anak syarikat sejak tarikh tersebut. Pendedahan kepentingan minoriti dibuat secara berasingan.

Apabila lebih daripada satu urusan niaga pertukaran terlibat, sebarang pelarasan kepada nilai saksama aset, liabiliti dan liabiliti luar jangka yang boleh dikenal pasti milik anak syarikat berkaitan dengan kepentingan yang dimiliki sebelumnya oleh Kumpulan, diambil kira sebagai penilaian semula.

Di bawah kaedah perakaunan penggabungan, keputusan operasi anak-anak syarikat dibentangkan seolah-olah penggabungan terlaksana sepanjang tahun semasa dan tahun-tahun sebelumnya. Aset dan liabiliti yang digabung diambil kira berasaskan amaun dibawa daripada perspektif pemegang saham kawalan bersama pada tarikh pindahan. Apabila berlaku penyatuan, kos penggabungan termansuh dengan nilai saham yang diterima. Sebarang perbezaan kredit yang terhasil dikelaskan sebagai ekuiti dan dianggap sebagai rizab yang tidak boleh diagih. Sebarang perbezaan debit yang terhasil diselaraskan terhadap mana-mana rizab yang sesuai. Jika terdapat premium saham, rizab tebus modal dan sebarang rizab lain yang boleh diagih kepada modal saham perusahaan yang digabungkan, setakat mana ianya belum dipermodalkan dengan perbezaan debit, dikelaskan semula dan dibentangkan sebagai pergerakan dalam rizab modal yang lain.

Urus niaga, baki dan keuntungan atau kerugian belum terealisasi daripada urusan niaga antara syarikat-syarikat dalam Kumpulan disingkirkan. Dasar-dasar perakaunan anak-anak syarikat telah diubah di mana perlu bagi memastikan ketekalan dengan dasar-dasar perakaunan yang diterima pakai oleh Kumpulan.

Laba atau kerugian yang terhasil daripada pelupusan sesebuah anak syarikat merupakan perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dengan bahagian Kumpulan dalam aset bersih anak syarikat tersebut pada tarikh pelupusan, termasuk amaun kumulatif bagi sebarang perbezaan pertukaran yang berkaitan dengan anak syarikat berkenaan yang sebelumnya diiktiraf dalam ekuiti, dan kini diiktiraf dalam Penyata Pendapatan yang Disatukan.

(ii) Urus Niaga dengan Kepentingan Minoriti

Kumpulan mengguna pakai dasar kendalian urusan niaga dengan kepentingan minoriti seperti mana-mana urusan niaga dengan pihak luar daripada Kumpulan. Penjualan kepada kepentingan minoriti menyebabkan keuntungan dan kerugian kepada Kumpulan dan dicatatkan dalam Penyata Pendapatan. Pembelian daripada kepentingan minoriti menghasilkan muhibah, iaitu perbezaan antara sebarang imbalan dibayar dengan bahagian yang relevan daripada nilai dibawa bagi aset bersih milik anak syarikat yang diambil alih.

(iii) Syarikat-syarikat Bersekutu

Syarikat-syarikat bersekutu adalah perbadanan, perkongsian atau entiti-entiti lain di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting, tetapi tidak mempunyai kawalan, secara umumnya disertai dengan pemegangan saham antara 20% hingga 50% hak mengundi. Pengaruh penting ialah kuasa untuk menyertai proses penentuan dasar-dasar kewangan dan kendalian bagi syarikat-syarikat bersekutu tetapi tidak mempunyai kawalan terhadap dasar-dasar berkenaan.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu diambil kira dalam penyata kewangan yang disatukan dengan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh penting ke atas syarikat-syarikat bersekutu, perakaunan ekuiti akan dihentikan. Pelaburan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu meliputi muhibah yang dikenal pasti daripada pengambilalihan, selepas ditolak sebarang kerugian pengurangan nilai terkumpul.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Entiti-entiti Ekonomi dalam Kumpulan (sambungan)

(iii) Syarikat-syarikat Bersekutu (sambungan)

Bahagian Kumpulan dalam keuntungan atau kerugian selepas pengambilalihan syarikat-syarikat bersekutunya diiktiraf dalam Penyata Pendapatan yang Disatukan dan bahagian Kumpulan dalam pergerakan rizab selepas pengambilalihan diiktiraf dalam rizab. Pergerakan kumulatif selepas pengambilalihan diselaraskan terhadap amaun dibawa bagi pelaburan. Apabila bahagian Kumpulan dalam kerugian sesebuah syarikat bersekutu menyamai atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu berkenaan, termasuk sebarang belum terima lain tidak bercagar, kepentingan Kumpulan dikurangkan kepada sifar dan pengiktirafan kerugian selanjutnya dihentikan kecuali apabila Kumpulan menanggung obligasi perundangan atau konstruktif atau membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu tersebut.

Keputusan kewangan syarikat-syarikat bersekutu diambil daripada penyata kewangan terkini syarikat-syarikat bersekutu berkenaan yang tidak diaudit, yang dibuat sehingga ke suatu tarikh yang tidak melebihi 3 bulan sebelum berakhirnya tahun kewangan Kumpulan.

Keuntungan belum terealisasi daripada urus niaga antara Kumpulan dengan syarikat-syarikat bersekutunya disingkirkan setakat kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu tersebut; kerugian belum terealisasi juga disingkirkan melainkan urus niaga berkenaan menunjukkan bukti pengurangan nilai aset yang dipindahkan. Di mana perlu, dalam mengguna pakai kaedah ekuiti, pelarasan yang sesuai dibuat kepada penyata kewangan syarikat-syarikat bersekutu bagi memastikan ketekalan dengan dasar-dasar perakaunan Kumpulan.

Laba dan kerugian pencairan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

Bagi peningkatan kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu, tarikh pengambilalihan merupakan tarikh pengaruh penting diperoleh. Muhibah dikira pada setiap tarikh pembelian berasaskan kepada nilai saksama aset dan liabiliti yang dikenal pasti. Kepentingan yang diambil alih sebelumnya, dinaikkan kepada nilai saksama dan bahagian keuntungan serta pergerakan ekuiti bagi kepentingan yang diambil alih sebelumnya, tidak diiktiraf kerana ia termasuk di dalam kenaikan tersebut.

Laba atau kerugian yang terhasil daripada pelupusan sesebuah syarikat bersekutu merupakan perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dengan bahagian Kumpulan dalam aset bersih syarikat bersekutu tersebut pada tarikh pelupusan, termasuk amaun kumulatif bagi sebarang perbezaan pertukaran yang berkaitan dengan syarikat bersekutu berkenaan yang sebelumnya diiktiraf dalam ekuiti, dan kini diiktiraf dalam Penyata Pendapatan yang Disatukan.

(iv) Perubahan dalam Kepentingan Pemilikan

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai kawalan, kawalan bersama atau pengaruh penting ke atas sesuatu entiti, amaun dibawa bagi pelaburan itu pada tarikh tersebut menjadi kos pelaburan itu pada permulaan pengukuran sebagai aset kewangan menurut FRS 139. Apa-apa amaun yang sebelumnya diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain berkenaan dengan entiti tersebut diambil kira seolah-olah Kumpulan telah melupuskan secara langsung aset dan liabiliti yang berkaitan.

(c) Pelaburan dalam Anak-anak Syarikat dan Syarikat-syarikat Bersekutu

Pelaburan dalam anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos tolak kerugian pengurangan nilai terkumpul dalam penyata kewangan berasingan Syarikat. Apabila wujudnya tanda pengurangan nilai, amaun dibawa bagi pelaburan berkenaan ditaksir dan diturunkan serta merta kepada amaun boleh dipungut semula (lihat nota 2(h) Dasar-dasar Perakaunan yang Penting mengenai Pengurangan Nilai Aset Bukan Kewangan). Kerugian pengurangan nilai dicaj kepada Penyata Pendapatan.

Apabila pelaburan dalam anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu dilupuskan, perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan amaun dibawa pelaburan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.



2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(d) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai dan kerugian pengurangan nilai terkumpul. Kos ini termasuk perbelanjaan yang digunakan secara langsung untuk memperoleh aset-aset tersebut.

(i) Kos

Kos bagi rangkaian telekomunikasi meliputi perbelanjaan sehingga dan termasuk peti penyampaian terakhir sebelum premis pelanggan dan termasuk kos kontraktor, bahan-bahan, tenaga buruh langsung dan overhead yang berkaitan. Kos untuk hartanah, loji dan peralatan lain mengandungi kos pembeliannya dan sebarang kos sampingan berkaitan pemerolehan. Kos tersebut termasuk kos peleraian, pengalihan dan membaik pulih, yang mana obligasi tersebut ditanggung berikutan pemasangan aset berkenaan. Kos juga termasuk kos peminjaman yang secara langsung adalah disebabkan oleh pemerolehan, pembinaan atau pengeluaran aset yang layak (lihat nota 2(p)(iii) Dasar-dasar Perakaunan yang Penting mengenai kos peminjaman).

Kos berikutnya diambil kira dalam amaun dibawa aset atau diiktiraf sewajarnya hanya apabila manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan aset tersebut berkemungkinan akan masuk ke dalam Kumpulan dan kos aset berkenaan boleh ditentukan dengan pasti. Nilai dibawa bagi bahagian aset yang diganti tidak lagi diiktiraf. Kesemua kos lain berhubung dengan kerja pembaikan dan penyelenggaraan dicaj kepada Penyata Pendapatan dalam tempoh kos ditanggung.

(ii) Susut Nilai

Tanah pegangan kekal tidak disusut nilai kerana ia mempunyai hayat infinit. Tanah pegangan pajak yang dikelaskan sebagai pajakan kewangan, dilunaskan dalam amaun ansuran sama rata sepanjang tempoh pemegangan pajakan yang berkenaan. Tanah pegangan pajakan jangka panjang mempunyai tempoh tamat pemegangan pajakan selama 50 tahun dan ke atas. Hartanah, loji dan peralatan lain disusut nilai berasaskan kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos aset hingga ke nilai sisa sepanjang anggaran hayat berguna, dalam tahun, seperti yang diringkaskan di bawah:

Rangkaian telekomunikasi	3 – 25
Harta mudah alih dan peralatan	5 – 8
Sistem sokongan komputer	3 – 5
Bangunan	5 – 40

Modal kerja dalam pelaksanaan adalah dinyatakan pada kos dan tidak disusutnilaikan. Sebaik selesai, modal kerja dalam pelaksanaan dipindahkan kepada kategori hartanah, loji dan peralatan bergantung pada jenis aset. Susut nilai ke atas hartanah, loji dan peralatan yang masih dalam pembinaan bermula apabila hartanah, loji dan peralatan sedia untuk digunakan. Susut nilai ke atas hartanah, loji dan peralatan tidak lagi diteruskan apabila pengiktirafan aset berkenaan dihentikan atau apabila aset berkenaan dikelaskan sebagai aset dipegang untuk dijual, yang mana lebih awal.

Nilai sisa dan hayat berguna aset disemak semula dan diselaraskan sewajarnya pada setiap tarikh pelaporan.

(iii) Pengurangan Nilai

Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan membuat penilaian sama ada wujud sebarang tanda pengurangan nilai. Jika tanda sedemikian wujud, analisis dilakukan bagi menentukan sama ada nilai dibawa bagi aset berkenaan boleh dipungut semula sepenuhnya. Penurunan nilai dibuat jika nilai dibawa melebihi amaun boleh dipungut semula (lihat nota 2(h) Dasar-dasar Perakaunan yang Penting mengenai Pengurangan Nilai Aset Bukan Kewangan).

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(d) Hartanah, Loji dan Peralatan (sambungan)

(iv) Laba atau Kerugian daripada Pelupusan

Laba atau kerugian daripada pelupusan ditentukan dengan membandingkan perolehan dengan amaun dibawa bagi aset berkaitan dan diambil kira dalam pendapatan kendalian lain dalam Penyata Pendapatan.

(v) Urus Niaga Pertukaran Aset

Hartanah, loji dan peralatan berkemungkinan diperolehi melalui pertukaran dengan aset bukan monetari atau gabungan aset monetari dan bukan monetari dan diukur pada nilai saksama melainkan;

- urus niaga pertukaran kurang kandungan komersil; atau
- nilai saksama bagi aset yang diterima mahupun aset yang diserahkan tidak boleh ditentukan dengan pasti.

Aset yang diperolehi ditentukan nilainya dengan cara ini walaupun Kumpulan tidak boleh menghentikan pengiktirafan aset yang diserahkan dengan serta merta. Jika aset yang diperolehi itu tidak dapat ditentukan dengan pasti pada nilai saksamanya, kosnya ditentukan pada amaun dibawa bagi aset yang diserahkan.

(vi) Pembaikan dan Penyelenggaraan

Pembaikan dan penyelenggaraan dicaj kepada Penyata Pendapatan dalam tempoh ianya ditanggung. Kos pengubahsuaian utama diambil kira dalam amaun dibawa aset apabila manfaat ekonomi masa hadapan yang melebihi standard prestasi aset sedia ada, yang dinilai terdahulu, berkemungkinan akan masuk ke dalam Kumpulan. Kos ini disusut nilai sepanjang baki tempoh hayat berguna aset yang berkenaan.

(e) Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan, terutamanya meliputi tanah dan bangunan pejabat, dipegang untuk hasil sewaan jangka panjang atau untuk tambah nilai modal atau untuk kedua-duanya, dan harta tersebut tidak diduduki oleh Kumpulan atau Syarikat.

Hartanah pelaburan dibawa pada kos tolak susut nilai dan kerugian pengurangan nilai terkumpul. Hartanah pelaburan disusut nilai berasaskan kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos hartanah pelaburan hingga ke nilai sisa sepanjang hayat berguna, dalam tahun, seperti yang diringkaskan di bawah:

Tanah pegangan pajak	sepanjang tempoh pemegangan pajak masing-masing
Bangunan	5 – 40

Tanah pegangan kekal tidak disusut nilai kerana ia mempunyai jangka hayat infinit.

Perbelanjaan berikutnya dipermodalkan kepada amaun dibawa aset berkenaan hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi pada masa hadapan yang berkaitan dengan perbelanjaan akan masuk ke dalam Kumpulan dan kos butiran itu boleh diukur dengan betul. Kesemua kos pembaikan dan penyelenggaraan lain dicajkan ke penyata pendapatan apabila ia ditanggung. Apabila sebahagian daripada harta pelaburan diganti, amaun dibawa bagi harta yang diganti itu akan dinyah iktiraf.

Apabila hartanah pelaburan dilupuskan, atau apabila penggunaannya dihentikan secara kekal dan dijangkakan tiada lagi manfaat ekonomi masa hadapan, maka ia akan dinyah iktiraf (disingkirkan daripada Penyata Kedudukan Kewangan). Laba atau kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan perolehan pelupusan bersih dengan amaun dibawa dan diambil kira dalam Penyata Pendapatan.



2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(f) Tanah Dipegang untuk Pembangunan Hartanah

Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah meliputi kawasan tanah di mana tiada kerja-kerja pembangunan yang ketara telah dijalankan atau di mana aktiviti pembangunan dijangka tidak akan siap dalam tempoh kitaran operasi biasa. Tanah sedemikian dikelaskan sebagai aset bukan semasa dan dinyatakan pada kos tolak kerugian pengurangan nilai terkumpul.

Kos berkaitan dengan pemerolehan tanah meliputi harga pembelian tanah, yuran profesional, duti setem, komisen, yuran penukaran guna tanah dan levi lain yang berkaitan. Jika wujud tanda pengurangan nilai, amaun dibawa bagi aset tersebut ditaksir dan diturunkan serta-merta kepada amaun boleh dipungut semula (lihat nota 2(h) Dasar-dasar Perakaunan yang Penting mengenai Pengurangan Nilai Aset Bukan Kewangan).

Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah dipindahkan kepada kos pembangunan hartanah (dalam lingkungan aset semasa) apabila aktiviti pembangunan bermula dan di mana aktiviti pembangunan boleh disiapkan dalam tempoh kitaran operasi biasa, iaitu antara 2 hingga 5 tahun.

(g) Aset Tak Ketara

(i) Muhibah

Muhibah merupakan lebih kos pengambilalihan anak-anak syarikat ke atas bahagian Kumpulan dalam nilai saksama aset bersih yang boleh dikenal pasti, termasuk liabiliti luar jangka anak-anak syarikat pada tarikh pengambilalihan. Muhibah daripada pengambilalihan yang berlaku pada atau selepas 1 Januari 2002 berhubung dengan sesebuah anak syarikat dimasukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan yang Disatukan sebagai aset tak ketara. Muhibah daripada pengambilalihan yang berlaku sebelum 1 Januari 2002 dihapus kira daripada rizab dalam tahun pengambilalihan.

Muhibah dibawa pada kos, tolak kerugian pengurangan nilai terkumpul. Muhibah diuji bagi menentukan pengurangan nilai, sekurang-kurangnya sekali setahun atau apabila berlaku peristiwa atau keadaan yang menunjukkan bahawa pengurangan nilai mungkin wujud. Pengurangan nilai muhibah dicaj kepada Penyata Pendapatan yang Disatukan apabila ia berlaku. Kerugian pengurangan nilai muhibah tidak boleh berbalik. Laba dan kerugian daripada pelupusan sesebuah entiti termasuk amaun dibawa muhibah berkaitan entiti yang dilupus.

Muhibah diagihkan kepada unit-unit penajaan tunai untuk tujuan ujian pengurangan nilai. Setiap unit penajaan tunai atau sekumpulan unit penajaan tunai merupakan tahap terendah dalam Kumpulan di mana muhibah dipantau bagi tujuan pengurusan dalaman dan dijangka akan memperoleh manfaat daripada sinergi gabungan.

(ii) Perisian

Kos yang berkaitan secara langsung dengan produk perisian yang boleh dikenal pasti dan unik yang dikawal oleh Kumpulan, yang mungkin menjana faedah ekonomi yang melebihi kos lebih dari setahun, diiktiraf sebagai aset tak ketara. Pelunasan dikira menggunakan kaedah garis lurus pada kadar 20% setahun tertakluk kepada pengurangan nilai.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(h) Pengurangan Nilai Aset Bukan Kewangan

Aset yang mempunyai hayat berguna tidak terhad tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji bagi menentukan pengurangan nilai pada setiap tahun, atau apabila berlaku peristiwa atau keadaan yang menunjukkan bahawa pengurangan nilai mungkin wujud. Hartanah, loji dan peralatan serta aset bukan semasa yang lain, termasuk aset tidak ketara dengan hayat berguna terhad, disemak semula bagi menentukan kerugian pengurangan nilai apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa amaun dibawa mungkin tidak boleh dipungut semula. Kerugian pengurangan nilai diiktiraf apabila amaun dibawa bagi sesuatu aset melebihi amaun boleh dipungut semula. Amaun boleh dipungut semula adalah nilai yang lebih tinggi antara nilai saksama tolak kos jualan dan nilai sedang guna bagi sesuatu aset. Untuk tujuan penaksiran pengurangan nilai, aset dikumpulkan pada tahap terendah di mana terdapat aliran tunai yang boleh dikenal pasti secara berasingan (unit penjanaan tunai). Aset selain daripada muhibah yang mengalami pengurangan nilai, disemak semula bagi menentukan sama ada pembalikan mungkin boleh dilakukan pada setiap tarikh pelaporan.

Kerugian pengurangan nilai dicaj kepada Penyata Pendapatan. Kerugian pengurangan nilai atas muhibah tidak boleh berbalik. Bagi aset-aset lain, sebarang pertambahan selanjutnya dalam amaun boleh dipungut semula akan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

(i) Aset-aset Kewangan

Aset-aset kewangan dikelaskan dalam kategori berikut: pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, pinjaman dan belum terima serta tersedia-untuk-dijual. Pihak pengurusan menentukan pengelasan aset-aset kewangan pada permulaan pengiktirafan berdasarkan kepada jenis aset dan tujuan mengapa aset itu diperolehi.

(i) Aset-aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Keuntungan atau Kerugian

Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian adalah aset kewangan yang dipegang untuk diurusniagakan. Aset kewangan dikelaskan dalam kategori ini sekiranya ia diperolehi, dari segi prinsipnya, adalah bagi tujuan untuk dijual dalam jangka pendek. Derivatif juga dikategorikan sebagai dipegang untuk diurusniagakan melainkan ia ditetapkan sebagai lindung nilai. Aset dalam kategori ini dikelaskan sebagai aset semasa.

Sekuriti ekuiti disebut harga (dalam lingkungan aset semasa), sebelumnya dinyatakan pada nilai kos dan nilai pasaran, mana yang lebih rendah, yang ditentukan berdasarkan portfolio agregat, kini dikelaskan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Aset kewangan dibawa pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian pada permulaannya diiktiraf pada nilai saksama, dan kos urus niaga dicajkan dalam Penyata Pendapatan.

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam Penyata Pendapatan dalam tempoh di mana perubahan perlu dibuat.

(ii) Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau boleh ditentukan, yang tidak disebut harga dalam pasaran yang aktif. Pinjaman dan belum terima ini termasuk dalam aset semasa, melainkan bagi kematangan melebihi 12 bulan selepas berakhirnya tempoh laporan. Pinjaman dan belum terima ini dikelaskan sebagai aset bukan semasa. Pinjaman dan belum terima Kumpulan terdiri daripada belum terima bukan semasa, belum terima perdagangan dan lain-lain serta tunai dan kesamaan tunai dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Belum terima bukan semasa lain, sebelumnya dibawa pada nilai terealisasi bersih kini dikelaskan sebagai pinjaman dan belum terima dan diukur pada nilai saksama termasuk kos urus niaga pada permulaan dan berikutnya, pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

Apabila pinjaman dan belum terima terjejas, amaun dibawa aset berkenaan dikurangkan dan amaun kerugian diiktiraf dalam Penyata Pendapatan. Kerugian pengurangan nilai diukur sebagai perbezaan di antara amaun dibawa aset tersebut dan nilai semasa bagi anggaran aliran tunai masa hadapan (tidak termasuk kerugian kredit pada masa hadapan yang belum ditanggung) terdiskaun pada kadar faedah berkesan asal aset berkenaan.



2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(i) Aset-aset Kewangan (sambungan)

(iii) Aset Kewangan Tersedia-untuk-dijual

Aset kewangan tersedia-untuk-dijual adalah aset kewangan bukan derivatif yang sama ada ditetapkan dalam kategori ini atau tidak dikelaskan dalam mana-mana kategori lain. Ia termasuk dalam aset bukan semasa kecuali pelaburan tersebut matang atau pihak pengurusan berhasrat untuk melupuskannya dalam tempoh 12 bulan dari akhir tempoh pelaporan.

Sekuriti pendapatan tetap (dalam lingkungan aset semasa), sebelumnya diukur pada nilai kos dan nilai pasaran, mana yang lebih rendah, pelaburan ekuiti bukan semasa tertentu dan pinjaman pelajaran boleh ubah (dalam lingkungan belum terima bukan semasa), sebelumnya diukur pada kos dan tertakluk kepada pengurangan nilai, kini masing-masing dikelaskan sebagai pelaburan tersedia-untuk-dijual dan belum terima tersedia-untuk-dijual. Aset-aset ini pada awalnya diukur pada nilai saksama termasuk kos urus niaga dan berikutnya, pada nilai saksama.

Perubahan dalam nilai saksama pelaburan tersedia-untuk-dijual diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain. Sementara itu, perubahan dalam nilai saksama belum terima tersedia-untuk-dijual dikelaskan sebagai aset bukan semasa boleh dianalisiskan melalui perubahan yang timbul daripada penukaran belum terima kepada biasiswa dan perubahan nilai saksama lain. Perubahan berikutan daripada penukaran tersebut diiktiraf dalam Penyata Pendapatan, manakala perubahan dalam nilai saksama lain diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif. Faedah atas belum terima tersedia-untuk-dijual yang dikira menggunakan kaedah faedah berkesan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

Apabila aset kewangan tersedia-untuk-dijual telah dijual, pelarasan nilai saksama terkumpul yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dikelaskan semula dalam Penyata Pendapatan.

(iv) Nyah Iktiraf

Aset kewangan dinyah iktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada pelaburan tersebut tamat atau dipindahkan dan Kumpulan telah memindahkan kebanyakan risiko dan manfaat pemilikan.

Belum terima yang difaktor keluar kepada bank dan institusi kewangan lain dengan rekursu kepada Kumpulan tidak dinyah iktiraf sehingga tempoh rekursu tersebut tamat dan risiko dan manfaat belum terima tersebut telah dipindahkan sepenuhnya. Tunai sepadan yang diterima daripada institusi kewangan dicatatkan sebagai peminjaman.

(v) Mengimbangi Instrumen Kewangan

Aset dan liabiliti kewangan diimbangi dan amaun bersih dibentangkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila terdapatnya hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangi amaun yang diiktiraf dan terdapatnya hasrat untuk pelunasan pada asas bersih, atau merealisasikan aset dan melunaskan liabiliti secara serentak.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(j) Pengurangan Nilai Aset Kewangan

(i) Aset yang Dibawa pada Kos Terlunas

Kumpulan menilai pada akhir setiap tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan telah terjejas. Satu aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan telah terjejas sekiranya terdapat bukti objektif terdapatnya pengurangan nilai disebabkan satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas permulaan pengiktirafan aset tersebut (satu 'peristiwa kerugian') dan bahawa peristiwa (atau peristiwa-peristiwa) kerugian itu memberi kesan ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan bagi aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang boleh dianggarkan dengan tepat.

Kriteria yang digunakan oleh Kumpulan untuk menentukan terdapatnya bukti objektif mengenai kerugian pengurangan nilai termasuklah:

- kesukaran yang ketara dari segi kewangan di pihak pelanggan atau pemenuh permintaan;
- kemungkiran kontrak, seperti ingkar atau culas dalam pembayaran faedah atau pembayaran pokok;
- kemungkinan pelanggan menjadi bankrap atau perlu mengatur semula kewangannya;
- data yang boleh dipantau menunjukkan bahawa terdapat pengurangan yang ketara dalam anggaran aliran tunai masa hadapan daripada portfolio aset kewangan sejak permulaan pengiktirafan aset-aset berkenaan, walaupun pengurangan itu belum dapat dikenal pasti dengan aset kewangan individu dalam portfolio tersebut, termasuk:
 - perubahan buruk dalam status pembayaran pelanggan-pelanggan dalam portfolio; dan
 - keadaan ekonomi negara atau tempatan yang berhubung kait dengan kemungkiran pada aset dalam portfolio.

Amaun kerugian diukur sebagai perbezaan di antara amaun dibawa aset tersebut dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan (tidak termasuk kerugian kredit masa hadapan yang belum ditanggung) didiskaun pada kadar faedah berkesan asal aset kewangan. Amaun dibawa aset tersebut dikurangkan dan amaun kerugian diiktiraf dalam Penyata Pendapatan. Jika satu pinjaman mempunyai kadar faedah boleh ubah, kadar diskaun bagi pengukuran apa-apa kerugian pengurangan nilai adalah kadar faedah berkesan semasa yang ditetapkan di bawah kontrak. Sebagai langkah segera, Kumpulan mungkin mengukur pengurangan nilai berasaskan nilai saksama sesuatu instrumen menggunakan nilai pasaran yang boleh dipantau.

Jika, dalam tempoh berikutnya, amaun kerugian pengurangan nilai berkurangan dan pengurangan tersebut boleh dikaitkan secara objektif kepada suatu peristiwa yang berlaku selepas pengurangan nilai diiktiraf (seperti peningkatan dalam penarafan kredit penghutang), pembalikan bagi kerugian pengurangan nilai yang diiktiraf sebelumnya akan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

(ii) Aset yang Dikelaskan sebagai Tersedia-untuk-dijual

Dalam perkara sekuriti ekuiti dan pendapatan tetap yang dikelaskan sebagai tersedia-untuk-dijual, selain kriteria bagi 'aset yang dibawa pada kos terlunas' di atas, kriteria berikut juga dipertimbangkan sebagai petanda pengurangan nilai:

- kesukaran yang ketara dari segi kewangan di pihak pengeluar atau pemenuh permintaan;
- ketiadaan pasaran yang aktif bagi aset kewangan disebabkan kesukaran kewangan; atau
- pengurangan yang ketara dan berpanjangan dalam nilai saksama aset kewangan di bawah kos yang dianggap sebagai petanda bahawa aset telah terjejas.

Sekiranya terdapat bukti-bukti seumpama itu, kerugian terkumpul, diukur sebagai perbezaan di antara kos pemerolehan dan nilai saksama semasa, tolak apa-apa kerugian pengurangan nilai yang sebelumnya diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan, diberbalikkan daripada ekuiti dan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan. Jika, dalam tempoh masa berikutnya, nilai saksama satu instrumen hutang meningkat dan kenaikan tersebut boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas kerugian pengurangan nilai itu diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan, kerugian pengurangan nilai itu diberbalikkan menerusi Penyata Pendapatan. Kerugian pengurangan nilai diiktiraf dalam Penyata Pendapatan atas instrumen ekuiti yang dikelaskan sebagai tersedia-untuk-dijual diberbalikkan menerusi pendapatan komprehensif lain dan bukannya menerusi Penyata Pendapatan.



2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(k) Instrumen Kewangan Derivatif dan Aktiviti Lindung Nilai

Instrumen kewangan derivatif sebelum ini tidak diiktiraf dalam penyata kewangan apabila ia diterima. Ia kini diiktiraf dan diukur pada nilai saksama pada tarikh kontrak derivatif dimeterai dan kemudiannya diukur semula pada nilai saksama dengan perubahan-perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam Penyata Pendapatan pada setiap tarikh pelaporan. Kaedah untuk mengiktiraf laba atau kerugian bergantung kepada sama ada derivatif tersebut ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai, dan jika demikian, sifat butiran yang dilindung nilai. Kumpulan menetapkan derivatif-derivatif tertentu sebagai lindung nilai bagi nilai saksama aset atau liabiliti yang diiktiraf atau iltizam utuh (lindung nilai saksama).

Kumpulan mendokumenkan semasa penerimaan urus niaga perkaitan di antara instrumen lindung nilai dan butiran yang dilindung nilai, serta matlamat dan strategi pengurusan risikonya dengan mengambil pelbagai urus niaga lindung nilai. Kumpulan juga mendokumenkan taksirannya, semasa penerimaan lindung nilai dan pada dasar berterusan, sama ada derivatif yang digunakan dalam urus niaga lindung nilai adalah amat berkesan bagi mengimbangi perubahan-perubahan dalam nilai saksama butiran yang dilindung nilai.

Nilai saksama penuh derivatif lindung nilai dikelaskan sebagai aset atau liabiliti bukan semasa apabila tempoh matang butiran yang dilindung nilai adalah lebih dari 12 bulan, dan sebagai aset dan liabiliti semasa apabila tempoh matang butiran yang dilindung nilai adalah kurang dari 12 bulan. Derivatif urus niaga dikelaskan sebagai aset atau liabiliti semasa.

Lindung nilai saksama

Perubahan dalam nilai saksama derivatif yang ditetapkan dan layak sebagai lindung nilai saksama dicatatkan dalam Penyata Pendapatan, berserta apa-apa perubahan dalam nilai saksama aset dan liabiliti yang dilindung nilai, yang berpunca daripada risiko yang dilindung. Kumpulan hanya mengguna pakai perakaunan lindung nilai saksama bagi melindungi nilai risiko faedah tetap ke atas peminjaman. Laba atau kerugian berkaitan dengan bahagian berkesan swap kadar faedah melindungi nilai peminjaman kadar tetap diiktiraf dalam Penyata Pendapatan dalam 'kos pembiayaan'. Laba atau kerugian berkaitan dengan bahagian tidak berkesan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan dalam 'laba atau kerugian lain – bersih'. Perubahan-perubahan dalam nilai saksama peminjaman kadar tetap yang dilindung nilai yang berkaitan dengan risiko kadar faedah diiktiraf dalam Penyata Pendapatan dalam 'kos pembiayaan'.

Sekiranya lindung nilai tidak lagi memenuhi kriteria bagi perakaunan lindung nilai tersebut, pelarasan terhadap amaun dibawa butiran yang dilindung nilai yang mana kaedah faedah berkesan digunakan akan dilunaskan dalam Penyata Pendapatan sepanjang tempoh kematangan.

(l) Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dan nilai boleh realis bersih.

Kos ditentukan berdasarkan kaedah purata wajaran dan meliputi semua kos pembelian dan kos-kos lain yang ditanggung bagi membawa inventori ke lokasi yang terkini. Kos barangan siap dan kerja dalam pelaksanaan meliputi kos reka bentuk, bahan mentah, tenaga buruh langsung, kos langsung yang lain dan overhead pengeluaran yang berkaitan (berdasarkan kapasiti operasi biasa). Ia tidak termasuk kos peminjaman.

Nilai boleh realis bersih merupakan anggaran harga jualan dalam urusan biasa perniagaan, tolak semua anggaran kos sehingga siap dan perbelanjaan jualan boleh ubah yang berkaitan. Untuk mendapatkan nilai boleh realis bersih, peruntukan sewajarnya dibuat bagi semua inventori usang dan kurang laris.

Inventori meliputi alat ganti penyelenggaraan yang diperoleh bagi tujuan menggantikan harta atau alat ganti yang rosak atau tidak sempurna dan bekalan yang digunakan dalam membina dan menyelenggara rangkaian.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(m) Kos Pemerolehan Pelanggan

Kos pemerolehan pelanggan ditanggung sewaktu mengaktifkan pelanggan-pelanggan baru menurut suatu kontrak. Kos pemerolehan pelanggan akan dipermodalkan dan dilunaskan dalam tempoh kontrak berkenaan. Sekiranya seorang pelanggan menamatkan perkhidmatan dalam tempoh kontrak, apa-apa kos pemerolehan yang belum dilunaskan akan dihapus kira dalam Penyata Pendapatan dengan serta-merta.

(n) Tunai dan Kesamaan Tunai

Untuk tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan kesamaan tunai merangkumi tunai dalam tangan, deposit panggilan di bank, pelaburan-pelaburan jangka pendek lain yang berkecairan tinggi dengan tempoh matang asal 3 bulan atau kurang. Deposit dipegang sebagai sekuriti sandaran untuk pinjaman bertempoh yang diberikan, tidak diambil kira sebagai tunai dan kesamaan tunai.

(o) Modal Saham

(i) Pengelasan

Saham biasa dan saham keutamaan tak boleh tebus dengan hak dividen yang ditentukan mengikut budi bicara dikelaskan sebagai ekuiti. Saham-saham lain dikelaskan sebagai ekuiti dan/atau liabiliti mengikut kandungan maksud instrumen tertentu.

Pengagihan kepada pemegang-pemegang sesuatu instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti dicaj secara langsung kepada ekuiti.

(ii) Kos Terbitan Saham

Pertambahan kos luaran yang berkaitan secara langsung dengan penerbitan saham atau opsyen baru ditunjukkan dalam ekuiti sebagai pengurangan, selepas ditolak cukai daripada perolehan.

(iii) Dividen kepada Pemegang Saham Syarikat

Dividen ke atas saham keutamaan boleh tebus diiktiraf sebagai liabiliti dan dinyatakan berasaskan akruan. Dividen-dividen lain diiktiraf sebagai liabiliti dalam tempoh ianya diisytiharkan.

Dividend in specie yang diagihkan kepada pemegang-pemegang saham Syarikat direkodkan pada nilai dibawa bagi aset bersih yang diagihkan. Pengagihan ini direkodkan sebagai pergerakan dalam ekuiti.

(p) Liabiliti Kewangan

Belum bayar perdagangan dan lain-lain, deposit pelanggan dan peminjaman dikelaskan sebagai liabiliti kewangan lain, yang kesemuanya diiktiraf pada permulaannya pada nilai saksama dan kemudiannya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah kadar faedah berkesan.

(i) Belum Bayar Perdagangan

Belum bayar perdagangan adalah obligasi untuk membayar bagi barangan dan perkhidmatan yang diperolehi daripada pembekal-pembekal dalam urusan biasa perniagaan. Akaun belum berbayar dikelaskan sebagai liabiliti semasa sekiranya pembayaran perlu dibuat dalam tempoh setahun atau kurang dari setahun (atau dalam kitaran pengendalian biasa perniagaan jika lebih lama). Jika tidak, ia akan dibentangkan sebagai liabiliti bukan semasa.



2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(p) Liabiliti Kewangan (sambungan)

(ii) Bon, Nota, Debentur dan Peminjaman

Peminjaman diiktiraf pada permulaannya pada nilai saksama tolak kos urus niaga yang ditanggung. Peminjaman kemudiannya dibawa pada kos yang terlunas; apa-apa perbezaan di antara amaun diiktiraf pada permulaan dan nilai penebusan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan dalam tempoh peminjaman menggunakan kaedah faedah berkesan, melainkan bagi kos peminjaman yang ditanggung bagi pembinaan apa-apa aset yang layak.

Faedah, dividen, laba dan kerugian berkaitan dengan instrumen kewangan, atau sebahagian daripada komponen yang dikelaskan sebagai liabiliti, dilaporkan dalam kos pembiayaan dalam Penyata Pendapatan. Laba atau kerugian pertukaran asing yang timbul daripada terjemahan peminjaman dalam mata wang asing, dilaporkan dalam kos pembiayaan dalam Penyata Pendapatan.

Peminjaman dikelaskan sebagai liabiliti semasa melainkan Kumpulan mempunyai hak tidak bersyarat untuk menunda pelunasan liabiliti tersebut untuk sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh pelaporan.

Kos peminjaman yang ditanggung berhubung dengan pembiayaan pembinaan dan pemasangan hartanah, loji dan peralatan dipermodalkan sehingga hartanah, loji dan peralatan berkenaan sedia untuk digunakan. Semua kos peminjaman lain dicaj kepada Penyata Pendapatan.

(q) Pajakan

(i) Pajakan Kewangan

Pajakan aset di mana Kumpulan menanggung sebahagian besar daripada kesemua risiko dan manfaat pemilikan, dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

Pajakan kewangan dipermodalkan pada permulaan pajakan, pada nilai yang lebih rendah antara nilai semasa bagi bayaran pajakan minimum dan nilai saksama bagi aset yang dipajak. Obligasi pembayaran sewa yang sepadan, selepas ditolak caj pembiayaan, dimasukkan dalam peminjaman.

Setiap bayaran pajakan adalah diuntukkan antara pengurangan liabiliti dan caj pembiayaan agar memperoleh kadar faedah yang malar dan berkala ke atas baki liabiliti. Caj pembiayaan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

Aset yang diperolehi di bawah pajakan kewangan, disusut nilai sepanjang tempoh yang lebih pendek, antara anggaran hayat berguna atau mengikut terma-terma pajakan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(q) Pajakan (sambungan)

(ii) Pajakan Kendalian

Pajakan aset di mana sebahagian besar daripada risiko dan manfaat pemilikan dikekalkan oleh pemberi pajak, dikelaskan sebagai pajakan kendalian. Bayaran yang dibuat di bawah pajakan kendalian (selepas ditolak sebarang insentif yang diterima daripada pemberi pajak) dicaj kepada Penyata Pendapatan berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

Apabila pajakan kendalian ditamatkan sebelum tamat tempoh pajakannya, sebarang bayaran yang perlu dibuat kepada pemberi pajak sebagai penalti diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh berlakunya penamatan.

(r) Geran Kerajaan

Geran daripada kerajaan diiktiraf pada nilai saksama apabila terdapat jaminan yang munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan Kumpulan akan mematuhi semua syarat yang ditetapkan.

Geran kerajaan berkaitan dengan pendapatan ditunda dan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan sepanjang tempoh kewangan yang perlu untuk memadankannya dengan kos yang bakal diganti.

Geran kerajaan berkaitan dengan pembelian aset dimasukkan dalam liabiliti bukan semasa sebagai pendapatan tertunda dan dikreditkan kepada Penyata Pendapatan berasaskan kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkaitan.

(s) Cukai Pendapatan

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan mengikut undang-undang percukaian bagi setiap bidang kuasa di mana Kumpulan beroperasi dan meliputi semua cukai berasaskan keuntungan yang boleh dicukai, termasuk cukai pegangan yang perlu dibayar oleh anak-anak syarikat asing atau syarikat-syarikat bersekutu semasa pengagihan keuntungan tertahan kepada syarikat-syarikat dalam Kumpulan, dan cukai keuntungan hartanah yang perlu dibayar atas pelupusan hartanah.

Cukai tertunda diiktiraf sepenuhnya dengan menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara yang timbul antara amaun aset dan liabiliti bagi tujuan cukai dengan amaun dibawa aset dan liabiliti tersebut dalam penyata kewangan. Walau bagaimanapun, cukai tertunda tidak diambil kira sekiranya ia timbul daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam sesuatu urusan niaga selain daripada penggabungan perniagaan yang pada masa urusan niaga berkenaan, tidak memberi kesan kepada keuntungan atau kerugian perakaunan mahupun yang boleh dicukai. Cukai tertunda ditentukan dengan menggunakan kadar cukai (dan undang-undang percukaian) yang telah dikuatkuasakan atau sebahagian besarnya dikuatkuasakan pada tarikh pelaporan dan dijangka akan digunakan apabila aset cukai tertunda yang berkaitan direalisasikan atau liabiliti cukai tertunda dijelaskan.

Aset cukai tertunda diiktiraf hingga ke suatu takat yang berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan terhasil, yang daripadanya, perbezaan sementara boleh dipotong atau kerugian cukai belum guna, boleh digunakan.

Cukai tertunda diiktiraf atas perbezaan sementara yang timbul daripada pelaburan dalam anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu, kecuali apabila masa pembalikan bagi perbezaan sementara tersebut boleh dikawal dan perbezaan sementara itu berkemungkinan tidak akan berbalik pada masa hadapan yang boleh diramalkan.



2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(s) Cukai Pendapatan (sambungan)

Aset dan liabiliti cukai tertunda dan pendapatan diimbangi apabila terdapatnya hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangi aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa dan apabila aset dan liabiliti cukai pendapatan yang tertunda berkaitan dengan cukai yang dikenakan oleh pihak berkuasa percukaian yang sama ke atas entiti boleh cukai atau entiti boleh cukai yang berlainan sekiranya terdapat hasrat untuk melunaskan baki atas dasar bersih.

Bahagian Kumpulan dalam cukai pendapatan bagi syarikat-syarikat bersekutu dimasukkan ke dalam bahagian Kumpulan dalam keputusan kewangan syarikat-syarikat bersekutu.

(t) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai obligasi semasa secara sah atau konstruktif, kesan daripada peristiwa terdahulu yang berkemungkinan memerlukan aliran keluar sumber bagi menjelaskan obligasi tersebut, dan apabila anggaran yang pasti berhubung dengan amaun tersebut boleh dibuat. Jika Kumpulan menjangka sesuatu peruntukan akan dibayar balik (contohnya, di bawah kontrak insurans), pembayaran balik tersebut diiktiraf sebagai aset yang berasingan tetapi hanya apabila pembayaran balik tersebut adalah benar-benar pasti. Peruntukan tidak diiktiraf bagi kerugian operasi masa hadapan.

Jika terdapat beberapa obligasi yang serupa, kemungkinan aliran keluar diperlukan untuk sesuatu penjelasan ditentukan dengan mempertimbangkan pengelasan obligasi-obligasi secara menyeluruh. Peruntukan diiktiraf walaupun kemungkinan aliran keluar berhubung dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam sesuatu kelas obligasi yang sama adalah kecil.

Peruntukan ditentukan pada nilai semasa perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan bagi menjelaskan obligasi dengan menggunakan kadar sebelum cukai yang mencerminkan taksiran pasaran semasa tentang nilai masa wang dan risiko khusus terhadap obligasi tersebut. Peningkatan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai belanja faedah.

(u) Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

Kumpulan tidak mengiktiraf liabiliti luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti luar jangka merupakan obligasi yang mungkin timbul daripada peristiwa terdahulu yang mana kewujudannya akan disahkan oleh peristiwa masa hadapan yang tidak pasti dan di luar kawalan Kumpulan, atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tidak mungkin akan memerlukan aliran keluar sumber untuk menjelaskan obligasi tersebut. Liabiliti luar jangka juga timbul dalam keadaan yang amat luar biasa di mana terdapat liabiliti yang tidak boleh diiktiraf disebabkan ia tidak dapat dinilai dengan pasti.

Aset luar jangka ialah aset yang mungkin timbul daripada peristiwa terdahulu yang mana kewujudannya akan disahkan oleh peristiwa masa hadapan yang tidak pasti dan di luar kawalan Kumpulan. Kumpulan tidak mengiktiraf aset luar jangka, tetapi mendedahkan kewujudannya di mana terdapat kemungkinan aliran masuk manfaat ekonomi, tetapi tidak boleh ditentukan dengan pasti.

Dalam pengambilalihan anak-anak syarikat oleh Kumpulan di bawah penggabungan perniagaan, liabiliti luar jangka yang diambil alih pada mulanya dinilai pada nilai saksamanya pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira setakat mana sebarang kepentingan minoriti.

Kumpulan mengiktiraf secara berasingan liabiliti luar jangka bagi syarikat-syarikat yang diambil alih sebagai sebahagian daripada pengagihan kos penggabungan perniagaan di mana nilai saksamanya boleh ditentukan dengan pasti. Jika nilai saksama tidak boleh ditentukan dengan pasti, kesannya akan tergambar dalam muhibah yang timbul daripada pengambilalihan ini.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(u) Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka (sambungan)

Selepas pengiktirafan awal, Kumpulan menentukan liabiliti luar jangka yang diiktiraf secara berasingan pada tarikh pengambilalihan pada nilai yang lebih tinggi antara amaun yang mungkin diiktiraf menurut peruntukan FRS 137 dan amaun yang diiktiraf pada awalnya kurang, pelunasan terkumpul yang diiktiraf menurut peruntukan FRS 118, mengikut kesesuaian.

(v) Pengiktirafan Hasil

Hasil kendalian meliputi nilai saksama imbalan yang diterima atau akan diterima bagi penjualan produk dan penyediaan perkhidmatan, ditolak pulangan, duti, diskaun jualan dan cukai jualan yang dibayar, selepas menyingkirkan jualan hasil dalam Kumpulan. Hasil kendalian diiktiraf atau diakru semasa penyediaan produk atau perkhidmatan, apabila amaun hasil boleh diukur dengan pasti dan manfaat ekonomi masa hadapan berkemungkinan akan mengalir kepada Kumpulan.

Pengebilan sewa terdahulu merangkumi terutamanya bil pendahuluan untuk perkhidmatan data, yang dilunaskan mengikut kaedah garis lurus bergantung kepada terma kontrak.

Pendapatan dividen daripada pelaburan-pelaburan dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan pelaburan-pelaburan ekuiti diiktiraf apabila hak untuk menerima pembayaran adalah pasti.

Pendapatan faedah termasuk pendapatan daripada deposit di bank-bank berlesen, syarikat-syarikat kewangan, institusi-institusi kewangan lain, sekuriti pendapatan tetap dan pinjaman anggota, dan diiktiraf berasaskan akruan.

(w) Manfaat Anggota

(i) Manfaat Anggota Jangka Pendek

Upah, gaji, cuti tahunan dan cuti sakit berbayar, bonus dan manfaat bukan monetari diakru dalam tempoh perkhidmatan berkaitan dilaksanakan oleh anggota Kumpulan.

(ii) Pelan Caruman yang Ditetapkan

Caruman Kumpulan kepada pelan caruman yang ditetapkan dicaj kepada Penyata Pendapatan dalam tempoh caruman dikaitkan. Setelah caruman dibayar, Kumpulan tidak lagi bertanggungjawab untuk pembayaran selanjutnya. Caruman prabayar diiktiraf sebagai aset sehingga tunai yang telah dibayar dikembalikan atau terdapat pengurangan dalam pembayaran pada masa hadapan.

(iii) Manfaat Penamatan Kerja

Manfaat penamatan kerja akan dibayar apabila penggajian seseorang anggota ditamatkan sebelum tarikh persaraan biasa atau apabila seseorang anggota menerima pemberhentian secara sukarela sebagai pertukaran untuk manfaat ini. Kumpulan mengiktiraf manfaat penamatan kerja apabila ia menunjukkan komitmen sama ada untuk menamatkan penggajian anggota semasa menurut pelan rasmi terperinci tanpa kemungkinan untuk menarik balik atau menyediakan manfaat penamatan kerja berikutan tawaran yang dibuat untuk menggalakkan pemberhentian secara sukarela. Manfaat yang perlu dibayar dalam tempoh lebih daripada 12 bulan selepas tarikh pelaporan didiskaunkan kepada nilai semasa.



2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(w) Manfaat Anggota (sambungan)

(iv) Pampasan Berasaskan Saham

- Pampasan Berasaskan Saham Diselesaikan Secara Ekuiti

Perkhidmatan anggota yang diterima sebagai pertukaran dengan pemberian opsiyen saham Syarikat diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan Kumpulan dan Syarikat sepanjang tempoh letak hak pemberian opsiyen tersebut dengan peningkatan sepadan dibuat dalam ekuiti.

Bagi opsiyen yang diberikan kepada anggota anak-anak syarikat, nilai saksama opsiyen yang diberi diiktiraf sebagai kos pelaburan dalam anak-anak syarikat sepanjang tempoh letak hak dengan pelarasan sepadan dibuat kepada ekuiti dalam penyata kewangan Syarikat.

Selepas pengasingan, nilai saksama opsiyen yang diberi kepada anggota bekas anak-anak syarikat, Axiata Group Berhad dan Celcom Axiata Berhad (secara kolektif dikenali sebagai Kumpulan Axiata), diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan Kumpulan dan Syarikat sepanjang tempoh letak hak.

Jumlah amaun untuk dibelanjakan (atau dipermodalkan sebagai kos pelaburan dalam anak-anak syarikat) sepanjang tempoh letak hak ditentukan dengan merujuk kepada nilai saksama opsiyen yang diberi, tidak termasuk kesan daripada sebarang syarat letak hak bukan pasaran. Syarat letak hak bukan pasaran adalah dimasukkan dalam andaian tentang bilangan opsiyen yang dijangka akan diletak hak. Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan menyemak semula anggarannya berhubung bilangan opsiyen yang dijangka akan diletak hak. Kumpulan mengiktiraf kesan daripada semakan anggaran asal, sekiranya ada, dalam Penyata Pendapatan, dan pelarasan sepadan dibuat kepada ekuiti.

Perolehan yang diterima, selepas ditolak sebarang kos urus niaga yang berkaitan secara langsung, dikreditkan kepada modal saham (nilai nominal) dan premium saham apabila opsiyen dilaksanakan.

- Pampasan Berasaskan Saham Diselesaikan Secara Tunai

Pampasan berasaskan saham yang diselesaikan dengan instrumen ekuiti bekas anak syarikat, Axiata Group Berhad (Axiata), yang bukan lagi suatu entiti dalam Kumpulan berikutan pengasingan pada April 2008, diambil kira sebagai penyelesaian secara tunai.

Perkhidmatan anggota yang diterima sebagai pertukaran dengan pemberian opsiyen saham sedemikian, diiktiraf pada nilai saksama liabiliti yang ditanggung, sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan sepanjang tempoh letak hak pemberian opsiyen tersebut.

Caj berhubung dengan opsiyen saham tersebut yang diterima oleh anggota bukan dalam Kumpulan, dalam kes ini anggota Kumpulan Axiata, disegerakan ketika pengasingan, kerana bahagian opsiyen ini dibatalkan sebab Axiata bukan lagi sebahagian daripada Kumpulan.

Liabiliti yang timbul daripada pampasan berasaskan saham yang diselesaikan secara tunai, diukur semula pada setiap tarikh pelaporan kepada nilai saksamanya, dengan semua perubahan diiktiraf serta merta dalam Penyata Pendapatan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(x) Mata Wang Asing

(i) Mata Wang Fungsian dan Pembentangan

Butiran yang dimasukkan dalam penyata kewangan setiap entiti dalam Kumpulan ditentukan dengan menggunakan mata wang persekitaran ekonomi yang utama di mana entiti tersebut beroperasi ('mata wang fungsian'). Penyata kewangan yang disatukan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, iaitu mata wang fungsian dan pembentangan Syarikat.

(ii) Urus Niaga dan Baki

Urus niaga dalam mata wang asing diterjemahkan ke dalam mata wang fungsian dengan menggunakan kadar pertukaran yang ada pada tarikh urus niaga. Laba dan kerugian pertukaran asing hasil daripada penyelesaian urus niaga sedemikian dan daripada terjemahan aset dan liabiliti monetari yang nilainya dinyatakan dalam mata wang asing, pada kadar pertukaran akhir tahun, diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

(iii) Syarikat-syarikat dalam Kumpulan

Keputusan dan kedudukan kewangan kesemua entiti dalam Kumpulan (tiada satu pun mempunyai mata wang ekonomi inflasi melampau) yang mempunyai mata wang fungsian berbeza daripada mata wang pembentangan, diterjemahkan kepada mata wang pembentangan seperti berikut:

- aset dan liabiliti bagi setiap Penyata Kedudukan Kewangan yang dibentangkan diterjemahkan pada kadar penutup pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan berkenaan;
- pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap Penyata Pendapatan diterjemahkan pada kadar pertukaran purata (melainkan purata ini merupakan anggaran yang tidak munasabah bagi kesan terkumpul kadar yang ada pada tarikh urus niaga, dan dalam hal ini, pendapatan dan perbelanjaan diterjemahkan menggunakan kadar yang ada pada tarikh urus niaga); dan
- semua perbezaan pertukaran yang terhasil diiktiraf sebagai komponen ekuiti yang berasingan.

Semasa penyatuan, perbezaan pertukaran yang timbul daripada terjemahan pelaburan bersih dalam operasi asing diambil kira dalam ekuiti pemegang saham. Apabila operasi asing dilupus atau dijual, perbezaan pertukaran sedemikian yang dicatatkan dalam ekuiti diiktiraf dalam Penyata Pendapatan sebagai sebahagian daripada laba atau kerugian daripada pelupusan.

(y) Pelaporan Segmen

Segmen operasi dilaporkan dengan cara yang konsisten dengan pelaporan dalaman yang disediakan kepada ketua pembuat keputusan operasi. Ketua pembuat keputusan operasi tersebut bertanggungjawab untuk mengagihkan sumber-sumber dan menilai prestasi segmen operasi dan membuat keputusan strategik secara keseluruhannya.

Pendedahan lanjut berkenaan Pelaporan Segmen dibentangkan dalam nota 45 kepada penyata kewangan.



3. ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KRITIKAL

Anggaran dinilai secara berterusan oleh Pengarah-pengarah berdasarkan kepada pengalaman masa lalu serta faktor-faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa masa hadapan yang dipercayai munasabah mengikut keadaan.

Anggaran dan Andaian Perakaunan yang Kritikal

Kumpulan membuat anggaran dan andaian berhubung masa hadapan. Mengikut definisi, anggaran perakaunan yang dilakukan jarang menyamai keputusan sebenar yang berkaitan. Untuk mempertingkatkan kandungan maklumat anggaran, faktor-faktor pemboleh ubah utama tertentu yang dijangka mempunyai kesan ketara terhadap keputusan dan kedudukan kewangan Kumpulan diuji untuk kepekaannya terhadap perubahan parameter asas. Anggaran dan andaian yang mempunyai risiko ketara yang boleh menyebabkan pelarasan ketara terhadap amaun dibawa aset dan liabiliti dalam tahun hadapan dinyatakan di bawah.

(a) Pengurangan Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan, Aset Tak Ketara (selain daripada muhibah) serta Pelaburan dalam sebuah Anak Syarikat

Kumpulan menaksir pengurangan nilai aset yang dinyatakan di atas apabila terdapat peristiwa atau perubahan keadaan yang menunjukkan bahawa amaun dibawa sesuatu aset mungkin tidak boleh dipungut semula iaitu apabila amaun dibawa sesuatu aset adalah melebihi amaun boleh dipungut semula. Amaun boleh dipungut semula ditentukan pada nilai yang lebih tinggi antara nilai saksama tolak kos untuk menjual aset berkenaan dan nilai sedang gunanya. Nilai sedang guna adalah nilai semasa bersih aliran tunai masa hadapan yang diunjurkan yang boleh diperoleh daripada aset berkenaan, didiskaunkan pada kadar diskaun yang sesuai.

Unjuran aliran tunai masa hadapan adalah berasaskan kepada anggaran Kumpulan yang dikira berdasarkan kepada arah aliran masa lalu, sektor dan industri, keadaan pasaran dan ekonomi umum, perkembangan teknologi dan maklumat-maklumat lain yang sedia ada.

Bagi pelaburan dalam TM ESOS Management Sdn Bhd (TEM), Syarikat menentukan amaun boleh dipungut semula pada nilai saksama tolak kos untuk menjual saham-saham Syarikat dan Axiata Group Berhad yang dipegang oleh TEM. Pengarah-pengarah telah membuat andaian berhubung amaun boleh dipungut semula tersebut. Sebarang perubahan kepada anggaran ini akan memberikan kesan ketara kepada amaun dibawa pelaburan. Sebarang pelarasan kepada amaun dibawa akan direkodkan dalam ekuiti memandangkan ia merupakan urus niaga dengan pemegang saham.

(b) Anggaran Hayat Berguna Hartanah, Loji dan Peralatan

Kumpulan menyemak semula anggaran hayat berguna hartanah, loji dan peralatan pada setiap tahun berdasarkan kepada pelbagai faktor seperti rancangan dan strategi perniagaan, jangkaan tahap penggunaan dan kemajuan teknologi masa hadapan. Keputusan operasi masa hadapan boleh terjejas dengan ketara oleh perubahan anggaran ini yang disebabkan oleh perubahan faktor-faktor tersebut. Pengurangan dalam anggaran hayat berguna hartanah, loji dan peralatan akan meningkatkan susut nilai yang direkodkan serta menurunkan amaun dibawa hartanah, loji dan peralatan.

(c) Pengurangan Nilai Muhibah

Kumpulan menguji pengurangan nilai muhibah sekali setahun selaras dengan dasar perakaunannya atau apabila terdapat peristiwa atau perubahan keadaan yang menunjukkan perlunya ujian pengurangan nilai. Andaian yang digunakan, keputusan dan kesimpulan bagi penilaian pengurangan nilai ini dinyatakan dalam nota 27 kepada penyata kewangan.

3. ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KRITIKAL (SAMBUNGAN)

Anggaran dan Andaian Perakaunan yang Kritikal (sambungan)

(d) Pengurangan Nilai Belum Terima Perdagangan

Kumpulan menaksir pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa belum terima perdagangan harus dikurangkan nilai. Kerugian pengurangan nilai dikira berdasarkan semakan semula status semasa belum terima sedia ada dan pengalaman kutipan masa lalu. Peruntukan tersebut diselaraskan secara berkala untuk mencerminkan pengalaman sebenar dan jangkaan.

(e) Cukai

(i) Cukai Pendapatan

Kumpulan adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan cukai pendapatan di serata rantau. Pertimbangan digunakan untuk menentukan peruntukan cukai pendapatan bagi seluruh Kumpulan. Terdapat urusan niaga dan pengiraan tertentu yang mana penentuan muktamad cukai pendapatan tidak dapat dipastikan dalam urusan biasa perniagaan. Kumpulan mengiktiraf liabiliti cukai berdasarkan kepada anggaran sama ada cukai tambahan akan dikenakan. Jika keputusan akhir cukai tersebut adalah berbeza daripada amaun yang diiktiraf pada permulaan, perbezaan tersebut akan memberi kesan kepada cukai pendapatan dan/atau peruntukan cukai tertunda dalam tempoh di mana penentuan sedemikian dibuat.

(ii) Aset Cukai Tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf hingga ke suatu takat yang berkemungkinan bahawa keuntungan yang boleh dicukai pada masa hadapan akan terhasil, yang daripadanya, perbezaan sementara boleh digunakan. Ini melibatkan pertimbangan berhubung prestasi kewangan masa hadapan bagi entiti tertentu dalam tempoh di mana aset cukai tertunda telah diiktiraf.

(f) Bayaran Berasaskan Saham

Bayaran berasaskan saham yang diselesaikan secara ekuiti dan tunai (opsyen saham) diambil kira pada nilai saksama pada tarikh opsyen tersebut diberikan. Di samping itu, liabiliti yang timbul daripada bayaran berasaskan saham yang diselesaikan secara tunai diukur semula pada setiap tarikh pelaporan. Andaian penilaian yang digunakan untuk menentukan nilai saksama tersebut diterangkan dalam nota 15 kepada penyata kewangan.

(g) Liabiliti Luar Jangka

Penentuan kaedah perakaunan bagi liabiliti luar jangka adalah berdasarkan kepada pendapat Pengarah-pengarah tentang keputusan yang dijangka daripada perkara-perkara luar jangka selepas mendapat nasihat daripada penasihat undang-undang bagi kes-kes litigasi dan pakar-pakar dalaman dan luaran Kumpulan bagi perkara-perkara berbangkit daripada urusan biasa perniagaan. Sila rujuk nota 46 kepada penyata kewangan bagi prosiding undang-undang yang melibatkan Kumpulan setakat 31 Disember 2010.

(h) Nilai Saksama Derivatif dan Instrumen Kewangan Lain

Nilai saksama instrumen kewangan yang tidak didagangkan dalam pasaran yang aktif (misalnya, derivatif di kaunter) ditentukan dengan menggunakan teknik penilaian. Kumpulan menggunakan pertimbangannya untuk memilih pelbagai kaedah dan membuat andaian yang terutamanya berdasarkan keadaan pasaran pada akhir setiap tempoh pelaporan. Nilai saksama derivatif adalah nilai semasa aliran tunainya di masa hadapan. Kumpulan menggunakan kaedah aset ketara bersih dan analisis aliran tunai terdiskaun bagi pelbagai aset kewangan tersedia-untuk-dijual yang tidak diurusniagakan di pasaran yang aktif.

Amaun dibawa bagi aset kewangan yang tersedia-untuk-dijual adalah kira-kira RM9.7 juta lebih rendah atau RM11.3 juta lebih tinggi jika kadar terdiskaun yang digunakan dalam analisis aliran tunai terdiskaun perlu bertukar sebanyak 10% daripada anggaran pihak pengurusan.



4. MATLAMAT DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

(a) Faktor Risiko Kewangan

Risiko utama yang timbul daripada aset dan liabiliti kewangan Kumpulan adalah risiko pasaran (merangkumi risiko tukaran asing, risiko harga dan risiko kadar faedah), risiko kredit dan risiko mudah tunai. Pengurusan risiko keseluruhan Kumpulan adalah untuk meminimumkan potensi kesan-kesan buruk risiko-risiko ini ke atas prestasi kewangan Kumpulan.

Kumpulan telah menyediakan dasar, garis panduan dan prosedur pengurusan risiko untuk menangani pendedahan kepada risiko-risiko kewangan ini. Strategi-strategi lindung nilai ditetapkan disebabkan komitmen perdagangan untuk mengurangkan pendedahan risiko-risiko yang berkaitan. Instrumen kewangan derivatif digunakan bagi melindungi nilai pendedahan perdagangan yang utama dan tidak dipegang untuk tujuan spekulatif.

(i) Risiko Pasaran

- Risiko Tukaran Asing

Risiko tukaran asing Kumpulan merujuk kepada pergerakan kadar pertukaran yang buruk ke atas kedudukan mata wang asing yang berpunca daripada belum terima dan belum bayar perdagangan, deposit dan peminjaman yang didenominasikan dalam mata wang asing, dan daripada keuntungan tertahan dalam anak-anak syarikat luar negeri, yang mata wang kefungsiannya bukan dalam Ringgit Malaysia.

Matlamat Kumpulan ialah untuk mengurangkan pendedahan kadar pertukaran asing ke tahap yang boleh diterima terhadap had dan kesan yang telah ditentukan terlebih dahulu kepada Penyata Pendapatan. Kumpulan memantau aset dan liabilitinya yang didenominasikan dalam mata wang asing dan menggunakan pelbagai instrumen lindung nilai seperti kontrak hadapan dan struktur opsyen selain mengekalkan dana dalam mata wang asing di tahap yang berpatutan untuk menyokong keperluan aliran tunai operasi. Dasar Kumpulan memerlukan semua urusan niaga bagi lindung nilai pendedahan risiko pertukaran mata wang asing hendaklah dilaksanakan mengikut parameter yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Risiko tukaran asing Kumpulan adalah sebahagian besarnya daripada peminjaman yang didenominasikan dalam mata wang asing terutamanya Dolar AS. Sepanjang tahun kewangan, Kumpulan memeterai kontrak hadapan dan struktur opsyen dalam Dolar AS yang terutamanya digunakan untuk melindungi nilai peminjaman terpilih dalam Dolar AS bagi mengurangkan pendedahan mata wang asingnya atas peminjaman-peminjaman ini. Kumpulan juga membayar balik peminjaman dalam Dolar AS berjumlah USD260.3 juta pada tahun kewangan tersebut. Selepas melindungi nilai dan pembayaran semula peminjaman dalam Dolar AS, komposisi peminjaman mata wang asing daripada keseluruhan jumlah peminjaman Kumpulan pada 31 Disember 2010 telah berkurangan kepada 37.1%.

Berdasarkan kepada kedudukan peminjaman sehingga 31 Disember 2010, sekiranya Ringgit Malaysia menyusut/ mengukuh sebanyak 5.0% berbanding dengan Dolar AS dengan kesemua pemboleh ubah lain adalah malar, keuntungan selepas cukai bagi tahun kewangan tersebut untuk Kumpulan adalah lebih rendah/lebih tinggi sebanyak kira-kira RM118.0 juta (sebelum lindung nilai) dan RM102.0 juta (selepas lindung nilai) disebabkan kerugian atau laba daripada pertukaran asing atas terjemahan peminjaman yang didenominasikan dalam Dolar AS.

4. MATLAMAT DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Faktor Risiko Kewangan (sambungan)

(i) Risiko Pasaran (sambungan)

- Risiko Harga

Kumpulan terdedah kepada risiko harga sekuriti ekuiti dan pendapatan tetap yang timbul daripada pelaburan yang dikelaskan dalam Penyata Kedudukan Kewangan sama ada sebagai tersedia-untuk-dijual atau pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Kumpulan tidak terdedah kepada risiko harga komoditi. Untuk mengurangkan risiko harganya daripada pelaburan dalam sekuriti ekuiti, Kumpulan telah mengurangkan portfolio sekuriti ekuiti sebut harga pada tahun kewangan tersebut.

Sesetengah pelaburan Kumpulan dalam ekuiti entiti lain didagangkan secara terbuka dan termasuk dalam indeks Sekuriti Bursa Malaysia. Pada 31 Disember 2010, sekiranya indeks ekuiti Bursa Malaysia meningkat/menurun sebanyak 5.0% dengan kesemua pemboleh ubah lain adalah malar dan semua sekuriti ekuiti Kumpulan bergerak mengikut korelasi sejarah dengan indeks, keuntungan selepas cukai bagi tahun kewangan tersebut sepatutnya lebih tinggi/lebih rendah sebanyak RM1.5 juta. Melangkah ke hadapan, kesannya sepatutnya jauh lebih kurang disebabkan usaha yang berterusan ke arah penutupan portfolio ekuiti sepenuhnya.

Keuntungan selepas cukai bagi tahun kewangan tersebut sepatutnya meningkat/berkurangan disebabkan laba/kerugian daripada sekuriti ekuiti yang dikelaskan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Komponen-komponen lain ekuiti sepatutnya bertambah/berkurangan disebabkan laba/kerugian atas sekuriti ekuiti dan pendapatan tetap yang dikelaskan sebagai tersedia-untuk-dijual.

- Risiko Kadar Faedah

Kumpulan mempunyai tunai dan deposit jangka pendek dan sekuriti pendapatan tetap yang terdedah kepada pergerakan kadar faedah. Kumpulan menguruskan risiko kadar faedah atas tunai dan deposit jangka pendek melalui peruntukan dalam tempoh bersesuaian. Manakala, bagi sekuriti pendapatan tetap, Kumpulan mengguna pakai tempoh bersesuaian dan analisis penilaian mata asas untuk menguruskan risiko kadar faedahnya.

Pelaburan Kumpulan dalam pasaran wang dan sekuriti pendapatan tetap pada 31 Disember 2010 masing-masing adalah RM3,051.3 juta dan RM356.2 juta. Dengan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 0.25% setahun oleh Bank Negara Malaysia dan diandaikan keluk hasil faedah keseluruhan juga meningkat dengan peratusan yang sama, pendapatan faedah daripada portfolio pasaran wang akan meningkat sebanyak kira-kira RM7.5 juta manakala portfolio pendapatan tetapnya (nilai aset bersih) akan berkurangan sebanyak kira-kira RM3.3 juta.

Hutang Kumpulan termasuk kredit pusingan, peminjaman, bon, nota dan debentur. Matlamat Kumpulan adalah untuk menguruskan risiko kadar faedah ke tahap pendedahan yang boleh diterima atas belanja faedah. Kumpulan menyemak semula komposisi kadar hutang tetap dan terapungnya berdasarkan penilaian atas pendedahannya yang sedia ada dan profil kadar faedah yang dikehendaki yang boleh diterima oleh Kumpulan. Instrumen lindung nilai seperti swap kadar faedah digunakan bagi menguruskan risiko-risiko ini.

Dasar Kumpulan menghendaki semua urus niaga bagi lindung nilai pendedahan risiko kadar faedah dilaksanakan mengikut parameter yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Kumpulan telah melaksanakan beberapa urus niaga swap kadar faedah dengan institusi kewangan yang taraf kreditnya berwibawa. Berdasarkan kedudukan lindung nilai pada 31 Disember 2010, sekiranya terdapat kenaikan dalam kadar OPR sebanyak 0.25% setahun, belanja faedah akan menjadi lebih tinggi sebanyak kira-kira RM3.5 juta.

Pada 31 Disember 2010, profil kadar tetap faedah terapung Kumpulan, selepas lindung nilai, adalah 62:38.

Pendedahan kadar faedah akan dikurangkan, setakat mana yang boleh, dengan mengimbangi kesan di antara aset dan liabiliti.



4. MATLAMAT DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Faktor Risiko Kewangan (sambungan)

(ii) Risiko Kredit

Aset kewangan yang terutamanya terdedah kepada risiko kredit adalah belum terima, tunai dan baki bank, sekuriti boleh niaga dan instrumen kewangan yang digunakan dalam aktiviti lindung nilai.

Bertepatan dengan jenis perniagaan Kumpulan, para pelanggan adalah dibahagikan, terutamanya, mengikut segmen perniagaan. Kumpulan tidak mempunyai penumpuan risiko kredit yang ketara oleh kerana kepelbagaian asas pelanggannya. Risiko kredit diurus melalui penilaian dan kelulusan kredit, had kredit dan prosedur pemantauan yang ketat. Di mana wajar, Kumpulan akan mendapatkan deposit atau jaminan bank daripada para pelanggan.

Kumpulan menyimpan tunai dan kesamaan tunai dalam beberapa institusi kewangan yang taraf kreditnya berwibawa. Dasar Kumpulan mengehadkan penumpuan pendedahan kewangan terhadap sesebuah institusi kewangan tunggal berdasarkan aset ketara bersih (NTA) dan/atau penarafan kredit masing-masing, tertakluk kepada semakan semula tahunan.

Kumpulan telah melantik beberapa pengurus dana pendapatan tetap untuk menguruskan portfolio pendapatan tetapnya. Dalam menguruskan risiko kredit portfolio berkenaan, parameter pelaburannya adalah terhad kepada penarafan minimum A dan terutamanya AA dan ke atas menurut Dasar dan Garis Panduan Pelaburan Perbendaharaan Kumpulan.

Kesemua instrumen lindung nilai dilaksanakan dengan institusi kewangan yang taraf kreditnya berwibawa demi mengehadkan pendedahan risiko kredit Kumpulan. Walau bagaimanapun, Kumpulan tetap terdedah kepada kerugian yang berkaitan dengan kredit sekiranya berlaku kegagalan pelaksanaan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam instrumen kewangan derivatif, namun Kumpulan tidak menjangka mana-mana pihak akan gagal memenuhi obligasi mereka.

Dalam dasar pengurusan risiko, semua pihak yang terlibat dalam urus niaga mesti mengekalkan penarafan kredit tertentu seperti yang ditakrifkan oleh agensi penarafan antarabangsa dan tempatan.

(iii) Risiko Mudah Tunai

Perbendaharaan Kumpulan mengekalkan tahap kecukupan tunai dan kesamaan tunai yang dianggap berpatutan oleh pengurusan untuk membiayai operasi Kumpulan. Ia juga memantau dan mengawal pendedahan risiko mudah tunai dan keperluan pendanaan secara aktif bagi semua entiti yang sah dalam Kumpulan, bidang perniagaan dan mata wang, dengan mengambil kira had-had perundangan, pengawalseliaan dan operasi menerusi operasi Perbendaharaan berpusat.

Disebabkan bentuk perniagaan utamanya yang dinamik, Kumpulan juga berhasrat untuk terus fleksibel dalam pembiayaan dengan menyediakan kredit yang dijanji sanggup dan tidak dijanji sanggup.

Unjuran aliran tunai dibuat dalam operasi entiti-entiti Kumpulan atas dasar boleh pinda dan diagregat oleh Perbendaharaan Kumpulan untuk memastikan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan pengendalian sambil mengekalkan penimbal yang mencukupi atas kemudahan kredit yang telah dijanji sanggup dan belum dikeluarkan pada setiap masa. Pada 31 Disember 2010, Kumpulan mempunyai deposit sebanyak RM3,051.3 juta dengan institusi-institusi kewangan dan tunai dan baki bank sebanyak RM437.2 juta yang dijangka tersedia bagi memenuhi apa sahaja obligasi bayaran apabila ianya matang.

4. MATLAMAT DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Faktor Risiko Kewangan (sambungan)

(iii) Risiko Mudah Tunai (sambungan)

Risiko pembiayaan semula diuruskan dengan mengehendkan amaun peminjaman yang matang dalam tempoh yang tertentu dan mempunyai strategi yang sewajarnya untuk menguruskan keperluan pembiayaan semula apabila perlu. Kumpulan tidak mempunyai apa-apa kematangan hutang yang ketara sehingga bulan Disember 2013.

Tiada perubahan ketara dalam matlamat dan dasar pengurusan risiko kewangan Kumpulan begitu juga dengan pendedahan risiko kewangannya dalam tahun kewangan semasa berbanding dengan tahun kewangan sebelumnya.

(b) Pengurusan Risiko Modal

Matlamat Kumpulan dalam menguruskan modal adalah untuk melindungi keupayaan Kumpulan untuk terus beroperasi, sebagai usaha yang berterusan, menyediakan pulangan kepada pemegang-pemegang saham dan ganjaran bagi pihak-pihak berkepentingan lain selain mengekalkan struktur modal yang optimum untuk mengurangkan kos modal.

Dalam usaha untuk mengekalkan atau menyelaraskan struktur modal, Kumpulan boleh menyelaraskan amaun dividen yang dibayar kepada pemegang-pemegang saham atau modal pulangan kepada pemegang-pemegang saham menerusi nisbah hutang ekuiti (paras penggearan).

Kumpulan juga memantau paras penggearannya berbanding dengan pesaing-pesaingnya dalam industri di samping mengekalkan paras penarafan kredit yang dikehendaki. Pada tahun 2010, penarafan kredit Kumpulan terus kekal pada AAA oleh RAM, A- oleh S&P dan A3 oleh Moody's.

5. PELUPUSAN DAN PEMEROLEHAN PENTING

(a) Pelupusan pelaburan dalam saham-saham Axiata pada tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2010

Pada 2 Disember 2010, Syarikat mengumumkan cadangan untuk melupuskan melalui TM ESOS Management Sdn Bhd (TEM), sebuah anak syarikat milik penuh, sehingga 191,458,007 saham Axiata (mewakili kira-kira 2.27% kepentingan ekuiti dalam Axiata), yang merupakan opsyen saham yang masih belum dilaksanakan dan saham berlebihan yang tidak teruntuk yang dipegang oleh TEM. TEM adalah pemegang amanah bagi ESOS Khas seperti yang diterangkan dalam nota 15 kepada penyata kewangan.

Cadangan pelupusan itu akan dibayar sepenuhnya secara tunai dan diaku janji melalui kaedah berikut:

- (i) peletakan swasta melalui satu proses penjana modal kepada pelabur institusi/sofistikated pihak ketiga yang layak; dan/atau
- (ii) pelupusan di pasaran terbuka.

Pada 3 Disember 2010, Syarikat, melalui TEM, telah menyelesaikan pelaksanaan penjana modal permulaan bagi 90 juta saham Axiata kepada pelabur institusi pihak ketiga yang berjaya pada RM4.60 bagi setiap saham Axiata.

Selain itu, sepanjang tahun kewangan, terdapat juga pelupusan sebanyak 5.9 juta saham Axiata berkaitan opsyen yang telah luput di pasaran terbuka dan sejumlah 2.1 juta lagi saham Axiata berikutan pelaksanaan opsyen di bawah ESOS Khas. Pelupusan di atas menghasilkan laba sebanyak RM223.6 juta dan aliran tunai bersih sebanyak RM446.0 juta.

	RM
Perolehan bersih	446.0
Nilai dibawa (nota 31(a))	(425.3)
Pelarasan pengelasan semula atas laba nilai saksama daripada rizab kepada Penyata Pendapatan	202.9
Laba atas pelupusan	223.6

5. PELUPUSAN DAN PEMEROLEHAN PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Pelupusan pelaburan dalam MEASAT Global Berhad (MEASAT) pada tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2010

Pada 28 Julai 2010, Syarikat menerima notis mengenai tawaran pengambilalihan bersyarat bagi pelaburannya dalam MEASAT, daripada CIMB Investment Bank Berhad dan Maybank Investment Bank Berhad bagi pihak MEASAT Global Network Systems Sdn Bhd (MGNS), untuk mengambil alih kesemua saham biasa sebanyak RM0.78 sesaham dalam MEASAT yang belum dipegang oleh MGNS (Saham Tawaran) bagi harga tawaran tunai sebanyak RM4.20 bagi setiap Saham Tawaran (Tawaran).

Pada 6 September 2010, Syarikat menerima Tawaran tersebut. Pelupusan pemegangan keseluruhan Saham Tawaran Syarikat sebanyak 60,024,010, yang mewakili 15.39% kepentingan ekuiti dalam MEASAT menerusi penerimaan Tawaran tersebut, telah diselesaikan pada 7 September 2010. Berikutan daripada pelupusan berkenaan, Kumpulan memperoleh laba bersih atas pelupusan sebanyak RM141.7 juta dan aliran tunai sebanyak RM252.1 juta dalam tahun kewangan semasa, seperti yang ditunjukkan di bawah.

	RM
Perolehan jualan	252.1
Nilai dibawa MEASAT (nota 31(a))	(185.4)
Pelarasan pengelasan semula atas laba nilai saksama daripada rizab kepada Penyata Pendapatan	75.0
Laba atas pelupusan	141.7

(c) Menjadikan VADS Berhad (VADS) milik persendirian bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009

Pada 22 September 2008, Syarikat telah mengumumkan cadangannya untuk menjadikan VADS, sebuah anak syarikat dengan kepentingan ekuiti sebanyak 60.59%, sebagai milik persendirian melalui pengurangan dan pembayaran balik modal secara selektif di bawah Seksyen 64 Akta Syarikat, 1965.

Langkah menjadikan VADS milik persendirian telah selesai disempurnakan pada 12 Februari 2009 menjadikan VADS sebuah anak syarikat milik penuh Syarikat pada tarikh tersebut. Seterusnya, seluruh modal saham diterbitkan dan berbayar VADS telah dinyahsenaraikan daripada Senarai Rasmi Bursa Malaysia Securities Berhad pada 19 Februari 2009. Imbalan tunai dibayar oleh Kumpulan untuk menyempurnakan langkah ini berjumlah RM412.3 juta. Langkah menjadikan VADS milik persendirian ini adalah merupakan pengambilalihan baki 39.41% kepentingan ekuiti dalam VADS.

	RM
Imbalan pembelian	412.3
Nilai dibawa aset bersih yang diambil alih pada 12 Februari 2009	(103.9)
Muhibah	308.4

Muhibah, iaitu perbezaan antara imbalan yang dibayar dengan bahagian Kumpulan dalam nilai dibawa aset bersih pada tarikh pengambilalihan sebanyak RM308.4 juta telah diiktiraf sebagai aset tak ketara dalam Penyata Kedudukan Kewangan yang Disatukan.

6. HASIL KENDALIAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
Perkhidmatan suara	3,862.9	4,046.0	3,864.6	4,052.6
Perkhidmatan data	1,754.3	1,519.4	1,743.0	1,492.9
Perkhidmatan Internet dan multimedia	1,652.8	1,561.3	1,667.5	1,572.6
Perkhidmatan lain berkaitan telekomunikasi	1,223.4	1,175.3	547.2	478.2
Perkhidmatan tidak berkaitan telekomunikasi	297.6	306.0	–	–
JUMLAH HASIL KENDALIAN	8,791.0	8,608.0	7,822.3	7,596.3

7(a) SUSUT NILAI, PENGURANGAN NILAI DAN PELUNASAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan (PPE)	1,922.9	1,999.5	1,759.7	1,824.1
Susut nilai hartanah pelaburan	–	–	1.9	1.9
Pengurangan nilai PPE	0.7	0.1	–	–
Hapus kira/penamatan penggunaan PPE	71.1	38.7	70.2	38.5
Pelunasan aset tak ketara	1.1	1.2	–	–
JUMLAH SUSUT NILAI, PENGURANGAN NILAI DAN PELUNASAN	1,995.8	2,039.5	1,831.8	1,864.5

7(b) KOS KENDALIAN LAIN

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
Caj dan komisen agensi	59.5	73.1	143.0	145.5
Pembayaran sambung tara domestik dan antarabangsa	929.9	989.5	993.0	1,069.7
Pengurangan nilai belum terima perdagangan dan lain-lain (selepas ditolak kutipan semula hutang lapuk)	66.9	166.0	65.3	149.0
Pengurangan nilai bagi pinjaman dan pendahuluan kepada sebuah anak syarikat	–	–	–	4.3
Pengurangan nilai pelaburan dalam sebuah anak syarikat	–	–	1.7	–
Pengurangan nilai belum terima tersedia-untuk-dijual	17.7	–	17.7	–
Penyelenggaraan	555.0	523.7	598.1	591.4
Pemasaran, pengiklanan dan promosi	326.2	290.7	315.1	272.8
Kerugian/(laba) bersih daripada pertukaran asing bagi penyelesaian dan simpanan				
– terealisasi	55.1	4.2	48.0	2.6
– belum terealisasi	(33.4)	(27.3)	(33.6)	(27.3)
Kos khidmat luaran	64.9	57.2	344.9	205.7
Sewa – peralatan	84.7	75.7	104.9	100.0
Sewa – tanah dan bangunan	162.5	142.5	130.5	143.8
Sewa – lain-lain	6.2	7.3	15.0	11.9
Penyelidikan dan pembangunan	–	–	66.5	72.7
Kos anggota	1,783.0	1,631.5	1,420.7	1,284.5
Kos anggota dipermodalkan dalam PPE	(90.1)	(76.8)	(93.9)	(76.8)
Bekalan dan inventori	514.1	441.6	406.4	316.5
Pengangkutan dan perjalanan	67.8	68.7	53.4	52.3
Caruman Penyediaan Perkhidmatan Sejagat	230.9	194.3	210.0	182.5
Utiliti	278.8	281.7	249.6	255.3
Lain-lain	939.9	909.6	440.1	469.5
JUMLAH KOS KENDALIAN LAIN	6,019.6	5,753.2	5,496.4	5,225.9



7(b) KOS KENDALIAN LAIN (SAMBUNGAN)

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
Kos anggota termasuk:				
– gaji, elaun, kerja lebih masa dan bonus	1,452.2	1,332.5	1,148.7	1,044.8
– manfaat penamatan kerja	10.6	5.7	10.2	5.7
– caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	201.5	178.1	163.0	144.8
– manfaat lain anggota	102.6	100.0	84.7	75.9
– kos ESOS	11.5	10.2	9.7	8.4
– imbuhan Pengarah-pengarah Eksekutif Syarikat				
– gaji, elaun dan bonus	2.5	2.1	2.5	2.1
– caruman kepada KWSP	0.5	0.4	0.5	0.4
– kos ESOS	0.1	1.1	0.1	1.1
– imbuhan Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif Syarikat				
– yuran	1.3	1.1	1.1	1.0
– elaun dan bonus	0.2	0.2	0.2	0.2
– imbuhan bekas Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif Syarikat				
– yuran	–	0.1	–	0.1
– elaun	–	#	–	#
Lain-lain termasuk:				
– yuran audit berkanun				
– PricewaterhouseCoopers Malaysia	2.4	2.0	1.7	1.3
– firma ahli PricewaterhouseCoopers International Limited	0.2	0.3	–	–
– yuran berkaitan audit	0.9	1.0	0.5	0.8
– perkhidmatan cukai dan perkhidmatan lain bukan audit	0.7	0.5	0.5	0.5

Anggaran nilai wang bagi manfaat Pengarah-pengarah berjumlah RM773,219 (2009: RM433,312) bagi Kumpulan dan Syarikat.

Amaun kurang daripada RM0.1 juta

8. PENDAPATAN KENDALIAN LAIN (bersih)

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
Pendapatan dividen daripada anak-anak syarikat	–	–	166.9	163.1
Pendapatan dividen daripada sekuriti ekuiti – disebut harga	1.4	2.8	1.4	2.8
– tidak disebut harga	8.9	11.0	8.9	11.0
Pendapatan daripada penjualan sekerap	22.6	11.1	22.6	11.1
Pendapatan daripada anak-anak syarikat – faedah	–	–	13.0	4.2
– lain-lain	–	–	4.9	6.2
Tuntutan insuran	13.9	–	13.9	–
Kerugian atas pelupusan pinjaman anggota	(2.1)	(18.2)	(2.1)	(18.2)
Keuntungan atas pelupusan PPE	4.0	16.9	3.7	17.1
Penalti pelanggaran kontrak	3.6	1.0	3.4	1.0
Pendapatan sewa daripada bangunan	39.8	38.7	55.4	49.2
Pendapatan sewa daripada kenderaan	6.7	7.1	8.5	10.4
Hasil daripada aktiviti latihan dan yang berkaitan	1.8	5.5	2.2	6.7
Lain-lain	52.3	52.9	46.6	34.8
JUMLAH PENDAPATAN KENDALIAN LAIN (bersih)	152.9	128.8	349.3	299.4

9. LABA LAIN (bersih)

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian				
– laba nilai saksama	6.1	–	6.1	–
– laba/(kerugian) atas pelupusan	1.2	(31.2)	1.2	(31.2)
– kebalikan peruntukan pengurangan nilai	–	66.0	–	66.0
Pelaburan tersedia-untuk-dijual				
– laba atas pelupusan	87.5	1.0	66.8	1.0
– dikelaskan semula daripada rizab nilai saksama	278.5	1.5	75.6	–
	366.0	2.5	142.4	1.0
– laba atas pelupusan hak saham Axiata	–	66.0	–	–
– kebalikan peruntukan pengurangan nilai	–	17.2	–	17.2
JUMLAH LABA LAIN (bersih)	373.3	120.5	149.7	53.0

10. PENDAPATAN/(KOS) PEMBIAYAAN BERSIH

Kumpulan	2010				2009			
	Asing RM	Domestik RM	Prinsip Islam RM	Jumlah RM	Asing RM	Domestik RM	Prinsip Islam RM	Jumlah RM
Pendapatan pembiayaan daripada								
– deposit bank jangka pendek	0.1	69.7	35.7	105.5	0.1	57.3	25.8	83.2
– deposit lain	–	–	1.1	1.1	–	–	2.4	2.4
– pinjaman anggota	–	5.7	4.8	10.5	–	7.0	11.6	18.6
– amaun terhutang oleh Axiata	–	–	–	–	–	68.0	–	68.0
– belum terima tersedia-untuk-dijual	–	2.9	–	2.9	–	–	–	–
JUMLAH PENDAPATAN PEMBIAYAAN	0.1	78.3	41.6	120.0	0.1	132.3	39.8	172.2
Kos pembiayaan daripada								
– peminjaman (selepas ditolak pemulangan)	(216.9)	(2.3)	–	(219.2)	(241.7)	28.8	–	(212.9)
– Sekuriti Pendapatan Terkait Islam TM (nota 19(a))	–	–	(162.8)	(162.8)	–	–	(162.6)	(162.6)
– laba nilai saksama atas swap kadar faedah - terealisasi (nota 19(b))	–	–	22.9	22.9	–	–	8.1	8.1
– pertambahan kos pembiayaan	–	–	–	–	–	(6.8)	–	(6.8)
– pajakan kewangan (nota 19(d))	–	(4.0)	–	(4.0)	–	(4.2)	–	(4.2)
– premium atas pembelian semula bon (nota 19(e))	–	–	–	–	(18.6)	–	–	(18.6)
– laba atas penamatan swap (nota 21(e),(f),(g))	–	–	–	–	41.2	–	–	41.2
– pertambahan pendapatan pembiayaan	–	–	–	–	–	0.7	–	0.7
– pelunasan diskaun	–	–	–	–	–	(1.2)	–	(1.2)
– pelunasan subsidi faedah atas pinjaman anggota	–	(1.2)	(0.9)	(2.1)	–	–	–	–
JUMLAH KOS PEMBIAYAAN	(216.9)	(7.5)	(140.8)	(365.2)	(219.1)	17.3	(154.5)	(356.3)

10. PENDAPATAN/(KOS) PEMBIAYAAN BERSIH (SAMBUNGAN)

Kumpulan	2010				2009			
	Asing RM	Domestik RM	Prinsip Islam RM	Jumlah RM	Asing RM	Domestik RM	Prinsip Islam RM	Jumlah RM
Laba pertukaran asing atas peminjaman								
– terealisasi	169.7	–	–	169.7	5.4	–	–	5.4
– belum terealisasi	162.6	–	–	162.6	35.1	–	–	35.1
Kerugian nilai saksama atas kontrak hadapan mata wang asing								
– terealisasi	(8.8)	–	–	(8.8)	–	–	–	–
– belum terealisasi (nota 21)	(19.8)	–	–	(19.8)	–	–	–	–
JUMLAH LABA PERTUKARAN ASING ATAS PEMINJAMAN	303.7	–	–	303.7	40.5	–	–	40.5
PENDAPATAN/(KOS) PEMBIAYAAN BERSIH	86.9	70.8	(99.2)	58.5	(178.5)	149.6	(114.7)	(143.6)
Syarikat								
Pendapatan pembiayaan daripada								
– deposit bank jangka pendek	0.1	64.3	32.5	96.9	0.1	52.4	21.4	73.9
– deposit lain	–	–	1.1	1.1	–	–	2.4	2.4
– pinjaman anggota	–	5.7	4.8	10.5	–	7.0	11.6	18.6
– amaun terhutang oleh Axiata	–	–	–	–	–	68.0	–	68.0
– belum terima tersedia-untuk-dijual	–	2.9	–	2.9	–	–	–	–
JUMLAH PENDAPATAN PEMBIAYAAN	0.1	72.9	38.4	111.4	0.1	127.4	35.4	162.9
Kos pembiayaan daripada								
– peminjaman	(216.9)	(0.5)	–	(217.4)	(241.7)	(1.3)	–	(243.0)
– Sekuriti Pendapatan Terkait Islam TM (nota 19(a))	–	–	(162.8)	(162.8)	–	–	(162.6)	(162.6)
– laba nilai saksama atas swap kadar faedah - terealisasi (nota 19(b))	–	–	22.9	22.9	–	–	8.1	8.1
– pertambahan kos pembiayaan	–	–	–	–	–	(6.8)	–	(6.8)
– pajakan kewangan (nota 19(d))	–	(4.0)	–	(4.0)	–	(4.2)	–	(4.2)
– premium atas pembelian semula bon (nota 19(e))	–	–	–	–	(18.6)	–	–	(18.6)
– laba atas penamatan swap (nota 21(e),(f),(g))	–	–	–	–	41.2	–	–	41.2
– Pengoptimuman Dana Antara Syarikat (nota 43(f))	–	(4.7)	–	(4.7)	–	(1.6)	–	(1.6)
– pertambahan pendapatan pembiayaan	–	–	–	–	–	0.7	–	0.7
– pelunasan diskaun	–	–	–	–	–	(1.2)	–	(1.2)
– pelunasan subsidi faedah atas pinjaman anggota	–	(1.2)	(0.9)	(2.1)	–	–	–	–
JUMLAH KOS PEMBIAYAAN	(216.9)	(10.4)	(140.8)	(368.1)	(219.1)	(14.4)	(154.5)	(388.0)

10. PENDAPATAN/(KOS) PEMBIAYAAN BERSIH (SAMBUNGAN)

Syarikat	2010				2009			
	Asing RM	Domestik RM	Prinsip Islam RM	Jumlah RM	Asing RM	Domestik RM	Prinsip Islam RM	Jumlah RM
Laba pertukaran asing atas peminjaman								
– terealisasi	169.7	–	–	169.7	5.4	–	–	5.4
– belum terealisasi	162.6	–	–	162.6	35.1	–	–	35.1
Kerugian nilai saksama atas kontrak hadapan mata wang asing								
– terealisasi	(8.8)	–	–	(8.8)	–	–	–	–
– belum terealisasi (nota 21)	(19.8)	–	–	(19.8)	–	–	–	–
JUMLAH LABA PERTUKARAN ASING ATAS PEMINJAMAN	303.7	–	–	303.7	40.5	–	–	40.5
PENDAPATAN/(KOS) PEMBIAYAAN BERSIH	86.9	62.5	(102.4)	47.0	(178.5)	113.0	(119.1)	(184.6)

11. CUKAI DAN ZAKAT

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
Caj cukai bagi Kumpulan dan Syarikat terdiri daripada:				
Malaysia				
Cukai Pendapatan				
Tahun semasa	113.3	31.6	102.3	16.3
Tahun terdahulu	1.3	(9.6)	13.6	(8.2)
Cukai Tertunda (bersih)	9.7	228.2	(4.2)	189.6
	124.3	250.2	111.7	197.7
Luar Negeri				
Cukai Pendapatan				
Tahun semasa	1.5	4.1	–	–
Tahun terdahulu	0.3	1.0	–	–
Cukai Tertunda (bersih)	(10.3)	(3.2)	–	–
	(8.5)	1.9	–	–
JUMLAH CUKAI	115.8	252.1	111.7	197.7
Zakat	(0.6)	(3.8)	–	(5.0)
CUKAI DAN ZAKAT	115.2	248.3	111.7	192.7

11. CUKAI DAN ZAKAT (SAMBUNGAN)

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
Cukai semasa:				
Tahun semasa	114.8	35.7	102.3	16.3
Kurangan/(lebih) akrual pada tahun-tahun terdahulu (bersih)	1.6	(8.6)	13.6	(8.2)
Cukai tertunda:				
Permulaan dan kebalikan perbezaan sementara	58.9	225.0	53.0	189.6
Manfaat daripada perbezaan sementara boleh dipotong dan kerugian cukai yang tidak diiktiraf sebelum ini	(59.5)	–	(57.2)	–
	115.8	252.1	111.7	197.7

Perhubungan antara belanja cukai dan keuntungan sebelum cukai dan zakat boleh diterangkan melalui penyesuaian berangka antara belanja cukai dan hasil keuntungan perakaunan didarab dengan kadar cukai Malaysia seperti di bawah:

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat	1,360.2	921.6	1,040.1	673.7
Cukai dikira pada kadar cukai Malaysia yang diterima pakai sebanyak 25.0%	340.1	230.4	260.0	168.4
Kesan cukai daripada:				
– perbezaan kadar cukai di negara-negara lain	(0.7)	(2.8)	–	–
– belanja tidak boleh dipotong bagi tujuan cukai	64.8	73.6	47.5	73.4
– pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	(199.4)	(68.3)	(120.0)	(52.2)
– belanja dibenarkan untuk potongan cukai berganda	(13.0)	(17.8)	(13.0)	(17.8)
– insentif cukai	–	(1.3)	–	(1.3)
– manfaat daripada perbezaan sementara boleh dipotong dan kerugian cukai yang tidak diiktiraf sebelum ini	(59.5)	–	(57.2)	–
– kebalikan manfaat direkod terdahulu kini tidak lagi boleh dipungut semula	–	28.9	–	25.9
– kerugian cukai tahun semasa yang tidak diiktiraf	15.4	4.4	–	–
– kurangan/(lebih) akrual cukai pendapatan (bersih)	1.6	(8.6)	13.6	(8.2)
– pelarasan perbezaan sementara yang diiktiraf sebelum ini	(33.5)	13.6	(19.2)	9.5
JUMLAH CUKAI	115.8	252.1	111.7	197.7

12. PEROLEHAN SESAHAM

(a) Perolehan sesaham asas

Perolehan sesaham asas Kumpulan dikira dengan membahagikan keuntungan bersih milik pemegang-pemegang ekuiti dengan purata wajaran bilangan saham biasa Syarikat yang diterbitkan dan berbayar dalam tahun kewangan, kecuali Saham-saham ESOS Khas yang diterbitkan kepada TM ESOS Management Sdn Bhd yang masih belum dilaksanakan dan tidak teruntuk, seperti yang dijelaskan dalam nota 14(d) kepada penyata kewangan.

	Kumpulan	
	2010 RM	2009 RM
Keuntungan milik pemegang ekuiti Syarikat (RM juta)	1,206.5	643.0
Purata wajaran bilangan saham biasa (juta)	3,556.1	3,515.8
Perolehan sesaham asas (sen) milik pemegang ekuiti Syarikat	33.9	18.3

(b) Perolehan sesaham dicairkan

Pengiraan perolehan sesaham dicairkan dalam tahun 2009 adalah berdasarkan purata wajaran bilangan saham biasa dalam terbitan dan diselaraskan untuk mengandaikan penukaran kesemua saham biasa yang berpotensi untuk dicairkan daripada opsyen saham yang diberikan kepada anggota-anggota di bawah ESOS Khas.

Berhubung dengan opsyen saham ke atas saham biasa Syarikat, pengiraan dibuat untuk menentukan bilangan saham yang boleh diperoleh pada nilai saksama (ditentukan sebagai harga purata saham Syarikat) berasaskan nilai monetari hak langganan bagi opsyen saham yang tertunggak. Pengiraan ini bertujuan untuk menentukan opsyen saham tertunggak yang belum dilaksanakan bagi tujuan pengiraan pencairan. Tiada pelarasan dibuat kepada keuntungan milik pemegang ekuiti bagi tahun kewangan untuk pengiraan opsyen saham.

ESOS Khas Syarikat tamat pada 16 September 2010 dan baki opsyen-opsyen belum dilaksanakan pada tarikh tersebut telah luput dan dikira sebagai batal dan tidak sah. Tiada saham biasa berpotensi untuk dicairkan pada 31 Disember 2010. Justeru, perolehan sesaham yang dicairkan adalah bersamaan dengan perolehan sesaham asas.

Untuk maklumat terperinci mengenai ESOS Khas Syarikat, sila rujuk nota 15 kepada penyata kewangan.

	Kumpulan	
	2010 RM	2009 RM
Keuntungan milik pemegang ekuiti Syarikat (RM juta)	1,206.5	643.0
Purata wajaran bilangan saham biasa (juta)	3,556.1	3,515.8
Pelarasan bagi kesan kecairan ESOS Khas (juta)	–	15.6
Purata wajaran bilangan saham biasa (juta)	3,556.1	3,531.4
Perolehan sesaham dicairkan (sen) milik pemegang ekuiti Syarikat	33.9	18.2

13. DIVIDEN BERHUBUNG SAHAM BIASA

Dividen yang dilulus dan dibayar berhubung saham biasa:

	2010		Syarikat		
	Dividen kasar sesaham Sen	Amaun dividen, selepas ditolak cukai sebanyak 25.0% RM	Dividen kasar sesaham Sen	2009 Amaun dividen, selepas ditolak cukai sebanyak 25.0% RM	Amaun dividen, dikecualikan cukai RM
Dividen akhir dibayar bagi tahun kewangan berakhir:					
– 31 Disember 2009	13.0	348.8	–	–	–
– 31 Disember 2008	–	–	14.25	382.3	–
Dividen interim dibayar bagi tahun kewangan berakhir:					
– 31 Disember 2010	13.0	348.8	–	–	–
– 31 Disember 2009	–	–	10.0	–	357.7
DIVIDEN DIKTIKRAF SEBAGAI PENGAGIHAN KEPADA PEMEGANG EKUITI BIASA SYARIKAT	26.0	697.6	24.25	382.3	357.7

Dividen di atas termasuk dividen dibayar atas saham yang dipegang oleh TM ESOS Management Sdn Bhd sebanyak RM3.8 juta (2009: RM8.7 juta), yang telah diselaras semasa penyatuan.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010, Pengarah-pengarah kini mengesyorkan dividen kasar akhir sebanyak 13.1 sen sesaham, tolak cukai sebanyak 25.0%, yang berjumlah RM351.5 juta (2009: dividen kasar akhir sebanyak 13.0 sen sesaham, tolak cukai sebanyak 25.0%, yang berjumlah RM348.8 juta) tertakluk kepada kelulusan pemegang-pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang.

14. MODAL SAHAM

	Kumpulan dan Syarikat			
	2010		2009	
	Bilangan saham	RM	Bilangan saham	RM
Dibenarkan:				
Saham biasa bernilai RM1.00 sesaham	5,000.0	5,000.0	5,000.0	5,000.0
Saham Istimewa bernilai RM1.00 (nota kecil (a))	–	–	–	–
1,000 Saham Keutamaan Boleh Tebus Kelas A bernilai RM0.01 sesaham	–	–	–	–
1,000 Saham Keutamaan Boleh Tebus Kelas B bernilai RM0.01 sesaham	–	–	–	–
2,000 Saham Keutamaan Boleh Tebus Tak Boleh Tukar Kelas C bernilai RM1.00 sesaham (nota kecil (b))	–	–	–	–
1,000 Saham Keutamaan Boleh Tebus Tak Boleh Tukar Kelas D bernilai RM1.00 sesaham (nota kecil (b))	–	–	–	–
Saham Keutamaan Boleh Tebus Kelas E bernilai RM0.01 sesaham (nota kecil (c))	4,000.0	40.0	4,000.0	40.0
Diterbit dan berbayar penuh:				
Saham biasa bernilai RM1.00 sesaham				
Pada 1 Januari	3,543.5	3,543.5	3,456.0	3,456.0
Pelaksanaan opsyen saham (nota kecil (d)(ii))	23.4	23.4	87.5	87.5
Pelupusan saham bagi opsyen yang luput (nota kecil (d)(iii))	1.2	1.2	–	–
Pada 31 Disember	3,568.1	3,568.1	3,543.5	3,543.5
Saham Keutamaan Boleh Tebus Kelas E bernilai RM0.01 sesaham				
Terbitan bonus Saham Keutamaan Boleh Tebus (nota kecil (c))	–	–	3,577.4	35.8
Penebusan Saham Keutamaan Boleh Tebus (nota kecil (c))	–	–	(3,577.4)	(35.8)
Pada 31 Disember	–	–	–	–
Saham Istimewa bernilai RM1.00 (nota kecil (a))				
Pada 1 Januari dan 31 Disember	–	–	–	–
JUMLAH MODAL SAHAM DITERBIT DAN BERBAYAR PENUH	3,568.1	3,568.1	3,543.5	3,543.5

14. MODAL SAHAM (SAMBUNGAN)

(a) Saham Keutamaan Boleh Tebus Hak Istimewa (Saham Istimewa)

Saham Istimewa bernilai RM1.00 membolehkan pihak Kerajaan melalui Menteri Kewangan untuk memastikan bahawa keputusan penting tertentu yang melibatkan kendalian Syarikat adalah konsisten dengan dasar Kerajaan. Pemegang Saham Istimewa yang mungkin hanya Kerajaan sahaja atau mana-mana wakil atau sesiapa yang bertindak bagi pihaknya, adalah berhak untuk menerima notis mesyuarat, tetapi tidak mempunyai sebarang hak untuk mengundi di mesyuarat Syarikat. Namun, Pemegang Saham Istimewa berhak menghadiri mesyuarat dan bersuara dalam mesyuarat tersebut.

Perkara-perkara tertentu, terutamanya, mengenai pindaan kepada Tataurus Pertubuhan Syarikat berhubung dengan hak Pemegang Saham Istimewa, pembubaran Syarikat, sebarang pemerolehan dan pelupusan aset penting, percantuman, penggabungan dan pengambilalihan, memerlukan persetujuan terlebih dahulu daripada Pemegang Saham Istimewa.

Pemegang Saham Istimewa berhak untuk memohon Syarikat menebus Saham Istimewa pada nilai tara pada bila-bila masa. Dalam pengagihan modal ketika pembubaran Syarikat, Pemegang Saham Istimewa berhak mendapatkan pembayaran balik modal berbayar atas Saham Istimewa, mendahului pembayaran balik modal kepada mana-mana ahli lain. Saham Istimewa ini tidak memberi sebarang hak penglibatan dalam modal atau keuntungan Syarikat.

(b) Saham Keutamaan Boleh Tebus Tak Boleh Tukar (NCRPS)

Saham ini terdiri daripada 2,000 NCRPS Kelas C bernilai RM1.00 sesaham dan 1,000 NCRPS Kelas D bernilai RM1.00 sesaham. Pada 20 Julai 2007, Syarikat telah menerbitkan 2,000 NCRPS Kelas C (NCRPS C TM) dan 925 NCRPS Kelas D (NCRPS D TM) pada premium bernilai RM999.00 sesaham melebihi nilai tara RM1.00 sesaham. Taraf NCRPS C TM dan NCRPS D TM adalah bertaraf pari passu antara satu sama lain tetapi bertaraf di bawah Saham Istimewa dan lebih diutamakan daripada saham biasa Syarikat dalam pengagihan modal jika berlakunya pembubaran atau likwidasi Syarikat. NCRPS C TM dan NCRPS D TM telah dikelaskan sebagai liabiliti.

Maklumat mengenai NCRPS C TM dan NCRPS D TM adalah dijelaskan dalam nota 19(a)(i) kepada penyata kewangan.

(c) Saham Keutamaan Boleh Tebus (RPS) Kelas E

Pada 24 Februari 2009, Syarikat telah mengumumkan cadangan untuk melaksanakan pembayaran balik modal tunai (Pembayaran Balik Modal) kepada para pemegang saham berjumlah RM3,505.8 juta. Cadangan ini telah diluluskan oleh para pemegang saham dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa pada 7 Mei 2009.

Pada 2 Jun 2009, Syarikat telah melaksanakan terbitan bonus sebanyak 3,577.4 juta RPS bernilai RM0.01 sesaham kepada pemegang saham yang layak, berdasarkan 1 RPS bagi setiap saham biasa bernilai RM1.00 sesaham yang dipegang (termasuk saham yang dipegang oleh amanah ESOS sebagai ganti pelaksanaan opsyen saham bagi anggota yang layak). Penerbitan bonus ini dibuat pada nilai tara RM0.01 bagi setiap RPS melalui permodalan akaun premium saham Syarikat.

Oleh kerana penerbitan saham bonus ini adalah untuk memudahkan Pembayaran Balik Modal, Syarikat telah menebus RPS ini pada harga penebusan RM0.98 bagi setiap RPS, dijelaskan melalui pembayaran tunai sebanyak RM3,505.8 juta. Premium ke atas penebusan sebanyak RM0.97 bagi setiap RPS atau RM3,470.0 juta telah ditebus daripada akaun premium saham Syarikat. Pada masa yang sama, penebusan nilai tara RPS telah menghasilkan rizab penebusan modal sebanyak RM35.8 juta. Bayaran telah dibuat pada 12 Jun 2009, termasuk RM43.1 juta yang dibayar kepada TM ESOS Management Sdn Bhd (TEM), sebuah entiti tujuan khas yang dikawal oleh Syarikat. Amaun ini telah diselaraskan semasa penyatuan.

14. MODAL SAHAM (SAMBUNGAN)

(d) Saham ESOS Khas

- (ii) Pada 17 Mac 2008, Syarikat menerbitkan 137,592,300 saham (Saham ESOS Khas) pada nilai saksama kepada TEM, sebuah syarikat amanah, yang baru ditubuhkan di bawah ESOS Khas (nota 15) sebagai pertukaran dengan pelaburan dalam TEM dan, dengan ini, menjadikan TEM sebuah anak syarikat dan juga sebagai pemegang saham Syarikat. Pelarasan kepada pelaburan dalam TEM merupakan suatu urusan niaga dengan pemegang saham Syarikat dan, oleh itu, dicatatkan dalam ekuiti.

Dalam penyata kewangan berasingan Syarikat, ianya direkodkan sebagai 'Rizab ESOS Khas' yang akan dikelaskan semula kepada modal berbayar dan premium saham Syarikat apabila bayaran diterima bagi penerbitan saham kepada anggota atau pihak ketiga yang lain. Dalam penyata kewangan yang disatukan, penerbitan Saham ESOS Khas kepada TEM adalah urusan niaga dalam kumpulan dan, oleh itu, tidak direkodkan sehingga Saham ESOS Khas diterbitkan kepada anggota atau pihak lain di luar Kumpulan.

Sepanjang tahun kewangan, 23,414,111 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham telah diterbitkan berikutan pelaksanaan opsi saham oleh anggota di bawah ESOS Khas, diperincikan seperti berikut:

Bilangan saham biasa diterbit dan berbayar bernilai RM1.00 sesaham	Harga laksana sesaham
20,579,511	RM1.91
1,721,000	RM2.22
1,113,600	RM2.91

- (iii) Di samping itu, sebanyak 1,249,600 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham turut diterbitkan berikutan pelupusan saham biasa berkaitan dengan opsi yang telah luput oleh TEM. Seperti yang dijelaskan di bawah ciri-ciri ESOS Khas dalam nota 15 kepada penyata kewangan, saham-saham berlebihan yang tidak teruntuk dan saham-saham yang berkaitan dengan opsi yang telah luput akan dijual di pasaran terbuka apabila ESOS Khas tamat tempohnya mengikut pertimbangan Jawatankuasa Opsi ESOS Khas.

Saham-saham di atas bertaraf pari passu dalam segala aspek seperti saham-saham biasa terbitan Syarikat yang sedia ada.

15. SKIM OPSYEN SAHAM KAKITANGAN

Pada 10 Disember 2007, Syarikat telah mengumumkan bahawa sempena dengan pengasingan yang dicadangkan, satu Skim Opsyen Saham Kakitangan (ESOS Khas) untuk anggota-anggota dan Pengarah Eksekutif Kumpulan yang layak (selain daripada anak-anak syarikat yang dormant) (secara kolektif dirujuk sebagai "Anggota-anggota Layak") telah diwujudkan. ESOS Khas ini telah kemudiannya diluluskan oleh para pemegang saham di Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 6 Mac 2008.

Ciri-ciri ESOS Khas

(i) Bilangan maksimum saham boleh diterbitkan di bawah ESOS Khas

Jumlah bilangan saham Syarikat yang ditawarkan di bawah ESOS Khas adalah 137,592,300 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham. Ini merupakan 4.0% daripada modal saham Syarikat sedia ada yang diterbitkan dan berbayar pada tarikh pelaksanaan.

(ii) Kelayakan

Kelayakan untuk menyertai dalam ESOS Khas oleh seseorang anggota atau Pengarah Eksekutif mestilah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam Undang-undang Kecil bagi ESOS Khas yang mensyaratkan bahawa seseorang anggota atau Pengarah Eksekutif:

- (a) telah mencapai umur 18 tahun; dan
- (b) bekerja sepenuh masa dan gajinya dibayar oleh sebuah syarikat dalam Kumpulan.

(iii) Tempoh bagi ESOS Khas

ESOS Khas akan berkuat kuasa untuk tempoh 18 bulan dari tarikh opsyen diberi sehingga 16 September 2009, kecuali dilanjutkan atau diperbaharui tempohnya oleh Lembaga Pengarah untuk 12 bulan lagi atau untuk tempoh yang lebih pendek jika dianggap wajar, tertakluk kepada kelulusan pemegang-pemegang saham. Lanjutan daripada resolusi Mesyuarat Agung Luarbiasa pada 7 Mei 2009, tempoh laksana untuk opsyen yang diberikan di bawah ESOS Khas kepada anggota-anggota Kumpulan telah dilanjutkan kepada 16 September 2010.

ESOS Khas telah tamat tempohnya pada 16 September 2010 dan baki opsyen-opsyen belum dilaksanakan pada tarikh tersebut telah luput dan dikira sebagai batal dan tidak sah.

Apabila tamatnya tempoh ESOS Khas, baki saham berkaitan dengan opsyen-opsyen yang belum dilaksanakan boleh dijual di pasaran terbuka, mengikut pertimbangan Jawatankuasa Opsyen. Pada 31 Disember 2010, baki saham dalam Syarikat dan Kumpulan Axiata Berhad (Axiata) di bawah ESOS Khas yang dipegang oleh TEM, serta masih belum dijual adalah masing-masing sebanyak 9.2 juta dan 101.5 juta.



15. SKIM OPSYEN SAHAM KAKITANGAN (SAMBUNGAN)

Ciri-ciri ESOS Khas (sambungan)

(iv) Peruntukan maksimum yang dibenarkan

Bilangan opsyen yang boleh diberikan kepada Anggota-anggota Layak adalah mengikut pertimbangan Jawatankuasa Opsyen, tertakluk kepada perkara-perkara berikut dan perenggan (vi) di bawah ini:

- (a) Tidak melebihi 50.0% daripada opsyen-opsyen ke atas saham-saham yang tersedia di bawah ESOS Khas boleh diberikan, secara agregat, kepada Anggota-anggota Layak yang terdiri daripada Pengarah Eksekutif atau Pengurusan Kanan dan mereka yang berjawatan lebih tinggi daripada ini.
- (b) Tidak melebihi 10.0% daripada opsyen-opsyen ke atas saham-saham yang tersedia di bawah ESOS Khas boleh diberikan kepada mana-mana Anggota-anggota Layak, yang sama ada secara perseorangan atau berkumpulan melalui sesiapa yang ada kaitan dengannya, memiliki 20.0% atau lebih daripada modal diterbitkan dan membayar Syarikat.

(v) Harga langganan

Harga langganan bagi setiap saham bernilai RM1.00 sesaham mestilah pada harga pasaran purata wajar saham Syarikat untuk 5 hari perdagangan sejurus sebelum tarikh tawaran opsyen dengan diskaun maksimum sehingga 10.0%. Selepas pengasingan, harga langganan bagi setiap saham Syarikat dan Axiata Group Berhad (Axiata) bernilai RM1.00 sesaham mestilah pada harga pasaran purata wajar saham-saham tersebut untuk 5 hari perdagangan sejurus sebelum tarikh tawaran opsyen masing-masing, dengan diskaun maksimum sehingga 10.0% setiap satu. Harga langganan tergabung adalah RM9.70 sesaham, iaitu harga langganan sebelum pengasingan.

(vi) Perubahan pada struktur modal

Jika terdapat sebarang perubahan pada struktur modal Syarikat dalam tempoh opsyen yang tamat pada 16 September 2010, perubahan yang sepadan mestilah dibuat dalam:

- (a) bilangan saham baru berhubung dengan ESOS Khas setakat yang belum dilaksanakan;
- (b) dan/atau harga langganan.

(vii) Kedudukan Saham-saham ESOS Khas

Saham-saham baru yang diterbitkan di bawah ESOS Khas, apabila terumpuk dan diterbitkan, akan bertaraf sama dalam segala aspek dengan saham-saham yang sedia ada, kecuali saham-saham tersebut tidak melayakkan pemegang-pemegangnya kepada sebarang dividen, hak, perumpukan dan/atau pengagihan lain yang mana tarikh bagi kelayakannya adalah sebelum tarikh terbitan saham-saham baru sedemikian.

(viii) Pengaturan amanah

ESOS Khas akan dilaksanakan melalui TM ESOS Management Sdn Bhd (TEM), sebuah syarikat amanah yang ditubuhkan khusus untuk bertindak sebagai pemegang amanah untuk memperoleh, memegang dan mengurus Saham-saham ESOS Khas dan manfaat lain yang berkaitan di bawah ESOS Khas.

TEM akan memberi opsyen ke atas Saham-saham ESOS Khas kepada Anggota-anggota Layak sahaja mengikut arahan Jawatankuasa Opsyen yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Saham-saham berlebihan yang tidak teruntuk akan dijual di pasaran terbuka pada nilai pasaran saksama apabila ESOS Khas tamat tempohnya.

Opsyen-opsyen yang diberi ini tidak memberi sebarang hak untuk menyertai dalam sebarang terbitan saham oleh mana-mana syarikat lain.

Berasaskan pengaturan amanah tersebut, TEM telah dipastikan sebagai entiti dikawal oleh Syarikat dan akaunnya telah disatukan bagi tujuan penyata kewangan ini.

15. SKIM OPSYEN SAHAM KAKITANGAN (SAMBUNGAN)

Peruntukan dan Harga Laksana bagi ESOS Khas

Pada 17 Mac 2008, Syarikat telah menerbitkan 137,592,300 saham (Saham ESOS Khas), yang merupakan 4.0% daripada modal saham Syarikat yang diterbitkan dan berbayar, kepada TEM. Bilangan sebenar opsyen ke atas saham tersebut yang diberikan kepada anggota-anggota Kumpulan sejak 31 Mac 2008 sehingga tamat tempoh skim adalah seperti berikut:

Anggota-anggota	Tarikh pemberian	Bilangan opsyen diberi '000
Syarikat		
– peruntukan permulaan	31 Mac 2008*	82,365.0
– peruntukan tambahan kepada anggota-anggota bukan eksekutif	22 April 2008	5,496.5
– peruntukan tambahan kepada anggota-anggota dinaikkan pangkat**	16 Oktober 2008	2,805.0
– peruntukan tambahan kepada anggota-anggota dinaikkan pangkat***	17 September 2009	1,203.6
Anak-anak Syarikat		
– peruntukan permulaan	31 Mac 2008*	18,588.0
– peruntukan tambahan kepada anggota-anggota bukan eksekutif	22 April 2008	640.0
– peruntukan tambahan kepada anggota-anggota dinaikkan pangkat**	16 Oktober 2008	262.8
– peruntukan tambahan kepada anggota-anggota dinaikkan pangkat***	17 September 2009	100.8
Jumlah kecil		111,461.7
Syarikat-syarikat dalam Kumpulan Axiata		
– peruntukan permulaan	31 Mac 2008*	23,473.0
– peruntukan tambahan kepada anggota-anggota bukan eksekutif	22 April 2008	134.0
– peruntukan tambahan kepada anggota-anggota dinaikkan pangkat**	16 Oktober 2008	0.6
Jumlah		135,069.3

* Ini dianggap tarikh opsyen diberi oleh kerana kebanyakan tawaran yang dibuat pada 17 Mac 2008 telah diterima dengan sewajarnya oleh Anggota-anggota Layak.

** Opsyen-opsyen tambahan ini telah diberi kerana kenaikan pangkat dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2008.

*** Opsyen-opsyen tambahan ini telah diberi kerana kenaikan pangkat sehingga 16 Mac 2009.

15. SKIM OPSYEN SAHAM KAKITANGAN (SAMBUNGAN)

Peruntukan dan Harga Laksana bagi ESOS Khas (sambungan)

ESOS Khas telah dirancang dengan tujuan untuk mengekalkan perkhidmatan anggota-anggota dalam Kumpulan semasa tempoh peralihan pengasingan. Oleh itu, jumlah opsiyen yang diberi kepada setiap anggota akan diletak hak seperti berikut:

Tarikh pemberian	Tarikh letak hak/Peratus opsiyen yang boleh dilaksanakan (%)					
	Tranche 1		Tranche 2		Tranche 3	
	31 Mac 2008	22 April 2008	16 September 2008	16 Oktober 2008	16 Mac 2009	17 September 2009
31 Mac 2008	40	–	30	–	30	–
22 April 2008	–	40	30	–	30	–
16 Oktober 2008	–	–	–	50	50	–
17 September 2009	–	–	–	–	–	100

Sebelum pengasingan, pada tarikh opsiyen diberi, anggota berhak menerima opsiyen ke atas saham biasa Syarikat (Opsyen TM) sahaja. Opsyen TM telah diberi dengan mengambil kira pengasingan. Dengan ini, Opsyen TM telah diberi atas dasar nilai opsiyen tersebut akan termasuk opsiyen ke atas saham biasa Axiata (Opsyen Axiata) semasa pengasingan.

Menurut pengagihan saham Axiata melalui *dividend in specie* untuk melaksanakan pengasingan pada 25 April 2008, 137,295,600 saham biasa Axiata (saham Axiata) telah diagihkan kepada TEM berasaskan 1 saham Axiata bagi setiap saham TM yang dipegang oleh TEM. Oleh itu, Anggota-anggota Layak berhak menerima 1 Opsyen Axiata bagi setiap Opsyen TM yang masih belum dilaksanakan pada tarikh tersebut. Peruntukan pada 16 Oktober 2008 termasuk 1 Opsyen Axiata bagi setiap Opsyen TM yang diberi pada tarikh tersebut manakala peruntukan pada 17 September 2009 termasuk 1.4645 Opsyen Axiata bagi setiap 1 Opsyen TM seperti yang diterangkan dalam nota kecil (ii) di bawah. Opsyen-opsyen TM dan Opsyen-opsyen Axiata boleh dilaksanakan secara berasingan.

Berikutan peristiwa yang berlaku sepanjang tahun kewangan yang lepas, harga laksana Opsyen TM dan Opsyen Axiata masing-masing telah diselaraskan seperti berikut:

Tarikh pemberian	Harga laksana (RM)				
	Sebelum pengasingan	Semasa pengasingan		(i) Selepas pembayaran balik modal	(ii) Selepas terbitan hak Axiata
		Opsyen TM	Opsyen Axiata	Opsyen TM	Opsyen Axiata
31 Mac 2008	9.70	2.71	6.99	1.91	4.77
22 April 2008	9.70	2.71	6.99	1.91	4.77
16 Oktober 2008	n.a.	3.14	6.56	2.22	4.47
17 September 2009	n.a.	n.a.	n.a.	2.91	3.99

- (i) Pembayaran balik modal seperti yang dinyatakan dalam nota 14(c) kepada penyata kewangan.
- (ii) Berikutan terbitan hak Axiata pada April 2009, Syarikat telah melanggan 64.3 juta hak daripada 171.3 juta hak yang layak dilangani, untuk jumlah imbalan tunai sebanyak RM72.0 juta. Sewajarnya, harga laksana bagi Opsyen Axiata dan bilangan Opsyen Axiata yang diumpukkan kepada Anggota-anggota Layak telah diselaraskan berdasarkan nisbah 1.4645 untuk setiap 1 Opsyen Axiata yang masih belum dilaksanakan, yang mana adalah konsisten dengan nisbah perubahan dalam struktur modal Axiata.

n.a. tidak berkaitan

15. SKIM OPSYEN SAHAM KAKITANGAN (SAMBUNGAN)

Penilaian Saksama ESOS Khas

Nilai saksama opsyen yang diberi pada tarikh pemberian di mana FRS 2 diterima pakai, ditentukan melalui model penilaian Black Scholes. Nilai saksama opsyen telah ditentukan dengan mengambil kira pengasingan dan perubahan dalam struktur modal bagi kedua-dua Syarikat dan Axiata. Input yang dimasukkan dalam model ini adalah seperti berikut:

ESOS Khas ke atas saham biasa:	Syarikat			Axiata		
Harga laksana	RM2.71*^	RM3.14^	RM2.91	RM6.99^	RM6.56^	RM3.99
Anggaran hayat opsyen (bilangan hari)						
– tranche 1	183	n.a.	n.a.	183	n.a.	n.a.
– tranche 2	350	182	n.a.	350	182	n.a.
– tranche 3	534	335	180	534	335	180
Purata wajaran harga saham pada tarikh pemberian	RM3.58	RM3.32	RM3.14	RM7.25	RM5.00	RM3.16
Jangkaan hasil dividen	5.60%	5.60%	6.23%	1.80%	1.80%	1.61%
Kadar faedah bebas risiko						
(Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia)	3.38%	3.67%	2.01%	3.38%	3.67%	2.01%
Jangkaan kemudahubahan	21.48%	27.14%	25.12%	24.62%	23.15%	38.38%
Tempoh kemudahubahan masa lalu bagi saham:						
– dari	31.03.2006	16.10.2007	17.09.2008	@	@	17.09.2008
– hingga	31.03.2008	16.10.2008	17.09.2009	@	@	17.09.2009
Nilai opsyen						
– tranche 1	0.82	n.a.	n.a.	0.66	n.a.	n.a.
– tranche 2	0.80	0.32	n.a.	0.86	0.02	n.a.
– tranche 3	0.79	0.38	0.28	1.03	0.08	0.10

Kemudahubahan yang diukur pada sisihan piawai pulangan saham yang dikompaun secara berterusan adalah berdasarkan pada analisis statistik harga saham harian sepanjang tempoh 1 hingga 2 tahun lepas dari tarikh pemberian saham.

* Parameter penilaian bagi opsyen yang diberi pada 31 Mac 2008 dan 22 April 2008 adalah sama disebabkan oleh tarikh pemberian yang hampir sama.

^ Tiada perubahan dalam nilai saksama opsyen-opsyen ini akibat daripada perubahan harga laksana berikutan perubahan dalam struktur modal syarikat-syarikat berkenaan.

@ Kadar kemudahubahan bagi opsyen ke atas saham Axiata bagi tahun 2008 ditentukan selepas mengambil kira pola dan paras kemudahubahan masa lalu bagi entiti-entiti dalam industri yang sama, kerana maklumat kemudahubahan masa lalu saham Axiata belum wujud memandangkan Axiata hanya disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 April 2008.

n.a. tidak berkaitan

15. SKIM OPSYEN SAHAM KAKITANGAN (SAMBUNGAN)

Penilaian Saksama ESOS Khas (sambungan)

Pada 7 Mei 2009, tempoh laksana bagi ESOS Khas telah dilanjutkan untuk anggota-anggota Kumpulan. Pelanjutan ini telah menghasilkan pengubahsuaian terma dan syarat ESOS Khas. Peningkatan nilai daripada pengubahsuaian ini diiktiraf dengan sewajarnya. Kesan pengubahsuaian bagi Opsyen TM telah dikenal pasti dan tiada peningkatan nilai saksama yang timbul daripada pelanjutan tersebut.

Peningkatan nilai saksama bagi pengubahsuaian yang timbul daripada pelanjutan tempoh laksana pada tarikh pengubahsuaian telah ditentukan dengan menggunakan model penilaian Black Scholes. Input ke dalam model adalah seperti berikut:

ESOS Khas ke atas saham biasa:	Axiata	
Harga laksana	RM4.77	RM4.47
Anggaran hayat opsyen (bilangan hari)		
– sebelum pengubahsuaian	132	132
– selepas pengubahsuaian	497	497
Purata wajaran harga saham pada tarikh pengubahsuaian	RM2.30	RM2.30
Jangkaan hasil dividen	3.20%	3.20%
Kadar faedah bebas risiko		
(Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia)	2.20%	2.20%
Jangkaan kemudahubahan	38.71%	38.71%
Tempoh kemudahubahan masa lalu bagi saham:		
– dari	28.04.2008	28.04.2008
– hingga	07.05.2009	07.05.2009
Nilai opsyen		
– sebelum pengubahsuaian	#	#
– selepas pengubahsuaian	0.03	0.04
# Amaun kurang daripada 0.01 sen.		

Kemudahubahan yang diukur pada sisihan piawai pulangan saham yang dikompaun secara berterusan adalah berdasarkan pada analisis statistik harga saham harian sepanjang tempoh 1 tahun dari tarikh pengubahsuaian.

15. SKIM OPSYEN SAHAM KAKITANGAN (SAMBUNGAN)

Pergerakan sepanjang Tahun Kewangan

Pergerakan dalam bilangan Opsyen TM sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

Tarikh pemberian	Harga laksana RM	Pada 1 Januari '000	Diberi sepanjang tahun kewangan '000	Dilaksana '000	Dilucut hak/ Luput '000	Pada 31 Disember '000	Nilai saksama pada tarikh pemberian RM
2010							
31 Mac/22 April 2008	1.91	22,904.4	–	(20,579.5)	(2,324.9) [#]	–	0.79 – 0.82
16 Oktober 2008	2.22	1,906.8	–	(1,721.0)	(185.8) [#]	–	0.32 – 0.38
17 September 2009	2.91	1,296.3	–	(1,113.6)	(182.7) [#]	–	0.28
Jumlah		26,107.5	–	(23,414.1)	(2,693.4)	–	

Tarikh pemberian	Harga laksana RM	Pada 1 Januari '000	Diberi sepanjang tahun kewangan '000	Dilaksana '000	Dilucut hak/ Luput '000	Pada 27 Mei '000	Nilai saksama pada tarikh pemberian RM
2009							
Sebelum pembayaran balik modal							
31 Mac/22 April 2008	2.71	110,046.2	–	(76,568.8)	(518.7)	32,958.7	0.79 – 0.82
16 Oktober 2008	3.14	3,065.4	–	(849.7)	(1.8)	2,213.9	0.32 – 0.38
Jumlah		113,111.6	–	(77,418.5)	(520.5)	35,172.6	

Tarikh pemberian	Harga laksana* RM	Pada 27 Mei '000	Diberi sepanjang tahun kewangan '000	Dilaksana '000	Dilucut hak/ Luput '000	Pada 31 Disember '000	Nilai saksama pada tarikh pemberian RM
2009							
Selepas pembayaran balik modal							
31 Mac/22 April 2008	1.91	32,958.7	–	(9,743.7)	(310.6) [^]	22,904.4	0.79 – 0.82
16 Oktober 2008	2.22	2,213.9	–	(305.6)	(1.5) [^]	1,906.8	0.32 – 0.38
17 September 2009	2.91	–	1,304.4	(8.1)	–	1,296.3	0.28
Jumlah		35,172.6	1,304.4	(10,057.4)	(312.1)	26,107.5	

15. SKIM OPSYEN SAHAM KAKITANGAN (SAMBUNGAN)

Pergerakan sepanjang Tahun Kewangan (sambungan)

Pergerakan dalam bilangan Opsyen Axiata sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

Tarikh pemberian	Harga laksana** RM	Pada 1 Januari '000	Opsyen tambahan berikutan terbitan hak Axiata '000	Diberi sepanjang tahun kewangan '000	Dilaksana '000	Dilucut hak/ Luput '000	Pada 31 Disember '000	Nilai saksama pada tarikh pemberian RM
2010								
31 Mac/22 April 2008	4.77	144,695.5	n.a.	-	(10.3)	[144,685.2] [#]	-	0.66 – 1.03
16 Oktober 2008	4.47	4,481.9	n.a.	-	(699.3)	[3,782.6] [#]	-	0.02 – 0.08
17 September 2009	3.99	1,910.1	n.a.	-	(1,371.6)	[538.5] [#]	-	0.10
Jumlah		151,087.5	n.a.	-	(2,081.2)	[149,006.3]	-	
2009								
31 Mac/22 April 2008	4.77	125,126.9	57,756.6	-	-	(38,188.0) [^]	144,695.5	0.66 – 1.03
16 Oktober 2008	4.47	3,065.4	1,422.1	-	-	(5.6) [^]	4,481.9	0.02 – 0.08
17 September 2009	3.99	-	-	1,910.1	-	-	1,910.1	0.10
Jumlah		128,192.3	59,178.7	1,910.1	-	(38,193.6)	151,087.5	

[#] Termasuk opsyen-opsyen yang diberi kepada anggota-anggota Kumpulan yang masih belum dilaksanakan apabila tamatnya tempoh ESOS Khas pada 16 September 2010 dan oleh itu, dianggap telah luput.

^{*} Harga laksana telah diselaraskan pada 27 Mei 2009 berikutan pelaksanaan pembayaran balik modal.

^{**} Harga laksana telah diselaraskan pada April 2009 berikutan pelaksanaan terbitan hak Axiata.

[^] Termasuk opsyen-opsyen yang diberi kepada anggota-anggota Kumpulan Axiata yang masih belum dilaksanakan pada 16 September 2009 dan oleh itu, dianggap telah luput.

n.a. tidak berkaitan

Nilai Saksama Saham pada Tarikh Laksana

Butiran mengenai Opsyen TM yang dilaksana sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

Tarikh laksana	Nilai saksama saham pada tarikh laksana RM/saham	Opsyen TM				
		Harga laksana/Bilangan opsyen yang dilaksana ('000)				
		RM2.71	RM3.14	RM1.91	RM2.22	RM2.91
2010						
Januari	3.13	-	-	1,100.1	75.6	4.5
Februari	3.23	-	-	1,657.6	62.7	2.9
Mac	3.34	-	-	2,381.0	170.1	25.1
April	3.47	-	-	1,514.6	97.0	52.9
Mei hingga Julai	3.32 – 3.37	-	-	3,770.8	249.8	109.2
Ogos	3.48	-	-	5,119.2	361.9	319.9
September	3.46	-	-	5,036.2	703.9	599.1
		-	-	20,579.5	1,721.0	1,113.6

15. SKIM OPSYEN SAHAM KAKITANGAN (SAMBUNGAN)

Nilai Saksama Saham pada Tarikh Laksana (sambungan)

Tarikh laksana	Nilai saksama saham pada tarikh laksana RM/saham	Opsyen TM				
		Harga laksana/Bilangan opsyen yang dilaksanakan ('000)				
		RM2.71	RM3.14	RM1.91	RM2.22	RM2.91
2009						
Januari	3.13	1,873.2	–	–	–	–
Februari hingga Mac	3.45 – 3.47	27,815.6	81.5	–	–	–
April	3.70	27,410.8	244.8	–	–	–
Mei	3.31	19,469.2	523.4	–	–	–
Jun hingga Julai	2.82 – 2.95	–	–	2,186.0	28.1	–
Ogos	3.06	–	–	1,781.3	53.9	–
September	3.19	–	–	4,559.0	176.8	–
Oktober hingga Disember	3.02 – 3.07	–	–	1,217.4	46.8	8.1
		76,568.8	849.7	9,743.7	305.6	8.1

Butiran mengenai Opsyen Axiata yang dilaksanakan sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

Tarikh laksana	Nilai saksama saham pada tarikh laksana RM/saham	Opsyen Axiata		
		Harga laksana/Bilangan opsyen yang dilaksanakan ('000)		
		RM4.77	RM4.47	RM3.99
2010				
Ogos	4.37	0.3	–	139.8
September	4.51	10.0	699.3	1,231.8
		10.3	699.3	1,371.6

Nilai saksama saham yang diterbitkan pada pelaksanaan opsyen adalah harga pasaran min di mana saham Syarikat dan Axiata diurusniagakan di Bursa Malaysia Securities Berhad pada hari sebelum pelaksanaan opsyen.

15. SKIM OPSYEN SAHAM KAKITANGAN (SAMBUNGAN)

Kos/Liabiliti ESOS Khas

Amaun yang diiktiraf dalam Penyata Pendapatan yang timbul daripada ESOS Khas diringkaskan seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
Kos bagi opsyen yang diberi kepada anggota-anggota Syarikat dan anak-anak syarikat				
Diselesaikan secara ekuiti	–	5.0	–	4.1
Diselesaikan secara tunai	11.6	1.9	9.8	1.8
– peningkatan caj yang timbul daripada pengubahsuaian	–	4.4	–	3.6
Jumlah kos ESOS (nota 7(b))	11.6	11.3	9.8	9.5
Kos bagi opsyen yang diberi kepada anggota-anggota Kumpulan Axiata				
Diselesaikan secara ekuiti	–	2.0	–	2.0
Diselesaikan secara tunai	–	0.2	–	–
Jumlah kos ESOS	–	2.2	–	2.0
Liabiliti yang diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan bagi pengaturan penyelesaian secara tunai pada 31 Disember	–	6.5	–	6.5

16. RIZAB-RIZAB LAIN

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
Rizab nilai saksama	332.4	155.5	80.8	–
Rizab ESOS	–	19.7	–	19.7
Rizab ESOS Khas (nota 14(d))	–	–	200.2	728.3
Rizab penebusan modal (nota 14(c))	35.8	35.8	35.8	35.8
Perbezaan terjemahan mata wang yang timbul daripada terjemahan anak-anak syarikat	(1.4)	(1.0)	–	–
JUMLAH RIZAB-RIZAB LAIN	366.8	210.0	316.8	783.8

17. KEUNTUNGAN TERTAHAN

Menurut Akta Kewangan, 2007, sistem cukai pendapatan syarikat setingkat telah diperkenalkan berkuat kuasa dari tahun taksiran 2008. Di bawah sistem setingkat ini, cukai ke atas keuntungan sesebuah syarikat adalah cukai akhir dan dividen yang diagihkan kepada pemegang-pemegang sahamnya akan dikecualikan daripada cukai. Syarikat tidak memilih opsyen muktamad untuk mengetepikan baki Seksyen 108 yang belum digunakan pada 31 Disember 2007. Baki Seksyen 108 pada 31 Disember 2007 akan tersedia sehingga suatu masa kredit cukai diguna sepenuhnya atau apabila tamat tempoh peralihan selama 6 tahun pada 31 Disember 2013, yang mana lebih awal.

Pada 31 Disember 2010, Syarikat mempunyai baki kredit sebanyak RM120.8 juta (2009: RM353.3 juta) dalam akaunnya di bawah Seksyen 108 dan keuntungan dikecualikan cukai sebanyak RM138.6 juta (2009: RM143.1 juta), tertakluk kepada persetujuan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

18. INSTRUMEN KEWANGAN MENGIKUT KATEGORI

Kumpulan	Pinjaman dan belum terima RM	Pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian RM	Derivatif diambil kira menurut perakaunan lindung nilai RM	Tersedia- untuk-dijual RM	Jumlah RM
2010					
Aset seperti Penyata Kedudukan Kewangan					
Pelaburan tersedia-untuk-dijual (nota 31(a))	-	-	-	952.7	952.7
Belum terima tersedia-untuk-dijual (nota 32(a))	-	-	-	14.9	14.9
Pinjaman anggota dan belum terima bukan semasa lain (tidak termasuk manfaat prabayar anggota) (nota 32(b))	90.6	-	-	-	90.6
Instrumen kewangan derivatif (nota 21)	-	-	3.6	-	3.6
Belum terima perdagangan dan lain-lain (tidak termasuk bayaran pendahuluan, cukai boleh dipungut semula dan pinjaman anggota) (nota 34)	2,074.2	-	-	-	2,074.2
Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian (nota 35)	-	21.5	-	-	21.5
Tunai dan baki bank (nota 36)	3,488.5	-	-	-	3,488.5
Jumlah	5,653.3	21.5	3.6	967.6	6,646.0

18. INSTRUMEN KEWANGAN MENGIKUT KATEGORI (SAMBUNGAN)

Kumpulan	Pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian RM	Derivatif diambil kira menurut perakaunan lindung nilai RM	Lain-lain liabiliti kewangan pada kos terlunas RM	Jumlah RM
2010				
Liabiliti seperti Penyata Kedudukan Kewangan				
Peminjaman (tidak termasuk liabiliti pajakan kewangan) (nota 19)	-	-	5,470.4	5,470.4
Liabiliti pajakan kewangan (nota 19)	-	-	61.6	61.6
Instrumen kewangan derivatif (nota 21)	22.8	5.2	-	28.0
Belum bayar perdagangan dan lain-lain (tidak termasuk liabiliti berkanun dan hasil tertunda) (nota 37)	-	-	3,107.1	3,107.1
Deposit pelanggan (nota 38)	-	-	580.5	580.5
Jumlah	22.8	5.2	9,219.6	9,247.6

Syarikat	Pinjaman dan belum terima RM	Pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian RM	Derivatif diambil kira menurut perakaunan lindung nilai RM	Tersedia- untuk-dijual RM	Jumlah RM
2010					
Aset seperti Penyata Kedudukan Kewangan					
Pinjaman dan pendahuluan kepada anak-anak syarikat (nota 29)	236.7	-	-	-	236.7
Pelaburan tersedia-untuk-dijual (nota 31(a))	-	-	-	470.8	470.8
Belum terima tersedia-untuk-dijual (nota 32(a))	-	-	-	14.9	14.9
Pinjaman anggota dan belum terima bukan semasa lain (tidak termasuk manfaat prabayar anggota) (nota 32(b))	90.3	-	-	-	90.3
Instrumen kewangan derivatif (nota 21)	-	-	3.6	-	3.6
Belum terima perdagangan dan lain-lain (tidak termasuk bayaran pendahuluan, cukai boleh dipungut semula dan pinjaman anggota) (nota 34)	1,967.5	-	-	-	1,967.5
Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian (nota 35)	-	21.5	-	-	21.5
Tunai dan baki bank (nota 36)	3,077.7	-	-	-	3,077.7
Jumlah	5,372.2	21.5	3.6	485.7	5,883.0

18. INSTRUMEN KEWANGAN MENGIKUT KATEGORI (SAMBUNGAN)

Syarikat	Pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian RM	Derivatif diambil kira menurut perakaunan lindung nilai RM	Lain-lain liabiliti kewangan pada kos terlunas RM	Jumlah RM
2010				
Liabiliti seperti Penyata Kedudukan Kewangan				
Peminjaman (tidak termasuk liabiliti pajakan kewangan) (nota 19)	-	-	4,012.0	4,012.0
Liabiliti pajakan kewangan (nota 19)	-	-	61.6	61.6
Belum bayar kepada sebuah anak syarikat (nota 20)	-	-	1,434.0	1,434.0
Instrumen kewangan derivatif (nota 21)	22.8	5.2	-	28.0
Belum bayar perdagangan dan lain-lain (tidak termasuk liabiliti berkanun dan hasil tertunda) (nota 37)	-	-	3,285.1	3,285.1
Deposit pelanggan (nota 38)	-	-	580.1	580.1
Jumlah	22.8	5.2	9,372.8	9,400.8

19. PEMINJAMAN

Kumpulan	2010				2009			
	Kadar Purata Wajaran Pembiayaan	Bukan Semasa RM	Semasa RM	Jumlah RM	Kadar Purata Wajaran Pembiayaan	Bukan Semasa RM	Semasa RM	Jumlah RM
DOMESTIK								
Tidak Bercagar								
Peminjaman daripada institusi kewangan	5.70%	3.0	21.4	24.4	4.66%	24.4	16.0	40.4
Peminjaman di bawah prinsip Islam								
- Sekuriti Pendapatan Terkait Islam TM (nota kecil (a) dan (b))	5.57%	2,925.0	-	2,925.0	4.93%	2,925.0	-	2,925.0
- Nilai saksama bagi risiko dilindung nilai (nota kecil (b))	-	(1.6)	-	(1.6)	-	-	-	-
Peminjaman lain (nota kecil (c))	4.69%	160.8	1.0	161.8	4.58%	163.1	5.1	168.2
Pajakan kewangan (nota kecil (d))	6.34%	58.2	3.4	61.6	6.33%	61.5	4.1	65.6
Jumlah Domestik	5.54%	3,145.4	25.8	3,171.2	4.94%	3,174.0	25.2	3,199.2
ASING								
Tidak Bercagar								
Nota dan Debentur (nota kecil (e))	6.28%	2,356.9	-	2,356.9	6.72%	2,618.9	891.2	3,510.1
Peminjaman lain	-	3.7	0.2	3.9	-	4.0	0.2	4.2
Jumlah Asing	6.27%	2,360.6	0.2	2,360.8	6.71%	2,622.9	891.4	3,514.3
JUMLAH PEMINJAMAN	5.85%	5,506.0	26.0	5,532.0	5.87%	5,796.9	916.6	6,713.5

19. PEMINJAMAN (SAMBUNGAN)

	Domestik RM	2010 Asing RM	Jumlah RM	Domestik RM	2009 Asing RM	Jumlah RM
Peminjaman bukan semasa Kumpulan akan dibayar balik seperti berikut:						
Selepas setahun dan sehingga lima tahun	2,099.1	1,434.7	3,533.8	2,090.1	1,594.9	3,685.0
Selepas lima tahun dan sehingga sepuluh tahun	1,029.9	0.8	1,030.7	1,060.5	0.8	1,061.3
Selepas sepuluh tahun dan sehingga lima belas tahun	16.3	923.7	940.0	22.8	0.8	23.6
Selepas lima belas tahun	0.1	1.4	1.5	0.6	1,026.4	1,027.0
	3,145.4	2,360.6	5,506.0	3,174.0	2,622.9	5,796.9

Syarikat	2010				2009			
	Kadar Purata Wajaran Pembiayaan	Bukan Semasa RM	Semasa RM	Jumlah RM	Kadar Purata Wajaran Pembiayaan	Bukan Semasa RM	Semasa RM	Jumlah RM
DOMESTIK								
Tidak Bercagar								
Peminjaman di bawah prinsip Islam								
- Sekuriti Pendapatan Terkait Islam TM (nota kecil (a) dan (b))	5.57%	2,925.0	-	2,925.0	4.93%	2,925.0	-	2,925.0
- Nilai saksama bagi risiko dilindungi nilai (nota kecil (b))	-	[1.6]	-	[1.6]	-	-	-	-
Peminjaman lain (nota kecil (c))	4.69%	160.8	1.0	161.8	4.64%	163.1	3.0	166.1
Pajakan kewangan (nota kecil (d))	6.34%	58.2	3.4	61.6	6.34%	61.5	3.2	64.7
Jumlah Domestik	5.54%	3,142.4	4.4	3,146.8	4.95%	3,149.6	6.2	3,155.8
ASING								
Tidak Bercagar								
Nota dan Debentur (nota kecil (e))	7.89%	922.9	-	922.9	7.94%	1,024.7	891.2	1,915.9
Peminjaman lain	-	3.7	0.2	3.9	-	4.0	0.2	4.2
Jumlah Asing	7.86%	926.6	0.2	926.8	7.93%	1,028.7	891.4	1,920.1
JUMLAH PEMINJAMAN	6.07%	4,069.0	4.6	4,073.6	6.07%	4,178.3	897.6	5,075.9

19. PEMINJAMAN (SAMBUNGAN)

	Domestik RM	2010 Asing RM	Jumlah RM	Domestik RM	2009 Asing RM	Jumlah RM
Peminjaman bukan semasa Syarikat akan dibayar balik seperti berikut:						
Selepas setahun dan sehingga lima tahun	2,096.1	0.7	2,096.8	2,065.7	0.7	2,066.4
Selepas lima tahun dan sehingga sepuluh tahun	1,029.9	0.8	1,030.7	1,060.5	0.8	1,061.3
Selepas sepuluh tahun dan sehingga lima belas tahun	16.3	923.7	940.0	22.8	0.8	23.6
Selepas lima belas tahun	0.1	1.4	1.5	0.6	1,026.4	1,027.0
	3,142.4	926.6	4,069.0	3,149.6	1,028.7	4,178.3

Profil pendedahan mata wang bagi peminjaman adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
Ringgit Malaysia	3,171.2	3,199.2	3,146.8	3,155.8
Dolar AS	2,356.9	3,510.1	922.9	1,915.9
Mata wang lain	3.9	4.2	3.9	4.2
	5,532.0	6,713.5	4,073.6	5,075.9

(a) Pada 20 Julai 2007, Syarikat telah menerbitkan, secara sendiri dan melalui anak syarikat milik penuhnya, Hijrah Pertama Berhad (HPB), Sekuriti Pendapatan Terkait Islam TM (TM ISIS) yang terdiri daripada:

- (i) (a) RM2.0 juta Saham Keutamaan Boleh Tebus Tak Boleh Tukar (NCRPS) Kelas C (NCRPS C TM) yang terdiri daripada 2,000 NCRPS Kelas C bernilai RM1.00 setiap satu dengan premium RM999, diterbitkan oleh Syarikat pada harga terbitan RM1,000 setiap satu;
- (b) Sukuk Ijarah Kelas A pada nilai nominal RM1,998.0 juta diterbitkan oleh HPB; dan
- (ii) (a) RM925,000 NCRPS Kelas D (NCRPS D TM) yang terdiri daripada 925 NCRPS Kelas D bernilai RM1.00 setiap satu dengan premium RM999, diterbitkan oleh Syarikat pada harga terbitan RM1,000 setiap satu;
- (b) Sukuk Ijarah Kelas B pada nilai nominal RM924,075,000 diterbitkan oleh HPB.

Sukuk Ijarah Kelas A dan B, secara kolektif, dirujuk sebagai "Sukuk".

NCRPS TM adalah berkaitan secara efektif dengan Sukuk kerana NCRPS TM dan Sukuk diterbitkan serentak kepada pihak yang sama dan obligasi membuat pengagihan berkala di bawah Sukuk adalah bergantung kepada pembayaran yang dibuat di bawah NCRPS TM. Amaun tertunggak bagi Sukuk diambil kira sebagai peminjaman oleh Syarikat kerana Sukuk tersebut secara efektif merupakan obligasi Syarikat.

TM ISIS dikelaskan sebagai instrumen hutang dan justeru itu, ia dilaporkan sebagai liabiliti. Oleh itu, dividen boleh dibayar di bawah NCRPS TM dan sewa boleh dibayar di bawah Sukuk, dilaporkan sebagai kos pembiayaan.



19. PEMINJAMAN (SAMBUNGAN)

(a) Terma-terma utama bagi urus niaga di atas adalah:

(I) NCRPS TM

Ciri-ciri utama NCRPS TM (yang terdiri daripada NCRPS Kelas C dan NCRPS Kelas D) diringkaskan seperti berikut:

- (i) NCRPS tidak boleh ditukar kepada saham biasa Syarikat.
- (ii) NCRPS tidak boleh dipindah milik/didagangkan dan akan dipegang oleh Pelanggan Utama sehingga ditebus oleh Syarikat (dijangka serentak dengan kematangan Sukuk).
- (iii) Tidak akan ada hak pengundian kecuali berhubung dengan cadangan untuk mengurangkan modal Syarikat, kebenaran melupuskan keseluruhan harta, perniagaan dan perusahaan Syarikat atau di mana cadangan yang akan dikemukakan kepada mesyuarat, memberi kesan secara langsung kepada hak dan keistimewaan pemegang NCRPS atau sebagaimana diperuntukkan dalam Akta Syarikat, 1965.
- (iv) NCRPS tidak akan disenaraikan di mana-mana papan di Bursa Malaysia Securities Berhad.
- (v) NCRPS bertaraf pari passu di antara mereka tetapi bertaraf di bawah Saham Istimewa dan lebih diutamakan daripada saham biasa Syarikat dalam pengagihan modal jika berlaku pembubaran atau likwidasi Syarikat.

(II) Sukuk Ijarah

Sukuk diterbitkan dalam 4 kelas dan bertujuan untuk membiayai pembelian oleh HPB ke atas pemilikan benefisial aset-aset tertentu. Sukuk terdiri daripada kelas-kelas berikut:

- (i) Sukuk Kelas A mengandungi Sukuk Kelas A1 dan Sukuk Kelas A2 (secara kolektif dirujuk sebagai "Sukuk Kelas A")
- (ii) Sukuk Kelas B mengandungi Sukuk Kelas B1 dan Sukuk Kelas B2 (secara kolektif dirujuk sebagai "Sukuk Kelas B")

Sukuk Kelas A dan Sukuk Kelas B merupakan pemilikan benefisial sepenuhnya terhadap aset-aset yang berkenaan dan meliputi obligasi amanah HPB secara langsung, tanpa syarat dan tanpa cagaran dan bertaraf pari passu pada setiap masa, tanpa diskriminasi, keutamaan atau prioriti di antara mereka.

Ciri-ciri Sukuk diringkaskan seperti berikut:

- (i) Sukuk mengandungi obligasi amanah HPB berhubung dengan, dan merupakan pemilikan benefisial sepenuhnya terhadap aset-aset.
- (ii) Sukuk Kelas A2 dan Sukuk Kelas B2 tidak boleh dipindah milik/diperdagangkan dan akan dipegang oleh Pelanggan Utama sehingga tempoh matang Sukuk.
- (iii) Sukuk mengandungi, antara lain, obligasi Syarikat.

19. PEMINJAMAN (SAMBUNGAN)

(a) Terma-terma utama bagi urus niaga di atas adalah: (sambungan)

(II) Sukuk Ijarah (sambungan)

Ciri-ciri Sukuk diringkaskan seperti berikut: (sambungan)

- (iv) Obligasi Syarikat berhubung dengan Sukuk merupakan obligasi Syarikat secara langsung, tanpa syarat dan tanpa cagaran dan bertaraf pari passu pada setiap masa, tanpa diskriminasi, keutamaan atau prioriti di antara mereka dan sekurang-kurangnya pari passu dengan semua obligasi lain tanpa cagaran dan bukan subordinat semasa dan masa hadapan Syarikat, tertakluk kepada yang diutamakan oleh undang-undang atau dokumen urus niaga.
- (v) Sukuk diberi penarafan AAA oleh RAM Rating Services Berhad pada tarikh terbitannya.

Tempoh pemegangan Sukuk berkenaan adalah seperti berikut:

Kelas	Tarikh Matang
A1	30 Disember 2013
A2	30 Disember 2013
B1	28 Disember 2018
B2	28 Disember 2018

Sepanjang tempoh pemegangan TM ISIS, Syarikat boleh memilih sama ada untuk:

- (i) Membayar dividen kasar, yang terdiri daripada dividen bersih bersama dengan kredit cukai berkenaan kepada pelabur-pelabur dan Sewa Nominal dibayar kepada HPB; atau
- (ii) Membayar sewa penuh kepada HPB, HPB pula akan mengagihkannya sebagai pengagihan berkala kepada pelabur-pelabur yang memegang Sukuk Kelas A2 dan Sukuk Kelas B2.

Apabila Syarikat memilih untuk membayar dividen, HPB akan hanya menerima Sewa Nominal di bawah perjanjian pajakan. HPB pula yang akan membayar kepada pelabur-pelabur di bawah Sukuk Kelas A2 dan Sukuk Kelas B2 sebagai pengagihan berkala nominal. Kadar pengagihan berkala nominal ialah 0.01% setahun.

Apabila Syarikat memilih untuk membayar sewa penuh, Kadar Pengagihan Berkala yang terdapat dalam TM ISIS bagi NCRPS Kelas C dan NCRPS Kelas D yang berkaitan dengan Sukuk Kelas A dan Sukuk Kelas B ialah masing-masing pada kadar 6.20% dan 5.25% setahun, yang perlu dibayar pada setiap setengah tahun secara tunggakan. Kadar Pengagihan Berkala bagi Sukuk Kelas B telah ditetapkan semula pada 31 Disember 2008 kepada 4.193% setahun yang perlu dibayar setiap setengah tahun secara tunggakan. Kadar Pengagihan Berkala bagi Sukuk Kelas B akan ditetapkan semula pada Disember 2013.

Menurut Akta Kewangan, 2007, kredit cukai tidak boleh lagi dipindahkan kepada pelabur-pelabur yang bukan pemegang-pemegang saham biasa, berkuatkuasa dari 1 Januari 2008.

19. PEMINJAMAN (SAMBUNGAN)

- (b) Sebahagian daripada sekuriti tersebut telah dilindung nilai dengan swap kadar faedah yang telah diambil kira menurut perakaunan lindung nilai. Nilai saksama berkaitan dengan perubahan dalam risiko kadar faedah yang telah dilindung nilai, adalah termasuk dalam peminjaman.
- (c) Peminjaman lain domestik termasuk nilai kini obligasi pembayaran masa hadapan berhubung dengan geran kerajaan yang diterima Syarikat.
- (d) Bayaran pajakan minimum pada tarikh pelaporan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
Tidak lebih daripada satu tahun	7.1	8.0	7.1	7.1
Selepas satu tahun dan tidak lebih daripada lima tahun	28.6	28.6	28.6	28.6
Selepas lima tahun dan tidak lebih daripada sepuluh tahun	35.7	35.7	35.7	35.7
Selepas sepuluh tahun dan tidak lebih daripada lima belas tahun	17.3	24.3	17.3	24.3
	88.7	96.6	88.7	95.7
Caj pembiayaan masa hadapan	(27.1)	(31.0)	(27.1)	(31.0)
Nilai kini liabiliti pajakan kewangan	61.6	65.6	61.6	64.7
Nilai kini liabiliti pajakan kewangan pada tarikh pelaporan adalah seperti berikut:				
Tidak lebih daripada satu tahun	3.4	4.1	3.4	3.2
Selepas satu tahun dan tidak lebih daripada lima tahun	15.8	14.9	15.8	14.9
Selepas lima tahun dan tidak lebih daripada sepuluh tahun	26.3	24.7	26.3	24.7
Selepas sepuluh tahun dan tidak lebih daripada lima belas tahun	16.1	21.9	16.1	21.9
	61.6	65.6	61.6	64.7

Pajakan kewangan merujuk kepada pengaturan pajakan bagi sebuah bangunan pejabat Syarikat di Melaka. Amaun perbandingan termasuk pengaturan pajakan bagi peralatan sebuah anak syarikat.

- (e) Nota dan Debentur terdiri daripada yang berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
Nota Terjamin 8.0% USD260.3 juta matang pada 2010	–	891.2	–	891.2
Nota Terjamin 5.25% USD465.1 juta matang pada 2014 (nota 20)]	1,434.0	1,594.2	–	–
Debentur 7.875% USD300.0 juta matang pada 2025	922.9	1,024.7	922.9	1,024.7
	2,356.9	3,510.1	922.9	1,915.9

Pada 4 Disember 2009, Syarikat telah membeli balik USD39.7 juta (bersamaan RM134.3 juta) Nota Terjamin 8.0% USD300.0 juta matang pada 2010 yang diterbitkan oleh TM Global Incorporated (TM Global), sebuah anak syarikat milik penuh. Pada hari yang sama, Syarikat juga telah membeli balik USD34.9 juta (bersamaan RM118.1 juta) Nota Terjamin 5.25% USD500.0 juta matang pada 2014 yang diterbitkan oleh TM Global. Pada 6 Disember 2010, Syarikat telah menebus sepenuhnya pada nilai nominal, Nota Terjamin 8.0% USD260.3 juta (RM828.1 juta) matang pada 2010.

Tiada Nota Terjamin matang pada 2014 atau Debentur matang pada 2025 selebihnya yang telah ditebus, dibeli atau dibatalkan dalam tahun kewangan semasa.

20. BELUM BAYAR KEPADA SEBUAH ANAK SYARIKAT

Pada 22 September 2004, anak syarikat milik penuh Syarikat iaitu TM Global, sebuah syarikat yang diperbadankan di Wilayah Persekutuan Labuan, di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir, 1990, telah menerbitkan Nota Terjamin 10 tahun bernilai USD500.0 juta. Nota ini mengenakan kadar faedah sebanyak 5.25% setahun yang perlu dibayar setiap setengah tahun secara tunggakan pada 22 Mac dan September, bermula pada bulan Mac 2005. Nota ini akan matang pada 22 September 2014. Perolehan daripada urus niaga ini telah digunakan untuk membiayai semula hutang Syarikat yang akan matang dan modal kerja am. Nota tersebut adalah tidak bersyarat dan jaminannya tidak boleh dibatalkan oleh Syarikat.

Pada tahun kewangan yang lepas, Syarikat telah membeli balik USD34.9 juta nilai nominal Nota Terjamin di atas. Tiada Nota Terjamin selebihnya yang telah ditebus, dibeli atau dibatalkan dalam tahun kewangan semasa.

21. INSTRUMEN KEWANGAN DERIVATIF DAN URUS NIAGA LINDUNG NILAI

Kumpulan dan Syarikat	Amaun kontrak atau nosional RM	Nilai Aset RM	Saksama Liabiliti RM	Perubahan nilai saksama dalam tahun kewangan tersebut RM
2010				
Derivatif pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian				
Kontrak hadapan mata wang asing - aliran tunai lindung nilai (nota kecil (b))				
- lebih dari 3 tahun	344.3	-	(22.8)	(19.8)
Derivatif diambil kira di bawah perakaunan lindung nilai				
Swap kadar faedah - lindung nilai saksama (nota kecil (i))				
- 1 tahun hingga 3 tahun (nota kecil (c))	1,500.0	-	(5.2)	1.5
- lebih dari 3 tahun (nota kecil (d))	500.0	3.6	-	2.0
	2,000.0	3.6	(5.2)	3.5
JUMLAH	2,344.3	3.6	(28.0)	(16.3)

(i) Laba atau kerugian terkumpul atas butiran lindung nilai berkaitan dengan risiko dilindung nilai didedahkan dalam nota 19 kepada penyata kewangan.

Tiada ketidakberkesanan dicatatkan daripada lindung nilai saksama yang diambil kira di bawah perakaunan lindung nilai.

21. INSTRUMEN KEWANGAN DERIVATIF DAN URUS NIAGA LINDUNG NILAI (SAMBUNGAN)

Sebelum penerimaan pakai FRS 139, derivatif kewangan tidak diambil kira sebagai instrumen kewangan derivatif dalam kunci kira-kira. Amaun kontrak atau nosional bagi derivatif dan nilai saksama yang sepadan pada 31 Disember 2009 adalah seperti di bawah:

Kumpulan dan Syarikat	Amaun kontrak atau nosional RM	Nilai saksama bersih	
		Meng-untungan RM	Tidak meng-untungan RM
2009			
Kontrak hadapan mata wang asing	344.3	0.6	(3.6)
Swap kadar faedah	2,000.0	1.6	(6.7)

Nilai saksama instrumen kewangan derivatif adalah nilai kini bagi aliran tunai masa hadapannya. Nilai saksama yang menguntungkan menunjukkan amaun belum terima oleh Kumpulan dan Syarikat jika kontrak-kontrak tersebut ditamatkan atau sebaliknya. Kumpulan dan Syarikat terdedah kepada risiko kredit apabila nilai saksama kontrak menguntungkan, di mana pihak yang menyertai urusan dikehendaki membayar Kumpulan atau Syarikat sekiranya kontrak ditamatkan.

Pendedahan maksimum kepada risiko kredit pada tarikh pelaporan ialah nilai saksama aset-aset derivatif dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Ringkasan di bawah adalah urus niaga derivatif lindung nilai yang dimeterai oleh Syarikat:

(a) Kontrak Hadapan Mata Wang Asing

Liabiliti Pendasar

Nota Terjamin 8.00% USD260.3 juta matang pada tahun 2010

Pada tahun 2000, Syarikat menerbitkan Nota Terjamin 8.00% bernilai USD300.0 juta yang akan matang pada tahun 2010, dan boleh ditebus sepenuhnya pada 7 Disember 2010. Pada 4 Disember 2009, Syarikat membeli balik Nota tersebut berjumlah USD39.7 juta.

Instrumen Lindung Nilai

Sepanjang tahun kewangan, Syarikat memeterai beberapa urus niaga kontrak hadapan mata wang asing yang telah matang pada 6 Disember 2010. Pada tarikh matang, Syarikat akan menerima USD180.0 juta untuk kontrak tersebut daripada pihak yang menyertai kontrak ini sebagai pulangan bagi pembayaran sebanyak RM574.9 juta.

Pada 30 Julai 2010, Syarikat juga memeterai kontrak hadapan berstruktur yang tertakluk kepada kadar pasaran semasa USD/MYR pada tarikh penyelesaian urus niaga iaitu 6 Disember 2010. Pada tarikh matang, Syarikat akan membeli USD50.0 juta pada kadar yang berubah-ubah sama ada pada kadar minima yang telah ditetapkan terlebih dahulu dan kadar pasaran yang diselaraskan.

Semua kontrak hadapan mata wang asing di atas telah matang pada 6 Disember 2010 dan Syarikat telah menerima USD230.0 juta untuk kontrak tersebut daripada pihak yang menyertai kontrak ini sebagai pulangan bagi jumlah pembayaran RM732.9 juta.

Objektif bagi kedua-dua kontrak hadapan mata wang asing dan kontrak hadapan berstruktur mata wang asing adalah untuk menukar liabiliti USD secara berkesan kepada liabiliti prinsipal dalam RM.

21. INSTRUMEN KEWANGAN DERIVATIF DAN URUS NIAGA LINDUNG NILAI (SAMBUNGAN)

Ringkasan di bawah adalah urus niaga derivatif lindung nilai yang dimeterai oleh Syarikat: (sambungan)

(b) Kontrak Hadapan Mata Wang Asing

Liabiliti Pendasar

Nota Terjamin 5.25% USD465.1 juta matang pada tahun 2014

Pada tahun 2004, Syarikat menerbitkan Nota Terjamin 5.25% bernilai USD500.0 juta yang akan matang pada tahun 2014. Nota ini boleh ditebus sepenuhnya pada 22 September 2014. Pada 4 Disember 2009, Syarikat membeli balik Nota tersebut berjumlah USD34.9 juta.

Instrumen Lindung Nilai

Pada 10 Mac 2009, Syarikat memeterai urus niaga kontrak hadapan mata wang asing yang matang pada 22 September 2014. Pada tarikh matang, Syarikat akan menerima USD50.0 juta daripada pihak yang menyertai kontrak ini sebagai pulangan bagi pembayaran sebanyak RM174.5 juta. Objektif urus niaga ini adalah untuk menukar liabiliti USD secara berkesan kepada liabiliti prinsipal dalam RM.

Pada 28 Mei 2009, Syarikat memeterai satu lagi urus niaga kontrak hadapan mata wang asing yang matang pada 22 September 2014. Pada tarikh matang, Syarikat akan menerima USD50.0 juta daripada pihak yang menyertai kontrak ini sebagai pulangan bagi pembayaran sebanyak RM169.8 juta. Objektif urus niaga ini adalah untuk menukar liabiliti USD secara berkesan kepada liabiliti prinsipal dalam RM.

(c) Swap Kadar Faedah (IRS)

Liabiliti Pendasar

Sekuriti Pendapatan Terkait Islam TM (TM ISIS) 6.20% RM2,000.0 juta matang pada tahun 2013

Pada tahun 2007, Syarikat menerbitkan TM ISIS 6.20% bernilai RM2,000.0 juta yang akan matang pada tahun 2013.

Instrumen Lindung Nilai

Pada 9 Julai 2009, Syarikat telah memeterai perjanjian IRS dengan prinsipal nosional bernilai RM1,000.0 juta yang melayakkannya menerima faedah pada kadar tetap 6.20% setahun dan mewajibkannya membayar faedah pada kadar terapung 6 bulan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR), campur 2.80% setahun. Swap ini akan matang pada 30 Disember 2013.

Pada 17 Disember 2009, Syarikat memeterai dua lagi perjanjian IRS dengan prinsipal nosional masing-masing berjumlah RM300.0 juta dan RM200.0 juta. Kedua-dua struktur melayakkan Syarikat untuk menerima faedah pada kadar tetap 6.20% setahun dan mewajibkannya membayar faedah pada kadar terapung 6 bulan KLIBOR, campur 2.76% setahun. Swap ini akan matang pada 30 Disember 2013.

(d) Swap Kadar Faedah (IRS)

Liabiliti Pendasar

TM ISIS 4.193% RM925.0 juta matang pada tahun 2018

Pada tahun 2007, Syarikat telah menerbitkan TM ISIS 5.25% bernilai RM925.0 juta yang akan matang pada tahun 2018. Kuponnya ditetapkan semula pada 4.193% setahun yang perlu dibayar dua kali setahun secara tertunggak pada 31 Disember 2008 dan akan ditetapkan semula sekali lagi pada Disember 2013.

Instrumen Lindung Nilai

Pada 2 November 2009, Syarikat telah memeterai satu perjanjian IRS dengan prinsipal nosional berjumlah RM500.0 juta yang melayakkannya menerima faedah pada kadar tetap 4.193% setahun dan mewajibkannya membayar faedah pada kadar terapung 6 bulan KLIBOR, tolak 0.035% setahun. Swap ini akan matang pada 30 Disember 2016.

21. INSTRUMEN KEWANGAN DERIVATIF DAN URUS NIAGA LINDUNG NILAI (SAMBUNGAN)

Ringkasan di bawah adalah urus niaga derivatif lindung nilai yang dimeterai oleh Syarikat: (sambungan)

(e) Swap Kadar Faedah (IRS)

Liabiliti Pendasar

Debentur 7.875% USD300.0 juta matang pada tahun 2025

Pada tahun 1998, Syarikat menerbitkan Debentur 7.875% bernilai USD300.0 juta yang akan matang pada tahun 2025.

Instrumen Lindung Nilai

Pada 2 April 2004, Syarikat telah memeterai perjanjian IRS dengan prinsipal nosional sebanyak USD150.0 juta yang melayakkannya menerima faedah pada kadar tetap 7.875% setahun dan mewajibkannya membayar faedah pada kadar terapung USD LIBOR 6 bulan secara tunggakan, campur 5.05%. Swap ini matang pada 1 Ogos 2006.

Syarikat telah dua kali menyusun semula IRS USD150.0 juta yang sedia ada, kepada swap akruan berjulat. Swap yang disusun semula ini matang pada 1 Ogos 2010.

Pada 9 Julai 2007, Syarikat telah memeterai satu lagi swap akruan berjulat IRS dengan perjanjian yang berciri pencetus bagi baki prinsipal nosional sebanyak USD150.0 juta. Swap ini matang pada 1 Ogos 2010.

Pada 25 Mac 2008, Syarikat telah menyusun semula swap akruan berjulat IRS USD150.0 juta yang sedia ada dan memeterai perjanjian IRS biasa. Berikutan daripada penyusunan semula ini, Syarikat akan menerima faedah pada kadar tetap 7.875% setahun dan mewajibkannya membayar faedah pada kadar terapung USD LIBOR 6 bulan, campur 4.25%. Swap yang disusun semula ini akan matang pada 1 Februari 2018.

Pada 25 Mac 2008, Syarikat telah menamatkan satu lagi swap akruan berjulat IRS USD150.0 juta berciri pencetus yang sedia ada. Setelah itu, ia memeterai perjanjian IRS biasa berhubung dengan satu lagi tranche untuk menggantikan swap akruan berjulat IRS yang telah ditamatkan dengan prinsipal nosional sebanyak USD150.0 juta. Struktur baru ini melayakkan Syarikat menerima faedah pada kadar tetap 7.875% setahun dan mewajibkannya membayar faedah pada kadar terapung USD LIBOR 6 bulan, campur 4.25%. Swap baru ini akan matang pada 1 Februari 2018.

Syarikat telah menanggung pembayaran pendahuluan sebanyak RM58.0 juta untuk menyusun semula swap tersebut.

Pada 2 Oktober 2009 dan 6 Oktober 2009, Syarikat telah menamatkan kedua-dua IRS sedia ada berjumlah USD300.0 juta dan menerima aliran masuk tunai sebanyak USD6.7 juta (RM23.1 juta).

(f) Swap Kadar Faedah (IRS)

Liabiliti Pendasar

Nota Terjamin 5.25% USD465.1 juta matang pada tahun 2014

Pada tahun 2004, Syarikat menerbitkan Nota Terjamin 5.25% bernilai USD500.0 juta yang akan matang pada tahun 2014. Nota ini boleh ditebus sepenuhnya pada 22 September 2014. Pada 4 Disember 2009, Syarikat telah membeli balik Nota tersebut yang berjumlah USD34.9 juta.

Instrumen Lindung Nilai

Pada 25 Mac 2008, Syarikat telah memeterai perjanjian IRS biasa dengan prinsipal nosional sebanyak USD150.0 juta yang melayakkannya menerima faedah pada kadar tetap 5.25% setahun dan mewajibkannya membayar faedah pada kadar terapung USD LIBOR 6 bulan, campur 1.80%. Swap ini akan matang pada 22 September 2014.

Pada 3 Julai 2009, Syarikat telah menamatkan IRS biasa sedia ada bernilai USD150.0 juta dan menerima aliran masuk tunai sebanyak USD2.5 juta (RM8.9 juta).

21. INSTRUMEN KEWANGAN DERIVATIF DAN URUS NIAGA LINDUNG NILAI (SAMBUNGAN)

Ringkasan di bawah adalah urus niaga derivatif lindung nilai yang dimeterai oleh Syarikat: (sambungan)

(g) Swap Kadar Faedah Mata Wang Bersilang (CCIRS)

Liabiliti Pendasar

Nota Terjamin 5.25% USD465.1 juta matang pada tahun 2014

Pada tahun 2004, Syarikat menerbitkan Nota Terjamin 5.25% bernilai USD500.0 juta yang akan matang pada tahun 2014. Nota ini boleh ditebus sepenuhnya pada 22 September 2014. Pada 4 Disember 2009, Syarikat telah membeli balik Nota tersebut yang berjumlah USD34.9 juta.

Instrumen Lindung Nilai

Anggota-anggota pengurusan utama adalah anggota-anggota yang berautoriti dan bertanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti-aktiviti Kumpulan atau Syarikat sama ada secara langsung atau tak langsung. Konsisten dengan tahun kewangan yang lepas, anggota-anggota pengurusan utama telah ditakrif sebagai Pengarah (eksekutif dan bukan eksekutif) Syarikat dan ketua atau pegawai pengurusan kanan yang menganggotai Jawatankuasa Pengurusan masing-masing untuk Kumpulan dan Syarikat.

Apabila wujud, urus niaga pihak berkaitan juga merangkumi urus niaga dengan entiti-entiti dikawal, entiti-entiti dikawal bersama atau dipengaruhi dengan nyata sekali, secara langsung atau tak langsung, oleh mana-mana anggota pengurusan utama atau oleh ahli keluarga mereka yang rapat.

43. PENDEDAHAN PENTING PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

Selain urusan niaga dan baki pihak berkaitan yang dinyatakan di bahagian lain penyata kewangan, di bawah ini adalah urusan niaga dan baki penting pihak berkaitan yang telah dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang dirunding antara pihak-pihak yang terlibat:

	Syarikat	
	2010 RM	2009 RM
(a) Penjualan barangan dan pemberian perkhidmatan kepada anak-anak syarikat:		
– perkhidmatan berkaitan telekomunikasi	296.9	275.2
– pajakan/sewa bangunan dan kenderaan	17.4	13.8
– pendapatan lain*	15.1	14.4
– pengurangan nilai bagi pinjaman dan pendahuluan kepada sebuah anak syarikat	–	4.3
(b) Pendapatan dividen dan faedah daripada anak-anak syarikat	179.9	167.3
(c) Pembelian barangan dan perkhidmatan daripada anak-anak syarikat:		
– perkhidmatan berkaitan telekomunikasi	652.5	554.1
– pajakan/sewa bangunan dan kenderaan	7.8	30.5
– penyelenggaraan kenderaan dan bangunan	48.1	85.6
– belanja lain	109.6	102.6
(d) Kos pembiayaan dibayar/belum bayar kepada sebuah anak syarikat	139.8	192.7

* Termasuk yuran pengurusan, royalti, caj untuk perkhidmatan keselamatan, perkhidmatan dikongsi, latihan dan aktiviti berkaitan.

43. PENDEDAHAN PENTING PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

Selain urus niaga dan baki pihak berkaitan yang dinyatakan di bahagian lain penyata kewangan, di bawah ini adalah urus niaga dan baki penting pihak berkaitan yang telah dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang dirunding antara pihak-pihak yang terlibat: (sambungan)

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
(e) Pampasan anggota-anggota pengurusan utama @				
– manfaat anggota jangka pendek				
– yuran	1.3	1.2	1.1	1.1
– gaji, elaun dan bonus	7.7	6.5	7.7	6.5
– caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	1.0	0.9	1.0	0.9
– gratuiti	#	0.1	#	0.1
– manfaat lain anggota	0.4	0.4	0.4	0.4
– anggaran nilai wang bagi manfaat	1.1	0.6	1.1	0.6
– kos ESOS	0.2	1.2	0.2	1.2

@ Termasuk dalam pampasan anggota-anggota pengurusan utama ialah imbuhan Pengarah-pengarah (sama ada eksekutif atau sebaliknya) seperti didedahkan dalam nota 7(b) kepada penyata kewangan.

Amaun kurang daripada RM0.1 juta

Di samping itu, beberapa anggota pengurusan utama mempunyai ahli keluarga yang berkhidmat sebagai pegawai di anak-anak syarikat dengan jumlah imbuhan sebanyak RM0.5 juta (2009: RM0.5 juta).

	Syarikat	
	2010 RM	2009 RM
(f) Baki akhir tahun yang timbul daripada:		
(i) Penjualan/pembelian barangan/perkhidmatan		
– belum terima daripada anak-anak syarikat	374.3	217.8
– belum bayar kepada anak-anak syarikat	419.0	360.2
(ii) Belum bayar lain		
– anak-anak syarikat	201.2	129.9

Belum terima daripada/belum bayar kepada pihak-pihak berkaitan di atas timbul, terutamanya, daripada urus niaga penjualan/pembelian yang mempunyai tempoh kredit selama 30 hingga 90 hari. Belum terima/belum bayar tersebut adalah tidak bercagar dan tanpa faedah.

Belum bayar lain kepada anak-anak syarikat terutamanya merangkumi lebihan dana anak-anak syarikat yang diuruskan dan dilaburkan oleh Syarikat di bawah pengaturan dana optimum. Amaun ini dibayar semula mengikut permintaan dan faedah dibayar kepada anak-anak syarikat sepanjang tahun kewangan adalah dalam lingkungan antara 2.25% hingga 3.11%.

43. PENDEDAHAN PENTING PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

Selain urusan niaga dan baki pihak berkaitan yang dinyatakan di bahagian lain penyata kewangan, di bawah ini adalah urusan niaga dan baki penting pihak berkaitan yang telah dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang dirunding antara pihak-pihak yang terlibat: (sambungan)

	Syarikat	
	2010 RM	2009 RM
(g) Pinjaman dan pendahuluan diberi kepada pihak-pihak berkaitan		
(i) Pinjaman dan pendahuluan kepada anak-anak syarikat		
Pada 1 Januari	425.6	462.7
Pendahuluan tunai	-	82.7
Pembayaran balik (nota 40)	(30.6)	(119.3)
Imbalan bagi pindahan kepentingan ekuiti sebuah anak syarikat (nota 42(c))	(33.0)	-
Faedah dikenakan (nota 8)	13.0	4.2
Dikelaskan semula sebagai belum terima lain	(138.6)	-
Pengurangan nilai	-	(4.3)
Perbezaan pertukaran asing	0.3	(0.4)
Pada 31 Disember (nota 29)	236.7	425.6
	Kumpulan dan Syarikat	
	2010 RM	2009 RM
(ii) Pinjaman kepada anggota-anggota pengurusan utama Syarikat		
Pada 1 Januari	-	0.1
Pembayaran balik diterima	-	#
Faedah dikenakan	-	#
Faedah diterima	-	#
Pelupusan pinjaman anggota (nota 32(b))	-	(0.1)
Pada 31 Disember	-	-

Amaun kurang daripada RM0.1 juta

44. KOMITMEN MODAL DAN LAIN-LAIN

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
(a) Hartanah, loji dan peralatan (nota kecil (ii))				
Komitmen berhubung dengan perbelanjaan yang telah dilulus dan dikontrakkan	4,499.5	5,325.6	4,414.0	5,247.5
Komitmen berhubung dengan perbelanjaan yang telah dilulus tetapi belum dikontrakkan	4,752.4	6,779.5	4,722.7	6,761.8
(i) Termasuk perbelanjaan berhubung dengan projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi.				

44. KOMITMEN MODAL DAN LAIN-LAIN (SAMBUNGAN)

(b) Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB)

Pada 25 Julai 2008, Syarikat telah menerima Surat Keputusan (*Letter of Award*) daripada Kerajaan Malaysia (GoM) untuk melaksanakan projek HSBB di bawah perjanjian perkongsian awam-swasta (PPP). Perjanjian PPP ini telah dimeterai oleh GoM dan Syarikat pada 16 September 2008.

Tujuan projek HSBB ialah untuk membangun infrastruktur jalur lebar negara bagi meningkatkan penembusan jalur lebar dan persaingan negara dalam usaha menarik pelaburan asing. Projek ini melibatkan penempatan rangkaian akses, teras domestik dan rangkaian antarabangsa untuk menyediakan sambungan infrastruktur HSBB dari hujung ke hujung. Anggaran kos penyediaan ini, yang ditanggung sepanjang tempoh 10 tahun (sehingga 25 Julai 2018) diunjurkan sebanyak RM11.3 bilion. Sebagai Penaja Bersama projek ini, GoM telah bersetuju untuk membiayai sebanyak RM2.4 bilion daripada kos projek. Baki RM8.9 bilion akan ditanggung oleh Syarikat. Penyediaan kemudahan HSBB dijangka meliputi 1.3 juta premis sehingga 2012.

Di bawah persetujuan bagi projek tersebut, Syarikat akan menuntut daripada GoM lima puluh peratus (50.0%) daripada perbelanjaan modal yang ditanggung untuk projek HSBB, secara suku tahunan sepanjang tempoh unjuran selama 3.5 tahun, sehingga amaun maksimum sebanyak RM2.4 bilion.

Berhubung dengan persetujuan tersebut, Syarikat perlu memenuhi beberapa syarat tertentu untuk GoM termasuk perkongsian bahagian yang berpatutan bagi sebarang lebihan hasil sebenar dan penjimatan kos lain yang ditanggung berkaitan dengan projek tersebut.

Syarat-syarat lain termasuk penyediaan rangkaian HSBB di luar kawasan liputan untuk GoM, membangun beberapa pusat hubungan (*telecentre*), membentuk satu pakej jalur lebar dengan capaian Internet kos rendah dan membuat promosi kesedaran masyarakat mengenai sumbangan HSBB agar objektif projek ini tercapai.

	Kumpulan dan Syarikat	
	2010 RM	2009 RM
(c) Derma kepada Yayasan Telekom		
Amaun yang telah diluluskan dan terikat	33.1	36.3

	Kumpulan dan Syarikat Bayaran Bayaran	Kumpulan dan Syarikat Bayaran Bayaran
	pajakan pajak	pajakan pajak
	minimum minimum	minimum minimum
	masa masa	masa masa
	hadapan hadapan	hadapan hadapan
	2010 2009	2010 2009
	RM RM	RM RM
(d) Komitmen pajakan kendalian tidak boleh dibatalkan		
Tidak lebih daripada satu tahun	65.4	65.4
Selepas satu tahun dan tidak lebih daripada lima tahun	291.0	281.2
Selepas lima tahun	582.8	658.0
	939.2	1,004.6

Bayaran pajakan di atas adalah berkaitan dengan pajakan kendalian tidak boleh dibatalkan bagi empat buah bangunan pejabat daripada Menara ABS Berhad.

45. PELAPORAN SEGMENT

Mengikut Bidang Perniagaan

Kumpulan mengendalikan perniagaannya mengikut segmen-segmen yang diringkaskan seperti berikut:

- Perniagaan Retail terdiri daripada bahagian perniagaan runcit Syarikat dan anak-anak syarikatnya yang merupakan pelengkap kepada perniagaan runcit. Bidang perniagaan ini bertanggungjawab untuk membekalkan pelbagai jenis perkhidmatan telekomunikasi dan penyelesaian komunikasi kepada perniagaan kecil dan sederhana serta pelanggan korporat dan kerajaan kecuali untuk perniagaan pengguna, yang hanya membekalkan perkhidmatan suara dan Internet dan multimedia.
Dalam suku tahun pertama 2009, Perniagaan Retail telah dipecahkan lebih lanjut kepada empat segmen khusus iaitu Pengguna, Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME), Perusahaan dan Kerajaan bagi menumpukan perhatian atas kepelbagaian segmen pasaran dan kehendak pelanggan. Pembentangan segmen Perniagaan Retail pada suku pertama tahun 2009 tidak dipecahkan kepada empat segmen khusus ini kerana segmen baru dalam Perniagaan Retail ini cuma diwujudkan pada April 2009, dan tahap anggaran dan ekstrapolasi yang diperlukan untuk memecahkan angka-angka bandingan tidak mampu memberi maklumat yang cukup objektif dan boleh dipercayai.
- Perniagaan Wholesale terdiri daripada bahagian perniagaan pukal Syarikat dan anak-anak syarikatnya yang merupakan pelengkap kepada perniagaan pukal. Bidang perniagaan ini bertanggungjawab untuk membekalkan pelbagai jenis perkhidmatan telekomunikasi yang dibekalkan menerusi rangkaian Kumpulan kepada pengendali-pengendali rangkaian berlesen yang lain, iaitu Pembekal Kemudahan Rangkaian (NFP), Pembekal Perkhidmatan Rangkaian (NSP) dan Pembekal Perkhidmatan Aplikasi (ASP).
- Perniagaan Global bertanggungjawab untuk membekalkan perkhidmatan hala masuk dan hala keluar untuk pelbagai jenis perkhidmatan telekomunikasi, termasuklah kendalian rangkaian tetap anak-anak syarikat Kumpulan di luar negara.
- Perkhidmatan Berkongsi/Lain-lain termasuk semua bahagian perkhidmatan berkongsi, semua bahagian fungsi perniagaan seperti teknologi maklumat dan rangkaian, dan anak-anak syarikat yang tidak termasuk dalam bidang perniagaan seperti yang digariskan di atas.

Keputusan segmen menggambarkan hasil kendalian segmen berkenaan setelah ditolak belanja segmen tersebut. Pendapatan yang tidak diuntukkan/laba lain meliputi pendapatan kendalian lain seperti pendapatan dividen dan laba lain seperti laba atas pelupusan pelaburan tersedia-untuk-dijual yang tidak diuntukkan kepada segmen perniagaan tertentu. Kos yang tidak diuntukkan merupakan belanja yang ditanggung oleh bahagian-bahagian korporat seperti Modal Insan Kumpulan, Kewangan Kumpulan, Setiausaha Syarikat, Perolehan Kumpulan dan entiti-entiti tujuan khas dan perbezaan pertukaran asing yang timbul daripada terjemahan simpanan dalam mata wang asing yang tidak diuntukkan kepada segmen perniagaan tertentu. Dasar-dasar perakaunan yang digunakan untuk menghasilkan keputusan pelaporan segmen adalah konsisten dengan dasar-dasar yang diterangkan dalam Dasar-dasar Perakaunan yang Penting.

Aset segmen yang didedahkan bagi setiap segmen merupakan aset yang diuruskan secara langsung oleh setiap segmen, terutamanya, mengandungi aset tak ketara, hartanah, loji dan peralatan, belum terima dan inventori. Aset yang tidak diuntukkan termasuk, terutamanya, pelaburan tersedia-untuk-dijual, belum terima tersedia-untuk-dijual, belum terima bukan semasa lain, aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, aset cukai tertunda serta tunai dan baki bank Syarikat dan hartanah, loji dan peralatan bahagian-bahagian korporat Syarikat dan bangunan pejabat.

Liabiliti segmen merangkumi liabiliti kendalian dan tidak termasuk peminjaman, faedah belum bayar atas peminjaman, liabiliti cukai dan zakat, liabiliti cukai tertunda dan dividen belum bayar.

Perbelanjaan modal segmen merangkumi tambahan kepada hartanah, loji dan peralatan, aset tak ketara, termasuk tambahan yang terhasil daripada pengambilalihan anak-anak syarikat seperti yang didedahkan dalam nota 27 kepada penyata kewangan.

Perbelanjaan bukan tunai yang ketara merangkumi, terutamanya, peruntukan bagi pengurangan nilai dan laba atau kerugian pertukaran asing belum terealisasi bagi penyelesaian seperti yang didedahkan dalam nota 7(b) kepada penyata kewangan.

45. PELAPORAN SEGMENT (SAMBUNGAN)

	Perniagaan Retail				Jumlah Perniagaan Retail	Perniagaan Wholesale	Perniagaan Global	Perkhidmatan Berkongsi/ Lain-lain	Jumlah
	Pengguna RM	SME RM	Perusahaan RM	Kerajaan RM	Retail RM	Wholesale RM	Global RM	Lain-lain RM	Retail RM
Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010									
Hasil kendalian									
Jumlah hasil kendalian	2,291.8	1,772.2	1,758.9	1,316.8	7,139.7	1,096.8	1,145.8	4,253.5	13,635.8
Antara segmen ^a	(28.0)	-	(328.2)	(0.3)	(356.5)	(341.4)	(231.0)	(3,915.9)	(4,844.8)
Hasil kendalian luar	2,263.8	1,772.2	1,430.7	1,316.5	6,783.2	755.4	914.8	337.6	8,791.0
Keputusan									
Keputusan segmen	(36.3)	249.3	316.6	333.5	863.1	212.4	221.4	(150.4)	1,146.5
Pendapatan/laba lain tidak diuntukkan									408.2
Kos tidak diuntukkan									(252.9)
Keuntungan kendalian sebelum kos pembiayaan									1,301.8
Pendapatan pembiayaan									120.0
Kos pembiayaan									(365.2)
Laba pertukaran asing atas peminjaman									303.7
Syarikat-syarikat bersekutu - bahagian keputusan (selepas ditolak cukai)									(0.1)
Keuntungan sebelum cukai dan zakat									1,360.2
Cukai dan zakat									(115.2)
Keuntungan bagi tahun kewangan tersebut									1,245.0
Pada 31 Disember 2010									
Aset segmen	502.2	213.5	901.2	864.9	2,481.8	667.8	596.1	12,506.5	16,252.2
Syarikat-syarikat bersekutu									0.5
Aset tidak diuntukkan									4,527.3
Jumlah aset									20,780.0
Liabiliti segmen	331.4	304.4	274.3	351.3	1,261.4	219.9	271.4	3,847.6	5,600.3
Peminjaman									5,532.0
Liabiliti tidak diuntukkan									1,787.5
Jumlah liabiliti									12,919.8

45. PELAPORAN SEGMENT (SAMBUNGAN)

	Perniagaan Retail				Jumlah Perniagaan Retail	Perniagaan Wholesale	Perniagaan Global	Perkhidmatan Berkongsi/ Lain-lain	Jumlah
	Pengguna RM	SME RM	Perusahaan RM	Kerajaan RM	RM	RM	RM	RM	RM
Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010									
Maklumat lain									
Perbelanjaan modal									
– tambahan dalam tahun									
kewangan tersebut	2.9	1.1	53.2	144.9	202.1	49.2	128.2	2,353.6	2,733.1
Susut nilai dan pelunasan	3.4	0.4	34.8	66.5	105.1	51.9	8.8	1,758.2	1,924.0
Hapus kira hartanah, loji dan peralatan	0.1	–	0.8	–	0.9	–	–	70.2	71.1
Pengurangan nilai hartanah, loji dan peralatan	0.3	–	–	–	0.3	–	0.4	–	0.7
Perbelanjaan bukan tunai ketara	27.5	60.7	(8.1)	(27.3)	52.8	4.7	(33.7)	35.0	58.8
Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009									
Hasil kendalian									
Jumlah hasil kendalian	*	*	*	*	1,628.0	288.2	277.0	1,095.9	3,289.1
– Januari hingga Mac									
– April hingga Disember	1,756.2	1,318.2	1,309.7	900.0	5,284.1	878.5	855.3	3,202.2	10,220.1
Antara segmen ^a (4,901.2)	(14.0)	–	(238.3)	–	6,912.1 (252.3)	1,166.7 (380.7)	1,132.3 (247.6)	4,298.1 (4,020.6)	13,509.2
Hasil kendalian luar					6,659.8	786.0	884.7	277.5	8,608.0

45. PELAPORAN SEGMENT (SAMBUNGAN)

	Perniagaan Retail				Jumlah Perniagaan Retail	Perniagaan Wholesale	Perniagaan Global	Perkhidmatan Berkongsi/ Lain-lain	Jumlah
	Pengguna RM	SME RM	Perusahaan RM	Kerajaan RM	RM	RM	RM	RM	RM
Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009									
Keputusan									
Keputusan segmen	*	*	*	*	240.6	40.8	70.2	(10.2)	341.4
– Januari hingga Mac					643.2	148.4	123.9	(26.8)	888.7
– April hingga Disember	49.0	289.7	184.4	120.1					
					883.8	189.2	194.1	(37.0)	1,230.1
Pendapatan/laba lain tidak diuntukkan									145.7
Kos tidak diuntukkan									(311.2)
Keuntungan kendalian sebelum kos pembiayaan									1,064.6
Pendapatan pembiayaan									172.2
Kos pembiayaan									(356.3)
Laba pertukaran asing atas peminjaman									40.5
Syarikat-syarikat bersekutu – bahagian keputusan (selepas ditolak cukai)									0.6
Keuntungan sebelum cukai dan zakat									921.6
Cukai dan zakat									(248.3)
Keuntungan bagi tahun kewangan tersebut									673.3
Pada 31 Disember 2009									
Aset segmen	506.2	236.3	877.9	536.9	2,157.3	716.3	410.5	12,308.3	15,592.4
Syarikat-syarikat bersekutu									0.6
Aset tidak diuntukkan									4,349.5
Jumlah aset									19,942.5
Liabiliti segmen	250.2	278.4	250.2	292.1	1,070.9	224.3	236.3	2,906.3	4,437.8
Peminjaman									6,713.5
Liabiliti tidak diuntukkan									1,661.2
Jumlah liabiliti									12,812.5

45. PELAPORAN SEGMENT (SAMBUNGAN)

	Perniagaan Retail				Jumlah Perniagaan Retail	Perniagaan Wholesale	Perniagaan Global	Perkhidmatan Berkongsi/ Lain-lain	Jumlah
	Pengguna RM	SME RM	Perusahaan RM	Kerajaan RM	Retail RM	RM	RM	RM	RM
Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009									
Maklumat lain									
Perbelanjaan modal									
– tambahan dalam tahun kewangan tersebut	9.8	0.5	360.5	96.9	467.7	47.3	22.8	2,381.5	2,919.3
Susut nilai dan pelunasan									
– Januari hingga Mac	*	*	*	*	21.0	14.3	3.5	478.6	517.4
– April hingga Disember	10.6	4.0	36.1	63.3	114.0	39.9	6.1	1,323.3	1,483.3
Hapus kira hartanah, loji dan peralatan									
– Januari hingga Mac	*	*	*	*	0.2	#	–	2.4	2.6
– April hingga Disember	#	#	#	0.2	0.2	#	–	35.9	36.1
Pengurangan nilai hartanah, loji dan peralatan	–	–	–	–	–	–	–	0.1	0.1
Perbelanjaan bukan tunai ketara									
– Januari hingga Mac	*	*	*	*	33.3	0.4	(3.0)	(0.7)	30.0
– April hingga Disember	38.1	(51.7)	58.1	40.7	85.2	13.0	11.5	11.7	121.4

^(a) Hasil kendalian antara segmen adalah berkaitan dengan caj semula antara bahagian dan hasil antara syarikat, dan telah disingkirkan pada setiap hasil kendalian segmen. Caj semula antara bahagian telah dipersetujui antara bidang perniagaan yang berkaitan. Urus niaga antara syarikat terhasil daripada urus niaga biasa perniagaan dan pada harga yang tersedia kepada pihak ketiga atau pada terma yang dirundingkan. Urusan perdagangan antara segmen ini adalah tertakluk kepada kajian semula dari masa ke semasa.

* Tidak berkaitan

Amaun kurang daripada RM0.1 juta

45. PELAPORAN SEGMENT (SAMBUNGAN)

Mengikut Lokasi Geografi

Kumpulan beroperasi di beberapa buah negara seperti yang didedahkan dalam nota 52 kepada penyata kewangan. Oleh itu, pemetakan operasi Kumpulan mengikut lokasi geografi disegmenkan kepada Malaysia dan luar negara. Operasi luar negara tidak diasingkan selanjutnya kerana tiada negara di seberang laut yang menyumbang lebih daripada 10.0% daripada hasil kendalian atau aset yang disatukan.

Dalam membentangkan maklumat bagi segmen geografi Kumpulan, jualan adalah berasaskan negara di mana pelanggan berada. Jumlah aset dan perbelanjaan modal ditentukan dengan asas di mana aset itu berada.

	Hasil Kendalian		Jumlah Aset		Perbelanjaan Modal	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
Malaysia	7,876.2	7,723.3	15,642.6	14,960.3	2,700.7	2,768.4
Negara-negara lain	914.8	884.7	610.1	632.7	32.4	150.9
Aset tidak diuntukkan	–	–	4,527.3	4,349.5	–	–
	8,791.0	8,608.0	20,780.0	19,942.5	2,733.1	2,919.3

46. LIABILITI LUAR JANGKA (TIDAK BERKAGAR)

- (a) Acres & Hectares Sdn Bhd (AHSB) telah mengemukakan tindakan undang-undang terhadap Syarikat melalui Writ Saman bertarikh 22 April 2005 dan Penyataan Tuntutan bertarikh 7 April 2005 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Dalam Penyataan Tuntutan tersebut, AHSB mendakwa bahawa Syarikat masih berhutang kepada AHSB dalam jumlah sebanyak RM2.9 juta yang merupakan yuran ditanggung bagi kerja-kerja perundingan yang telah diberikan kepada TM Facilities Sdn Bhd (TMF), sebuah anak syarikat milik penuh Syarikat berhubung dengan pengurusan dan pembangunan tanah Syarikat (Projek). Seterusnya, AHSB menuntut ganti rugi berjumlah RM26.9 juta bagi kerugian yang dialami oleh AHSB akibat kegagalan Syarikat untuk meneruskan Projek tersebut.

Pada 15 Jun 2005, Syarikat memfailkan penyataan pembelaannya dan mempertikaikan pelantikan AHSB sebagai perunding Syarikat yang berkaitan dengan Projek tersebut dan menuntut AHSB mengemukakan bukti kukuh tentang pelantikannya. Di samping itu, Syarikat menegaskan bahawa kerja-kerja yang dilaksanakan oleh AHSB hanyalah laporan awal yang merupakan sebahagian daripada keperluan yang wajib dipenuhi oleh AHSB sebelum pemilihan perunding bagi Projek tersebut oleh Lembaga Pengarah TMF.

Pada 16 September 2009, Mahkamah Tinggi telah menolak tuntutan AHSB terhadap Syarikat. Permohonan AHSB untuk mengetepikan Perintah Mahkamah tidak dibenarkan oleh mahkamah pada 8 April 2010. AHSB tidak memfailkan sebarang rayuan ke atas keputusan tersebut dalam tempoh yang dibenarkan di bawah undang-undang.

Berdasarkan nasihat perundangan, Pengarah-pengarah berpendapat bahawa saman undang-undang terhadap Syarikat telah berakhir.

46. LIABILITI LUAR JANGKA (TIDAK BERCAGAR) (SAMBUNGAN)

- (b) Pada 29 Jun 2006, Syarikat dan Telekom Enterprise Sdn Bhd (TESB), anak syarikat milik penuh Syarikat, telah menerima pembelaan dan tuntutan balas oleh Tan Sri Dato' Tajudin Ramli (TSDTR) berhubung dengan prosiding yang dimulakan terhadap beliau oleh Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Danaharta) dan 2 pihak yang lain. 22 defendan lain juga telah digabungkan ke dalam prosiding ini melalui tuntutan balas.

TSDTR menuntut daripada defendan, termasuk Syarikat dan TESB, secara bersama dan/atau berasingan untuk relief berikut dalam tuntutan balas itu:

- (i) sejumlah RM6.2 bilion;
- (ii) ganti rugi am yang perlu ditaksir;
- (iii) ganti rugi teruk dan teladan yang perlu ditaksir;
- (iv) ganti rugi akibat konspirasi yang perlu ditaksir;
- (v) sebuah Akaun bagi semua jumlah yang dibayar di bawah Perjanjian Kemudahan dan/atau kepada Danaharta oleh TSDTR, merangkumi semua jumlah yang diterima oleh Danaharta termasuk hasil daripada penjualan saham-saham TRI (kini Celcom) dan Naluri;
- (vi) taksiran bagi semua jumlah yang perlu dibayar semula oleh Danaharta kepada TSDTR akibat lebihan bayaran oleh TSDTR kepada Danaharta;
- (vii) satu Perintah supaya Danaharta membayar semua jumlah yang diputuskan perlu dibayar kepada TSDTR di bawah perkara (vi);
- (viii) sebuah Akaun bagi semua dividen dan/atau bayaran yang diterima oleh Syarikat yang timbul daripada atau berhubung dengan Saham TRI (kini Celcom);
- (ix) satu Perintah supaya Syarikat membayar semua jumlah yang diputuskan perlu dibayar kepada TSDTR di bawah perkara (viii);
- (x) ganti rugi kerana melanggar kontrak terhadap Danaharta yang akan ditaksir.

Di samping itu, TSDTR turut menuntut, antara lain, daripada kesemua 24 defendan dalam tuntutan balas itu, untuk relief-relief berikut:

- (i) sejumlah RM7.2 bilion;
- (ii) ganti rugi akibat konspirasi yang perlu ditaksir;
- (iii) satu perisytiharan bahawa Sijil Pemberian Hak adalah tidak sah dan di luar bidang kuasa undang-undang Akta Danaharta dan/atau tidak mengikut undang-undang Perlembagaan Persekutuan dan/atau bertentangan dengan Dasar Awam dan terbatal;
- (iv) satu perisytiharan bahawa Perjanjian Penyelesaian adalah tidak sah dan di luar bidang kuasa undang-undang Akta Danaharta dan/atau Perlembagaan Persekutuan dan terbatal dan tidak boleh dikuatkuasakan menurut Seksyen 24 Akta Kontrak 1950 antara lain kerana bertentangan dengan Dasar Awam;
- (v) satu perisytiharan bahawa semua tindakan dan perbuatan yang dilaksanakan dan semua perjanjian yang ditandatangani oleh Danaharta adalah tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan;



46. LIABILITI LUAR JANGKA (TIDAK BERCAGAR) (SAMBUNGAN)

- (b) (vi) satu perintah bahawa semua kontrak, perjanjian, pindahan, penyampaian, urusan, tindakan atau perbuatan yang dilaksanakan dan ditandatangani oleh Danaharta dengan ini diisytiharkan terbatal dan diketepikan;
- (vii) semua perintah yang perlu dan wajar serta arahan yang mungkin perlu untuk memberi kesan sepenuhnya kepada perisytiharan dan perintah yang dinyatakan;
- (viii) ganti rugi yang perlu ditaksir;
- (ix) ganti rugi teruk dan teladan yang perlu ditaksir;
- (x) faedah pada kadar 8.0% setahun ke atas semua jumlah yang diputuskan dan perlu dibayar oleh setiap defendan berhubung tuntutan balas itu kepada TSDTR dari tarikh kerugian dan kerosakan tersebut ditanggung sehingga ke tarikh pembayaran penuh;
- (xi) kos.

Pada Julai 2006, peguam cara Syarikat telah memfailkan permohonan berasingan bagi pihak Syarikat dan TESB untuk membatalkan tuntutan balas tersebut. Permohonan itu telah ditolak oleh Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi pada 28 Ogos 2007 dengan kos. Syarikat dan TESB telah memfailkan rayuan terhadap penolakan tersebut kepada Hakim Mahkamah Tinggi dan rayuan tersebut telah dibenarkan pada 12 November 2009. Pada 4 Disember 2009, TSDTR telah memfailkan rayuan kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Hakim Mahkamah Tinggi. Mahkamah Rayuan masih belum menetapkan tarikh perbicaraan rayuan TSDTR seperti dinyatakan di atas.

TSDTR juga telah memohon untuk membuat pindaan semula ke atas tuntutan balas itu bagi menambah 14 lagi defendan, 8 daripadanya adalah pengarah/pegawai semasa atau pernah berkhidmat dengan Syarikat dan TESB. Pada 20 Oktober 2008, Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi telah membenarkan permohonan TSDTR untuk membuat pindaan semula ke atas tuntutan balas tersebut. Syarikat dan TESB telah memfailkan rayuan untuk mempertikaikan keputusan tersebut kepada Hakim Mahkamah Tinggi dan rayuan tersebut telah dibenarkan pada 12 November 2009.

Pada 4 Disember 2009, TSDTR telah memfailkan rayuan kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Hakim Mahkamah Tinggi bertarikh 12 November 2009. Rayuan tersebut telah ditetapkan bagi Pengurusan Kes pada 25 Mac 2011.

Berdasarkan nasihat perundangan yang diterima, Pengarah-pengarah berpendapat bahawa Syarikat dan TESB mempunyai pembelaan yang baik terhadap tuntutan balas TSDTR.

- (c) Pada 26 November 2007, Syarikat dan TESB telah menerima Writ Saman dan Penyataan Tuntutan berhubung dengan tuntutan yang difailkan oleh Mohd Shuaib Ishak (MSI). MSI menuntut daripada Syarikat, TESB dan 12 yang lain (termasuk bekas pengarah dan pengarah semasa Syarikat) secara bersama dan/atau berasingan, antaranya seperti berikut:
 - (i) satu Pengisytiharan bahawa Perjanjian Jual Beli bertarikh 28 Oktober 2002 antara Celcom dengan Syarikat (atau TESB) untuk pengambilalihan saham-saham TM Cellular Sdn Bhd oleh Celcom, dan kesemua hal lain terlaksana di bawah perjanjian tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada terbitan saham oleh Celcom adalah tidak sah serta terbatal dan tidak terkesan sama sekali;
 - (ii) satu Pengisytiharan bahawa semua pembelian saham dalam Celcom oleh TESB dan/atau Syarikat dan/atau pihak-pihak yang bertindak bersama-sama mereka, berkuat kuasa dari dan termasuk tarikh Notis Tawaran Mandatori bertarikh 3 April 2003 yang dikeluarkan oleh Commerce International Merchant Bankers Berhad (kini dikenali sebagai CIMB), adalah tidak sah serta terbatal dan tidak terkesan sama sekali;

46. LIABILITI LUAR JANGKA (TIDAK BERCAGAR) (SAMBUNGAN)

- (c) (iii) semua arahan yang perlu dan wajar yang mungkin perlu untuk memberi kesan terhadap Pengisytiharan tersebut yang Mahkamah dapati wajar, termasuk tetapi tidak terhad kepada arahan untuk memansuhkan semua pindah milik saham Celcom yang dibuat selepas Notis Tawaran Mandatori untuk saham dalam Celcom bertarikh 3 April 2003;
- (iv) bahawa Syarikat dengan sendirinya, kakitangan dan ejennya adalah ditegah daripada memberi kesan kepada atau melaksanakan sebarang cadangan berhubung dengan cadangan pengasingan perniagaan mudah alih dan perniagaan talian tetap Kumpulan; dan
- (v) pelbagai ganti rugi yang perlu ditaksir.

Pada 30 November 2007, Syarikat dan TESB telah memperoleh kebenaran untuk memasukkan kehadiran bersyarat dan seterusnya pada 17 Disember 2007, Syarikat dan TESB telah memfailkan permohonan yang relevan untuk membatalkan tindakan guaman tersebut. Permohonan pembatalan ini telah ditetapkan untuk sebutan pada 24 Mac 2011.

Berdasarkan nasihat perundangan yang diterima, Pengarah-pengarah berpendapat bahawa Syarikat dan TESB mempunyai peluang yang baik untuk berjaya mempertahankan kes ini.

- (d) Pada 29 Julai 2008, Syarikat dan TESB telah, menerusi peguam mereka, menerima satu salinan Writ dan Penyataan Tuntutan bertarikh 10 Julai 2008 (Saman) daripada Celcom.

Saman ini adalah tindakan susulan perundangan yang diusulkan atas nama Celcom menurut Seksyen 181A (1) Akta Syarikat, 1965. Menerusi Perintah Mahkamah bertarikh 9 Julai 2008, kebenaran telah diberikan kepada Mohd Shuaib Ishak (MSI), seorang bekas pemegang saham Celcom, untuk membawa tindakan Saman bagi pihak Celcom. Saman ini adalah susulan daripada Perjanjian Tambahan Dipinda dan Dinyata Semula bertarikh 4 April 2002, yang dimeterai bersama, antaranya, Celcom dan DeTeAsia Holding GmbH (DeTeAsia), berkenaan pengambilalihan saham Celcom oleh TESB, urusan lanjutan berkaitan Tawaran Am Mandatori yang dilaksanakan oleh Syarikat dan urusan pengasingan perniagaan mudah alih dan perniagaan talian tetap Kumpulan.

Dalam kenyataan Saman itu, Celcom meminta daripada pihak defendan; Syarikat, TESB dan 19 yang lain, termasuk bekas pengarah dan pengarah semasa Syarikat, Celcom dan TESB, secara bersama dan berasingan, relief-relief utama seperti berikut:

- (i) sejumlah USD233.0 juta, yang merupakan amaun dibayar oleh Celcom kepada DeTeAsia di bawah Anugerah Timbang Tara Antarabangsa bertarikh 2 Ogos 2005;
- (ii) satu Pengisytiharan bahawa Perjanjian Jual Beli bertarikh 28 Oktober 2002 (SPA) di antara Celcom dengan Syarikat (atau TESB) untuk pengambilalihan oleh Celcom saham dalam TM Cellular Sdn Bhd, dan kesemua hal lain terlaksana di bawah perjanjian tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada terbitan saham oleh Celcom adalah tidak sah, terbatal dan tidak terkesan sama sekali;
- (iii) satu Pengisytiharan bahawa semua pembelian saham dalam Celcom oleh TESB dan/atau Syarikat dan/atau pihak-pihak yang bertindak bersama-sama dengan mereka, berkuat kuasa dari dan termasuk tarikh Notis Tawaran Mandatori bertarikh 3 April 2003 yang dikeluarkan oleh CIMB adalah tidak sah, terbatal dan tidak terkesan sama sekali;



46. LIABILITI LUAR JANGKA (TIDAK BERCAGAR) (SAMBUNGAN)

- (d) (iv) semua arahan yang perlu dan wajar serta arahan yang mungkin perlu untuk memberi kesan terhadap Pengisytiharan tersebut yang difikirkan wajar oleh Mahkamah, termasuk tetapi tidak terhad kepada arahan untuk memansuhkan semua pindah milik saham Celcom yang dibuat selepas Notis Tawaran Mandatori untuk saham dalam Celcom bertarikh 3 April 2003 dan bayaran balik semua dividen dan pengagihan yang dibuat oleh Celcom selepas selesai urusan SPA;
- (v) bahawa Syarikat dengan sendirinya, anggota-anggota dan ejen-ejennya adalah ditegah daripada memberi kesan kepada atau melaksanakan apa-apa cadangan yang digariskan di dalam Pengumuman oleh Lembaga Pengarah Syarikat kepada Bursa Malaysia Bhd bertarikh 28 September 2007 berhubung dengan cadangan pengasingan perniagaan mudah alih dan perniagaan talian tetap Kumpulan atau sekiranya mana-mana cadangan tersebut telah diselesaikan, maka Syarikat dengan sendirinya, anggota-anggota dan ejen-ejennya hendaklah mengambil semua langkah yang sewajarnya untuk memansuhkan cadangan yang terlaksana itu;
- (vi) ganti rugi am yang perlu ditaksir;
- (vii) ganti rugi akibat konspirasi yang perlu ditaksir;
- (viii) ganti rugi akibat penipuan yang perlu ditaksir;
- (ix) ganti rugi akibat penipuan salah lapor dan/atau kecuaiian yang perlu ditaksir;
- (x) ganti rugi akibat pelanggaran tanggungjawab statutori yang perlu ditaksir;
- (xi) ganti rugi teruk dan ganti rugi teladan yang perlu ditaksir;
- (xii) ganti rugi punitif;
- (xiii) semua perintah yang perlu dan wajar serta arahan yang mungkin perlu untuk memberi kesan terhadap Pengisytiharan tersebut dan Perintah dan/atau yang difikirkan wajar oleh Mahkamah;
- (xiv) faedah;
- (xv) kos;
- (xvi) relief lanjutan dan/atau relief lain sebagaimana Mahkamah fikirkan wajar dan patut untuk diberikan dalam keadaan ini.

Pada 19 September 2008, Mahkamah Tinggi telah memberi kebenaran untuk menggantung sebarang prosiding dalam Saman ini sehingga selesai rayuan Celcom kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang membenarkan MSI memulakan tindakan susulan perundangan atas nama Celcom. Pada 27 Mac 2009, rayuan Celcom kepada Mahkamah Rayuan telah dibenarkan. MSI kemudiannya memfailkan permohonan untuk kebenaran merayu kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan. Pada 10 Ogos 2010, Mahkamah Persekutuan telah mendengar dan menolak permohonan MSI's untuk kebenaran rayuan.

Berdasarkan nasihat perundangan, Pengarah-pengarah berpendapat bahawa tuntutan ke atas Syarikat, TESB dan 19 yang lain telah berakhir.

46. LIABILITI LUAR JANGKA (TIDAK BERCAGAR) (SAMBUNGAN)

- (e) Pada 11 Ogos 2009, Syarikat dan anak syarikat milik sepenuhnya, TM Net Sdn Bhd (TM Net) telah menerima Writ Saman dan Penyataan Tuntutan daripada Network Guidance (M) Sdn Bhd (NGSB) berhubung perjanjian usaha sama bagi melaksanakan sebuah projek yang dinyatakan di dalam penyataan tuntutan sebagai "Fine TV Services".

Pada 10 Disember 2009, Syarikat dan TM Net memfailkan satu permohonan untuk membatalkan tuntutan NGSB. Permohonan untuk membatalkan tuntutan tersebut telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi pada 9 Ogos 2010. Pada 3 September 2010, Syarikat dan TM Net telah memfailkan rayuan kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang tersebut di atas. Pada 11 Januari 2011, Mahkamah Rayuan telah menolak rayuan Syarikat dan TM Net.

Pada 12 Januari 2011, Mahkamah Tinggi telah membenarkan permohonan NGSB untuk meminda semula Penyataan Tuntutan Terpindanya. Berikutan dengan itu, pada 11 Februari 2011, peguam NGSB telah menghantar Writ Terpinda dan Penyataan Tuntutan yang Dipinda Semula (Tuntutan Dipinda Semula) kepada peguam-peguam Syarikat dan TM Net.

Tuntutan yang dibuat oleh NGSB terhadap Syarikat dan TM Net dalam Tuntutan Dipinda Semula itu adalah seperti berikut:

- (a) satu pengisytiharan bahawa:
- (i) NGSB dan Syarikat telah menandatangani perjanjian yang mana adalah dipersetujui bahawa NGSB dan Syarikat akan memulakan projek Fine TV atas dasar usaha sama (Perjanjian tersebut);
 - (ii) Syarikat telah memungkiri Perjanjian tersebut;
 - (iii) berikutan daripada kemungkiran Perjanjian tersebut, NGSB telah mengalami kerugian dan kerosakan.
- (b) satu perintah bahawa Syarikat dan TM Net membayar NGSB ganti rugi khas seperti berikut:
- (i) RM150,000 bagi perkhidmatan Fiberail Sdn Bhd;
 - (ii) RM300,000 untuk perkhidmatan "MYLOCA" dan/atau sewa ruang bagi TM Net;
 - (iii) RM1.0 juta bagi kos ujian-ujian yang telah dijalankan;
 - (iv) RM5.0 juta untuk peralatan seperti pelayan, penghala, Pengkod Video Digital, Set Top Box dan Penyuntingan Video Digital;
 - (v) RM3.0 juta bagi fi lesen bagi penggunaan perisian;
 - (vi) RM3.0 juta untuk fi lesen bagi kegunaan kandungan;
 - (vii) RM500,000 bagi fi guaman;
 - (viii) RM4.0 juta untuk overhead;
 - (ix) pinjaman sebanyak RM7.0 juta daripada Eurofine Sdn Bhd.



46. LIABILITI LUAR JANGKA (TIDAK BERGAGAS) (SAMBUNGAN)

- (e) (c) faedah pada kadar sebanyak 8% setahun atas ganti rugi khas mulai tarikh penghakiman sehingga tarikh penyelesaian penuh dan terakhir ganti rugi khas tersebut;
- (d) satu perintah bahawa Syarikat dan TM Net membayar ganti rugi am;
- (e) satu perintah bahawa ganti rugi am tersebut ditaksir oleh mahkamah;
- (f) faedah sebanyak 8% setahun atas ganti rugi am mulai tarikh penghakiman sehingga tarikh penyelesaian penuh dan terakhir ganti rugi am tersebut;
- (g) kos;
- (h) relief lain yang mahkamah anggap wajar.

Dalam Tuntutan Dipinda Semula, NGSB juga telah menunjukkan pengubahan nama NGSB kepada Fine TV Network Sdn Bhd. Kes itu kini ditetapkan untuk Pengurusan Kes pada 30 Mac 2011.

Berdasarkan nasihat perundangan, Pengarah-pengarah berpendapat bahawa Syarikat mempunyai pembelaan kukuh terhadap tuntutan NGSB.

- (f) Pada 3 Januari 2011, Syarikat telah menerima Penghakiman Ingkar daripada AINB Tech (M) Sdn Bhd (AINB) bertarikh 2 Disember 2010 dan berdasarkan Penghakiman tersebut, AINB telah diberi relief-relief yang berikut oleh Mahkamah Tinggi:-
 - (i) RM25.0 juta sebagai perbelanjaan yang ditanggung oleh AINB bagi projek yang dikenali sebagai "Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji, Menugas dan Menyokong Perkhidmatan Satu Nombor" yang dimeterai di antara kedua-dua pihak (Projek tersebut);
 - (ii) ganti rugi am untuk ditaksirkan oleh Mahkamah berkenaan;
 - (iii) faedah pada kadar 5% setahun dikira mulai tarikh Penghakiman hingga tarikh penyelesaian penuh;
 - (iv) kos guaman sebanyak RM225; dan
 - (v) relief lain yang dianggap wajar oleh Mahkamah.

Pada 14 Januari 2011, Syarikat memfailkan satu permohonan di Mahkamah untuk mengetepikan Penghakiman Ingkar tersebut. Pada 21 Januari 2011, Mahkamah membenarkan permohonan Syarikat bagi penangguhan semua prosiding pelaksanaan terhadap Syarikat berkaitan dengan Penghakiman Ingkar tersebut sementara menunggu permohonan Syarikat untuk mengetepikan Penghakiman Ingkar tersebut diselesaikan sepenuhnya.

Pada 23 Februari 2011, Mahkamah membenarkan permohonan Syarikat untuk mengetepikan Penghakiman Ingkar tersebut dengan kos. Saman undang-undang tersebut kini ditetapkan untuk pengurusan kes pada 16 Mac 2011.

Berdasarkan nasihat perundangan, Pengarah-pengarah berpendapat bahawa Syarikat mempunyai peluang yang baik untuk berjaya mempertahankan saman tersebut.

46. LIABILITI LUAR JANGKA (TIDAK BERCAGAR) (SAMBUNGAN)

- (g) Pada 24 Februari 2011, peguam Syarikat menerima satu Writ Saman dan Penyataan Tuntutan bertarikh 26 November 2010 daripada peguam-peguam bagi Acres & Hectares Sdn Bhd (AHSB). Berdasarkan Penyataan Tuntutan tersebut, AHSB menuntut daripada Syarikat relief-relief berikut:
- (i) penghakiman berjumlah RM3.0 juta;
 - (ii) ganti rugi sebanyak RM26.9 juta;
 - (iii) faedah pada kadar sebanyak 8% setahun atas jumlah penghakiman dan ganti rugi yang dikira mulai dari tarikh notis tuntutan sehingga penyelesaian penuh;
 - (iv) kos; dan
 - (v) relief selanjutnya atau relief-relief lain yang dianggap wajar oleh Mahkamah.

Dalam Penyataan Tuntutan tersebut, AHSB mendakwa bahawa Syarikat berhutang kepadanya sejumlah RM3.0 juta yang dikatakan fi bagi kerja-kerja perundingan yang diberi kepada Syarikat berkaitan dengan pengurusan dan pembangunan harta bertanah Syarikat di lokasi-lokasi berlainan di Malaysia (Projek tersebut). Selain itu, AHSB juga menuntut ganti rugi berjumlah RM26.9 juta yang didakwa kerugian yang ditanggung oleh AHSB disebabkan kegagalan Syarikat untuk meneruskan Projek tersebut.

Berdasarkan nasihat perundangan, Pengarah-pengarah berpendapat bahawa Syarikat mempunyai peluang yang baik untuk mempertahankan saman AHSB.

Selain daripada perkara-perkara di atas, Pengarah-pengarah tidak mempunyai maklumat tentang kewujudan sebarang prosiding lain yang sedang berjalan ke atas Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya, ataupun sebarang fakta yang memungkinkan sebarang prosiding yang boleh menjejaskan dengan ketara kedudukan atau perniagaan Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya.

Tidak terdapat liabiliti luar jangka atau litigasi penting atau jaminan yang lain, selain daripada apa yang timbul dalam urusan biasa perniagaan Kumpulan dan Syarikat, dan juga tiada kerugian ketara dijangka daripada perkara-perkara tersebut.

47. RISIKO KADAR FAEDAH/ANALISIS MATANG

Jadual di bawah meringkaskan pendedahan Kumpulan dan Syarikat kepada risiko kadar faedah selepas mengambil kira kesan swap kadar faedah. Termasuk dalam jadual tersebut ialah aset dan liabiliti kewangan Kumpulan dan Syarikat pada amaun dibawa, yang dikategorikan mengikut tarikh yang lebih awal antara tarikh dinilai semula dan tarikh matang mengikut kontrak kecuali bagi peminjaman dengan kadar faedah terapung yang akan dinilai semula dalam jangka masa 1 tahun atau kurang dan telah ditunjukkan bagi membayangkan tarikh matang. Tahap sensitiviti kadar faedah timbul daripada ketidakpadanan tarikh dinilai semula, aliran tunai dan ciri-ciri lain aset dengan pembiayaan liabilitinya.

Kumpulan	Matang atau dinilai semula (yang mana lebih awal)						Jumlah sensitif kepada faedah RM	Tidak sensitif kepada faedah RM	Jumlah RM
	WARF*	1 tahun atau kurang RM	>1 – 2 tahun RM	>2 – 3 tahun RM	>3 – 4 tahun RM	>4 – 5 tahun RM			
2010									
Aset kewangan									
Pelaburan tersedia-untuk-dijual									
– tidak sensitif kepada faedah	–	–	–	–	–	–	–	596.5	596.5
– kadar faedah tetap	4.60%	356.2	–	–	–	–	356.2	–	356.2
Belum terima tersedia-untuk-dijual	7.52%	0.1	0.3	0.5	0.9	1.4	11.7	–	14.9
Pinjaman anggota dan belum terima bukan semasa lain (tidak termasuk manfaat prabayar anggota)									
– kadar faedah terapung	2.50%	43.8	–	–	–	–	43.8	–	43.8
– kadar faedah tetap									
– konvensional	7.98%	0.5	0.8	0.1	2.3	0.9	0.9	5.5	5.5
– baki di bawah prinsip Islam	6.17%	0.7	2.2	2.8	3.4	3.0	29.2	41.3	41.3
Instrumen kewangan derivatif	–	3.6	–	–	–	–	3.6	–	3.6
Belum terima perdagangan dan lain-lain (tidak termasuk bayaran pendahuluan, cukai boleh dipungut semula dan pinjaman anggota)	–	–	–	–	–	–	–	2,074.2	2,074.2
Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian	–	–	–	–	–	–	–	21.5	21.5
Tunai dan baki bank									
– tidak sensitif kepada faedah	–	–	–	–	–	–	–	437.2	437.2
– kadar faedah tetap									
– konvensional	3.24%	1,835.7	–	–	–	–	1,835.7	–	1,835.7
– baki di bawah prinsip Islam	3.18%	1,215.6	–	–	–	–	1,215.6	–	1,215.6
Jumlah		3,456.2	3.3	3.4	6.6	5.3	41.8	3,516.6	6,646.0

47. RISIKO KADAR FAEDAH/ANALISIS MATANG (SAMBUNGAN)

Kumpulan	WARF*	Matang atau dinilai semula (yang mana lebih awal)						Jumlah sensitif kepada faedah RM	Tidak sensitif kepada faedah RM	Jumlah RM
		1 tahun atau kurang RM	>1 – 2 tahun RM	>2 – 3 tahun RM	>3 – 4 tahun RM	>4 – 5 tahun RM	Lebih daripada 5 tahun RM			
2010										
Liabiliti kewangan										
Peminjaman										
– tidak sensitif kepada faedah	-	-	-	-	-	-	-	-	3.9	3.9
– kadar faedah tetap										
– konvensional	6.18%	22.5	88.3	-	1,434.0	-	1,059.9	2,604.7	-	2,604.7
– baki di bawah prinsip Islam	5.57%	(1.6)	-	2,000.0	-	-	925.0	2,923.4	-	2,923.4
Instrumen kewangan derivatif	-	5.2	-	-	-	-	-	5.2	22.8	28.0
Belum bayar perdagangan dan lain-lain (tidak termasuk liabiliti berkanun dan hasil tertunda)	-	-	-	-	-	-	-	-	3,107.1	3,107.1
Deposit pelanggan	-	-	-	-	-	-	-	-	580.5	580.5
Jumlah		26.1	88.3	2,000.0	1,434.0	-	1,984.9	5,533.3	3,714.3	9,247.6
Jurang sensitiviti faedah		3,430.1	(85.0)	(1,996.6)	(1,427.4)	5.3	(1,943.1)			

Kumpulan	WARF*	Matang atau dinilai semula (yang mana lebih awal)						Jumlah sensitif kepada faedah RM	Tidak sensitif kepada faedah RM	Jumlah RM
		1 tahun atau kurang RM	>1 – 2 tahun RM	>2 – 3 tahun RM	>3 – 4 tahun RM	>4 – 5 tahun RM	Lebih daripada 5 tahun RM			
2009										
Aset kewangan										
Pelaburan tersedia-untuk-dijual	-	-	-	-	-	-	-	-	608.2	608.2
Pelaburan lain	-	-	-	-	-	-	-	-	152.8	152.8
Pinjaman anggota dan belum terima bukan semasa lain										
- tidak sensitif kepada faedah	-	-	-	-	-	-	-	-	53.6	53.6
- kadar faedah tetap										
- konvensional	4.00%	0.4	1.0	2.3	2.9	2.8	2.8	12.2	-	12.2
- baki di bawah prinsip Islam	4.00%	1.0	2.8	4.5	4.8	5.1	36.4	54.6	-	54.6
Belum terima perdagangan dan lain-lain (tidak termasuk bayaran pendahuluan, cukai boleh dipungut semula dan pinjaman anggota)	-	-	-	-	-	-	-	-	1,972.0	1,972.0
Pelaburan jangka pendek										
- tidak sensitif kepada faedah	-	-	-	-	-	-	-	-	70.2	70.2
- kadar faedah tetap	4.93%	224.5	-	-	-	-	-	224.5	-	224.5
Tunai dan baki bank										
- tidak sensitif kepada faedah	-	-	-	-	-	-	-	-	428.4	428.4
- kadar faedah tetap										
- konvensional	2.35%	1,850.3	-	-	-	-	-	1,850.3	-	1,850.3
- baki di bawah prinsip Islam	2.44%	1,212.0	-	-	-	-	-	1,212.0	-	1,212.0
Jumlah		3,288.2	3.8	6.8	7.7	7.9	39.2	3,353.6	3,285.2	6,638.8

47. RISIKO KADAR FAEDAH/ANALISIS MATANG (SAMBUNGAN)

Kumpulan	WARF*	Matang atau dinilai semula (yang mana lebih awal)						Jumlah sensitif kepada faedah RM	Tidak sensitif kepada faedah RM	Jumlah RM
		1 tahun atau kurang RM	>1 – 2 tahun RM	>2 – 3 tahun RM	>3 – 4 tahun RM	>4 – 5 tahun RM	Lebih daripada 5 tahun RM			
2009										
Liabiliti kewangan										
Peminjaman										
– tidak sensitif kepada faedah	–	–	–	–	–	–	–	–	6.3	6.3
– kadar faedah terapung										
– baki di bawah prinsip Islam	4.77%	–	–	–	1,500.0	–	500.0	2,000.0	–	2,000.0
– kadar faedah tetap										
– konvensional	6.60%	908.1	22.6	5.4	2.8	1,636.6	1,206.7	3,782.2	–	3,782.2
– baki di bawah prinsip Islam	5.28%	–	–	–	500.0	–	425.0	925.0	–	925.0
Belum bayar perdagangan dan lain-lain (tidak termasuk liabiliti berkanun dan hasil tertunda)	–	–	–	–	–	–	–	–	2,676.8	2,676.8
Depositi pelanggan	–	–	–	–	–	–	–	–	575.7	575.7
Jumlah		908.1	22.6	5.4	2,002.8	1,636.6	2,131.7	6,707.2	3,258.8	9,966.0
Jurang sensitiviti faedah		2,380.1	(18.8)	1.4	(1,995.1)	(1,628.7)	(2,092.5)			

* WARF – Kadar Purata Wajaran Pembiayaan pada 31 Disember

Jadual di bawah meringkaskan kadar purata wajaran pembiayaan (WARF) pada 31 Disember mengikut mata wang utama bagi setiap kelas aset dan liabiliti kewangan:

Kumpulan	2010		2009	
	USD	RM	USD	RM
Aset kewangan				
Pelaburan tersedia-untuk-dijual (nota kecil (a))	–	4.60%	–	–
Belum terima tersedia-untuk-dijual (nota kecil (a))	–	7.52%	–	–
Pinjaman anggota	–	6.37%	–	4.00%
Pelaburan jangka pendek	–	–	–	4.93%
Tunai dan baki bank	–	2.90%	0.26%	2.41%
Liabiliti kewangan				
Peminjaman	6.28%	5.54%	6.72%	4.94%

(a) WARF pada 31 Disember 2009 adalah berdasarkan pada kadar berkontrak. Dengan penerimaan pakai FRS 139 pada 1 Januari 2010, WARF adalah kadar faedah berkesan yang digunakan ke atas setiap instrumen kewangan pada tarikh pelaporan.

47. RISIKO KADAR FAEDAH/ANALISIS MATANG (SAMBUNGAN)

Syarikat	WARF*	Matang atau dinilai semula (yang mana lebih awal)						Jumlah sensitif kepada faedah RM	Tidak sensitif kepada faedah RM	Jumlah RM
		1 tahun atau kurang RM	>1 – 2 tahun RM	>2 – 3 tahun RM	>3 – 4 tahun RM	>4 – 5 tahun RM	Lebih daripada 5 tahun RM			
2010										
Aset kewangan										
Pinjaman dan pendahuluan kepada anak-anak syarikat (bersih)										
- kadar faedah terapung	4.16%	-	-	-	52.5	-	-	52.5	-	52.5
- kadar faedah tetap	5.35%	-	-	-	-	-	184.2	184.2	-	184.2
Pelaburan tersedia-untuk-dijual										
- tidak sensitif kepada faedah	-	-	-	-	-	-	-	-	114.6	114.6
- kadar faedah tetap	4.60%	356.2	-	-	-	-	-	356.2	-	356.2
Belum terima tersedia-untuk-dijual	7.52%	0.1	0.3	0.5	0.9	1.4	11.7	14.9	-	14.9
Pinjaman anggota dan belum terima bukan semasa lain (tidak termasuk manfaat prabayar anggota)										
- kadar faedah terapung	2.50%	43.8	-	-	-	-	-	43.8	-	43.8
- kadar faedah tetap	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
- konvensional	7.98%	0.2	0.8	0.1	2.3	0.9	0.9	5.2	-	5.2
- baki di bawah prinsip Islam	6.17%	0.7	2.2	2.8	3.4	3.0	29.2	41.3	-	41.3
Instrumen kewangan derivatif	-	3.6	-	-	-	-	-	3.6	-	3.6
Belum terima perdagangan dan lain-lain (tidak termasuk bayaran pendahuluan, cukai boleh dipungut semula dan pinjaman anggota)										
-	-	-	-	-	-	-	-	-	1,967.5	1,967.5
Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian										
-	-	-	-	-	-	-	-	-	21.5	21.5
Tunai dan baki bank										
- tidak sensitif kepada faedah	-	-	-	-	-	-	-	-	200.6	200.6
- kadar faedah tetap	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
- konvensional	3.24%	1,753.1	-	-	-	-	-	1,753.1	-	1,753.1
- baki di bawah prinsip Islam	3.19%	1,124.0	-	-	-	-	-	1,124.0	-	1,124.0
Jumlah		3,281.7	3.3	3.4	59.1	5.3	226.0	3,578.8	2,304.2	5,883.0
Liabiliti kewangan										
Peminjaman										
- tidak sensitif kepada faedah	-	-	-	-	-	-	-	-	3.9	3.9
- kadar faedah tetap	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
- konvensional	7.34%	1.1	85.3	-	-	-	1,059.9	1,146.3	-	1,146.3
- baki di bawah prinsip Islam	5.57%	(1.6)	-	2,000.0	-	-	925.0	2,923.4	-	2,923.4
Belum bayar kepada sebuah anak syarikat										
- kadar faedah tetap	5.25%	-	-	-	1,434.0	-	-	1,434.0	-	1,434.0
Instrumen kewangan derivatif	-	5.2	-	-	-	-	-	5.2	22.8	28.0
Belum bayar perdagangan dan lain-lain (tidak termasuk liabiliti berkanun dan hasil tertunda)										
-	-	-	-	-	-	-	-	-	3,285.1	3,285.1
Deposit pelanggan	-	-	-	-	-	-	-	-	580.1	580.1
Jumlah		4.7	85.3	2,000.0	1,434.0	-	1,984.9	5,508.9	3,891.9	9,400.8
Jurang sensitiviti faedah		3,277.0	(82.0)	(1,996.6)	(1,374.9)	5.3	(1,758.9)			

47. RISIKO KADAR FAEDAH/ANALISIS MATANG (SAMBUNGAN)

Syarikat	WARF*	Matang atau dinilai semula (yang mana lebih awal)						Jumlah sensitif kepada faedah RM	Tidak sensitif kepada faedah RM	Jumlah RM
		1 tahun atau kurang RM	>1 – 2 tahun RM	>2 – 3 tahun RM	>3 – 4 tahun RM	>4 – 5 tahun RM	Lebih daripada 5 tahun RM			
2009										
Aset kewangan										
Pinjaman dan pendahuluan kepada anak-anak syarikat (bersih)										
– tidak sensitif kepada faedah	–	–	–	–	–	–	–	–	150.7	150.7
– kadar faedah tetap	4.80%	7.7	–	–	5.0	65.5	196.7	274.9	–	274.9
Pelaburan lain	–	–	–	–	–	–	–	–	152.8	152.8
Pinjaman anggota dan belum terima bukan semasa lain										
– tidak sensitif kepada faedah	–	–	–	–	–	–	–	–	53.3	53.3
– kadar faedah tetap										
– konvensional	4.00%	0.4	1.0	2.3	2.9	2.8	2.8	12.2	–	12.2
– baki di bawah prinsip Islam	4.00%	1.0	2.8	4.5	4.8	5.1	36.4	54.6	–	54.6
Belum terima perdagangan dan lain-lain (tidak termasuk bayaran pendahuluan, cukai boleh dipungut semula dan pinjaman anggota)	–	–	–	–	–	–	–	–	1,785.1	1,785.1
Pelaburan jangka pendek										
– tidak sensitif kepada faedah	–	–	–	–	–	–	–	–	70.2	70.2
– kadar faedah tetap	4.93%	224.5	–	–	–	–	–	224.5	–	224.5
Tunai dan baki bank										
– tidak sensitif kepada faedah	–	–	–	–	–	–	–	–	130.2	130.2
– kadar faedah tetap										
– konvensional	2.32%	1,633.9	–	–	–	–	–	1,633.9	–	1,633.9
– baki di bawah prinsip Islam	2.37%	1,137.1	–	–	–	–	–	1,137.1	–	1,137.1
Jumlah		3,004.6	3.8	6.8	12.7	73.4	235.9	3,337.2	2,342.3	5,679.5
Liabiliti kewangan										
Peminjaman										
– tidak sensitif kepada faedah	–	–	–	–	–	–	–	–	4.2	4.2
– kadar faedah terapung										
– baki di bawah prinsip Islam	4.77%	–	–	–	1,500.0	–	500.0	2,000.0	–	2,000.0
– kadar faedah tetap										
– konvensional	7.64%	891.2	1.2	2.4	2.8	42.4	1,206.7	2,146.7	–	2,146.7
– baki di bawah prinsip Islam	5.28%	–	–	–	500.0	–	425.0	925.0	–	925.0
Belum bayar kepada sebuah anak syarikat										
– kadar faedah tetap	5.25%	–	–	–	–	1,594.2	–	1,594.2	–	1,594.2
Belum bayar perdagangan dan lain-lain (tidak termasuk liabiliti berkanun dan hasil tertunda)	–	–	–	–	–	–	–	–	2,724.8	2,724.8
Depositi pelanggan	–	–	–	–	–	–	–	–	575.5	575.5
Jumlah		891.2	1.2	2.4	2,002.8	1,636.6	2,131.7	6,665.9	3,304.5	9,970.4
Jurang sensitiviti faedah		2,113.4	2.6	4.4	(1,990.1)	(1,563.2)	(1,895.8)			

* WARF - Kadar Purata Wajaran Pembiayaan pada 31 Disember

47. RISIKO KADAR FAEDAH/ANALISIS MATANG (SAMBUNGAN)

Jadual di bawah meringkaskan kadar purata wajaran pembiayaan (WARF) pada 31 Disember mengikut mata wang utama bagi setiap kelas aset dan liabiliti kewangan:

Syarikat	2010		2009	
	USD	RM	USD	RM
Aset kewangan				
Pinjaman dan pendahuluan kepada anak-anak syarikat (bersih)	–	5.09%	5.82%	4.78%
Pelaburan tersedia-untuk-dijual	–	4.60%	–	–
Belum terima tersedia-untuk-dijual	–	7.52%	–	–
Pinjaman anggota	–	6.37%	–	4.00%
Pelaburan jangka pendek	–	–	–	4.93%
Tunai dan baki bank	–	3.05%	0.26%	2.36%
Liabiliti kewangan				
Peminjaman	7.88%	5.54%	7.94%	4.95%
Belum bayar kepada sebuah anak syarikat	5.25%	–	5.25%	–

WARF pada 31 Disember 2009 adalah berdasarkan pada kadar berkontrak. Dengan penerimaan pakai FRS 139 pada 1 Januari 2010, WARF adalah kadar faedah berkesan yang digunakan ke atas setiap instrumen kewangan pada tarikh pelaporan.

48. RISIKO MUDAH TUNAI

Jadual berikut menunjukkan analisa profil matang liabiliti kewangan bagi Kumpulan dan Syarikat (termasuk liabiliti derivatif kewangan) berdasarkan aliran tunai tidak terdiskaun:

	Kurang dari 1 tahun RM	>1 tahun hingga 2 tahun RM	>2 tahun hingga 5 tahun RM	>5 tahun RM	Jumlah aliran tunai tidak terdiskaun RM	Pendiskaunan RM	Seperti Penyata Kedudukan Kewangan RM
2010							
Kumpulan							
Peminjaman	(29.7)	(11.5)	(3,552.0)	(2,007.4)	(5,600.6)	68.6	(5,532.0)
Swap kadar faedah menguntungkan	6.5	4.3	(3.9)	(5.3)	1.6	2.0	3.6
Swap kadar faedah tidak menguntungkan	4.1	(5.7)	(4.1)	-	(5.7)	0.5	(5.2)
Kontrak hadapan tidak menguntungkan	-	-	(24.7)	-	(24.7)	1.9	(22.8)
Belum bayar perdagangan dan lain-lain (tidak termasuk liabiliti berkanun dan hasil tertunda)	(3,107.1)	-	-	-	(3,107.1)	-	(3,107.1)
Depositi pelanggan	(580.5)	-	-	-	(580.5)	-	(580.5)
	(3,706.7)	(12.9)	(3,584.7)	(2,012.7)	(9,317.0)	73.0	(9,244.0)
Syarikat							
Peminjaman	(8.3)	(8.5)	(2,118.0)	(2,007.4)	(4,142.2)	68.6	(4,073.6)
Belum bayar kepada sebuah anak syarikat	-	-	(1,434.0)	-	(1,434.0)	-	(1,434.0)
Swap kadar faedah menguntungkan	6.5	4.3	(3.9)	(5.3)	1.6	2.0	3.6
Swap kadar faedah tidak menguntungkan	4.1	(5.7)	(4.1)	-	(5.7)	0.5	(5.2)
Kontrak hadapan tidak menguntungkan	-	-	(24.7)	-	(24.7)	1.9	(22.8)
Belum bayar perdagangan dan lain-lain (tidak termasuk liabiliti berkanun dan hasil tertunda)	(3,285.1)	-	-	-	(3,285.1)	-	(3,285.1)
Depositi pelanggan	(580.1)	-	-	-	(580.1)	-	(580.1)
	(3,862.9)	(9.9)	(3,584.7)	(2,012.7)	(9,470.2)	73.0	(9,397.2)

49. NILAI SAKSAMA ASET DAN LIABILITI KEWANGAN

Nilai saksama instrumen kewangan adalah diandaikan sebagai amaun di mana instrumen tersebut boleh ditukar atau diselesaikan antara pihak-pihak yang berpengetahuan dan bersetuju dalam suatu urusan niaga tulus, selain daripada jualan paksaan atau pembubaran.

Harga pasaran yang disebut harga, sekiranya ada, digunakan sebagai ukuran nilai saksama. Walau bagaimanapun, bagi sebahagian besar instrumen kewangan Kumpulan dan Syarikat, harga pasaran yang disebut harga tidak wujud. Bagi instrumen kewangan sedemikian, nilai saksama yang dibentangkan adalah anggaran yang diperolehi dengan menggunakan teknik nilai kini bersih atau penilaian lain. Teknik-teknik ini membabitkan ketidakpastian dan banyak dipengaruhi oleh andaian yang digunakan serta pertimbangan yang dibuat berkenaan ciri-ciri risiko pelbagai instrumen kewangan, kadar diskaun, anggaran aliran tunai masa hadapan, jangkaan kerugian masa hadapan dan faktor-faktor lain. Perubahan dalam andaian boleh memberi kesan yang ketara terhadap anggaran dan nilai saksama instrumen kewangan tersebut.

49. NILAI SAKSAMA ASET DAN LIABILITI KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Amaun dibawa bagi aset dan liabiliti kewangan Kumpulan dan Syarikat pada tarikh pelaporan adalah hampir dengan nilai saksamanya kecuali yang berikut:

	Kumpulan				Syarikat			
	2010		2009		2010		2009	
	Amaun dibawa RM	Nilai saksama bersih RM	Amaun dibawa RM	Nilai saksama bersih RM	Amaun dibawa RM	Nilai saksama bersih RM	Amaun dibawa RM	Nilai saksama bersih RM
Aset kewangan								
Pinjaman dan pendahuluan kepada anak-anak syarikat	-	-	-	-	236.7	204.5	-	-
Pelaburan lain	-	-	152.8	252.3	-	-	152.8	252.3
Pinjaman anggota	46.8	47.1	67.1	63.7	46.5	46.9	66.8	63.4
Belum terima bukan semasa lain	-	-	53.3	42.7	-	-	53.3	42.7
Liabiliti kewangan								
Peminjaman	5,532.0	6,075.4	6,713.5	7,537.1	4,073.6	4,515.3	5,075.9	5,813.0
Belum bayar kepada sebuah anak syarikat	-	-	-	-	1,434.0	1,535.7	1,594.2	1,680.7

Amaun dibawa dan nilai saksama bersih peminjaman di atas bagi tahun 2009 adalah tidak termasuk nilai saksama swap kadar faedah (IRS), yang telah dikelaskan sebagai luar kunci kira-kira. Sila rujuk nota 21 kepada penyata kewangan untuk butiran lanjut dan nilai saksama IRS.

Aset kewangan

Nilai saksama instrumen kewangan yang didagangkan secara umum adalah berdasarkan kepada harga pasaran yang disebut harga pada tarikh pelaporan. Bagi menaksir nilai saksama instrumen kewangan tidak didagangkan, Kumpulan menggunakan pelbagai kaedah dan membuat andaian yang berasaskan kepada keadaan pasaran yang ada pada setiap tarikh pelaporan. Jika pengurangan nilai dibuat berhubung sebarang pelaburan, amaun dibawa selepas ditolak peruntukan dianggap menghampiri nilai saksamanya.

Anggaran bagi nilai saksama pinjaman dan pendahuluan kepada anak-anak syarikat, pinjaman anggota dan belum terima bukan semasa lain telah dibuat dengan mendiskaunkan anggaran aliran tunai masa hadapan dengan menggunakan kadar pasaran semasa, masing-masing untuk risiko kredit dan baki tempoh matang yang serupa.

Nilai saksama bagi pinjaman anggota pada 31 Disember 2009 adalah lebih rendah daripada amaun dibawahnya pada tarikh pelaporan kerana Kumpulan mengenakan faedah ke atas pinjaman anggota pada kadar yang lebih rendah daripada kadar pasaran semasa. Berikutan penerimaan pakai FRS 139, pinjaman anggota diiktiraf pada nilai saksama pada permulaan dan seterusnya, pada kos terlunas. Cagaran diambil bagi pinjaman-pinjaman ini dan Pengarah-pengarah berpendapat bahawa potensi kerugian dapat dilindungi dengan nilai cagaran atas setiap pinjaman sekiranya terdapat sebarang kemungkiran.

Nilai saksama belum terima bukan semasa lain pada 31 Disember 2009 yang terdiri daripada pinjaman pendidikan boleh tukar, adalah lebih rendah daripada amaun dibawa pada tarikh pelaporan kerana Syarikat tidak mengenakan faedah ke atas pinjaman ini.

Bagi deposit pelanggan yang boleh dibayar balik mengikut permintaan, amaun dibawa yang dicatatkan dijangka hampir dengan nilai saksamanya pada tarikh pelaporan.



49. NILAI SAKSAMA ASET DAN LIABILITI KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Liabiliti kewangan

Nilai saksama bon disebut harga telah dianggarkan dengan menggunakan harga tawaran disebut harga masing-masing. Untuk peminjaman tidak disebut harga dengan kadar faedah tetap, nilai saksama telah dianggarkan dengan mendiskaunkan anggaran aliran tunai masa hadapan dengan menggunakan kadar pasaran semasa untuk risiko kredit dan baki tempoh matang yang serupa. Bagi peminjaman tidak disebut harga dengan kadar faedah terapung, nilai dibawa bagi peminjaman tersebut pada amnya merupakan anggaran munasabah bagi nilai saksamanya.

Liabiliti kewangan akan direalisasi pada nilai dibawahnya dan bukan pada nilai saksamanya kerana Pengarah-pengarah tidak berhasrat untuk melangsaikan liabiliti tersebut selain daripada mengikut obligasi berkontrak.

Bagi semua instrumen kewangan jangka pendek lain yang matang dalam tempoh setahun atau yang akan dibayar semula mengikut permintaan, nilai dibawa adalah dianggap menghampiri nilai saksamanya.

50. PERISTIWA PENTING SELEPAS AKHIR TAHUN KEWANGAN

Cadangan Pengagihan Modal kepada Pemegang-pemegang Saham Berjumlah Kira-kira RM1,037.4 juta (Cadangan Pengagihan Modal)

Pada 25 Februari 2011, Syarikat mengumumkan Cadangan Pengagihan Modal yang membabitkan pengagihan modal kepada pemegang-pemegang saham berjumlah kira-kira RM1,037.4 juta. Pemegang-pemegang saham yang tersenarai dalam Rekod Pendeposit Syarikat apabila perniagaan ditutup pada tarikh yang akan ditentukan dan diumumkan kelak (Tarikh Kelayakan), adalah layak untuk menerima pembayaran tunai di bawah Cadangan Pengagihan Modal tersebut sebanyak RM0.29 bagi setiap saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam Syarikat (Saham TM) yang dipegang pada Tarikh Kelayakan.

Untuk memudahkan Cadangan Pengagihan Modal itu, langkah-langkah berikut dicadang untuk dilaksanakan:

- (i) bonus terbitan sebanyak kira-kira 3,577.4 juta saham keutamaan boleh tebus bernilai RM0.01 setiap satu dalam Syarikat (RPS) kepada pemegang-pemegang saham Syarikat, berdasarkan 1 RPS bagi setiap Saham TM yang dipegang pada Tarikh Kelayakan. RPS itu hendaklah diterbitkan pada nilai taranya bernilai RM0.01 setiap satu melalui permodalan akaun premium saham Syarikat; dan
- (ii) penebusan RPS tersebut pada harga penebusan bernilai RM0.29 bagi setiap Saham TM yang dipegang. Nilai tara bernilai RM0.01 bagi setiap RPS, mewakili kira-kira RM35.8 juta kesemuanya, akan ditebus daripada keuntungan tertahan Syarikat, manakala premium atas penebusan bernilai RM0.28 bagi setiap RPS, mewakili kira-kira RM1,001.6 juta kesemuanya, akan ditebus daripada akaun premium saham Syarikat. Ini akan menyebabkan pembayaran tunai sebanyak RM0.29 bagi setiap Saham TM yang dipegang atau pembayaran tunai berjumlah kira-kira RM1,037.4 juta kepada pemegang-pemegang saham Syarikat.

Cadangan Pengagihan Modal tersebut adalah tertakluk kepada:

- (i) kelulusan oleh pemegang-pemegang saham Syarikat pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang akan diadakan kelak;
- (ii) Bank Negara Malaysia bagi penerbitan RPS kepada pemegang saham Syarikat yang bukan pemastautin; dan
- (iii) kelulusan/kebenaran daripada pihak-pihak berkuasa lain yang berkaitan, jika perlu.

Cadangan Pengagihan Modal tersebut dijangka selesai dalam suku kedua tahun 2011.

51. PERUBAHAN DALAM DASAR PERAKAUNAN

Berikut menjelaskan kesan daripada piawaian baru, pindaan kepada piawaian tersiar dan Interpretasi IC yang diterima pakai oleh Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan mulai 1 Januari 2010 seperti yang dinyatakan dalam nota 2(a) kepada penyata kewangan.

(a) Kesan tidak penting ke atas penyata kewangan

Penerimaan pakai FRS 7 "Instrumen Kewangan: Pendedahan" dan Pindaan kepada FRS 132 "Instrumen Kewangan: Pembentangan" tidak memberi kesan ke atas keputusan kewangan Kumpulan dan Syarikat memandangkan perubahan-perubahan yang diperkenalkan itu adalah berkenaan dengan pembentangan dan pendedahan.

Di bawah FRS 8 "Segmen Operasi", segmen operasi dilaporkan dengan cara yang konsisten dengan pelaporan dalaman yang disediakan kepada ketua pembuat keputusan operasi. Penerimaan pakai FRS 8 tidak menyebabkan perubahan kepada segmen yang boleh dilaporkan yang dikemukakan oleh Kumpulan memandangkan Kumpulan selama ini melapor maklumat segmennya berdasarkan segmen pelanggan, yang juga menjadi asas bagi penyampaian laporan pengurusan dalamnya setiap bulan. Asas bagi pengukuran keputusan segmen dan aset segmen juga tidak terjejas kerana Kumpulan selama ini menggunakan asas pengukuran yang sama bagi pelaporan dalaman dan luarannya.

FRS 101 "Pembentangan Penyata Kewangan" yang disemak semula memerlukan semua perubahan dalam ekuiti bukan pemilik ditunjukkan dalam penyata prestasi, tetapi entiti-entiti boleh memilih sama ada untuk mengemukakan satu penyata prestasi (penyata pendapatan komprehensif) atau dua penyata (penyata pendapatan dan penyata pendapatan komprehensif). Kumpulan dan Syarikat telah memilih untuk mengemukakan penyata pendapatan komprehensif dalam dua penyata.

FRS 123 "Kos Peminjaman" yang menggantikan FRS 123₂₀₀₄ Kos Peminjaman, memerlukan suatu entiti untuk memodalkan kos peminjaman yang berkait secara langsung dengan pemerolehan, pembinaan atau pengeluaran aset yang layak (aset yang mengambil masa yang lama untuk disiapkan bagi kegunaan atau jualan) sebagai sebahagian daripada kos aset berkenaan. Pilihan untuk mencajkan kos peminjaman secara serta-merta telah dihapuskan. Penerimaan pakai FRS 123 yang disemak semula ini tidak menyebabkan apa-apa perubahan kepada dasar perakaunan Kumpulan dan Syarikat memandangkan dasar Kumpulan dan Syarikat yang sedia ada adalah selaras dengan piawaian yang disemak semula.

(b) Pengelasan semula perbandingan bagi tahun sebelumnya

Penambahbaikan FRS 117 "Pajakan" menjelaskan bahawa pengelasan asal unsur tanah dalam pajakan tanah dan bangunan bukan lagi pajakan kendalian. Justeru itu, pajakan tanah hendaklah dikelaskan sebagai kewangan atau pengendalian, menggunakan prinsip-prinsip am FRS 117. Kumpulan dan Syarikat telah menaksir semula dan menetapkan bahawa semua tanah pegangan pajak adalah sebenarnya pajakan kewangan dan telah mengelaskan semula tanah pegangan pajak itu kepada hartanah, loji dan peralatan. Perubahan dalam dasar perakaunan telah dibuat secara retrospektif menurut peruntukan peralihan pindaan berkenaan. Pengelasan semula itu tidak menjejaskan perolehan asas dan tercair setiap saham biasa bagi tempoh semasa dan sebelumnya. Selaras dengan keperluan FRS 101 "Pembentangan Penyata Kewangan" yang disemak semula, Penyata Kedudukan Kewangan yang dinyatakan semula pada 31 Disember 2008 telah dibentangkan. Penyataan semula retrospektif hartanah, loji dan peralatan juga dibentangkan dalam nota 24 kepada penyata kewangan ini. Nota-nota kepada akaun lain yang tidak terlibat dengan pengelasan semula itu tidak dibentangkan.



51. PERUBAHAN DALAM DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

- (c) **Kesan berkaitan daripada penerimaan pakai dasar-dasar perakaunan atau perubahan dalam dasar-dasar perakaunan**
Kumpulan dan Syarikat telah mengubah dasar perakaunan untuk pengiktirafan dan pengukuran aset-aset kewangan apabila FRS 139 "Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran" diterima pakai pada 1 Januari 2010.

Sebelum ini, pelaburan bukan semasa ditunjukkan pada kos; sekuriti boleh dipasarkan (dalam lingkungan aset semasa) dibawa pada nilai kos dan nilai pasaran, mana yang lebih rendah; dan belum terima perdagangan dibawa pada amaun invois. Kumpulan dan Syarikat telah mengguna pakai dasar baru menurut peruntukan peralihan FRS 139 dengan mengukur semula semua aset kewangan, dengan sewajarnya, dan mencatatkan apa-apa pelarasan kepada amaun dibawa sebelum ini kepada baki mula keuntungan tertahan atau, jika wajar, satu lagi kategori ekuiti, pada tahun kewangan semasa.

Kumpulan dan Syarikat mengelaskan aset kewangan dalam kategori berikut: pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, pinjaman dan belum terima serta tersedia-untuk-dijual. Pihak pengurusan menentukan pengelasan aset-aset kewangan pada permulaan pengiktirafan berdasarkan kepada jenis aset dan tujuan aset itu diperolehi. Berikut adalah perubahan dalam pengelasan serta pengiktirafan dan pengukuran bagi setiap kategori aset kewangan berkenaan:

(i) **Nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian**

Sekuriti ekuiti disebut harga (dalam lingkungan aset semasa), yang sebelumnya dibawa pada nilai kos dan nilai pasaran, mana yang lebih rendah, ditentukan berdasarkan portfolio agregat, kini dikelaskan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, di mana perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam Penyata Pendapatan di bawah laba lain pada setiap tarikh pelaporan.

(ii) **Pinjaman dan belum terima**

Belum terima bukan semasa lain, sebelumnya dibawa pada nilai boleh terealisasi bersih kini dikelaskan sebagai pinjaman dan belum terima dan diukur pada nilai saksama termasuk kos urus niaga pada permulaan dan selanjutnya, pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

(iii) **Aset kewangan tersedia-untuk-dijual**

Sekuriti pendapatan tetap (dalam lingkungan aset semasa), pelaburan ekuiti bukan semasa tertentu dan pinjaman pendidikan boleh tukar (dalam belum terima bukan semasa), sebelumnya diukur pada kos dan tertakluk kepada pengurangan nilai, kini masing-masing dikelaskan sebagai pelaburan tersedia-untuk-dijual dan belum terima tersedia-untuk-dijual. Aset-aset ini pada awalnya diukur pada nilai saksama termasuk kos urus niaga dan berikutnya, pada nilai saksama.

(iv) **Instrumen kewangan derivatif dan aktiviti lindung nilai**

Instrumen kewangan derivatif sebelum ini tidak diiktiraf dalam penyata kewangan apabila ia diterima. Ia kini diiktiraf dan diukur pada nilai saksama pada tarikh kontrak derivatif dimeterai dan kemudiannya diukur semula pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam Penyata Pendapatan pada setiap tarikh pelaporan.

51. PERUBAHAN DALAM DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

(c) Kesan berkaitan daripada penerimaan pakai dasar-dasar perakaunan atau perubahan dalam dasar-dasar perakaunan (sambungan)

(v) Lindung nilai saksama

Perubahan dalam nilai saksama derivatif yang ditetapkan dan layak sebagai lindung nilai saksama dicatatkan dalam Penyata Pendapatan, berserta apa-apa perubahan dalam nilai saksama aset atau liabiliti yang dilindung nilai yang disebabkan oleh risiko dilindung nilai. Kumpulan dan Syarikat hanya menggunakan perakaunan lindung nilai saksama bagi melindungi nilai risiko faedah tetap atas peminjaman.

Kumpulan dan Syarikat mengelaskan belum bayar perdagangan dan lain-lain, deposit pelanggan dan peminjaman sebagai liabiliti kewangan lain. Kesemuanya itu diiktiraf pada permulaannya pada nilai saksama dan kemudiannya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah kadar faedah berkesan. Penerimaan pakai FRS 139 tidak mempunyai kesan yang penting ke atas liabiliti-liabiliti kewangan ini.

Kumpulan dan Syarikat telah mengguna pakai dasar-dasar baru berkaitan dengan instrumen kewangan di atas menurut peruntukan peralihan dalam FRS 139 dengan mengiktiraf dan mengukur semula semua aset kewangan dan liabiliti kewangan pada 1 Januari 2010 seperti yang sewajarnya. Pelarasan berkaitan kepada amaun dibawa sebelumnya dibuat pada baki mula keuntungan tertahan dan rizab nilai saksama seperti yang sewajarnya. Perbandingan tidak dinyatakan semula.

(d) Pengelasan lain

Pada penerimaan pakai FRS 139, Kumpulan dan Syarikat telah mengelaskan semula butiran tertentu dalam kos kendalian dan pendapatan kendalian lain kepada laba lain untuk meningkatkan kebolehbandingan angka-angka perbandingan.

Nota (i) hingga (v) berikut mendedahkan kesan perubahan ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

(i) Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan

	Baki pada 31 Disember 2008		
	Seperti dilaporkan sebelum ini RM	FRS 117 (nota kecil (b)) RM	Seperti dinyatakan semula RM
Hartanah, loji dan peralatan	11,772.1	67.5	11,839.6
Bayaran pajakan prabayar	67.5	(67.5)	–

51. PERUBAHAN DALAM DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

(i) Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan (sambungan)

	Baki pada 31 Disember 2009			Baki pada 1 Januari 2010		
	Seperti dilaporkan sebelum ini RM	FRS 117 (nota kecil (b)) RM	Seperti dinyatakan semula RM	FRS 139 (nota kecil (c)) Pengelasan semula RM	Pelarasan RM	Seperti diselaraskan RM
Rizab nilai saksama	155.5	–	155.5	–	100.4	255.9
Keuntungan tertahan	2,222.2	–	2,222.2	–	(18.0)	2,204.2
Peminjaman bukan semasa	5,796.9	–	5,796.9	–	(7.0)	5,789.9
Liabiliti kewangan derivatif	–	–	–	–	10.3	10.3
Hartanah, loji dan peralatan	12,329.9	74.4	12,404.3	–	–	12,404.3
Bayaran pajakan prabayar	74.4	(74.4)	–	–	–	–
Pelaburan bukan semasa tersedia-untuk-dijual	608.2	–	608.2	152.8	99.4	860.4
Pelaburan lain	152.8	–	152.8	(152.8)	–	–
Belum terima tersedia-untuk-dijual	–	–	–	53.3	(17.0)	36.3
Belum terima bukan semasa lain	108.9	–	108.9	(53.3)	1.0	56.6
Aset kewangan derivatif	–	–	–	–	2.2	2.2
Belum terima perdagangan dan lain-lain	2,284.0	–	2,284.0	–	(1.0)	2,283.0
Pelaburan semasa tersedia-untuk-dijual	–	–	–	224.5	1.1	225.6
Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian	–	–	–	70.2	–	70.2
Pelaburan jangka pendek	294.7	–	294.7	(294.7)	–	–

51. PERUBAHAN DALAM DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

(ii) Kesan ke atas Penyata Pendapatan Kumpulan

	Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009				
	Seperti dilaporkan sebelum ini RM	FRS 117 (nota kecil (b)) RM	Seperti dinyatakan semula RM	FRS 139 (nota kecil (d)) RM	Seperti diselaraskan RM
Kos kendalian					
– susut nilai, pengurangan nilai dan pelunasan	(2,038.3)	(1.2)	(2,039.5)	–	(2,039.5)
– kos kendalian lain	(5,671.2)	1.2	(5,670.0)	(83.2)	(5,753.2)
– kebalikan peruntukan pengurangan nilai dalam pelaburan jangka pendek disebut harga	68.1	–	68.1	(68.1)	–
– kebalikan peruntukan pengurangan nilai dalam pelaburan lain	15.1	–	15.1	(15.1)	–
Pendapatan kendalian lain (bersih)	166.1	–	166.1	(37.3)	128.8
– kerugian atas pelupusan pelaburan jangka pendek disebut harga	(31.2)	–	(31.2)	31.2	–
– keuntungan atas pelupusan pelaburan sekuriti pendapatan tetap	1.0	–	1.0	(1.0)	–
– keuntungan atas pelupusan pelaburan tersedia-untuk-dijual	1.5	–	1.5	(1.5)	–
– laba atas pelupusan hak saham Axiata	66.0	–	66.0	(66.0)	–
Laba lain (bersih)	–	–	–	120.5	120.5

(iii) Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan Syarikat

	Baki pada 31 Disember 2008		
	Seperti dilaporkan sebelum ini RM	FRS 117 (nota kecil (b)) RM	Seperti dinyatakan semula RM
Hartanah, loji dan peralatan	10,461.1	55.0	10,516.1
Bayaran pajakan prabayar	55.0	(55.0)	–

51. PERUBAHAN DALAM DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

(iii) Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan Syarikat (sambungan)

	Baki pada 31 Disember 2009			Baki pada 1 Januari 2010		
	Seperti dilaporkan sebelum ini RM	FRS 117 (nota kecil (b)) RM	Seperti dinyatakan semula RM	FRS 139 Pengelasan semula RM	FRS 139 (nota kecil (c)) Pelarasan RM	Seperti diselaraskan RM
Rizab nilai saksama	–	–	–	–	100.4	100.4
Keuntungan tertahan	1,335.6	–	1,335.6	–	(18.0)	1,317.6
Peminjaman bukan semasa	4,178.3	–	4,178.3	–	[7.0]	4,171.3
Liabiliti kewangan derivatif	–	–	–	–	10.3	10.3
Hartanah, loji dan peralatan	11,063.5	62.2	11,125.7	–	–	11,125.7
Bayaran pajakan prabayar	62.2	(62.2)	–	–	–	–
Pelaburan bukan semasa tersedia-untuk-dijual	–	–	–	152.8	99.4	252.2
Pelaburan lain	152.8	–	152.8	(152.8)	–	–
Belum terima tersedia-untuk-dijual	–	–	–	53.3	(17.0)	36.3
Belum terima bukan semasa lain	108.9	–	108.9	(53.3)	1.0	56.6
Aset kewangan derivatif	–	–	–	–	2.2	2.2
Belum terima perdagangan dan lain-lain	2,060.6	–	2,060.6	–	(1.0)	2,059.6
Pelaburan semasa tersedia-untuk-dijual	–	–	–	224.5	1.1	225.6
Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian	–	–	–	70.2	–	70.2
Pelaburan jangka pendek	294.7	–	294.7	(294.7)	–	–

(iv) Kesan ke atas Penyata Pendapatan Syarikat

	Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009				
	Seperti dilaporkan sebelum ini RM	FRS 117 (nota kecil (b)) RM	Seperti dinyatakan semula RM	FRS 139 (nota kecil (d)) RM	Seperti diselaraskan RM
Kos kendalian					
– susut nilai, pengurangan nilai dan pelunasan	(1,863.6)	(0.9)	(1,864.5)	–	(1,864.5)
– kos kendalian lain	(5,143.6)	0.9	(5,142.7)	(83.2)	(5,225.9)
– kebalikan peruntukan pengurangan nilai dalam pelaburan jangka pendek disebut harga	68.1	–	68.1	(68.1)	–
– kebalikan peruntukan pengurangan nilai dalam pelaburan lain	15.1	–	15.1	(15.1)	–
Pendapatan kendalian lain (bersih)	269.2	–	269.2	30.2	299.4
– kerugian atas pelupusan pelaburan jangka pendek disebut harga	(31.2)	–	(31.2)	31.2	–
– keuntungan atas pelupusan pelaburan sekuriti pendapatan tetap	1.0	–	1.0	(1.0)	–
Laba lain (bersih)	–	–	–	53.0	53.0

51. PERUBAHAN DALAM DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

- (v) Kesan ke atas penerimaan pakai FRS 139 kepada kedudukan dan keputusan kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 adalah seperti berikut:

Kumpulan dan Syarikat	Peningkatan/(pengurangan) kepada baki pada 31 Disember 2010
Penyata Kedudukan Kewangan	
Rizab nilai saksama	80.8
Peminjaman bukan semasa	(1.6)
Liabiliti kewangan derivatif	(28.0)
Pelaburan bukan semasa tersedia-untuk-dijual	72.2
Belum terima tersedia-untuk-dijual	(11.6)
Aset kewangan derivatif	3.6
Pelaburan semasa tersedia-untuk-dijual	1.1
Kumpulan dan Syarikat	
Penyata Pendapatan	
Pendapatan/(kos) pembiayaan bersih	
– pendapatan pembiayaan	5.0
– kos pembiayaan	(2.1)
– kerugian nilai saksama atas kontrak hadapan mata wang asing	(19.8)

52. SENARAI ANAK-ANAK SYARIKAT PADA 31 DISEMBER 2010

Anak-anak syarikat adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Kepentingan Hakiki Kumpulan		Modal Berbayar		Aktiviti-aktiviti Utama
	2010 %	2009 %	2010 Juta	2009 Juta	
Fiberail Sdn Bhd	54	54	RM15.8	RM15.8	Penyediaan sambungan rangkaian dan perkhidmatan lebar jalur di Malaysia dan perkhidmatan pengurusan projek berkaitan dengan telekomunikasi
Fibrecomm Network (M) Sdn Bhd (nota kecil (a))	51	–	RM75.0	–	Penyediaan perkhidmatan rangkaian pemancar gentian optik
GITN Sdn Berhad	100	100	RM50.0	RM50.0	Penyediaan perkhidmatan rangkaian terurus dan perkhidmatan telekomunikasi nilai ditambah yang telah dipertingkatkan dan teknologi maklumat
Hijrah Pertama Berhad	100	100	RM#	RM#	Entiti tujuan khas
Intelsec Sdn Bhd	100	100	RM3.0	RM3.0	Telah berhenti beroperasi
Mediatel (Malaysia) Sdn Bhd (nota kecil (b))	–	100	–	RM#	Pemegangan pelaburan
Menara Kuala Lumpur Sdn Bhd	100	100	RM91.0	RM91.0	Pengurusan dan operasi menara telekomunikasi dan pelancongan Menara Kuala Lumpur
Mobikom Sdn Bhd	100	100	RM260.0	RM260.0	Penyediaan pemancaran suara dan data melalui sistem selular
Parkside Properties Sdn Bhd	100	100	RM0.1	RM0.1	Dorman
Rebung Utama Sdn Bhd (nota kecil (b))	–	100	–	RM#	Entiti tujuan khas
Tekad Mercu Berhad	100	100	RM#	RM#	Entiti tujuan khas
Telekom Applied Business Sdn Bhd	100	100	RM1.6	RM1.6	Penyediaan perkhidmatan pembangunan perisian dan penjualan produk-produk perisian
Telekom Consultancy Sdn Bhd ^a (dalam proses likwidasi))	51	51	RM#	RM#	Telah berhenti beroperasi
Telekom Enterprise Sdn Bhd	100	100	RM0.6	RM0.6	Pemegangan pelaburan

52. SENARAI ANAK-ANAK SYARIKAT PADA 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

Nama Syarikat	Kepentingan Hakiki Kumpulan		Modal Berbayar		Aktiviti-aktiviti Utama
	2010 %	2009 %	2010 Juta	2009 Juta	
Telekom Malaysia-Africa Sdn Bhd< (dalam proses likwidasi)	100	100	RM0.1	RM0.1	Dorman
Telekom Malaysia (Hong Kong) Limited*	100	100	HKD18.5	HKD18.5	Penyediaan perkhidmatan telekomunikasi antarabangsa
Telekom Malaysia (S) Pte Ltd*	100	100	SGD#	SGD#	Penyediaan perkhidmatan telekomunikasi antarabangsa
Telekom Malaysia (UK) Limited*	100	100	STR#	STR#	Penyediaan perkhidmatan telekomunikasi antarabangsa
Telekom Malaysia (USA) Inc*	100	100	USD3.5	USD3.5	Penyediaan perkhidmatan telekomunikasi antarabangsa
Telekom Multi-Media Sdn Bhd	100	100	RM1.7	RM1.7	Pemegangan pelaburan
Telekom Research & Development Sdn Bhd	100	100	RM20.0	RM20.0	Penyediaan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam bidang telekomunikasi, aplikasi teknologi canggih dan produk serta perkhidmatan dalam perniagaan berkaitan
Telekom Sales and Services Sdn Bhd	100	100	RM14.5	RM14.5	Penyediaan perkhidmatan pengurusan khidmat pelanggan dan perdagangan peralatan telekomunikasi premis pelanggan
Telekom Technology Sdn Bhd	100	100	RM13.0	RM13.0	Telah berhenti beroperasi
TM Broadcasting Sdn Bhd	100	100	RM#	RM#	Dorman
TM Cellular (Holdings) Sdn Bhd< (dalam proses likwidasi)	100	100	RM0.1	RM0.1	Dorman
TM ESOS Management Sdn Bhd	100	100	RM#	RM#	Entiti tujuan khas diwujudkan untuk mengurus skim ESOS Khas Syarikat
TM Facilities Sdn Bhd	100	100	RM2.3	RM2.3	Penyediaan aktiviti pembangunan hartanah
TM Global Incorporated	100	100	USD#	USD#	Pemegangan pelaburan

52. SENARAI ANAK-ANAK SYARIKAT PADA 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

Nama Syarikat	Kepentingan Hakiki Kumpulan		Modal Berbayar		Aktiviti-aktiviti Utama
	2010 %	2009 %	2010 Juta	2009 Juta	
TM Info-Media Sdn Bhd	100	100	RM6.0	RM6.0	Penerbitan direktori telefon bercetak dan perkhidmatan direktori telefon atas talian serta penyediaan pelbagai platform penyelesaian bagi pengiklanan
TM International (Cayman) Ltd	100	100	USD#	USD#	Dorman
TM Net Sdn Bhd	100	100	RM180.0	RM180.0	Pembangunan kandungan dan aplikasi bagi perkhidmatan Internet
TM SPV Sdn Bhd<< (dalam proses likwidasi)	100	100	RM#	RM#	Entiti tujuan khas
Universiti Telekom Sdn Bhd	100	100	RM650.0	RM650.0	Pengurusan dan pentadbiran sebuah universiti swasta yang dikenali sebagai Universiti Multimedia
VADS Berhad	100	100	RM5.0	RM5.0	Penyediaan perkhidmatan rangkaian terurus nasional dan antarabangsa untuk perniagaan dan organisasi
Anak-anak syarikat dipegang melalui Tekad Mercu Berhad					
Mediatel (Malaysia) Sdn Bhd (nota kecil (b))	100	–	RM#	–	Pemegangan pelaburan
Rebung Utama Sdn Bhd (nota kecil (b))	100	–	RM#	–	Entiti tujuan khas
Anak syarikat dipegang melalui Telekom Enterprise Sdn Bhd					
Fibrecomm Network (M) Sdn Bhd (nota kecil (a))	–	51	–	RM75.0	Penyediaan perkhidmatan rangkaian pemancar gentian optik
Anak syarikat dipegang melalui Telekom Multi-Media Sdn Bhd					
Telekom Smart School Sdn Bhd	51	51	RM15.0	RM15.0	Pelaksanaan projek sekolah bestari kerajaan, penyediaan sistem dan perisian pendidikan multimedia, perkhidmatan portal dan perkhidmatan lain yang berkaitan
Anak syarikat dipegang melalui TM Info-Media Sdn Bhd					
Cybermall Sdn Bhd	100	100	RM2.7	RM2.7	Telah berhenti beroperasi

52. SENARAI ANAK-ANAK SYARIKAT PADA 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

Nama Syarikat	Kepentingan Hakiki Kumpulan		Modal Berbayar		Aktiviti-aktiviti Utama
	2010 %	2009 %	2010 Juta	2009 Juta	
Anak-anak syarikat dipegang melalui TM Facilities Sdn Bhd					
TM Land Sdn Bhd>	–	100	–	RM0.25	Dibubarkan pada 26 Julai 2010
TMF Autolease Sdn Bhd	100	100	RM1.0	RM1.0	Penyediaan pengurusan perkhidmatan kenderaan
TMF Services Sdn Bhd	100	100	RM1.0	RM1.0	Telah berhenti beroperasi
Anak-anak syarikat dipegang melalui Universiti Telekom Sdn Bhd					
Unitele Multimedia Sdn Bhd	100	100	RM1.0	RM1.0	Penyediaan latihan dan perkhidmatan yang berkaitan
Multimedia College Sdn Bhd	100	100	RM1.0	RM1.0	Mengurus dan mentadbir sebuah kolej swasta dikenali sebagai Multimedia College
Anak syarikat dipegang melalui Unitele Multimedia Sdn Bhd					
MMU Creativista Sdn Bhd	100	100	RM#	RM#	Penyediaan video digital dan produksi filem serta perkhidmatan selepas produksi
Anak-anak syarikat dipegang melalui VADS Berhad					
Meganet Communications Sdn Bhd	100	100	RM11.0	RM11.0	Penyediaan bangunan pintar dan sistem keselamatan telekomunikasi bersepadu dan penyelesaian teknologi
VADS Business Process Sdn Bhd	100	100	RM#	RM#	Penyediaan perkhidmatan pusat perhubungan yang terurus
VADS e-Services Sdn Bhd	100	100	RM1.0	RM1.0	Penyediaan perkhidmatan pusat perhubungan dan perkhidmatan yang berkaitan
VADS Professional Services Sdn Bhd	100	100	RM#	RM#	Penyediaan anggota untuk perkhidmatan pusat perhubungan
VADS Solutions Sdn Bhd	100	100	RM1.5	RM1.5	Penyediaan perkhidmatan sistem bersepadu
Anak syarikat dipegang melalui VADS Business Process Sdn Bhd					
PT VADS Indonesia (secara kolektif bersama VADS Berhad)^	100	100	IDR17,052.8	IDR17,052.8	Penyediaan perkhidmatan pusat perhubungan yang terurus di Indonesia

52. SENARAI ANAK-ANAK SYARIKAT PADA 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

Semua anak syarikat diperbadankan di Malaysia kecuali yang berikut:

Nama Syarikat

Tempat Diperbadankan

PT VADS Indonesia	- Indonesia
Telekom Malaysia (Hong Kong) Limited	- Hong Kong
Telekom Malaysia (S) Pte Ltd	- Singapura
Telekom Malaysia (UK) Limited	- United Kingdom
Telekom Malaysia (USA) Inc	- Amerika Syarikat
TM International (Cayman) Ltd	- British West Indies, Amerika Syarikat

IDR	Rupiah Indonesia
HKD	Dolar Hong Kong
SGD	Dolar Singapura
STR	Pound Sterling
USD	Dolar AS

Amaun kurang daripada 0.1 juta dalam mata wang masing-masing

* Diaudit oleh firma ahli PricewaterhouseCoopers International Limited yang merupakan entiti sah berasingan dan bebas daripada PricewaterhouseCoopers Malaysia

^a Perintah membenarkan pembubaran menurut Seksyen 217(1)(c) dan 218(1)(c) dan (i) Akta Syarikat, 1965 pada 5 Oktober 2009 termasuk pelantikan penyelesaian

< Perintah membenarkan pembubaran sukarela oleh ahli menurut Seksyen 254(1)(b) Akta Syarikat, 1965 pada 1 Disember 2010 termasuk pelantikan penyelesaian

<< Perintah membenarkan pembubaran sukarela oleh ahli menurut Seksyen 254(1)(b) Akta Syarikat, 1965 pada 11 Oktober 2010 termasuk pelantikan penyelesaian

> Dibubarkan menurut Seksyen 272(5) Akta Syarikat, 1965

^ VADS Berhad dan VADS Business Process Sdn Bhd memegang kepentingan secara langsung masing-masing sebanyak 10.0% dan 90.0% dalam PT VADS Indonesia

(a) Dalam tahun kewangan, Telekom Enterprise Sdn Bhd (TESB) telah memindah milik kesemua pegangan dalam Fibrecomm Network (M) Sdn Bhd (Fibrecomm), merangkumi 38,250,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham, yang merupakan 51% kepentingan ekuiti TESB dalam Fibrecomm untuk imbalan bernilai RM33.0 juta kepada Syarikat.

(b) Dalam tahun kewangan, Syarikat memindah milik kesemua pegangan dalam Mediatel (Malaysia) Sdn Bhd dan Rebung Utama Sdn Bhd, merangkumi masing-masing 1,000 dan 2 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham, yang merupakan 100% kepentingan ekuiti Syarikat dalam kedua-dua syarikat, untuk imbalan masing-masing bernilai RM1,000 dan RM2 kepada Tekad Mercu Berhad.

53. SENARAI SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU PADA 31 DISEMBER 2010

Syarikat-syarikat bersekutu adalah seperti berikut:

	Kepentingan Hakiki Kumpulan		
Nama Syarikat	2010 %	2009 %	Aktiviti-aktiviti Utama
Syarikat-syarikat bersekutu dipegang melalui Telekom Multi-Media Sdn Bhd			
Mahirnet Sdn Bhd	49	49	Pembangunan, pengurusan dan pemasaran produk pendidikan yang ditawarkan oleh institusi pendidikan tempatan dan luar negara secara elektronik
Mutiara.Com Sdn Bhd	30	30	Penyediaan dan perkhidmatan promosi komunikasi berasaskan Internet

Semua syarikat bersekutu telah diperbadankan di Malaysia.

Semua syarikat bersekutu mempunyai akhir tahun kewangan yang sama dengan Syarikat.

54. MATA WANG

Semua amaun dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

55. KELULUSAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan ini telah diluluskan untuk penerbitan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah pada 25 Februari 2011.

56. MAKLUMAT TAMBAHAN MENURUT KEPERLUAN PENYENARAIAAN BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD

Keuntungan Terealisasi dan Tidak Terealisasi

Pada 25 Mac 2010, Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Malaysia) mengeluarkan arahan kepada semua penerbit tersenarai menurut Perenggan 2.06 dan 2.23 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia. Arahan tersebut memerlukan semua penerbit tersenarai untuk mendedahkan pecahan keuntungan atau kerugian terkumpul belum diasingkan pada akhir tempoh pelaporan, ke dalam keuntungan atau kerugian terealisasi dan tidak terealisasi. Pada 20 Disember 2010, Bursa Malaysia mengeluarkan garis panduan selanjutnya mengenai pendedahan dan format yang diperlukan.

Pecahan keuntungan tertahan Kumpulan dan Syarikat pada tarikh pelaporan, ke dalam keuntungan terealisasi dan tidak terealisasi, menurut arahan tersebut, adalah seperti berikut:

2010	Kumpulan RM	Syarikat RM
Keuntungan tertahan:		
– terealisasi	2,008.9	3,126.4
– tidak terealisasi – berkenaan cukai tertunda diiktiraf dalam Penyata Pendapatan	(1,577.5)	(1,513.4)
– berkenaan butiran lain pendapatan dan belanja	384.1	383.9
Bahagian kerugian terkumpul daripada syarikat-syarikat bersekutu		
– terealisasi	(1.0)	–
	814.5	1,996.9
Tambah: pelarasan penyatuan	1,904.9	–
JUMLAH KEUNTUNGAN TERTAHAN	2,719.4	1,996.9

Penentuan keuntungan terealisasi dan tidak terealisasi adalah berdasarkan Garis Panduan mengenai Perkara Khas No. 1, Penentuan Keuntungan atau Kerugian Terealisasi dan Tidak Terealisasi dalam Konteks Pendedahan Menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad, yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia pada 20 Disember 2010.

penyata pengarah

menurut Seksyen 169(15) Akta Syarikat, 1965

Kami, Datuk Dr Halim Shafie dan Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa, dua ahli Pengarah-pengarah Telekom Malaysia Berhad, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Pengarah-pengarah, penyata kewangan di muka surat 209 hingga 351 telah dibentangkan supaya memberikan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2010 dan keputusan kewangan serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut adalah menurut Piawaian Pelaporan Kewangan, Piawaian Perakaunan yang Diluluskan oleh MASB di Malaysia untuk Entiti-entiti Selain daripada Entiti-entiti Persendirian dan peruntukan-peruntukan dalam Akta Syarikat, 1965.

Maklumat tambahan yang dinyatakan dalam nota 56 pada muka surat 352 telah disediakan menurut Garis Panduan mengenai Perkara Khas No. 1, Penentuan Keuntungan atau Kerugian Terealisasi dan Tidak Terealisasi dalam Konteks Pendedahan Menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad, yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia.

Menurut resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 25 Februari 2011.



DATUK DR HALIM SHAFIE

Pengarah/Pengerusi



DATO' SRI ZAMZAMZAIRANI MOHD ISA

Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

akuan berkanun

menurut Seksyen 169(16) Akta Syarikat, 1965

Saya, Datuk Bazlan Osman, Pengarah yang terutamanya bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Telekom Malaysia Berhad, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa pada sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 209 hingga 351 adalah betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan bersungguh-sungguh mempercayai bahawa ianya benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.


Ditandatangani dan diakui
benar di Kuala Lumpur
pada 25 Februari 2011.

)
)
)



DATUK BAZLAN OSMAN

Di hadapan saya:



*Pesuruhjaya Sumpah
Kuala Lumpur*



LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan Telekom Malaysia Berhad di muka surat 209 hingga 217 yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2010 bagi Kumpulan dan Syarikat, serta penyata pendapatan, penyata pendapatan komprehensif, perubahan ekuiti dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting serta nota-nota penjelasan lain, seperti dibentangkan di muka surat 218 hingga 351.

Tanggungjawab Pengarah-pengarah terhadap Penyata Kewangan

Pengarah-pengarah Syarikat adalah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan ini yang memberikan pandangan yang benar dan saksama menurut Piawaian Perakaunan yang Diluluskan oleh MASB di Malaysia untuk Entiti-entiti Selain daripada Entiti-entiti Persendirian dan Akta Syarikat, 1965, dan bagi kawalan dalaman sedemikian yang ditentukan oleh Pengarah-pengarah sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata penting, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah memberi pendapat mengenai penyata kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian ini menghendaki kami mematuhi keperluan-keperluan beretika serta merancang dan menjalankan audit untuk mendapat jaminan munasabah bahawa penyata kewangan ini adalah bebas daripada salah nyata penting.

Audit melibatkan pelaksanaan prosedur-prosedur untuk mendapatkan bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih adalah berdasarkan pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata penting penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko ini, kami mengambil kira kawalan dalaman yang berkaitan dengan penyediaan penyata kewangan Syarikat yang memberikan pandangan yang benar dan saksama untuk merancang prosedur-prosedur audit yang sesuai dalam keadaan sedemikian, tetapi bukan untuk tujuan memberi suatu pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Syarikat. Audit juga termasuk penilaian kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh Pengarah-pengarah, serta penilaian pembentangan keseluruhan penyata kewangan ini.

Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami peroleh adalah mencukupi dan wajar untuk memberi asas bagi pendapat audit kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah disediakan dengan sewajarnya mengikut peruntukan Piawaian Perakaunan yang Diluluskan oleh MASB di Malaysia untuk Entiti-entiti Selain daripada Entiti-entiti Persendirian dan Akta Syarikat, 1965 bagi memberi pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2010 serta prestasi kewangan dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

LAPORAN MENGENAI KEPERLUAN UNDANG-UNDANG DAN PENGAWALSELIAAN YANG LAIN

Menurut keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan perkara-perkara berikut:

